

inteam
PUBLISHING

زِيَارَةُ أَلْعَالَمِ الْبَرْزَخِيَّةِ

Ziarah
Ke Alam
Barzakh

al-Imam Jalaluddin as-Suyuṭi

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih, lagi Maha Penyayang

Ziarah Ke Alam Barzakh

Terjemahan dari buku berbahasa Arab:
Syarh as-Sudur bi Syarh Hal al-Mawta wa al-Qubur

Karya
al-Imam Jalaluddin as-Suyuti
Muhammad Hasan al-Hamsyi (ed.)

Terbitan
Mu'assasah al-Iman dan Dar ar-Rasyid, Beirut, 1916.

Hakcipta © Inteam Publishing Sdn Bhd

Cetakan Pertama Januari 2012

Muka taip teks: Arno Pro
Saiz taip teks: 12pt

Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Inteam Publishing Sdn. Bhd.

Penerbit berusaha sedaya upaya memastikan buku yang diterbit ini mengandungi maklumat yang tepat dan berautoriti daripada segi subjek yang dibincangkan. Segala isi kandungan, fakta dan ideologi yang dipersembahkan di dalam buku ini adalah merupakan pandangan dan idea pihak penulis sendiri dan penulis bertanggungjawab ke atasnya. Penerbit dan penulis buku ini tidak boleh dianggap memberikan khidmat perundangan, perakaunan atau khidmat profesional yang lain kepada pembaca. Sekiranya nasihat atau bantuan pakar diperlukan, sila dapatkan nasihat dan khidmat profesional daripada pakar yang berkecualan.

ISBN 978-967-0326-16-0

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Suyuti, 1445-1505

Ziarah ke alam barzakh / al-Imam Jalaluddin as-Suyuti.

ISBN 978-967-0326-16-0

I. Eschatology, Islamic. I. Death--Religious aspects--Islam. II. Judul.
297.39

Diterbitkan oleh
Inteam Publishing Sdn. Bhd.
No. 30, Jalan Tanjung SD13/2
Bandar Sri Damansara
52200 Kuala Lumpur.
Tel: +60362736393
Faks: +60362726392
Emel: inteampublishing@gmail.com
Laman Web Rasmi: www.inteam.com.my
Blog: bacadengaramal.blogspot.com

Pengurus
Izham Shah Mat Anuar
(zaminteam@gmail.com)

Mohd Syahril Ab. Khalid
(syahinteam@gmail.com)

Editor Pengurusan
Nordin Jaafar
(nordinjaafar@gmail.com)

Penterjemah
Muhammad Abdul Ghoffar E.M.
(Indonesia)

Penyunting
Mohamad Fizarahman Zainal
Nadrah Mustajab

Rekaletak & Rekakulit
Frizdan

Khat
Firdaus Mahadi

Bacaan Pruf
Ummu Naufal

Diedarkan oleh
Inteam Records Sdn. Bhd.
Tel: +60362736393
Faks: +60362726392
Emel: inteamrecords@gmail.com

Dicetak oleh
Media Digital Printing Sdn. Bhd.
(675747-A)
No. 12, Jalan 34/10A,
Taman Perindustrian IKS, Mukim Batu,
68100 Kuala Lumpur.
Emel: mdp.naem@yahoo.com

Isi Kandungan

Pendahuluan.....	6
Sekilas Tentang Awal Kematian.....	8
Larangan Mengharapkan Kematian ketika Ditimpa Musibah.....	9
Keutamaan Umur Panjang dalam Ketaatan kepada Allah s.wt.....	12
Mengharapkan Kematian kerana Takut Fitnah.....	14
Keutamaan Kematian.....	21
Mengingat Mati dan Mempersiapkan Diri Menghadapi Kematian.....	30
Mengingat Kematian.....	37
Berprasangka Baik dan Takut kepada Allah.....	39
Yang Mengingatkan pada Kematian.....	43
Tanda-tanda Husnul Khatimah.....	44
Sakaratulmaut, Metode Kematian, dan Penderitaannya.....	46
Doa-doa dan Bacaan bagi Orang yang Sedang Menghadapi Sakaratulmaut.....	59
Malaikat Maut dan Para Pembantunya.....	66
Tibanya Ajal di Setiap Tahun.....	85
Pelbagai Kisah Tentang Orang Mati.....	87
Pertemuan Para Arwah dan Dialog di Antara Mereka.....	142
Mayat Mengenal Orang-orang di Sekelilingnya.....	148
Ucapan Para Malaikat Pengiring Jenazah.....	153
Langit Dan Bumi Menangisi Kematian Seorang Mukmin.....	154
Kembalinya Seorang Hamba ke Tempat Asalnya.....	158
Ucapan-ucapan Ketika Menguburkan Jenazah.....	164
Himpitan Kubur bagi Setiap Orang.....	169
Ucapan Kubur kepada Mayat.....	177

Fitnah Kubur dan Pertanyaan Dua Malaikat	184
Orang-orang yang Tidak Ditanya di Dalam Kubur	230
Kemudahan dan Keluasan Kubur bagi Orang mukmin	238
Azab Kubur.....	249
Hal-hal yang Dapat Menghindarkan Azab Kubur	272
Keadaan Mayat dalam Kubur	279
Ziarah Kubur	294
Persemayaman Para Arwah.....	317
Penampakan Syurga dan Neraka kepada Mayat Setiap Hari.....	360
Penampakan Amal Orang Hidup kepada Orang Mati	363
Pelbagai Hal yang Menghalangi Roh Menempati Tempatnya yang Mulia	367
Wasiat	369
Pertemuan Arwah Orang Mati dan Arwah Orang Hidup dalam Tidur	371
Berita dari Orang yang Bermimpi Bertemu dengan Orang yang Sudah Mati ...	381
Penderitaan Orang Mati kerana Celaan Orang Hidup	410
Penderitaan Mayat Akibat Ratapan Orang atas Dirinya.....	412
Penderitaan Orang Mati oleh Segala Hal yang Menyakitkan	416
Dua Malaikat Penjaga Kubur Orang mukmin	418
Hal-hal yang Bermanfaat bagi Mayat di Dalam Kuburnya.....	419
Membaca al-Quran untuk Orang Mati	430
Saat Meninggal yang Paling Baik.....	435
Amal-amal yang Mempercepat Pelakunya Masuk Syurga	437
Kehancuran Jasad Manusia Selain Jasad Para Nabi	438
Beberapa Hal yang Berkaitan dengan Arwah	441



Segala puji bagi Allah s.w.t. yang dengan kehendak-Nya telah mengingatkan orang-orang dari kelalaian, mengangkat orang-orang yang rindu bertemu dengan-Nya ke darjat yang tinggi, serta meringankan beban dan dosa-dosa yang ada di bahunya. Aku bersaksi dengan kesaksian yang benar-benar tulus, bahawa tiada Tuhan selain Allah s.w.t. yang tiada sekutu bagi-Nya; bahawa Muhammad s.a.w. adalah hamba sekaligus Rasul-Nya yang diutus untuk membawa agama yang paling agung dan diistimewakan dengan urusan yang paling mulia. Semoga Allah s.w.t. melimpahkan selawat dan salam kepadanya, serta kepada keluarga dan para sahabatnya yang paling agung dan mulia.

Yang ada di hadapan anda ini adalah sebuah buku yang berbicara tentang alam barzakh yang sangat didambakan jiwa umat manusia. Di dalamnya, penulis menghuraikan masalah kematian; keutamaan dan metodenya; sifat malaikat maut dan bala tenteranya; perkara yang dapat memalingkan manusia menjelang sakaratulmaut; keadaan roh setelah meninggalkan jasad lalu naik ke hadrat Allah s.w.t., berkumpul bersama roh-roh yang lain dan akhirnya bersemayam; serta keadaan di alam kubur, fitnah, seksaan dan ruang yang sangat sempit. Semua itu disajikan melalui pembahasan yang dimulai dari gambaran tentang keadaan rasa sakitnya sakaratulmaut sehingga saat ditiup sangkakala dengan didasarkan kepada hadis-hadis *marfu'*, *mawquf* dan *maqtu'* yang diperoleh daripada beberapa buku hadis; juga disandarkan kepada pendapat para ahli hadis yang disertai dengan beberapa tambahan.

Buku ini berjudul *Syarh aṣ-Ṣudur bi Syarh al-Hal al-Mawta wa al-Qubur*. Seandainya ada kesempatan, mudah-mudahan pada hari-hari mendatang, penulis dapat melengkapinya dengan buku tentang tanda-tanda kiamat; buku

tentang keadaan Hari Kebangkitan, serta sifat syurga dan neraka - tentu dengan pembahasan yang komprehensif. Semoga dengan anugerah dan kemurahan Allah s.w.t., penulis dapat mewujudkannya. Amin.



Sekilas Tentang Awal Kematian

Ibn Abi Syaibah dalam *al-Muṣannaf* dan Imam Ahmad dalam *al-Zuhd* meriwayatkan kisah sebagai berikut:

'Affan berkata kepada kami, bahwa Hammad ibn Salmah bercerita berdasarkan riwayat dari Habib ibn asy-Syahid, yang diterimanya dari al-Hasan. Dia mengatakan bahwa ketika Allah s.w.t. menciptakan Adam dan anak cucunya, malaikat berkata, "Sesungguhnya bumi ini tidak cukup luas bagi mereka."

Lalu Allah menjawab, "Aku akan membuat kematian."

"Jika begitu, maka tidak ada ketenangan hidup bagi mereka", lanjut para malaikat itu.

Allah pun berfirman, "Sesungguhnya Aku akan memberi mereka harapan."

Dalam buku *al-Hilyah*, Abu Nu'aim berdasarkan riwayat dari Mujahid, mengatakan, "Ketika Adam a.s. diturunkan ke bumi, Tuhannya berkata kepadanya, 'Bangunlah bumi untuk sebuah kebinasaan dan lahirkan anak-anakmu untuk sebuah kefanaan.¹'"

1 Maksudnya, kefanaan pasti akan menjadi bahagian yang tidak terpisahkan dari anak-anak Adam, kendati mereka menghendaki usia yang panjang.



Larangan Mengharapkan Kematian ketika Ditimpa Musibah

Asy-Syaikh (al-Bukhari dan Muslim) meriwayatkan hadis dari Anas r.a. bahwa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Salah seorang di antara kalian tidak layak mengharapkan kematian kerana musibah yang menimpanya. Seandainya terpaksa mengharapkan kematian, hendaklah dia mengatakan, ‘Ya Allah, biarkanlah aku tetap hidup jika hidup itu lebih baik bagiku, tetapi matikanlah aku jika kematian itu lebih baik bagiku.’”

(Hadis riwayat Syaikh)

Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Tidak boleh salah seorang di antara kalian mengharapkan kematian, tidak juga berdoa agar segera mati sebelum kematian itu menjemputnya. Ketahuilah, sesungguhnya apabila salah seorang di antara kalian meninggal, terputuslah amalnya. Sesungguhnya seorang mukmin tidak bertambah umurnya kecuali hal itu akan menjadi baik baginya.

(Hadis riwayat Muslim)

Masih dari Abu Hurairah r.a., beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Tidak boleh salah seorang di antara kalian mengharapkan kematian. Sebab jika dia seorang yang baik, dia mungkin akan bertambah baik. Jika dia seorang yang jahat, mungkin dia akan meninggalkan kejahatan itu.”

(Hadis riwayat al-Bukhari dan an-Nasa'i)

Sedangkan Imam Ahmad, al-Bazzar, Abu Ya'la, al-Hakim dan al-Baihaqi meriwayatkan hadis dari Jabir ibn 'Abdillah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Janganlah kalian mengharapkan kematian kerana sesungguhnya tempat pengawasan adalah lebih menakutkan. Sesungguhnya di antara kebahagiaan bagi seseorang adalah panjangnya usia sehingga Allah memberikan kepadanya kesempatan untuk bertaubat."

Al-Muttala' adalah suatu tempat yang tinggi untuk melakukan pengawasan. Maksud dari kalimah tersebut adalah diawasinya semua urusan akhirat setelah kematian, yang diserupakan dengan tempat tinggi yang digunakan untuk melakukan pengawasan.

Anas r.a. berkata, "Kalaulah Rasulullah s.a.w. tidak melarang kami mengharapkan kematian, pasti kami akan mengharapkannya."

(Hadis riwayat Syaikhhan)

Qais ibn Abi Hazim berkata, "Kami pernah datang mengunjungi Khubab yang saat itu hendak membakar diri dengan tujuh kali bakaran. Dia lalu berkata, 'Seandainya Nabi s.a.w. tidak melarang kita berdoa untuk memohon kematian, nescaya aku akan melakukannya.'"

Al-Qasim, pelayan Mu'awiyah meriwayatkan bahawa Sa'ad ibn Abi Waqas pernah berdoa mengharapkan kematian. Rasulullah s.a.w. mendengarnya, lalu bersabda, "Janganlah engkau mengharapkan kematian, sebab seandainya engkau termasuk penghuni syurga, terus hidup adalah lebih baik bagimu; sementara jika engkau termasuk di kalangan penghuni neraka, lalu apa yang mendorongmu ingin segera ke sana?"

(Hadis riwayat al-Mawarzi)

Ibn 'Abbas berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Tidak dibolehkan salah seorang di antara kalian mengharapkan kematian, sebab sesungguhnya dia tidak mengetahui pemberian apa yang telah ditentukan bagi dirinya."

Ummu al-Fadhl meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah mendatanginya ketika pakcik beliau, 'Abbas sedang dalam keadaan mengeluh sakit dan mengharapkan kematian. Beliau lantas berkata kepada, "Pakcik, janganlah mengharapkan kematian. Sekiranya Pakcik memang orang yang baik, sementara kematian masih lama dan kebaikan Pakcik semakin bertambah, hal itu adalah lebih

baik bagi Pakcik. Sebaliknya sekiranya Pakcik termasuk di kalangan orang yang jahat sementara masa kematian masih lama dan Pakcik meninggalkan kejahatan tersebut, hal itu pun adalah lebih baik bagi Pakcik. Oleh kerana itu, janganlah Pakcik mengharapkan kematian.

(Hadis riwayat Imam Ahmad, Abu Ya'la, Imam at-Tabrani dan al-Hakim)

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Tidak dibolehkan salah seorang di antara kalian mengharapkan kematian sebelum kematian itu menjemputnya, tidak juga berdoa untuknya, kecuali jika dia telah benar-benar yakin akan amal perbuatannya.”

(Hadis riwayat Ahmad)



Keutamaan Umur Panjang dalam Ketaatan kepada Allah s.w.t.

Abu Bakrah meriwayatkan bahawa seseorang berkata, “Ya Rasulallah, siapakah orang yang paling baik?”

Rasulullah menjawab, “Orang yang panjang umur dan baik amalnya.”

Lelaki itu bertanya lagi, “Lantas, siapakah orang yang paling buruk?”

Rasulullah menjawab, “Orang yang panjang umurnya dan buruk amalnya.”

(Hadis riwayat Ahmad dan at-Tirmidzi yang disahihkan oleh al-Hakim)

Jabir meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Orang yang paling baik di antara kalian adalah orang yang paling panjang umurnya dan paling baik amalnya.”

(Hadis riwayat al-Hakim)

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Orang yang paling baik di antara kalian adalah orang yang paling panjang umurnya dan paling baik amalnya.”

(Hadis riwayat Ahmad)

‘Ubadah ibn Şamit meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. bertutur, “Mahukah kalian aku beritahu mengenai orang yang paling baik di antara kalian?”

“Tentu, ya Rasulallah”, jawab mereka.

Lalu baginda bersabda, “Iaitu orang yang tetap dalam Islam dan paling panjang umurnya di antara kalian. Jika mereka benar-benar lurus.”

(Hadis riwayat at-Tabrani)

‘Auf ibn Malik berkata, “Aku pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, ‘Setiap kali umur seorang Muslim itu panjang, pasti hal itu baik baginya.’”

Abu Hurairah berkisah bahawa ada dua orang lelaki yang menyatakan masuk Islam di hadapan Rasulullah s.a.w. Lalu salah seorang daripada keduanya mengucapkan kesaksian, sementara yang lain menundanya selama satu tahun. Talhah ibn ‘Ubaidillah mengatakan, “Aku bermimpi melihat syurga dan aku menyaksikan orang yang menunda kesaksian itu dimasukkan ke dalam syurga sebelum mengucapkan kesaksian. Aku pun hairan melihatnya, lalu esoknya aku mengemukakan hal itu kepada Nabi s.a.w.”

Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda, “Bukankah setelah itu dia berpuasa di bulan Ramadan, lalu mengerjakan solat enam ribu rakaat dan dengan demikian, dia solat dalam satu tahun?”

(Hadis riwayat Ahmad dan Ibn Zanjawiyah)

Talhah berkata bahawa Nabi Muhammad s.a.w. bersabda, “Tidak ada seorang pun yang lebih baik kedudukannya di sisi Allah daripada seorang mukmin yang dipanjangkan umurnya di dalam Islam dengan banyak memuji-Nya, mengagungkan-Nya dan mentauhidkan-Nya.”

(Hadis riwayat Ahmad dan al-Bazzar)

Sa’id ibn Jubair berkata, “Sesungguhnya kehidupan harian seorang Muslim adalah keberuntungan kerana ketaatannya mengerjakan semua kewajipan dan solat lima waktunya, serta kerana kesempatan yang diberikan kepadanya untuk selalu mengingati Allah.”

(Hadis riwayat Abu Nu’aim)

Ibrahim ibn Abi ‘Abdah berkata, “Telah sampai kepadaku khabar bahawa jika seorang mukmin telah meninggal, dia berharap dapat kembali ke dunia; tidak lain kerana hendak mengucapkan satu kali takbir, tahlil atau tasbih.”

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya)



Mengharapkan Kematian kerana Takut Fitnah

Abu Hurairah r.a. berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Tidaklah Hari Kiamat itu terjadi hingga ada seseorang yang melintasi kawasan perkuburan saudaranya lalu mengucapkan, ‘Andai sahaja aku yang menempati tempatnya ini.’”

(Hadis riwayat Imam Malik)

Thauban berkata bahawa Nabi Muhammad s.a.w. bersabda, “Ya Allah, aku memohon kepada-Mu agar dapat mengerjakan pelbagai kebaikan, meninggalkan kemungkaran dan mencintai orang-orang miskin. Seandainya Engkau menghendaki fitnah bagi manusia, kembalikanlah aku kepada-Mu tanpa terkena fitnah.”

(Hadis riwayat Imam Malik dan al-Bazzar)

‘Umar r.a. berkata, “Ya Allah, kekuatanku telah berkurang, usiaku pun telah semakin tua, sementara rakyatku telah berkembang. Oleh kerana itu, kembalikanlah aku kepada-Mu tanpa disia-siakan dan dihinakan.” Belum sampai hujung bulan, beliau telah meninggal.

(Hadis riwayat Imam Malik)

‘Ulaim al-Kindi berkata, “Aku pernah bersama Ubai ‘Abbas al-Ghifari berada di tempat yang tinggi, lalu dia melihat suatu kaum berlari menghindari penyakit taun. Dia lantas berkata, “Wahai penyakit taun, jemputlah aku bersamamu.”

Hal itu dikatakannya sebanyak tiga kali. Kemudian, ‘Ulaim bertanya kepadanya, “Mengapa engkau berkata seperti itu? Bukankah Rasulullah s.a.w. telah bersabda,

“Tidak sepatutnya salah seorang di antara kalian mengharapkan kematian, kerana pada saat (kematian) itu, terputuslah semua amalnya. Akan tetapi, jangan pula kalian lari atau menolaknya, apatah lagi sampai mencelanya?”

Lebih lanjut, ‘Ulaim menceritakan bahawa Abu ‘Abbas berkata, “Tidakkah engkau mendengar Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, ‘Bersegeralah kalian pada kematian kerana enam perkara: kerana kekuasaan dipegang oleh orang-orang bodoh; kerana banyaknya sekatan; kerana diperdagangkannya hukum; kerana diremehkannya darah (pembunuhan); kerana diputuskannya silaturrahim; serta al-Quran dijadikan sebagai seruling oleh sekelompok manusia iaitu mereka menampilkan seseorang untuk menyanyikan al-Quran bagi mereka, padahal dia adalah seorang yang paling sedikit pemahamannya terhadap al-Quran.

(Hadis riwayat Ibn ‘Abd al-Birr dalam *at-Tamhid*; al-Marwazi dalam *al-Jana’iz*; Imam Ahmad dalam *Musnadnya*; dan Imam at-Tabrani dalam *al-Kabir*)

Al-Hasan meriwayatkan bahawa al-Hakam ibn ‘Amr berkata, “Wahai penyakit taun, jemputlah aku bersamamu.”

Kemudian ditanyakan kepadanya, “Mengapa engkau berkata demikian, padahal engkau telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, ‘Tidak sepatutnya salah seorang di antara kalian mengharapkan kematian?’”

“Aku pernah mendengar apa yang telah engkau dengar itu, tetapi aku ingin segera mati kerana enam hal: diperdagangkannya hukum; banyaknya sekatan; pemerintahan yang dipegang anak-anak; pertumpahan darah; diputuskannya silaturrahim; serta adanya golongan yang pada akhir zaman mendorong para pembaca al-Quran (*qurra’*) untuk menjadikan al-Quran sebagai seruling.”

(Hadis riwayat al-Hakim)

Habib ibn Abi Fadhalah berkata bahawa Abu Hurairah pernah menyebutkan kematian seakan-akan dia mengharapkannya. Sebahagian sahabat lantas bertanya, “Mengapa engkau mengharapkan kematian, padahal Rasulullah s.a.w. telah bersabda, ‘Tidak dibolehkan seorang pun mengharapkan kematian, baik dia orang baik mahupun orang jahat. Jika dia orang baik, dia mungkin akan bertambah kebajikannya; jika dia orang jahat, dia mungkin akan meninggalkannya.’”

Abu Hurairah menjawab, “Bagaimana aku tidak mengharapkan kematian, sementara aku takut melihat enam perkara: diremehkannya dosa,

diperdagangkannya hukum, diputuskannya silaturrahim, banyaknya sekatan dan adanya golongan yang menjadikan al-Quran sebagai seruling?”

(Ibn Sa'ad dalam *at-Tabaqat*)

‘Amr ibn ‘Anbasah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Tidak patut salah seorang di antara kalian mengharapkan kematian, kecuali jika dia benar-benar yakin akan amalnya. Jika kalian mengetahui enam perkara dalam Islam, bolehlah kalian berharap akan kematian. Keenam-enam perkara itu adalah: pertumpahan darah, pemerintahan yang dipegang oleh anak-anak, banyaknya sekatan, pemerintahan yang dipegang oleh orang-orang yang bodoh, diperdagangkannya hukum dan golongan yang menjadikan al-Quran sebagai seruling.”

(Hadis riwayat at-Tabrani)

Ibn Mas‘ud berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Dajjal tidak keluar sehingga tidak ada sesuatu yang lebih dicintai oleh seorang mukmin selain kematian.”

(Hadis riwayat Abu Nu‘aim)

Sufyan berkata, “Akan datang kepada manusia suatu zaman, di mana kematian lebih disukai oleh para pembaca al-Quran yang hidup pada zaman itu berbanding emas merah.”

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya)

Abu Hurairah berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Kematian itu hampir sahaja lebih disukai oleh seorang mukmin berbanding air sejuk yang dicampur madu kemudian diminum.”

Abu Dzar berkata, “Akan datang kepada manusia suatu zaman, yang jika ada jenazah lewat di hadapan mereka, seseorang berucap, ‘Seandainya aku yang menempati tempatnya itu.’”

Abu Salmah ibn ‘Abdir Rahman menuturkan, “Abu Hurairah pernah sakit. Aku datang menjenguk, lalu mendoakannya, ‘Ya Allah, sembuhkanlah Abu Hurairah.’”

Abu Hurairah berkata, “Hendaklah engkau jangan mengulangi doa itu.”

Kemudian Abu Hurairah berkata lagi, “Abu Salmah, akan datang suatu zaman kepada manusia, apabila kematian lebih disukai oleh salah seorang di antara

mereka berbanding emas merah. Abu Salmah, seandainya engkau tetap hidup dalam waktu terdekat ini, nescaya akan ada seseorang yang mendatangi kubur seraya berucap, 'Seandainya aku menempati tempatmu ini.'

(Hadis riwayat Ibn Sa'ad)

Dalam *al-Jana'iz* al-Marwazi berkata bahawa Marrah al-Hamdani berkata, "Abdullah pernah mengharapkan kematian bagi diri dan keluarganya."

Dia lalu ditanya, "Engkau telah mengharapkan kematian bagi keluarga engkau. Mengapa tidak untuk diri engkau sahaja?"

"Seandainya aku tahu bahawa engkau menerima keadaan diri engkau seperti ini, nescaya aku akan berharap untuk dapat hidup bersama engkau selama dua puluh tahun", jawab Abdullah.

Ubai 'Usman berkata, "Suatu hari, Ibn Mas'ud berada di suatu tempat berteduh miliknya. Dia memiliki dua orang anak perempuan yang keduanya memiliki kedudukan dan kecantikan. Dari keduanya, dia mempunyai anak yang baik. Tiba-tiba, ada seekor burung berkicauan di atas kepalanya, lalu perutnya dihinggapi rasa sakit. Lantas dia pun menekan-nekan perutnya dengan tangannya seraya berkata, 'Kematian bagi keluarga 'Abdullah.'² Lalu berkata lagi 'Abdullah ibn Mas'ud, 'Kematian keluargaku adalah lebih aku sukai daripada kematian burung ini.'"

Qais berkisah, "Abdullah memiliki beberapa orang anak. Mereka begitu erat memeluknya. 'Abdullah lalu berkata, 'Tahukah kalian mereka ini? Mereka ini bagiku adalah lebih baik mendapat kematian daripada jumlah mereka yang banyak ini.'"

Al-Hasan berkata, "Sesungguhnya di negeri Mesir ini terdapat seorang ahli ibadah. Orang tersebut keluar dari masjid. Ketika dia meletakkan kakinya di atas kenderaan, datanglah kepadanya malaikat maut. Dia lantas berkata kepada malaikat itu, 'Selamat datang, aku benar-benar telah merindukan engkau.' Akhirnya, malaikat itu pun mencabut nyawanya."

Abu Nu'aim berkata, "Demi Allah, seandainya kematian itu berada di tempat yang telah ditentukan, nescaya aku merupakan orang yang paling awal sampai ke tempat itu."

2 Maksudnya adalah diri dan keluarganya.

'Abd Rabbihi ibn Şalih menceritakan bahawa dia pernah mendatangi rumah Makhul ketika sakit tenat. 'Abd Rabbihi lalu mendoakannya, "Semoga Allah menyembuhkan engkau."

Makhul menjawab, "Tidak, sesungguhnya tinggal bersama Zat yang diharapkan penyembuhannya itu (Allah) adalah lebih baik daripada tetap tinggal bersama hal-hal yang tidak dapat dijamin keamanannya, iaitu syaitan dari golongan manusia serta iblis dan bala tenteranya."

Dalam bukunya, Ibn 'Asakir meriwayatkan kisah dari Abu Maşar. Dia berkata, "Aku pernah mendengar seseorang berkata kepada Sa'id ibn 'Abdil 'Aziz at-Tanukhi, "Semoga Allah memanjangkan usia engkau."

Sa'id pun marah seraya berkata, "Tidak, semoga Allah mempercepatkan diriku bertemu dengan-Nya."

Abu Nu'aim menceritakan bahawa 'Ubaidah ibn al-Muhajir berkata, "Seandainya dikatakan, 'Sesiapa yang menyentuh tongkat ini, dia bakal mati', nescaya aku akan berusaha menyentuhnya."

Abu 'Abdillah aş-Şanabahi menuturkan, "Dunia ini mengajak kepada fitnah, syaitan mengajak pada kesalahan, sementara pertemuan dengan Allah adalah lebih baik daripada tetap hidup bersama keduanya."

Ibn Abi ad-Dunya menceritakan bahawa 'Amr ibn Maymun tidak pernah mengharap kematian. Dia menuturkan, "Aku mengerjakan solat ini dan itu setiap hari."

Kemudian datanglah Yazid ibn Muslim kepadanya. Meskipun Yazid sempat menyusahkannya, tetapi akhirnya dia mahu menerimanya seraya berdoa, "Ya Allah, pertemukanlah aku dengan orang-orang yang baik dan jangan Engkau mempertemukan aku dengan orang-orang yang jahat."

Ummu ad-Darda' menceritakan bahawa jika ada orang yang meninggal dalam keadaan yang baik, Abu ad-Darda' berkata, "Semoga ketenangan selalu menyertai engkau. Seandainya aku yang menempati tempatmu itu."

Ummu ad-Darda' kemudian meraguinya. Abu ad-Darda' lalu bertanya, "Kenapa berkata begitu? Apakah engkau tidak tahu bahawa seseorang itu boleh sahaja menjadi mukmin di pagi hari dan di petangnya menjadi munafik, lalu

imannya dirampas sedangkan dia tidak menyedarinya? Namun kerana mayat ini, aku sendiri lebih mengharapkan tetap hidup dalam keadaan solat dan berpuasa.”

Ibn Abi Syaibah dalam *al-Muṣannaf* dan Ibn Abi ad-Dunya meriwayatkan bahawa Abu Juhaifah berkata, “Tidak ada satu nyawa pun yang dapat menebusku dari kematian, tidak juga nyawa lalat.”

Ibn Abi ad-Dunya, al-Khatib dan Ibn ‘Asakir menceritakan bahawa Abu Bakrah aṣ-Ṣahabi r.a. mengatakan, “Demi Allah, tidak ada nyawa yang keluar, yang lebih aku sukai daripada nyawaku ini. Tidak juga nyawa lalat yang sedang terbang ini.”

Orang-orang pun hairan kerananya dan bertanya, “Mengapa?”

“Aku takut menjumpai suatu zaman, yang pada masa itu aku tidak mampu untuk menegakkan *amar makruf* dan *nahi mungkar*. Lalu, apa yang terbaik pada hari itu?” jawabnya.

Abu Hurairah r.a. berkata bahawa ada seseorang berjalan melintasi dirinya, lalu dia pun bertanya, “Engkau hendak ke mana?”

“Ke pasar.” jawabnya.

Lebih lanjut, Abu Hurairah mengatakan, “Seandainya engkau dapat membelikan aku kematian sebelum pulang, belikanlah.”

(Dikisahkan oleh Ibn Abi Syaibah dalam *al-Muṣannaf*, Ibn Sa‘ad dan Imam Bayhaqi dalam *Syuaib al-Iman*)

Al-‘Irbadh ibn Sariyah, salah seorang sahabat Nabi s.a.w. yang sudah tua, menghendaki nyawanya dicabut. Dia berdoa, “Ya Allah, usiaku sudah semakin tua; tulangku pun semakin lemah. Oleh kerana itu, pertemukanlah segera aku dengan-Mu.”

Katanya lagi, suatu hari aku sedang berada di Masjid Damsyik. Aku mengerjakan solat dan berdoa agar nyawaku segera dicabut. Tiba-tiba, bersamaku ada seorang pemuda yang sangat tampan mengenakan pakaian berwarna hijau seraya berucap, “Doa apa yang engkau panjatkan itu?”

Aku menjawab, “Bagaimana seharusnya aku berdoa, nak?”


Lalu pemuda itu berdoa, “Ya Allah, perbaikilah amal ini dan tundalah waktu kematian.”

“Siapakah engkau ini, nak? Semoga Allah memberikan rahmat kepadamu.” tanyaku.

Pemuda itu menjawab, “Aku ini *Ratabil*, pencabut kesedihan dari diri orang-orang yang beriman.”

Aku lalu berpaling, namun aku tidak melihat sesiapa pun bersamaku.”

(Dikisahkan oleh Ibn Abi Dunya, at-Tabrani dalam *al-Kabir* dan Ibn 'Asakir, melalui 'Urwah ibn Ruwaim)



Para ulama berpendapat, “Kematian itu bukan berarti berakhir segalanya, bukan juga kefanaan. Akan tetapi, kematian itu hanyalah keterputusan dan keterpisahan roh dari badan, pergantian keadaan dan perpindahan dari satu tempat ke tempat yang lain.”

Bilal ibn Sa’ad dalam sebuah nasihatnya berkata, “Wahai sekalian manusia yang masih hidup, sesungguhnya engkau semua tidak diciptakan untuk sebuah kefanaan, melainkan untuk keabadian. Engkau semua akan berpindah dari satu kampung ke kampung yang lain.”

(Dikisahkan oleh Abu Syaikh dalam tafsirnya, juga oleh Abu Nu’aim)

Umar ibn ‘Abdul ‘Aziz berkata, “Sesungguhnya kalian diciptakan untuk keabadian; kalian akan berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain (melalui kematian).”

(Diriwayatkan oleh at-Ṭabrani dalam *al-Kabir* dan al-Hakim dalam *al-Mustadrak*)

Abdullah ibn ‘Amr menuturkan bahwa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Sesuatu yang berharga dari seorang mukmin adalah kematian.”

(Hadis riwayat al-Hakim dalam *al-Mustadrak*, at-Ṭabrani dalam *al-Kabir*, Ibn al-Mubarak dalam *al-Zuhd* dan al-Baihaqi dalam *Syua’b al-Iman*)

Jabir dan al-Husain ibn ‘Ali menuturkan bahwa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Kematian adalah tumbuhan wangi bagi seorang mukmin.”

(Hadis riwayat ad-Dailami dalam *Musnad al-Firdaus*)

‘Aisyah r.a. menuturkan bahwa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Kematian merupakan harta rampasan (perang); kematian merupakan musibah; kemiskinan merupakan masa lengang; kekayaan merupakan seksaan; sedangkan akal

merupakan cahaya dari Allah. Kebodohan merupakan kesesatan; kezaliman merupakan penyesalan; ketaatan merupakan sesuatu yang elok dimata; tangisan kerana takut kepada Allah merupakan keselamatan dari neraka; tertawa merupakan kebinasaan fizikal; dan orang yang bertaubat dari dosa adalah seperti orang yang tidak mempunyai dosa.”

(Hadis riwayat al-Baihaqi dalam *Syū'ab al-Iman*, namun dia mendhaifkannya; juga ad-Dailami)

Mahmud ibn Labid menuturkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda, “Ada dua hal yang dibenci oleh anak cucu Adam: kematian - padahal kematian adalah lebih baik baginya daripada fitnah - dan sedikitnya harta - padahal sedikit harta akan lebih ringan hisabnya (pada Hari Kiamat kelak).”

(Hadis riwayat Imam Ahmad dan Sa'id ibn Mansur dengan sanad *sahih*)

Zar'ah ibn 'Abdillah meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda, “Manusia itu lebih mencintai kehidupan, padahal kematian itu lebih baik baginya. Manusia juga lebih mencintai harta yang banyak, padahal sedikit harta itu lebih sedikit hisabnya bagi dirinya.”

(Hadis riwayat Imam al-Baihaqi dalam *Syū'ab al-Iman*. Hadis ini *mursal*)

Abu Qatadah menuturkan bahawa pernah ada satu jenazah yang dihantar ke kubur dengan melintasi Nabi s.a.w. Lalu Nabi s.a.w. bersabda, “*Mustarih wa mustarah minhu* (yang beristirehat dan yang diistirehatkan).”

Para sahabat bertanya, “Apa *mustarih* dan *mustarah minhu* itu?”

Beliau menjawab, “Orang mukmin beristirehat dari hal-hal yang meletihkan dan menyakitkan yang ada di dunia menuju rahmat Allah. Sedangkan orang jahat menjadikan negara, pepohonan dan juga binatang beristirehat darinya.”

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Ibn Abi Syaibah menuturkan bahawa Yazid ibn Abi Ziyad berkata, “Ada beberapa orang yang menghantar jenazah dengan melintasi Abu Juhaifah. Lantas dia pun berkata, ‘Yang beristirehat dan yang direhatkan.’”

'Abdullah ibn 'Amr ibn 'Aş menuturkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda, “Dunia merupakan penjara sekaligus kemarau bagi orang mukmin. Apabila dia berpisah dari dunia, berpisah pula dia dari penjara dan kemarau.”

(Hadis riwayat Ibn al-Mubarak dan at-Tabrani)

Ibn al-Mubarak menuturkan bahawa 'Abdullah ibn 'Amr berkata, "Sesungguhnya dunia ini adalah syurga bagi orang kafir dan penjara bagi orang mukmin. Perumpamaan seorang mukmin ketika dicabut nyawanya adalah seperti seseorang yang berada di dalam penjara lalu dikeluarkan, lalu dia berlari dan menyebar di bumi."

Ibn Abi Syaibah dalam *al-Muṣannaf* menuturkan bahawa 'Abdullah ibn 'Amr mengatakan, "Dunia ini merupakan penjara bagi orang mukmin dan syurga bagi orang kafir. Oleh kerana itu, jika seorang mukmin meninggal dunia, dia akan menuju jalannya dan berlari di dalam syurga sesuka hatinya."

Ibn 'Umar menuturkan bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda kepada Abu Dzar, "Abu Dzar, dunia ini adalah penjara bagi orang mukmin, kubur adalah tempat yang aman baginya dan syurga adalah tempat kembalinya. Abu Dzar, dunia ini adalah syurga bagi orang kafir, kubur adalah tempat seksaan baginya dan neraka adalah tempat kembalinya."

(Hadis riwayat Abu Nu'aim)

'Ubadah ibn aṣ-Ṣamit menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Tidak ada satu nyawa pun di atas muka bumi ini yang mati - sementara di sisi Allah dia mempunyai kebaikan, menginginkan kembali menemui kalian (di dunia) dan memiliki kenikmatan dunia dan seisinya - kecuali orang yang mati syahid. Dia ingin kembali ke dunia dan terbunuh untuk kedua kalinya kerana dia telah mengetahui pahala yang diberikan Allah kepadanya."

(Hadis riwayat an-Nasa'i, aṭ-Ṭabrani dan Ibn Abi ad-Dunya)

Ibn Abi Syaibah dalam *al-Muṣannaf*, al-Marwazi dalam *al-Jana'iz* dan aṭ-Ṭabrani menuturkan bahawa Ibn Mas'ud pernah berkata, "Kejernihan dunia telah pergi dan tidak ada yang tersisa kecuali kekeruhan. Oleh kerana itu, kematian merupakan sesuatu yang berharga bagi seorang Muslim."

Ibn Mas'ud juga pernah mengatakan, "Alangkah baiknya hal-hal yang tidak disukai ini iaitu: kemiskinan dan kematian."

(Dituturkan oleh al-Marwazi, Ibn Abi ad-Dunya dan al-Baihaqi)

Ibn Abi Syaibah dan al-Marwazi menuturkan bahawa Ṭawus pernah berkata, "Agama seseorang tidak akan melindunginya kecuali lubang kuburnya."

Ibn al-Mubarak dalam *al-Zuhd*, Ibn Syaibah dan al-Marwazi menuturkan

bahawa ar-Rabi' ibn Khuthaim pernah berkata, "Tidak ada suatu hal ghaib pun yang lebih baik untuk ditunggu oleh seorang mukmin selain kematian."

Ibn Abi ad-Dunya menuturkan bahawa Malik ibn Maghul pernah bercerita, "Pernah sampai kepadaku khabar yang menyatakan bahawa kebahagiaan pertama yang masuk ke dalam diri seorang mukmin adalah kematian, kerana (dalam kematian itu) dia melihat adanya kemuliaan dan pahala dari Allah."

Ahmad dalam *al-Zuhd* dan Ibn Abi ad-Dunya menuturkan bahawa Ibn Mas'ud pernah mengatakan, "Tidaklah seorang mukmin memiliki waktu istirahat selain pada saat pertemuannya dengan Allah."

Sa'ad ibn Mansur dan Ibn Jarir menuturkan bahawa Abu ad-Darda' pernah mengatakan, "Tidak ada apa pun bagi seorang mukmin kecuali kematian itu lebih baik bagi dirinya; tidak ada apa pun bagi seorang kafir kecuali kematian itu lebih buruk bagi dirinya. Oleh kerana itu, siapa sahaja yang tidak mempercayai aku, sesungguhnya Allah telah berfirman:

وَمَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ لِلْأَبْرَارِ ﴿١٩٨﴾

Apa yang berada di sisi Allah itu adalah lebih baik bagi orang-orang yang berbakti.

(Surah Ali 'Imran: 198)

وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّمَا نُمِلُّ لَهُمْ خَيْرٌ لِّأَنفُسِهِمْ ۗ

Janganlah sesekali orang-orang kafir menyangka bahawa pemberian tangguh Kami kepada mereka adalah lebih baik bagi mereka.

(Surah Ali 'Imran: 178)

Hibban ibn Abi Jablah menuturkan bahawa Abu ad-Darda' pernah mengatakan, "Kalian ini lahir untuk sebuah kematian, membangun untuk sebuah kerosakan, melindungi hal-hal yang fana dan meninggalkan hal-hal yang abadi. Ketahuilah baik-baik, ada tiga hal yang dibenci orang: kematian, sakit dan kemiskinan."

(Dituturkan oleh Ibn al-Mubarak dan Ahmad dalam *al-Zuhd*)

Dalam *al-Zuhd* Imam Ahmad juga mengisahkan bahawa Ibn Mas'ud pernah berkata, "Ketahuilah, alangkah baiknya hal-hal yang dibenci ini: kematian, sakit dan kemiskinan."

Ibn Abi ad-Dunya mengatakan bahawa Ja'far al-Ahmar berkata, "Barangsiapa yang tidak memiliki kebaikan dalam kematian, bererti dia tidak memiliki kebaikan pula dalam kehidupan ini."

Ibn Sa'ad dalam *at-Ṭabaqat* dan Imam al-Baihaqi dalam *asy-Syu'ab* menuturkan bahawa Abu ad-Darda' berkata, "Aku mencintai kemiskinan sebagai wujud sikap *tawadhu'* kepada Tuhanku. Aku mencintai kematian sebagai wujud kerinduanku kepada Tuhanku. Aku pun mencintai sakit sebagai penghapus kesalahanku."

Ibn Sa'ad, Ibn Abi Syaibah dan Imam Ahmad dalam *al-Zuhd* mengisahkan bahawa Abu ad-Darda' pernah ditanya, "Apa yang engkau cintai pada orang yang engkau cintai?"

"Kematian", jawabnya.

"Jika dia tidak mati?" tanyanya lebih lanjut.

Ia pun menjawab, "Berkurangnya apa yang dimilikinya dan juga anaknya."

'Ubadah ibn aṣ-Ṣamit mengatakan, "Aku berharap agar orang yang aku cintai berkurang apa yang dimilikinya dan disegerakannya kematiannya."

(Dituturkan oleh Ibn Abi Syaibah)

Abu ad-Darda' berkata, "Aku tidak diberi hadiah."

Lebih lanjut dia berkata, "Tidak ada hadiah yang lebih aku sukai dari saudaraku selain salam dan tidak ada berita baik tentang saudaraku yang sampai kepadaku yang lebih mengembirakan diriku selain kematiannya."

(Dituturkan oleh Ahmad dalam *al-Zuhd* dan Ibn Abi ad-Dunya)

Ibn Abi ad-Dunya menuturkan kisah dari Muhammad ibn 'Abdul 'Aziz at-Taymi bahawa pernah ditanyakan kepada 'Abdul A'la at-Taymi, "Apa yang sangat engkau harapkan untuk diri dan keluarga yang engkau cintai?"

"Kematian", jawabnya.

Abu Malik al-Asy'ari menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Ya Allah, tanamkanlah kecintaan akan kematian kepada orang yang mengetahui bahawa aku adalah Rasulullah-Mu."

(Hadis riwayat at-Ṭabrani)

Malaikat maut pernah mendatangi Ibrahim a.s. untuk mencabut nyawanya.

Ibrahim lantas berucap, “Malaikat maut, apakah engkau pernah melihat seorang teman mencabut nyawa temannya?”

Malaikat maut lalu pergi menemui Tuhannya. Tuhan berfirman, “Katakan kepadanya, ‘Apakah engkau pernah mengetahui seorang teman tidak suka bertemu dengan temannya.’”

Kemudian malaikat maut kembali lagi. Ibrahim akhirnya mengatakan, “Cabutlah nyawaku sekarang.”

(Dituturkan oleh Ahmad)

Anas r.a. mengatakan bahwa Nabi s.a.w. pernah bersabda, “Jika engkau mengingat wasiatku, nescaya tidak akan ada sesuatu pun yang lebih engkau cintai selain kematian.”

(Diriwayatkan oleh al-Asbahani dalam *at-Targhib*)

Ibn Sa’ad menuturkan bahwa al-Hasan berkisah, “Ketika kematian menemui Hudzaifah, dia berucap, ‘Kekasih telah datang pada saat kesusahan. Aku tidak menyesal. Segala puji bagi Allah yang telah memenangkan aku dari fitnah.’”

Sahal ibn ‘Abdillah at-Tastari pernah mengatakan, “Tidak ada yang mengharapkan kematian kecuali tiga orang: yang tidak mengetahui apa yang terjadi setelah kematian; yang lari dari takdir Allah; atau yang rindu dan mengharapkan pertemuan dengan Allah.”

Sedangkan Hayyan ibn al-Aswad mengatakan, “Kematian itu adalah jambatan yang menghubungkan antara seorang kekasih dengan Kekasih-nya.”

Abu ‘Uthman menuturkan, “Tanda kerinduan adalah kecintaan pada kematian.”

Sebahagian ulama mengatakan, “Sesungguhnya para pecinta akan merasakan manisnya kematian pada saat kemunculannya. Saat itu, terbukalah bagi mereka bahwa rahmat kematian itu lebih manis daripada kehidupan.”

Ibn ‘Asakir menuturkan bahwa Dzunnun al-Miṣri pernah mengatakan, “Kerinduan itu berada di posisi dan darjat tertinggi. Jika seorang hamba telah mencapainya, dia akan melangkah menuju kematian; sebagai wujud rasa rindunya kepada Tuhannya serta rasa cintanya pada pertemuan dan perjumpaan langsung dengan Tuhannya.”

Ibn Abi ad-Dunya menuturkan kisah dari ‘Utbah al-Khulani aṣ-Ṣahabi r.a., pernah diceritakan kepadanya bahawa ‘Abdullah ibn ‘Abdil Malik pernah pergi untuk menjauhi penyakit taun. Dia lalu berkata, “Sesungguhnya kita ini berasal dari Tuhan dan akan kembali kepada Tuhan. Aku tidak mengerti bahawa aku masih tetap hidup hingga aku mendengar hal seperti itu. Bukankah aku pernah memberitahukan kepada engkau beberapa hal yang dialami oleh saudara-saudara kita? *Pertama*, pertemuan dengan Allah s.w.t. lebih disukai oleh mereka daripada kehidupan. *Kedua*, mereka sama sekali tidak takut dengan musuh, baik mereka itu sedikit mahupun ramai. *Ketiga*, mereka tidak takut pada kemiskinan di dunia; mereka semua yakin bahawa Allah akan memberikan rezeki kepada mereka. *Keempat*, jika datang kepada mereka penyakit taun, mereka tidak melarikan diri hingga Allah menentukan apa yang menjadi ketetapan-Nya.”

Dalam *al-Hilyah*, Abu Nu’aim menuturkan kisah dari Ibn ‘Abd Rabbihi, bahawa dia pernah berkata kepada Makhul, “Apakah engkau mencintai syurga?”

“Siapa yang tidak menginginkan syurga?” jawabnya.

Lebih lanjut dia mengatakan, “Jika demikian, cintailah kematian, kerana engkau tidak akan melihat syurga sehingga engkau mati.”

‘Abdurrahman ibn Yazid ibn Jabir menerangkan bahawa ‘Abdullah ibn Abi Zakariya pernah mengatakan, “Seandainya aku diminta untuk memilih antara hidup seratus tahun dengan penuh ketaatan kepada Allah berbanding kematian pada hari atau saat sekarang ini, nescaya aku akan memilih mati pada hari atau saat sekarang ini, kerana kerinduanku kepada Allah, Rasul-Nya dan hamba-hamba-Nya yang soleh.”

Abu Nu’aim dan Ibn ‘Asakir dalam *at-Tarikh* menuturkan bahawa Ahmad ibn Abi al-Hawari berkata, “Aku pernah mendengar Abu ‘Abdillah an-Nabaji mengatakan, ‘Seandainya aku disuruh memilih antara dunia ini menjadi milikku - sejak aku diciptakan dan menikmati segala isinya secara halal dengan tidak diminta pertanggungjawapan pada Hari Kiamat kelak - dengan kematianku saat ini, nescaya aku akan memilih kematianku sekarang. Tidakkah engkau ingin bertemu dengan Zat yang engkau taati?’”

Anas r.a. menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Kematian adalah *kifarah* (penebus dosa) bagi setiap Muslim.”

(Hadis riwayat Abu Nu'aim dan al-Baihaqi, disahihkan oleh Ibn al-Arabi)

Al-Qurtubi mengatakan, “Yang demikian itu kerana di dalam kematian, si mayat merasakan rasa sakit dan penderitaan. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, ‘Tidaklah seorang Muslim menderita sakit, sama ada tertusuk duri ataupun yang lebih besar dari itu, melainkan Allah akan menghapuskan sejumlah keburukannya.’ Lalu, apa yang kita kira tentang kematian itu, yang sakaratulmautnya lebih sakit daripada ditikam oleh pedang dengan seratus kali tusukan?”

Ibn al-Mubarak dalam *al-Zuhd* dan Ibn Abi ad-Dunya’ menerangkan bahawa Masruq mengatakan, “Aku tidak menginginkan sesuatu pun, seperti seorang mukmin yang berada dalam lubang kuburnya; sungguh dia telah selamat dari azab Allah dan beristirahat dari penderitaan dunia.”

Dengan lafaz yang berbeza, Ibn Abi Syaibah mengatakan, “Tidak ada sesuatu pun yang lebih baik bagi orang mukmin selain lubang kuburnya, tempat dia menyelamatkan diri dari kesulitan dunia dan selamat dari azab Allah.”

Ibn al-Mubarak mengisahkan bahawa al-Haitham ibn Malik mengatakan, “Kami pernah berbincang-bincang dengan Ayfa’ ibn ‘Abdah, sementara bersamanya ada Abu ‘Atiyyah al-Madzbuhi. Mereka saling bercerita tentang kenikmatan. Kemudian dia bertanya, ‘Siapakah orang yang paling merasakan kenikmatan?’ Orang-orang menjawab, ‘Si fulan dan si fulan.’ Ayfa’ lalu bertanya, ‘Apa yang engkau ucapkan tadi, Abu ‘Atiyyah? Aku memberitahu engkau bahawa yang lebih merasakan nikmat berbanding si fulan adalah jasad (orang mukmin) yang terbujur di lubang kubur; sungguh dia telah aman dari azab,’” tuturnya.

Muharib ibn Dithar menuturkan, “Khaitamah pernah bertanya kepadaku, ‘Apakah kematian menggembirakan engkau?’ Aku menjawab, ‘Tidak.’ Dia lantas berkata, ‘Aku tidak pernah menjumpai seorang pun yang tidak merasa suka dengan kematian kecuali orang yang kurang siuman.’”

Dengan lafaz yang berbeza, ‘Abdullah ibn Ahmad dalam *Zawa'id al-Zuhd* berkata, “Sesungguhnya hal itu adalah kekurangan engkau yang sangat besar.”


Ibn al-Mubarak meriwayatkan bahawa Abu ‘Abdurrahman berkata, “Ada seseorang yang berkata di majlisnya Abu A'war as-Silmi, ‘Demi Allah, Allah tidak menciptakan sesuatu yang lebih aku cintai daripada kematian.’ Abu A'war kemudian

berkata, 'Menjadi orang sepertimu adalah lebih aku sukai daripada unta merah.'

Ibn Abi ad-Dunya meriwayatkan bahwa Şafwan ibn Sulaim berkata, "Di dalam kematian itu terdapat masa istirahat bagi seorang mukmin dari pelbagai penderitaan dunia, meski kematian itu mengandunginya kedukaan dan kesulitan."

Muhammad ibn Ziyad menuturkan, "Aku pernah mendengar dari beberapa orang bijak yang mengatakan, 'Bagi orang yang berakal, kematian itu lebih mudah daripada ketergelinciran seorang ulama yang cuai.'"

Sufyan berkata bahwa pernah dikatakan, "Kematian itu adalah istirahatnya ahli ibadah."



Mengingat Mati dan Mempersiapkan Diri Menghadapi Kematian

Abu Hurairah menuturkan bahwa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Perbanyaklah mengingati pemutus kenikmatan iaitu kematian.”

(Hadis riwayat an-Nasa’i dan Ibn Majah; dihasankan oleh at-Tirmidzi)

Hadis yang sama juga diriwayatkan oleh Abu Nu’aim dari ‘Umar ibn al-Khattab.

Anas r.a. menuturkan bahwa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Perbanyaklah mengingati pemutus kenikmatan (kematian), kerana seseorang yang mengingatnya dalam kesempitan, nescaya diluaskan baginya kehidupan; yang mengingatnya dalam kelapangan, nescaya disempitkan baginya kehidupan.”

(Hadis riwayat al-Bazzar)

‘Umar ibn al-Khattab menuturkan bahawa pernah ditanyakan kepada Rasulullah s.a.w. “Siapakah orang mukmin yang paling cerdas?”

“Iaitu orang yang paling banyak mengingati kematian dan yang paling baik persiapannya menghadapi masa-masa setelahnya. Merekalah orang-orang yang paling cerdas.” jawab beliau.

Syidad ibn Aws mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Orang cerdas adalah orang yang dapat mengendalikan dirinya dan beramal sebagai persiapan setelah mati. Sementara orang lemah adalah orang yang menundukkan dirinya pada hawa nafsu tetapi berharap kepada Allah.”

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya)

Anas ra. menuturkan bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda, “Perbanyaklah mengingat kematian, kerana hal itu dapat membersihkan dosa dan menjadikan zuhud di dunia. Jika kalian mengingatnya ketika kaya, dia akan menghabiskan harta itu (di jalan Allah); jika mengingatnya ketika dalam keadaan miskin, dia akan menjadikan kalian redha dengan kehidupan.”

‘Aṭa’ al-Khurasani menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah berjalan melintasi suatu majlis yang diwarnai dengan gelak tawa yang cukup kuat. Beliau lalu bersabda, “Siramilah majlis kalian itu dengan perosak kenikmatan!”

“Apa perosak kenikmatan itu?” tanya mereka.

Beliau menjawab, “Kematian.”

Sufyan mengisahkan, “Seorang tua pernah memberitahu kami, bahawa Rasulullah s.a.w. pernah berwasiat kepada seseorang seraya berkata, ‘Perbanyakkanlah mengingati kematian, nescaya hal itu akan menghiburmu dari (kedukaan) selain itu.’”

Zaid as-Silmi menceritakan bahawa Nabi s.a.w., jika menenangkan para sahabatnya yang leka, dengan suara tinggi baginda berkata, “Telah datang kepada kalian kematian sebagai sesuatu yang pasti, sama ada itu merupakan kesengsaraan ataupun kebahagiaan.”

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya dan al-Baihaqi dalam *Syūbah al-Iman*)

Wadhīn ibn ‘Aṭa’ menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w., jika merasakan adanya kelalaian pada orang-orang yang akan kematian, beliau mendatangi mereka dan mengetuk pintu mereka, lalu berucap tiga kali, “Wahai sekalian manusia, wahai pemeluk Islam! Telah datang kepada kalian kematian yang merupakan suatu kepastian. Dia datang dengan segala yang dibawanya. Dia membawa ketenangan, kedamaian dan berkat yang melimpah bagi para wali-Nya dari golongan para penghuni akhirat, yang usaha dan keinginan mereka tertuju pada-Nya. Ingatlah, bahawa setiap orang yang berusaha pasti mempunyai tujuan dan tujuan setiap orang yang berusaha adalah kematian; baik dia mendahuluinya atau didahului olehnya.”

(Hadis riwayat al-Baihaqi)

Ammar menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Cukuplah

kematian itu sebagai peringatan.”

(Hadis riwayat at-Ṭabrani)

Dikatakan, “Ya Rasulullah, adakah seseorang yang dihimpunkan bersama para *syuhada*?”

Beliau menjawab, “Ya, yaitu orang yang mengingait mati pada siang dan malam hari tidak kurang dari dua puluh kali.”

Tentang firman Allah s.w.t.

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا

Dialah yang menjadikan kematian dan kehidupan untuk menguji kalian, siapa di antara kalian yang lebih baik amalnya

(Surah al-Mulk: 2)

As-Sadi menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Iaitu orang yang paling banyak mengingait kematian di antara kalian, yang paling bersedia untuk menghadapinya, serta yang paling takut dan waspada.”

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya dan al-Baihaqi dalam *Su'ab al-Iman*)

Ibn Sabit meriwayatkan bahawa ada seseorang yang berzikir di sisi Nabi s.a.w. Baginda lantas memujinya. Kemudian baginda bersabda, “Bagaimana cara dia mengingait kematian?”

Akan tetapi, hal itu tidak disebutkan. Lebih lanjut beliau mengatakan, “Tidak lain adalah seperti kalian berzikir.”

(Hadis riwayat Ibn Abi Syaibah dalam *al-Muṣannaf* dan Imam Ahmad dalam *al-Zuhd*)

Hadis yang serupa diriwayatkan dari Anas oleh Ibn Abi ad-Dunya dan al-Bazzar sebagai hadis *mauṣul*. Demikian juga menurut riwayat at-Ṭabrani dari Sahal ibn Sa'ad.

Sebahagian dari mereka mengatakan, “Barangsiapa yang banyak mengingait mati, dia akan dimuliakan dengan tiga hal disegerakan taubatnya, dipuaskan hatinya dan diberi semangat dalam ibadahnya. Sedangkan orang yang melupakan kematian akan ditimpa tiga hal: ditanggihkan taubatnya, tidak redha dengan sesuatu yang cukup dan malas dalam beribadah.”

At-Taymi mengatakan, “Ada dua hal yang memutuskan aku dari kenikmatan dunia, iaitu mengingat kematian dan mengingat keadaan ketika berdiri di hadapan Allah s.wt.”

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya)

Allah s.wt. berfirman:

وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا

Janganlah kalian melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi.

(Surah al-Qasas: 77)

Mengenai ayat di atas, sebahagian dari mereka mengatakan, “Ayat tersebut merupakan nasihat yang berkait dengan kalimah sebelumnya, iaitu:

وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ

Carilah apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat.”

(Surah al-Qasas: 77)

Lebih lanjut mereka mengatakan, “Dengan pengertian lain, carilah syurga dari apa yang telah diberikan oleh Allah s.wt. kepadamu dengan melakukan apa yang dapat menghantarmu kepadanya dan jangan lupa bahawa kamu akan meninggalkan seluruh kekayaanmu kecuali bahagianmu sahaja iaitu kain kafan; sebagaimana yang diungkapkan sebuah syair:

Bahagianmu yang dikumpulkan di setiap masa

Hanyalah dua kain kafan,

Engkau akan dibungkus di dalamnya

Abu Hurairah mengatakan bahawa ada seseorang yang pernah datang kepada Nabi s.a.w. seraya berucap, “Apa yang menyebabkan aku membenci kematian?”

“Apakah kamu mempunyai harta?” tanya beliau.

Orang itu menjawab, “Ya.”

“Nafkahkanlah hartamu itu, kerana hati seorang mukmin itu selalu terikat oleh hartanya. Jika harta itu diinfakkan, bererti dia lebih suka untuk mendapatkan kematian itu; jika harta itu ditanggungkan infaknya, bererti dia lebih suka untuk

menangguhkan kematian itu.”

(Hadis riwayat Abu Nu'aim)

Sa'id ibn Mansur menuturkan bahawa Abu ad-Darda' berkata, “Nasihat yang baik, kelengahan yang cepat. Cukuplah kematian itu sebagai penasihat dan cukuplah masa itu sebagai pemisah. Hari ini berada di dalam rumah dan esok sudah berada di dalam kubur.”

Ibn Abi ad-Dunya meriwayatkan bahawa Raja' ibn Haywah mengatakan, “Tidaklah seorang hamba banyak mengingat kematian melainkan dia meninggalkan kesenangan dan kedengkiannya.”

Ibn Abi Syaibah dalam *al-Muṣannaf* dan Ahmad dalam *al-Zuhd* menuturkan bahawa Abu ad-Darda' pernah berkata, “Barangsiapa yang paling banyak mengingat kematian, pasti akan sedikit kedengkiannya dan sedikit pula kegembiraannya.”

Ibn Abi Syaibah, Imam Ahmad, Ibn Abi ad-Dunya dan al-Baihaqi dalam *Syū'ab al-Iman* meriwayatkan hadis dari Rabi' ibn Anas bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Cukuplah kematian itu mendorong orang bersikap zuhud di dunia dan merindukan akhirat.”

Ṭariq al-Muharibi menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda kepadanya, “Bersiaplah menghadapi kematian sebelum kematian itu datang.”

(Hadis riwayat at-Ṭabrani)

Ibn Abi Syaibah menceritakan bahawa 'Awn ibn 'Abdillah pernah mengatakan, “Tidaklah seseorang menempatkan kematian pada tempat yang sebenarnya kecuali pastilah seorang hamba yang menghitung hari esok bukan sebagai tujuannya. Berapa banyak hari akan datang yang tidak disempurnakan dan hari esok yang diharapkan tidak dapat dicapai. Sesungguhnya jika engkau mengetahui ajal kematian dan perjalanannya, nescaya engkau akan membenci angan-angan dan tipu dayanya.”

Abu Hazim berkata, “Perhatikanlah apa yang engkau inginkan ada bersamamu di akhirat kelak, lalu ambillah dia hari ini. Perhatikanlah juga apa yang tidak engkau inginkan ada bersamamu, lalu tinggalkanlah dia sekarang.”

Abu Hazim juga mengatakan, “Tinggalkan setiap perbuatan yang menyebabkan engkau membenci kematian, nescaya perbuatan itu tidak akan membahayakan

engkau ketika saat kematian tiba.”

Abu Nu’aim mengatakan bahawa ‘Umar ibn ‘Abdul ‘Aziz pernah berkata, “Barangsiapa mendekatkan kematian pada hatinya, nescaya akan semakin banyak apa yang menjadi miliknya.”

Raja’ ibn Nuh mengisahkan bahawa ‘Umar ibn ‘Abdul ‘Aziz pernah mengirim surat kepada salah seorang anggota keluarganya. Isinya antara lain, “*Amma ba’d*, seandainya engkau banyak mengingati mati pada malam dan siang hari, nescaya akan tertanam pada dirimu kebencian terhadap segala hal yang fana dan akan tertanam kecintaan dalam dirimu pada segala hal yang abadi.”

At-Taymi berkata, “Mengingat kematian itu merupakan kekayaan.”

Samiṭ mengatakan, “Barangsiapa yang menjadikan kematian sebagai pusat perhatiannya, pasti dia tidak akan peduli terhadap sempit atau luasnya dunia.”

Ka’ab pernah menuturkan, “Barangsiapa yang mengenal kematian, segala musibah akan terasa ringan baginya.”

Ibn Abi ad-Dunya mengisahkan bahawa al-Hasan pernah berkata, “Tidaklah seorang hamba memfokuskan hatinya untuk mengingat kematian melainkan akan dijadikan dunia ini kecil baginya dan dijadikan mudah baginya semua yang ada di dalamnya.”

Qatadah juga berkata bahawa pernah dikatakan kepadanya, “Keuntunganlah bagi orang yang mengingati saat kematian.”

Malik ibn Dinar menuturkan bahawa Hakim pernah mengatakan, “Mengingat kematian dalam hati dapat menghidupkan amal perbuatan.”

Ṣafiyah mengatakan bahawa ada seorang wanita yang mengeluh tentang kekerasan hatinya kepada ‘Aisyah r.a. ‘Aisyah lantas mengatakan, “Perbanyakkanlah mengingat kematian, nescaya dia akan dapat melunakkan hatimu.”

Abu Hazim berkata, “Wahai anak cucu Adam, ingatlah bahawa setelah kematian, akan datang khabar kepadamu.”

Ibn ‘Asakir menyatakan bahawa ‘Ali ibn Abi Ṭalib k.w. pernah mengatakan, “Kubur adalah kotak penyimpanan amal dan setelah kematian, akan datang khabar kepadamu.”

Anas r.a. menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Sebaik-baik kezuhudan di dunia ini adalah mengingat kematian dan sebaik-baik ibadah adalah tafakur. Oleh kerana itu, barangsiapa yang sibuk mengingat kematian, dia pasti akan menjumpai kuburnya seperti salah satu taman syurga.”

(Hadis riwayat ad-Dailami)

‘Ali ibn Abi Ṭalib KW pernah mengatakan, “Manusia itu tidur. Jika mati baru mereka sedar.”

Pengertian di atas disusun oleh Abu Fadhl al-Iraqi dalam sebuah syairnya

Sungguh manusia itu tidur, siapa sahaja yang mati

Kematian itu telah menghilangkan rasa mengantuk dari dirinya

Abu Hurairah mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Tidaklah seorang hamba meninggal dunia melainkan dia akan menyesal.”

Para sahabat bertanya, “Apa yang disesalkannya itu, ya Rasulullah?”

Beliau menjawab, “Jika dia seorang yang berbuat baik, dia menyesal mengapa tidak menambah amalnya. Jika dia seorang yang berbuat kejahatan, dia menyesal mengapa tidak melepaskan diri dari semua urusan dunia.”

(Hadis riwayat at-Tirmidzi)



Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Ziarahlah ke kubur kerana hal itu dapat mengingatkan kalian pada kematian.”

(Hadis riwayat Muslim)

Ibn Mas’ud menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Aku pernah melarang kalian menziarahi kubur. Sekarang ziarahlah kalian, kerana sesungguhnya hal itu dapat menjadikan kalian zuhud di dunia dan mengingatkan kalian akan akhirat.”

(Hadis riwayat Ibn Majah dan al-Hakim)

Abu Sa’id meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Aku pernah melarang kalian menziarahi kubur. Sekarang ziarahlah kerana hal itu memberi pengajaran.”

(Hadis riwayat al-Hakim)

Anas r.a. meriwayatkan hadis *marfu’*, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Aku pernah melarang kalian menziarahi kubur. Sekarang ziarahlah kalian kerana sesungguhnya hal itu dapat melembutkan hati, membuat mata menangis dan mengingatkan kehidupan akhirat. Akan tetapi, janganlah kalian mengatakan perkataan yang keji.”

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Aku pernah melarang kalian menziarahi kubur. Sekarang ziarahlah kalian dan jadikanlah ziarah kalian itu menambah kebaikan.”

(Hadis riwayat Buraidah)

Abu Dzar menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah berkata kepadanya, “Ziarahlah ke kubur hingga dengannya engkau akan mengingat akhirat;

mandikanlah jenazah kerana mengurus jasad yang telah mati merupakan nasihat yang baik; dan solatkanlah jenazah hingga hal itu dapat membuatmu sedih, kerana orang yang sedih dan berada di bawah naungan Allah akan mendapatkan segala macam kebaikan.”



Berprasangka Baik dan Takut kepada Allah

Jabir menuturkan bahawa sebelum wafat, Rasulullah s.a.w. bersabda sebanyak tiga kali, “Jangan sesekali salah seorang di antara kalian mengharapkan kematian kecuali dia dalam keadaan berbaik sangka kepada Allah.”

(Hadis riwayat Syaikh)

Dalam pembahasannya mengenai *husnuzzan* (baik sangka), Ibn Abi ad-Dunya menambah riwayat di atas dengan kalimat, “Sesungguhnya ada suatu kaum yang telah dicampakkan ke dalam *su'uzzan* (prasangka buruk) kepada Allah, lalu Allah s.w.t. berfirman kepada mereka:

وَذَلِكُمْ ظَنُّكُمُ الَّذِي ظَنَنْتُمْ بِرَبِّكُمْ أَرْدَاكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٢٣﴾

Itu adalah prasangka kalian yang telah kalian sangkakan terhadap Tuhanmu. Prasangka itu telah membinasakan kalian, sehingga jadilah kalian termasuk orang-orang yang rugi.

(Surah Fuşşilat: 23)

Anas r.a. mengatakan bahawa Nabi s.a.w. pernah mendatangi seorang pemuda yang sedang menghadapi kematian. Beliau bertanya, “Apa yang engkau rasakan?”

Pemuda itu menjawab, “Aku sangat mengharapkan Allah dan takut akan dosa-dosa aku.”

Beliau kemudian bersabda, “Tidaklah keduanya bersatu dalam hati seorang hamba dalam kadaan seperti ini, melainkan Allah akan memberikan kepadanya apa yang diharapkannya dan ditenangkan rasa takut yang dialaminya.”

(Hadis riwayat Ahmad, at-Tirmidzi dan Ibn Majah)

Al-Hasan menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda, “Tuhan kalian pernah berfirman, ‘Aku tidak akan menyatukan dalam diri seorang hamba-Ku dua rasa takut, tidak juga menyatukan dalam dirinya dua rasa tenang. Barangsiapa yang takut kepada-Ku di dunia, Aku akan memberinya rasa tenang di akhirat; barangsiapa yang merasa tenang dari-Ku di dunia, Aku akan menjadikannya takut di akhirat kelak.”

(Hadis riwayat Imam at-Tirmidzi dan al-Hakim dalam *Nuwaḍir al-Uṣul*)

Hadis di atas juga diriwayatkan oleh Abu Nu’aim sebagai hadis *mawṣul* dari Syaddad ibn Aws.

Ibn al-Mubarak menuturkan bahawa Ibn ‘Abbas pernah mengatakan, “Jika engkau melihat kematian pada seseorang, berikanlah khabar gembira kepadanya agar dia bertemu dengan Tuhannya dalam keadaan berprasangka baik kepada Allah. Jika dia masih hidup, jadikanlah dia takut kepada-Nya.”

Anas r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Jangan sesekali salah seorang di antara kalian mati sehingga dia berprasangka baik kepada Allah s.w.t. Sebab sesungguhnya berprasangka baik kepada Allah s.w.t. merupakan harga syurga.”

(Hadis riwayat Ibn ‘Asakir)

Ibn Abi ad-Dunya mengatakan bahawa Ibrahim an-Nakha’i berkata, “Mereka suka mengajar seorang hamba menyebut-nyebut kebaikan amalan-amalannya ketika menghadapi kematian, sehingga dia benar-benar berprasangka baik kepada Tuhannya.”

Dalam *al-Muṣannaf* Ibn Abi Syaibah meriwayatkan bahawa Ibn Mas’ud pernah mengatakan, “Demi Allah yang tiada Tuhan selain Dia, tidaklah seseorang berprasangka baik kepada Allah melainkan Dia akan memberinya sesuai dengan prasangkanya itu.”

Ahmad ibn Wathilah menuturkan bahawa dirinya pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, “Allah berfirman, ‘Aku adalah sebagaimana prasangka hamba-Ku terhadap diri-Ku. Oleh kerana itu, hendaklah dia berprasangka terhadap-Ku sekehendak hatinya.”

Abu Hurairah r.a. berkata bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda,

“Sesungguhnya Allah s.w.t. pernah berfirman, ‘Aku adalah sebagaimana prasangka hamba-Ku terhadap diri-Ku. Oleh kerana itu, hendaklah dia berprasangka terhadap-Ku sekehendak hatinya. Jika dia berprasangka baik, yang demikian itu adalah untuknya sendiri. Jika dia berprasangka buruk, yang demikian itu pun untuk dirinya sendiri.’”

(Hadis riwayat Ahmad)

Mu’adz ibn Jabal menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Jika kalian sudi mendengar, aku akan memberitahu kalian apa yang pertama kali diucapkan Allah s.w.t. kepada orang-orang mukmin pada Hari Kiamat kelak dan apa yang dikatakan mereka kepada-Nya.”

“Tentu, ya Rasulullah”, jawab kami.

Lebih lanjut beliau menuturkan, “Sesungguhnya Allah akan berkata kepada orang-orang mukmin, ‘Apakah kalian ingin bertemu dengan-Ku?’ Mereka pun menjawab, ‘Ya, wahai Tuhan kami.’ Allah bertanya lebih lanjut, ‘Mengapa demikian?’ Lalu mereka menjawab, ‘Kami sangat mengharapkan maaf dan ampunan-Mu.’ Akhirnya, Dia mengatakan, ‘Telah aku wajibkan ampunan bagi kalian.’”

(Hadis riwayat Ibn al-Mubarak, Ahmad dan at-Tabrani dalam *al-Kabir*)

Ibn al-Mubarak mengatakan bahawa ‘Uqbah ibn Muslim pernah berkata, “Tidak ada sifat dalam diri seorang hamba yang lebih dicintai Allah daripada kerinduannya bertemu dengan-Nya.”

Ibn Abi ad-Dunya, al-Baihaqi dalam *Syua’b al-Iman* dan Ibn ‘Asakir menuturkan bahawa Abu Ghalib, seorang sahabat Abu Umamah pernah mengisahkan, “Aku pernah datang ke Syam, lalu singgah ke rumah salah seorang dari suku Qais. Dia adalah salah seorang tokoh terkemuka. Dia mempunyai anak saudara yang selalu menentangnya. Dia sering memerintah atau melarangnya, atau bahkan memukulnya, hingga pemuda itu sakit, tetapi anak saudaranya itu tetap tidak mahu mematuhi. Dia lalu disuruh menemui pakciknya, tetapi dia menolak untuk mendatanginya. Aku lantas membawanya datang menemui pakciknya itu, sampai aku memaksanya masuk ke rumah dan menemuinya. Setelah itu, pakciknya menemuinya, lalu mencelanya seraya berkata, ‘Wahai musuh Allah, mengapa tidak mahu melakukan semua itu?’ Pemuda itu menjawab, ‘Pakcikku, seandainya Allah menyerahkan kepada orang tuaku, lalu apa yang akan terjadi padaku?’ Pakciknya

berkata, 'Demi Allah, dia akan memasukkanmu ke syurga.' Lebih lanjut pemuda itu berkata, 'Demi Allah, Allah lebih menyayangiku daripada ibuku.' Setelah itu, pemuda itu menemui ajalnya dan dikebumikan oleh pakciknya. Ketika pakciknya meletakkan batu-bata, tiba-tiba dia meloncat ke belakang. Kemudian aku bertanya, 'Apa yang terjadi pada diri engkau?' Dia menjawab, 'Kuburnya dipenuhi oleh cahaya dan diluaskan.'"

Ibn Abi ad-Dunya dan al-Baihaqi dalam *Syū'ab al-Iman* menceritakan bahawa Hamid berkata, "Aku mempunyai anak saudara yang baru menginjak usia baligh. Suatu ketika dia sakit. Ibunya lantas mengutus seseorang kepadaku. Aku segera mendatanginya. Sesampainya aku di sana, aku melihat ibunya menangis di atas kepala anak itu. Kemudian anak saudaranya itu bertanya, 'Pakcikku, apa yang membuatnya menangis?' Aku menjawab, 'Dia menangis kerana apa yang kamu alami.' Lebih lanjut dia mengatakan, 'Bukankah dia menyayangiku?' Aku menjawab, 'Ya.' Dia segera memberi komen, 'Sesungguhnya Allah lebih menyayangiku daripada dia.' Ketika meninggal, aku menguburkannya bersama orang-orang lain. Aku lalu meratakan tanah kubur tersebut. Aku kemudian melihat ke arah lubang kuburnya, yang ternyata membuat mataku terbeliak. Selanjutnya, aku berkata kepada sahabatku, 'Apakah engkau melihat apa yang aku lihat?' dia menjawab, 'Ya, semoga hal itu adalah ucapan selamat.' Lebih lanjut dia mengatakan, 'Aku kira hal itu adalah kalimat yang diucapkannya.'"



Yang Mengingatkan pada Kematian

Al-Qurtubi menuturkan, telah disebutkan di dalam sebuah hadis bahwa sebahagian nabi pernah bertanya kepada malaikat maut, “Apakah engkau mempunyai utusan yang engkau utus agar manusia berhati-hati denganmu?”

Dia menjawab, “Ya demi Allah, aku mempunyai utusan yang sangat banyak iaitu: penyakit, uban, usia tua, serta berkurangnya pendengaran dan penglihatan. Oleh kerana itu, barangsiapa yang mendapati hal itu dan tidak berusaha mengingat kematian dan tidak juga bertaubat, maka ketika mencabut nyawanya, aku berseru kepadanya, ‘Bukankah aku telah mengirim utusan demi utusan, peringatan demi peringatan kepadamu? Aku ini adalah utusan yang tidak ada utusan lagi setelahku. Aku ini pemberi peringatan yang tidak ada pemberi peringatan lagi setelahku.’”

Abu Nu’aim dalam *al-Hilyah* mengatakan bahawa Mujahid berkata, “Tidak ada suatu penyakit yang dideritai oleh seorang hamba melainkan utusan malaikat maut ada bersamanya, sehingga jika penyakit terakhir telah bersarang pada dirinya, malaikat maut mendatangnya seraya berkata, ‘Utusan demi utusan dan peringatan demi peringatan telah datang kepadamu, tetapi engkau tidak mempedulikannya. Sekarang, telah datang kepadamu utusan yang akan memutuskan hubunganmu dengan dunia.’”

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda, “Allah telah memberikan peringatan kepada seseorang yang ajalnya ditunda hingga mencapai enam puluh tahun.”

(Hadis riwayat al-Bukhari)



Tanda-tanda Husnul Khatimah

Anas r.a. menuturkan bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda, “Jika Allah menghendaki kebaikan bagi seseorang, Dia akan memperlakukannya (dengan baik).”

Ditanyakan, “Bagaimana Dia memperlakukannya?”

Beliau menjawab, “Dia memandunya untuk berbuat amal soleh sebelum kematiannya.”

(Hadis riwayat Tirmidzi dan al-Hakim)

‘Amr ibn al-Hamq menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Jika Allah mencintai seorang hamba, Dia akan memberi kehormatan baginya.”

“Bagaimana Dia memberikan kehormatan kepadanya?” tanya para sahabat.

Beliau menjawab, “Dia memimpinnya untuk berbuat amal soleh ketika mendekati ajalnya sehingga para jirannya meredhainya.”

(Hadis riwayat Ahmad dan al-Hakim)

Dalam sebuah hadis *marfu'*, Aisyah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda sebagai berikut:

Jika Allah menghendaki kebaikan bagi seorang hamba, Dia akan mengirinkan beberapa malaikat kepadanya sebelum kematiannya, yang akan meluruskannya sehingga dia meninggal dalam sebaik-baik keadaan. Orang-orang lalu berkata, “Si Anu meninggal dalam keadaan yang paling baik.”

Jika kematian telah menjemputnya dan dia mengetahui apa yang dijanjikan

Allah baginya, dia akan menolak nyawanya agar segera keluar dari dirinya. Pada saat itu, dia lebih suka bertemu dengan Allah dan Allah pun menyukai bertemu dengannya. Sebaliknya, jika Allah menghendaki keburukan pada seseorang, Dia akan menetapkan baginya satu tahun sebelum kematiannya seekor syaitan yang akan menyesatkan dan menggelincirkannya sehingga dia meninggal dalam keadaan yang paling buruk. Orang-orang lalu berkata, “Si Anu telah meninggal dalam keadaan yang paling buruk.”

Jika kematian menjemputnya dan dia mengetahui apa yang dijanjikan Allah baginya, dia akan berusaha mengembalikan nyawanya dan tidak menginginkan nyawa itu lepas dari dirinya. Pada saat itu, dia sangat tidak suka bertemu dengan Allah dan Allah pun tidak suka bertemu dengannya.

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya)

Mengenai pengertian hadis ini, penulis Buku *al-Ifsah* mengatakan, “Ketahuilah bahwa keluarnya nyawa pada saat malaikat maut memanggilnya adalah mirip dengan seruan pawang ular dari lubang persembunyiannya. Keluarnya dua jasad pada saat seruan adalah sama; seorang mukmin pada saat itu akan berusaha mengeluarkan nyawanya sedangkan orang kafir akan berusaha menahan nyawanya.”

Sebahagian ulama mengatakan, “Beberapa faktor yang menyebabkan *suul khatimah* ada empat, iaitu; mengabaikan solat, minum khamr (arak), derhaka kepada kedua orang tua dan menyakiti kaum kaum Muslim.”

Sakaratulmaut, Metode Kematian, dan Penderitaannya

Allah s.w.t. berfirman:

وَجَاءَتْ سَكْرَةُ الْمَوْتِ بِالْحَقِّ

Datanglah sakaratulmaut dengan sebenar-benarnya.

(Surah Qaf: 19)

وَلَوْ تَرَىٰ إِذِ الظَّالِمُونَ فِي غَمْرَاتِ الْمَوْتِ

Alangkah dahsyatnya ketika orang-orang yang zalim (berada) dalam tekanan-tekanan sakaratulmaut.

(Surah al-An'aam: 93)

فَلَوْلَا إِذَا بَلَغَتِ الْحُلُقُومَ

Mengapa ketika nyawa sampai di kerongkong?

(Surah al-Waqi'ah: 83)

كَلَّا إِذَا بَلَغَتِ التَّرَاقِي

Sekali-kali jangan, apabila nafas (seseorang) telah (mendesak) sampai ke kerongkongnya.

(Surah al-Qiyamah: 26)

Aisyah ra. berkata bahawa di hadapan Rasulullah s.a.w. pernah ada tempat air atau bekas yang di dalamnya berisi air. Beliau kemudian memasukkan kedua

tangganya ke dalam air tersebut. Dengan kedua tangannya itu, beliau mengusap wajahnya seraya berucap, “Tidak ada Tuhan selain Allah, sesungguhnya kematian itu memiliki beberapa *sakrat* (sakit akibat kematian).”

(Hadis riwayat al-Bukhari)

At-Tirmidzi meriwayatkan bahawa ‘Aisyah r.a. pernah mengatakan, “Aku tidak menginginkan kemudahan kematian bagi seseorang setelah aku melihat betapa sulitnya kematian pada Rasulullah s.a.w.”

Masih dari ‘Aisyah, dia mengatakan, “Aku tidak membenci susahnyanya mati pada seseorang untuk selama-lamanya setelah Nabi s.a.w.”

(Hadis riwayat al-Bukhari)

‘Abdullah ibn Imam Ahmad dalam *Zawa’id al-Zuhd* meriwayatkan hadis dari Ṭabit bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, sementara ketika itu beliau sedang berusaha menghadapi sakaratulmaut, “Seandainya anak cucu Adam tidak berbuat kecuali hanya untuk ini (menghadapi kematian), pastilah dia beramal.”

Luqman al-Hanafi dan Yusuf ibn Ya’qub al-Hanafi mengatakan, “Kami pernah mendengar Ya’qub a.s., ketika datang kepadanya pembawa khabar gembira, dia berkata kepadanya, ‘Aku tidak tahu. Aku tidak mendatangimu hari ini melainkan bahawa Allah akan memudahkan sakaratulmaut bagimu.’”

Ibn Mas’ud menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Sesungguhnya nyawa seorang mukmin akan keluar disertai cucuran keringat, sedangkan nyawa orang kafir keluar seperti mengalirnya nafas keldai. Sesungguhnya orang mukmin pasti melakukan kesalahan. Oleh kerana itu, dia akan merasakan kesulitan ketika menghadapi kematian sebagai tebusan bagi kesalahannya. Sedangkan orang kafir pasti memiliki kebaikan, sehingga dia dimudahkan dalam kematiannya sebagai tebusan atas kebajikannya.”

(Hadis riwayat-Tabrani dalam *al-Kabir* dan Abu Nu’aim)

Ad-Daynuri dalam *al-Mujalasa* menuturkan firman Allah s.w.t. dari Wahib ibn al-Ward, “Sesungguhnya Aku tidak akan mengeluarkan seseorang dari dunia, sementara aku ingin menyayangnya sehingga Aku menebus setiap kesalahan yang telah dilakukannya dengan rasa sakit pada tubuhnya, musibah bagi keluarganya, kesempitan dalam kehidupannya dan berkurangnya rezekinya; hingga Aku mendapatkan kesalahannya seberat biji atom sahaja. Jika masih tersisa suatu

kesalahan padanya, Aku akan menjadikan kesulitan dalam kematiannya, hingga dia menghadap-Ku seperti keadaannya pada hari dia dilahirkan ibunya. Demi kekuasaan-Ku, Aku tidak mengeluarkan seorang hamba dari dunia, sementara Aku ingin mengazabnya sampai Aku menebus semua kebaikan yang telah diperbuatnya dengan kesehatan pada tubuhnya, keluasan rezekinya, kebahagiaan hidupnya dan keamanan dirinya; hingga Aku mendapatkan kebaikannya seberat biji atom sahaja. Jika masih ada suatu kebaikan yang tersisa padanya, Aku akan memudahkan kematiannya, hingga dia menghadap-Ku seperti pada saat dia dalam keadaan tidak memiliki kebaikan apa pun yang dapat dijadikan alat pelindung dirinya dari neraka.”

Zaid ibn Aslam berkata, “Jika masih ada suatu dosa pada diri seorang mukmin yang tidak tersentuh oleh amalannya, maka akan disulitkan baginya kematian supaya dengan sakaratulmaut dan kesusulitannya itu dia dapat mencapai darjat syurga. Sesungguhnya orang kafir jika telah berbuat baik di dunia, maka akan dimudahkan kematiannya untuk menebus pahala kebaikannya di dunia dan seterusnya berjalan menuju ke neraka.”

‘Aisyah r.a. menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Sesungguhnya seorang mukmin akan diberi ganjaran atas segala sesuatu, sampai penderitaan ketika menghadapi kematian.”

(Hadis riwayat Ibn Majah)

Buraidah meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda, “Seorang mukmin meninggal dengan keringat di dahi.”

(Hadis riwayat at-Tirmidzi, sekaligus menghasankannya; Ibn Majah; al-Hakim, sekaligus mensahihkannya; dan al-Baihaqi dalam *Syua’b al-Iman*)

Salman al-Farisi meriwayatkan bahawa dirinya pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, “Perhatikanlah seseorang ketika menghadapi kematiannya sebanyak tiga kali. Jika di dahinya berkeringat, kedua matanya mengeluarkan air mata dan hidungnya membengkak, yang demikian itu menunjukkan rahmat dari Allah yang turun bersamanya. Jika dia mendengkur dengan dengkur anak unta yang sesak, wajahnya hitam kelam dan mengeluarkan buih pada bahagian pinggir mulutnya, yang demikian itu menunjukkan azab dari Allah yang menyimpannya.”

(Hadis riwayat at-Tirmidzi dalam *Nawadir al-Uṣul* dan al-Hakim)

Sa’id ibn Mansur dalam *Sunan* dan al-Marwazi dalam *al-Jana’iz* menuturkan

bahawa Ibn Mas'ud mengatakan, "Sesungguhnya seorang mukmin akan tetap memiliki kesalahan - di antara kesalahan-kesalahan yang pernah dilakukannya - yang akan ditebus ketika kematian menjemputnya. Oleh kerana itu (saat kematiannya) dahinya mengeluarkan keringat."

Dalam *Su'ab al-Iman*, al-Baihaqi meriwayatkan, 'al-Qamah ibn Qais menuturkan bahawa dirinya pernah mendatangi anak saudaranya yang telah meninggal. Dia lalu mengusap dahinya. Tiba-tiba dahinya itu mengeluarkan keringat lagi. Dia pun mengucapkan, "*Allahu Akbar*."

Ibn Mas'ud menuturkan bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda, "Kematian seorang mukmin itu disertai dengan keluarnya keringat di dahi. Seorang mukmin pasti mempunyai dosa yang akan ditebusnya di dunia, sementara sisanya akan ditebus dengan kepayahannya pada saat kematian menjemputnya."

Perawi hadis di atas, 'Abdullah ibn Mas'ud mengatakan, "Aku tidak suka sama sekali akan kematian seperti kematian keldai."

Al-Qamah pernah mendatangi anak saudaranya ketika anak saudaranya itu wafat, yang ternyata mengeluarkan keringat dari dahinya. Al-Qamah tertawa. Dia lantas ditanya, "Mengapa engkau tertawa?"

Ia menjawab, "Aku pernah mendengar Ibn Mas'ud mengatakan, 'Sesungguhnya nyawa seorang mukmin itu keluar disertai dengan cucuran keringat, sementara nyawa seorang kafir/orang jahat keluar disertai keluarnya buih dari bibirnya seperti keluarnya nyawa keledai. Sesungguhnya orang mukmin itu mungkin pernah melakukan perbuatan buruk. Oleh kerana itu, dia akan disusahkan ketika menghadapi kematiannya sebagai tebusan atas keburukannya. Sementara orang kafir/orang jahat mungkin pernah melakukan kebaikan. Oleh kerana itu, dia akan dimudahkan dalam kematiannya sebagai tebusan atas kebaikannya."

(Hadis riwayat Ibn Abi Syaibah dan al-Baihaqi)

Al-Marwazi meriwayatkan dari Ibrahim an-Nakha'i bahawa al-Qamah pernah berkata kepada al-Aswad, "Kunjungilah aku ketika kematianku, lalu bimbinglah aku dengan kalimat *La Ilaha illa Allah*. Jika dahiku berkeringat, sampaikanlah khabar gembira kepadaku."

Ibn Abi Syaibah dan al-Marwazi menuturkan bahawa Sufyan berkata, "Mereka

menyukai keluarnya keringat dari seorang mayat.”

Sebahagian ulama mengatakan, “Keluarnya keringat dari dahi mayat adalah kerana rasa malu atas kemaksiatannya kepada Tuhan-Nya. Sebab, tubuh bahagian bawah telah mati, sementara kekuatan hidup yang masih tersisa hanya pada tubuh bahagian atas dan rasa malu itu berada pada kedua belah mata. Sedangkan orang kafir buta terhadap semua itu kerana dia disibukkan oleh azab yang dialaminya.”

Jabir ibn ‘Abdillah menuturkan bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda, “Berbicaralah mengenai Bani Isra’il kerana pada diri mereka terdapat pelbagai keanehan.”

Beliau kemudian mengajak kami berbicara. Beliau berkata, “Sekelompok dari mereka keluar dan pergi mendatangi salah satu kubur. Mereka lalu berkata, ‘Seandainya kami mengerjakan solat dua rakaat dan memohon kepada Allah s.w.t., nescaya akan keluar kepada kami sebahagian dari mayat-mayat ini dan memberitahukan kepada kami tentang kematian.’ Mereka kemudian mengerjakan hal itu. Ketika mereka mengerjakannya, tiba-tiba muncul seseorang yang berkulit hitam yang di antara kedua matanya terdapat bekas sujud seraya berucap, ‘Wahai kalian semua, apa yang kalian inginkan dariku? Aku telah mati sejak seratus tahun yang lalu. Sampai sekarang tidak ada rasa panas kematian yang menyentuhku. Oleh kerananya, berdoalah kepada Allah supaya Dia mengembalikanku sebagaimana semula.’”

(Hadis riwayat Ibn Abi Syaibah, Imam Ahmad dan Ibn Abi ad-Dunya)

Dalam *al-Zuhd*, Ahmad menuturkan kisah dari ‘Umar ibn Habib, bahawa ada dua orang dari Bani Isra’il; mereka berdua menyembah Allah hingga merasa bosan beribadah. Mereka berdua lalu berkata, “Andai sahaja kami pergi ke kubur dan tinggal berdekatan dengannya, mungkin kami akan dapat membiasakan diri.”

Lalu mereka berdua tinggal berhampiran dengan kubur tersebut dan beribadah kepada Allah. Dihidupkanlah bagi keduanya seorang mayat dan berkata mayat itu kepada keduanya, “Aku telah meninggal sejak lapan puluh tahun yang lalu dan aku masih merasakan sakit saat kematian.”

Abu Nu’aim meriwayatkan bahawa Ka’ab mengatakan, “Rasa sakit mati tidak hilang dari seorang mayat selama dia masih di dalam kuburnya. Sesungguhnya rasa sakit tersebut merupakan suatu hal yang paling menyakitkan bagi orang mukmin

dan sesuatu yang paling ringan yang menimpa orang kafir.”

Ibn Abi ad-Dunya menuturkan bahawa al-Awza'i pernah menceritakan, “Telah sampai kepada kami bahawa orang mukmin akan merasakan sakit mulai saat kematian hingga dia dibangkitkan dari kuburnya.”

Al-Hasan berkata bahawa Rasulullah s.a.w. pernah mengingatkan mengenai rasa sakit dan duka akibat kematian. Beliau berkata, “Rasanya seperti tiga ratus kali tusukan pedang.”

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya dengan *sanad* yang dipercayai)

Adh-Dhahak ibn Hamzah menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah ditanya mengenai kematian. Beliau lalu menjawab, “Rasa sakit akibat kematian yang paling ringan adalah sama seperti seratus kali tusukan pedang.”

Al-Khatib dalam *at-Tarikh* menuturkan hadis *marfu'* dari Anas r.a. yang menyatakan bahawa, “Pencabutan nyawa oleh malaikat maut itu lebih sakit daripada seribu kali tusukan pedang.”

Ali ibn Abi Ṭalib k.w. mengatakan, “Demi Allah yang jiwaku berada di tangannya, seribu tusukan pedang adalah lebih ringan daripada kematian di atas tempat tidur.”

Abu Syaikh meriwayatkan kisah dari al-Hasan bahawa pernah ditanyakan kepada Musa r.a., “Bagaimana engkau membayangkan kematian?”

“Seperti besi panas yang berada di dalam tubuhku. Besi panas itu memiliki cabang yang sangat banyak. Setiap cabangnya bergantung pada beberapa bahagian keringatku. Kemudian dari dalam perutku, semua itu dicabut dengan keras”, jawabnya.

Lalu dikatakan kepadanya, “Kami telah memberikan kemudahan kepadaku.”

Ibn Abi ad-Dunya menuturkan kisah Abu Ishaq bahawa pernah ditanyakan kepada Musa a.s., “Bagaimana engkau merasakan kematian?”

Dia menjawab, “Seperti besi panas yang ditusukkan ke dalam potongan kulit kambing lalu dicabut kembali.”

Dia mengatakan lebih lanjut, “Musa, kami telah memberi kemudahan kepada engkau.”

Ahmad dalam *al-Zuhd* dan al-Marwazi dalam *al-Jana'iz* menuturkan kisah dari Abu Mulaikah bahawa ketika Ibrahim bertemu dengan Allah, dikatakan kepadanya, “Bagaimana engkau merasakan kematian?”

Dia menjawab, “Aku merasakan nyawaku seperti dicabut dengan rantai.”

Lalu dikatakan kepadanya, “Telah kami mudahkan kematianmu.”

Diriwayatkan, ketika nyawa Musa dikirim menuju Allah, Tuhannya berkata kepadanya, “Musa, bagaimana engkau merasakan sakitnya kematian?”

Dia menjawab, “Aku merasakan nyawa aku seperti burung yang masih hidup ketika digoreng di atas kualii.”

Dalam riwayat yang lain disebutkan, Musa berkata, “Aku merasakan nyawa aku seperti seekor kambing yang disiat oleh penyembelih haiwan.”

Anas r.a. menuturkan hadis dari Nabi s.a.w. bahawa malaikat mengelilingi dan menangkap seorang hamba. Jika tidak demikian, nescaya dia lari ke padang pasir atau gurun kerana rasa sakit yang dahsyat akibat sakratulmaut.”

Abu Syaikh menuturkan bahawa Fudhail ibn ‘Iyadh pernah ditanya, “Mengapa seorang mayat ketika dicabut nyawanya dia diam sahaja, padahal manusia apabila dicubit sedikit pasti merasa sakit?”

Dia menjawab, “Sesungguhnya malaikat telah meyakinkannya.”

Syahr ibn Hawsyib menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah ditanya mengenai kematian dan kepayahannya. Beliau menjawab, “Sesungguhnya semudah-mudah kematian adalah seperti duri yang terpacak pada bulu kulit kambing. Tidaklah duri itu tercabut melainkan beserta bulu-bulu kambing itu.”

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya)

Dalam *al-Jana'iz*, al-Marwazi meriwayatkan bahawa Maysarah berkata, “Seandainya percikan rasa sakit saat kematian itu diletakkan pada diri penghuni dunia ini, nescaya mereka akan mati semua. Sesungguhnya pada Hari Kiamat kelak terdapat suatu saat, yang rasa sakit pada waktu kematiannya dilipatgandakan sebanyak tujuh puluh kali lipat.”

Ibn Abi ad-Dunya menceritakan riwayat dari Muhammad ibn ‘Abdillah ibn Yasaf bahawa ketika ‘Umar ibn ‘Aş mengalami sakaratulmaut, puteranya berkata

kepadanya, “Ayah, engkau pernah mengatakan, ‘Seandainya aku bertemu dengan seseorang yang berakal menjelang kematianku sehingga dia menyebutkan apa yang dilihatnya,’ dan engkau lah orang itu, maka sebutkanlah kepada aku sifat-sifat kematian itu.”

Dia pun menjawab, “Anakku, demi Allah. Seakan-akan aku bernafas melalui lubang jarum; dan seakan-akan duri ditancapkan pada kakiku hingga ke kepalaku.”

Ibn Sa’ad menuturkan riwayat dari ‘Awanah ibn al-Hakam bahwa ‘Amar ibn ‘Aş pernah berkata, “Sungguh aneh orang yang sedang menjelang kematiannya, sementara akal nya masih bersamanya, bagaimana mungkin dia tidak menyebutkan ciri-cirinya?”

Ketika kematian itu menjemputnya, puteranya ‘Abdullah berkata kepadanya, “Ayah, engkau pernah mengatakan, ‘Sungguh aneh orang yang menjelang kematiannya, sementara akal nya masih bersamanya, tetapi dia tidak menyebutkan ciri-cirinya.’ Oleh kerana itu, sebutkanlah ciri-ciri kematian itu kepada kami.”

Dia pun menjawab, “Anakku, kematian itu terlalu sulit untuk disebutkan ciri-cirinya. Akan tetapi, aku akan menyebutkan sebahagiannya. Aku merasa seakan-akan di atas pundakku terdapat gunung Radhwa (sebuah gunung di Madinah); seakan-akan dalam perutku terdapat duri pohon salam (pohon berduri); dan seakan-akan nafasku keluar dari lubang jarum.”

Ibn Abi Syaibah, Ibn Abi ad-Dunya dan Abu Nu’aim dalam *al-Hilyah* menuturkan riwayat Ibn Abi Mulaikah, bahwa ‘Umar ibn al-Khaţţab r.a. pernah berkata kepada Ka’ab, “Beritahukanlah kepadaku perihal kematian.”

Ka’ab berkata, “Amirul mukminin, kematian itu seakan-akan pohon berduri yang berada di dalam perut anak cucu Adam - tidak ada setitis keringat atau satu sendi tulang pun melainkan di dalamnya terdapat duri; juga seakan-akan orang yang berlengan besar mencabutnya.”

Memetik kata-kata Ibn Syaibah, hadis itu berbunyi, “Seperti dahan pohon berduri yang dimasukkan ke dalam perut seseorang. Setiap duri melekat pada setiap titis keringat, lalu seseorang yang bertubuh besar lagi kasar seolah-olah mencabutnya; dia mengambil apa yang harus diambil dan menyisahkan apa yang

tersisa.”

Ibn Abi ad-Dunya menuturkan bahwa Syaddad ibn Aws aṣ-Ṣahabi r.a. mengatakan, “Kematian itu sangat menakutkan di dunia dan akhirat bagi orang-orang mukmin. Kematian itu lebih menyakitkan daripada digergaji dengan sejumlah gergaji, digunting dengan banyak gunting dan direndam dengan air mendidih dalam tungku. Seandainya si mayat itu hidup lagi setelah kematiannya dan mengkhabarkan kepada orang-orang yang masih hidup mengenai betapa sakit saat kematian, nescaya mereka tidak akan lagi merasakan enakya menjalani hidup dan nyenyaknya tidur.”

Wahab ibn Munabbih berkata, “Kematian itu lebih sakit daripada tebasan pedang, digergaji dengan banyak gergaji dan direndam dengan air mendidih dalam tungku. Seandainya rasa sakit pada sedikit keringat seorang mayat dibagikan kepada penghuni bumi ini, nescaya mereka semua akan merasakan sakit. Rasa sakit yang pertama akan diberikan kepada orang kafir dan rasa sakit yang paling akhir diberikan kepada orang Mukmin.”

Wathilah ibn al-Asqa’ menuturkan bahwa Nabi s.a.w. bersabda, “Datangilah orang-orang yang sedang dalam sakaratulmaut di antara kalian; bimbinglah mereka dengan kalimat *La Ilaha illa Allah*; dan gembirakanlah mereka dengan berita syurga. Sesungguhnya orang yang sabar, baik lelaki mahupun perempuan, akan merasa bingung saat keadaan genting tersebut. Saat itu, syaitan sangat dekat dengan anak cucu Adam. Demi Allah yang jiwaku berada di tangan-Nya, sesungguhnya pencabutan nyawa oleh Malaikat maut itu lebih menyakitkan daripada tusukan pedang. Demi Allah yang jiwaku berada di tangan-Nya, tidaklah nyawa seorang hamba keluar dari dunia, melainkan setiap keringatnya merasakan sakit.”

(Hadis riwayat Abu Nu’aim dalam *al-Hilyah*)

Ṭāmah ibn Ghaylan al-Ja’fi menuturkan bahwa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Ya Allah, Engkau telah mengambil nyawa dari celah-celah urat saraf, hati dan hujung jari. Ya Allah, tolonglah aku dalam menghadapi kematian dan mudahkanlah kematian bagiku.”

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya)

Aṭa’ ibn Yasar meriwayatkan bahwa Nabi s.a.w. pernah bersabda, “Pencabutan nyawa oleh malaikat maut itu lebih menyakitkan daripada seribu kali tusukan

pedang. Tidaklah seorang mukmin meninggal melainkan setiap butir keringatnya merasakan sakit. Saat itu, yang paling dekat darinya adalah musuh Allah (syaitan).”

(al-Harth ibn Abi Usamah dalam *Musnad*-nya dengan *sanad* baik)

‘Ubaidibn ‘Umayr meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda, “Tidak ada setitis keringat pun saat kematian melainkan akan merasakan sakit. Ketika itu, datang kepadanya utusan dari Tuhannya. Sampaikanlah khabar gembira kepadanya bahawa tidak ada azab setelahnya.”

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya dan al-Baihaqi dalam *Syuaab al-Iman*)

Nabi s.a.w. pernah menjenguk salah satu sahabatnya yang sedang sakit, lalu beliau bertanya, “Apa yang engkau rasakan?”

“Aku ada di antara perasaan cemas dan harap”, jawabnya.

Beliau lalu bersabda, “Demi Allah yang jiwaku berada di tangan-Nya, keduanya tidak akan menyatu dalam diri seseorang pada saat itu, melainkan Allah akan memberikan kemudahan kepadanya dan memberikan rasa aman dari apa yang ditakutinya.”

Ahmad menuturkan bahawa Ibn ‘Abbas mengatakan, “Rasa sakit yang paling akhir diberikan kepada orang mukmin adalah kematian.”

Abu Nu’aim, al-Marwazi dan al-Baihaqi dalam *Syuaab al-Iman* mengisahkan bahawa ‘Umar ibn ‘Abdul ‘Aziz pernah berkata, “Aku tidak ingin dimudahkan dalam sakaratulmaut kerana sakaratulmaut adalah ganjaran terakhir yang diberikan kepada seorang Muslim.”

Ibn Abi ad-Dunya menuturkan bahawa Anas r.a. berkata, “Sejak dicipta Allah, anak cucu Adam belum pernah diberi rasa yang lebih menyakitkan daripada kematian.”

Sa’id ibn Mansur menuturkan riwayat dari Muhammad ibn Ka’ab. Dia berkata, “Sesungguhnya di antara urusan akhirat yang paling menyakitkan adalah kematian.”

Zaid ibn Aslam mengisahkan bahawa ada seseorang yang bertanya kepada Ka’ab al-Ahbar, “Penyakit apa yang tidak ada ubatnya?”

“Kematian”, jawabnya.

Sedangkan Zaid ibn Aslam sendiri mengatakan, “Sesungguhnya kematian itu adalah penyakit dan ubatnya adalah keredhaan Allah.”

Hadith meriwayatkan bahwa Anas r.a. pernah mendengar Nabi s.a.w. bersabda, “Sesungguhnya seorang hamba akan merasakan betapa susahnyanya kematian dan sakaratulmaut. Dalam perpisahannya, sebahagian akan mengucapkan salam kepada sebahagian yang lainnya seraya mengucapkan, ‘Assalamu alaik. Engkau meninggalkan aku dan aku meninggalkanmu sampai Hari Kiamat kelak.’”

(Hadis riwayat al-Qusyairi dalam *ar-Risalah*, Abu al-Fadhl at-Tusi dalam *Uyūn al-Akḥbar* dan ad-Dailami, melalui Ibrahim)

Ibn Abi ad-Dunya meriwayatkan bahwa al-Hasan pernah mengatakan, “Rasa sakit saat kematian yang dirasakan seorang hamba adalah ketika nyawa itu sampai di tekak. Saat itu, dia akan tercungap-cungap dan hidungnya meninggi.”

Dikatakan, “Khusus bagi orang yang mati syahid, dia tidak merasakan sakit saat kematian seperti yang dirasakan oleh orang lain.”

Abu Qatadah menceritakan bahwa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Orang yang mati syahid tidak merasa sakit akibat pembunuhan, melainkan hanya akan merasa rasa sakit akibat cubitan.”

(Hadis riwayat at-Ṭabrani)

Ibn Abi ad-Dunya meriwayatkan bahwa Muhammad ibn Ka’ab al-Qurzhī pernah mengatakan, “Pernah sampai kepadaku bahwa yang paling akhir mati adalah malaikat maut. Dikatakan kepadanya, ‘malaikat maut, matilah!’ Saat itu, dia akan berteriak keras. Seandainya suaranya didengar oleh penghuni bumi ini, nescaya mereka akan mati ketakutan. Setelah itu, dia mati.”

Ziyad an-Namiri berkata, “Aku pernah membaca sebahagian buku yang menyebutkan bahwa kematian itu lebih menyakitkan malaikat maut berbanding kematian yang dirasakan oleh seluruh makhluk lainnya.”

Al-Qurṭubi mengatakan, “Ditimpakannya rasa sakit saat kematian bagi para nabi kerana dua manfaat:

1. Sebagai penyempurna keutamaan mereka dan mempertinggi darjat mereka. Yang demikian itu bukan kekurangan atau azab, melainkan suatu ketetapan bahwa orang yang menderita akibat musibah adalah para nabi

dan orang-orang setelahnya.

2. Agar umat manusia mengetahui rasa sakit saat kematian kerana sakit itu bersifat misteri. Sebahagian orang pernah menyaksikan beberapa orang yang meninggal tetapi mereka tidak melihat gerakan atau goncangan, bahkan mereka melihat keluarnya nyawa secara mudah sehingga mereka menganggap ringan masalah kematian dan tidak mengetahui apa yang sesungguhnya dialami oleh si mayat. Ketika para nabi memberitahu mereka mengenai rasa sakit saat kematian nescaya semua orang mukmin akan merasakan sakit saat kematian kecuali; orang-orang yang mati syahid dan yang terbunuh oleh orang-orang kafir sebagaimana yang telah disebutkan di dalam hadis sebelumnya.”

Segolongan ulama mengatakan bahawa *siwak* (memberus gigi) dapat mempermudah keluarnya nyawa. Mereka menggunakan hadis yang diriwayatkan dari ‘Aisyah r.a. mengenai siwak yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. saat kematian beliau sebagai dalilnya.

Dalam *al-Zuhd*, Ahmad menuturkan bahawa Maimunah ibn Mahran berkata, “Selama salah seorang di antara kalian masih tetap beramal soleh, sesungguhnya hal itu akan memberikan kemudahan kepadanya ketika kematian menjemputnya, atau dia akan teringat kepada amal soleh yang pernah dilakukannya.”

Allah s.w.t. berfirman:

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ

Yang menjadikan kematian dan kehidupan.

(Surah al-Mulk: 2)

Mengenai firman Allah s.w.t. di atas, Qatadah mengatakan, “Kehidupan itu seperti kuda malaikat Jibril sedangkan kematian adalah seperti biri-biri berwarna kebiru-biruan (putihnya lebih banyak daripada warna hitamnya).”

Muqatil dan al-Kalbi mengatakan, “Kematian itu diciptakan seperti biri-biri; tidak melintasi seseorang melainkan dia akan mati. Kehidupan diciptakan seperti kuda; tidak melintasi sesuatu melainkan sesuatu itu akan hidup.”

Abu Syaikh dan Ibn Hibban menuturkan bahawa Wahab ibn Munabbih

berkata, “Allah menciptakan kematian seperti biri-biri yang kulitnya berwarna hitam dan putih (kebiru-biruan) serta memiliki empat tompok: satu sayap di bawah ‘Arasy, satu sayap pada orang kaya, satu sayap berada di timur dan satu lagi di barat. Allah berfirman kepadanya, ‘Jadilah!’ Kematian pun terjadi. Selanjutnya Dia berfirman, ‘Keluirlah!’ Lalu tampaklah kematian itu bagi malaikat Izra’il.”

Dengan *athar-athar* di atas, dapat diketahui bahawa kematian itu seperti biri-biri. Hal itu diperjelas dengan keterangan dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim yang berbunyi, “Pada Hari Kiamat kelak, kematian akan didatangkan dalam bentuk biri-biri yang berwarna kebiru-biruanan. Biri-biri itu lalu diberhentikan di antara syurga dan neraka. Kemudian dikatakan, ‘Apakah kalian mengenal ini?’ Mereka menjawab, ‘Ya.’ Setelah itu dia disembelih (Abu Ya’la menambahkan dalam sebuah riwayat dari Anas, ‘...seperti penyembelihan kambing’).”

Dalam *Syua’ab al-Iman*, Imam al-Baihaqi meriwayatkan hadis dari ‘Abdullah ibn ‘Ubaid ibn Umair. Dia menceritakan bahawa dirinya pernah bertanya kepada ‘Aisyah r.a. mengenai kematian mendadak. “Apakah kematian tersebut harus dibenci?”

‘Aisyah menjawab, “Untuk apa dibenci? Aku pernah menanyakan hal itu kepada Rasulullah s.a.w. Beliau menjawab, ‘Hal itu merupakan istirahat bagi orang mukmin dan kedukaan bagi orang-orang jahat.”



Doa-doa dan Bacaan bagi Orang yang Sedang Menghadapi Sakaratulmaut

Abu ad-Darda' menuturkan bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda, "Tidaklah seseorang yang menjelang kematiannya lalu dibacakan surah Yasin di atas kepalanya, melainkan akan dimudahkan baginya (proses kematian)."

(Hadis riwayat Ahmad, Ibn Abi ad-Dunya dan ad-Dailami)

Mu'aqil ibn Yasar menerangkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, "Bacakanlah surah Yasin untuk orang-orang yang mati di antara kalian."

(Hadis riwayat Ibn Abi Syaibah, Ahmad, AbuDaud, an-Nasa'i, al-Hakim dan Ibn Hibban)

Ibn Hibban mengatakan, "Yang dimaksudkan oleh hadis di atas adalah orang yang dalam keadaan sakaratulmaut kerana mayat itu tidak perlu dibacakan surah Yasin."

Ibn Abi Syaibah dan al-Marwazi meriwayatkan bahawa Jabir ibn Zaid pernah berkata, "Disunnahkan membacakan surah ar-Ra'd di sisi orang yang sedang sakaratulmaut. Hal itu dapat meringankan beban si mayat, memudahkan proses kematiannya, serta memperbaiki keadaannya. Pada hayat Rasulullah s.a.w., sebelum kematian seseorang itu tiba, dipanjatkanlah doa untuknya, 'Ya Allah, ampunilah si fulan, anak si fulan; tenangkanlah pembaringannya; luaskanlah kuburnya, berikanlah ketenangan setelah kematiannya; pertemukanlah dia dengan nabinya; naikkanlah rohnya bersama roh orang-orang yang soleh; satukanlah

antara kami dan dia dalam satu tempat yang di dalamnya sentiasa ada kesihatan; serta hilangkanlah keletihan dan kepenatannya.' Lantas dibacakan selawat kepada Rasulullah s.a.w. secara berulang-ulang sampai kematian menjemputnya.”

Ibn Abi Syaibah dan al-Marwazi menuturkan bahawa asy-Sya'bi pernah mengatakan, “Dahulu orang-orang Ansar membacakan surah al-Baqarah di sisi orang yang akan meninggal.”

Allah berfirman:

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا

Barangsiapa bertakwa kepada Allah, nescaya Dia akan memberikan baginya jalan keluar.

(Surah at-Talaq: 2)

Mengenai firman Allah s.w.t. di atas, Abu Nu'a'im menuturkan bahawa Qatadah pernah berkata, maksudnya: “Jalan keluar dari pelbagai hal yang syubhat di dunia, dari kesusahan saat kematian dan dari pelbagai rintangan pada Hari Kiamat kelak.”

Abu Sa'id meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda, “Tuntunlah orang yang sedang berhadapan dengan kematiannya dengan kalimat *La Ilaha illa Allah*.”

(Hadis riwayat Muslim)

Ibn Hibban dan yang lainnya mengatakan bahawa yang dimaksudkan dalam hadis tersebut adalah orang yang dalam keadaan sakaratulmaut.

Ibn 'Abbas pernah mendengar Nabi s.a.w. bersabda, “Perdengarkanlah pertama kali kepada bayi-bayi kalian kalimat *La Ilaha illa Allah*. Bimbinglah ketika mereka menghadapi kematian dengan kalimat *La Ilaha illa Allah*. Barangsiapa yang di awal ucapannya adalah *La Ilaha illa Allah* dan di akhir ucapannya adalah *La Ilaha illa Allah* juga, maka dia akan hidup selama seribu tahun dan dia tidak ditanya mengenai satu dosa pun.”

(Hadis riwayat Imam al-Baihaqi dalam *Syua'ib al-Iman*)

Al-Baihaqi mengatakan, “Ini adalah hadis *gharib*. Kami tidak menuliskannya kecuali dengan *isnad* ini.”

Abu Hurairah, sebagai hadis *marfu'*, mengatakan, “Jika orang-orang yang sakit

di antara kalian merasa keberatan, janganlah kalian menjadikan mereka merasa bosan dengan kalimat *La Ilaha illa Allah*. Akan tetapi, tuntunlah mereka kerana sesungguhnya orang yang munafik sama sekali tidak akan mengakhiri hidupnya dengan kalimat tersebut.”

(Hadis riwayat Abu Qasim al-Qusyairi)

‘Abdullah ibn Abi Awfa’ mengatakan, bahawa ada seseorang yang datang kepada Rasulullah s.a.w. seraya berkata, “Ya Rasulullah, di sini ada seorang anak yang sedang berhadapan dengan sakaratulmaut.”

Lalu dikatakan kepadanya, “Ucapkanlah *La Ilaha illa Allah*.”

Akan tetapi, dia tidak dapat mengucapkannya. Beliau lantas berkata, “Bukankah dia juga mengucapkannya dalam kehidupannya?”

“Ya”, jawab mereka.

“Lalu apa yang menghalangnya untuk mengucapkannya ketika akan mati?” tanya Rasulullah.

Beliau kemudian berangkat. Kami pun ikut bersamanya sampai beliau menemui anak itu seraya berkata, “Anak muda, ucapkanlah *La Ilaha illa Allah*.”

“Aku tidak dapat mengucapkannya”, jawabnya.

Lebih lanjut beliau bertanya, “Mengapa?”

Anak itu pun menjawab, “Kerana aku derhaka kepada ibuku.”

“Apakah ibumu masih hidup?” tanya beliau lagi.

“Masih”, sahutnya.

Kemudian beliau berkata, “Beritahu ibunya.”

Setelah itu ibunya datang. Beliau langsung berkata kepadanya, “Benarkah dia puteramu?”

“Ya”, jawab ibu itu.

Beliau lalu mengatakan, “Apa pendapatmu seandainya api itu sudah dinyalakan, lalu dikatakan kepada engkau, ‘Jika engkau tidak memberinya maaf/kerelaan, kami akan memasukkannya ke dalam api tersebut?’”

Ibu itu menjawab, “Kalau begitu, aku harus memaafkan dan meredhainya.”

“Bersaksilah kepada Allah dan kami, bahawa engkau benar-benar telah meredhainya,” kata Rasulullah.

Akhirnya, si ibu pun berkata, “Aku telah meredhainya.”

Setelah itu, baginda berkata, “Anak muda, ucapkanlah *La Ilaha illa Allah*.”

Dia pun akhirnya mengucapkan, “*La Ilaha illa Allah*.”

Kemudian baginda bersabda lagi, “Segala puji bagi Allah yang telah menyelamatkannya melalui diriku dari api neraka.”

(Hadis riwayat at-Tabrani dan al-Baihaqi dalam *Syuaib al-Iman* dan *Dala'il an-Nubuwwah*)

Ibn 'Asakir menuturkan kisah dari 'Abdurrahman al-Muharibi bahawa pernah ada seseorang yang akan wafat, lalu dikatakan kepadanya, “Ucapkanlah *La Ilaha illa Allah*.”

Orang itu menjawab, “Aku tidak dapat mengucapkannya kerana aku pernah berteman dengan suatu kaum yang menyuruhku menghina Abu Bakar dan 'Umar r.a.”

Talhah dan 'Umar mengatakan bahawa mereka berdua pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, “Aku akan mengajarkan suatu kalimat; tidak diucapkan kalimat itu oleh seseorang saat sakaratulmautnya, melainkan dia akan mendapatkan ketenangan ketika nyawanya keluar dari jasadnya dan akan bersinar pada Hari Kiamat kelak.”

Dalam lafaz yang lain disebutkan, “...melainkan Allah akan memudahkan kematiannya, mencerahkan airmukanya dan memperlihatkan apa yang telah memudahkannya iaitu kalimat *La Ilaha illa Allah*.”

(Hadis riwayat Abu Ya'la dan al-Hakim, dengan *sanad* sahih)

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Malaikat maut pernah mendatangi seseorang menjelang kematiannya. Dia lalu mengoyak anggota tubuhnya, tetapi dia tidak mendapatkan amal kebaikan. Dia kemudian mengoyak hatinya, tetapi tidak mendapatkan kebaikan di dalamnya. Lalu dia membuka mulutnya, ternyata dia menemukan kebaikan di hujung lidahnya yang melekat pada langit-langit mulutnya ucapan, '*La Ilaha illa Allah*.'”

Oleh kerana itu, diampunilah dosa-dosanya kerana kalimat tersebut.”

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya dalam *al-Muhtadharin*, at-Tabrani dan al-Baihaqi dalam *Syuaib al-Iman*)

Firqid as-Sanji mengatakan, “Jika seorang hamba akan meninggal, malaikat di sebelah kirinya berkata kepada malaikat di sebelah kanannya, ‘Segeralah cabut nyawanya.’ malaikat di sebelah kanannya menjawab, ‘Tidak, aku tidak akan segera mencabutnya. Barangkali dia akan mengucapkan *La Ilaha illa Allah*, sehingga aku akan menuliskannya.”

(Hadis riwayat Abu Nu’aim)

Abu Hurairah dan Abu Sa’id al-Khudri, sebagai hadis *marfu’* menuturkan, “Barangsiapa yang menjelang kematiannya mengucapkan, ‘*La Ilaha illa Allah, Allahu akbar, La hawla wa la quwwata illa billah al-Aliyy al-Azhim*’, nescaya dia tidak akan merasakan api neraka selamanya.”

(Hadis riwayat at-Tabrani)

Sa’ad ibn Abi Waqas menuturkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda, “Mahukah kalian aku tunjukkan nama Allah yang paling agung? Iaitu doa Yunus, ‘*La Ilaha illa Anta, Subhanaka, inni kuntu minazzholimin*. (Tiada Tuhan melainkan Engkau, Maha Suci Engkau. Sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang zalim).’ Barangsiapa yang berdoa dengan kalimat itu sebanyak empat puluh kali saat sakit menjelang kematiannya lalu dia meninggal, pasti dia akan diberikan pahala orang yang mati syahid; jika dia bebas, dia akan bebas dengan penuh pengampunan.”

(Hadis riwayat al-Hakim)

Abu Hurairah menuturkan dalam sebuah hadis *marfu’* bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Abu Hurairah, mahukah engkau aku beritahu mengenai suatu perkara yang benar? Barangsiapa yang mengucapkannya pada awal pembaringannya di saat sakit, dia akan diselamatkan oleh Allah dari api neraka.”

Abu Hurairah menjawab, “Tentu, ya Rasulullah.”

Beliau lalu mengucapkan, “Tidak ada Tuhan selain Allah. Dialah yang menghidupkan dan mematikan. Dia Maha Hidup dan tidak pernah mati. Maha Suci Allah, Tuhan seluruh hambadan negeri. Segala puji bagi Allah dengan pujian yang banyak, baik dan penuh berkah dalam setiap keadaan. Allah Maha Agung dengan seagung-agungnya; juga kebesaran-Nya, keperkasaan-Nya dan kekuasaan-

Nya yang berada di setiap tempat. Ya Allah, jika Engkau telah menjadikanku sakit dalam rangka untuk mencabut nyawaku, maka jadikanlah nyawaku ini bersama nyawa orang-orang yang dahulu mendapatkan kebaikan dari-Mu; lindungilah aku dari api neraka, sebagaimana Engkau telah melindungi mereka yang dahulu mendapatkan kebaikan dari-Mu.”

Beliau lantas melanjutkan, “Jika engkau meninggal dalam sakitmu itu, pasti engkau akan mendapat keredhaan Allah dan syurga. Jika engkau telah melakukan perbuatan dosa, pasti Allah akan mengampunimu.”

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya dan Ibn Mani’)

‘Ali ibn Abi Ṭalib k.w. menuturkan, “Aku pernah mendengar dari Rasulullah s.a.w. beberapa kalimat, yang bila diucapkan oleh seseorang ketika kematiannya, dia akan masuk syurga, iaitu: *La Ilaha illa Allah al-Halim al-Karim*, sebanyak tiga kali; *al-Hamdulillah Rabb al-‘Alamin*, sebanyak tiga kali; dan *Tabarak alladzi bi yadih al-mulk yuhyi wa yumut wa Huwa ‘ala kulli syai in Qadir*.”

(Hadis riwayat Ibn ‘Asskir)

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda (dalam hadis qudsi), “Sesungguhnya orang mukmin berkedudukan baik di sisi-Ku. Dia memuji-Ku dan Aku melepaskan nyawanya dari antara dua sisi tubuhnya.”

(Hadis riwayat Sa’id ibn Mansur dan al-Bazzar)

Ibn ‘Abbas meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda, “Sesungguhnya nyawa orang mukmin itu keluar dari antara dua sisi tubuhnya, sementara dia memuji Allah ‘*Azza wa Jalla*.”

(Hadis riwayat al-Baihaqi)

Sa’id ibn Mansur, al-Marwazi, Muslim dan Ibn Abi Syaibah menuturkan bahawa Ummu al-Hasan berkata, “Aku pernah berada di sisi Ummu Salamah, lalu datang seseorang kepadanya seraya mengatakan, ‘Si anu meninggal.’ Kemudian dia menuturkan, ‘Berangkatlah ke sana. Jika engkau melihatnya sedang dalam keadaan sakaratulmaut, ucapkanlah, *Salam ‘ala al-mursalin wa al-hamdu lillahi Rabb al-‘alamin*.”

Abu Bakrah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. datang mengunjungi Abu Salamah. Ternyata dia sudah meninggal. Ketika matanya masih terbuka, beliau langsung mengeluarkan tangannya untuk menutupkan matanya. Saat

beliau menutupkan matanya itu, anggota keluarganya menjerit. Rasulullah s.a.w. kemudian menenangkan mereka seraya berkata, “Sesungguhnya nyawa itu jika keluar, dia akan diikuti oleh jeritan. Sesungguhnya para malaikat mengunjungi si mayat dan mengamini apa yang diucapkan oleh anggota keluarganya.”

Setelah itu, beliau berdoa, “Ya Allah, angkatlah darjat Abu Salamah ke darjat orang-orang yang mendapat petunjuk; berikanlah ketabahan bagi orang-orang yang ditinggalkannya; dan ampunilah kami dan dia pada Hari Kiamat kelak.”

(Hadis riwayat at-Tabrani)

Syadad ibn Aws meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Jika kalian mendatangi orang yang telah meninggal, tutupkanlah matanya kerana mata itu mengikuti roh. Ucapkanlah hal-hal yang baik, kerana malaikat akan mengamini doa anggota keluarga.”

(Hadis riwayat al-Hakim)

Imam al-Baihaqi dalam *Syú'ab al-Iman* dan Abu Nu'aim dalam *al-Hilyah* menuturkan riwayat dari Mujahid bahawa Ibn 'Abbas pernah berkata kepadanya, “Janganlah engkau tidur melainkan dalam keadaan berwudhuk kerana roh akan dibangkitkan seperti pada saat dia dicabut.”

Anas r.a. menuturkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda, “Barangsiapa yang didatangi oleh malaikat maut sementara dia dalam keadaan berwudhuk, nescaya wudhuknya akan menjadi saksi baginya.”

(Hadis riwayat at-Tabrani)

Bakar ibn 'Abdillah al-Muzni menuturkan, “Jika engkau menutup mata seorang mayat, katakanlah ‘*Bismillah wa 'ála millah Rasulillah.*’”

Malaikat Maut dan Para Pembantunya

Allah s.w.t. berfirman:

قُلْ يَتُوفَّئِكُمْ مَلَائِكَةُ الْمَوْتِ الَّتِي وَكَّلَ بِكُمْ

Katakanlah (Muhammad), "Malaikat maut yang diberi tugas (mencabut nyawa) kalian akan mematikan kalian."

(Surah as-Sajdah: 11)

Dalam surah yang lain, Allah berfirman:

حَتَّىٰ إِذَا جَاءَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ تَوَفَّتْهُ رُسُلُنَا وَهُمْ لَا يُفِرُّونَ ﴿٦١﴾

Apabila datang waktu kematian kepada salah seorang di antara kalian, para malaikat Kami akan mematikannya; mereka itu tidak pernah melalaikan kewajibannya.

(Surah al-An'aam: 61)

Mengenai firman Allah s.w.t., "...para malaikat Kami mematikannya...", Ibn Abbas mengatakan, "Maksudnya, para pembantu malaikat maut itu terdiri dari para malaikat juga."

(Hadis riwayat Ibn Abi Syaibah dan Ibn Hatim)

Hal yang sama diriwayatkan oleh Abu Syaikh dari Ibrahim an-Nakha'i, tetapi dia menambahkan, "Setelah itu nyawanya dicabut oleh malaikat maut."

Abu Syaikh menuturkan bahwa Wahab ibn Munabbih mengatakan, "Sesungguhnya para malaikat yang mendatangi manusia adalah mereka yang mematikan manusia dan menuliskan ajal untuk manusia. Jika mereka mematikan

suatu jiwa, mereka terus menyerahkannya kepada malaikat maut. Dia seperti pemimpin yang melaksanakan apa yang diserahkan oleh bawahannya.”

Abu Hurairah meriwayatkan hadis yang berbunyi, “Ketika Allah hendak menciptakan Adam, Dia membangkitkan malaikat dari ‘Arasy yang datang dengan membawa tanah dari bumi. Ketika malaikat itu hendak mengambil tanah, bumi berkata, ‘Aku meminta kepadamu melalui Zat yang mengutusmu, agar tidak mengambil sesuatu pun dariku hari ini yang darinya api neraka akan mendapatkan bahagian pada hari esok.’ malaikat itu pun meninggalkannya. Ketika kembali kepada Tuhannya, Tuhan bertanya, ‘Apa yang menyebabkan kamu tidak membawa apa yang telah Kuperintahkan kepadamu?’ malaikat menjawab, ‘Bumi memohon melalui diriku kepada-Mu dan aku bermaksud menyampaikan apa yang dipohonkan kepada-Mu.’ Kemudian Tuhan mengirimkan malaikat yang lain, yang juga mengatakan hal yang sama, hingga Dia mengirimkan keseluruhan dari mereka. Akhirnya, Tuhan mengutus malaikat maut, namun bumi tetap mengatakan hal yang sama. Malaikat maut lalu berkata, ‘Sesungguhnya Tuhan yang mengutusku adalah lebih berhak ditaati daripada kamu.’ malaikat maut itu lalu mengambil tanah dipermukaan bumi secara keseluruhan, yang baik mahupun yang buruk. Dia lalu membawanya kepada Tuhannya. Tanah itu kemudian disiram dengan air dari syurga hingga menjadi lumpur hitam yang diberi bentuk. Dari lumpur hitam itu, terciptalah Adam.”

(Hadis riwayat Ibn Abi Hatim)

Hal yang sama juga diriwayatkan oleh Abu Hudzaifah dan Ishaq ibn Basyar, berdasarkan riwayat Ibn Ishaq dari az-Zuhri. Menurut az-Zuhri, malaikat pertama yang diutus adalah malaikat Israfil dan yang kedua adalah Mikail. Sedangkan menurut riwayat Ibn ‘Asakir yang diperoleh secara berturut-turut melalui as-Sadi - dari Abu Malik, Abu Şalih, Ibn ‘Abbas, Marrah, Ibn Mas‘ud dan beberapa orang sahabat - malaikat yang diutus pertama kali adalah malaikat Jibril dan yang kedua adalah Mikail.

Ibn Abi Syaibah, Ibn Hatim, Abu Syaikh dan al-Baihaqi dalam *Syua‘b al-Iman* menuturkan bahawa Ibn Sabit mengatakan, “Yang mengurus dunia ini ada empat: Jibril, Mikail, Israfil dan malaikat maut. Jibril mengurus tentera dan angin; Mikail mengurus hujan dan tumbuh-tumbuhan; malaikat maut diberi kekuasaan mencabut nyawa; sedangkan Israfil bergantung pada perintah yang turun

kepadanya.”

Rabi' ibn Anas pernah ditanya tentang malaikat maut, apakah dia sendiri yang mencabut nyawa manusia? Dia pun menjawab, “Dia yang memegang urusan mencabut nyawa. Dia mempunyai beberapa pembantu dalam melakukan hal itu. Namun demikian, malaikat maut adalah ketuanya. Setiap langkahnya berpindah dari timur sampai ke barat.”

Aku lalu bertanya, “Lantas, di mana roh-roh orang-orang mukmin?”

Dia menjawab, “Berada di *Sidrat*.³”

(Hadis riwayat Abu Syaikh dan Ibn Hibban)

Allah s.wt. berfirman:

فَالْمُدْرِبَاتِ أَمْرًا ۝

(malaikat-malaikat) yang mengatur urusan (dunia)

(Surah an-Nazi'at: 5)

Mengenai firman Allah s.wt. di atas, Ibn 'Abbas mengatakan, “Ada beberapa malaikat yang ikut bersama malaikat maut. Mereka mendatangi orang-orang yang akan mati ketika hendak mencabut nyawa mereka. Di antara mereka, ada yang membawa naik roh; ada yang mengaminkan doa; dan ada yang memohonkan ampunan bagi si mayat, hingga mayat tersebut disolatkan dan dikebumikan.”

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya)

Allah s.wt. berfirman:

وَقِيلَ مَنْ رَاقٍ ۝

Dikatakan (kepadanya), “Siapakah yang dapat menyembuhkan?”

(Surah al-Qiyamah: 27)

Mengenai firman Allah 'Azza wa Jalla di atas, 'Ikrimah mengatakan, “Para pembantu malaikat maut itu sebahagian berkata kepada sebahagian lainnya, ‘Siapa yang akan mengangkat rohnya dari tapak kakinya menuju tempat keluarnya nyawa?’”

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya)

3 Tidak dapat dijangkau oleh satu malaikat pun.

Ja'far ibn Muhammad meriwayatkan hadis ayahnya, bahawa al-Harth ibn al-Khazraj menuturkan, ayahnya pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda (ketika itu beliau dalam keadaan melihat ke arah malaikat maut yang berada di atas kepala seseorang dari kaum Anşar), "Wahai malaikat maut, berlemah-lembutlah terhadap sahabatku ini, kerana dia orang mukmin."

Malaikat maut menjawab, "Bersihkanlah jiwa dan buatlah pandangan yang menyenangkan. Ketahuilah, aku ini selalu berlemah-lembut kepada orang mukmin. Wahai Muhammad, aku pasti akan mencabut nyawa anak cucu Adam. Jika sangkakala telah ditiup, aku berada di rumah seseorang, sementara nyawanya bersamaku. Lalu kukatakan, 'Suara apa itu?' Demi Allah, kami tidak menzaliminya; tidak juga memperlambat atau mempercepat takdirnya. Tidaklah kami berdosa mencabut nyawanya. Oleh kerana itu, jika engkau semua redha apa yang dilakukan Allah, nescaya engkau akan diberi pahala atasnya; sementara jika engkau semua murka, bererti engkau berdosa. Kami selalu datang dan kembali kepadamu. Oleh kerana itu, berhati-hatilah. Tidak satu pun dari suatu anggota keluarga - yang baik mahupun yang jahat, di dataran mahupun di pergunungan - melainkan aku selalu menyalaminya setiap siang dan malam, sehingga aku lebih tahu baik yang masih anak-anak mahupun yang tua daripada diri mereka sendiri. Demi Allah, seandainya aku ingin mencabut nyawa seekor lalat, aku tidak akan pernah mampu melakukannya, kecuali Allah menghendakinya."

(Hadis riwayat at-Tabrani, Abu Nu'aim dan Ibn Mundah)

Ja'far ibn Muhammad mengatakan, "Aku pernah mendengar bahawa malaikat maut menyalami mereka pada waktu-waktu solat. Ketika dia melihat kematian, jika dialami oleh orang yang memelihara solat lima waktu, dia akan mendekatinya dan mengusir syaitan darinya; lalu dia akan menuntunnya untuk mengucapkan kalimat *La ilaha illa Allah Muhammad Rasulullah* pada saat yang sangat agung itu."

Hal di atas juga diriwayatkan oleh Ibn Abi Hatim dalam tafsirnya dan Abu Syaikh dari Ja'far ibn Muhammad sebagai hadis *marfu'*, *mu'dhal*.

Ibn Abi ad-Dunya dan Abu Syaikh menuturkan bahawa al-Hasan pernah mengatakan, "Tidak ada satu hari pun melainkan malaikat maut member salam kepada manusia di setiap rumah sebanyak tiga kali. Barangsiapa yang dilihatnya telah memperoleh rezekinya dan telah habis jatah umurnya, dia pun mencabut nyawanya. Jika malaikat maut mencabut nyawanya, anggota keluarganya

menyambutnya dengan ratapan dan tangisan. Malaikat maut lalu pergi ke tempi pintu rumah orang itu seraya berkata, 'Aku tidak berbuat dosa kepada kalian. Aku hanya diperintah. Demi Allah, aku sama sekali tidak memakan rezekinya; tidak mengurangi sedikit pun umurnya; dan tidak juga mempercepat ajalnya. Sesungguhnya aku akan kembali dan kembali lagi kepada kalian, hingga tidak seorang pun dari kalian yang tersisa.'

Al-Hasan mengatakan, "Seandainya sahaja mereka mengetahui keberadaannya dan mendengar ucapannya, nescaya mereka akan mengabaikan mayat mereka dan menangisi diri mereka sendiri."

Dalam *al-Jana'iz*, al-Marwazi meriwayatkan hadis dari Sulaym ibn 'Aṭīyyah, bahawa Salman pernah datang mengunjungi temannya yang ketika itu sedang menghadapi kematian. Dia berkata, "Malaikat maut, berlemah-lembutlah kepadanya, kerana dia adalah seorang mukmin."

Seseorang lalu menuturkan bahawa malaikat maut itu berkata, "Sesungguhnya aku ini selalu berlemah-lembut kepada setiap orang mukmin."

Hamid ibn Maymun menerangkan, ayahnya pernah berkata bahawa dirinya termasuk salah seorang yang menghadiri Muṭallib ibn 'Abdillah ibn Hinṭab. Dia adalah orang baik. Dia sedang menghadapi kematian dengan penuh kesusahan. Salah seorang yang hadir, dalam keadaan pengsan, mengigau, "Ya Allah berikanlah kemudahan kepadanya, kerana dia telah melakukan ini dan itu (dengan maksud memujinya)."

Kemudian dia tersedar dari pengsanannya dan berkata, "Siapa yang berkata-kata tadi?"

Orang-orang menjawab, "Si fulan."

Setelah itu, dia mengatakan, "Sesungguhnya malaikat maut mengatakan kepadamu, 'Sesungguhnya aku ini berlemah-lembut kepada setiap orang mukmin.'"

Akhirnya, dia pun mati. Demikian sebagaimana diriwayatkan oleh Zubair ibn Bakar dan Ibn 'Asakir dari beberapa jalan.

'Ubaid ibn Umair menceritakan bahawa suatu hari, Ibrahim a.s. berada di rumah. Tiba-tiba masuklah seseorang yang berpenampilan baik. Ibrahim pun bertanya,

“Wahai hamba Allah, siapa yang menyuruh engkau memasuki rumahku?”

“Aku disuruh masuk oleh pemiliknya”, jawabnya.

Ibrahim bertanya lagi, “Pemiliknya lebih berhak ke atas rumah ini. Lalu siapakah engkau ini?”

“Aku ini adalah malaikat maut”, sahutnya.

“Aku telah diberitahu beberapa ciri dirimu, tetapi aku tidak melihat ciri-ciri itu pada dirimu sekarang ini”, lanjut Ibrahim.

“Berpalinglah”, tuturnya.

Ibrahim pun berpaling. Dia lalu melihat mata di bahagian muka dan juga di bahagian belakang kepalanya, sedangkan setiap rambutnya seperti gigi yang tegak berdiri. Ibrahim kemudian memohon perlindungan dari hal itu seraya berucap, “Kembali pada bentukmu yang asal.”

Malaikat maut berkata, “Ibrahim, sesungguhnya jika Allah mengutusku kepada orang yang menyukai pertemuan dengan-Nya, Dia mengutusku dalam bentuk seperti yang engkau lihat pertama kali.”

Wahab menuturkan bahawa sesungguhnya Ibrahim a.s. melihat seseorang di dalam rumahnya. Dia lalu bertanya, “Siapakah engkau ini?”

Orang itu menjawab, “Aku adalah malaikat maut.”

“Jika engkau benar, tunjukkanlah kepada aku bukti yang membuat aku mengenal bahawa engkau benar-benar malaikat maut”, kata Ibrahim.

Malaikat maut berkata, “Palingkanlah mukamu.”

Ibrahim lalu berpaling. Kemudian dia melihat malaikat maut menampakkan dirinya dalam bentuk ketika dia mencabut nyawa orang-orang mukmin.”

Ibrahim melihat sesuatu dari cahaya dan kilat yang tidak diketahui, kecuali oleh Allah. Selanjutnya malaikat maut berkata, “Palingkanlah wajahmu!”

Ibrahim pun berpaling lalu melihat kembali, sementara malaikat maut menampakkan diri dalam bentuk ketika dia mencabut orang-orang kafir dan orang-orang jahat. Ibrahim merasa benar-benar ketakutan hingga berdiri bulu romanya dan perutnya menyempit. Bahkan hampir sahaja nyawanya keluar.

Ibn Mas'ud dan Ibn 'Abbas mengatakan bahawa ketika Allah menjadikan Ibrahim sebagai kesayangan-Nya, malaikat maut meminta Tuhannya agar mengizinkan dirinya memberitahu hal itu kepadanya. Allah mengizinkan. Malaikat maut lalu mendatangi Ibrahim dan memberinya khabar gembira itu. Ibrahim pun mengucapkan, "Alhamdulillah." Jawabnya. "Wahai malaikat maut, tunjukkanlah kepadaku bagaimana engkau mencabut nyawa orang-orang kafir."

"Ibrahim, engkau tidak akan mampu menyaksikannya", jawabnya.

"Benar?" sahutnya.

Malaikat maut lalu berkata, "Berpalinglah!"

Ibrahim berpaling. Beberapa saat kemudian dia mengembalikan pandangannya. Ternyata dia melihat satu lembaga hitam, kepalanya sampai menyentuh langit, dari mulutnya keluar api neraka dan tidak satu rambut pun pada tubuhnya. Ibrahim pun pengsan, lalu sadar kembali. Malaikat maut telah kembali pada bentuknya yang asal. Ibrahim kemudian berkata, "Wahai malaikat maut, meskipun orang kafir tersebut tidak mendapat ujian kesusahan dan kesedihan, namun apa yang engkau gambarkan itu sudah cukup. Sekarang tunjukkan kepadaku bagaimana engkau mencabut nyawa orang-orang yang beriman."

"Berpalinglah", ujar malaikat maut.

Ibrahim berpaling dan menoleh kembali. Ternyata dia melihat seorang pemuda yang tampan dan berbau wangi dan berpakaian putih. Lalu dia mengatakan, "Wahai malaikat maut, meski orang mukmin tidak mengetahui pandangan yang menyenangkan dan kemuliaan, namun apa yang engkau gambarkan itu sudah cukup."

Imam Ahmad dalam *al-Zuhd*, Abu Syaikh dan Abu Nu'aim menceritakan bahawa Mujahid mengatakan, "Bumi ini dijadikan untuk malaikat maut seperti sebuah bekas. Dia dapat berbuat sekehendak hati terhadapnya. Diciptakan para pembantu untuknya yang akan mewafatkan setiap jiwa yang ada, kemudian salah satunya mereka cabut."

Abu Syaikh menuturkan bahawa Hakam ibn 'Utaibah pernah berkata, "Dunia berada di tangan malaikat maut seperti bekas yang berada di tangan seseorang."

Ibn Abi ad-Dunya dan Abu Syaikh meriwayatkan hadis dari Asy'ath ibn Sulaim,

bahawa Ibrahim a.s. pernah bertanya kepada malaikat maut, yaitu 'Izra'il, yang memiliki dua mata di wajahnya dan dua mata di tengkuknya. Ibrahim berkata, "Wahai malaikat maut, jika ada jiwa di bahagian timur dan yang lainnya berada di bahagian barat lalu tersebar wabak di muka bumi ini, sementara dua pasukan tentera saling bertemu, apa yang akan engkau lakukan?"

Dia menjawab, "Aku akan memanggil roh-roh itu dengan izin Allah, hingga semuanya berada di jari-jari tanganku ini."

Ibrahim melanjutkan, "Bumi telah dibentangkan untuknya, dibuat seperti sebuah bekas dan dia dapat mencapainya sekehendak hatinya."

Al-Hasan ibn 'Imarah meriwayatkan hadis dari al-Hakam, bahawa Ya'qub a.s. pernah berkata kepada malaikat maut, "Tidak satu jiwa pun yang masih bernafas melainkan engkau akan mencabut nyawanya."

"Benar", jawabnya.

"Lalu bagaimana engkau melakukannya, sedangkan engkau berada di sini bersamaku dan pelbagai nyawa berada di pelbagai belahan bumi?" lanjut Ibrahim.

Malaikat maut menjawab, "Sesungguhnya Allah telah menciptakan dunia bagiku seperti bekas yang diletakkan di hadapan salah seorang di antara kalian; dia dapat mencapai semua hujungnya sesuai dengan kehendaknya. Demikian juga dengan dunia bagiku."

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya)

Ad-Dainuri menuturkan riwayat dari AbuQais al-Azdi, bahawa pernah ditanyakan kepada malaikat maut, "Bagaimana engkau mencabut nyawa?" "Dengan memanggilnya, lalu nyawa itu pun memenuhi panggilanku."

Ibn Abi ad-Dunya, Abu Syaikh dan Abu Nu'aim menuturkan riwayat dari Syahr ibn Khusyaib, bahawa malaikat maut itu dalam keadaan duduk, sementara dunia berada di antara dua lututnya dan buku catatan tentang ajal Bani Adam berada di tangannya. Di hadapannya ada beberapa malaikat yang berdiri tegak. Dia sendiri memperlihatkan buku catatan tersebut yang menjadikan mata tidak berkedip. Jika dia mendatangi seorang hamba, dia mengatakan, "Cabutlah nyawa orang ini."

Ibn Abi Hatim dan Abu Syaikh menuturkan bahawa Ibn Abbas pernah ditanya mengenai dua jiwa manusia, sementara kematian kedua jiwa disepakati dalam satu

kelipan mata, padahal yang satu berada di bahagian timur dan lainnya di bahagian barat. Lantas, bagaimana malaikat maut mampu mencabut nyawa keduanya?

Ibn 'Abbas menjawab, "Jangkauan malaikat maut terhadap orang yang hidup di bahagian timur, di barat, di tempat gelap, di udara, mahupun di lautan adalah seperti seseorang yang menghadapi sebuah meja yang dapat dijangkaunya dari arah mana sahaja."

Juwaibir menuturkan riwayat dari al-Kalbi bahawa Mujahid pernah mendengar Ibn 'Abbas mengatakan, "Malaikat maut yang mematikan seluruh jiwa, telah diberikan kekuasaan atas apa yang ada di bumi, sebagaimana dikuasakan kepada salah seorang di antara kalian apa yang ada di telapak tangannya. Bersama malaikat maut ada malaikat rahmat dan malaikat azab. Jika mewafatkan jiwa yang baik, dia menyerahkannya kepada malaikat rahmat. Jika mewafatkan jiwa yang jahat, dia menyerahkannya kepada malaikat azab."

Abu al-Muthni al-Hamṣi mengatakan, "Sesungguhnya dunia ini, baik dataran mahupun pergunungannya, berada di antara dua paha malaikat maut yang ditemani oleh malaikat rahmat dan malaikat azab. Dia mencabut semua nyawa, lalu nyawa-nyawa tersebut diberikan kepada malaikat rahmat; sementara yang lainnya diberikan kepada malaikat azab."

Ditanyakan, "Jika kematian itu terjadi dalam peperangan sementara pedang itu kecepatannya seperti kilat, bagaimana prosesnya?"

Dia menjawab, "Dia hanya cukup memanggilnya, lalu jiwa-jiwa itu datang kepadanya."

Zuhair ibn Muhammad meriwayatkan bahawa pernah dikatakan kepada Rasulullah s.a.w., "Ya Rasulullah, malaikat maut itu hanya satu, sementara dua tentera bertemu dari dua arah timur dan barat. Pada saat yang sama, di antara dua arah tersebut juga terjadi kerosakan dan kebinasaan."

Beliau menjawab, "Sesungguhnya Allah telah menghimpun dunia untuk malaikat maut. Bahkan Dia menjadikan dunia itu seperti bekas yang berada di tangan kalian. Lalu apakah akan ada sesuatu yang luput darinya?"

(Hadis riwayat Ibn Abi Hatim)

Ibn Abi Syaibah dalam *al-Muṣannaf* menuturkan, "Abdullah ibn Numair

menyampaikan riwayat kepada kami dari al-A'masy bahawa Khaiṭamah mengatakan, 'malaikat maut pernah mendatangi Sulaiman ibn Daud, sementara dia memiliki kawan. Sulaiman berkata kepadanya, 'Mengapa engkau mendatangi suatu anggota keluarga, lalu mencabut nyawa mereka semua; sementara engkau membiarkan anggota keluarga lain tanpa dicabut nyawa seorang pun dari mereka?' Dia menjawab, 'Aku tidak mengetahui siapa yang telah aku cabut nyawanya kerana aku berada di bawah 'Arasy, lalu diberikan kepadaku buku yang di dalamnya tercantum sejumlah nama.'

Masih dengan *sanad* yang sama, Khaiṭamah menceritakan bahawa malaikat maut pernah datang ke rumah Sulaiman. Dia lalu melihat ke arah seseorang dari teman Sulaiman. Dia terus-menerus memandangnya. Ketika dia keluar, orang itu bertanya, "Siapakah orang tadi?"

"Dia adalah malaikat maut", jawab Sulaiman.

"Aku melihat dia memandanku seperti dia menginginkanku", lanjut orang tadi.

Sulaiman bertanya, "Lalu apa yang engkau inginkan sekarang?"

Dia menjawab, "Aku ingin engkau membawaku kepada angin dan menghantarkanku sampai ke India."

Kemudian Sulaiman memanggil angin dan membawa orang itu kepadanya. Angin itu menghantarkannya terus sampai ke India. Setelah itu, malaikat maut datang kepada Sulaiman. Sulaiman berkata kepadanya, "Engkau tadi terus-menerus melihat ke arah salah seorang temanku."

"Sesungguhnya aku merasa hairan terhadapnya, aku telah diperintahkan mencabut nyawanya di India, sementara dia berada di sisimu."

Ibn 'Asakir menuturkan bahawa Khaiṭamah menceritakan, "Sulaiman ibn Daud berkata kepada malaikat maut, 'Jika engkau hendak mencabut nyawaku, beritahulah kepadaku hal itu.' Dia menjawab, 'Aku tidak lebih tahu mengenai hal itu daripada dirimu sendiri. Aku hanya diberi buku-buku tentang nama-nama orang yang akan mati.'"

Ibn Abi Hatim meriwayatkan hadis dari Ibn 'Abbas bahawa ada salah satu malaikat yang meminta izin kepada Tuhannya untuk datang ke rumah Idris. Dia

lalu mendatanginya. Idris berkata kepadanya, “Apakah antara dirimu dengan malaikat maut terdapat hubungan?”

“Dia itu saudaraku”, jawabnya.

“Apakah engkau dapat membantuku berbuat sesuatu di sisinya?” lanjut Idris.

Malaikat itu menjawab, “Jika untuk mengakhirkan atau memajukan kematian, aku tidak dapat melakukan. Akan tetapi, aku akan berbicara dengannya untukmu. Naiklah di antara kedua sayapku.”

Idris segera menaikinya. Mereka berangkat naik ke langit tertinggi, lalu dipertemukan dengan malaikat maut, sementara Idris masih berada di antara kedua sayap malaikat. Kemudian malaikat itu berbicara kepada malaikat maut, “Aku ada keperluan denganmu.”

Malaikat maut menjawab, “Aku sudah tahu keperluanmu. Engkau ingin mengatakan tentang Idris. Namanya telah dihapus. Ajalnya hanya tinggal sekelip mata.”

Idris pun meninggal di antara kedua sayap malaikat tersebut.

Ahmad dan Ibn Abi ad-Dunya menuturkan bahawa ‘Umar berkata, “Kami pernah mendengar bahawa malaikat maut tidak mengetahui bila dia akan mendatangi manusia sehingga dia diperintahkan untuk mencabut nyawanya.”

Ibn Abi ad-Dunya juga meriwayatkan hadis dari Ibn Juraij. Dikatakan, “Telah sampai berita kepada kami bahawa pernah dikatakan kepada malaikat maut, ‘Cabutlah nyawa si fulan pada waktu sekian dan hari sekian.’”

Al-Marwazi, Ibn Abi ad-Dunya dan Abu Syaikh meriwayatkan hadis dari Abu asy-Sya’tha’ Jabir ibn Zaid, bahawa malaikat maut mencabut nyawa tanpa disertai rasa sakit, tetapi manusia mencela dan melaknatnya. Dia mengadu kepada Tuhannya, lalu Allah memberikan pelbagai rasa sakit kepada manusia. Malaikat maut pun dijadikan lupa. Dikatakan, “Si fulan meninggal dengan rasa sakit ini dan itu.”

Abu Nu’aim menuturkan riwayat dari al-A’masy bahawa malaikat maut pernah menampakkan diri kepada manusia, lalu dia mendatangi seseorang seraya berkata, “Penuhilah keinginanmu kerana aku hendak mencabut nyawamu.”

Dia mengadu sehingga dikurangkanlah rasa sakit dan kematian terjadi secara sembunyi-sembunyi.

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda, “Dahulu malaikat maut mendatangi manusia secara mata kasar. Lalu Musa datang dan menempelengnya sehingga matanya keluar. Kemudian dia mengadu kepada Tuhannya dan menuturkan, “Tuhanku, hamba-Mu Musa, mencungkil mataku. Kalau bukan kerana penghormatannya kepada-Mu, nescaya aku pasti sudah memecahkannya.”

Tuhannya berfirman, “Pergilah kepada hamba-Ku itu dan katakan kepadanya agar dia meletakkan tangannya di atas kulit lembu. Pada setiap helai bulu yang melekat di tangannya, baginya satu tahun.”

Kemudian malaikat maut mendatangnya dan bertanya, “Setelah ini apa?”

Tuhannya menjawab, “Kematian.”

“Kalau begitu, sekaranglah saatnya”, tuturnya.

Malaikat pun menciumnya dan mencabut nyawanya. Kemudian Allah mengembalikan matanya kepadanya. Setelah itu, malaikat maut mendatangi manusia tanpa dapat dilihat oleh mata kasar.

Abu Hudzaifah Ishaq ibn Basyar menyebut hadis dari Ibn ‘Umar bahawa malaikat maut pernah mengatakan, “Tuhanku, sesungguhnya hamba-Mu, Ibrahim takut terhadap kematian.”

Tuhan berkata kepadanya, “Katakan kepadanya bahawa seorang kekasih itu jika lama terpisah dari kekasihnya akan merasa sangat merindukannya.”

Malaikat maut menyampaikan hal itu kepada Ibrahim. Ibrahim pun berkata, “Benar, Tuhanku. Aku sudah sangat rindu untuk bertemu dengan-Mu.”

Malaikat maut kemudian memberinya wewangian, lalu menciumnya dan mencabut nyawanya.

Abu Syaikh menuturkan riwayat dari Muhammad ibn al-Munkadir bahawa malaikat maut pernah berkata kepada Ibrahim a.s., “Sesungguhnya Tuhanku telah memerintahku untuk mencabut nyawamu dengan cara yang mudah seperti yang aku lakukan terhadap nyawa orang mukmin.”

Ibrahim berkata, “Aku mohon kepadamu, dengan hak Tuhan yang mengutusmu, agar engkau kembali menemui-Nya untuk menanggukkan kematianku.”

Malaikat maut kemudian berangkat dan mengatakan, “Sesungguhnya kekasih-Mu memintaku untuk menanyakan kepada-Mu tentang dirinya.”

Tuhan berkata, “Kembalilah dan katakan kepadanya bahwa Tuhannya mengatakan, ‘Seorang kekasih selalu mengharapkan bertemu Kekasihnya.’”

Malaikat pun segera mendatangnya. Ibrahim berkata, “Kerjakanlah apa yang telah diperintahkan kepadamu.”

“Apa engkau tidak ingin meminum sesuatu terlebih dahulu?” tanyanya.

Ibrahim menjawab, “Tidak.”

Setelah itu, malaikat maut meminta kepada Ibrahim agar bernafas supaya dia dapat menicium bau mulutnya. Lalu dia mencabut nyawanya saat itu juga.”

Abu Hurairah r.a. menuturkan bahwa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Daud adalah seorang yang mempunyai *ghirah* yang sangat besar. Jika keluar rumah, dia selalu menutup semua pintu sehingga tidak seorang pun memasukinya sehinggalah dia pulang. Pada suatu hari, dia pernah keluar rumah. Setibanya di rumah, dia menemukan seseorang berdiri di dalam rumahnya. Dia lalu bertanya, ‘Siapakah engkau ini?’ Yang ditanya menjawab, ‘Akulah yang tidak takut dengan raja mana pun dan tidak ada dinding yang dapat menghalangiku.’ Daud berkata, ‘Jadi, engkau adalah malaikat maut. Selamat datang dengan perintah Allah.’ Lalu Daud melipat lengan bajunya dan tetap ditempatnya. Kemudian malaikat maut mencabut nyawanya.”

(Hadis riwayat Ahmad)

Al-Husain menuturkan bahawa Jibril pernah turun menemui Nabi s.a.w. pada hari wafatnya. Jibril bertanya, “Bagaimana perasaanmu?”

Beliau menjawab, “Aku merasa sangat sedih dan berduka.”

Kemudian malaikat maut berdiri di hadapan pintu seraya meminta izin. Malaikat Jibril berkata, “Wahai Muhammad, ini adalah malaikat maut. Dia meminta izin kepadamu, padahal dia tidak pernah meminta izin kepada seorang pun sebelum dan sesudahmu. Izinkanlah dia.”

Beliau mengizinkannya. Kemudian malaikat maut masuk. Sesampainya di hadapan baginda, dia berkata, “Sesungguhnya Allah telah mengutusku kepadamu dan memerintahkanku untuk menaatimu. Jika engkau memerintahku untuk mencabut nyawamu, aku akan melakukannya. Akan tetapi, jika engkau tidak menghendaki, aku pun tidak akan melakukannya.”

“Apakah engkau akan melakukannya, wahai malaikat maut?” ujar beliau.

“Ya, demikianlah aku diperintahkan”, jawabnya.

Jibril kemudian berkata, “Sesungguhnya Allah telah rindu untuk bertemu denganmu.”

Rasulullah s.a.w. lantas bersabda, “Kerjakanlah apa yang diperintahkan kepadamu.”

(Hadis riwayat at-Tabrani)

Ahmad dan Sa'id ibn Mansur menuturkan bahawa 'Aṭa' ibn Yasar berkata, “Tidak ada sebuah keluarga pun melainkan malaikat maut menemuinya setiap hari sebanyak lima kali, sambil mencari apakah ada salah seorang di antara mereka yang diperintahkan Allah untuk dicabut nyawanya.”

Ibn Abi Hatim menuturkan bahawa Ka'ab berkata, “Tidak ada sebuah rumah pun yang di dalamnya ada seseorang, melainkan malaikat maut berdiri di hadapan pintunya sebanyak tujuh kali setiap harinya, untuk melihat apakah ada seseorang di dalamnya yang diperintahkan Allah untuk dicabut nyawanya.”

Ahmad dan Abu Syaikh meriwayatkan bahawa Mujahid berkata, “Tidak ada sebuah rumah pun di muka bumi ini, melainkan malaikat maut mengelilinginya dua kali setiap hari.”

Ibn Abi Syaibah dan 'Abdullah ibn Imam Ahmad dalam *Zawa'id al-Zuhd* meriwayatkan bahawa 'Abdul A'la at-Taimi berkata, “Tidak ada sebuah keluarga pun melainkan malaikat maut menemuinya dua kali dalam satu hari.”

Abu Nu'aim meriwayatkan bahawa Ṭabit al-Banani berkata, “Satu malam adalah dua puluh empat jam. Tidak satu jam pun yang dilalui orang hidup melainkan malaikat maut berdiri mengawasinya. Jika diperintah, dia akan mencabut nyawanya; jika tidak, dia akan pergi.”

Abu al-Fadhl at-Ṭusi dalam *‘Uyun al-Akhbar* melalui Ibrahim, juga Ibn an-Najjar dalam *Tarikh Baghdad* melalui Ibn Hadbah meriwayatkan hadis *marfu’* dari Anas r.a. yang berbunyi, “Sesungguhnya malaikat maut akan melihat wajah semua manusia ini setiap hari tujuh puluh kali pandangan. Jika seorang hamba sedang tertawa, sementara malaikat maut diutus kepadanya, dia berucap, ‘Aneh, aku diutus kepadanya untuk mencabut nyawanya, sementara dia tertawa.’”

Abu Syaikh dan Ibn Abi ad-Dunya meriwayatkan bahawa Zaid ibn Aslam berkata, “Malaikat maut mendatangi setiap rumah lima kali setiap harinya dan mengarahkan pandangannya ke arah anak cucu Adam setiap hari satu kali pandangan.”

Ikrimah mengatakan, “Tidak ada satu hari pun melainkan malaikat maut melihat ke buku catatan kehidupan manusia.” (Ada yang mengatakan, “Melihatnya tiga kali.” Ada juga yang mengatakan, “Melihatnya lima kali.”)

Abu Syaikh, al-Aqili dalam *adh-Dhu’afa* dan ad-Dailami menuturkan hadis dari Anas r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Ajal haiwan dan serangga bumi ini secara keseluruhan dalam keadaan bertasbih. Jika tasbihnya telah usai, Allah akan mencabut nyawanya dan terhadapnya malaikat maut tidak berbuat apa pun.”

Hadis yang sama juga diriwayatkan melalui jalan yang lain. Al-Khaṭīb meriwayatkan hadis Malik yang bersumber dari ‘Amr. Ibn ‘Aṭīyyah dan al-Qurṭubi mengatakan, “Seakan-akan hal itu bererti bahawa Allah mematikan semua itu tanpa melalui perantara malaikat maut. Sedangkan untuk manusia, Allah menciptakan malaikat dan juga para pembantunya. Allah menjadikan pencabutan nyawa manusia itu melalui tangan malaikat maut.”

Akan tetapi, al-Khaṭīb meriwayatkan hadis dari Malik bahawa Sulaiman ibn Mu‘ammar al-Kalbi mengatakan, “Aku pernah mendatangi Malik ibn Anas. Ketika itu dia sedang ditanya oleh seseorang tentang kutu. Apakah malaikat maut yang mencabut nyawanya? Kemudian dia bertanya, “Apakah kutu itu bernyawa?”

“Ya, sesungguhnya malaikat maut yang mencabut nyawanya,” jawabnya.

Setelah itu, dia membacakan firman Allah, “Allah memegang jiwa ketika matinya dan (memegang) jiwa yang belum mati pada waktu tidurnya.”⁴

4 Surah az-Zumar: 42

Selanjutnya Juwaibar meriwayatkan dalam tafsirnya, hadis dari adh-Dhahak yang menjelaskan bahawa Ibn 'Abbas berkata, "Malaikat maut diberikan kekuasaan mencabut nyawa manusia. Dialah yang mencabut nyawa mereka. Dia jugalah malaikat bagi jin, syaitan, burung, binatang buas, serangga dan semut. Para malaikat meninggal mengikut turutan. Malaikat maut diberikan kekuasaan untuk mencabut nyawa mereka, ssetelah itu baru dia kemudian meninggal. Sedangkan bagi orang-orang yang mati syahid di laut, Allah sendiri yang mencabut nyawa mereka. Dia tidak mewakilkannya kepada malaikat maut kerana kemuliaan mereka di sisi-Nya iaini mereka menaiki bahtera menuju jalan-Nya."

(Juwaibar adalah seorang yang sangat lemah, sedangkan adh-Dhahak terputus dari Ibn 'Abbas)

Abu Umamah pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesungguhnya Allah memberi tugas kepada malaikat maut untuk mencabut semua nyawa kecuali nyawa orang-orang yang mati syahid di laut; Dia sendirilah yang mencabut nyawa mereka."

(Hadis riwayat Ibn Majah)

Abdullah ibn 'Isa mengatakan bahawa dahulu pernah ada seseorang yang beribadah kepada Allah selama empat puluh tahun di daratan, kemudian dia berkata, "Tuhanku, aku sangat rindu untuk beribadah kepada-Mu di laut."

Kemudian dia mendatangi suatu kaum dan meminta agar mereka membawanya ke laut. Mereka pun membawanya. Lalu kapal mereka berlayar tanpa arah tujuan hingga terhenti. Tiba-tiba, ada pohon tumbuh dalam air itu. Dia lalu berkata, "Turunkan aku di pohon itu."

Mereka menurunkannya di sana. Setelah itu, kapal itu berlayar membawa kaum tersebut. Malaikat ingin naik ke langit. Dia lalu mengucapkan ucapan yang biasa digunakan untuk naik ke langit. Akan tetapi, dia tidak mampu melakukannya.

Akhirnya, dia sedar. Hal itu kerana kesalahan yang dilakukannya. Malaikat itu kemudian mendatangi ahli ibadah di pohon itu. Malaikat itu meminta agar ahli ibadah itu memberikan syafaat kepadanya supaya dapat menemui Tuhannya. Orang itu lalu mengerjakan solat. Dia mendoakan malaikat dan memohon kepada Tuhannya supaya malaikat inilah yang mencabut nyawanya, agar dia melakukannya dengan lebih mudah berbanding yang dilakukan oleh malaikat maut.

Lalu malaikat itu mendatangnya ketika ajalnya tiba seraya berkata, “Sesungguhnya aku telah memohon kepada Tuhanku agar Dia memberikan syafaat kepadamu melalui diriku, sebagaimana Dia telah memberikan syafaat kepadaku melalui dirimu serta memohon supaya aku dapat mencabut nyawamu dari mana sahaja aku kehendaki.”

Kemudian orang itu bersujud satu kali. Matanya mengeluarkan air mata. Setelah itu dia meninggal.

Ibn ‘Asakir menuturkan hadis dari Abu Zar‘ah. Katanya, Najib ibn Abi‘Ubaid al-Bizzi pernah berkata, “Aku pernah melihat malaikat maut dalam mimpiku. Dia berkata kepadaku, ‘Katakan kepada ayahmu supaya berselawat untukku sehingga aku akan bersikap lembut kepadanya ketika mencabut nyawanya.’ Lalu aku memberitahu ayahku tentang peristiwa yang terjadi dalam mimpiku. Dia kemudian berkata, ‘Anakku, aku lebih lembut kepada malaikat maut daripada kepada ibumu.’”

Ibn ‘Asakir juga meriwayatkan hadis melalui Zaid ibn Aslam dari ayahnya. Dia menceritakan bahawa dirinya teringat akan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar dari Nabi s.a.w. Lalu dia berkata sebagai berikut:

Tidak ada hak seorang Muslim yang diam di rumah selama tiga malam melainkan wasiatnya tertulis di kepalanya. Lalu aku meminta pen dan kertas untuk menulis wasiatku. Akan tetapi, aku tertidur sehingga tidak sempat menulisnya. Ketika aku tidur, tiba-tiba seseorang berbaju putih, berwajah tampan dan berbau wangi masuk.

Aku bertanya, “Siapa yang menyuruhmu memasuki rumahku?”

Dia menjawab, “Aku diperintahkan masuk oleh pemiliknya.”

Aku bertanya lagi, “Siapakah engkau ini?”

Dia menjawab, “Malaikat maut.”

Aku pun merasa takut kepadanya. Lalu dia berkata, “Jangan takut, sesungguhnya aku datang tidak diperintahkan untuk mencabut nyawamu.”

Kemudian kukatakan, “Kalau begitu, tolong tuliskan kebebasanku dari api neraka.”

Dia pun berkata, “Berikan kepadaku pen dan kertas.”

Lalu aku mengambil pen dan kertas yang ingin kutulis tadi yang berada di tepi kepalaku. Kemudian aku menyerahkannya kepadanya. Dia lalu menuliskan: *Bismillah ar-Rahman ar-Rahim* (Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang); *Astaghfirullah, astaghfirullah...*, hingga bahagian luar dan dalam kertas itu penuh dengan tulisan. Kemudian dia menyerahkannya kepadaku seraya berkata, “Inilah kebebasanmu. Semoga Allah memberikan rahmat kepadamu.”

Setelah itu, aku terjaga dengan penuh ketakutan. Lalu aku meminta diambulkan lampu dan aku melihat kertas yang berada di samping kepalaku itu telah penuh luar dan dalam dengan tulisan *astaghfirullah*.

Al-Qurṭubi mengatakan bahawa tidak ada pertentangan antara firman Allah s.w.t.:

قُلْ يَتُوفَّكُم مَّلَكُ الْمَوْتِ الَّذِي وُكِّلَ بِكُمْ

Katakanlah, “Malaikat maut yang diserahi untuk (mencabut nyawa) kalian akan mematikan kalian.”

(Surah as-Sajdah: 11)

تَوَفَّاهُمْ مَلَائِكَةُ رَبِّنَا

Diwafatkan oleh malaikat-malaikat Kami.

(Surah al-An'aam: 61)

الَّذِينَ تَوَفَّاهُمُ الْمَلَائِكَةُ

Orang-orang yang dimatikan para malaikat.

(Surah an-Nahl: 28)

اللَّهُ يَتَوَفَّى الْأَنْفُسَ حِينَ مَوْتِهَا وَالَّتِي لَمْ تَمُتْ فِي مَنَامِهَا

Dan Allah memegang jiwa ketika matinya dan (memegang) jiwa yang belum mati pada waktu tidurnya.

(Surah az-Zumar: 42)

Dihubungkan kematian dengan malaikat maut itu kerana dia merupakan perantara pencabut nyawa; dihubungkannya dengan para malaikat yang menjadi

pembantu malaikat maut kerana mereka mengambilnya dari tubuh manusia; dan dihubungkannya dengan Allah s.w.t. kerana Dialah yang sebenarnya melakukan semua itu.

Al-Kalbi mengatakan, “Malaikat maut mencabut nyawa dari suatu jasad, lalu menyerahkannya kepada malaikat rahmat atau malaikat azab. Mengenai perbezaan sifat malaikat maut terhadap orang mukmin dan orang kafir adalah kerana para malaikat itu memiliki kemampuan mengubah bentuk sesuai dengan kehendaknya.”



Tibanya Ajal di Setiap Tahun

Abu Hurairah menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Ajal itu diputuskan dari bulan Sya’ban ke bulan Sya’ban, sampai seseorang akan menikah dan mempunyai anak, sementara namanya keluar dalam senarai orang-orang yang meninggal.”

(Hadis riwayat ad-Dailami)

Hadis di atas diriwayatkan juga oleh Ibn Abi ad-Dunya dan Ibn Jarir melalui az-Zuhri, yang bersumber dari ‘Uthman ibn Mughirah ibn Akhnas, sebagai hadis *marfu’*; serta Ibn Abi Hatim dari Ibn ‘Abbas.

Abu Ya’la, dengan *sanad* yang *dihaskan* oleh al-Mundziri, meriwayatkan hadis dari ‘Aisyah r.a. Beliau berkata, “Nabi s.a.w. berpuasa di sepanjang bulan Sya’ban. Lalu aku bertanya mengenai hal itu. Beliau menjawab, ‘Sesungguhnya Allah menetapkan setiap jiwa yang akan mati pada tahun itu. Aku ingin ajalku datang kepadaku, sementara aku dalam keadaan puasa.’”

Ibn Abi ad-Dunya meriwayatkan bahawa ‘Aṭa’ ibn Yasar berkata, “Pada malam pertengahan bulan Sya’ban, diserahkan kepada malaikat maut buku catatan. Lalu dikatakan, ‘Cabutlah nyawa orang yang ada di dalam catatan ini.’ Sesungguhnya seorang hamba akan menanam tanaman, menikahi wanita dan mendirikan bangunan sementara namanya telah dihapuskan dari daftar orang-orang yang dimatikan.”

‘Umar, pelayan Ghafrah mengatakan, “Dihapuskan dari malaikat maut orang yang meninggal pada Lailatul Qadar. Lalu ada seorang lelaki menikahi banyak wanita dan menanam banyak tanaman, sementara namanya berada dalam daftar

orang-orang yang dimatikan.”

(Hadis riwayat Ibn Jarir)

Rasyid ibn Sa'ad meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda, “Pada malam pertengahan bulan Sya'ban, Allah mewahyukan kepada malaikat maut untuk mencabut setiap nyawa yang akan dicabut pada tahun itu.”

(Hadis riwayat ad-Dainuri dalam *al-Mujalalah*)

Ibn Abi ad-Dunya dan al-Hakim dalam *al-Mustadrak* menuturkan riwayat dari 'Uqbah ibn Amir as-Şahabi r.a., dia berkata, “Yang pertama kali mengetahui kematian seorang hamba adalah malaikat penjaga, kerana dia yang membawa naik amal perbuatannya dan membawa turun rezekinya. Jika malaikat penjaga itu tidak keluar membawa rezeki untuknya, bererti dia mengetahui bahawa orang itu telah meninggal.”

Muhammad ibn Hammad mengatakan, “Ada sebuah pohon di bawah 'Arasy yang tidak ada makhluk padanya melainkan memiliki daun; jika ada daun seorang hamba jatuh, keluarlah nyawa dari jasadnya. Itulah makna firman Allah s.w.t.:

وَمَا تَسْقُطُ مِنْ وَرَقَةٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا

Tidak ada sehelai daun pun yang gugur melainkan Dia mengetahuinya.”

(Surah al-An'aam: 59)



Pelbagai Kisah Tentang Orang Mati

Al-Barra' ibn 'Azib berkata:

Kami pernah pergi bersama Rasulullah s.a.w. melawat jenazah seseorang dari kaum Ansar. Kami pun ikut menghantarnya sampai ke kubur. Ketika jenazah tersebut dimasukkan ke lubang kubur, Rasulullah s.a.w. duduk dan kami pun ikut duduk di sekeliling beliau; seakan-akan di atas kepala kami terdapat burung sementara di tangan beliau terdapat tongkat yang dihentak-hentakkan ke tanah. Beliau lalu mengangkat kepalanya seraya berkata, "Mohonlah perlindungan kepada Allah dari azab kubur."

Beliau mengulangi sabdanya itu hingga dua ke tiga kali. Baginda bersabda lagi, "Jika seorang hamba mukmin akan meninggalkan dunia (mati) menuju ke akhirat, turunlah beberapa malaikat dari langit dengan wajah putih, seakan-akan wajah mereka matahari dengan membawa kain kafan dan minyak dari syurga. Para malaikat itu ada pada jarak sejauh pandangan mata dari si mayat. Kemudian malaikat maut datang dan duduk di sisi kepalanya seraya berucap, 'Wahai jiwa yang tenang, keluarlah menuju pengampunan dan keredhaan Allah!'

Lalu keluarlah nyawa itu. Dia mengalir seperti air meskipun kalian melihatnya tidak demikian. Setelah itu, malaikat maut mengambilnya dan tidak membiarkan ada di tangannya sekejap mata pun, sehingga mereka meletaknya minyak wangi di dalam kain kafan si mayat. Lalu keluar darinya aroma seperti aroma minyak kasturi yang paling wangi di muka bumi.

Kemudian para malaikat membawanya naik ke langit. Mereka tidak melintasi satu kelompok malaikat pun melainkan disambut dengan pertanyaan, 'Roh siapa

itu yang aromanya sangat wangi itu?’

Mereka menjawab, ‘fulan ibn fulan - dengan nama yang paling baik yang digunakan semasa masih hidup di dunia.’

Sampailah mereka ke langit. Mereka lalu meminta dibukakan pintu. Dibukakanlah pintu untuk mereka. Selanjutnya mereka menghantarkan roh itu bermula dari langit terendah hinggalah ke tingkat langit yang tertinggi iaitu di tingkat tujuh.

Lalu Allah berfirman, ‘Tulislah buku catatan hambaku ini di *‘Illiyin*⁵ lalu kembalikan dia ke tanah kerana sesungguhnya Aku menciptakannya dari tanah. Pada tanha aku akan kembalikannya; darinya juga aku akan keluarkannya pada suatu hari nanti.’

Setelah itu, roh orang tersebut dikembalikan ke jasadnya, lalu didatangi oleh dua malaikat yang kemudian duduk di hadapannya seraya bertanya, ‘Siapa Tuhanmu?’

‘Allah adalah Tuhanku,’ jawabnya.

‘Apa agamamu?’ tanya mereka.

Jawabnya, ‘Islam adalah agamaku.’

‘Siapa orang yang diutus di kalangan kalian?’ tanyanya lebih lanjut.

Dia menjawab, ‘Dia adalah Rasulullah.’

‘Lalu apa ilmumu?’ ujar mereka.

‘Aku membaca Kitabullah. Aku mempercayai dan meyakininya,’ jawabnya.

Kemudian ada penyeru yang berseru dari langit, ‘Benar apa yang dikatakan hambaku itu. Hamparkanlah baginya jalan ke syurga dan bukakan baginya pintu menuju syurga.’

Lalu dia akan mendatangi syurga dari pintu yang aromanya sangat wangi. Diluaskan kuburnya seluas pandangan mata. Datang juga kepadanya seseorang yang sangat tampan, berpakaian indah serta berbau harum seraya berkata, ‘Berbahagialah dengan sesuatu yang menggembirakanmu. Ini adalah hari yang

5 Orang-orang yang berbakti.

telah dijanjikan kepadamu.’

‘Siapa engkau? Wajahmu seperti wajah yang datang membawa kebaikan’, sahutnya.

Dia menjawab, ‘Aku adalah amal solehmu.’

Dia pun berkata, ‘Tuhanku, datangkanlah Hari Kiamat, datangkanlah Hari Kiamat sehingga aku dapat kembali ke keluarga dan kekayaanku.’”

Beliau berkata lebih lanjut, “Sesungguhnya jika seorang hamba kafir meninggalkan dunia menuju akhirat, akan datang kepadanya para malaikat berwajah hitam dengan memakai pakaian berbulu tebal. Mereka lalu duduk di sekitarnya pada jarak sejauh pandangan mata. Setelah itu, datang malaikat maut di sisi kepalanya seraya berkata, ‘Hai jiwa yang buruk, keluarlah menuju kemurkaan dan kemarahan Allah!’

Nyawa terpisah-pisah di dalam jasadnya. Dia lalu mencabutnya seperti mencabut besi pemanggang dari bulu yang basah dan kemudian mengambilnya. Pada saat mengambilnya, dia tidak membiarkannya berada di tangannya meski hanya sekejap mata, melainkan hanya meletakkannya pada besi pemanggang tersebut dan merebak darinya bau bangkai yang paling busuk yang terdapat di muka bumi.

Setelah itu, para malaikat membawanya naik. Mereka tidak melintasi kelompok malaikat di langit melainkan ditanya, ‘Roh siapa yang buruk itu?’

Mereka menjawab, ‘fulan ibn fulan (dengan sebutan yang sangat buruk sebagaimana sebutannya di dunia)’; hingga akhirnya sampai ke langit. Setelah itu, dia meminta dibukakan pintu, tetapi tidak dibukakan.”

Selanjutnya Rasulullah s.a.w. membaca firman Allah s.w.t.:

لَا تُفْتَحُ لَهُمْ أَبْوَابُ السَّمَاءِ

Sekali-kali tidak akan dibukakan bagi mereka pintu-pintu langit.

(Surah al-A'raaf: 40)

Allah ‘Azza wa Jalla berfirman, ‘Tulislah catatan orang itu di *Sijjin*⁶, di bumi

6 Orang yang derhaka.

yang paling bawah.’

Rohnya kemudian dibuang begitu sahaja. Lalu Rasulullah s.a.w. membacakan firman Allah s.w.t.: *Barangsiapa yang menyekutukan Allah dengan sesuatu, dia seolah-olah jatuh dari langit, lalu disambar oleh burung atau diterbangkan angin ke tempat yang jauh.*⁷

Selanjutnya rohnya itu dikembalikan ke jasadnya. Datanglah kepadanya dua malaikat yang kemudian duduk bersamanya seraya bertanya, ‘Siapakah Tuhanmu?’

‘Eh...eh, tidak tahu’, jawabnya.

‘Apa agamamu?’ Tanya kedua malaikat tersebut.

Jawapan yang sama juga diberikan, ‘Eh...eh, tidak tahu.’

Ditanya, ‘Siapakah orang yang telah diutus kepadamu?’

‘Eh...eh, aku tidak tahu’, jawabnya.

Kemudian ada penyeru yang berseru dari langit, ‘Hamba-Ku itu telah berbohong. Berikanlah dia tempat dan pakaian dari neraka. Bukakanlah baginya pintu menuju ke neraka!’

Dia pun mendatangi neraka dari tempat yang paling panas. Sementara kuburnya disempitkan hingga hancur tulang rusuknya. Lalu datang kepadanya seorang yang berwajah dan berpakaian sangat buruk serta berbau busuk seraya berucap, ‘Aku membawa berita buruk yang menakutkanmu. Ini adalah harimu yang telah dijanjikan kepadamu.’

Dia lalu bertanya, ‘Siapa engkau ini, wajahmu seperti wajah yang datang dengan kejahatan?’

‘Aku adalah perbuatan burukmu’, jawabnya.

Dia berkata, ‘Tuhanku, janganlah Engkau datangkan Hari Kiamat.’”

Demikian sebagaimana diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Ibn Syaibah, at-Ṭayalusi, ‘Abdullah, Hannad ibn Sirri, AbuDaud, al-Hakim, Ibn Jarir, Ibn Hatim,

7 Surah al-Hajj: 31

al-Baihaqi dan lain-lain.

Sementara Abu Ya'la dalam *Musnadnya* dan Ibn Abi ad-Dunya, melalui Yazid ar-Ruqasyi, meriwayatkan hadis dari Anas r.a. bahawa Tamim ad-Dari mendengar Nabi s.a.w. bersabda:

Allah berkata kepada malaikat maut, "Pergilah kepada wali-Ku dan bawalah dia menghadap-Ku. Sesungguhnya Aku telah mengujinya dengan kebahagiaan dan kesusahan, sehingga Aku akan mendapatkannya seperti yang Aku inginkan. Bawalah dia untuk-Ku supaya Aku melepaskannya dari kesusahan dan penderitaan dunia."

Malaikat maut kemudian pergi menuju orang tersebut. Bersamanya terdapat lima ratus malaikat yang membawa kain kafan dan minyak wangi dari syurga; juga membawa seikat *rayhan*⁸, yang di bahagian atasnya terdapat dua puluh warna dan setiap warna mempunyai aroma selain aroma asli *rayhan*. Mereka juga membawa sutera putih yang di dalamnya terdapat minyak kasturi yang paling harum baunya. Kemudian malaikat maut duduk di sisinya, sedangkan para malaikat lainnya duduk mengelilinginya. Setiap malaikat meletakkan tangannya pada setiap anggota badan orang itu, kemudian sutera putih itu dihamparkan, sedangkan minyak kasturinya berada di bawah dagunya. Dibukakan baginya pintu menuju ke syurga.

Rasulullah s.a.w. melanjutkan ceritanya:

Pada saat itu, nyawanya ditimbang di syurga, sekali oleh bajunya, sekali oleh isteri-isterinya dan sekali oleh buah-buahan syurga; seperti anak bayi yang ditimbang oleh keluarganya. Pada saat yang sama, isteri-isterinya melihatnya dengan penuh kebanggaan. Lalu rohnya melompat dan malaikat maut berucap, "Wahai roh yang baik, keluarlah engkau menuju pohon bidara yang tiada berduri; menuju pohon pisang yang bersusun-susun buahnya, naungan yang terbentang luas dan air yang tercurah."

Malaikat maut lebih lembut daripada kelembutan seorang ibu kepada anaknya kerana dia mengetahui bahawa roh itu sangat mencintai dan memuliakan Tuhannya. Dengan kelembutannya itu, roh itu mendapat keredhaan Allah sehingga roh itu dicabut seperti dicabutnya bulu dari adunan. Roh orang itu akan keluar sementara

8 Rayhan adalah tumbuh-tumbuhan yang harum baunya.

malaikat di sekelilingnya mengucapkan, "Salam sejahtera untukmu. Masuklah ke syurga. Yang demikian itu kerana apa yang telah engkau kerjakan."

Itulah makna firman Allah: *Iaitu orang-orang yang diwafatkan dalam keadaan baik oleh para malaikat seraya berkata kepada mereka, "Salamun 'alaikum." Masuklah engkau ke dalam syurga itu disebabkan apa yang engkau kerjakan.*⁹

Rasulullah melanjutkan ceritanya dengan membacakan firman Allah s.w.t., "Sementara jika dia (orang yang meninggal) termasuk orang yang didekatkan (kepada Allah), nescaya dia memperoleh ketenteraman, rezeki dan syurga kenikmatan."¹⁰

Mengenai hal ini beliau mengatakan, "*Rawh* bererti ketenangan dari susahnya kematian, *rayhan* diperoleh ketika nyawanya keluar dari jasadnya, sedangkan syurga kenikmatan sudah berada di hadapannya."

Beliau kemudian mengatakan:

Jika malaikat maut mencabut rohnya, roh itu berkata kepada jasadnya, "Semoga Allah memberikan pahala kebaikan kepadamu kerana keberadaanku. Dengan keberadaanku, engkau segera berbuat ketaatan kepada Allah dan enggan melakukan kemaksiatan. Hari ini, selamat untukmu. Engkau benar-benar telah selamat."

Jasad itu mengatakan hal yang sama kepada roh tersebut. Tanah tempat dia berbuat ketaatan kepada Allah menangisinya; demikian juga dengan langit tempat amal kebajikannya dibawa naik ke atas; dan rezekinya yang diturunkan pun ikut menangis selama empat puluh malam. Ketika nyawa orang itu dicabut, para malaikat yang berjumlah lima ratus itu berdiri di sisi jasadnya. Tidaklah manusia mengiringkan jasad itu melainkan para malaikat telah memusingkannya sebelum mereka, mengkafaninya sebelum mereka melakukan hal itu dan memberikan minyak kepadanya sebelum mereka meletakkannya. Dari pintu rumahnya, para malaikat berdiri berbaris sampai ke kuburnya dan menyambutnya dengan permohonan ampunan kepada Allah. Pada saat itu, iblis berteriak kasar. Teriakan itu dapat memecahkan tulang jasadnya, seraya berkata kepada bala tenteranya, "Bagaimana hamba ini boleh selamat dari kalian semua?"

9 Surah an-Nahl: 32

10 Surah al-Waqi'ah: 88-89

Bala tenteranya itu menjawab, “Dia itu *ma’sum* (terpelihara).”

Ketika malaikat maut membawa roh ini ke langit, malaikat Jibril a.s. menyambutnya bersama tujuh puluh malaikat yang menyertainya yang semuanya membawa berita gembira dari Tuhannya. Sesampainya malaikat maut di ‘Arasy, roh itu tunduk dan sujud kepada Tuhannya lalu Allah berkata kepada malaikat maut, “Bawalah roh hamba-Ku ini. Letakkanlah dia pada pohon bidara yang tiada berduri, pada pohon pisang yang bersusun-susun buahnya, pada naungan yang terbentang luas dan pada air yang tercurah.”

Ketika jasad orang itu diletakkan di dalam kuburnya, solat datang dan mengambil tempat di sebelah kanannya; puasa di sebelah kirinya; al-Quran dan zikir datang dan mengambil posisi di sisi kepalanya; perjalanannya menuju solat datang dan mengambil tempat di kedua kakinya; manakala kesabaran datang dan berada di tepi kuburnya.

Kemudian Allah membangkitkan sekelompok azab, lalu datang di sebelah kanannya. Solat berkata, “Undur dahulu ke belakang! Demi Allah, dia telah menggunakan seluruh umurnya dengan bersungguh-sungguh dan kini dia beristirahat sejak diletakkan di dalam kuburnya.”

Kemudian azab itu mendatanginya dari sebelah kiri. Puasa pun mengatakan hal yang sama. Setelah itu, azab mendatanginya dari kepala. Hal yang sama juga dikatakan. Oleh kerana itu, si azab tidak dapat mendatanginya dari semua sisi. Dia berusaha mencari-cari, namun yang dia temukan adalah wali Allah yang telah dilindungi oleh ketaatannya. Selanjutnya si azab itu keluar dari kuburnya. Sabar kemudian berkata kepada seluruh amal perbuatan, “Mengenai diriku, tidak ada larangan bagiku untuk menemaninya, melainkan aku telah melihat apa yang terjadi pada kalian. Jika kalian tidak mampu, aku bersedia menjadi temannya. Jika kalian sudah cukup baginya, aku akan menjadi simpanan baginya ketika berjalan di *şiraṭ* dan di *mizan*.”

Rasulullah s.a.w. melanjutkan ceritanya:

Kemudian Allah mengutus dua malaikat yang pandangan keduanya seperti kilat yang menyambar. Keduanya menapakkan kakinya di atas rambut mereka yang berada di antara kedua bahunya. Masing-masing berjarak sekian dan sekian. Kelembutan dan kasih sayang telah dicabut dari keduanya, kecuali kepada orang-

orang mukmin. Keduanya diberi nama: Munkar dan Nakir. Pada tangan masing-masing terdapat palu, yang seandainya semuanya disatukan dan dibebankan kepada seluruh jin dan manusia, nescaya mereka tidak akan mampu membawanya. Kemudian keduanya berkata kepada orang itu, “Duduklah”

Dia pun duduk di dalam kuburnya, sementara kafannya turun hingga ke pinggangnya.

Selanjutnya mereka berdua bertanya, “Siapakah Tuhanmu? Apa agamamu? Siapa Nabimu?”

Dia menjawab, “Tuhanku Allah, Yang tiada sekutu bagi-Nya; Islam agamaku; dan Muhammad Nabiku, nabi terakhir.”

“Engkau benar”, sahut keduanya.

Kemudian kedua malaikat itu menolakkubur. Mereka meluaskannya; dari hadapan, kanan dan kiri dan termasuklah bahagian atas kepala dan bahagian bawah kakinya. Setelah itu, kedua-dua malaikat itu berkata kepadanya, “Lihat ke atasmu.”

Ternyata ada pintu terbuka menuju ke syurga. “Inilah rumahmu, wahai wali Allah kerana ketaatan yang telah engkau lakukan kepada Allah”, ujar mereka berdua.

Rasulullah s.a.w. bersabda lagi, “Demi Allah yang jiwa Muhammad berada di tangan-Nya, hatinya akan merasakan kebahagiaan yang tidak pernah hilang selamanya. Setelah itu, dikatakan kepada orang itu, ‘Lihat ke bawahmu.’ Ternyata dia melihat pintu terbuka menuju neraka. Kedua malaikat itu lalu berkata, ‘Engkau telah selamat darinya.’”

Rasulullah pun bersabda, “Demi Allah yang jiwaku berada di tangan-Nya, pada saat itu hatinya merasakan kebahagiaan yang tiada pernah putus. Kemudian dibukakan baginya tujuh puluh pintu menuju ke syurga, lalu bau harum dan rasa dingin syurga mendatangnya hingga Allah membangkitkannya dari kuburnya.”

Rasulullah s.a.w. juga bercerita:

Allah s.w.t. pernah berfirman kepada malaikat maut, “Pergilah kepada musuh-Ku dan bawa dia ke hadapan-Ku. Sesungguhnya Aku telah melapangkan rezekinya dan melimpahkan kenikmatan kepadanya, tetapi dia ingkar dan berbuat maksiat

kepada-Ku. Seret dia kepada-Ku agar Aku dapat membalas dendam terhadapnya sekarang juga!”

Kemudian malaikat maut berangkat menuju kepadanya dalam bentuk yang sangat menakutkan, dengan tidak diketahui oleh seorang pun dari manusia. Dia memiliki dua belas mata. Di tangannya terdapat besi pemanggang dari neraka yang berduri, yang disertai oleh lima ratus malaikat yang membawa timah dan bara api dari neraka jahanam. Mereka juga membawa pemukul dari api yang menyala-nyala. Malaikat maut lalu memukulnya dengan besi pemanggang itu, yang setiap duri besinya itu tanggal dan menempel pada setiap bulu dan urat nadi orang tersebut. Malaikat maut kemudian melipatnya dengan melekat dan mencabut nyawanya dari kuku-kuku kakinya. Dia lantas mencampakkan nyawa itu di tumitnya. Orang itu pun merasakan sakaratulmaut yang sangat mengerikan.

Kemudian malaikat maut memukul wajah dan punggungnya dengan pemukul yang dibawanya serta menariknya kembali, lalu mencabut nyawanya dari kedua tumitnya dan kemudian mencampakkannya di kedua lututnya. Lalu musuh Allah itu mengalami sakaratulmaut yang sangat menyakitkan. Setelah itu, malaikat maut memukul wajah dan punggungnya dengan pemukulnya, hingga nyawanya sampai di pinggang, dada dan lehernya. Kemudian malaikat maut menyiramkan timah dan bara api di bawah dagunya. Setelah itu dia mengatakan, “Keluarlah wahai jiwa terlaknat menuju angin yang panas dan air yang panas mendidih serta dalam naungan asap yang hitam; tidak ada kesejukan dan tidak pula menyenangkan!”

Jika malaikat maut mencabut rohnya, roh itu berkata kepada jasad, “Semoga Allah membalasnya dengan keburukan kepadamu, kerana denganku engkau selalu cepat berbuat maksiat kepada Allah s.w.t., tetapi sangat lambat berbuat taat kepada-Nya. Sesungguhnya engkau telah hancur binasa.”

Jasad itu pun mengatakan hal yang sama kepada roh tersebut. Seluruh tanah yang dipijaknya ketika berbuat maksiat kepada Allah s.w.t. melaknatnya. Kemudian bala tentera Iblis berangkat menuju kepadanya dan memberikan khabar gembira kepadanya bahawa mereka berhasil mencampakkan seorang dari anak cucu Adam ke dalam neraka. Jika diletakkan ke dalam kubur, disempitkanlah kuburnya sehingga tulang rusuknya hancur; yang bahagian sebelah kanan pindah ke kiri dan yang kiri pindah ke kanan. Kemudian Allah menghidupkan ular-ular hitam,

lalu menarik bahagian tumit dan jari-jari kakinya serta melipatnya sehingga dapat menjangkau tubuh bahagian tengah.

Rasulullah s.a.w. kemudian melanjutkan:

Allah mengutus dua malaikat kepadanya untuk bertanya, “Siapakah Tuhanmu; apa agamamu dan siapa nabimu?”

Si musuh Allah itu menjawab, “Aku tidak tahu.”

Lalu dikatakan kepadanya, “Kamu tidak tahu?”

Kemudian kedua malaikat itu memukulnya sekali, sehingga pelbagai kejahatannya berterbangan di dalam kuburnya, lalu kembali lagi. Setelah itu keduanya mengatakan, “Lihat ke atasmu!”

Dia pun melihat pintu menuju ke neraka terbuka. Kemudian kedua-duanya berkata, “Wahai musuh Allah, seandainya engkau mentaati Allah, nescaya ini bukan tempatmu.”

Selanjutnya Rasulullah s.a.w. bersabda, “Demi Allah yang jiwaku berada di tangan-Nya, hatinya akan merasakan kerugian yang tidak pernah akan hilang selamanya. Setelah itu, dibukakan baginya pintu menuju ke neraka dan dikatakan kepadanya, ‘Wahai musuh Allah, inilah tempatmu kerana engkau telah berbuat maksiat kepada Allah.’ Dibukakan juga baginya tujuh puluh pintu neraka yang panas dan racunnya mendatangnya (musuh Allah itu) sampai Allah membangkitkannya pada Hari Kiamat kelak menuju ke neraka.”

Allah s.w.t. berfirman:

وَالنَّارِ عَدَّتْ غَرَقًا

Demi yang mencabut nyawa dengan keras.

(Surah an-Nazi'at: 1)

Sa'id ibn Mansur meriwayatkan hadis dari 'Ali ibn Abi Ṭalib KW, bahawa mengenai firman ini, 'Ali ibn Abi Ṭalib mengatakan, “Mereka adalah para malaikat yang mencabut nyawa orang-orang kafir.”

Firman Allah:

وَالنَّشِطَاتِ نَشْطًا ۚ

Yang mencabut nyawa dengan lemah lembut.

(Surah an-Nazi'at: 2)

Ali mengatakan, "Mereka adalah para malaikat yang mencabut nyawa orang-orang mukmin."

وَالسَّيِّئَاتِ سَبِيحًا ۚ

Yang turun dari langit dengan cepat.

(Surah an-Nazi'at: 3)

Ali mengatakan, "Iaitu malaikat-malaikat yang mencabut nyawa orang-orang mukmin di antara langit dan bumi."

فَالسَّيِّئَاتِ سَبِيحًا ۚ

Yang mendahului dengan kencang

(Surah an-Nazi'at: 4)

Ali mengatakan, "Iaitu malaikat-malaikat yang saling mendahului untuk menyerahkan nyawa orang-orang mukmin kepada Allah."

Mengenai firman Allah s.w.t., "*Demi yang mencabut nyawa dengan keras*", Ibn 'Abbas mengatakan, "Iaitu jiwa orang-orang kafir dicabut, diurai, lalu ditenggelamkan ke dalam neraka."

(Hadis riwayat Ibn Abi Hatim)

Mengenai firman Allah s.w.t., "*Demi yang mencabut nyawa dengan keras*", Ibn 'Abbas juga mengatakan, "Iaitu nyawa orang-orang kafir ketika didatangi malaikat maut, diberitahukan kepadanya akan kemurkaan Allah s.w.t., lalu ditenggelamkan dan kemudian dicerai-beraikan tulang dan dagingnya."

Sementara mengenai firman Allah s.w.t., "*Yang turun dari langit dengan cepat*", menurutnya adalah nyawa orang-orang mukmin yang ketika malaikat maut mendatangnya berkata, "Keluarlah wahai jiwa yang baik menuju kepada *rawh* (kesejahteraan), *rayhan* dan Tuhan tanpa kemurkaan; berenang seperti penyelam di air dengan penuh kebahagiaan dan kerinduan pada syurga."

Sedangkan mengenai firman Allah s.w.t., “Yang mendahului dengan kencang”, maksudnya berjalan menuju kemurahan Allah s.w.t.

(Hadis riwayat Juwaibir)

Firman Allah s.w.t.:

وَالْتَرَعَدَتِ غَرَقًا ۝ وَالنَّشِطَاتِ نَشْطًا ۝

Demi yang mencabut nyawa dengan keras dan yang mencabut nyawa dengan lemah-lembut.

(Surah an-Nazi'at: 1-2)

Mengenai firman Allah s.w.t. di atas, ar-Rabi' ibn Anas mengatakan, “Kedua ayat di atas ditujukan pada orang-orang kafir ketika jiwanya dicabut dengan keras, kasar dan tercerai-berai; seperti besi pemanggang yang ditusukkan ke bulu dan keluarnya terasa benar-benar sakit.”

Firman Allah s.w.t.:

وَالسَّيْحَاتِ سَبْحًا ۝ فَالَسَّيْفَاتِ سَبْقًا ۝

Yang turun dari langit dengan cepat; yang mendahului dengan kencang.

Kedua ayat terakhir diperuntukkan bagi orang-orang mukmin.

(Ibn Abi Hatim)

Mengenai firman Allah s.w.t., “Demi yang mencabut nyawa dengan keras”, as-Sadi mengatakan, “Iaitu ketika jiwa ditenggelamkan ke dalam hati.”

Sementara mengenai firman Allah s.w.t., “Yang mencabut nyawa dengan lemah lembut”, as-Sadi mengatakan, “Iaitu ketika malaikat-malaikat mencabut nyawa dari jari-jemari dan kedua kaki.”

Sedangkan mengenai firman Allah s.w.t., “Yang turun dari langit dengan cepat”, dia mengatakan, “Iaitu ketika jiwa sedang bertasbih dan merasa ragu ketika menghadapi kematian.”

'Abdurrahim al-Armani dalam *al-Ikhlāṣ* mengatakan, bahawa dia pernah diberitahu oleh Ibn Mughra tentang riwayat dari al-'Ajlāh yang diterima dari adh-Dhahak. Dia mengatakan, “Jika nyawa orang mukmin dicabut, lalu dibawa ke langit dengan disertai oleh *Muqarrabun*.”

Ditanyakan, “Siapakah *Muqarrabun* itu?”

Adh-Dhahak menjawab, “Iaitu malaikat-malaikat yang paling dekat kedudukannya dengan langit kedua. Nyawa itu lalu dibawa naik ke langit ketiga, keempat, kelima, keenam dan ketujuh hingga berakhir pada Sidrat al-Muntaha.”

Ditanyakan lagi, “Mengapa dinamakan Sidrat al-Muntaha?”

Adh-Dhahak menjawab, “Padanya segala sesuatu dari perintah Allah s.w.t. berakhir. Lalu mereka mengatakan, ‘Inilah hamba-Mu, si fulan.’ Dia lebih mengetahui. Kemudian diberikan kad keselamatan dari azab yang berbalut.” Itulah makna firman Allah s.w.t.:

كَلَّا إِنَّ كِتَابَ الْأَنْبَارِ لَفِي عَلَيِّنَ ﴿١٨﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا عَلَيُّونَ ﴿١٩﴾ كِتَابٌ مَرْفُومٌ ﴿٢٠﴾ يَشْهَدُهُ
الْمُقَرَّبُونَ ﴿٢١﴾

Sekali-kali tidak. Sesungguhnya kitab orang-orang berbakti itu (tersimpan) di 'Illyin¹¹. Tahukah kamu apakah 'Illyin itu? Iaitu kitab yang bertulis, yang disaksikan oleh para malaikat yang didekatkan (kepada Allah)

(Surah al-Mutaffifin: 18-21)

Ibn Mas'ud meriwayatkan bahawa ketika Rasulullah s.w.t. diperjalankan pada malam hari dan berakhir pada Sidrat al-Muntaha. Di sana pula nyawa-nyawa manusia yang dibawa naik berakhir.”

(Hadis riwayat Muslim)

Sedangkan dalam hadis yang diriwayatkan dari Abu Hurairah disebutkan, “Kemudian berakhir di Sidrat. Lalu dikatakan kepada beliau, ‘Inilah Sidrat. Di sini berakhir setiap orang selain orang yang menolak mengikuti jalanmu.’”

(Hadis riwayat Ibn Jarir, Ibn Abi Hatim, al-Bazzar dan lain-lain)

Abu Sa'id al-Khudri menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Sesungguhnya jika orang mukmin bertolak menuju ke akhirat dan meninggalkan dunia, para malaikat turun seakan-akan wajah mereka matahari dengan membawa kafan dan minyak wangi dari syurga untuknya. Mereka lalu duduk didekatnya, tempat dia melihat mereka. Jika nyawanya telah keluar, seluruh malaikat yang ada di antara langit dan bumi berselawat untuknya.”

11 Orang-orang yang berbakti.

(Hadis riwayat Abu al-Qasim ibn Mundah *al-Ahwal wa al-Iman bi as-Su'al*)

Abu Hurairah meriwayatkan hadis bahawa jika nyawa orang mukmin keluar, dia terus diterima oleh dua malaikat, lalu dibawa naik ke langit dengan menyebutkan kebaikan rohnya tersebut. Penghuni langit berucap, "Roh yang sangat baik, yang datang dari bumi. Semoga Allah berselawat untukmu dan untuk jasad tempat engkau telah bersemayam padanya."

Kemudian mereka membawanya kepada Tuhannya. Kemudian Tuhannya berfirman, "Berangkatlah kalian dan bawa dia ke ajal terakhir."

Sesungguhnya jika nyawa orang kafir dicabut, terdapat bau busuk disertai laknat terhadapnya. Penghuni langit kemudian berkata, "Roh ini sangat busuk, datang dari muka bumi."

Kemudian dikatakan, "Bawalah dia ke ajal terakhir."

Abu Hurairah juga menuturkan hadis Nabi s.a.w. bahawa sesungguhnya jika seorang mukmin dicabut nyawanya, akan datang kepadanya para malaikat rahmat dengan membawa sutera putih seraya mengatakan, "Keluarlah dengan penuh kepuasan hati dan keredhaan-Nya menuju rahmat dan rezeki Allah, menuju Tuhan tanpa kemurkaan."

Lalu keluarlah nyawanya dengan bau wangi seperti wanginya minyak kasturi, sebahagian malaikat menyerahkannya kepada sebahagian yang lain seraya menciuminya secara bergilir. Mereka lantas membawanya ke pintu langit seraya berucap, "Betapa bagusnyanya roh ini, datang dari muka bumi."

Setiap kali tiba di lapisan langit, para penghuninya mengatakan hal yang sama seperti itu. Sampai ketika mereka membawanya ke hadapan roh-roh orang mukmin, roh-roh itu menyambutnya dengan penuh kegembiraan; lebih gembira dari seseorang yang kedatangan orang kesayangannya yang lama menghilang.

Kemudian mereka bertanya kepadanya, "Apa yang dikerjakan si fulan tersebut?"

"Biarkan dia beristirahat, sesungguhnya dia telah bergelut dalam kesusahan dunia," jawabnya.

Sedangkan orang kafir, mereka didatangi para malaikat pemberi azab dengan

membawa baju berbulu yang menyeramkan seraya berkata, “Keluarlah engkau dengan kemurkaan dan dimurkai, menuju kepada azab dan kemurkaan Allah.”

Lalu keluarlah nyawanya dengan bau busuk bangkai. Setelah itu, para malaikat membawanya ke pintu bumi seraya berucap, “Betapa busuk baunya!”

Setiap kali mendatangi lapisan bumi, para penghuninya mengatakan seperti itu, hingga sampai ke hadapan sekumpulan roh orang-orang kafir.

(Hadis riwayat Ahmad, Ibn Hibban, an-Nasa'i, al-Hakim dan al-Baihaqi)

Abu Hurairah masih menuturkan hadis dari Nabi s.a.w. bahawa akan datang para malaikat. Jika yang didatangi itu orang soleh, mereka mengatakan, “Keluarlah wahai jiwa yang baik, yang berada di jasad yang baik pula. Keluarlah dengan penuh pujian. Berangkatlah menuju rahmat dan rezeki Allah. Tuhanmu meredhaimu tanpa kemurkaan sedikit pun.”

Hal tersebut tetap diucapkan kepadanya hingga dia keluar. Setelah itu, malaikat membawanya naik ke langit dan dibukakan baginya pintu langit.

Ditanyakan, “Siapa orang ini?”

Para malaikat menjawab, “fulan ibn fulan.”

Dikatakan kepadanya, “Selamat datang jiwa yang baik yang berada di jasad yang baik pula. Masuklah dengan penuh pujian menuju rahmat dan rezeki Allah. Tuhan meredhaimu tanpa kemurkaan sedikit pun.”

Hal itu masih terus diucapkan sampai berakhir di langit ke tujuh.

Sementara jika para malaikat datang kepada orang jahat, mereka berkata, “Keluarlah, hai jiwa yang buruk, yang telah bersemayam di jasad yang buruk. Keluarlah dengan penuh kehinaan menuju ke air yang sangat panas dan air yang sangat dingin, serta azab lainnya yang lebih pedih!”

Hal tersebut masih terus diucapkan kepadanya hingga dia keluar. Lalu malaikat membawanya ke langit dan meminta dibukakan pintu untuknya.

Ditanyakan, “Siapa orang ini?”

“Si fulan.”

Kemudian dikatakan, “Selamat datang jiwa yang buruk, yang telah bersemayam

dalam jiwa yang buruk pula. Kembalilah dengan penuh kehinaan.”

Tidak dibukakan baginya pintu-pintu langit. Akhirnya, dia diusir dari langit menuju ke kuburnya.

(Hadis riwayat Ibn Majah dan al-Baihaqi)

Abu Hurairah masih menuturkan hadis dari Nabi s.a.w. bahawa sesungguhnya jika seorang mukmin sedang sakaratulmaut, lalu malaikat datang kepadanya dengan membawa sutera yang di dalamnya terdapat minyak kasturi dan seikat *rayhan*. Rohnya kemudian dicabut seperti dicabutnya bulu dari adunan. Lalu dikatakan, “Wahai jiwa yang baik, keluarlah dengan penuh kepuasan hati dan keredhaan-Nya, menuju rahmat dan kemuliaan Allah.”

Jika telah keluar, roh tersebut diletakkan di atas minyak kasturi dan *rayhan*, kemudian dibungkus dalam sutera dan selanjutnya dibawa menuju ke *‘Illiyin*.

Ketika orang kafir menghadapi sakaratulmaut, datang kepadanya malaikat dengan membawa kain berbulu kasar yang di dalamnya terdapat bara api. Kemudian nyawanya dicabut secara kasar dan keras seraya dikatakan, “Wahai jiwa yang buruk, keluarlah dengan penuh kemurkaan untukmu menuju penghinaan dan azab Allah!”

Jika telah keluar, rohnya itu diletakkan di atas bara api yang sangat panas, kemudian dibungkus dalam kain berbulu kasar, lalu dibawa ke *Sijjin*.

(Hadis riwayat al-Bazzar dan Ibn Mardawayh)

Hanad ibn as-Sirri dalam *al-Zuhd*, ‘Abd ibn Hamid dalam tafsirnya dan at-Ṭabrani dalam *al-Kabir*, dengan *sanad* terpercaya, menuturkan riwayat dari ‘Abdullah ibn ‘Umair sebagai berikut:

Jika seorang hamba terbunuh di jalan Allah, percikan darahnya yang pertama kali jatuh ke tanah menjadi sebab diberikannya ampunan oleh Allah atas semua dosanya. Selanjutnya, Allah mengirimkan kain dari syurga dan di dalamnya nyawanya dicabut. Allah juga mengirimkan jasad dari syurga hingga rohnya dapat naik ke atas. Kemudian, rohnya naik ke langit bersama-sama malaikat seakan-akan dia dan para malaikat itu sudah bersama-sama sejak awal diciptakan oleh Allah. Sesampainya di hadapan-Nya, dia bersujud sebelum malaikat. Setelah itu, para malaikat ikut bersujud.

Setelah itu dia diberikan ampunan dan disucikan, lalu diperintahkan menemui para syuhada. Setelah dia melihat, ternyata dia menemukan mereka berada di sebuah taman yang sangat hijau dan kubah dari sutera. Mereka memiliki lembu dan ikan paus yang memberi mereka makan setiap hari dengan sesuatu yang belum pernah mereka makan sebelumnya. Ikan paus itu berada di sungai di syurga dan dia pun makan dari setiap bau sungai tersebut. Jika petang hari tiba, dia didatangi lembunya. Dia memotong lembu itu. Mereka pun memakan dagingnya. Dari rasa daging tersebut, mereka menemukan semua bau yang ada di syurga. Lembu itu menjadi penjaga malam di syurga, sedangkan orang-orang yang mati syahid itu selalu memandang ke tempat mereka sambil berdoa agar Hari Kiamat didatangkan.

Jika Allah mewafatkan seorang mukmin, Dia mengutus dua malaikat, sepotong kain dan *rayhan* dari syurga. Mereka berdua mengatakan, “Wahai jiwa yang baik, keluarlah menuju rahmat dan rezeki Allah; menuju Tuhan tanpa kemurkaan. Betapa baik apa yang telah engkau kerjakan.”

Roh tersebut lalu keluar seperti bau harum minyak kasturi yang dicium langsung oleh salah seorang di antara kalian. Para malaikat di seluruh langit mengucapkan, “Maha Suci Allah. Telah datang hari ini roh yang sangat baik.”

Tidak melintasi suatu pintu melainkan dia terbuka baginya; tidak ada malaikat melainkan dia berselawat dan memberikan syafaat kepadanya sampai dia dibawa menghadap Allah ‘*Azza wa Jalla*.”

Malaikat bersujud lebih awal dan kemudian mengatakan, “Ya Tuhan kami, inilah hamba-Mu si fulan. Kami telah mewafatkannya dan Engkau lebih tahu atas dirinya.”

Allah berfirman lagi, “Perintahkanlah kepadanya untuk bersujud.”

Sang jiwa dan roh itu terus bersujud. Malaikat Mika'il dipanggil, lalu dikatakan, “Tempatkanlah jiwa dan roh ini bersama jiwa orang-orang mukmin sampai aku bertanya kepadamu pada Hari Kiamat kelak.”

Diperintahkan kepada malaikat untuk meluaskan kuburnya yang panjangnya tujuh puluh dan luasnya pun tujuh puluh. Di dalamnya ditaburkan rahmat dan dibentangkan sutera. Jika bersama jiwa tersebut ada hafalan al-Quran, hafalan

itu akan memberikan nur kepadanya atau akan dijadikan baginya cahaya seperti cahaya matahari. Kemudian dibukakan baginya pintu syurga, sehingga dia dapat melihat tempatnya di syurga pada waktu pagi dan petang hari.

Jika Allah mewafatkan orang kafir, Dia akan mengutus dua malaikat dan mengirimkan sepotong kain kasar yang sangat busuk dan buruk. Lalu kedua malaikat itu berkata, “Wahai jiwa yang buruk, keluarlah menuju neraka Jahanam dan azab yang amat pedih, sedangkan Tuhan sangat murka terhadapmu. Keluarlah, engkau! Betapa buruk perbuatan yang telah engkau kerjakan.”

Kemudian keluarlah dia seperti bau bangkai yang tercium langsung oleh salah seorang di antara kalian, sementara para malaikat di seluruh langit berucap, “Maha Suci Allah. Telah datang dari bumi, bangkai dan jiwa yang amat buruk yang tidak dibukakan baginya pintu-pintu langit.”

Kemudian diperintahkan kepada malaikat untuk menyiksa jasadnya, disempitkankuburbaginyasertadilontarkanke dalamnya ular-ular yang menyerupai leher unta yang sangat panjang, yang memakan dagingnya hingga daging itu tidak tersisa sedikit pun dari tulangnya. Kemudian dikirimkan kepadanya para malaikat yang pekak dan buta dengan membawa gendang-gendang besar yang terbuat dari besi. Mereka tidak melihatnya sehingga tidak mempunyai belaskasihan; tidak pula mendengarnya sehingga tidak ada kasih sayang terhadapnya. Mereka memukulnya dengan sekeras-kerasnya. Dibukakan baginya pintu neraka sehingga dia melihat tempatnya di neraka pada waktu pagi dan petang hari. Dia selalu memohon kepada Allah agar yang demikian itu dirasakan selamanya, agar dia tidak memasuki neraka.

Abu Musa al-Asy'ari mengatakan sebagai berikut:

Jiwa orang mukmin itu akan keluar seperti harumnya bau minyak kasturi. Para malaikat yang mewafatkannya membawanya naik ke langit, lalu bertemu malaikat lainnya di bawah langit. Mereka ditanya, “Siapa roh yang bersama kalian itu?”

Mereka menjawab, “fulan.”

Nama itu disebutkan sebaik amalnya. Lalu malaikat-malaikat itu berkata, “Semoga Allah menghidupkan kalian dan orang yang bersama kalian.”

Kemudian dibukakan baginya pintu-pintu langit. Wajahnya pun bersinar

terang. Selanjutnya Tuhan datang dan wajah-Nya memiliki *burhan* (bukti) seperti matahari. Sedangkan jiwa orang kafir akan keluar seperti bangkai yang sangat busuk. Para malaikat yang mewafatkannya membawanya naik ke langit. Mereka bertemu dengan para malaikat yang lain di bawah langit. Mereka ditanya, “Siapa jiwa itu?”

“fulan”, jawabnya. Disebutnya dengan sebutan seburuk amal perbuatannya.

Kemudian mereka berucap, “Bawa kembali jiwa itu. Allah tidak menzaliminya sama sekali.”

Setelah itu Abu Musa al-Asy’ari membaca firman-Nya: *Mereka tidak akan masuk ke syurga hingga unta masuk ke lubang jarum*¹². Demikian diriwayatkan oleh Ibn Abi Syaibah, al-Baihaqi dan al-Lalika’i.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh AbuDaud at-Ṭayalisi juga disebutkan hal yang sama, tetapi di dalamnya disebutkan, “Lalu roh itu dibawa naik melalui pintu yang menjadi jalan naiknya amal perbuatannya. Akhirnya, dia akan dikembalikan ke bumi yang paling bawah.”

Ibn al-Mubarak dalam *al-Zuhd*, melalui Syamr ibn Khaṭṭiyah menuturkan bahwa Ibn ‘Abbas pernah bertanya kepada Ka’ab al-Ahbar mengenai firman Allah: *Sekali-kali tidak. Sesungguhnya kitab orang-orang yang berbakti itu (tersimpan) di ‘Illiyin*¹³.

Ibn ‘Abbas menjawab, “Jika nyawa orang mukmin itu dicabut, dia terus dibawa naik ke langit lalu dibukakan baginya pintu-pintu langit. Dia disambut oleh para malaikat dengan membawa khabar gembira hingga sampai pada ‘Arasy. Kemudian malaikat naik. Dikeluarkanlah buku catatan untuknya, lalu disahkan dan diletakkan di bawah ‘Arasy untuk mengetahui kebebasan dari hisab (perhitungan) pada Hari Kiamat. Itulah firman Allah s.wt.:

كَلَّا إِنَّ كِتَابَ الْأَبْرَارِ لَفِي عِثَابٍ ﴿١٨﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا عِثَابٌ ﴿١٩﴾ كِتَابٌ مَّرْهُومٌ ﴿٢٠﴾ يَشْهَدُهُ
الْمُقَرَّبُونَ ﴿٢١﴾

Sekali-kali tidak, sesungguhnya kitab orang-orang berbakti itu (tersimpan)

12 Unta tidak mungkin masuk ke lobang jarum. (Surah al-Araaf: 40)

13 Orang-orang yang berbakti. (Surah al-Mutaffiin: 18)

di 'Illiyyin¹⁴. Tahukah kamu apakah 'Illiyyin itu? Iaitu kitab yang bertulis, yang disaksikan oleh para malaikat yang didekatkan (kepada Allah)

(Surah al-Mutaffiifin: 18-21)

Demikian juga dengan firman-Nya: *Jangan sekali-kali curang. Sesungguhnya kitab orang yang derhaka itu tersimpan dalam Sijjin*¹⁵.

Mengenai firman-Nya ini, Ibn 'Abbas mengatakan, "Nyawa orang-orang derhaka dibawa naik ke langit, tetapi langit tidak menerimanya lalu dibawa ke bumi, namun bumi juga enggan menerimanya. Selanjutnya, dia dimasukkan ke bawah tujuh bumi hingga akhirnya sampai di *Sijjin*, iaitu tempat persembunyian iblis. Dari persembunyian iblis itu, keluar buku catatan untuknya. Kemudian disahkan dan diletakkan di tempat persembunyian iblis itu untuk dihisab. Itulah makna firman Allah s.w.t.: *Tahukah kamu apakah Sijjin itu? Iaitu kitab yang bertulis?*"

'Abdullah ibn Ahmad dalam *Zawa'id al-Zuhd* menuturkan riwayat dari 'Abdul 'Aziz ibn Rafi' bahawa jika roh orang mukmin dibawa naik ke langit, malaikat berkata, "Maha Suci Allah yang telah menyelamatkan hamba ini dari syaitan. Betapa bagusnya. Bagaimana dia boleh selamat?"

Firman Allah s.w.t.: *Dikatakan (kepadanya), "Siapakah yang dapat menyembuhkan?"*¹⁶

Mengenai firman Allah di atas, Ibn Abi ad-Dunya dan Ibn Abi Hatim menuturkan bahawa Ibn 'Abbas mengatakan, " (Maksudnya adalah) ditanyakan: siapakah yang menyelamatkan rohnya itu, malaikat pemberi rahmat atau malaikat pemberi seksa?"

Sementara Yazid ar-Ruqasyi menuturkan bahawa sebahagian malaikat berkata kepada sebahagian lainnya, "Dari pintu mana amalnya dibawa naik, dari sana juga nyawanya dibawa naik." Demikian dituturkan oleh Ibn Abi ad-Dunya.

Mengenai firman Allah s.w.t., "*Bertaut betis (kiri) dengan betis (kanan)*" adh-Dhahak mengatakan, "Manusia mengurus jasadnya sedangkan malaikat mengurus rohnya."

14 Orang-orang yang berbakti.

15 Orang-orang yang derhaka.

16 Surah al-Qiyamah: 27

Abu Nu'aim menuturkan riwayat dari Mu'awiyah ibn Abi Sufyan bahwa dia pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

Ada seseorang yang berbuat pelbagai perbuatan keji dan membunuh sembilan puluh tujuh orang, yang semuanya dibunuhnya secara zalim. Dia pernah keluar rumah mendatangi beberapa rumah, lalu berkata, "Wahai Rahib, ada seseorang yang berbuat pelbagai perbuatan keji dan membunuh sembilan puluh tujuh orang, yang semuanya dibunuh secara zalim. Apakah dia masih boleh bertaubat?"

"Tidak", jawabnya.

Mendengar itu, dia memukul dan membunuhnya. Kemudian dia mendatangi rahib lain dan menanyakan hal yang sama. Dia diberi jawapan, "Engkau sudah tidak dapat bertaubat."

Rahib itu pun dibunuhnya.

Setelah itu, dia mendatangi yang lainnya dan mendapat jawapan yang sama. Kemudian, rahib itu pun dibunuhnya. Selanjutnya dia mendatangi rahib yang lain seraya menuturkan, "Ada orang yang tidak meninggalkan kejahatan. Dia telah membunuh seratus orang, semuanya dibunuh secara zalim. Apakah dia masih boleh bertaubat?"

Rahib itu menjawab, "Jika aku mengatakan kepadamu, 'Allah tidak menerima taubat orang yang bertaubat kepada-Nya', bererti aku telah membohongimu. Di sekitar sini ada kampung tempat orang-orang beribadah. Datang ke sana, lalu beribadahlah kepada Allah bersama mereka."

Dia pun keluar dari tempat Rahib itu dalam keadaan telah bertaubat. Sesampainya di suatu jalan, Allah mengutus kepadanya malaikat untuk mencabut nyawanya. Kemudian datang kepadanya malaikat pemberi rahmat dan malaikat pemberi azab. Mereka merebutkan rohnya. Allah lantas mengutus kepada mereka seorang malaikat yang berkata kepada mereka, "Ke tempat golongan mana dia lebih dekat, ke sanalah dia termasuk."

Mereka kemudian mengukur jarak kedua tempat itu dari orang tersebut. Ternyata mereka mendapatkan bahawa orang tersebut lebih dekat kepada tempat golongan orang-orang yang bertaubat, dengan perbezaan jarak satu badan semut. Oleh kerana itu, orang tersebut diberi ampunan.

Hadis ini berasal dari Kitab *Ṣahih al-Bukhari* dan *Ṣahih Muslim* yang bersumber dari Abu Sa'īd al-Khudri. Di dalamnya disebutkan bahawa Allah s.w.t. mewahyukan, “Kepada yang ini engkau mendekat; kepada yang itu engkau menjauh.”

Sa'īd ibn Mansur dan Ibn Abi ad-Dunya menuturkan riwayat dari al-Hasan sebagai berikut:

Jika seorang mukmin menghadapi sakaratulmaut, bererti dia telah didatangi lima ratus malaikat. Mereka mencabut nyawanya, kemudian membawanya naik ke langit. Selanjutnya mereka disambut oleh roh orang-orang mukmin yang mati sebelumnya, yang semuanya ingin menanyakan khabar kepadanya. Akan tetapi, malaikat berkata kepada mereka, “Berlemah-lembutlah kepadanya, kerana dia baru keluar dari kesusahan yang teramat berat.”

Kemudian mereka menanyakan khabar kepadanya, hingga ada seseorang yang menanyakan khabar saudara dan temannya. Dia menjawab, “Dia masih seperti yang dahulu pernah engkau lihat.”

Lalu dia menanyakan kepada mereka mengenai orang yang meninggal sebelumnya. “Apakah dia tidak bersama kalian?” sahutnya.

Mereka berucap, “Mungkinkah dia telah binasa?”

Kemudian dia berkata, “Benarkah demikian?”

Mereka berkata, “Aku melihatnya dibawa ke tempat kembalinya, iaitu neraka Hawiyah; sungguh suatu tempat kembali yang sangat buruk.”

Ibrahim an-Nakha'i menceritakan, “Pernah sampai kepada kami berita bahawa ketika orang mukmin meninggal, dia disambut dengan minyak wangi dari syurga dan *rayhan* (tumbuhan yang harum baunya) dari syurga. Nyawanya lalu dicabut, kemudian diletakkan di dalam sutera yang juga berasal dari syurga. Setelah itu, minyak wangi tersebut dipercikkan kepadanya dan dibungkus dalam *rayhan* untuk dibawa naik oleh malaikat pemberi rahmat hingga akhirnya diletakkan di *'Illiyin*.” Demikian diriwayatkan oleh Ibn Abi ad-Dunya.

Sementara Ibn Abi Syaibah dalam *al-Muṣannaf* menuturkan riwayat dari Abu Hurairah bahawa seorang mukmin tidak dicabut nyawanya melainkan dia melihat hal-hal yang menggembarakan. Jika dicabut nyawanya, dia berseru. Tidak ada dalam suatu rumah haiwan kecil mahupun haiwan besar sekalipun yang tidak mendengar

suaranya kecuali manusia dan jin. Dia berseru, “Cepat bawa aku menuju Tuhan yang Maha Penyayang.”

Jika dia diletakkan di atas tempat tidurnya, dia mengatakan, “Lambat sekali kalian berjalan.”

Jika dimasukkan ke dalam lubang kubur, diperlihatkan kepadanya tempatnya di syurga serta apa yang dipersiapkan Allah untuknya. Kuburnya dipenuhi dengan rahmat, *rayhan* dan minyak kasturi. Lalu dia berucap, “Tuhanku, dahulukanlah aku.”

Kemudian dikatakan kepadanya, “Belum terlambat bagimu. Engkau masih mempunyai saudara lelaki dan perempuan yang belum meninggal. Oleh kerana itu, tidurlah sejenak.”

Abu Hurairah mengatakan, “Demi Allah yang jiwaku berada di tangan-Nya, tidaklah seorang pemuda dan juga pemudi tidur dengan nyenyak di dunia dalam waktu singkat dan menyenangkan, sehingga dia dihantar berita gembira pada Hari Kiamat kelak.”

(Hadis riwayat Ibn Mardawaih dan Ibn Mundayh dengan *sanad* yang lemah sekali)

Ibn ‘Abbas menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Tidaklah suatu jiwa meninggalkan dunia hingga dia mengetahui tempatnya di syurga atau di neraka.”

Lebih lanjut beliau menuturkan:

Jika dia dalam keadaan demikian, disiapkan baginya dua kelompok malaikat yang mengatur perkara yang berada di antara barat dan timur, seakan-akan wajah mereka matahari. Dia melihat mereka dan tidak melihat selain mereka, meskipun kalian menyaksikan bahawa dia melihat kalian. Masing-masing membawa kain kafan dan minyak untuk orang mati.

Jika dia sebagai orang mukmin, mereka akan memberikan khabar gembira berupa syurga seraya berkata, “Keluurlah wahai jiwa yang baik menuju keredhaan dan syurga Allah. Dia telah mempersiapkan untukmu suatu kemuliaan yang lebih baik daripada dunia dan seisinya.”

Malaikat-malaikat itu terus menyampaikan berita gembira itu. Mereka

lebih lembut dan santun kepadanya daripada kelembutan seorang ibu kepada anaknya. Setelah itu, nyawanya dicabut dari bawah setiap kuku dan sendi-sendi tulang. Selanjutnya dia meninggal dengan kemudahan yang diberikan kepadanya meskipun kalian melihatnya kesakitan.

Ketika nyawa sampai di dagunya, keluarnya nyawa dari jasad lebih sulit daripada keluarnya seorang bayi dari rahim ibunya. Lalu setiap malaikat berlomba, siapa yang lebih dahulu mencabutnya. Kemudian pencabutannya diserahkan kepada malaikat maut.

Selanjutnya Rasulullah s.a.w. membaca ayat: *Katakanlah, "Malaikat maut yang ditugaskan untuk (mencabut nyawa) kalian akan mematikan kalian."*¹⁷

Kemudian beliau melanjutkan sabdanya:

Malaikat-lalu mengambil roh dengan kafan putih dan mengasuhnya. Dalam hal ini, malaikat maut lebih berkewajiban melakukan hal itu daripada kewajiban seorang ibu kepada anaknya.

Dari rohnya menyebar aroma yang lebih harum dari minyak kasturi. Para malaikat mencium dan menyentuhnya seraya berucap, "Selamat datang bau harum dan roh yang baik. Ya Allah, rahmatilah roh dan jasad yang menjadi tempat persemayamannya."

Setelah itu, mereka membawanya naik menuju Allah. Allah memiliki makhluk di udara yang jumlahnya tidak diketahui oleh siapa pun selain diri-Nya sendiri. Tersebarlah ke tengah-tengah mereka bau yang lebih harum daripada minyak kasturi. Mereka berselawat dan menciumnya secara langsung. Kepada mereka dibukakan pintu-pintu langit. Malaikat-malaikat itu berselawat di setiap langit yang dilaluinya hingga akhirnya sampai kepada Allah s.w.t. Allah s.w.t. berucap, "Selamat datang jiwa yang baik dan jasad yang menjadi tempat persemayamannya."

Jika Tuhan mengucapkan *selamat datang* kepada sesuatu, segala sesuatu akan memberikan keselesaan padanya dan segala kesempatan akan hilang baginya. Selanjutnya Dia berfirman, "Bawa dia masuk ke syurga, tunjukkan tempat tinggalnya di syurga, serta perlihatkan pula segala sesuatu dari kemuliaan dan kenikmatan yang telah dipersiapkan untuknya. Kemudian bawa mereka kembali

17 Surah as-Sajdah: 11

ke bumi, kerana Aku telah menciptakannya dari bumi. Sesungguhnya Aku telah menciptakannya dari tanah, padanya Aku akan mengembalikannya dan darinya Aku akan mengeluarkannya pada waktu yang lain.”

Selanjutnya Rasulullah s.a.w. mengatakan, “Demi Allah yang jiwaku berada di tangan-Nya, dia enggan keluar darinya seperti pada saat dia keluar dari jasadnya seraya berkata, ‘Ke mana kalian akan membawaku? Apakah ke jasad tempat aku dahulu pernah bersemayam?’ Para malaikat menjawab, ‘Kami diperintahkan melakukan hal itu dan engkau harus kembali kepadanya.’ Lalu mereka turun membawanya dan memasukkan roh tersebut di antara jasad dan kafannya.”

Ibn Abi Hatim menuturkan bahawa as-Sadi berkata, “Jika orang kafir dicabut nyawanya, malaikat yang ada di bumi memukulnya hingga naik ke langit. Sesampainya di langit, malaikat yang ada di langit memukulnya hingga jatuh ke bumi. Lalu malaikat di bumi memukulnya kembali sehingga naik ke langit lagi. Kemudian malaikat di langit memukulnya lagi hingga akhirnya jatuh ke bumi yang paling bawah.”

Ibn Abi Syaibah juga menuturkan riwayat dari Rib’i ibn Harasy sebagai berikut:

Aku pernah dipanggil, lalu dikatakan kepadaku, “Saudaramu telah meninggal.”

Mendengar itu, dengan cepat aku datang. Setibanya di sana, saudaraku telah ditutupi dengan kain. Aku berada di sisi kepala saudaraku. Aku memohon ampunan untuknya dan juga memohon agar dia dikembalikan. Tiba-tiba kain itu terbuka dari wajahnya dan terdengar suara ucapan, “*Assalamu’alaikum*.”

Kami menjawab, “*Wa’alaikum assalam*. Maha Suci Allah.”

Dia juga berkata, “Maha Suci Allah. Sesungguhnya aku telah menghadap Allah dan disambut dengan rahmat dan *rayhan*, sementara Tuhan tidak murka. Dia memakaikan pakaian sutera halus dan sutera tebal yang berwarna hijau pada diriku. Aku melihat semua urusan berjalan lebih mudah daripada yang kalian duga. Janganlah kalian berputus asa. Sesungguhnya aku telah meminta izin kepada Tuhanku untuk memberitahu dan menyampaikan khabar gembira ini kepada kalian. Bawalah aku menghadap Rasulullah s.a.w, sesungguhnya Dia telah mengamanatkan kepadaku untuk tidak meninggal sehingga aku mendatangi

beliau.”

Setelah itu dia meninggal di tempatnya.

Abu Nu’aym menuturkan bahawa Rib’i berkata, “Kami empat bersaudara. Rabi’ adalah yang paling banyak mengerjakan solat dan paling banyak mengerjakan puasa daripada kami. Ketika dia meninggal, kami berada di sekelilingnya. Tiba-tiba dia menyingkapkan kain dari wajahnya seraya mengucapkan, ‘Assalamu’alaikum.’ Kami menyahut, ‘Wa ‘alaikum assalam. Apakah engkau telah meninggal?’ Dia menjawab, ‘Ya, aku telah bertemu dengan Tuhanku. Kelihatan Tuhan tidak murka. Dia menyambutku dengan ketenteraman, rezeki dan sutera tebal. Ketahuilah, Rasulullah menunggu solat untukku. Oleh kerana itu, bersegeralah mengurusku dan jangan menundaku.’ Kemudian dia meninggal.”

Hadis itu pernah diperlihatkan kepada ‘Aisyah r.a. Dia menuturkan, “Aku pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, ‘Akan ada seseorang dari umatku yang berbicara setelah meninggal.’”

Abu Nu’aim mengatakan bahawa hadis tersebut *masyhur*, sementara al-Baihaqi menyebutnya hadis sahih yang tidak diragukan lagi kesahihannya.

Dalam tafsirnya, Juwaibir menuturkan riwayat dari ‘Abban ibn Abi ‘Iyas sebagai berikut:

Kami pernah menghadiri kematian Mawriq al-‘Ajli. Ketika ditutup jasadnya dengan kain, kami mengatakan, “Dia telah berakhir.”

Kami melihat cahaya bersinar pada kepalanya hingga atap rumah di atasnya berlubang. Kami pun melihat cahaya bersinar pada kedua kakinya seperti cahaya yang pertama. Kemudian kami melihat pula cahaya bersinar pada bahagian tengah jasadnya. Setelah itu, kami berdiam sejenak. Kemudian dia membuka kain dari wajahnya seraya berucap, “Apakah kalian melihat sesuatu?”

“Ya”, jawabnya.

Lalu kami memberitahukan apa yang kami saksikan itu kepadanya. Dia segera berkata “Itulah surah as-Sajdah yang pernah aku baca pada setiap malam. Cahaya yang kalian lihat di kepalaku adalah empat belas ayat pertama; cahaya yang kalian lihat pada kedua kakiku adalah empat belas ayat terakhir; dan cahaya yang kalian lihat pada bahagian tengah jasadku adalah ayat sahadah itu sendiri. Ayat itu naik

ke atas memohon syafaat untukku, sementara surah al-Mulk menjagaku.”Setelah itu, dia pun meninggal.

Ibn Abi ad-Dunya dalam *Man ‘Asya ba’al-Mawt*, melalui jalan lain, menuturkan riwayat dari Mawriq al-‘Ajli sebagai berikut:

Kami pernah menjenguk seseorang yang sedang pengan. Lalu keluar cahaya dari kepalanya hingga mencapai atap rumah dan mengoyaknya, kemudian berlalu. Selanjutnya keluar cahaya dari pusar kepalanya hingga cahaya itu melakukan hal yang sama seperti sebelumnya. Lalu keluarlah cahaya dari kedua kakinya dan melakukan hal yang sama. Setelah itu, dia sadar dari pengan. Kami bertanya, “Apakah engkau mengetahui apa yang keluar dari dirimu?”

Dia menjawab, “Ya, cahaya yang keluar dari kepalaku adalah empat belas ayat pertama dari surah as-Sajdah; cahaya yang keluar dari pusarku adalah ayat sahadah itu sendiri; sedangkan cahaya yang keluar dari kedua kakiku adalah akhir ayat sahadah. Ayat-ayat itu naik ke atas memohonkan syafaat untukku, sementara surah al-Mulk tetap menjagaku. Aku dahulu membaca kedua surah tersebut setiap malam.”

Melalui jalan lain, Ibn Abi ad-Dunya dan Ibn Sa’ad menuturkan riwayat dari Ṭabit al-Banani, bahawa sanya dia bersama seseorang pernah mengunjungi Muṭarrif ibn ‘Abdullah asy-Syakhir. Keduanya mendapatkannya sedang pengan.

Al-Banani berkata, “Telah bersinar darinya tiga cahaya: cahaya dari kepala, cahaya dari bahagian tengah badannya dan cahaya dari kedua kakinya. Hal itu membuat kami takut. Ketika dia tersedar, kami bertanya, ‘Kami telah menyaksikan sesuatu yang sangat menakutkan kami.’ dia bertanya, ‘Apa itu?’ Kami pun memberitahu dirinya. Dia lalu bertanya, ‘Apakah kalian juga mengetahui hal itu?’ Jawab kami, ‘Ya.’ Dia berkata lagi, ‘Itulah surah as-Sajdah. Dua puluh sembilan ayat pertama bersinar dari kepalaku, pertengahan surah bersinar dari bahagian tengah tubuhku dan bahagian akhir surah bersinar dari kedua kakiku. Semuanya telah naik ke atas memohonkan syafaat untukku. Sementara surah al-Mulk menjagaku.’ Tak lama kemudian dia pun meninggal dunia.”

Dalam *Karamat al-Awliya’*, Abu al-Hasan ibn as-Sirri menuturkan riwayat dari ‘Abdurrahman ibn Zaid ibn Aslam, bahawa Ibn Munkadir pernah melihat cahaya bersamanya. Ketika menghadapi sakaratulmaut, dikatakan kepadanya, “Inikah itu

cahaya yang pernah engkau lihat saat engkau masih hidup?”

Dia berkata, “Itulah cahaya tersebut.”

Melalui jalan lain, ‘Abdul Malik ibn ‘Umar dan Abu al-Khuṣaib Basyir menuturkan:

Aku pernah mendatangi seorang mayat di Mada’in. Di atas perutnya terdapat batu-bata. Ketika kami datang, tiba-tiba dia meloncat dan batu-bata itu pun jatuh dari perutnya, sementara dia meneriakkan azab dan kesedihan. Melihat itu, para sahabatnya berpencar. Aku mendekatinya dan bertanya, “Apa yang engkau lihat dan bagaimana keadaanmu sendiri?”

Dia menjawab, “Aku pernah berteman dengan beberapa orang yang sudah berumur tua dari penduduk Kufah. Mereka meracuni otakku dengan memerintahkan untuk mencela Abu Bakar dan ‘Umar serta berlepas diri dari keduanya.”

Kemudian kukatakan, “Mohonlah ampunan kepada Allah dan jangan engkau ulangi lagi.”

Lalu dia berkata, “Apa hal itu akan memberi manfaat untukku. Mereka telah membawaku masuk neraka, lalu diperlihatkan kepadaku dan dikatakan kepadaku, ‘Engkau akan kembali kepada sahabat-sahabatmu itu dan memberitahu mereka apa yang telah engkau saksikan. Setelah itu engkau akan kembali pada keadaanmu yang pertama’”

“Aku tidak tahu, apakah kalimat yang dilontarkannya itu batal, atukah dia kembali mati menjadi mayat seperti sediakala?” lanjut Abu al-Khuṣaib.

Ibn ‘Asakir dan Ibn Abi ad-Dunya menuturkan kisah dari Zaid ibn Aslam bahawa Musawwir ibn Mukhrimah pernah pengsan, lalu sedar dan kemudian mengucapkan, “Aku bersaksi tidak ada Tuhan selain Allah dan Muhammad adalah Rasul-Nya. ‘Abdurrahman ibn ‘Awf berada di *Rafiq al-‘Ala* (ufuk yang tinggi), sementara ‘Abdul Malik dan al-Hajjaj menyeret usus masing-masing di neraka.”

Hal itu terjadi beberapa saat sebelum ‘Abdul Malik dan al-Hajjaj memperoleh kekuasaan. Sedangkan al-Musawwir meninggal di Makkah pada hari kedatangan Ta’i Yazid ibn Mu’awiyah pada tahun 64 Hijriah, sementara kekuasaan al-Hajjaj terjadi setelah tahun 70 Hijriah.

Ibn Abi ad-Dunya, dengan *sanad* yang di dalamnya terdapat rawi yang *muttaham* (diragukan), menuturkan riwayat dari Abu Hurairah sebagai berikut:

Ketika kami sedang duduk di sekeliling orang yang sakit, tiba-tiba dia terdiam. Bahkan tidak ada urat nadi yang bergerak padanya. Lalu kami menutupi dan memejamkan matanya. Kami juga membawanya ke tempat pembaringan terakhirnya. Ketika kami hendak memandikannya, tiba-tiba dia bergerak dan kami berucap, “*Subhanallah*, kami melihatmu sudah meninggal.”

Dia menjawab, “Aku memang telah meninggal dan telah dibawa ke kuburku. Tiba-tiba ada seseorang yang berwajah tampan dan berbau harum meletakkanku di lubang kuburku, lalu orang itu menutupnya dengan kertas-kertas catatan. Setelah itu, datanglah seseorang berkulit hitam pekat dengan bau yang sangat busuk seraya berkata, ‘Ini adalah pelaku ini dan itu pelaku itu.’ Satu hal, demi Allah, aku sangat malu kerananya. Seakan-akan waktu itu aku berlepas diri darinya. Aku berkata, ‘Lepaskan aku dari semuanya ini.’ Lalu orang hitam itu berkata, ‘Pergilah, aku akan memusuhimu.’

Lalu aku pergi menuju rumah yang sangat luas. Di dalamnya terdapat tanah luas. Di hujungnya terdapat masjid yang di dalamnya ada orang yang berdiri mengerjakan solat dengan membaca surah an-Nahl. Dia teragap-gagap membaca pada ayat tertentu dari surah tersebut. Aku menuntunnya dalam membacanya. Orang itu pun menoleh seraya berucap, ‘Apakah engkau hafal surah ini?’ Aku menjawab, ‘Ya.’ Selanjutnya dia berkata, ‘Itu adalah surah kenikmatan.’ Kemudian orang itu mengangkat bantal yang berada di dekatnya. Dia mengambil selembar kertas dan melihatnya. Tiba-tiba orang hitam merebutnya seraya berkata, ‘Dia telah berbuat ini dan itu.’ Lalu orang yang berwajah tampan mengatakan, ‘Dia telah berbuat ini dan itu.’ Dia menyebut pelbagai kebaikanmu.”

Setelah itu, ada seseorang yang berkata, “Ada seorang hamba yang menzalimi dirinya sendiri, tetapi Allah memberikan ampunan atasnya. Ajal orang ini belum tibadan akan tiba pada hari Isnin.”

Kemudian dia berkata kepada mereka, “Lihatlah, jika aku meninggal pada hari Isnin, tanggungkanlah untukku apa yang telah aku saksikan. Jika aku tidak mati pada hari Isnin, berarti yang demikian itu hanyalah igauan.”

Setelah hari Isnin tiba, tepat setelah solat asar, ajalnya tibadan kemudian dia

meninggal.

Qurrah ibn Khalid menuturkan bahawa roh seorang perempuan dari keluarganya dibawa naik ke langit selama tujuh hari. Tidak ada yang menghalangi mereka menguburkannya kecuali satu darah yang bergerak dalam nadinya. Dia lalu berbicara, “Apa yang telah diperbuat Ja’far ibn Zubair?”

Sementara Ja’far telah meninggal pada hari ketika dia tidak sedarkan diri. Aku menjawab, “Dia telah meninggal.”

Dia pun berkata, “Aku melihatnya berada di langit ke tujuh, sementara para malaikat saling berusaha menyentuhnya. Aku melihatnya dalam kafannya, sedangkan para malaikat itu berucap, “Telah datang pembuat kebaikan, telah datang pembuat kebaikan?”

Demikian sebagaimana diriwayatkan Ibn ‘Asakir.

Sementara Ibn Abi ad-Dunya menuturkan riwayat dari Şalih ibn Yahya. Katanya, jirannya memberitahu bahawa ada seseorang yang rohnya dibawa naik ke langit, lalu diperlihatkan kepadanya amal perbuatannya. Dia mengatakan, “Aku tidak memohon ampunan atas suatu dosa melainkan Dia mengampuniku. Sebaliknya, tidak satu dosa pun yang belum aku mohonkan ampunan atasnya melainkankan aku melihatnya masih tetap seperti sediakala. Sebiji buah delima yang aku dapat pada suatu hari, telah ditetapkanlah bagiku satu kebaikan. Suatu malam, aku pernah bangun dan mengerjakan solat dengan meninggikan suaraku hingga jiranku mendengarnya. Dia lantas ikut mengerjakan solat. Oleh kerana itu, ditetapkan bagiku satu kebaikan. Suatu hari, aku pernah memberikan satu dirham kepada seorang miskin dari kalangan suatu kaum. Aku memberikannya semata-mata kerana mereka, hingga aku mendapatkannya; tidak ada kebaikan dan dosa untukku kerananya.”

Abu ‘Asakir menuturkan riwayat dari Ibn al-Majisyun sebagai berikut:

Roh Abu al-Majisyun pernah dibawa naik ke langit. Kami meletakkan mayatnya di atas pemandian, lalu kami berkata kepada orang-orang, “Kita biarkan sejenak.”

Seorang jurumandi masuk menjemputnya, tiba-tiba dia melihat urat nadi bergerak di bahagian bawah kedua kakinya. Kami pun menundanya. Setelah tiga hari, dia sedar dan duduk seraya berkata, “Bawakan untukku anggur.”

Lalu diambilkan untuknya anggur. Dia kemudian meminumnya. Setelah itu, kami bertanya kepadanya, “Beritahukan kepada kami apa yang telah engkau saksikan.”

Dia menjawab, “Baik, rohku telah dibawa oleh malaikat ke langit. Sesampainya di sana, malaikat meminta dibukakan pintu. Lalu dibukakanlah pintu untuknya. Demikian juga selanjutnya, di langit-langit berikutnya hingga sampai langit ke tujuh. Selanjutnya dikatakan kepadanya, ‘Siapa yang bersamamu itu?’ Dia menjawab, ‘Dia adalah al-Majisyun.’ Lebih lanjut dikatakan kepada malaikat itu, ‘Belum tiba saat ajalnya. Umurnya masih sekian dan sekian.’ Lalu malaikat turun lagi. Aku melihat Nabi s.a.w. dan Abu Bakar berada di sebelah kanan, sementara ‘Umar berada di sebelah kiri beliau. Aku juga melihat ‘Umar ibn ‘Abdul ‘Aziz berada di hadapan beliau. Kemudian kukatakan kepada malaikat yang bersamaku, ‘Siapakah orang itu? Aku ingin tetap di sini.’ Lalu dia menjawab, ‘Orang itu adalah ‘Umar ibn ‘Abdul ‘Aziz.’ Aku menyahut, ‘Tempatnya sangat dekat sekali dengan Rasulullah s.a.w.’ Dia menjawab, ‘Sesungguhnya dia telah melakukan suatu yang benar pada masa kezaliman sedangkan keduanya (Abu Bakar dan ‘Umar) telah melakukan yang benar pada masa kebenaran.”

Ibn Abi ad-Dunya, al-Hakim dalam *al-Mustadrak*, al-Baihaqi dalam *Dala'il an-Nubuwwah* dan Ibn ‘Asakir, melalui suatu jalan menuturkan riwayat dari Ibrahim ibn ‘Abdir Rahman ibn ‘Auf bahwa ‘Abdurrahman ibn ‘Auf pernah jatuh sakit hingga tidak sedarkan diri. Orang-orang mengira bahawa dia telah meninggal. Kemudian mereka mengurus dan menutupinya dengan kain. Setelah itu, dia sedar seraya menceritakan, “Telah datang kepadaku dua malaikat yang besar lagi kasar. Mereka berdua berkata kepadaku, ‘Mari pergi bersama kami menghadap kepada Allah.’ Kemudian mereka membawa kami, lalu mereka bertemu dengan dua malaikat lain yang lebih ramah dan lembut. Keduanya bertanya, ‘Ke mana kalian akan membawa orang ini?’ Dia menjawab, ‘Kami akan menghadapkannya kepada Allah.’ Setelah itu, kedua malaikat itu berkata, ‘Biarkan dia, sesungguhnya dia termasuk orang-orang yang mendapatkan kebahagiaan sebelumnya, sewaktu dia masih berada di rahim ibunya”

Setelah itu, dia sempat hidup selama satu bulan dan kemudian meninggal.

Abu Bakar asy-Syafie dalam *al-Ghailaniyat* menuturkan riwayat dari Salam ibn

Salam. Dia berkisah sebagai berikut:

Aku pernah menemani al-Fadhl ibn 'Aṭīyyah pergi ke Makkah. Ketika kami memasuki suatu tempat, dia membangunkanku di tengah malam. "Apa yang engkau kehendaki?" tanyaku.

Dia menjawab, "Aku ingin berwasiat kepadamu."

"Engkau benar?" lanjutku.

Kemudian dia bercerita, "Dalam tidurku aku bermimpi didatangi oleh dua malaikat yang berkata, 'Kami diperintahkan untuk mencabut nyawamu.' Lalu kukatakan, 'Alangkah baiknya seandainya engkau menundanya sampai aku menyelesaikan ibadah hajiku.' Mereka menjawab, 'Sesungguhnya Allah telah menerima hajimu.' Setelah itu, salah satu dari keduanya mengatakan kepada yang lain, 'Bukalah dua jarimu, jari telunjuk dan jari tengah.' Kemudian dari antara kedua jari itu keluar dua kain yang warna hijaunya memenuhi ruangan antara langit dan bumi. Setelah itu, mereka berdua berkata, 'Inilah kafanmu dari syurga.' Selanjutnya mereka melipat dan meletakkannya di antara kedua jarinya itu."

Belum sempat kami kembali ke rumah, ternyata dia sudah meninggal.

Sa'id ibn Mansur menuturkan, Sufyan pernah memberitakan khabar dari 'Aṭa' bahawa Salman pernah mendapatkan minyak kasturi lalu dia mengirimkannya kepada isterinya. Ketika menghadapi sakaratulmaut, dia berkata, "Mana yang pernah kutitipkan kepadamu?"

"Ini ada di sini", jawab isterinya.

Lebih lanjut dia menuturkan, "Campurlah dengan air, lalu siramkan di sekitar tempat tidurku kerana akan datang kepadaku salah satu makhluk Allah s.w.t. yang tidak makan dan minum. Dengan itu mereka akan mendapatkan bau kasturi tersebut."

Ibn Abi ad-Dunya menuturkan riwayat dari Abu Bakrah bahawa jika datang kematian kepada seseorang, akan dikatakan kepada malaikat, "Ciumlah kepalanya!"

Lalu dia menuturkan, "Aku mendapatkan al-Quran di kepalanya."

"Cium hatinya!"

Dia berkata, “Aku mendapatkan puasa dalam hatinya.”

“Ciumlah kedua kakinya.”

Dia mengatakan, “Aku mendapatkan *qiyamullail*.”

Sufyan mengatakan bahwa Daud ibn Abu Hindi pernah terjangkit penyakit taun, lalu tak sedarkan diri. Ketika sadar, dia menuturkan, “Aku didatangi dua malaikat. Salah satunya berkata kepada yang lainnya, ‘Apa yang engkau temukan?’ dia menjawab, ‘Aku mendapatkan tasbih, takbir dan langkah menuju ke masjid, serta beberapa bacaan al-Quran meskipun tidak hafal seluruhnya’”

Demikian sebagaimana dituturkan Abu Nu’aim.

Ibn Abi ad-Dunya dalam *Man ‘Asya ba’d al-Mawt* menuturkan bahwa Daud ibn Abi Hindi pernah sakit teruk, lalu berkata sebagai berikut:

Aku pernah melihat seseorang datang. Dia memiliki kepala dan bahu yang sangat besar, seakan-akan termasuk orang-orang yang disebut *zutt*¹⁸. Ketika melihatnya, aku mengucapkan, “*Inna lillah wa inna ilaihi raji’un*.”

Lalu kutanyakan, “Apakah engkau akan mencabut nyawaku? Apakah aku ini kafir?”

Aku juga pernah mendengar bahwa yang mencabut nyawa orang-orang kafir adalah malaikat-malaikat yang berwarna hitam. Ketika aku sedang dalam keadaan seperti itu, tiba-tiba atap rumah pecah, lalu terbuka hingga aku dapat melihat langit. Setelah itu, datang kepadaku seseorang yang memakai pakaian putih, yang diikuti oleh yang lainnya sehingga mereka menjadi dua orang.

Kemudian mereka berteriak ke arah si hitam. Si hitam pun mundur dan melihatku dari kejauhan. Kedua-duanya melarang si hitam mendekatiku. Setelah itu, salah satu dari keduanya duduk di sisi kepalaku dan yang lainnya di sebelah kedua kakiku. Malaikat yang berada di sisi kepalaku berkata kepada malaikat yang berada di sebelah kedua kakiku, “Sentuhlah!”

Kemudian dia menyentuh sela-sela jari-jemari kakiku, lalu berkata, “Aku mendapatkan tanda banyak berjalan untuk mengerjakan solat.”

18 Suatu generasi dari India.

Sementara malaikat yang ada di sebelah kaki mengatakan kepada yang berada di sisi kepala, “Sentuhlah!”

Kemudian dia menyentuh anak lidahku seraya menuturkan, “Basah dengan *zikrullah* (zikir kepada Allah).”

Melalui al-Awza’i, al-Lalika’i menuturkan riwayat dari al-Qasim ibn Mukhaymirah bahawa Abu Qilabah al-Jurmi mempunyai anak saudara yang melakukan perbuatan dosa, lalu dia mengalami sakaratulmaut. Datanglah kepadanya dua burung berwarna putih yang mirip dengan burung garuda dan hinggap di atap rumah. Salah seekor burung berkata kepada burung lainnya, “Turun dan periksalah dia!”

Lalu salah satu burung turun dan menancapkan paruhnya ke dalam perutnya. Hal itu disaksikan oleh Abu Qilabah. Kemudian salah seekor burung itu berkata, “Allahu Akbar, turunlah. Aku menemukan dalam perutnya takbir yang dia ucapkan di jalan Allah.”

Setelah itu, sang burung mengeluarkan sepotong kain dan membungkus rohnya, lalu kedua malaikat itu membawanya dan berkata, “Abu Qilabah, berangkat dan uruslah mayat anak saudaramu itu, lalu kuburkanlah. Sesungguhnya dia termasuk penghuni syurga.”

Abu Qilabah adalah orang yang sangat pemurah. Dia keluar memberitahu orang-orang mengenai apa yang telah disaksikannya itu. Al-Qasim sendiri tidak pernah melihat satu jenazah yang mendapat kunjungan selain dia.

Dalam *Nawadir al-Uşul*, al-Hakim dan at-Tirmidzi menuturkan riwayat melalui jalan an-Nadhar ibn Ma’bad bahawa Abu Qilabah mempunyai anak saudara yang kurang waras. Suatu hari sakitnya bertambah parah. Dia sendiri tidak sempat menjenguknya. Ketika anak saudaranya itu sedang berada di pasar, Abu Qilabah mengatakan, “Dia itu anak saudaraku. Semua urusannya telah diserahkan kepada Allah.”

Ia tidak tidur malam untuk menjaganya. Pada waktu itu, datanglah dua orang hitam dengan membawa kapak. Keduanya turun dari atap rumah. Abu Qilabah menuturkan, “Aku mendengar salah seorang dari keduanya berkata, ‘Pergi dan temuilah orang ini. Apakah engkau mendapatkan suatu kebaikan darinya?’”

Salah satu dari keduanya berangkat. Ketika sampai di dekatnya, malaikat itu mencium kepala, perut dan kedua kakinya. Setelah itu, dia kembali menemui temannya yang satu lagi. Aku mendengar dia berucap, “Aku telah mencium kepalanya dan aku tidak mendapatkan satu ayat al-Quran pun padanya. Aku mencium perutnya dan aku tidak mendapatkannya berpuasa satu hari pun. Aku mencium kedua kakinya dan aku tidak mendapatkannya pernah bangun malam.”

Setelah itu, temannya tersebut mendatangnya. Dia mencium kepala, kedua pundak, perut dan kedua kakinya. Lalu aku mendengar dia mengatakan, “Sungguh, ini sangat menakjubkan. Dia telah ditetapkan termasuk golongan umat Muhammad.”

Kemudian orang itu memperlihatkan dan membuka mulutnya. Setelah itu, aku mendengar dia berkata, “Allahu Akbar, aku mendapatkan padanya takbir yang diucapkannya secara tulusikhlas di Antakiyah.”

Lalu menyebarlah semerbak bau kasturi darinya. Malaikat maut kemudian mencabut nyawanya dan terus pergi. Aku sempat mendengar dia berkata kepada kedua orang hitam tersebut sewaktu mereka berada di pintu rumah, “Kembalilah kalian berdua. Tidak ada jalan bagi kalian untuk menyentuhnya.”

Ketika pagi tiba, Abu Qilabah terus memberitahukan apa yang disaksikannya itu kepada orang-orang. Dikatakan kepadanya, “Abu Qilabah, sesungguhnya hal itu di Sakinah.”

Lalu dia menjawab, “Tidak. Demi Tuhan yang tiada Tuhan melainkan Dia, aku tidak mendengarnya dari malaikat melainkan di Antakiyah.”

Kemudian orang-orang segera menuju jenazah anak saudaranya.

Al-Lalika'i menuturkan dalam *al-Musnad* riwayat dari Maimun al-Muradi. Dia berkata, “Di tengah-tengah kami ada seorang fasik yang meninggal. Orang-orang menjauhinya dan melemparkannya ke jalan. Aku duduk memikirkannya - sementara orang-orang menjauhinya - hingga aku mengantuk. Tiba-tiba aku melihat ada dua burung berwarna putih. Salah satunya berkata kepada yang lainnya, ‘Masuk dan lihatlah! Apakah engkau akan menemukan kebaikan pada dirinya?’ Lalu burung itu pun masuk ke ubun-ubun orang tersebut dan keluar dari punggungnya seraya berucap, ‘Aku tidak mendapatkan kebaikan sedikit pun

padanya.' Kemudian burung yang kedua masuk dari ubun-ubun dan keluar dari hujung kedua kakinya seraya berucap, 'Allahu Akbar, ada kalimat yang menempel pada limpanya. Dia mengucapkan *Asyhadu an La Ilaha illa Allah*.' Setelah itu, aku berseru kepada orang-orang, 'Datanglah ke mari.'

Ibn *Abi ad-Dunya* dan Ibn 'Asakir mengisahkan riwayat dari Syahr ibn Hawsyib. Dia menuturkan, "Aku pernah mempunyai anak saudara yang sudah akilbaligh. Aku pernah mengajaknya berperang hingga dia sakit. Selanjutnya aku memasuki beberapa benteng dan mengerjakan solat. Tiba-tiba benteng pecah dan masuklah dua malaikat yang berwarna putih dan dua lagi berwarna hitam. Yang berwarna putih duduk di samping kanan anak saudaraku itu manakala yang berwarna hitam duduk di samping kirinya. Setelah itu, malaikat yang berwarna putih menyentuhnya dengan kedua tangannya, maka yang berwarna hitam berkata, 'Kami lebih berhak atasnya.' malaikat yang berwarna putih menjawab, 'Tidak.' Kemudian salah satu dari kedua malaikat yang berwarna putih itu mengambil dua jari anak muda itu. Dia memasukkan jari itu ke mulutnya dan kemudian membalikkan lidahnya. Dia berucap, 'Allahu Akbar, kami berhak atasnya. Dia telah mengucapkan takbir pada hari pembebasan Antakiyah."

Setelah itu, Syahr ibn Hawsyib keluar dan memberitahukan hal itu kepada orang-orang. Orang-orang pun datang untuk mengerjakan solat ke atasnya.

Maimunah binti Sa'ad bercerita, "Aku pernah bertanya, 'Ya Rasulullah, apakah orang yang sedang junub boleh tidur?' Beliau menjawab, 'Aku tidak menyukai dia tidur sebelum dia mandi kerana aku takut dia meninggal sementara Jibril tidak mendatanginya."

(Hadis riwayat At'Tabrani)

Dalam *al-Muhtadharin*, Ibn *Abi ad-Dunya* menuturkan riwayat melalui jalan Makhul dari 'Umar ibn al-Khaṭṭab r.a. Dia berkata, "Hadirilah orang-orang yang sedang sakaratulmaut di antara kalian. Ingatkanlah mereka kerana mereka melihat apa yang tidak kalian lihat."

Ibn *Abi Hatim*, Sa'id ibn Mansur dan al-Marwazi meriwayatkan bahawa 'Umar ibn al-Khaṭṭab r.a. berkata, "Hadirilah orang-orang yang meninggal di antara kalian. Tuntunlah mereka dengan kalimat *La Ilaha illa Allah* kerana mereka mengetahui apa yang dikatakan kepada mereka."

Melalui jalan Makhul, Sa'id ibn Mansur dan al-Marwazi juga mengatakan bahawa 'Umar ibn al-Khaṭṭāb pernah berkata, "Tuntunlah orang-orang yang meninggal di antara kalian dengan kalimat *La Ilaha illa Allah*. Fikirkanlah apa yang kalian dengar dari orang-orang taat di antara kalian kerana sesungguhnya tampaklah oleh mereka hal-hal yang benar."

Abu Musa menuturkan, "Aku pernah bertanya kepada Rasulullah, bila pengetahuan seorang hamba itu terputus dari manusia? Beliau menjawab, 'Jika telah diputuskan mati.'"

(Hadis riwayat Ibn Majah)

Al-Qurṭubi mengatakan, "Yang dimaksudkan adalah jika malaikat maut dan para malaikat telah memberikan keputusan."

Ibn Abi ad-Dunya dan Abu Nu'aim dalam *al-Hilyah* menuturkan riwayat dari Laith ibn Abi Ruqayyah, bahawa ketika 'Umar ibn 'Abdul 'Aziz jatuh sakit menjelang kematiannya, dia mengangkat kepalanya lalu menajamkan pandangannya. Orang-orang lalu berkata kepadanya, "Engkau melontarkan pandanganyang sangat tajam."

Dia menjawab, "Aku melihat di antara kalian yang hadir ada yang bukan manusia ataupun jin."

Setelah itu, dia meninggal.

Ibn Abi ad-Dunya menuturkan bahawa Fadhalah ibn Dinar pernah bercerita, "Aku menjenguk Muhammad ibn Wasi'. Ketika itu dia sedang dalam keadaan sakaratulmaut. Dia berkata, "Selamat datang malaikat Tuhanku. Tidak ada daya dan upaya melainkan milik Allah."

Aku mencium bau harum yang belum kurasakan sebelumnya. Kemudian ada seseorang yang melihatnya, lalu dia meninggal.

Al-Hafizh Abu Muhammad al-Khalal dalam *Karamat al-Awliya'*, Abu al-Qasim ibn Mundah dalam *al-Ahwal wa al-Iman bi as-Su'al* dan Abu al-Husain ibn al-'Uraif dalam *Fawa'id* menuturkan riwayat dari al-Hasan ibn Ṣalih as-Samaji. Dia berkisah sebagai berikut:

Saudaraku, 'Ali ibn Ṣalih pernah berkata kepadaku pada malam kematiannya, "Saudaraku, ambulkan air minum untukku!"

Waktu itu aku sedang berdiri mengerjakan solat. Selesai mengerjakan solat, aku datang membawakan air untuknya. Aku berkata, “Minumlah!”

“Aku baru sahaja minum tadi”, jawabnya.

“Siapa yang memberimu minum, padahal di bilik ini tidak ada orang lain selain engkau dan aku?” tanyaku

Dia menjawab, “Malaikat Jibril telah membawakan air untukku tadi. Dia memberiku minum seraya berkata kepadaku, ‘Engkau, saudaramu dan juga ibumu ada bersama orang-orang yang diberi kenikmatan oleh Allah. Mereka adalah para nabi, orang-orang jujur, para syuhada dan orang-orang soleh.’”

Setelah itu dia meninggal.

Ibn ‘Asakir menuturkan riwayat dari ‘Abdurrahman ibn Ghanm al-Asy‘ari. Dia berkata:

Putera Mu‘adz ibn Jabal terjangkit penyakit taun pada tahun *‘amwas*¹⁹ hingga menemui ajalnya. Akan tetapi, dia tetap bersabar dan sadar. Ketika dirinya sendiri terserang penyakit taun di telapaknya, dia berkata, “Telah datang kekasihku dengan suatu keperluan. Tidak beruntung orang yang menyesal.”

Aku bertanya, “Mu‘adz, apakah engkau melihat sesuatu?”

Dia menjawab, “Ya, Tuhanku berterima kasih kepadaku. Aku didatangi roh puteraku. Dia memberitahuku bahawa Muhammad berada dalam seratus barisan para malaikat yang dekat dengan Allah, para syuhada dan orang-orang soleh. Mereka semua berselawat untuk rohku dan membawaku ke syurga.”

Setelah itu, dia tidak sedarkan diri. Aku melihat seakan-akan dia menyalami suatu kaum seraya berucap, “*Marhaban, marhaban*. Aku telah datang kepada kalian.”

Kemudian dia menemui ajalnya. Setelah itu, aku melihatnya dalam tidurku. Di sekelilingnya orang-orang bersesak-sesak. Mereka berada di atas kuda yang berwarna hitam dan putih dengan mengenakan pakaian putih, sementara dia berseru, “Wahai Sa‘ad yang berada di antara orang yang bertombak dan orang yang terjangkit penyakit taun, segala puji bagi Allah yang telah mewariskan syurga

19 Ramlah.

kepada kita. Kita dapat menempatinnya di mana kita suka. Sungguh besar nikmat pahala orang-orang yang berbuat kebaikan.”

Setelah itu, aku terjaga dari tidurku.

Mujahid mengatakan, “Tidak ada seorang pun yang meninggal melainkan diperlihatkan kepadanya orang yang menjadi temannya. Jika temannya dari golongan ahli zikir, berarti dia termasuk ke dalam golongan orang tersebut. Jika temannya dari golongan orang yang lalai, berarti dia termasuk ke dalam golongan orang-orang tersebut.”

Demikian dituturkan Ibn Abi ad-Dunya, al-Baihaqi dan Abu Nu’aim.

Sementara Ibn Abi Syaibah menuturkan riwayat melalui jalan Mujahid dari Yazid ibn ‘Ajjah. Dia menuturkan, “Tidaklah seseorang meninggal kecuali diperlihatkan kepadanya teman-temannya pada saat meninggal. Jika teman-temannya itu berasal dari kalangan orang-orang yang lalai, berarti dia termasuk ke dalam golongannya. Jika teman-temannya dari kalangan ahli zikir, berarti dia termasuk ke dalam golongan tersebut.”

Ar-Rabi’ ibn Barrah, seorang ahli ibadah di Baṣrah, mengatakan bahwa dirinya mengetahui orang-orang di Syam. Dikatakan kepada seseorang, “Katakanlah, *La Ilahailla Allah!*”

Dia menjawab, “Berilah aku minum.”

Dikatakan kepada seseorang di Ahwaz, “fulan, katakanlah, *La Ilahailla Allah!*”

Dia berucap, “Tambah, tambahkanlah!”

Dikatakan lagi kepada seseorang di Baṣrah, “fulan, katakanlah *La Ilahailla Allah!*”

Dia lalu membacakan syair:

*Tuhanku, seorang wanita bertanya kepadaku
sementara aku dalam keadaan lelah,
di mana jalan menuju bilik mandi?*

Abu Bakar mengatakan, “Orang ini pernah diminta oleh seorang wanita untuk menunjukkan bilik mandi. Dia lalu menunjukkan jalan menuju rumahnya. Hal itu dikatakannya pada waktu kematiannya.”

Ibn Abi ad-Dunya menuturkan bahwa Abu Ja'afar Muhammad ibn 'Ali berkata, "Tidak ada seorang pun yang meninggal melainkan diperlihatkan kepadanya amal kebaikan dan amal keburukannya saat dia meninggal, hingga dia kembali kepada kebaikannya dan meninggalkan keburukannya."

Mengenai firman Allah s.w.t., "*Pada hari itu diberitakan kepada manusia apa yang telah dikerjakannya dan apa yang dilalaikannya*";²⁰ al-Hasan mengatakan, "Pada saat kematian, akan turun malaikat menjemputnya. Malaikat itu yang akan memperlihatkan kebaikan atau keburukan kepadanya. Jika melihat kebaikan, dia dengan cepat dan senang menghampirinya. Jika melihat keburukan, dia akan memejamkan mata dan menjauhinya."

Hanzhalah ibn al-Aswad menuturkan, "Tuanku meninggal. Pada saat sakaratulmaut, kadang dia menutupi wajahnya dan saat yang lain membukanya. Aku menyampaikan hal itu kepada Mujahid. Dia pun berucap, 'Pernah sampai kepada kami berita bahwa nyawa orang mukmin itu tidak akan keluar hingga diperlihatkan kepadanya amal perbuatannya, baik yang baik ataupun yang buruk.'"

Sementara Salman menuturkan hadis sebagai berikut:

Rasulullah s.a.w. pernah menjenguk seseorang dari kaum Anşar saat menjelang kematiannya.

"Apa yang engkau rasakan?" tanya beliau.

Orang itu menjawab, "Aku merasa baik-baik sahaja. Telah datang kepadaku dua malaikat, salah satunya hitam dan yang lain putih."

Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda, "Mana di antara keduanya yang lebih dekat denganmu?"

"Yang hitam", jawabnya.

"Sesungguhnya kebaikanmu sedikit dan yang banyak adalah kejahatan", lanjut beliau.

Orang itu berkata, "Ya Rasulullah, tolong bantu aku dengan doa."

20 Surah al-Qiyamah: 13

Setelah itu beliau berdoa, “Ya Allah, hapuskanlah yang banyak itu (kejahatan) dan kembangkanlah yang sedikit itu (kebaikan).”

Selanjutnya beliau bertanya, “Apa yang engkau lihat?”

“Aku melihat kebaikan. Demi ayah dan ibuku, aku melihat kebaikan berkembang dan kejahatan berkurang. Malaikat yang berwarna hitam itu menjauh dariku.”

Beliau bertanya, “Amalanmu yang mana yang menyelamatkanmu?”

Dia menjawab, “Aku pernah memberi minum.”

Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda, “Aku mengetahui apa yang dirasakan. Tidak ada satu peluh pun darinya melainkan dia merasakan sakit yang amat pedih akibat kematian.”

(Hadis riwayat al-Bazzar dan at-Ṭabrani)

Ibn Abi ad-Dunya menuturkan riwayat dari Wahib ibn al-Ward. Dia mengatakan:

Kami pernah mendengar bahawa tidaklah seseorang itu meninggal melainkan dua malaikat penjaga memperlihatkan kepadanya amal perbuatannya di dunia. Jika dia menemani mereka berdua dengan ketaatan kepada Allah, mereka berdua akan mengatakan, “Semoga Allah memberikan pahala kebaikan kepadamu atas sebuah persahabatan. Berapa banyak tempat kebenaran yang engkau dudukkan kami; berapa banyak amal soleh yang padanya engkau hadirkan kami; dan berapa banyak pula ucapan baik yang telah engkau perdengarkan kepada kami. Semoga Allah memberikan pahala kepadamu atas sebuah persahabatan.”

Jika dia menemani mereka berdua dalam kemaksiatan yang tentu sahaja tidak diredhai Allah, mereka berdua menolak untuk memberikan pujian seraya berkata, “Semoga Allah tidak memberikan pahala kebaikan kepadamu atas sebuah persahabatan. Berapa banyak tempat kemaksiatan yang di sana engkau dudukkan kami; berapa banyak amal kejahatan yang padanya engkau hadirkan kami; dan berapa banyak ucapan keji yang telah engkau perdengarkan kepada kami. Semoga Allah tidak memberikan pahala kebaikan kepadamu dari sebuah persahabatan ini.”

Lebih lanjut Wahib mengatakan, “Demikianlah mata si mayat dibuka untuk melihat kepada keduanya. Sekali-kali dia tidak akan kembali ke dunia selamanya.”

Sufyan menuturkan:

Telah sampai kepadaku berita bahawa jika seorang mukmin menghadapi sakaratulmaut, dua malaikat yang ada bersamanya, yang selalu mengawasinya selama masa hidupnya berkata di tengah-tengah ratapan keluarganya, “Biarkanlah kami memperlihatkan kepada teman kami ini apa yang kami ketahui darinya.”

Mereka berdua berkata lebih lanjut, “Semoga Allah memberikan rahmat kepadamu. Semoga Allah memberikan pahala kebaikan kepadamu dari sebuah persahabatan; jika engkau termasuk orang yang cepat berbuat taat kepada Allah dan lambat berbuat kemaksiatan terhadap-Nya, sementara kami mempercayai ketidakhadiranmu. Kami akan naik ke langit. Oleh kerana itu, jangan lupakan kami dari zikir bersama para malaikat yang lain.”

Sementara jika orang jahat menghadapi sakaratulmaut, anggota keluarganya akan meratap dan berteriak-teriak. Kedua-dua malaikat berdiri seraya berucap, “Biarkanlah kami memperlihatkan kepadanya apa yang kami ketahui darinya.”

Mereka mengatakan lebih lanjut, “Semoga Allah memberikan balasan kejahatan kepadamu dari sebuah persahabatan; jika engkau lambat berbuat taat kepada Allah dan cepat bermaksiat kepada-Nya, sementara kami tidak mempercayai ketidakhadiranmu.”

Selanjutnya mereka berdua membawanya naik ke langit.

‘Ubadah ibn aš-Šamit meriwayatkan hadis sebagai berikut:

Nabi s.a.w. pernah bersabda, “Barangisapa yang menyukai pertemuan dengan Allah, Allah juga menyukai pertemuannya. Barangsiapa yang membenci pertemuan dengan Allah, Allah pun membenci pertemuannya.”

‘Aisyah berkata, “Sesungguhnya kami tidak menyukai kematian.”

Beliau menjawab, “Bukan demikian, sebab jika seorang mukmin sedang menghadapi kematian, dia akan diberitahu berita gembira berupa keredhaan dan kemurahan Allah. Pada saat itu, tidak ada sesuatu pun yang lebih dia sukai daripada apa yang ada di hadapannya. Dia menyukai pertemuan dengan Allah dan Allah menyukai pertemuannya. Sementara jika orang kafir menghadapi kematian, dia akan diberitahu berita berupa azab dan seksa Allah. Tidak ada sesuatu pun lebih dia benci daripada apa yang ada di hadapannya. Dia membenci

pertemuan dengan Allah dan Allah membenci pertemuan dengannya.”

Adam ibn Abi Iyas menuturkan riwayat dari Hamad ibn Salmah bahawa ‘Aṭa’ ibn Sa’ib pernah mendengar hadis dari Abdurrahman ibn Abi Layla. Dia mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah membaca ayat-ayat ini:

فَلَوْلَا إِذَا بَلَغَتِ الْحُلُقُومَ ﴿٨٣﴾ وَأَنْتُمْ حِينِيذٍ نَنْظُرُونَ ﴿٨٤﴾ وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْكُمْ وَلَكِنْ لَا تُبْصِرُونَ ﴿٨٥﴾ فَلَوْلَا إِنْ كُنْتُمْ غَيْرَ مَدِينِينَ ﴿٨٦﴾ تَرْجِعُونَهَا إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٨٧﴾ فَأَمَّا إِنْ كَانَ مِنَ الْمُقْرَبِينَ ﴿٨٨﴾ فَرُوحٌ وَرِيحَانٌ وَجِئَتْ نَجِيمٍ ﴿٨٩﴾ وَأَمَّا إِنْ كَانَ مِنَ أَصْحَابِ الْيَمِينِ ﴿٩٠﴾ فَسَلَمٌ لَكَ مِنَ أَصْحَابِ الْيَمِينِ ﴿٩١﴾ وَأَمَّا إِنْ كَانَ مِنَ الْمَكْذِبِينَ الضَّالِّينَ ﴿٩٢﴾ فَنُزُلٌ ﴿٩٣﴾

مِنْ حَمِيمٍ ﴿٩٣﴾

Mengapa ketika nyawa sampai di kerongkong, padahal kalian ketika itu melihat? Kami lebih dekat kepadanya daripada kalian, tetapi kalian tidak melihat. Mengapa - jika memang kalian tidak dikuasai (oleh Allah) - kalian tidak mengembalikan nyawa itu (kepada tempatnya) kalau memang kalian adalah orang-orang benar? Apabila dia (orang yang meninggal) itu termasuk orang yang didekatkan (kepada Allah), nescaya dia memperoleh ketenteraman, rezeki dan syurga kenikmatan. Jika dia termasuk golongan kanan, nescaya keselamatan bagimu kerana kamu dari golongan kanan. Jika dia termasuk golongan pendusta dan sesat, nescaya dia mendapat hidangan air yang mendidih dan dibakar di dalam neraka.

(Surah al-Waqi’ah: 83-93)

Kemudian baginda bersabda, “Jika pada saat kematian dikatakan kepadanya hal-hal tersebut dan dia termasuk golongan kanan, bererti dia akan menyukai pertemuan dengan Allah dan Allah pun menyukai pertemuan dengannya. Jika dia termasuk golongan kiri, nescaya dia membenci pertemuan dengan Allah dan Allah pun membenci pertemuan dengannya.”

(Hadis riwayat Syaikhani [al-Bukhari dan Muslim])

Melalui Hamam, ‘Aṭa’ ibn Sa’ib pernah mendengar Abdurrahman ibn Abi Layla - yang ketika itu sedang mengiringkan jenazah - mengatakan bahawa fulan ibn fulan pernah memberitahu suatu hal kepadanya. Katanya, dia pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, “Barangsiapa yang menyukai pertemuan dengan Allah, Allah pun menyukai pertemuan dengannya. Barangsiapa yang membenci

pertemuan dengan Allah, Allah pun membenci pertemuan dengannya.”

Suatu kaum tertunduk sambil menangis. Beliau bertanya, “Apa yang menyebabkan kalian menangis?”

Mereka menjawab, “Sesungguhnya kami membenci kematian.”

Beliau berkata, “Bukan demikian seharusnya.”

Lalu beliau membacakan ayat:

فَأَمَّا إِنْ كَانَ مِنَ الْمُقَرَّبِينَ ﴿٨٨﴾ فَرَوْحٌ وَرَيْحَانٌ وَجَنَّتْ نَعِيمٌ ﴿٨٩﴾

Jika dia (orang yang meninggal) termasuk orang yang didekatkan (kepada Allah), nescaya dia memperoleh ketenteraman, rezeki dan syurga kenikmatan.

(Surah al-Waqi'ah: 88-89)

Lebih lanjut baginda bersabda, “Jika ketika menghadapi kematian, seseorang diberitahu berita gembira berupa ayat tersebut, nescaya dia akan menyukai pertemuan dengan Allah dan Allah pun akan menyukai pertemuan dengannya. Namun, jika dia dari golongan para pendusta dan sesat (beliau lalu membacakan ayat):

فَزُلْزِلْ مِنْ جَمِيمٍ ﴿٩٣﴾ وَنَصِيلَةٌ يَصْجِمُ ﴿٩٤﴾

Nescaya dia akan mendapat hidangan air yang mendidih dan dibakar di dalam neraka

(Surah al-Waqi'ah: 93-94).

Jika diberitahukan kepadanya berita tersebut, nescaya dia akan membenci pertemuan dengan Allah dan Allah bahkan lebih membenci pertemuan dengannya.”

Ibn Juraij menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah berkata kepada Aisyah, “Jika seorang mukmin telah melihat malaikat, para malaikat itu berkata, ‘Apakah kami harus mengembalikanmu ke dunia?’ Dia berucap, ‘Ke tempat kesengsaraan dan kesedihan? Bawalah aku menghadap Allah.’ Sedangkan kepada orang kafir, para malaikat akan mengatakan, ‘Apakah kami harus membawamu kembali ke dunia?’ Dia akan mengatakan, ‘Tuhanku, kembalikanlah aku ke dunia.’²¹”

21 Mereka dapat beriman. (Surah al-Mu'min: 99-100)

(Hadis riwayat Ibn Jarir dan Ibn Mundzir)

Imam Tirmidzi dan Ibn Jarir menuturkan bahawa Ibn 'Abbas pernah berkata, "Barangsiapa yang memiliki wang yang jumlahnya dapat digunakan untuk mengerjakan haji ke Baitullah atau mencapai nisab zakat lalu dia tidak mengerjakannya, pasti dia akan meminta untuk dikembalikan ke dunia ketika menghadapi kematian."

Ada seseorang yang berkata, "Ibn 'Abbas, takutlah kepada Allah. Sesungguhnya orang yang meminta untuk dikembalikan ke dunia adalah orang-orang kafir."

"Mengenai hal itu, aku akan membacakan ayat al-Quran kepada kalian", sahut Ibn 'Abbas.

Kemudian dia membacakan ayat:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَلْهِكُوْا اَمْوَالَكُمْ وَلَا اَوْلَادَكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللّٰهِ وَمَنْ يَفْعَلْ
ذٰلِكَ فَاُولٰٓئِكَ هُمُ الْخٰسِرُوْنَ ﴿٩﴾ وَاَنْفِقُوْا مِنْ مَّا رَزَقْنٰكُمْ مِنْ قَبْلِ اَنْ يَّاْتِكُمْ
الْمَوْتُ فَيَقُوْلَ رَبِّ لَوْلَا اَخْرَجْتَنِيْ اِلَىٰ اَجَلٍ قَرِيْبٍ فَاَصَّدَقْتُ وَاَنْتَ مِنَ الصّٰلِحِيْنَ ﴿١٠﴾
وَلَنْ يُؤَخِّرَ اللّٰهُ نَفْسًا اِذَا جَآءَ اَجَلُهَا وَاَللّٰهُ خَيْرٌ لِّمَنْ تَعْمَلُوْنَ ﴿١١﴾

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah harta-harta dan anak-anak kalian melalaikan kalian dari mengingat Allah. Barangsiapa yang berbuat demikian, mereka itulah orang-orang yang rugi. Belanjakanlah sebahagian dari apa yang telah Kami berikan kepada kalian, sebelum datang kematian kepada salah seorang di antara kalian. Lalu dia berkata, "Tuhanku, mengapa Engkau tidak menangguhkan (kematian)ku sampai waktu yang dekat, yang menyebabkan aku dapat bersedekah dan aku termasuk orang-orang yang soleh?" Allah sekali-kali tidak akan menangguhkan (kematian) seseorang apabila telah datang waktu kematiannya. Allah Maha Tahu atas apa yang kalian kerjakan.

(Surah al-Munafiqun: 9-11)

Ad-Dailami menuturkan hadis dari Jabir ibn 'Abdillah sebagai hadis *marfu'*, bahawa jika kematian menjemput seseorang, akan berkumpul segala sesuatu miliknya yang telah menghalanginya dari kebenaran. Semua itu diletakkan di hadapannya. Pada saat itu, dia akan mengatakan:

قَالَ رَبِّ ارْجِعُونِ ﴿٩٩﴾ لَعَلِّي أَعْمَلُ صَالِحًا فِيمَا تَرَكْتُ

Tuhanku, kembalikanlah aku ke dunia, agar aku boleh melakukan amal soleh yang pernah aku tinggalkan.

(Surah al-Mukminun: 99-100)

Sedangkan al-Marwazi menuturkan riwayat dari al-Hasan. Dia mengatakan, “Roh orang mukmin akan keluar dengan tenteram.”

Lalu dia membacakan ayat:

فَأَمَّا إِنْ كَانَ مِنَ الْمُقْرَبِينَ ﴿٨٨﴾ فَرَوْحٌ وَرَيْحَانٌ وَجَنَّتْ نَعِيمٌ ﴿٨٩﴾

Jika dia (orang yang meninggal) termasuk orang yang didekatkan (kepada Allah), pasti dia akan memperoleh ketenteraman, rezeki dan syurga kenikmatan.

(Surah al-Waqi'ah: 88-89)

Mengenai firman Allah, “*Fa rawh wa rayhan*”, Ibn Jarir dan Ibn Hatim menuturkan bahawa Qatadah mengatakan, “*Rawh* bererti rahmat, sedangkan *rayhan* bererti sesuatu yang akan diterima pada saat kematian.”

Ibn Abi ad-Dunya menuturkan bahawa Bakar ibn ‘Abdillah pernah berkata, “Jika malaikat maut diperintahkan mencabut nyawa orang mukmin, akan dibawakan kepadanya rahmat dari syurga. Lalu dikatakan, ‘Cabutlah nyawanya dalam *rayhan* (tumbuhan yang harum baunya) itu!’ Jika diperintahkan untuk mencabut nyawa orang kafir, akan dibawakan kepadanya pakaian dari neraka dan dikatakan kepadanya, ‘Cabutlah nyawanya dalam pakaian itu!’”

‘Abdullah ibn Ahmad dalam *Zawa'id al-Zuhd* dan Ibn Abi ad-Dunya menuturkan riwayat dari Abu ‘Imran al-Jawni. Dia mengatakan, “Pernah sampai berita kepada kami bahawa jika seorang mukmin sedang dalam sakaratulmaut, akan dibawakan kepadanya seikat *rayhan* dari syurga, lalu nyawanya diletakkan di dalamnya.

Ibn Abi ad-Dunya juga menuturkan bahawa Mujahid pernah berkata, “Nyawa orang mukmin itu dicabut dalam sutera dari syurga.”

Dari Abu al‘Aliyah, Ibn Jarir dan Ibn Abi Hatim mengatakan, “Tidak seorang pun dari *muqarrabun* (orang-orang yang dekat kepada Allah) meninggal dunia melainkan akan dibawakan kepadanya sebatang *rayhan* dari syurga, lalu dia menciumnya, baru setelah itu dicabut nyawanya.”

Imam Ahmad meriwayatkan bahwa mengenai firman Allah:

فَرُوحٌ وَرَيْحَانٌ وَجَنَّتْ نَعِيمٌ ﴿٨٩﴾

Jika dia (orang yang meninggal) termasuk orang yang didekatkan (kepada Allah), dia akan memperoleh ketenteraman, rezeki dan syurga kenikmatan

(Surah al-Waqi'ah: 89)

Rabi' ibn Khaiṭam mengatakan, "Hal itu diberikan kepadanya ketika menghadapi kematian, tetapi tidak diperlihatkan syurga kepadanya di akhirat."

Sedangkan mengenai firman-Nya:

وَأَمَّا إِنْ كَانَ مِنَ الْمُكْذِبِينَ الضَّالِّينَ ﴿٩٢﴾ فَزُرُّهُ مِنْ حَمِيمٍ ﴿٩٣﴾ وَتَصْلِيَةٌ جَحِيمٍ ﴿٩٤﴾

Jika termasuk golongan pendusta dan sesat, dia akan mendapatkan hidangan air yang mendidih dan dibakar di dalam neraka

(Surah al-Waqi'ah: 92-94)

Rabi' ibn Khaiṭam mengatakan, "Hal itu ketika menghadapi kematian, tetapi tidak diperlihatkan kepadanya neraka di akhirat."

Abu Nu'aim dalam *Dala'il an-Nubuwwah* dan Ibn 'Asakir menerangkan bahwa Abi ibn Hatim at-Ṭa' menuturkan, "Aku pernah mendengar suara pada hari terbunuhnya 'Usman. Suara itu menyerukan, 'Wahai Ibn 'Affan, ada berita gembira untukmu berupa ketenteraman dan rezki. Oleh kerana itu, bergembiralah Ibn 'Affan dan Tuhan tidak murka. Bergembiralah wahai Ibn 'Affan dengan keredhaan dan ampunan.' Kemudian aku menoleh, tetapi aku tidak melihat seorang pun", lanjutnya.

Mengenai firman Allah s.w.t., "*farawh wa rayhan*", Abu al-Qasim menuturkan bahwa al-Hasan mengatakan, "Demi Allah, mereka akan mendapatkan berita gembira itu pada saat kematian."

Salman meriwayatkan bahwa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, "Berita gembira pertama yang diterima seorang mukmin ketika wafat adalah ketenteraman, rezeki dan syurga kenikmatan. Berita gembira pertama yang diterima seorang mukmin dalam kuburnya adalah ketika dikatakan kepadanya, 'Bergembiralah dengan keredhaan Allah dan syurga-Nya. Engkau telah berbuat kebaikan. Allah telah memberikan ampunan kepada orang yang menghantarmu ke kubur. Dia juga

membenarkan orang yang memberikan kesaksian kepadamu serta mengabulkan orang yang memohonkan ampunan untukmu.”

Allah s.wt. berfirman:

فَرَزُّ مِّنْ حَمِيمٍ ﴿٩٣﴾

Dia mendapat hidangan air yang mendidih.

(Surah al-Waqi'ah: 93)

Mengenai firman Allah di atas itu, Ibn Abi Hatim menuturkan bahwa Ibn 'Abbas mengatakan, “Orang kafir itu tidak akan keluar dari dunia ini hingga dia minum satu gelas air mendidih.”

Sementara adh-Dhahak, mengenai firman Allah di atas mengatakan, “Barangsiapa yang meninggal sementara dia suka minum khamar, pasti wajahnya akan disiram dengan air yang mendidih dari neraka Jahanam.”

Ahmad meriwayatkan bahwa Abu 'Imran al-Jawni berkata, “Orang-orang kafir akan keluar dari dunia dalam keadaan haus, masuk ke kubur dalam keadaan haus, menyaksikan Hari Kiamat dalam keadaan haus serta diperintahkan masuk ke neraka dalam keadaan haus.”

Abu al-Qasim ibn Mundah menuturkan riwayat dari Ibn Mas'ud bahwa jika Allah menghendaki pencabutan nyawa orang mukmin, Dia akan mewahyukan kepada malaikat maut, “Sampaikan salamku kepadanya.”

Jika malaikat maut datang untuk mencabut nyawa orang mukmin, dia akan mengatakan, “Tuhanmu menyampaikan salam kepadamu.”

Allah s.wt. berfirman:

نَحِيَّتُهُمْ يَوْمَ يَلْقَوْنَهُ سَلَامٌ

Penghormatan kepada mereka (orang-orang mukmin itu) pada hari ketika mereka memenuhi-Nya adalah ucapan, “Salam.”

(Surah al-Ahzab: 44)

Ibn Abi Syaibah, Ibn Abi Hatim, Ibn Abi ad-Dunya, al-Hakim dan al-Baihaqi menuturkan hadis dari al-Barra' ibn 'Azib bahwa mengenai firman Allah di atas dia mengatakan, “Pada hari mereka menemui malaikat maut, tidak ada seorang

mukmin pun yang dicabut nyawanya melainkan diucapkan salam kepadanya.”

Sementara Ibn al-Mubarak, al-Baihaqi dalam *Syū'ab al-Iman*, Abu Syaikh dan Abu al-Qasim ibn Mundah meriwayatkan hadis dari Muhammad ibn Ka'ab al-Qurdzi bahawa jika nyawa seorang mukmin itu telah berada di tekak, malaikat maut segera datang seraya berkata, “*As-Salam ‘alayk*, wahai wali Allah. Allah menyampaikan salam untukmu.”

Al-Qurdzi kemudian mengakhirinya dengan membaca ayat:

الَّذِينَ نُوَفِّهِمُ الْمَلَائِكَةَ طَيِّبِينَ يَقُولُونَ سَلَامٌ عَلَيْكُمْ

Iaitu orang-orang yang diwafatkan dalam keadaan baik oleh para malaikat seraya berkata kepada mereka, “Salam ‘alaikum.”

(Surah an-Nahl: 32)

Anas ibn Malik r.a. meriwayatkan hadis dari Rasulullah s.a.w. Baginda telah bersabda, “Jika malaikat maut mendatangi seorang wali Allah, dia akan mengucapkan salam kepadanya dan menyampaikan salam Allah kepadanya. Dia mengucapkan, ‘*as-Salam ‘alaik*, wahai wali Allah. Bangun dan keluarlah dari duniamu yang telah engkau rosakkan menuju akhirat yang telah engkau bina.’ Jika malaikat maut mendatangi bukan seorang wali Allah, dia akan mengatakan, ‘Bangun dan keluarlah dari duniamu yang telah engkau bina menuju akhirat yang telah engkau rosakkan.’”

(Hadis riwayat al-Qadhi Abu al-Husain ibn ‘Uraif dan Abu ar-Rabi’ al-Mas’udi)

Sementara mengenai firman Allah s.w.t.:

لَهُمُ الْبُشْرَىٰ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ

Bagi mereka berita gembira di dalam kehidupan dunia dan dalam kehidupan akhirat

(Surah Yunus: 64)

Ibn Abi Syaibah, Ibn Abi ad-Dunya, Ibn Jarir dan Ibn Mundah menuturkan bahawa adh-Dhahak berkata, “Dia mengetahui di mana berita gembira itu berada sebelum kematian.”

Ali ibn Abi Ṭalib menuturkan, “Diharamkan setiap jiwa keluar dari dunia ini hingga dia mengetahui di mana tempat kembalinya.”

(Hadis riwayat Ibn Abi Syaibah dan Ibn Abi ad-Dunya)

Jabir ibn 'Abdillah meriwayatkan bahawa ada seseorang dari suku Badwi yang bertanya kepada Rasulullah s.a.w. mengenai firman Allah s.w.t.:

لَهُمُ الْبَشْرَى فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ

Bagi mereka berita gembira dalam kehidupan di dunia dan dalam kehidupan di akhirat.

(Surah Yunus: 64)

Rasulullah s.a.w. menjawab, "Mengenai firman-Nya, 'di dunia' maksudnya adalah kebaikan yang diperlihatkan kepada orang mukmin, lalu Dia memberitahukan hal itu semasa masih hidup di dunia. Sedangkan mengenai firman-Nya, 'di akhirat' adalah berita gembira bagi orang mukmin ketika menghadapi kematian, lalu disampaikan kepadanya ketika meninggal berita bahawa, "Allah telah memberikan ampunan kepadamu dan kepada orang-orang yang menghantarmu ke kubur.

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya dan Ibn Mundah)

Allah s.w.t. berfirman:

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَمُوا سَتَرْنَا عَنْهُمْ الْمَلَائِكَةَ إِلَّا تَخَافُوا

وَلَا تَحْزَنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٣٠﴾

Sesungguhnya orang-orang yang mengatakan, "Tuhan kami adalah Allah", kemudian mereka meneguhkan pendirian mereka, nescaya malaikat akan turun kepada mereka (dengan mengatakan), "Janganlah kalian merasa takut dan jangan pula merasa sedih. Bergembiralah kalian dengan (memperoleh) syurga yang telah dijanjikan Allah kepadamu."

(Surah Fuşşilat: 30)

Mengenai firman Allah di atas, al-Baihaqi meriwayatkan bahawa Mujahid berkata, "Yang demikian itu adalah pada saat kematian."

Hal yang sama diriwayatkan dari Sufyan. Dia mengatakan, "Disampaikan kepadanya tiga berita gembira, iaitu: ketika kematian; ketika keluar dari kubur; dan ketika masa menunggu."

Masih mengenai ayat di atas, Ibn Abi Hatim dan Ibn Mundah menuturkan

bahawa Mujahid pun berkata, “Ertinya, janganlah kalian merasa takut untuk menghadapi kematian dan urusan akhirat. Jangan pula merasa sedih atas urusan dunia yang telah kalian tinggalkan baik berupa anak, keluarga, mahupun agama; kerana mereka akan menggantikan kalian untuk mengurus semua itu.”

Mengenai ayat yang sama, Zaid ibn Aslam mengatakan, “Hal itu diberitahukan kepadanya ketika menghadapi kematian, ketika dalam kubur dan ketika hari kebangkitan. Sesungguhnya dia berada di syurga. Kegembiraan atas berita gembira itu tidak pernah lenyap dari dalam hatinya.”

Zaid ibn Aslam menambahkan, “Seorang mukmin didatangi malaikat ketika menghadapi kematian, lalu dikatakan kepadanya, ‘Jangan takut terhadap kematian yang menjemputmu.’ Saat itu, lenyaplah rasa takutnya. ‘Jangan pula sedih atas dunia dan penghuninya. Bergembiralah dengan syurga.’ Setelah itu, dia meninggal dan Allah menyenangkan pandangannya.”

Ibn Mundah menuturkan riwayat dari Kathir ibn Abi Kathir, seorang pembantu Ibn ‘Abbas. Dia mengatakan, “Sesungguhnya kepada setiap ahli syurga ditugaskan seorang malaikat. Jika diberitahukan kepada mereka berita gembira berupa syurga, malaikat tersebut meletakkan tangannya di atas hatinya. Jika tidak demikian, nescaya hatinya akan keluar melalui kepalanya kerana kegembiraan dirinya.”

(Hadis riwayat Ibn Abi Hatim dan Abu Nu‘aim)

Sa‘id ibn Jubair menuturkan, “Aku pernah membaca di sisi Nabi s.a.w. ayat: *Wahai jiwa yang tenang!* Lantas Abu Bakar r.a. berkata, ‘Yang demikian itu adalah yang baik.’ Kemudian Nabi s.a.w. bersabda, ‘Sementara malaikat akan membacakan ayat tersebut pada saat kematian.’”

Al-Hasan pernah ditanya mengenai ayat di atas. Dia menjawab, “Jika Allah ingin mencabut nyawa seorang mukmin, jiwa itu merasa tenang dengan Allah dan Allah pun merasa tenang dengannya.”

Dalam *al-Masyaykhah al-Baghdadiyyah*, al-Hafizh as-Salafi mengatakan bahawa dirinya pernah mendengar Abu Sa‘id al-Hasan ibn ‘Ali al-Wa‘izh menuturkan, “Aku pernah mendengar ayahku berkata, ‘Aku pernah membaca sebahagian buku yang menyatakan bahawa sesungguhnya Allah menampakkan pada telapak tangan malaikat maut tulisan *Bismillahirrahmanirrahim* yang ditulis dengan cahaya. Kemudian dia diperintahkan untuk membentangkan telapak tangannya kepada

seorang arif saat kematiannya dan memperlihatkan tulisan tersebut kepadanya. Jika roh orang arif tersebut melihatnya, nescayarohnya itu akan terbang dengan cepat melebihi kecepatan kelipatan mata.”

Dalam sebuah hadis *marfu'*, Ibn 'Abbas menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Jika Allah memerintahkan malaikat maut untuk mencabut nyawa orang yang diharuskan masuk neraka dari kalangan umatku yang berbuat dosa, Dia mengatakan, ‘Sampaikanlah berita gembira kepadanya berupa syurga setelah pembalasan ini dan mnetap dia di syurga selama mana keberadaannya di dalam neraka.”

Abu Nu'aim menuturkan riwayat dari ar-Rabi' ibn Abi Rasyid bahawa, “Kalaulah bukan kerana harapan orang-orang mukmin akan kemurahan Allah bagi mereka setelah kematian, nescaya akan pecah hempedu mereka di dunia dan akan tercerai-berai perut mereka.”

Anas r.a. menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Siapa sahaja yang berselawat seribu kali untukku pada hari Jumaat, dia tidak akan meninggal hingga dia mengetahui tempatnya di syurga.”

(Hadis riwayat al-Asbahani)

Syahr ibn Hawsyib pernah ditanya mengenai firman Allah s.wt.:

وَإِن مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ إِلَّا لِيُؤْمِنَنَّ بِهِ قَبْلَ مَوْتِهِ

Tidak ada seorangpun dari kalangan Ahli Kitab, kecuali akan beriman kepadanya (‘Isa) sebelum kematiannya.

(Surah an-Nisaa’: 159)

Dia menjawab, “Yang demikian itu ditujukan kepada orang-orang Yahudi. Malaikat maut tidak akan mencabut nyawa salah seorang dari mereka hingga malaikat mendatanginya dengan membawa bara dari neraka. Lalu dia memukul ke wajah dan punggungnya seraya berucap, ‘Apakah engkau mengakui bahawa ‘Isa itu hamba sekaligus Rasulullah?’ Hal itu masih terus dipertanyakan hingga dia mahu mengakuinya. Jika dia telah mengakuinya, malaikat maut mencabut nyawanya.”

Demikian diriwayatkan oleh Ibn 'Asakir.

Sementara Abu Hurairah menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Tidakkah kalian tahu bahawa jika seseorang meninggal akan terbuka matanya?”

“Ya”, jawab mereka.

“Yang demikian itu kerana pandangannya mengikuti nyawanya”, lanjut beliau.

(Hadis riwayat Muslim)

Sedangkan Ibn Sa’ad meriwayatkan hadis dari Qabişah ibn Dzu’ayb bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Sesungguhnya mata itu terbuka mengikuti roh ketika roh itu dibawa naik.”

Ibn Abi ad-Dunya menuturkan riwayat dari Haşin bahawa, “Pernah sampai kepadaku berita, bahawa jika malaikat maut mencabut nyawa seseorang, pada saat itu matanya akan terbuka dan lupa akan manusia.”

Dalam *al-Mujalasa*h, ad-Dainuri menuturkan riwayat dari Sufyan ath-Thawri. Dia menuturkan, “Jika malaikat maut mencabut nyawa seorang hamba, terputuslah pengetahuan dan pembicaraannya serta melupakan dunia seisinya. Seandainya dia tidak sedang menghadapi sakaratulmaut, nescaya dia akan menebas orang-orang di sekelilingnya dengan pedang kerana kepedihan yang dialaminya itu.”

Al-Hakam ibn Abban menceritakan bahawa ‘Ikrimah pernah ditanya, “Apakah orang buta itu melihat malaikat maut ketika dia mencabut nyawanya?”

“Ya”, jawabnya.

Demikian sebagaimana diriwayatkan oleh Ibn Abi ad-Dunya.

Sementara Zuhair ibn Muhammad mengatakan, “Malaikat maut itu duduk di atas mikraj yang ada di antara langit dan bumi. Dia mempunyai beberapa utusan dari kalangan para malaikat. Jika nyawa itu sudah berada di kerongkong, lalu dia melihat malaikat maut di atas mikrajnya, maka matanya akan melihatnya. Pandangannya itu adalah akhir menuju kematian.”

Riwayat diatas dituturkan oleh Ibn Abi Hatim.

Sedangkan Abu Nu’aim menuturkan riwayat dari Mu’adz ibn Jabal bahawa, “Sesungguhnya malaikat maut itu memiliki tombak yang panjangnya sepanjang jarak antara timur dan barat. Jika dia hendak mengakhiri ajal seorang hamba dari kehidupan dunia, dia akan melempar kepalanya dengan tombak tersebut.”

Dalam hadis *marfu’*, Juwaibir menuturkan riwayat dari adh-Dhahak bahawa Ibn ‘Abbas mengatakan, “Sesungguhnya malaikat maut itu mempunyai tombak

beracun yang salah satu hujungnya berada di belahan timur dan hujung lainnya berada di belahan barat. Dengan benda itu, dia memutus kehidupan.”

Berdasarkan riwayat di atas tersebut, al-Ghazali mengungkapkan ilmu-ilmu tentang alam akhirat. Namun tidak demikian dengan al-Qurṭubi. Dia mengatakan, “Aku tidak mendapatkan penyebutan tombak kecuali pada *athar* Mu’adz.”

Allah s.wt. berfirman:

إِنَّمَا التَّوْبَةُ عَلَى اللَّهِ لِلَّذِينَ يَعْمَلُونَ السُّوءَ بِجَهَالَةٍ ثُمَّ يَتُوبُونَ مِنْ قَرِيبٍ

Sesungguhnya taubat di sisi Allah hanyalah taubat bagi orang-orang yang mengerjakan kejahatan lantaran kejahilan, lalu mereka bertaubat dengan segera.

(Surah an-Nisaa’: 17)

Mengenai potongan ayat “...lalu mereka bertaubat dengan segera”, Ibn Abi Hatim dan Ibn Jarir menuturkan riwayat dari Ibn ‘Abbas bahawa lafaz *qarib* bererti apa yang terletak di antara dirinya dengan posisi dia melihat malaikat maut.

Ibn ‘Umar pernah mendengar Nabi s.a.w. bersabda, “Sesungguhnya Allah menerima taubat seorang hamba selama nyawanya belum sampai di tekak.”

(Hadis riwayat Ahmad, at-Tirmidzi dan Ibn Majah)

Sementara ‘Abdur Razak mendengar Ibn ‘Umar mengatakan, “Taubat itu sentiasa terbuka bagi seorang hamba selama dia belum meninggal.”

Kemudian dia membaca ayat: *Tidaklah taubat itu diterima Allah.*²²

Sedangkan Ibn Mundzir menuturkan riwayat dari an-Nakha’i. Dia mengatakan, “Taubat itu sentiasa terbuka bagi seorang hamba selama matanya belum dibuka (hingga dapat melihat malaikat).”

Mengenai firman Allah s.wt., “*Hingga apabila datang ajal kepada salah seorang di antara mereka*”, Ibn Abi Hatim menuturkan riwayatkan dari Sufyan ath-Thawri. Dia mengatakan, “Maksudnya adalah dia telah melihat malaikat.”

Abu Mujalliz mengatakan, “Seorang hamba itu masih boleh bertaubat selama belum melihat malaikat.”

Demikian diriwayatkan oleh Ibn Abi ad-Dunya.

22 Surah an-Nisaa’: 18

Sementara Bakar ibn 'Abdillah al-Muzni mengatakan, "Taubat itu masih terus terbuka selama belum datang kepadanya para malaikat. Jika dia telah melihat mereka, terputuslah pengetahuan."

Sedangkan 'Abdullah ibn Mas'ud meriwayatkan bahawa dirinya pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, "Barangsiapa yang memberi taubat (bertaubat), tidak akan diharamkan pengabulannya, kerana Allah s.w.t. berfirman: *Dialah yang menerima taubat dari hamba-hamba-Nya.*²³"

(Hadis riwayat Ibn Mardawaih)

23 Surah asy-Syuraa: 25



Pertemuan Para Arwah dan Dialog di Antara Mereka

Abu Ayyub al-Ansari menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

Sesungguhnya jika nyawa orang mukmin dicabut, dia disambut oleh ahli rahmat dari kalangan hamba-hamba Allah, sebagaimana mereka menyambut pembawa berita gembira dari dunia. Mereka lalu berkata, "Lihatlah sahabat kalian itu beristirahat, setelah sebelumnya dia berada dalam kesusahan."

Mereka kemudian bertanya kepadanya, "Apa yang dikerjakan fulan dan fulanah sekarang? Apakah dia sudah menikah?"

Jika mereka bertanya mengenai seseorang yang sudah meninggal sebelum dirinya, dia menjawab, "Dia itu sudah meninggal sebelumku."

Mereka pun berucap, "*Inna lillahi wa inna ilaihi raji'un*. Dia dibawa ke tempat kembalinya, neraka Hawiyah; seburuk-buruk tempat kembali."

Sesungguhnya amal-amal kalian diserahkan kepada kaum kerabat dan keluarga kalian yang berada di akhirat; jika berupa amal kebaikan, mereka akan merasa bahagia seraya berkata, "Ya Allah, ini adalah kemuliaan dan rahmat-Mu. Oleh kerana itu, sempurnakanlah nikmat-Mu itu kepadanya serta wafatkanlah dia dalam amal tersebut."

Diperlihatkan pula kepada mereka amal keburukan, sehingga mereka berucap, "Ya Allah, ilhamilah dia amal soleh yang Engkau redhai dan jadikannya dekat dengan-Mu."

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya dan at-Tabrani)

Ibn Abi ad-Dunya menuturkan riwayat dari Abu Labibah, bahwa ketika Bisyr ibn al-Barrā' ibn Ma'rur meninggal, ibunya merasa amat sedih. Lalu dia menuturkan, "Ya Rasulullah, akan ada orang yang meninggal dari Bani Salmah. Apakah orang-orang yang sudah meninggal itu saling berkenalan, sehingga aku dapat mengirim salam kepada Bisyr?"

Beliau menjawab, "Ya, demi Tuhan yang jiwaku berada di tangan-Nya, mereka itu akan saling berkenalan satu sama lain sebagaimana burung-burung berkenalan di puncak pepohonan."

Tidak ada seorang pun dari Bani Salmah meninggal melainkan Ummu Bisyr mendatanginya seraya berucap, "Wahai fulan, *as-Salam 'alaik*."

"*Wa 'alaikum assalam*", jawabnya.

Selanjutnya dia bersalaman, "Sampaikan salamku kepada Bisyr."

Ibn Majah meriwayatkan bahwa Muhammad ibn Munkadir pernah menceritakan, "Aku pernah menjenguk Jabir ibn 'Abdillah menjelang kematiannya. Aku berkata kepadanya, 'Sampaikan salamku kepada Rasulullah s.a.w.'"

Khalidah binti 'Abdillah ibn Anis menuturkan bahwa setelah sebulan setengah kematian ayahnya, Ummu al-Banin binti Abi Qatadah datang kepada 'Abdullah ibn Anis yang sedang dalam keadaan sakit. Dia lalu berkata, "Pakcik, sampaikan salam kepada ayahku."

Demikian diriwayatkan oleh al-Bukhari.

Ibn Abi Syaibah menuturkan riwayat dari 'Abdullah ibn 'Amr. Dia mengatakan, "Syurga itu terapung dan bergantung pada matahari, yang dikelilingkan sekali dalam setiap tahunnya. Sementara arwah orang-orang mukmin berada di perut burung semacam burung Zarazir. Mereka saling berkenalan dan mendapat rezeki berupa buah syurga."

'Abdullah ibn 'Amr menuturkan sabda Rasulullah s.a.w. yang berbunyi, "Sesungguhnya nyawa dua orang mukmin akan bertemu suatu hari. Salah satu dari keduanya sama sekali tidak mengetahui yang lain."

(Hadis riwayat Ahmad, al-Hakim dan at-Tirmidzi)

Dalam sebuah hadis *marfu'*, Abu Hurairah menuturkan, "Orang mukmin yang dijemput kematian, yang sudah melihat malaikat dan apa yang disiapkan Allah untuknya, dia ingin agar nyawanya segera keluar dan Allah menyukai pertemuan dengannya. Roh orang mukmin naik ke langit, lalu datang arwah orang-orang mukmin dan menanyakan berita kepadanya mengenai pengetahuannya tentang penghuni dunia. Jika dia mengatakan, "Aku masih meninggalkan si fulan di dunia", yang demikian itu menghairankan mereka. Jika dia mengatakan, "Si fulan telah meninggal", mereka akan berkata, "Apakah dia tidak diajak menghadap kami?"

Dari al-Hasan, al-Mubarak ibn Fadhalah berkata bahwa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, "Jika seorang hamba meninggal, rohnya akan disambut oleh arwah orang-orang mukmin, lalu mereka bertanya kepadanya, 'Apa yang dikerjakan si fulan dan si fulan?' Jika dikatakan, 'Dia sudah meninggal sebelumku', mereka akan mengatakan, 'Bererti dia sudah dibawa ke neraka Hawiyah. Sungguh yang demikian itu adalah seburuk-buruknya tempat kembali.'"

(Hadis riwayat Adam ibn Abi Iyas)

Ibn Abi ad-Dunya menuturkan riwayat dari Sa'id ibn Jubair. Dia mengatakan, "Jika seseorang meninggal, dia akan disambut oleh anaknya sebagaimana dia menyambut kedatangan orang hilang."

Sementara Ṭabit al-Banani bercerita, "Pernah sampai kepada kami bahawa jika seseorang telah meninggal, keluarga dan kerabatnya yang sudah meninggal lebih dahulu mengelilinginya. Dia lebih bahagia bersama mereka dan mereka pun lebih bahagia bersamanya daripada seorang musafir yang pulang menemui keluarganya."

Dari 'Ubaidibn 'Umayr, Ibn Abi Syaibah dan Ibn Abi ad-Dunya meriwayatkan bahawa sesungguhnya ahli kubur selalu menunggu (untuk menyambut) kedatangan seorang mayat, sebagaimana sambutan yang diberikan kepada orang yang bermusafir, lalu mereka mengajukan pertanyaan kepadanya. Jika mereka bertanya, "Apa yang dikerjakan si fulan yang meninggal sebelum dirinya?"

Dia menjawab, "Apakah dia tidak datang kepada kalian?"

Mereka berucap, "*Inna lillahi wa inna ilaihi raji'un*. Dia telah dibawa di luar jalan kami; dia telah dibawa ke Neraka Hawiyah."

Şalih al-Mari mengatakan, “Pernah sampai kepada kami berita bahawa arwah-arwah orang-orang yang sudah meninggal itu saling bertemu pada saat kematian. Arwah-arwah orang yang sudah meninggal itu berkata kepada roh yang datang kepada mereka, ‘Bagaimana keadaan orang-orang yang engkau tinggalkan? Pada jasad baik atau burukkan engkau tinggalkan?’”

Demikian dituturkan oleh Ibn Abi ad-Dunya.

Sementara ‘Ubaidibn ‘Umair mengatakan, “Jika seseorang meninggal, dia akan disambut oleh arwah-arwah (yang lebih dahulu meninggal). Arwah-arwah itu menanyakan khabar kepadanya, “Apa yang dikerjakan si fulan dan si fulan?”

Ath-Tha’labi menyebutkan hal yang sama dari hadis Abu Hurairah, tetapi diakhiri oleh kata-kata, “...hingga mereka akan bertanya kepadanya mengenai kucing yang ada di rumah.”

Menurut al-Qurtubi, dalam sebuah sabda Rasulullah disebutkan, “Arwah-arwah itu seperti tentera yang sedang bertugas; tidak berkenalan melainkan akan semakin erat dan tidak saling bertentangan melainkan perbezaan semakin nyata.”

Sementara Ahmad menuturkan riwayat dari ‘Ubaidah ibn ‘Umar. Dia mengatakan, “Seandainya aku berputusasa terhadap pertemuan dengan orang yang meninggal dari kalangan keluargaku, nescaya aku akan menemukan diriku telah meninggal dalam keadaan sedih.”

Ibn ‘Asakir, melalui jalan Abu Ja’far ibn Sa’id ad-Darimi, mengisahkan bahawa dirinyapernahmendengaras-Sadibercerita, “Aku pernah mendengar ‘Abdurrahman ibn Mahdi berkata bahawa ketika Sufyan jatuh sakit, dia merasakan keluh-kesah yang sangat mendalam. Marhum ibn ‘Abdul ‘Aziz lantas masuk menemuinya seraya berucap, ‘Abu ‘Abdillah, mengapa engkau berkeluh-kesah? Engkau akan menghadap Tuhan yang telah engkau sembah selama enam puluh tahun. Engkau pun berpuasa, solat dan haji untuk-Nya. Bukankah jika engkau mempunyai nikmat yang berada pada seseorang, engkau akan suka bertemu dengannya sehingga dia akan memberikan nikmat tersebut kepadamu?’ Mendengar itu, hilanglah kesedihan dari dirinya buat seketika.”

Abu Ja’far mengatakan, “Pada saat dia membicarakan *sanad* ini, kami sedang bersama Abu Nu’aim.”

Sementara Abu Nu'aim sendiri berkata, “Ketika al-Hasan ibn ‘Ali ibn Abi Ṭalib jatuh sakit, dia berkeluh-kesah, lalu datang kepadanya seseorang seraya berkata, ‘Abu Muhammad, mengapa engkau berkeluh-kesah? Sakit ini tidak lain kecuali akan memisahkan rohmu dari jasadmu sehingga engkau akan bertemu dengan kedua orang tuamu, ‘Ali dan Fatimah; datuk dan nenekmu, Muhammad dan Khadijah; kedua pakcik-pakcikmu, Hamzah Ja’far, al-Qasim, aṭ-Ṭayyib, aṭ-Ṭahir dan Ibrahim; serta makcik-makcikmu Ruqayyah, Ummu Kalthum dan Zainab.’ Mendengar itu, hilanglah kesedihan dari dirinya.”

Dari Laith ibn Sa’ad, Abu Nu’aim mengisahkan, bahawa ada seorang penduduk Syam yang mati syahid. Dia sentiasa mendatangi ayahnya dalam tidurnya pada setiap malam Jumaat. Dia berbicara dengan ayahnya dan merasa suka dan bahagia bertemu dengannya. Pada suatu Jumaat, dia tidak datang menemuinya, lalu datang menemuinya pada Jumaat berikutnya. Ayahnya berkata, “Anakku, engkau telah membuatku bersedih. Ketidakhadiranmu pun telah membuatku susah.”

Dia menjawab, “Aku tidak dapat mendatangiimu kerana saat itu para syuhada diperintahkan untuk menemui ‘Umar ibn ‘Abdul ‘Aziz. Kami lalu menemuinya, iaitu pada saat kematian ‘Umar ibn ‘Abdul ‘Aziz.”

Dalam *Syu’ab al-Iman*, al-Baihaqi menuturkan riwayat dari ‘Ali ibn Abi Ṭalib KW. Beliau menuturkan bahawa ada dua pasangan saling berteman. Pasangan pertama; keduanya sama-sama mukmin, sementara pasangan yang lain; keduanya sama-sama kafir. Salah seorang mukmin itu meninggal, lalu diberitahukan berita gembira kepadanya berupa syurga. Dia kemudian menyebut-nyebut temannya seraya berucap, “Ya Allah, temanku fulan, telah menyuruhku untuk menaati-Mu dan Rasulullah-Mu. Dia juga menyuruhku berbuat kebaikan, mencegahku berbuat kemungkaran, serta mengingatkanku bahawa aku akan menemui-Mu. Ya Allah, janganlah Engkau menyesatkannya setelah kematianku hingga Engkau memperlihatkan kepadanya sebagaimana Engkau telah memperlihatkan kepadaku dan meredhainya sebagaimana Engkau meredhaiku.”

Setelah itu, temannya yang satu lagi itu meninggal. Kedua-dua arwah lalu dipertemukan. Kemudian dikatakan, “Hendaklah masing-masing dari kalian memberikan pujian.”

Lalu masing-masing darinya saling mengatakan, “Ini benar-benar saudara,

teman dan sahabat yang menyenangkan.”

Sementara jika salah seorang dari pasangan yang kafir itu meninggal, akan diberitahukan kepadanya berita berupa neraka. Kemudian dia menyebutkan temannya seraya mengatakan, “Ya Allah, sesungguhnya temanku menyuruhku berbuat maksiat kepada-Mu dan Rasulullah-Mu. Dia juga menyuruhku berbuat kejahatan, mencegahku berbuat kebaikan, memberitahuku bahawa aku tidak akan bertemu dengan-Mu. Ya Allah, janganlah Engkau memberikan petunjuk kepadanya setelah kematianku ini sehingga Engkau memperlihatkan kepadanya sebagaimana Engkau telah memperlihatkan kepadaku dan Engkau murka kepadanya sebagaimana Engkau murka kepadaku.”

Selanjutnya temannya meninggal. Kedua-dua arwah dipertemukan, lalu dikatakan, “Hendaklah masing-masing dari kalian saling memuji.”

Akan tetapi, masing-masing saling mengatakan, “Ini adalah saudara dan teman yang sangat buruk!”



Mayat Mengenal Orang-orang di Sekelilingnya

Abu Sa'ïd al-Khudri menuturkan bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda, "Sesungguhnya seorang mayat itu mengetahui orang yang memandikannya, yang membawanya, yang mengkafaninya dan yang memasukkannya ke lubang kubur."

(Hadis riwayat Ahmad, at-Tabrani, Ibn Abi ad-Dunya, al-Marwazi dan Ibn Mundah)

Sementara dalam *ar-Rawdhah*, dengan *sanad dha'if*, Ibn 'Abbas menuturkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda, "Tidaklah seorang mayat meninggal melainkan dia mengetahui orang yang memandikannya dan berseru kepada orang yang membawanya. Jika diberitahukan kepadanya tentang ketenteraman, rezeki dan syurga kenikmatan, dia akan meminta agar dipercepat dibawa ke kubur; sementara jika diberitahukan bahawa dia akan mendapat hidangan air yang mendidih dan dibakar di dalam neraka, dia akan meminta agar dilambatkan dalam memandikan dan mengurusnya."

(Hadis riwayat Abu Hasan al-Barra')

Ibn Abiad-Dunya menuturkan riwayat dari Mujahid bahawa, "Jika seseorang meninggal, malaikatlah yang mencabut nyawanya. Tidak ada sesuatu pun melainkan dia melihatnya ketika dimandikan dan dibawa sampai ke kuburnya."

Sementara Ibn Abi Syaibah menuturkan riwayat dari 'Abdur Rahman ibn Abi Layla bahawa, "Roh itu berada di tangan malaikat. Dia berjalan bersamanya. Jika dia masuk ke kubur, dia meletakkan roh itu di dalamnya."

Sedangkan AbuNu'aïm menuturkan riwayat dari 'Amr ibn Dinar. Dia meriwayatkan, "Tidaklah seseorang meninggal melainkan rohnya berada di

tangan malaikat. Roh itu melihat ke jasadnya bagaimana dimandikan, dikafani dan dibawa ke kubur. Selanjutnya dikatakan kepadanya, sedangkan dia berada di atas pembaringannya, 'Dengarlah pujian manusia yang diberikan kepadamu.'

Masih dari 'Amr ibn Dinar, Ibn Abiad-Dunya mengatakan, "Tidaklah seseorang meninggal dunia melainkan dia mengetahui apa yang terjadi pada keluarganya setelah kematiannya itu. Mereka memandikan dan mengkafaninya, sementara dia melihat mereka."

Ibn Abiad-Dunya juga menuturkan riwayat dari Bakar ibn 'Abdillah al-Muzni. Dia berkata, "Pernah sampai kepadaku berita bahwa tidaklah seseorang itu meninggal melainkan rohnya berada di tangan malaikat maut. Mereka memandikan dan mengkafaninya sementara dia melihat apa yang dikerjakan oleh keluarganya. Seandainya sahaja dia mampu berbicara, nescaya dia akan melarang mereka meratap dan berteriak-teriak."

Sementara itu, Sufyan menuturkan bahawa sesungguhnya seorang mayat itu mengetahui segala sesuatu, sampai dia seolah-olah berseru kepada orang yang memandikannya, "Demi Allah, celakalah engkau kecuali engkau berhati-hati dalam memandikan aku."

Lalu dikatakan kepada mayat itu ketika dia masih di atas pembaringannya, "Dengarlah orang-orang yang memberikan pujian terhadapmu."

Hudzaifah mengatakan, "Roh itu berada di tangan malaikat, sementara jasad itu pasti akan dimandikan. Sesungguhnya malaikat itu akan berjalan bersamanya menuju ke kubur. Jika tanah kuburnya itu sudah diratakan, dia akan masuk ke dalamnya."

Masih dari Hudzaifah, al-Baihaqi mengatakan, "Sesungguhnya roh itu berada di tangan malaikat, sementara jasadnya sedang diurus. Jika orang-orang membawa jasad itu ke kubur, roh itu mengikutinya; jika jasadnya diletakkan di kubur, roh itu ada di sekitarnya."

Ibn Abiad-Dunya menuturkan riwayat dari 'Abdur Rahman ibn Abi Layla. Dia mengatakan, "Roh itu berada di tangan malaikat. Sementara malaikat itu berjalan bersama jenazah (menuju ke kubur). Kepadanya dikatakan, 'Dengarlah apa yang dikatakan kepadamu.' Jika jenazah itu telah sampai ke lubang kuburnya, roh itu

pun dikubur bersamanya.”

Sedangkan dari Ibn Abi Najih dikatakan, “Tidaklah seorang pun meninggal melainkan rohnya berada di tangan malaikat. Roh itu melihat ke jasadnya; bagaimana dia dimandikan, dikafani dan dibawa di kuburnya. Kemudian roh itu dikembalikan ke jasadnya, lalu dia duduk di dalam kuburnya.”

Sementara dari Anas r.a. diriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. berdiri di hadapan orang-orang yang terbunuh dalam Perang Badar seraya bersabda, “Wahai fulan ibn fulan, apakah kalian mendapat bukti tentang apa yang dijanjikan Tuhan kalian? Sementara aku sendiri sudah mendapatkan bukti tentang apa yang telah dijanjikan Tuhanku kepadaku.”

‘Umar bertanya, “Ya Rasulullah, bagaimana mungkin engkau berbicara dengan jasad-jasad yang tidak bernyawa lagi?”

Beliau menjawab, “Kalian tidak mendengar apa yang aku katakan, tetapi mereka mendengarnya. Hanya sahaja mereka itu tidak dapat memberikan jawapan kepadaku.”

(Hadis riwayat asy-Syaikh)

Sementara Mursal ‘Ubaidibn Marzuq meriwayatkan bahawa ada seorang wanita di Madinah yang menyapu masjid, lalu meninggal, tetapi Nabi s.a.w. tidak mengetahuinya. Kemudian beliau melintasi kuburnya seraya bertanya, “Kubur siapa ini?”

“Kubur Ummu Mahjun”, sahut para sahabat.

“Yang suka menyapu masjid itu?” tanya beliau lebih lanjut.

“Ya”, jawab para sahabat.

Kemudian orang-orang segera berbaris dan mengerjakan solat di atasnya. Selanjutnya beliau bertanya, “Amalan apakah yang paling afdhal?”

Para sahabat pun bertanya, “Ya Rasulullah, apakah dia mendengar?”

“Kalian tidak mendengar, tetapi mereka mendengarnya.” ujar beliau.

Lalu beliau menyebutkan bahawa wanita itu menjawab, “Menyapu masjid.”

(Hadis riwayat Abu Syaikh)

Rasulullah s.a.w. juga bersabda, sebagaimana diriwayatkan oleh Abu Sa'ïd al-Khudri bahawa ketika jenazah diletakkan dan dibawa di atas bahu orang-orang yang membawanya, jika jenazah itu termasuk orang yang soleh, dia akan mengatakan, "Segerakanlah aku." Sementara jika dia tidak termasuk orang yang soleh, dia akan mengatakan, "Celaka, ke mana kalian akan membawaku?"

Suaranya itu didengar oleh segala sesuatu selain manusia. Sebab, jika manusia itu mendengarnya, nescaya mereka akan pengsan.

(Hadis riwayat asy-Syaikh)

Dari AbuHurairah diriwayatkan, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Segeralah kuburkan jenazah itu sebab jika dia seorang yang soleh, yang demikian itu merupakan suatu kebaikan yang engkau persembahkan kepadanya; sementara jika dia bukan seorang yang soleh, yang demikian itu merupakan keburukan yang kalian letakkan di leher kalian."

(Hadis riwayat asy-Syaikh)

Diriwayatkan oleh Ibn Abiad-Dunya dari Abu Sa'ïd al-Khudri. Dia pernah memerintahkan orang-orang untuk segera menguburkan seorang mayat dan berkata, "Itulah tempat tinggal yang harus dihuninya. Oleh kerana itu, segerakanlah dia untuk menempatinya dan dia akan mengetahui kebaikan dan keburukannya."

Bakar al-Muzni pernah menceritakan, "Aku pernah diberitahu bahawa seorang mayat itu merasa gembira jika disegerakan menuju ke kuburnya."

Sementara Ayyub menuturkan bahawa pernah dikatakan, "Salah satu penghormatan keluarga terhadap mayat adalah menyegerakan pengebumiannya."

Menurut 'Umar ibn al-Khaththab r.a., Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, "Tidaklah suatu jenazah diletakkan di atas pembaringannya, lalu dilangkahi tiga kali, melainkan dia akan mengucapkan sesuatu dengan ucapan yang didengar oleh siapa yang dikehendaki Allah, kecuali oleh manusia dan jin. Dia mengucapkan, 'Saudara-saudaraku para pengusung jenazah, janganlah kalian terperdaya oleh dunia sebagaimana dia telah memperdayai aku; jangan pula kalian dipermainkan oleh zaman sebagaimana dia telah mempermainkan aku. Aku telah meninggalkan warisan kepada ahli warisku, sementara *ad-Dayyan* (salah satu nama Allah) memusuhi dan menghisabku, sedangkan kalian membiarkan dan meninggalkan diriku."

(Hadis riwayat Ibn Abiad-Dunya)

Dalam *al-Zuhd*, Imam Ahmad menuturkan riwayat dari Ummu ad-Darda' bahwa jika seorang mayat itu diletakkan di atas pembaringannya, dia akan berseru, "Wahai keluargaku, jiranku dan pengusung jenazah. Jangan sampai dunia ini memperdaya kalian, sebagaimana dia telah memperdaya aku. Jangan sampai pula dunia ini mempermainkan kalian, sebagaimana dia telah mempermainkan aku. Sesungguhnya keluargaku tidak menanggung sesuatu pun dari diriku."



Ucapan Para Malaikat Pengiring Jenazah

Diriwayatkan oleh Sa'id ibn Mansur dari Ibn Ghafalah bahwa sesungguhnya para malaikat berjalan di hadapan jenazah seraya mengucapkan, "Apa yang telah dilakukan si fulan?" Sementara orang-orang berkata, "Apa yang telah ditinggalkan si fulan?"

Ibn Abi ad-Dunya meriwayatkan bahwa Abu al-Khuld pernah berkata, "Aku pernah membaca pertanyaan yang diajukan oleh Daud kepada Tuhannya, 'Tuhanku, apa pahala bagi orang yang menghantarkan jenazah jika dia mengharapkan keredhaan-Mu?'

Tuhan menjawab, 'Pahalanya adalah dia akan dihantar oleh para malaikat pada hari kematiannya, sementara Aku sendiri akan berselawatke atas rohnya yang berada di tengah-tengah para arwah.'

Dari sisi yang lain, Ibn Mas'ud menuturkan; Nabi s.a.w. pernah bersabda bahwa Daud pernah berkata, "Tuhanku, apa pahala bagi orang yang menghantarkan seorang mayat ke kuburnya dengan mengharapkan keredhaan-Mu?"

Tuhan menjawab, "Pahalanya adalah dia akan dihantarkan oleh para malaikat-Ku. Mereka akan berselawatke atas rohnya yang berada di tengah-tengah para arwah."

(Hadis riwayat Ibn 'Asakir)

Sementara AbuHuraiah meriwayatkan bahwa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, "Jika seseorang meninggal, malaikat akan bertanya, 'Apa yang telah dia persembahkan?' Sementara orang-orang berucap, 'Apa yang dia tinggalkan?'"

(Hadis riwayat al-Baihaqi dan ad-Dailami)



Langit Dan Bumi Menangisi Kematian Seorang Mukmin

Allah s.w.t. berfirman:

فَمَا بَكَتْ عَلَيْهِمُ السَّمَاءُ وَالْأَرْضُ

Langit dan bumi tidak menangisi mereka.

(Surah ad-Dukhaan: 29)

Anas menuturkan bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda, “Tidak ada seorang pun melainkan memiliki dua pintu di langit: satu pintu adalah tempat amalnya, sementara satu pintu lainnya adalah tempat turun rezekinya. Jika seorang hamba mukmin meninggal, kedua pintu tersebut menangis kerananya.”

(Hadis riwayat at-Tirmidzi, AbuNu’aim, Abu Ya’la, Ibn Abiad-Dunya dan Ibn Abi Hatim)

Ibn ‘Abbas, sebagaimana diriwayatkan oleh Ibn Jarir, pernah ditanya berkaitan dengan firman Allah di atas, “Apakah langit dan bumi itu menangisi seseorang?”

Dia menjawab, “Ya, sesungguhnya tidak ada seorang pun dari makhluk ini melainkan dia mempunyai dua pintu di langit: satu pintu untuk turunnya rezeki dan satu pintu lagi untuk naiknya amal perbuatannya. Jika seorang mukmin meninggal, ditutuplah pintu di langit yang menjadi jalan naiknya amal perbuatannya dan menjadi jalan turunnya rezeki kepadanya, sementara dia menangisi kerananya. Jika dia kehilangan musolla di bumi yang menjadi tempatnya mengerjakan solat dan berzikir kepada Allah, bumi akan menangisinya. Sesungguhnya kaum Fir’aun di muka bumi ini tidak mempunyai peninggalan yang baik dan tidak pernah ada

kebaikan dari mereka yang naik kepada Allah, sehingga langit dan bumi tidak menangisi mereka.”

Sementara Syurairh ibn ‘Ubaid al-Hadhrami menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Tidaklah seorang mukmin itu meninggal di kejauhan, sementara keluarganya tidak menghadirinya melainkan langit dan bumi akan menangisinya.”

Kemudian beliau membaca ayat:

فَمَا بَكَتْ عَلَيْهِمُ السَّمَاءُ وَالْأَرْضُ

Langit dan bumi tidak menangisi mereka.

(Surah ad-Dukhaan: 29)

Lebih lanjut beliau mengatakan, “Sesungguhnya keduanya tidak menangis atas orang kafir.”

(Hadis riwayat Ibn Jarir, Ibn Abi ad-Dunya dan al-Baihaqi dalam *Syuaab al-Iman*)

Sa’id ibn Mansur dan Abu Nu’aim menuturkan riwayat dari Mujahid. Katanya, “Tidaklah seorang mukmin meninggal melainkan bumi menangisinya selama empat puluh hari.”

Dari ‘Aṭa’ al-Khurasani, Abu Nu’aim mengatakan, “Tidaklah seorang hamba bersujud satu kali kepada Allah di suatu tempat di bumi ini, melainkan dia akan memberikan kesaksian atasnya pada Hari Kiamat kelak dan akan menangisinya pada hari kematiannya.”

Sementara dalam *Syuaab al-Iman*, Ibn Abi ad-Dunya, Ibn Abi Hatim dan al-Baihaqi menuturkan riwayat dari ‘Ali ibn Abi Ṭalib KW. Beliau mengatakan, “Jika seorang meninggal, bumi tempat solatnya dan langit tempat naiknya amal perbuatannya akan menangisinya.”

Kemudian dia membaca firman Allah s.w.t.:

فَمَا بَكَتْ عَلَيْهِمُ السَّمَاءُ وَالْأَرْضُ

Langit dan bumi tidak menangisi mereka.

(Surah ad-Dukhaan: 29)

Bersama al-Hakim, Ibn Abi ad-Dunya menuturkan riwayat dari Ibn ‘Abbas

bahawa, “Sesungguhnya bumi itu akan menangi orang mukmin yang meninggal selama empat puluh hari.”

Masih dari Ibn Abi ad-Dunya, diriwayatkan bahawa Abu ‘Ubaid, sahabat Sulaiman ibn ‘Abdul Malik, mengatakan, “Sesungguhnya jika seorang mukmin meninggal, belahan bumi akan berseru, ‘Hamba Allah yang mukmin itu telah meninggal.’”

Bumi dan langit lantas menangisnya. Kemudian Tuhan bertanya, “Apa yang menyebabkan kalian menangisnya?”

Langit dan bumi menjawab, “Tuhan kami, dia tidak berjalan di atas kami melainkan dia selalu berzikir kepada-Mu.”

Muhammad ibn Ka’ab mengatakan, “Sesungguhnya bumi itu akan menangi kerana seseorang dan juga menangi seseorang. Dia menangi seseorang yang berbuat ketaatan kepada Allah di atasnya. Dia juga menangi kerana seseorang yang berbuat maksiat kepada Allah di atasnya.”

Sementara dari Muhammad ibn Qais, Sa’id ibn Mansur dan Ibn Abi ad-Dunya mengatakan, “Pernah sampai berita kepadaku bahawa langit dan bumi itu menangi seorang mukmin. Langit itu berucap, ‘Darinya masih ada kebaikan yang naik kepadaku.’ Sedangkan bumi berucap, ‘Dia masih terus berbuat kebaikan di atasku.’”

Dari adh-Dhahak, Ibn Jarir menuturkan, “Beberapa tempat di bumi yang pernah ditempatinya dan tempat naiknya amal perbuatannya di langit akan menangi orang mukmin yang soleh.”

Sedangkan menurut riwayat dari ‘Aṭa’ disebutkan, “Menangisnya langit itu berupa warna merah pada bahagian-bahagian tepinya.”

Dari al-Hasan, Ibn Abi ad-Dunya meriwayatkan, “Menangisnya langit adalah berupa warna merah yang ada padanya.”

Diriwayatkan dari Sufyan ath-Thawri, bahawa pernah dikatakan, “Warna merah yang ada di langit itu adalah tangisnya atas orang-orang yang beriman.”

Dari al-Hasan juga disebutkan, “Sesungguhnya jika Allah mewafatkan seorang mukmin di negeri asing, Dia tidak mengazabnya. Hal itu merupakan rahmat atas

pengasingannya itu. Dia memerintahkan malaikat, sang malaikat pun menangisnya kerana katidakhadiran keluarganya di sisinya.” *Wallah a’lam.*



Kembalinya Seorang Hamba ke Tempat Asalnya

Abu Sa'id menuturkan bahawa Nabi s.a.w. pernah berjalan di Madinah. Lalu beliau melihat sekelompok orang yang sedang menggali tanah untuk kubur. Kemudian beliau pun menanyakan hal itu. Mereka menjawab, "Seorang Habsyi telah meninggal."

Nabi s.a.w. bersabda, "*La Ilaha illa Allah*, dia dibawa dari tempatnya menuju ke tanah asal dia diciptakan."

(Hadis riwayat al-Bazzar, al-Hakim dan al-Baihaqi)

Sementara Ibn 'Umar menuturkan bahawa ada seorang Habsyi yang dikebumikan di Madinah. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda, "Dia dikebumikan di dalam tanah asal dia diciptakan."

(Hadis riwayat at-Tabrani)

Diriwayatkan pula dalam *al-Awsaf* hadis dari Abu ad-Darda' bahawa, "Rasulullah s.a.w. pernah berjalan melintasi kami. Saat itu kami sedang menggali kubur. Beliau bertanya, "Apa yang sedang kalian kerjakan?"

"Kami sedang menggali kubur untuk seorang mayat yang berwarna hitam", jawab kami.

Setelah itu beliau berkata, "Kematianya telah membawanya ke tanah asal dia diciptakan."

Abu Hurairah menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah keluar rumah

mengelilingi beberapa tempat di Madinah. Tiba di suatu tempat di saat orang-orang menggali lubang kubur, beliau menghampiri mereka dan berdiri di dekat mereka seraya bertanya, “Untuk siapa lubang kubur ini?”

“Untuk seseorang dari Habsyah”, jawab mereka.

Beliau lalu berkata, “*La Ilaha illa Allah*, dia dibawa dari bumi dan langitnya hingga dikebumikan di dalam tanah asal dia diciptakan.”

(Hadis riwayat al-Hakim dan Imam at-Tirmidzi dalam *Nawadir al-Uşul*)

Abu Hurairah juga menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Tidaklah seseorang itu lahir melainkan akan ditaburkan di atasnya tanah dari lubang kuburnya.”

(Hadis riwayat Abu Nu’aim)

Sementara al-Hakim, masih dalam *Nawadir al-Uşul*, menuturkan riwayat dari Ibn Mas’ud. Dia berkata, “Sesungguhnya ketika *nutfah* menetap di dalam rahim, malaikat meletakkannya di atas telapak tangannya seraya berucap, ‘Tuhanku, apakah Engkau berkehendak untuk menciptakannya atau tidak?’ Jika dijawab, ‘Aku berkehendak untuk menciptakannya’, malaikat akan berkata, ‘Tuhanku, apa rezeki, peninggalan, ajal dan amal untuknya?’ Tuhan berfirman, ‘Lihatlah di *Luh al-Mahfuzh*.’ Kemudian malaikat itu melihat ke *Luh al-Mahfuzh*. Dia menemukan di dalamnya rezeki, peninggalan, ajal dan amalnya. Dia juga mengambil tanah tempat dia akan dikebumikan. Dari tanah itu *nutfahnya* diolah. Itulah firman Allah s.w.t.:

مِنْهَا خَلَقْنَاكُمْ وَفِيهَا نُعِيدُكُمْ

Dari bumi (tanah) itulah Kami menjadikan kalian dan kepadanya Kami akan kembalikan kalian.

(Surah Taha: 55)

Dalam *al-Mujalasa*, ad-Dainuri menuturkan riwayat dari Hilal ibn Yassaf. Dia mengatakan, “Tidak ada seorang pun dilahirkan melainkan di pusatnya terdapat tanah dari bumi yang padanya dia akan mati.”

Maṭar ibn ‘Ukamis menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Jika Allah menetapkan kematian bagi seseorang di suatu tempat di bumi, nescaya Dia akan menjadikannya perlu pada tanah tersebut.”

(Hadis riwayat at-Tirmidzi)

Sementara Ibn Mas'ud menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Jika salah seorang di antara kalian meninggal di suatu tempat di bumi, maka dia dijadikan perlu kepada tanah tersebut. Lalu dia menuju ke tanah itu, sehingga hal itu menjadi peninggalan darinya dan pada tanah itu nyawanya akan dicabut. Pada Hari Kiamat kelak tanah itu berkata, "Inilah apa yang telah Engkau titipkan kepadaku."

(Hadis riwayat al-Hakim dan al-Baihaqi)

Masih dari Ibn Mas'ud, dia mengatakan bahawa sesungguhnya jika *nutfah* itu sudah menetap di dalam suatu rahim, malaikat akan mengambil dan meletakkannya di atas telapaknyanya seraya mengucapkan, "Tuhanku, apakah Engkau menghendakinya untuk diciptakan atau tidak?"

Jika dijawab, "Tidak usah dicipta", maka *nutfah* itu tidak akan menjadi manusia. Dia akan dilebur sebagai darah. Sebaliknya jika dijawab, "Dicipta", maka malaikat itu berkata, "Tuhanku, apakah sebagai lelaki atau perempuan, sengsara atau sejahtera? Lalu berapa ajalnya, apa peninggalannya, apa pula rezekinya dan di bumi mana dia akan mati?"

Tuhan kemudian berfirman, "Berangkatlah ke *Luh al-Mahfuzh*, di sana engkau akan mendapatkan *nutfah* ini."

Lalu dikatakan kepada *nutfah* tersebut, "Siapa Tuhanmu?"

"Allah", jawabnya.

Ditanyakan, "Siapakah yang memberikan rezeki kepadamu?"

"Allah", jawabnya.

Selanjutnya, dia diciptakan sebagai manusia; hidup bersama keluarganya, makan rezeki yang diberikan kepadanya dan akan melalui jalannya. Jika telah datang ajalnya, dia akan meninggal dan dikebumikan di tempat tersebut.

(Hadis riwayat al-Hakim)

Dari Abu Hurairah dituturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Makamkanlah orang-orang yang meninggal di antara kalian di tengah-tengah orang-orang yang soleh kerana seorang mayat itu merasa terseksa oleh jirannya yang jahat, sebagaimana orang hidup juga merasa terseksa oleh jirannya yang jahat."

(Hadis riwayat Abu Nu'aim dan Ibn Mundah)

Sementara dari Ibn Mas'ud, dengan *sanad dha'if*, mengatakan bahwa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Makamkanlah orang-orang yang meninggal di antara kalian di tengah-tengah orang-orang yang soleh kerana seorang mayat itu merasa terseksa oleh jirannya yang jahat, sebagaimana orang hidup juga merasa terseksa oleh jirannya yang jahat."

(Hadis riwayat Ibn 'Asakir dalam *Tarikh Damasqus*)

Sedangkan dari 'Ali ibn Abi Talib KW diriwayatkan bahawa, "Rasulullah s.a.w. pernah memerintah kami untuk menguburkan orang-orang yang meninggal di antara kami di tengah-tengah orang-orang yang soleh, kerana orang-orang yang meninggal itu merasa terseksa oleh jiran yang jahat, sebagaimana yang dialami oleh orang-orang yang masih hidup."

(Hadis riwayat Ibn 'Asakir dan al-Malini dalam *Mu'talif wa al-Mukhtalif*)

Masih diriwayatkan oleh al-Malini dari Ibn 'Abbas, bahawa Nabi s.a.w. bersabda, "Jika salah seorang di antara kalian meninggal, kafanilah dia dengan baik, segeralah memenuhi wasiatnya, dalamkanlah lubang kuburnya dan hindarkan dia dari jiran yang jahat."

Ditanyakan, "Ya Rasulullah, apakah jiran yang soleh itu masih bermanfaat di akhirat?"

Beliau balik bertanya, "Apakah hal itu bermanfaat di dunia?"

"Ya", jawabnya.

Lalu beliau berkata, "Demikian juga di akhirat, hal itu masih bermanfaat."

Ad-Dailami dan Ibn Mundah menuturkan hadis *marfu'* dari Abu Salmah, "Kafanilah orang-orang yang meninggal di antara kalian dengan baik, serta jangan engkau sakiti mereka dengan jeritan; menunda pelaksanaan wasiatnya dan memutuskan tali silaturrahim. Segerakanlah untuk membayar hutangnya dan jauhkanlah dia dari jiran-jiran yang jahat."

Sementara Ibn Abi ad-Dunya menuturkan riwayat dari 'Abdullah ibn Nafi' al-Muzni. Dia menceritakan, "Ada seseorang yang meninggal di Madinah dan dikebumikan di sana. Hal itu diketahui oleh seseorang yang sepertinya dari golongan penghuni neraka. Lalu dia berdukacita atas kematiannya itu. Setelah tujuh atau lapan hari, dia diperlihatkan kepada seseorang yang sepertinya dari

golongan penghuni syurga. Lalu dia berucap, ‘Telah dikebumikan bersama kami seseorang dari kalangan orang-orang soleh. Dia memberikan syafaat kepada empat puluh jirannya. Aku adalah salah seorang dari mereka.’”

Ibn Sa’ad menuturkan riwayat dari Mu’awiyah ibn Şalih. Dia meriwayatkan bahawa ketika ‘Umar ibn ‘Abdul ‘Aziz dijemput kematian, dia berwasiat kepada mereka, “Galikanlah lubang kubur untukku dan jangan terlalu dalam, kerana sebaik-baik bumi adalah bahagian atasnya dan seburuk-buruknya adalah bahagian bawahnya.”

Melalui beberapa jalan, Ibn ‘Asakir juga menuturkan riwayat dari ‘Amr ibn Muhayr. Dia berkisah, “Sahal ibn ‘Abdul ‘Aziz, saudara ‘Umar ibn ‘Abdul ‘Aziz, meninggal. Kemudian ‘Umar menyuruhku menggali lubang kubur untuknya seraya berkata, ‘Galikanlah lubang kubur untuknya setinggi badanmu atau sampai bahusahaja dan jangan terlalu dalam kerana bahagian atasnya itu lebih suci daripada bahagian bawahnya.’”

Dengan *sanad* yang di dalamnya mengandungi kelemahan dan keterputusan, Ibn ‘Umar menuturkan bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda, “Jika seorang mukmin meninggal, makam-makam akan saling mempercantik diri kerana kematiannya itu dan tidak ada tempat sedikit pun padanya melainkan berharap agar jenazahnya dikebumikan di sana (kubur tersebut). Sebaliknya, jika seorang kafir meninggal, makam-makam itu akan saling memadamkan diri kerana kematiannya dan tidak ada tempat padanya melainkan memohon agar Allah tidak memakamkannya di sana (kubur tersebut).”

(Hadis riwayat al-Hakim, at-Tirmidzi, Ibn ‘Adi, Ibn ‘Asakir dan Ibn Mundah)

Ibn ‘Asakir menuturkan riwayat dari Ibn Wahb. Riwayat tersebut diterimanya berturut-turut dari Harmalah ibn ‘Imran, dari ‘Umair ibn Abu Mudrik, dari Sufyan dan dari Wahb al-Khaulani. Dia menceritakan, “Ketika kami berjalan bersama ‘Amr ibn al-Aş di kaki gunung ini (iaini Gunung al-Muqtim) dan al-Muqauqis, ‘Amr berkata kepadanya, ‘Wahai al-Muqauqis, mengapa gunungmu ini gersang, tidak ada satu pun tumbuh-tumbuhan dan pepohon sebagaimana halnya gunung-gunung di Syam?’

Dia menjawab, ‘Aku tidak tahu. Akan tetapi kerana sungai Nil ini, Allah menjadikan penduduknya tidak memerlukannya lagi dan kami menemukan di

bawahnya terdapat sesuatu yang lebih baik daripada hal itu.’

‘Amr ibn al-‘Aṣ bertanya, ‘Apa kebaikan itu?’

‘Di bawahnya dikebumikan segolongan orang yang akan dibangkitkan oleh Allah pada Hari Kiamat kelak tanpa hisab’, jawabnya.

Mendengar itu, ‘Amr ibn al-‘Aṣ berdoa, ‘Ya Allah, jadikanlah aku termasuk dari mereka.’”

Harmalah kemudian berkata, “Aku melihat sendiri kubur ‘Amr ibn al-‘Aṣ, Abu Nadhrah al-Ghifari dan ‘Uqbah ibn Amir ada di sana.”

Dalam *Musnad al-Firdaus*, aṭ-Ṭusi dan ad-Dailami meriwayatkan hadis *marfu’* melalui Ibn Hadbah dari Anas r.a., dia menuturkan, “Malaikat telah diutus bersama para penghantar jenazah. Mereka begitu prihatin dan berdukacita hingga jika mereka telah meletakkannya ke dalam kubur tersebut dan kembali pulang, malaikat itu mengambil debu (tanah) dengan telapak tangannya dan melemparnya seraya berkata, ‘Kembalilah ke dunia kalian, semoga Allah membuat kalian lupa akan orang-orang yang meninggal di antara kalian.’ Mereka pun melupakannya dan tetap melakukan jualbeli; seakan-akan mereka bukan bahagian darinya dan dia pun bukan bahagian dari mereka.”

Melalui ‘Aṭa’ yang dituturkan dari Ibn ‘Abbas, disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Allah mempunyai malaikat yang diutus ke kubur. Jika seorang mayat telah dikebumikan dan tanah di atasnya telah diratakan sementara orang-orang yang menghantarnya telah berpaling untuk kembali, maka dia mengambil tanah dari kubur itu dan melemparnya ke tengkuk mereka seraya berkata, ‘Kembalilah ke dunia kalian dan lupakan orang-orang yang sudah meninggal di antara kalian itu.’”



Ucapan-ucapan Ketika Menguburkan Jenazah

'Ali ibn Abi Ṭalib KW mengatakan, "Jika jenazah telah sampai di kubur dan orang-orang telah duduk, janganlah engkau duduk. Tetapi berdirilah di tepi lubang kubur. Jika jenazah itu sudah dimasukkan ke dalamnya, ucapkanlah, 'Atas nama Allah dan agama Rasulullah. Ya Allah, hamba-Mu telah datang kepada-Mu dan Engkau sebaik-baik Penerima. Tempatkanlah dunia di belakang punggungnya dan jadikanlah apa yang akan dijalaninya lebih baik daripada yang telah dijalaninya kerana Engkau telah berfirman: *Apa yang ada di sisi Allah adalah lebih baik bagi orang-orang yang berbakti.*'"

(Hadis riwayat al-Bazzar)

Sementara Ibn 'Umar r.a. menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, "Jika salah seorang di antara kalian meninggal, janganlah kalian menahannya; bersegeralah untuk membawanya ke kubur; dan hendaklah ada yang membaca di sisi kepalanya surah al-Fatihah."

(Hadis riwayat at-Ṭabrani dan al-Baihaqi)

Sedangkan dalam lafaz hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Baihaqi disebutkan, "...pembukaan surah al-Baqarah pada kedua kakinya dan penutup surah al-Baqarah pada kuburnya."

'Abdurrahman ibn al-'Ala' ibn al-Jalah mengisahkan bahawa ayahnya pernah berkata kepadanya, "Anakku, jika engkau telah meletakkan aku di lubang kuburku, ucapkanlah, 'Atas nama Allah dan agama Rasulullah.' Kemudian taburkan sedikit tanah di atas tubuhku, lalu bacalah pembukaan dan penutup surah al-Baqarah di sisi kepalaku, kerana aku pernah mendengar Rasulullah s.a.w. mengatakan hal itu."

(Hadis riwayat at-Tabrani)

Dari Qatadah, Ibn Abi Syaibah menuturkan bahwa ada orang yang menguburkan anaknya seraya mengucapkan, “Ya Allah, jauhkanlah (luaskanlah) tanah dari kedua sisi tubuhnya, bukannya pintu-pintu langit untuk rohnya dan berikanlah tempat tinggal yang lebih baik daripada tempat tinggalnya di dunia.”

Sementara dari Anas r.a., Sa’id ibn Mansur meriwayatkan, bahwa apabila meletakkan mayat di kuburnya, Anas mengucapkan, “Ya Allah, luaskanlah kubur untuk kedua bahagian tubuhnya; naikkanlah rohnya, terimalah dan sambutlah dia dengan rahmat dari-Mu.”

Ibn al-Musayyab menuturkan, “Aku pernah datang kepada Ibn ‘Umar r.a. ketika dia menghadiri jenazah anaknya. Ketika dia meletakkan jenazah anaknya itu di lubang kubur, dia mengucapkan, ‘Dengan nama Allah dan di jalan Allah,’ ketika meratakan tanah lubang kubur anaknya itu, dia mengucapkan, ‘Jauhkanlah dia dari syaitan dan azab kubur’, dan ketika membuat gunungan pada kuburnya, dia berdiri di samping kuburnya lalu mengucapkan, ‘Ya Allah, jauhkanlah (luaskanlah) tanah dari kedua bahagian tubuhnya, angkatlah rohnya dan berikanlah keredhaan-Mu kepadanya.’ Lebih lanjut dia mengatakan, ‘Aku mendengar semua itu dari Rasulullah s.a.w.’”

(Hadis riwayat Ibn Majah dan al-Baihaqi)

Ibn Abi Syaibah menuturkan bahwa Mujahid pernah mengucapkan, “Dengan nama Allah dan di jalan Allah. Ya Allah, luaskanlah kuburnya, berikanlah cahaya di dalamnya dan pertemukanlah dia dengan Nabi-Mu.”

Sementara al-Hakim menuturkan riwayat dari ‘Amr ibn Murrah bahwa jika mereka meletakkan mayat di lubang kubur, orang-orang suka untuk mengucapkan, “Ya Allah, lindungilah dia dari syaitan yang terkutuk.”

Sedangkan dalam *al-Muṣannaf*, Ibn Abi Syaibah menuturkan riwayat dari Khaītamah. Dia mengatakan bahwa ketika menguburkan mayat, mereka suka mengucapkan, “Atas nama Allah, di jalan Allah dan di atas agama Rasulullah. Ya Allah, jauhkanlah dia dari azab kubur, dari azab neraka dan dari kejahatan syaitan yang terkutuk.”

Abu Umamah menuturkan bahwa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda sebagai

berikut:

Jika salah seorang dari saudara kalian meninggal dan kalian telah menutup lubang kuburnya dengan tanah, hendaklah salah seorang dari kalian berdiri di tepi kuburbahagian kepala dan mengucapkan, “Wahai fulan ibn fulan.”

Sesungguhnya saat itu dia (si mayat) itu mendengar tetapi tidak menjawab. Selanjutnya hendaklah dia mengatakan, “Wahai fulan ibn fulan.”

Sesungguhnya saat itu dia bangun dan kemudian duduk. Setelah itu, hendaklah mengucapkan, “Wahai fulan ibn fulan.”

Sesungguhnya saat itu dia akan mengatakan, “Bimbinglah kami, semoga Allah memberikan rahmat kepadamu.”

Akan tetapi, kalian tidak menyedarinya.

Oleh kerana itu, hendaklah dia mengatakan, “Berikanlah kesaksian bahawa tidak ada Tuhan selain Allah dan Muhammad adalah hamba sekaligus Rasul-Nya. Kemukakan bahawa engkau meredhai Allah sebagai Tuhanmu, Islam sebagai agamamu, Muhammad sebagai nabimu dan al-Quran sebagai panduanmu.”

Sesungguhnya malaikat Munkar dan Nakir saling bergandingan seraya berkata, “Mari kita pergi, kita tidak perlu berhenti pada orang yang dituntunkan *hujjahnya*.”

Selanjutnya Allahlah yang akan menyampaikan *hujjahnya* dan bukan keduanya.

Lalu ada seseorang yang bertanya, “Ya Rasulullah, bagaimana jika dia tidak mengenal ibunya?”

Beliau menjawab, “Hendaklah dia menisbatkannya pada Hawa, iaitu fulan ibn Hawa.”

(Hadis riwayat at-Tabrani dalam *al-Kabir* dan Ibn Mundah)

Dari Khaitamah juga dikatakan bahawa ketika menguburkan mayat, orang-orang suka mengucapkan, “Dengan nama Allah, di jalan Allah dan di atas agama Rasulullah. Ya Allah, jauhkanlah dia dari azab kubur, dari azab neraka dan dari kejahatan syaitan yang terkutuk.”

Sementara dari Ibn Mas’ud diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah

berdiri di hadapan makam setelah makam itu ditutup dengan tanah seraya berucap, “Ya Allah, sahabat kami telah datang kepada-Mu. Jadikanlah dunia di belakang punggungnya. Ya Allah, teguhkanlah jawabannya pada saat diajukan pertanyaan kepadanya dan janganlah Engkau mengujinya dengan sesuatu di luar kemampuannya.”

(Hadis riwayat Sa’id ibn Mansur)

Ibn Mundah juga menuturkan riwayat lain dari Abu Umamah al-Bahili. Dia mengatakan, “Jika aku meninggal dan kalian telah menguburkanku, hendaklah salah seorang di antara kalian berdiri di sisi kepalaku seraya berkata, ‘Wahai Şada ibn ‘Ajlan, tegaskanlah apa yang pernah engkau ucapkan waktu di dunia iaitu kesaksian bahawa tidak ada Tuhan selain Allah dan Muhammad adalah Rasul Allah.’”

Dari Rasyid ibn Sa’ad, Dhamrah ibn Hubaib dan Hakim ibn Umair, Sa’id ibn Mansur menuturkan bahawa jika lubang kubur seorang mayat telah ditutup dengan tanah dan orang-orang telah pulang meninggalkannya, disunnahkan untuk dikatakan kepada si mayat di samping kuburnya, “fulan, katakanlah *La ilaha illa Allah* sebanyak tiga kali. fulan, katakan pula, ‘Allah Tuhanku, Islam agamaku dan Muhammad Nabiku.’”

Setelah itu barulah pulang.

Al-Ajiri mengatakan bahawa setelah menguburkan seorang mayat, orang-orang disunnatkan untuk berdiri sebentar sambil mendoakan si mayat dengan menghadap kiblat agar diberikan keteguhan, seraya berucap, “Ya Allah, inilah hamba-Mu. Engkau lebih tahu daripada kami dan kami tidak mengetahui darinya kecuali kebaikan. Kini Engkau telah mendudukkannya untuk Engkau tanya. Ya Allah, teguhkanlah dia dengan jawaan yang tepat di akhirat, sebagaimana Engkau telah meneguhkannya di dunia. Ya Allah, sayangilah dia dan pertemukanlah dia dengan Nabi-Mu. Janganlah Engkau menyesatkan kami setelahnya dan jangan Engkau haramkan pahalanya untuk kami.”

Sementara menurut at-Tirmidzi dan al-Hakim, dikatakan; “Berdiri di kubur dan memohon kekuatan ketika pengebumian merupakan pertolongan bagi seorang mayat selain solatnya. Sebab, solat bagi golongan orang yang beriman laksana bala tentera yang sudah berkumpul di hadapan pintu raja; mereka semua memberikan syafaat kepadanya. Sementara berdiri di hadapan kubur dan memohon keteguhan

merupakan pertolongan bagi bala tenteranya. Saat itu adalah saat yang paling menyibukkan kerana dia sedang menghadapi sesuatu yang menakutkan dan pertanyaan yang mendebarkan.”

Diriwayatkan oleh Ibn Sa’ad dari adh-Dhahak bahawa an-Nazzal ibn Sibrah pernah berkata kepadanya, “Jika engkau telah memasukkan aku ke dalam lubang kubur, ucapkanlah, ‘Ya Allah, berikanlah berkat pada kubur ini dan juga di dalamnya.’”



Himpitan Kubur bagi Setiap Orang

Hudzaifah menuturkan, “Bersama Nabi s.a.w, kami pernah mendatangi satu jenazah. Ketika sampai di kubur, beliau duduk di tepi lubang kubur dan berkali-kali memandang ke dalamnya. Lalu baginda bersabda, “Di dalamnya, seorang mukmin dihimpit dengan himpitan yang menghancurkan anggota tubuhnya sementara pada kubur orang kafir penuh dengan api neraka.”

(Hadis riwayat Ahmad, al-Hakim, at-Tirmidzi dan al-Baihaqi)

Sedangkan Aisyah meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda, “Sesungguhnya kubur itu memiliki himpitan, jika ada seorang yang boleh selamat dari himpitan itu, Sa’ad ibn Mu’adzlah di antaranya.”

(Hadis riwayat Ahmad, Ibn Jarir dan al-Baihaqi)

Dalam sebuah hadis dari Jabir ibn ‘Abdullah disebutkan, “Ketika Sa’ad ibn Mu’adz dikebumikan, Rasulullah bertasbih dan diikuti oleh para sahabat beberapa saat, lalu bertakbir dan juga diikuti oleh mereka. Kemudian mereka bertanya, ‘Ya Rasulullah, mengapa engkau bertasbih?’ Baginda menjawab, ‘Kubur orang soleh ini telah menghimpit lalu Allah melapangkannya’”

(Hadis riwayat Ahmad, al-Hakim at-Tirmidzi, at-Tabrani dan al-Baihaqi)

Sementara dalam sebuah hadis dari Ibn ‘Abbas disebutkan bahawa Nabi s.a.w. mengebumikan Sa’ad ibn Mu’adz, kemudian beliau duduk di tepi kuburnya seraya berucap, “Jika ada seseorang yang boleh selamat dari himpitan kubur, nescaya Sa’ad ibn Mu’adzlah di antaranya.”

(Hadis riwayat Sa’id ibn Mansur, al-Hakim, at-Tirmidzi, at-Tabrani dan al-Baihaqi)

Diturunkan pula dari ‘Abdullah ibn ‘Umar r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Inilah orang yang dituju oleh ‘Arasy dan pintu-pintu langit terbuka baginya. Telah disaksikan oleh tujuh puluh ribu malaikat bahawa dia telah dihimpit, namun kemudian dia dilapangkan oleh Allah.”

(Orang yang dimaksudkan itu adalah Sa‘ad ibn Mu‘adz)

Al-Hasan menambahkan, “Bergeraknya ‘Arasy untuk Mu‘adz tersebut kerana rasa bahagia terhadap rohnya.”

(Hadis riwayat an-Nasa‘i dan al-Baihaqi)

Dari riwayat Ibn ‘Umar r.a. juga dikatakan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah memasuki kubur Sa‘ad ibn Mu‘adz. Beliau agak lama berada di dalam. Oleh kerana itu, ketika keluar beliau ditanya, “Ya Rasulullah, apa yang menahan engkau di dalam?”

Beliau menjawab, “Sa‘ad dihimpit dengan suatu himpitan dalam kuburnya, lalu aku berdoa kepada Allah agar melapangkannya.”

(Hadis riwayat at-Tirmidzi, al-Hakim dan al-Baihaqi)

Ibn Ishaq berkata, “Umayyah ibn ‘Abdillah pernah memberitahu aku bahawa sebahagian keluarga Sa‘ad pernah ditanya, ‘Apa yang kalian dengar dari sabda Rasulullah s.a.w. dalam masalah ini?’”

Mereka menjawab, “Disebutkan kepada kami bahawa Rasulullah s.a.w. pernah ditanya mengenai masalah itu dan beliau menjawab, ‘Dia itu cuai dalam bersuci dari kencing’”

(Hadis riwayat at-Tirmidzi dan al-Baihaqi)

Anas ibn Malik pernah bercerita, “Zainab binti Rasulullah s.a.w. meninggal, lalu kami berangkat bersama beliau menghantarkannya. Kami melihat baginda sangat berduka. Baginda lalu duduk di kubur sejenak dengan mengarahkan pandangannya ke langit. Setelah itu, baginda turun ke lubang kubur. Aku melihat kesedihan baginda semakin bertambah. Beberapa waktu kemudian, baginda keluar dan kulihat kesedihannya sudah berkurang. Bahkan baginda tersenyum. Kami pun menanyakan hal itu. Baginda menjawab, “Aku tadi ingat akan kesempitan kubur, himpitannya dan kelemahan diri Zainab. Hal itu sungguh membuatku sangat terbeban. Kemudian aku berdoa kepada Allah agar Dia meringankannya. Dia mengabulkannya, tetapi Dia tetap menghimpitkan satu himpitan yang didengar

oleh semua yang ada di antara langit dan bumi, kecuali manusia dan jin.”

(Hadis riwayat at-Tabrani)

Dari Abu Ayyub diriwayatkan dengan *sanad* sahih, bahawa ketika ada seorang bayi dikebumikan, Rasulullah s.a.w. bersabda, “Jika ada orang yang terlepas dari himpitan kubur, anak ini adalah antara yang akan selamat darinya.”

Dalam *al-Awsaf*, dari Anas r.a. juga diriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. pernah mengerjakan solat jenazah atas seorang anak lelaki atau perempuan. Setelah itu baginda bersabda, “Jika ada seseorang yang boleh selamat dari himpitan kubur, nescaya anak ini akan selamat darinya.”

Bersumber dari Zadzan, diceritakan bahawa Ibn ‘Umar pernah meriwayatkan, “Ketika Rasulullah s.a.w. menguburkan puterinya, Ruqayyah r.a., baginda duduk di sisi kuburnya. Mula-mula, wajah baginda kelihatan sedih, namun kemudian kelihatan gembira. Para sahabat bertanya mengenai hal itu. Beliau kemudian memberikan jawapan, ‘Aku ingat akan kelemahan puteriku dan seksa kubur, lalu aku berdoa kepada Allah, sehingga Dia meringankannya. Demi Allah, telah dihimpitkan suatu himpitan yang didengar oleh apa yang ada di antara langit dan bumi.’”

(Hadis riwayat Sa’id ibn Mansur dan Ibn Abi ad-Dunya)

Hanad ibn as-Sirri dalam *al-Zuhd* menuturkan riwayat dari Ibn Abi Mulaikah. Dia mengatakan, “Tidak ada seorang pun yang terhindar dari himpitan kubur, tidak juga Sa’ad ibn Mu’adz yang salah satu dari tutup kepalanya lebih baik daripada dunia dan seisinya.”

Dari al-Hasan dituturkan, bahawa ketika menguburkan Sa’ad ibn Mu’adz, Nabi s.a.w. mengatakan “Dia akan dihimpit di dalam kubur dengan suatu himpitan hingga dia menjadi seperti bulu. Lalu aku berdoa kepada Allah agar membebaskannya dari himpitan itu, kerana dia tidak bersih dari sisa-sisa air kencing.”

Ibn Sa’ad meriwayatkan, “Syababah ibn Siwar memberitahu kami bahwa dia telah diberitahu oleh Abu Ma’syar khabar dari Sa’id al-Maqbari. Dia menceritakan bahawa ketika Rasulullah s.a.w. menguburkan Sa’ad ibn Mu’adz, baginda bersabda, ‘Seandainya ada seseorang yang selamat dari himpitan kubur, nescaya Sa’ad akan selamat. Telah dihimpitkan suatu himpitan (kepada mayat) yang di dalamnya tulang rusuknya hancurkerana bekas air kencing.’”

Dalam *al-Muṣannaf*, ‘Abdur Razak menceritakan riwayat dari Ibn ‘Uyainah yang diterimanya dari Ibn Abi Najih, bahawa Mujahid menuturkan, “Hadis yang paling keras yang pernah kami dengar dari Nabi s.a.w. adalah sabda baginda mengenai Sa’ad ibn Mu’adz dan sabdanya mengenai masalah kubur.”

Dalam *aṭ-Ṭā’ah wa al-‘Iṣyan*, ‘Ali ibn Ma’bad menuturkan riwayat melalui Ibrahim al-Ghanawi yang menerima khabar dari seseorang. Dia mengatakan, “Aku pernah berada di sisi ‘Aisyah r.a. Tiba-tiba (para pengiring) jenazah seorang anak melintas. ‘Aisyah menangis, lalu kutanyakan, ‘Apa yang membuat engkau menangis?’ ‘Aisyah menjawab, ‘Aku menangis kerana kasihan kepadanya dari himpitan lubang kubur.”

Dari Anas r.a. diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Tidak ada seorang pun yang terhindar dari himpitan kubur kecuali Fatimah binti Asad.”

Ditanyakan, “Ya Rasulullah, tidak juga puteramu, al-Qasim?”

Beliau menjawab, “Tidak juga Ibrahim.”

Padahal Ibrahim lebih kecil daripada keduanya.

(Hadis riwayat ‘Umar ibn Abi Syaibah)

Ibn Sa’ad juga mengatakan bahawa menurut Kathir ibn Hisyam, Ja’far ibn Barqan berkata, “Pernah sampai kepadaku berita bahawa Nabi s.a.w. bersabda pada saat baginda berdiri di samping kubur Sa’ad, ‘Telah dihimpitkan suatu himpitan atau didorongkan suatu dorongan. Jika ada seseorang yang dengan amalnya boleh selamat darinya, nescaya Sa’ad akan selamat.”

Diriwayatkan Ibn ‘Asakir dan Ibn Abi ad-Dunya dari ‘Abdul Majid ibn ‘Abdul ‘Aziz. ‘Abdul Majid ibn ‘Abdul ‘Aziz menerima riwayat itu dari ayahnya. Diceritakan bahawa ketika Nafi’, pelayan Ibn ‘Umar meninggal, Ibn ‘Umar menangis lalu ditanyakan, “Apa yang membuatmu menangis?”

“Aku ingat Sa’ad ibn Mu’adz dan himpitan kubur”, jawabnya.

Abu Azyiah al-Anṣari menuturkan riwayat dari Ibrahim ibn Sa’ad yang diterimanya dari Muhammad ibn Ishaq. Dia mengatakan bahawa ‘Abdullah ibn ‘Amr menuturkan, “Sa’ad ibn Mu’adz meninggal, lalu Rasulullah s.a.w. datang menjenguknya. Ketika orang-orang kembali pulang dan baginda terlambat di belakang, mereka pun berhenti sehingga baginda dapat melihat mereka. Mereka bertanya, ‘Wahai Nabi Allah, apa yang menyebabkan engkau terlambat dari kami?’

Beliau menjawab, 'Aku mendengar Sa'ad ibn Mu'adz dihimpit di dalam kuburnya.' Lantas mereka pun bertanya, 'Dia dihimpit di dalam kuburnya, bukankah 'Arasy telah bergoncang untuknya?' Kemudian beliau berkata, 'Mana yang lebih mulia, Sa'ad atau Yahya ibn Zakariya? Demi Allah yang jiwaku berada di tangan-Nya, Yahya telah dihimpit kerana dia pernah kekenyangan akibat berlebihan memakan roti gandum.'

(Hadis riwayat Zubair ibn Bakar dalam *al-Mawfiqiyat*)

(Hadis ini *munkar* dan *isnadnya* pun *mu'dhal*. Sebagaimana diketahui bahawa para nabi tidak dihimpit, *pen.*)

Abu al-Qasim as-Sa'di mengatakan, "Tidak ada seorang pun, baik yang soleh mahupun yang jahat, yang boleh selamat dari himpitan kubur. Namun, ada perbezaan antara himpitan terhadap orang Muslim dengan orang kafir. Bagi orang kafir, himpitan itu berlaku untuk selamanya. Sementara bagi orang Muslim, himpitan itu terjadi pada awal dia diletakkan di dalam kubur. Setelah itu, kuburnya kembali lapang untuknya."

Lebih lanjut dia mengatakan, "Yang dimaksudkan dengan himpitan itu adalah pertemuan antara satu sisi kubur dengan sisi lainnya, sementara si mayat berada di tengah-tengahnya."

At-Tirmidzi mengatakan, "Himpitan itu kerana tidak seorang pun yang meninggal melainkan dia akan merasakan sakit akibat suatu kesalahan, meskipun dia itu sebagai seorang yang soleh. Himpitan tersebut dimaksudkan sebagai balasan untuknya, tetapi setelah itu diberikan rahmat kepadanya. Oleh kerana itu, Sa'ad ibn Mu'adz mendapatkan himpitan kerana dia tidak bersih dari air kencingnya."

Lebih lanjut dia mengatakan, "Kami tidak pernah mengetahui bahawa mereka tidak mendapat himpitan dan pertanyaan kerana *kema'suman* mereka."

Mengenai seorang mukmin yang taat, as-Subki mengatakan, "Dia tidak mendapatkan azab kubur tetapi hanya mendapat himpitan kubur, sehingga dia merasakan ketakutan kerana itu. Hal itu dialaminya kerana dia telah mendapatkan nikmat dari Allah s.w.t. tetapi dia tidak mahu mensyukurinya."

Muhammad at-Taimi, sebagaimana diriwayatkan oleh Ibn Abi ad-Dunya, mengatakan bahawa pernah disebut, "Sesungguhnya himpitan kubur itu seperti himpitan seorang ibu kerana dari sanalah seseorang diciptakan, kemudian si anak

itu lama menghilang. Setelah kembali kepada ibunya, dia dipeluk seperti pelukan orang tua kepada anaknya yang telah lama hilang. Oleh kerana itu, barangsiapa yang berbuat taat kepada Allah, dia akan dihimpit dengan penuh kelembutan dan belas kasihan. Sementara orang yang berbuat maksiat kepada-Nya, dia akan dihimpit dengan himpitan yang keras kerana murka Allah kepadanya.”

Sa’id ibn al-Musayyab menuturkan bahawa ‘Aisyah r.a. pernah berkata kepada Rasulullah, “Ya Rasulullah, sesungguhnya sejak engkau memberitahuku tentang suara malaikat Munkar dan Nakir, juga mengenai himpitan kubur, hal itu tidak memberikan manfaat sedikit pun kepadaku.”

Beliau berkata, “Aisyah, sesungguhnya suara malaikat Munkar dan Nakir itu di pendengaran orang-orang yang beriman seperti celak pada mata. Himpitan kubur bagi seorang mukmin itu seperti pelukan ibu kepada puteranya yang mengadukan sakit kepala kepadanya. Akan tetapi Aisyah, kecelakaanlah bagi orang-orang yang ragu kepada Allah. Mereka dihimpit di dalam kuburnya seperti himpitan batu karang pada telur.”

(Hadis riwayat al-Baihaqi, Ibn Mundah, ad-Dailami dan Ibn an-Najjar)

Sebahagian ulama mengatakan bahawa seksaan orang yang berbuat kejahatan akan dibebaskan kerana sepuluh sebab:

1. Bertaubat kepada Allah dan taubatnya diterima-Nya.
2. Diberikan ampunan kepadanya.
3. Berbuat kebaikan sehingga kebaikan itu menghapuskan kejahatannya sebagaimana yang disebutkan di dalam al-Quran: *Sesungguhnya perbuatan baik itu akan menghapuskan dosa perbuatan jahat.*
4. Diuji dengan pelbagai musibah sehingga hal itu dapat menghapuskan dosa-dosanya.
5. Di alam barzakh, dia dihimpit dengan himpitan sehingga hal itu juga menghapuskan dosa-dosanya.
6. Didoakan oleh saudara-saudaranya yang seiman sekaligus dimohonkan kepada Allah ampunan baginya.
7. Diberi petunjuk oleh mereka melalui pahala amal perbuatan mereka

yang bermanfaat baginya.

8. Diuji pada Hari Kiamat dengan pelbagai hal yang menakutkan dan hal itu dapat menghapuskan dosa-dosanya.
9. Mendapat syafaat Nabi s.a.w.
10. Mendapat rahmat dari Allah.

Dalam *al-Hilyah*, Abu Nu'aim meriwayatkan dari 'Abdullah ibn Syakhir, dia menceritakan; Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesiapa sahaja yang membaca *Qul Huwallahu ahad* dalam sakitnya yang menyebabkan kematiannya, dia tidak akan mendapatkan fitnah di dalam kuburnya, diamankan dari himpitan kuburnya dan dibawa oleh malaikat pada Hari Kiamat kelak dengan tapak tangannya hingga dia membolehkannya melintasi *as-siraṭ* menuju pintu syurga."

Diturunkan oleh Ibn Abi ad-Dunya riwayat dari al-Walid ibn 'Amr ibn Wisaj. Dia mengatakan, "Pernah sampai kepadaku berita yang menyebutkan bahawa hal pertama yang akan dirasakan seorang mayat adalah gerakan kedua kakinya, lalu dia bertanya, 'Siapa kamu?' dia menjawab, 'Aku adalah amalmu', jawabnya."

Ibn Abi ad-Dunya juga menuturkan riwayat dari Yazid ar-Ruqasyi. Dia berkata, "Pernah sampai kepadaku bahawa jika seorang mayat telah diletakkan di lubang kuburnya, dia akan dikelilingi oleh amal perbuatannya. Kemudian amal-amal itu ditakdirkan oleh Allah dapat berbicara. Amal-amal itu berkata, 'Duhai hamba Allah yang ada dalam kesendirian di dalam lubang kubur, telah terputus teman rapat dan keluarga; tidak ada teman buatmu selain kami.'"

'Aṭa' ibn Yasar mengatakan, bahawa jika seorang mayat telah diletakkan di lubang kuburnya, yang pertama kali datang kepadanya adalah amal perbuatannya. Lalu amalnya itu memukul paha kirinya seraya berkata, "Aku adalah amal perbuatanmu."

Lalu dia bertanya, "Mana keluarga, anak dan kerabatku, serta apa yang diberikan Allah kepadaku?"

Amal perbuatannya menjawab, "Engkau telah meninggalkan keluarga, anak dan kerabatmu, serta apa yang diberikan Allah kepadaku; tidak ada yang ikut masuk ke kuburmu kecuali aku."

Lebih lanjut dia mengatakan, “Seandainya sahaja aku tahu bahawa yang ikut masuk denganku hanyalah engkau sahaja, maka aku akan mengutamakanmu berbanding keluarga, anak dan kerabatku, serta apa yang diberikan Allah kepadaku.”

Ahmad ibn Abi al-Hawari mengatakan, bahawa Ibrahim ibn al-Fadhl menuturkan riwayat dari Abu al-Malih ar-Raqi. Dia berkata, “Jika anak Adam telah dimasukkan ke dalam kuburnya, tidak ada sesuatu pun yang selama ini dia takuti di dunia termasuk Allah *‘Azza wa Jalla*, melainkan hal itu akan menakutiya di lubang kuburnya kerana di dunia dia hanya takut padanya dan tidak kepada Allah *‘Azza wa Jalla*.”



Ucapan Kubur kepada Mayat

Dari Abu Sa'id dituturkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda sebagai berikut:

Banyakkanlah mengingat pemutus kenikmatan (kematian) kerana tidak datang suatu hari melainkan kubur akan berbicara, "Aku adalah rumah pengasingan, rumah tempat menyendiri dan rumah tanah. Aku pun adalah rumah cacing."

Jika seorang mukmin dikebumikan, kubur akan berkata kepadanya, "Selamat datang. Engkau adalah orang yang paling aku sukai di antara mereka yang berjalan di atasku menuju diriku. Hari ini aku menjadi walimu dan engkau telah kembali kepadaku. Engkau akan mengetahui apa yang aku lakukan kepadamu." Diluaskan kuburnya sejauh pandangan mata dan dibukakan baginya pintu menuju syurga.

Jika dikebumikan seorang yang derhaka atau kafir, kubur berkata kepadanya, "Tiada kata selamat datang untukmu. Sesungguhnya kamu adalah orang yang paling aku benci di antara mereka yang berjalan di atasku menuju diriku. Hari ini aku menjadi walimu dan engkau sendiri telah kembali kepada diriku. Oleh kerana itu, kamu akan melihat apa yang akan aku perlakukan terhadapmu."

Seketika, bahagian kubur itu menyempit dan bertemu kedua-dua sisi sehingga tulang rusuk orang kafir itu hancur."

Abu Sa'id meriwayatkan lebih lanjut bahawa Rasulullah s.a.w. kemudian memberi isyarat dengan jari-jemarinya. Beliau merapatkan jari yang satu ke jari yang lainnya.

Rasulullah s.a.w. bersabda, "Kemudian Allah menyebarkan tujuh puluh

ular besaryang jika salah satu darinya dilepaskan di muka bumi ini, tidak akan ada sesuatu pun di dunia ini yang tersisa. Lalu ular-ular itu menggigitnya dan mengoyaknya sampai dia dibawa menuju hisab.”

Selanjutnya baginda bersabda, “Sesungguhnya kubur itu adalah salah satu taman syurga atau salah satu lubang neraka.”

Abu Hurairah berkata, “Kami pernah pergi bersama Rasulullah s.a.w. menjenguk satu jenazah, lalu beliau duduk berhampiran dengan kubur seraya bersabda, “Tiada hari yang datang melainkan kubur ini akan bersuara dengan cepat dan lantang, ‘Wahai anak Adam, bagaimana mungkin engkau melupakan aku? Tidakkah engkau mengetahui bahawa aku adalah rumah tempat menyendiri, rumah pengasingan, rumah segala yang menakutkan, rumah cacing dan rumah yang penuh kesempitan; kecuali siapa yang diberi keluasan oleh Allah atas diriku?’”

Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda, “Kubur itu merupakan salah satu taman syurga atau salah satu lubang neraka.”

(Hadis riwayat at-Tabrani)

Abu al-Hajjaj ath-Thimali menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda sebagai berikut:

Kubur berkata kepada si mayat ketika dia diletakkan di dalamnya, “Tidakkah kamu mengetahui bahawa aku adalah rumah fitnah, rumah kegelapan, rumah pengasingan dan rumah cacing? Wahai anak Adam, apa yang menjadikanmu lupa kepadaku padahal engkau berjalan sendirian di atasku?”

Jika dia seorang yang soleh, dia akan menjawab, “Bagaimana menurutmu jika di menyuruh berbuat kebaikan dan mencegah kemungkaran?”

Kubur menjawab, “Aku akan berubah warna menjadi hijau lalu jasadnya berubah menjadi cahaya dan rohnya pun naik menuju Allah s.w.t.

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya, at-Tirmidzi, Abu Ya’la, Abu Ahmad, al-Hakim, at-Tabrani dan Abu Nu’aim)

Melalui jalan Mujahid diriwayatkan hadis dari al-Barra’ ibn ‘Azib bahawa Nabi s.a.w. bersabda sebagai berikut:

Jika seorang mukmin menghadapi sakaratulmaut, akan datang kepadanya seorang malaikat dalam penampilan yang paling baik dan bau yang paling harum.

Lalu dia duduk di sisinya untuk mencabut nyawanya. Dia mengeluarkan nyawanya dari jasadnya seperti percikan air. Jika nyawanya itu sudah berada di tangannya, dua malaikat akan segera menjemput dan mengambil nyawa itu darinya. Setelah itu, keduanya melumurnya dengan minyak wangi dari syurga dan mengafaninya dengan kafan dari syurga. Selanjutnya mereka membawanya naik ke syurga. Pintu-pintu langit terbuka untuknya dan para malaikat pun menyambutnya dengan gembira seraya berucap, “Siapa roh yang baik ini, yang semua pintu langit membuka diri untuknya?”

Kedua malaikat tersebut menyebutnya dengan sebutan yang paling baik di dunia. Dikatakan, “Ini adalah roh fulan ibn fulan.”

Ketika dibawa naik ke langit itu, para malaikat yang ada di setiap lapisan langit menghantarnya hingga sampai ke hadapan Allah s.w.t. di ‘Arasy. Setelah itu, amal perbuatannya keluar di *‘Illiyin*, lalu Allah berkata kepada para malaikat yang didekatkan kepadanya itu, “Saksikanlah, Aku telah memberi ampunan kepada pembuat amal ini.”

Kemudian buku catatannya disahkan dan dikembalikan ke *‘Illiyin*. Lebih lanjut Allah *‘Azza wa Jalla* berfirman, “Kembalikanlah roh hamba-Ku ini ke bumi kerana Aku telah berjanji kepada mereka akan mengembalikan mereka ke sana.”

Jika seorang mukmin telah diletakkan di lubang kuburnya, bumi akan berkata kepadanya, “Sesungguhnya engkau adalah orang yang paling aku sukai, padahal engkau masih berada di atasku, bagaimana kalau engkau sudah berada di perutku? Aku akan memperlihatkan apa yang akan dilakukan untukmu.”

Bumi itu pun memperluas kuburnya sejauh pandangan mata, dibukakan di sisi kakinya pintu menuju ke syurga dan dikatakan kepadanya, “Lihat pahala yang telah dijanjikan Allah kepadamu.”

Dibukakan juga di sisi kepalanya pintu menuju ke neraka, lalu dikatakan kepadanya, “Lihatlah seksa yang dijauhkan oleh Allah dari dirimu.”

Setelah itu, dikatakan kepadanya, “Tidurlah dengan penuh kebahagiaan dan kegembiraan.”

Pada saat itu, tidak ada sesuatu yang lebih dia cintai selain bangkitnya Hari Kiamat.”

(Hadis riwayat Ibn Mundah)

‘Abdullah ibn ‘Ubaid berkata bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda, “Sesungguhnya seorang mayat itu duduk dan dia mendengar langkah kaki orang-orang yang menghantarnya. Tidak ada yang berbicara dengannya lebih awal daripada lubang kuburnya. Saat itu lubang kuburnya berkata, ‘Wahai anak Adam, bukankah engkau telah diperingatkan untuk berhati-hati terhadap diriku; juga terhadap kesempitan, himpitan, bau busuk, keseraman dan cacing-cacingku? Sudahkah engkau mempersiapkan diri untuk semua itu? Apa pula yang engkau persiapkan untukku?’”

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya)

Dituturkan oleh Ibn Abi Syaibah dalam *al-Muṣannaf* riwayat dari ‘Abdullah ibn ‘Amr. Dia mengatakan bahawa sesungguhnya apabila seorang hamba telah diletakkan di dalam kubur, kubur itu akan berkata kepadanya, “Wahai anak Adam, bukankah engkau telah mengetahui bahawa aku adalah rumah kesendirian, rumah yang gelap dan rumah kebenaran? Wahai anak Adam, apa yang menyebabkan engkau lupa kepadaku? Bukankah engkau sentiasa berjalan di sekitarku sendirian?”

Jika mayat itu mukmin, akan diberikan keluasan dan keselesaan kepadanya, dijadikan hijau tempatnya dan akan dibawa naik ke syurga nyawanya.

Dituturkan juga riwayat dari Yazid ibn Syajah bahawa kubur akan berkata kepada orang kafir dan pembuat kejahatan, “Bukankah engkau telah diingatkan akan gelapnya diriku, keseramanku, keterasinganku, kesempitanku dan juga ketertutupanku?”

Sementara dari ‘Ubaid ibn ‘Umair, dituturkan bahawa tidak ada seorang pun yang meninggal melainkan lubang kuburnya akan berseru kepadanya, “Aku adalah rumah gelap dan tempat menyendiri. Jika dalam hidupmu engkau benar-benar taat kepada Allah, hari ini adalah rahmat untukmu. Jika dalam hidupmu engkau berbuat maksiat kepada Allah, hari ini adalah seksa bagimu. Aku adalah rumah yang barangsiapa memasukinya dalam keadaan taat kepada Allah, dia akan keluar dalam keadaan bahagia. Sebaliknya barangsiapa memasukinya dalam keadaan bermaksiat kepada Allah, dia akan keluar darinya dalam keadaan merugi.”

Jabir mengatakan, “Sesungguhnya kubur itu mempunyai lisan yang digunakan

untuk berbicara. Dia berbicara, ‘Wahai anak Adam, bagaimana engkau boleh melupakanku? Bukankah engkau mengetahui bahawa aku adalah rumah yang menyeramkan, rumah pengasingan, rumah cacing dan rumah sempit; kecuali yang diluaskan oleh Allah ‘Azza wa Jalla?’”

Seorang ahli fikih penganut Imam Hanbali, Abu Bakar ibn ‘Abdul ‘Aziz ibn Ja’far, dalam *al-Mathani fi al-Fiqh* mengatakan bahawa Isma’il ibn Ibrahim asy-Syirazi berkata kepadanya. Dia mengatakan bahawa Muhammad ibn Hammad berkata sebagai berikut:

Pernah dibacakan kepada ‘Abdur Razak sementara aku hadir di sana, riwayat dari ath-Thawri yang diterimanya dari al-A’masi. Al-A’masi menerimanya dari al-Manhal ibn ‘Amr, al-Manhal ibn ‘Amr menerimanya dari Zadzan, sementara Zadzan menerimanya dari al-Barra’. Dia menuturkan, “Kami pernah pergi bersama Rasulullah s.a.w. menghantar satu jenazah. Kami mendapatkan kubur belum digali. Beliau duduk dan kami pun ikut duduk di sekeliling kubur, lalu baginda bersabda bahawa jika seorang mayat telah diletakkan di dalam kubur dan lubang kubur pun telah ditutup dengan tanah, tanah itu akan berbicara kepadanya, ‘Bukankah engkau mengetahui bahawa aku adalah rumah yang menyeramkan, rumah pengasingan dan rumah cacing? Lalu apa yang telah engkau persiapkan untuk diriku?’”

Bilal ibn Sa’ad mengatakan bahawa setiap hari kubur akan berseru, “Aku adalah rumah pengasingan, rumah cacing dan rumah yang menyeramkan. Aku adalah salah satu lubang neraka atau salah satu taman syurga.”

Sesungguhnya jika seorang mukmin telah diletakkan di lubang kubur, bumi di bawahnya akan berucap, “Demi Allah, aku sangat menyukaimu ketika engkau masih berjalan di atasku. Lalu, bagaimana jika engkau telah masuk ke dalam perutku? Jika aku menjadi walimu, engkau akan mengetahui apa yang akan kulakukan untukmu.” Lalu lubang kubur itu melapangkan diri untuknya sejauh pandangan mata.

Jika mayat seorang kafir telah dimasukkan ke lubang kubur, kubur itu akan berkata, “Sesungguhnya engkau adalah orang yang paling aku benci, sedangkan engkau berjalan di atasku. Jika aku menjadi walimu, engkau akan mengetahui apa yang akan aku lakukan terhadapmu.” Lalu lubang kubur itu pun menyempitkan diri dengan himpitan yang dapat mematah dan menghancurkan tulang rusuknya.

Sementara Ibn 'Abbas menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Bersiap-siaplah menghadapi kubur kalian, kerana setiap hari kubur itu berkata tujuh kali, 'Wahai anak Adam yang lemah, sayangilah dirimu dalam hidupmu ini sebelum engkau bertemu denganku. Tidakkah engkau mahu disayangi dan dilindungi dariku?'"

(Hadis riwayat ad-Dailami)

Diriwayatkan oleh Ibn Abi ad-Dunya dan Ibn Mundah hadis dari 'Umar ibn Dzar. Dia mengatakan bahawa jika seorang mukmin memasuki lubang kuburnya, bumi akan berseru, "Apakah dia ini seorang yang taat atau yang derhaka?"

Jika dia seorang yang soleh, akan ada yang berseru dari tepi kubur, "Berubahlah kembali menjadi hijau dan jadilah engkau penyayang untuknya. Dia benar-benar orang yang baik bagi Allah dan sebaik-baik orang yang dikembalikan kepadamu."

Setelah itu bumi berkata, "Sekarang saatnya dia memperoleh karamah."

Masih diriwayatkan oleh Ibn Abi ad-Dunya, kali ini hadis dari Muhammad ibn Şabih. Dia menuturkan, "Pernah sampai kepadaku berita bahawa apabila seseorang telah diletakkan di dalam kuburnya, lalu dia disiksa atau mendapatkan sesuatu yang tidak disukainya, nescayajiran kuburnya akan berseru kepadanya, 'Wahai orang yang datang setelah saudara-saudaranya, pelajaran apa yang telah engkau ambil dari kami? Mengenai kematian kami yang lebih awal darimu ini, apakah engkau pernah memikirkannya? Tidakkah engkau mengetahui putusnya amal kami di sini ketika engkau masih hidup?' Lalu seluruh kubur berkata, 'Wahai orang yang tertipu di muka bumi, apakah engkau telah mengambil pelajaran dari keluargamu yang sudah meninggal di dalam perut bumi, yang pernah ditipu dunia sebelum dirimu, yang setelah itu ajal mengiringi mereka ke kubur sementara engkau sendiri melihatnya dibawa ke rumah kematian?'"

Sufyan ath-Thawri mengatakan, "Siapa yang paling banyak mengingat kubur, dia akan mendapatkan kubur itu sebagai salah satu taman syurga. Sebaliknya barangsiapa yang lupa mengingatnya, dia akan mendapatkan kubur itu sebagai salah satu lubang neraka."

Yazid ar-Ruqasyi, sebagaimana diriwayatkan oleh al-Khatib, menceritakan, "Pernah sampai kepadaku berita bahawa jika seorang mayat telah diletakkan di dalam kuburnya, dia akan dikelilingi oleh amal perbuatannya. Kemudian amal-

amal itu ditakdirkan dapat berbicara oleh Allah. Amal-amal itu berkata, 'Wahai hamba Allah yang sendirian di dalam lubang kuburnya, telah terputus darinya teman dekat dan keluarga; tidak ada yang lebih lemah lembut kepadamu selain kami.' Lalu Yazid menangis seraya berucap, 'Keberuntungan bagi orang yang temannya adalah orang soleh dan kerugian bagi orang yang temannya adalah orang jahat.'

Sementara dalam *Syua'ab al-Iman*, Imam al-Baihaqi menuturkan hadis dari Anas ibn Malik. Dia mengatakan, "Mahukah engkau kalau aku memberitahu mengenai dua hari dua malam yang belum pernah didengar oleh makhluk sepertinya? *Pertama*, hari datangnya pembawa berita (malaikat) dari Allah, baik yang memberitahukan keredhaan mahupun kemurkaan Allah. *Kedua*, hari yang di dalamnya engkau berdiri di hadapan Allah. Saat itu engkau mengambil buku catatan engkau, baik dengan tangan kanan mahupun tangan kiri engkau. Malam yang pertama adalah malam menginapnya seorang mayat dalam kuburnya. Malam kedua adalah malam yang pagi harinya adalah Hari Kiamat, yang tidak ada malam setelahnya."



Fitnah Kubur dan Pertanyaan Dua Malaikat

Telah banyak hadis *mutawatir* yang menegaskan tentang fitnah kubur dan pertanyaan dua malaikat. Hadis-hadis tersebut diriwayatkan dari beberapa orang, antara lain: dari Anas, al-Barra', Tamim ad-Dari, Basyir ibn al-Kamal, Ṭawban, Jabir ibn 'Abdillah, 'Abdullah ibn Rawahah, 'Ubadah ibn aṣ-Ṣamit, Hudzaifah, Dhamrah ibn Habib, Ibn 'Abbas, Ibn 'Umar, Ibn Mas'ud, 'Uthman ibn 'Affan, 'Umar ibn al-Khaṭṭab, 'Amr ibn 'Aṣ, Mu'adz ibn Jabal, Abu Umamah, Abu ad-Darda', Abu Rafi', Abu Sa'id al-Khudri, Abu Qatadah, Abu Hurairah, Abu Musa, Asma' dan 'Aisyah - *radhiyallah 'anhum ajma'in*.

Pertama, hadis Anas r.a. yang diriwayatkan oleh asy-Syaikhhan (Imam al-Bukhari dan Imam Muslim) dan yang lainnya, melalui Qatadah. Anas r.a. mengatakan bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

Jika seorang hamba telah dimasukkan ke dalam kubur dan orang-orang yang menghantarnya telah kembali pulang, pasti dia akan mendengar suara mereka. Kemudian datang kepadanya dua malaikat yang berkata kepadanya, "Bagaimana pendapatmu mengenai orang ini?" (Menurut Ibn Mardawaih, pertanyaan itu berbunyi, "Bagaimana pendapatmu mengenai orang yang berada di hadapan kalian, yang dipanggil dengan nama Muhammad ini?")

Jika dia orang mukmin, dia akan berkata, "Aku bersaksi bahawa dia adalah hamba sekaligus RasulAllah."

Kemudian dikatakan kepadanya, "Lihatlah tempatmu di neraka, Allah telah

menggantinya dengan tempat bagimu di syurga.”

Lalu dia pun melihat keduanya (tempat di neraka dan di syurga)

Berkaitan dengan hadis di atas, Qatadah mengatakan, “Disebutkan kepada kami bahawa diluaskan kubur bagi orang itu tujuh puluh depa dan di dalamnya dipenuhi warna hijau. Sedangkan bagi orang munafik dan orang kafir, akan dikatakan kepadanya, ‘Bagaimana pengakuanmu mengenai orang ini?’ Dia akan menjawab, ‘Tidak tahu, aku mengakuinya sebagaimana orang-orang mengakuinya.’ Lalu dikatakan kepadanya, ‘Engkau tidak tahu dan tidak mengerti?’ Dia pun dipukul dengan palu yang terbuat dari besi dan kerananya dia berteriak dengan teriakan yang didengar oleh segala sesuatu selain jin dan manusia.”

Masih dari Anas r.a., dituturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda sebagai berikut:

Sesungguhnya umat ini akan diuji di dalam kuburnya. Apabila seorang mukmin telah dimasukkan ke dalam kuburnya, akan datang kepadanya malaikat yang bertanya, “Apa yang telah engkau sembah?”

Jika Allah memberikan petunjuk kepadanya, dia akan menjawab, “Aku menyembah Allah.”

Kemudian dikatakan kepadanya, “Bagaimana pendapatmu mengenai orang ini (Muhammad)?”

Dia akan menjawab, “Dia adalah hamba sekaligus Rasul Allah.”

Setelah itu, tidak ada lagi pertanyaan yang diajukan kepadanya. Selanjutnya dia dibawa ke tempat tinggalnya di neraka, lalu dikatakan kepadanya, “Inilah tempat tinggalmu di neraka, tetapi Allah melindungi dan menyayangimu sehingga Dia menggantikannya dengan tempat tinggal di syurga.”

Setelah itu, dia berkata, “Biarkan kami pergi untuk memberitahu keluargaku.”

Lalu dikatakan kepadanya, “Tinggallah di sana!”

Sementara apabila orang kafir telah dimasukkan ke dalam kuburnya, akan datang kepadanya malaikat seraya menggertaknya, “Apa yang telah engkau sembah?”

“Tidak tahu”, jawabnya.

Kemudian dikatakan kepadanya, “Bagaimana pendapatmu mengenai orang ini (Muhammad)?”

Dia pun menjawab, “Aku berpendapat sebagaimana orang lain mengakuinya.”

Para malaikat itu memukulnya dengan palu yang terbuat dari besi pada bahagian di antara kedua telinganya, lalu dia berteriak dengan teriakan yang didengar oleh seluruh makhluk, kecuali jin dan manusia.

(Hadis riwayat Ahmad, AbuDaud, Imam al-Baihaqi dan Ibn Mardawaih)

Anas r.a. juga menuturkan - sebagai hadis *marfu'* - bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda sebagai berikut:

Malaikat Munkar dan Nakir akan masuk ke dalam kubur seorang mayat, setelah mereka berdua menyuruhnya duduk. Jika dia seorang mukmin, keduanya akan bertanya, “Siapa Tuhanmu?”

“Allah”, jawabnya.

“Siapa Nabimu?” tanya lebih lanjut.

Dia menjawab, “Muhammad?”

Siapa imammu?” tanyanya.

“Al-Quran”, jawabnya.

Kemudian keduanya melapangkan kubur untuknya.

Jika mayat itu seorang kafir, keduanya akan bertanya, “Siapa Tuhanmu?”

“Tidak tahu”, jawabnya.

“Siapa Nabimu?” tanyanya lebih lanjut.

Dia memberikan jawapan yang sama, “Tidak tahu?”

“Siapa imammu?”

Dia menjawab, “Aku tidak tahu.”

Kemudian kedua malaikat itu memukulnya satu kali dengan tongkat hingga kuburnya mengeluarkan api yang menyala-nyala. Mereka pun mempersempit

kuburnya hingga tulang rusuknya tercerai-berai.

(Hadis riwayat ad-Dailami)

Kedua, hadis dari al-Bara' dan Tamim, iaitu sebagaimana yang telah dikemukakan pada bab sebelumnya.

Ketiga, hadis Basyir iaitu yang diriwayatkan oleh al-Bazzar, at-Tabrani dan Ibn Sakan, dari Ayyub ibn Basyir yang diterima dari ayahnya. Dia berkata bahawa dahulu di kalangan Bani 'Umayyah pernah terjadi pergolakan, lalu Rasulullah s.a.w. berangkat ke sana untuk mendamaikan mereka. Kemudian beliau menoleh ke suatu kubur seraya berkata, "Kalian tidak mengetahui."

Lalu ditanyakan kepada beliau mengenai hal itu, kemudian beliau menjawab, "Sesungguhnya orang ini ditanya mengenai diriku tetapi dia menjawab tidak tahu."

Keempat, hadis Ṭawban, iaitu yang diriwayatkan oleh Abu Nu'aim dari Ṭawban. Dia menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, "Jika seorang mukmin meninggal, solat akan berada di sisi kepalanya, sedekah berada di sebelah kanannya dan puasa berada di dadanya."

Kelima, hadis Jabir iaitu yang diriwayatkan melalui jalan Ibn Zubair. Dia pernah bertanya kepada Jabir ibn 'Abdillah mengenai malaikat Munkar dan Nakir. Dia menjawab bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

Sesungguhnya umat ini akan diuji di dalam kuburnya kelak. Jika seseorang telah dimasukkan ke dalam kuburnya dan telah ditinggalkan oleh para sahabatnya, akan datang kepadanya malaikat dengan hardikan yang sangat keras seraya bertanya, "Bagaimana pengakuanmu mengenai orang ini (Muhammad)?"

Orang mukmin akan menjawab, "Aku mengakui bahawa dia adalah hamba sekaligus Rasul-Nya."

Kemudian sang malaikat berkata, "Lihatlah ke tempatmu yang terdapat di neraka, Allah telah menyelamatkan dirimu darinya dan menggantikannya dengan tempat yang engkau lihat di syurga."

Diapun mengetahui kedua tempat tersebut. Lalu dia mengatakan, "Perkenankan aku memberitahu keluargaku."

Dikatakan kepadanya, “Tinggallah di tempat itu.”

Sementara apabila orang kafir telah ditinggal pulang keluarganya, akan dikatakan kepadanya, “Apa pengakuanmu mengenai orang ini (Muhammad)?”

“Aku tidak tahu, aku mengakuinya sebagaimana orang-orang mengakuinya”, jawabnya.

Lalu dikatakan kepadanya, “Kamu ini tidak mengetahui. Inilah tempatmu yang ada di syurga, tetapi Allah telah menggantikannya dengan tempatmu yang berada di neraka.”

Jabir mengatakan bahawa kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda, “Setiap hamba akan dibangkitkan dari kubur berdasarkan pada keyakinannya saat meninggal: seorang mukmin berdasarkan keimanannya dan orang munafik berdasarkan pada kemunafikannya.”

(Hadis riwayat Imam Ahmad, at-Tabrani, Imam al-Baihaqi, Ibn Abi ad-Dunya)

Dari Jabir ibn ‘Abdillah, juga diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda, “Jika seorang mayat telah memasuki kuburnya, akan diperlihatkan kepadanya permisalan matahari pada saat terbenam, lalu dia duduk sembari mengusap kedua matanya seraya berucap, ‘Biarkan aku mengerjakan solat.’”

(Hadis riwayat Ibn Majah, Ibn Abi ad-Dunya dan Ibn Abi ‘Aşim)

Masih dari Jabir, dia menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda sebagai berikut:

Sesungguhnya anak cucu Adam benar-benar dalam keadaan lalai terhadap apa yang telah diciptakan untuknya. Apabila hendak menciptakannya, Allah berkata kepada malaikat, “Tetapkanlah rezekinya, peninggalannya dan ajalnya; tetapkan pula apakah dia akan hidup sengsara atau sejahtera.”

Kemudian rohnyanya naik ke langit, selanjutnya Allah mengutus satu malaikat untuk menjaganya hingga dia memasuki usia dewasa. Setelah itu, Dia menugaskan dua malaikat yang akan menulis kebaikan dan keburukannya. Jika kematian telah menjemputnya, kedua malaikat itu naik ke langit, lalu datang kepadanya malaikat maut untuk mencabut nyawanya.

Jika telah dimasukkan ke kuburnya, nyawanya akan dikembalikan ke jasadnya. Setelah itu, datanglah kepadanya dua malaikat kubur yang akan mengujinya. Setelah

mengujinya, kedua malaikat itu naik ke langit. Jika Hari Kiamat tiba, malaikat pencatat kebaikan dan malaikat pencatat keburukan akan turun menggantungkan buku catatannya itu di lehernya. Kemudian keduanya mendatangnya, satu menggiringnya dan yang satu lagi menyaksikannya.

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya dan Abu Nu'aim)

Masih dari Jabir, melalui jalan Abu Sufyan, dituturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

Jika seorang mukmin telah dimasukkan ke kuburnya, akan datang kepadanya dua malaikat seraya menghardiknya, lalu dia bangun sebagaimana bangunnya seseorang dari tidurnya. Kemudian dikatakan kepadanya, "Siapa Tuhanmu? Apa agamamu? Siapa Nabimu?"

Dia menjawab, "Allah Tuhanku, Islam agamaku dan Muhammad adalah Nabiku."

Setelah itu, ada yang berseru, "Benar apa yang dikatakannya itu, kerananya sediakanlah tempat tidur dari syurga untuknya dan berilah pakaian dari syurga untuknya."

Kemudian dia berucap, "Perkenankan aku memberitahu keluargaku."

Akan tetapi, dikatakan kepadanya, "Tetaplah di tempatmu."

(Hadis riwayat Ibn Abi 'Aşim, Ibn Mardawayh dan al-Baihaqi)

Keenam, hadis Hudzaifah, iaitu sebagaimana yang telah telah dikemukakan dalam bab sebelumnya.

Ketujuh, hadis Dhamrah ibn Habib, iaitu yang diriwayatkan oleh Abu Nu'aim. Dia mengatakan, "Penguji di kubur itu ada tiga, iaitu: Munkar, Nakir dan Ruman."

Masih dari Dhamrah ibn Habib, sebagaimana diriwayatkan oleh Ibn Lal dan Ibn al-Jawzi, sebagai hadis *marfu'*, dikatakan, "Penguji di dalam kubur itu ada empat, iaitu Munkar, Nakir, Nakur dan tuan mereka, Ruman."

Al-Jawzi mengatakan, "Hadis ini tidak ada sumbernya."

Syaikh al-Islam, Ibn Hajar pernah ditanya, "Apakah ada malaikat yang datang kepada seorang mayat yang bernama Ruman?"

Dia menjawab, "Hadis itu diriwayatkan dengan *sanad* yang di dalamnya

mengandung suatu kelemahan.”

Kelapan, hadis ‘Ubadah ibn aš-Šamit, yang diriwayatkan oleh Ibn Abuad-Dunya dalam at-Tahajjud, Ibn Dhurays dalam Fadha’il al-Qur’an dan Hamid ibn Zanjawayh dalam Fadha’il al-‘A’mal. Dia mengatakan:

Jika salah seorang di antara kalian bangun pada suatu malam, hendaklah dia mengeraskan bacaannya, kerana suara kerasnya itu akan mengusir syaitan dan jin-jin yang fasik. Para malaikat yang berada di udara serta para penduduk mendengar bacaannya tersebut dan mengerjakan solat bersamanya. Apabila malam itu telah berlalu, malam tersebut bertaunan kepadanya seraya mengatakan, “Ingatkanlah dia akan waktunya dan berlemah-lembutlah kepadanya.”

Jika kematian telah mendatangnya, al-Quran akan datang dan berdiri di sisi kepalanya ketika orang-orang sedang memandikannya. Jika mereka telah usai memandikannya, al-Quran masuk hingga berada di antara dada dan kafannya.

Jika telah dimasukkan ke dalam lubang kuburnya dan datang kepadanya malaikat Munkar dan Nakir, al-Quran keluar dan mengambil posisi di antara dirinya (si mayat) dan kedua malaikat tersebut. Kemudian kedua malaikat itu berkata kepadanya, “Menjauhlah dari kami, kerana kami ingin mengajukan pertanyaan kepadanya.”

Dia menjawab, “Demi Allah, aku tidak akan melepaskan diri darinya hingga aku dapat memasukkannya ke syurga. Jika kalian berdua diperintah untuk melakukan sesuatu, itu hak kalian.”

Kemudian al-Quran itu melihat ke arahnya (si mayat) seraya menanyakan, “Apakah engkau mengenalku?”

“Tidak”, jawabnya.

Lebih lanjut al-Quran berkata, “Aku adalah al-Quran. Akulah yang menjadikanmu bangun sepanjang malam, yang menjadikanmu haus sepanjang siang, mencegah nafsu, pendengaran dan pandanganmu. Engkau akan mendapatkanku di antara teman-temanmu sebagai teman yang paling jujur dan di antara saudara-saudaramu sebagai saudara yang jujur. Oleh kerananya, aku akan menyambutnya dengan senang hati. Setelah pertanyaan malaikat Munkar dan Nakir, engkau tidak menemukan kesulitan dan merasakan kesedihan.”

Setelah itu, kedua malaikat itu keluar dari dirinya. Sementara al-Quran naik ke langit menuju Tuhannya untuk meminta tempat tidur dan selimut. Diperintahkan kepadanya untuk mengambil tempat tidur, selimut, pelita dari sinar syurga dan bunga yasmin dari syurga. Kemudian semuanya dibawa oleh seribu malaikat yang berada di langit. Untuk mencapai orang itu, mereka didahului oleh al-Quran, lalu al-Quran berkata kepadanya, “Apakah engkau masih merasa takut setelah keberadaanku ini? Kepergianku meninggalkanmu adalah untuk meminta tempat tidur, selimut dan pelita kepada Allah. Kini aku telah datang kepadamu dengan membawa semua itu.”

Setelah itu, para malaikat menemuinya, lalu membawanya dan menempatkannya di tempat tidur tersebut, serta meletakkan selimut itu di bawah kedua kakinya; sedangkan bunga yasmin berada di dadanya. Dia pun tidur di atasnya. Dia masih terus melihat ke arah para malaikat hingga mereka terbang ke langit. Selanjutnya al-Quran mendorong kubur untuk melapangkannya. (Dalam kitab Abu Mu’awiyah disebutkan, “Lalu dilapangkan untuknya kuburnya seluas perjalanan empat ratus tahun. Kemudian dia mengalihkan bunga yasmin dari dadanya ke hidungnya seraya menciumnya dengan penuh kelembutan hingga sampai terompet dibunyikan. Setelah itu, keluarganya datang satu-dua kali setiap harinya. Dia pun memberitahu mereka dan mendoakan mereka agar diberikan kebaikan dan diterima di sisi-Nya.”)

Jika ada di antara anaknya yang belajar al-Quran, akan disampaikan kepadanya berita gembira mengenai hal itu. Jika ada di antara anaknya belajar keburukan, dia akan mendatangnya pagi dan petang hari seraya menangis kerananya hingga terompet dibunyikan.

Al-Hafizh Abu Musa al-Madini mengatakan, “Ini adalah hadis *hasan* yang diriwayatkan oleh Ahmad ibn Hanbal dan AbuKhaitamah dari Abu Abdirrahman al-Muqri dengan sanad yang disengkaurkan pada ‘Ubadah ibn aš-Šamit.”

Kesembilan, hadis Ibn ‘Abbas, iaitu yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi. Dia menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Umar, bagaimana pendapatmu jika kematian menjemputmu, lalu dibuatkan lubang kubur dengan ukuran tiga depa satu jengkal kali satu depa satu jengkal. Kemudian datang kepadamu malaikat Munkar dan Nakir dengan kulit warna hitam sembari menyeret rambut mereka,

seakan-akan suara keduanya seperti petir yang sangat keras, sedangkan kedua mata mereka seperti kilat yang sangat terang. Keduanya menggali lubang dengan taring-taring mereka, kemudian mendudukanmu dalam posisi ketakutan, lalu menggoncang-goncang dan menakutimu?”

‘Umar menjawab, “Ya Rasulullah, apakah pada hari itu keadaanku seperti keadaanku sekarang ini?”

“Ya”, jawabnya.

Lalu ‘Umar berkata, “Ya Rasulullah, dengan izin Allah aku akan menjawab keduanya.”

Masih dari Ibn ‘Abbas dengan sanad hasan, diriwayatkan bahawa Nabi s.a.w, bersabda:

Sesungguhnya seorang mayat akan mendengar suara sengkaul mereka (orang-orang yang menghantarkannya) ketika mereka meninggalkannya. Setelah itu, dia didudukan, lalu ditanya, “Siapakah Tuhanmu?”

“Allah”, jawabnya.

“Apa agamamu?”

Dia menjawab, “Islam.”

Pertanyaan selanjutnya, “Siapa Nabimu?”

“Muhammad”, sahutnya.

“Apa ilmumu?”

Dia kembali menjawab, “Aku mengetahui, mempercayai, serta meyakinkannya semua yang dibawa al-Quran.”

Setelah itu, dilapangkan baginya kuburnya seluas pandangan mata dan rohnya akan ditempatkan bersama arwah orang-orang yang beriman.

(Hadis riwayat Imam al-Baihaqi)

Masih dari Ibn ‘Abbas, dengan sanad *hasan*, diriwayatkan bahawa nama kedua malaikat yang datang ke dalam kubur adalah Munkar dan Nakir.”

(Hadis riwayat at-Tabrani)

Sedangkan menurut riwayat Ibn Abu Hatim dan al-Baihaqi, Ibn 'Abbas mengatakan bahawa jika seorang mukmin menghadapi kematian, akan datang kepadanya para malaikat. Mereka mengucapkan salam kepadanya serta menyampaikan berita gembira berupa syurga. Jika dia telah meninggal dan dibawa ke kubur, mereka akan berjalan menuju jenazahnya dan mengerjakan solat bersama orang-orang yang mengerjakannya. Jika telah dikebumikan, dia didudukkan di kuburnya dan dikatakan kepadanya, "Siapa Tuhanmu?"

"Allah, Tuhanku", jawabnya.

Ditanya lagi, "Siapa Rasulullahmu?"

"Muhammad", sahutnya.

"Apa pula kesaksianmu?"

"Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad adalah Rasulullah."

Yang demikian itu adalah makna firman Allah:

يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ

Allah meneguhkan (iman) orang-orang yang beriman dengan ucapan yang teguh itu.

(Surah Ibrahim: 27)

Selanjutnya dilapangkan baginya kuburnya seluas pandangan mata.

Sementara bagi orang kafir, akan turun kepadanya para malaikat. Lalu mereka membentangkan tangannya dan memukul wajah dan punggungnya pada saat kematian menjemputnya. Jika sudah dimasukkan ke lubang kubur, dia didudukkan. Selanjutnya ditanyakan, "Siapa Tuhanmu?"

Dia tidak memberikan jawapan sama sekali. Allah menjadikannya lupa menyebutkan jawapan tersebut. Jika ditanyakan, "Siapa Rasulullah yang diutus kepadamu?"

Sama sekali dia tidak mendapat petunjuk dan memberikan jawapan. Demikian itulah makna firman Allah:

وَيُضِلُّ اللَّهُ الظَّالِمِينَ

Allah menyesatkan orang-orang yang zalim.

(Surah Ibrahim: 27)

Masih dari Ibn 'Abbas, kali ini diungkapkan oleh Juwaybir dalam tafsirnya. Dia menuturkan riwayat dari adh-Dhahak bahawa Rasulullah s.a.w. pernah mendatangi jenazah seorang dari kaum Anşar dan ikut menghantarkannya sampai ke kubur, tetapi belum dibuatkan lubang kubur untuknya. Kemudian beliau duduk dan diikuti oleh orang-orang. Di atas mereka seakan-akan terdapat burung. Beliau mengarahkan pandangannya ke tanah seraya menghentak-hentakkan tongkat yang berada di tangannya, lalu mengarahkan pandangannya ke atas serta mengucapkan doa tiga kali, "Aku berlindung kepada Allah dari azab kubur."

Selanjutnya beliau menuturkan:

Sesungguhnya jika seorang mukmin berangkat menuju akhirat dan meninggalkan dunia, akan datang kepadanya malaikat maut dan duduk di sisi kepalanya, lalu turun kepadanya para malaikat dengan membawa sedikit hadiah dari syurga, minyak wangi dan pakaian dari syurga. Selanjutnya mereka duduk dalam jarak sejauh pandangan mata pada dua sisi. Setelah itu, malaikat maut mulai menyampaikan berita gembira dan disusul oleh para malaikat tersebut, lalu nyawanya mengalir seperti percikan air yang mengalir dari mulut tempat minum, kerana perasaan bahagia atas berita gembira yang disampaikan oleh malaikat maut. Bahkan ketika malaikat maut mencabut nyawanya, para malaikat itu tidak meninggalkannya meski hanya sekejap mata, sehingga mereka mengambil dan membuainya dengan apa yang dibawanya dari syurga. Bau wangi pun segera memenuhi seluruh belahan antara langit dan bumi. Kemudian para malaikat yang ada di langit bertanya, "Betapa harumnya bau ini."

Malaikat pengiring itu menjawab, "Ini adalah bau roh si fulan, seorang mukmin yang dicabut nyawanya hari ini."

Kemudian mereka mengerjakan solat untuknya. Jika sudah sampai ke langit, terbukalah pintu langit untuknya, pintu yang selama ini dirindukan untuk dimasukinya. Hingga ketika mereka masuk dari pintu amalnya, pintu tersebut menangis. Mereka tidak melintasi penduduk di langit melainkan penduduk di sana mengucapkan, "Selamat datang untuk roh yang baik ini, yang menerima wasiat Tuhannya."

Akhirnya mereka tiba di Sidratul Muntaha. Malaikat maut dan para malaikat yang turun menjemputnya itu kemudian berkata, “Ya Tuhan kami, kami telah mencabut nyawa fulan ibn fulan, seorang mukmin.”

Allah lebih tahu mengenai dirinya daripada mereka itu. Lalu Allah berfirman, “Kembalikan dia ke bumi, kerana darinya aku menciptakannya, kepadanya pula aku mengembalikannya dan pada saat yang lain Aku akan mengeluarkannya. Sesungguhnya dia mendengar suara sengkaul kalian dan suara tangan kalian ketika kalian pulang meninggalkannya.”

Kemudian datang kepadanya tiga malaikat: dua malaikat dari kalangan malaikat pembawa rahmat dan satu malaikat dari kalangan malaikat pemberi seksa. Pada saat itu, amal solehnya telah mengelilinginya. Amal solat berada di kedua kakinya; puasa berada di sisi kepalanya; zakat berada di sebelah kanannya; sedekah berada di sebelah kirinya; sementara kebaikan dan akhlak mulianya berada di dadanya. Setiap kali malaikat pemberi seksaan hendak mendekatinya, amal solehnya segera menahan dan menolaknya. Kemudian malaikat tersebut berdiri dengan membawa palu yang jika penduduk bumi ini berkumpul untuk mengangkat palu tersebut, mereka tidak akan mampu melakukannya, lalu malaikat itu berkata, “Wahai hamba yang soleh, kalau tidak kerana engkau telah dikelilingi oleh amalan solat, puasa, zakat dan sedekah, nescaya aku sudah memukulmu dengan palu ini dengan satu pukulan yang menjadikan kuburmu menyalakan api. Dia (si mayat) itu adalah milik kalian berdua (malaikat pembawa rahmat) dan kalian berdua untuknya.”

Setelah malaikat pemberi seksaan naik ke langit, masing-masing dari malaikat pembawa rahmat itu saling berkata, “Berlemah-lembutlah kepada wali Allah ini, kerana dia telah datang dari sesuatu yang sangat menakutkan.”

Kemudian mereka bertanya, “Siapa Tuhanmu?”

“Allah”, jawabnya.

“Apa agamamu?” tanyanya.

“Islam agamaku”, jawabnya.

“Siapa Nabimu?”

“Muhammad Nabiku.”

Lebih lanjut mereka bertanya, “Apa yang kamu ketahui?”

Dia menjawab, “Aku telah membaca Kitabullah, beriman dan meyakinkannya.”

Ketika sampai pada hal itu, mereka berdua menghardiknya. Itulah ujian terbesar yang diperlihatkan kepada orang mukmin. Setelah itu, ada suara berseru dari langit, “Benar apa yang dikatakan hamba-Ku itu. Oleh kerana itu, sediakanlah untuknya tempat tidur dari syurga, pakaikan kepadanya pakaian dari syurga, serta minyak wangi dari syurga juga. Luaskanlah baginya kuburnya sejauh pandangan mata, serta bukakanlah baginya salah satu pintu syurga di sisi kepalanya dan pintu lainnya di sisi kedua kakinya.”

Kemudian keduanya mengatakan kepadanya, “Tidurlah seperti pengantin di biliknya yang dipenuhi hiasan, tanpa sama sekali merasakan azab kubur.”

Dia pun berucap, “Tuhanku, datangkanlah Hari Kiamat agar aku dapat kembali ke keluargaku, hartaku, serta apa yang Engkau sediakan untukku.”

Ia kemudian dibangkitkan dari kuburnya pada Hari Kiamat kelak dengan wajah cerah nan putih.

Kesepuluh, hadis Ibn ‘Umar, antara lain yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi dalam *al-Zuhd* dan Ibn ‘Asakir dengan sanad *munqati’*. Dia pernah berkata kepada seseorang, “Saudaraku, engkau tidak mengetahui bahawa kematian itu berada di hadapanmu, tidak mengetahui kapan datang: pagi, petang, malam, atau siang. Engkau pun tidak mengetahui alam kubur yang merupakan tempat mengawasi (keadaan di akhirat); tentang Munkar dan Nakir; serta tentang datangnya Hari Kiamat, iaitu hari digiringnya orang-orang yang mengerjakan kebatilan.”

Dalam *Musnad al-Firdaws*, ad-Dailami juga menuturkan hadis dari Ibn ‘Umar, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Biasakanlah lisan kalian mengucapkan kalimat *La ilaha illa Allah wa anna Muhammad ar-Rasulullah*; Allah Tuhan kami, Islam agama kami dan Muhammad Nabi kami.” Sebab, kalian akan ditanyai hal itu kelak di dalam kubur kalian.” (Dalam sanadnya itu terdapat ‘Uthman ibn Maṭar)

Masih dari Ibn ‘Umar, kali ini diriwayatkan oleh Ahmad, aṭ-Ṭabrani, Ibn ‘Adi dengan *sanad* sahih, Ibn Abi ad-Dunya dan al-Ajiri dalam *Asy-Syari’ah*, bahawa Rasulullah s.a.w. pernah menyebutkan mengenai penguji kubur. Oleh kerana itu, ‘Umar bertanya, “Apakah akal kita akan dikembalikan lagi ke kita, ya Rasulullah?”

Beliau menjawab, “Ya, seperti keadaan kalian sekarang ini.”

Kesebelas, hadis Ibn Mas‘ud, yang antara lain diriwayatkan oleh aṭ-Ṭabrani dalam *al-Kabir* dengan sanad *hasan* dan al-Baihaqi. Dia mengatakan bahawa jika seorang mukmin itu meninggal, dia didudukkan di kuburnya, lalu dikatakan kepadanya, “Siapa Tuhanmu? Apa agamamu? Siapa Nabimu?”

Kemudian dia menjawab, “Allah Tuhanku, Islam agamaku dan Muhammad Nabiku.”

Selanjutnya dilapangkan baginya kuburnya dan dibahagiakan dia di dalamnya.

Lalu Ibn Mas‘ud membaca firman Allah s.w.t.:

يُشِيتُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ

Allah meneguhkan (iman) orang-orang yang beriman dengan ucapan yang teguh itu.

(Surah Ibrahim: 27)

Sedangkan jika orang kafir telah dimasukkan ke lubang kubur, dia didudukkan di dalamnya, lalu ditanya, “Siapa Tuhanmu? Apa agamamu? Siapa Nabimu?”

Dia menjawab, “Aku tidak tahu.”

Lalu disempitkan kuburnya untuknya dan diberikan seksaan di dalamnya. Kemudian Ibn Mas‘ud membaca ayat:

وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكًا

Siapa sahaja yang berpaling dari peringatan-Ku, sesungguhnya baginya penghidupan yang sempit.

(Surah Ṭaha: 124)

Masih dari Ibn Mas‘ud, Ibn Abi Syaibah dan al-Baihaqi menuturkan:

Sesungguhnya salah seorang di antara kalian akan didudukkan di kuburan kalian dan ditanya, “Siapa engkau ini?”

Jika dia seorang mukmin, dia akan menjawab, “Aku adalah hamba Allah, baik dalam keadaan hidup atau mati. Aku bersaksi bahawa tidak ada Tuhan selain Allah dan bahawa Muhammad adalah hamba sekaligus Rasul-Nya.”

Kemudian dilapangkan baginya kuburnya sesuai dengan yang dikehendaki, hingga dia mengetahui tempatnya yang ada di syurga. Turun juga kepadanya pakaian dari syurga.

Sedangkan orang kafir, akan ditanyakan, “Siapa engkau ini?”

Dia akan menjawab, “Tidak tahu.”

Dikatakan kepadanya tiga kali, “Engkau tidak tahu?”

Kemudian disempitkan kuburnya sehingga tulang rusuknya bercerai-berai.

Lalu dikirimkan kepadanya ular-ular dari semua sisi kuburnya yang kemudian menggigit dan memakannya. Jika merasa kesakitan, dia akan berteriak. Dililitkan pula kepadanya lilitan dari api atau besi serta dibukakan baginya pintu menuju neraka.

Masih dari Ibn Mas’ud, al-Ajiri dalam *asy-Syari’ah* menuturkan bahawa jika seorang hamba itu meninggal, Allah mengutus kepadanya beberapa malaikat untuk mencabut nyawanya dalam kafannya. Jika telah diletakkan di dalam kubur, Allah mengutus kepadanya dua malaikat untuk menghardik dan bertanya, “Siapa Tuhanmu?”

“Allah Tuhanku”, jawabnya.

“Apa agamamu?” tanyanya lagi.

Jawabnya, “Islam agamaku.”

“Lalu, siapa Nabimu?” tanya mereka.

Dia menjawab, “Muhammad Nabiku.”

Kemudian keduanya mengatakan, “Engkau benar. Berikanlah kepadanya tempat tidur dari syurga, pakaian dari syurga dan perlihatkan kepadanya tempatnya di syurga.”

Jika orang kafir yang meninggal, dia akan dipukul dengan pukulan yang boleh membuat kuburnya menyala. Malaikat menyempitkan kuburnya hingga tulang rusuknya tercerai-berai dan dibangkitkan untuknya ular-ular kubur sebesar leher unta.

Dalam bukunya, *Syarh as-Sunnah*, al-Khalal juga menuturkan riwayat dari Ibn

Mas'ud. Dia mengatakan, "Jika kematian menjemput seorang mukmin, akan datang pula kepadanya malaikat maut seraya berseru, 'Wahai roh yang baik, keluarlah dari jasad yang baik itu.'"

Jika rohnya telah keluar dari jasadnya, dia dibungkus dengan secarik kain berwarna merah. Jika sudah dimandikan dan dikafani serta dibawa ke tempat pembaringannya, rohnya itu pun ikut naik ke atas tempat pembaringan; ke mana tempat pembaringannya itu pindah, ke situ pula dia ikut pindah, hingga diletakkan di dalam kuburnya. Jika sudah diletakkan di kuburnya, dia didudukkan, lalu dibawa dan dikembalikan kepadanya rohnya. Kemudian ditanyakan kepadanya, "Siapakah Tuhanmu? Apa agamamu?"

Dia menjawab, "Allah Tuhanku, Islam agamaku dan Muhammad Nabiku."

Lebih lanjut dikatakan kepadanya, "Engkau benar."

Setelah itu dilapangkan kuburnya sejauh pandangan mata dan rohnya dibawa kembali naik dan diletakkan di 'Illiyin. Kemudian 'Abdullah Ibn Mas'ud membacakan ayat:

كَلَّا إِنَّ كِتَابَ الْآبَرَارِ لَفِي عِلِّيِّينَ ﴿١٨﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا عِلِّيُّونَ ﴿١٩﴾ كِتَابٌ مَرْقُومٌ ﴿٢٠﴾

Sesungguhnya kitab orang-orang berbakti itu (tersimpan) di 'Illiyin. Tahukah kamu apakah 'Illiyin itu? Iaitu kitab yang bertulis.

(Surah al-Mutaffifin: 18-20)

Dia mengatakan, "Iaitu di langit yang ke tujuh."

Sementara orang kafir akan ditanya, "Siapa engkau ini?"

Dia akan menjawab, "Tidak tahu."

Dikatakan kepadanya tiga kali, "Engkau benar-benar tidak tahu."

Kemudian disempitkan kuburnya hingga tulang rusuknya bercerai-berai. Setelah itu, Ibn Mas'ud membacakan ayat:

كَلَّا إِنَّ كِتَابَ الْفَجَّارِ لَفِي سِجِّينَ ﴿٧﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا سِجِّينَ ﴿٨﴾ كِتَابٌ مَرْقُومٌ ﴿٩﴾

Sesungguhnya kitab orang yang derhaka itu tersimpan dalam Sijjin. Tahukah kamu apakah Sijjin itu? Itulah kitab yang bertulis.

(Surah al-Mutaffifin: 7-9)

Ibn Mas'ud mengatakan, "Ia berada di bumi lapisan ke tujuh."

Kedua belas, hadis 'Uthman ibn 'Affan, yang diriwayatkan oleh AbuDaud, al-Hakim dan al-Baihaqi. Dia menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah melintasi satu jenazah yang berada di kubur, sementara sahabat beliau menguburkannya. Beliau kemudian bersabda, "Mohonkanlah ampunan untuk saudara kalian dan mintakan keteguhan untuknya, kerana sekarang dia sedang ditanya."

Ketiga belas, hadis 'Umar ibn al-Khattab antara lain diriwayatkan oleh AbuDaud dalam *al-Ba'th* dan al-Hakim dalam *at-Tarikh* serta al-Baihaqi dalam *'Adzab al-Qabr*. Dia menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah berkata kepadanya, "Bagaimana jika engkau berada di dalam kubur berukuran empat depa kali dua depa, sementara engkau melihat Munkar dan Nakir?"

'Umar menjawab, "Ya Rasulullah, siapakah Munkar dan Nakir itu?" Beliau menjawab, "Keduanya adalah penguji di kubur, yang menggali tanah dengan taring-taringnya dan menginjakkan kakinya di atas rambutnya. Suara keduanya laksana petir yang keras dan pandangan keduanya seperti kilat yang sangat terang. Keduanya membawa palu besar yang jika penduduk bumi ini berkumpul untuk mengangkatnya nescaya mereka tidak akan mampu mengangkatnya. Akan tetapi, bagi mereka berdua, palu itu lebih ringan daripada tongkatku ini. Lalu keduanya akan mengujimu. Jika kamu tidak mampu menjawabnya atau menyimpang (dari jawapan yang benar), dia akan memukulmu dengan pukulan yang menjadikan dirimu seperti abu."

Kemudian ditanyakan, "Ya Rasulullah, apakah keadaanku seperti ini?" "Ya", jawab beliau.

Lebih lanjut 'Umar mengatakan, "Aku akan memenuhinya."

Sementara Abu Nu'aim, Ibn Abi ad-Dunya, al-Ajiri dan al-Baihaqi, berdasarkan riwayat dari 'Ata' ibn Yasar, menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda kepada 'Umar ibn al-Khattab r.a. "'Umar, bagaimana jika engkau meninggal, lalu orang-orang membuatkan lubang kubur untukmu dengan ukuran tiga depa satu jengkal kali satu depa satu jengkal. Lalu mereka pulang dan memandikan, mengkafani dan melaburimu dengan minyak; kemudian mereka membawamu hingga akhirnya meletakkanmu di dalam lubang tersebut; dan setelah itu mereka menutup lubang itu dengan tanah. Jika mereka pulang meninggalkanmu, para penguji di kubur

mendatangi, iaitu: Munkar dan Nakir. Suara mereka berdua seperti petir yang sangat keras dan pandangannya seperti kilat yang sangat terang. Kemudian mereka menggongcang-goncang dirimu, berbicara banyak denganmu dan menakutkanmu. Bagaimana keadaanmu pada saat itu, wahai ‘Umar?’

‘Umar bertanya, “Ya Rasulullah, apakah pada saat itu aku memiliki akal?”

“Ya”, jawab beliau.

Hadis ini *mursal* dan para perawinya *thiqah* (terpercaya)

Keempat belas, hadis Mu‘adz, yang antara lain diriwayatkan oleh al-Bazzar. Dia menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

Sesungguhnya rumah yang di dalamnya dibaca al-Quran, akan terbentang di atasnya tenda dari cahaya, yang dijadikan penerang oleh penduduk langit, sebagaimana penduduk bumi ini menggunakan bintang yang bercahaya layaknya mutiara di dasar laut dan di tengah gurun. Jika pembaca al-Quran itu meninggal, tenda tersebut akan diangkat, sedangkan para malaikat melihatnya dari langit, tetapi orang-orang tidak melihat cahaya tersebut. Kemudian para malaikat menjemputnya dari langit ke langit, lalu mereka mengerjakan solat atas roh orang itu yang berada di tengah-tengah para arwah. Setelah itu, mereka memohonkan ampunan untuknya sampai hari kebangkitan. Tidaklah seseorang mempelajari Kitabullah dan mengerjakan solat di suatu malam, melainkan malam yang telah berlalu itu akan bertaunan kepada malam berikutnya untuk mengingatkannya akan waktunya dan memintanya agar bersikap lembut kepadanya.

Jika dia meninggal dan keluarganya sudah siap menguburkannya, al-Quran datang dalam penampilan yang sangat bagus dan indah, lalu berdiri di samping kepalanya hingga naik ke kain kafan, sehingga dia berada di atas dadanya di dalam kafan. Jika telah diletakkan di lubang kubur, lalu ditutup dengan tanah, kemudian ditinggal pulang oleh semua sahabatnya, akan datang kepadanya Munkar dan Nakir. Keduanya mendudukkannya di dalam kuburnya, lalu al-Quran berjalan hingga berada di antara si mayat itu dengan kedua malaikat.

Keduanya berkata kepada al-Quran, “Menjauhlah dari kami sehingga kami dapat mengajukan pertanyaan kepadanya.”

Al-Quran menjawab, “Tidak, demi Pemelihara Ka’bah, dia adalah sahabat

sekaligus teman dekatku dan aku tidak akan pernah mencelanya. Jika kalian diperintahkan melakukan sesuatu terhadapnya, laksanakanlah sebagaimana yang telah diperintahkan dan biarkan aku berada di tempatku. Sesungguhnya aku tidak akan pernah berpisah dengannya hingga aku dapat memasukkannya ke syurga.”

Selanjutnya al-Quran itu melihat ke arah si mayat itu seraya berucap, “Aku ini al-Quran yang dahulu pernah engkau baca dengan suara lantang dan suara pelan. Engkau mencintaiku sehingga aku kini menjadi kekasihmu. Barangsiapa yang aku cintai, Allah pun akan mencintainya. Setelah pertanyaan yang diajukan Munkar dan Nakir ini, tidak ada lagi pada dirimu kesusahan dan kesedihan.”

Setelah itu, Munkar dan Nakir mengajukan pertanyaan kepadanya, kemudian mereka berdua naik lagi ke langit hingga yang ada tinggal dia bersama al-Quran. Al-Quran itu berkata, “Aku pasti akan menyediakan untukmu kasur yang lembut dan menyelimutimu dengan selimut yang bagus lagi indah, sebagaimana aku telah membangunkanmu sepanjang malammu dan menjadikanmu haus pada siang harimu.”

Selanjutnya al-Quran naik ke langit secepat kejapan mata dan meminta tempat tidur dan selimut tersebut. Allah pun memberinya. Lalu seribu malaikat yang didekatkan dengan Allah yang berada di langit lapisan keenam turun membawanya. Setelah itu, al-Quran datang lagi kepadanya seraya bertanya, “Apakah engkau masih merasa takut setelah keberadaanku ini? Kepergianku meninggalkanmu adalah untuk meminta tempat tidur, selimut dan pelita kepada Allah. Kini aku telah datang kepadamu dengan membawa semua itu. Bangunlah agar malaikat dapat membentangkan tempat tidurmumu.”

Selanjutnya para malaikat itu membangunkannya dengan pelan dan lembut, lalu melapangkan kuburnya seluas perjalanan empat ratus tahun. Kemudian dibentangkan lapisan tempat tidur yang terbuat dari sutera yang dipenuhi bau harum. Pada kedua kaki dan kepalanya ada kain dari sutera lembut dan sutera kasar; dipancarkan sinar dari syurga pada kedua kaki dan kepalanya, sehingga keduanya bersinar sampai Hari Kiamat.

Selanjutnya malaikat menidurkannya pada tubuh sebelah kanan dengan menghadap kiblat. Setelah itu, dibawakan bunga yasmin (melati) dari syurga, sehingga dia tetap bersamanya beserta al-Quran sampai hari kebangkitan kelak.

Setelah itu, al-Quran kembali pulang kepada keluarga orang tersebut (si mayat) dan memberitahukan kepada mereka berita tentang dirinya setiap hari dan malam. Selain itu, al-Quran juga menjaganya sebagaimana orang tua menjaga anaknya.

Jika seseorang dari anaknya belajar al-Quran, dia akan diberitahu mengenai hal itu. Jika anaknya itu anak jahat, dia akan mengajak mereka untuk berbuat baik dan ke jalan yang benar.

Hadis di atas adalah *gharib*. Di antara para perawinya terdapat *jahalah* (ketidaktahuan) dan *inqiṭa'* (keterputusan)

Kelima belas, hadis Abu ad-Darda', yang diriwayatkan oleh Ibn al-Mubarak dalam *al-Zuhd*, Ibn Abi Syaibah, al-Ajiri dan al-Baihaqi. Dia menuturkan:

Ada seseorang yang berkata kepadaku, "Ajari aku kebaikan yang dengannya Allah akan mengambil manfaat dariku."

Abu ad-Darda' kemudian menuturkan, "Tidak, tetapi Fikirkanlah bagaimana jika engkau tidak mendapatkan bahagian dari bumi ini kecuali seluas empat depa kali dua depa (kubur). Saat itu, keluargamu yang tidak menyukai perpisahan denganmu dan saudara-saudaramu yang merasa sangat sedih atas dirimu akan mendatangimu dan memasukkanmu di lubang tersebut, kemudian mereka menutupnya dengan tanah. Setelah itu, datang kepadamu dua malaikat yang berwarna biru dalam keadaan acak-acakan, yang disebut Munkar dan Nakir. Keduanya bertanya, 'Siapakah Tuhanmu? Apa agamamu? Siapa Nabimu?' Jika engkau mengatakan, 'Allah Tuhanku, Islam agamaku, Muhammad Nabiku', bererti engkau telah mendapatkan hidayah dan keselamatan. Engkau tidak akan dapat melakukan itu kecuali jika Allah telah memberikan keteguhan. Jika engkau menjawab, 'Tidak tahu', bererti engkau telah tersesat dan mendapat kebinasaan."

Keenam belas, hadis Abu Sa'id al-Khudri yang diriwayatkan oleh Ahmad, al-Bazzar, Ibn Abi ad-Dunya, Ibn 'Aṣim, Ibn Mardawayh dan al-Baihaqi, dengan sanad *ṣahih*. Dia menuturkan bahawa bersama Rasulullah s.a.w. Dia pernah mengunjungi satu jenazah, lalu baginda bersabda:

Wahai sekalian manusia, sesungguhnya umat ini akan diuji di dalam kuburnya. Oleh kerana itu, jika seseorang telah dikuburkan dan ditinggalkan oleh para sahabatnya, dia akan didatangi malaikat maut yang di tangannya terdapat

palu. Kemudian malaikat itu mendudukkannya seraya bertanya, “Bagaimana pengakuanmu mengenai orang ini (Muhammad)?”

Jika si mayat itu seorang mukmin, dia akan menjawab, “Aku bersaksi bahawa tidak ada Tuhan selain Allah dan Muhammad adalah hamba sekaligus Rasul-Nya.”

“Engkau benar”, sahutnya.

Kemudian dibukakan baginya pintu menuju ke neraka dan sang malaikat berkata, “Ini sebenarnya adalah tempat tinggalmu jika engkau ingkar kepada Tuhanmu. Akan tetapi, jika engkau beriman, berikut ini adalah tempat tinggalmu.”

Lalu dibukakan baginya pintu menuju ke syurga. Kemudian ketika dia (si mayat) ingin bangun dan mendekatinya, malaikat berkata, “Tetap di tempat.”

Setelah itu dilapangkan baginya kuburnya.

Akan tetapi, jika dia seorang yang kafir atau munafik, akan dikatakan kepadanya, “Bagaimana pengakuanmu mengenai orang ini?”

Dia akan menjawab, “Tidak tahu, aku memang pernah mendengar orang-orang menyatakan sesuatu tentang dirinya.”

Sang malaikat berkata, “Engkau sama sekali tidak tahu, tidak mengerti dan tidak mendapat petunjuk!”

Kemudian dibukakan baginya pintu menuju ke syurga, lalu malaikat itu berkata, “Ini sebenarnya adalah tempat tinggalmu, jika engkau beriman kepada Tuhanmu. Akan tetapi, jika engkau ingkar kepada-Nya, Allah menggantikan tempat tinggal itu dengan yang berikut ini.”

Lalu dibukakan baginya pintu menuju ke neraka dan selanjutnya malaikat memukulnya dengan palu yang suaranya dapat didengar oleh semua makhluk Allah, kecuali dua jin dan manusia.

Sebahagian orang mengatakan, “Ya Rasulullah, tidak seorang pun yang berhadapan dengan malaikat yang membawa palu melainkan dia akan merasa ketakutan.”

Lalu Rasulullah s.a.w. membacakan ayat:

يُشَبِّهُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ

Allah meneguhkan (iman) orang-orang yang beriman dengan ucapan yang teguh itu.

(Surah Ibrahim: 27)

Ketujuh belas, hadis Abu Rafi', yang antara lain diriwayatkan oleh at-Ṭabrani dan Abu Nu'aim dalam *Dala'il an-Nubuwwah*. Dia menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah melintasi suatu kubur. Beliau kemudian bersabda, "Celaka, celaka, celaka!"

Lalu ditanyakan, "Ya Rasulullah, demi ayah dan ibuku, tidak ada orang bersamamu kecuali aku, apakah kerana diriku engkau berkata seperti itu?"

Beliau menjawab, "Tidak, tetapi aku mengatakan itu kerana penghuni kubur ini ditanya mengenai diriku namun dia merasa ragu terhadap diriku."

Masih dari Abu Rafi', dia meriwayatkan, "Ketika aku sedang bersama Rasulullah s.a.w. berada di Baqi' al-Gharqad, sementara aku berjalan di belakangnya, tiba-tiba baginda bersabda, 'Engkau tidak diberikan petunjuk dan tidak mendapat petunjuk.' Kemudian kutanyakan, 'Ya Rasulullah, apa gerangan yang terjadi denganku?' Beliau menjawab, 'Bukan engkau yang aku maksudkan, tetapi yang aku maksud adalah penghuni kubur ini. Dia ditanya tentang diriku, tetapi dia mengaku tidak mengetahui siapa diriku.' Ternyata ada sebuah kubur yang di atasnya tersiram air ketika penghuninya dikuburkan."

Kelapan belas, hadis Abu Qatadah al-Ansari, yang diriwayatkan Ibn Abi Hatim, at-Ṭabrani dan Ibn Mundah. Dia menuturkan:

Sesungguhnya jika seorang mukmin meninggal, dia akan didudukkan di dalam kuburnya, lalu ditanyakan kepadanya, "Siapa Tuhamu?"

"Allah", jawabnya.

Ditanyakan lagi, "Siapa Nabimu?"

"Muhammad ibn 'Abdillah", sahutnya.

Hal itu ditanyakan sebanyak tiga kali. Kemudian dibukakan baginya pintu menuju ke neraka dan dikatakan kepadanya, "Lihat ke tempat tinggalmu jika sahaja engkau menyimpang dari kehendak-Nya."

Setelah itu, dibukakan pintu syurga dan dikatakan kepadanya, “Lihat ke tempat tinggalmu di syurga, kerana engkau teguh meyakiniNya.”

Jika seorang kafir meninggal, dia akan didudukkan di kuburnya dan ditanyakan kepadanya, “Siapakah Tuhanmu? Siapa nabimu?”

“Aku tidak tahu, aku memang pernah mendengar orang-orang mengatakan sesuatu”, jawabnya.

Lalu dikatakan kepadanya, “Kamu benar-benar tidak tahu!”

Setelah itu, dibukakan baginya pintu syurga dan dikatakan, “Lihat ke tempat tinggalmu itu seengkauinya kamu benar-benar teguh beriman.”

Lalu dibukakan baginya pintu neraka dan dikatakan, “Lihat ke tempatmu kerana kamu menyimpang.”

Demikianlah makna firman Allah s.w.t.:

يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ

Allah meneguhkan (iman) orang-orang yang beriman dengan ucapan yang teguh itu dalam kehidupan dunia.”

(Surah Ibrahim: 27)

Abu Qatadah mengatakan, “*La Ilaha illa Allah* di dunia dan di akhirat.”

Lebih lanjut dia menuturkan, “Pertanyaan itu diajukan di alam kubur.”

Kesembilan belas, hadis Abu Hurairah, yang antara lain diriwayatkan oleh at-Tirmidzi yang sekaligus menghasankannya, Ibn Abi ad-Dunya, al-Ajiri, Ibn Abi Asim dan al-Baihaqi. Dia menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

Jika seorang mayat telah dikuburkan, akan datang kepadanya dua malaikat berwarna hitam kebiru-biruan, yang satu bernama Munkar dan yang lainnya bernama Nakir. Keduanya menanyakan, “Bagaimana pengakuanmu mengenai orang ini (Muhammad)?”

Dia menjawab, “Dia adalah hamba sekaligus Rasul-Nya. Aku bersaksi bahawa tidak ada Tuhan kecuali Allah dan Muhammad adalah hamba sekaligus Rasul-Nya.”

Lebih lanjut mereka berdua mengatakan, “Kami tahu bahawa engkau akan mengatakan hal itu.”

Lalu dilapangkan baginya kuburnya seluas tujuh puluh depa kali tujuh puluh depa, kemudian dipancarkan sinar ke dalamnya dan dikatakan kepadanya, “Tidurlah.”

Si mayat itu berkata, “Pulangkan aku ke keluargaku agar aku dapat memberitahu mereka.”

“Sudah, tidur sahaja engkau seperti tidurnya sepasang pengantin yang bangun.”

Hal itu berlangsung hingga Allah membangkitkannya dari tidurnya tersebut.

Jika mayat itu seorang munafik, dia akan menjawab, “Aku pernah mendengar orang-orang mengatakan sesuatu sehingga aku pun melakukan hal yang sama. Aku tidak tahu.”

Kedua malaikat itu berucap, “Kami sudah tahu bahawa kamu akan mengatakan hal itu.”

Kemudian dikatakan kepada bumi, “Himpitlah dia!”

Bumi lalu menghimpitkan diri sehingga tulang rusuk orang itu tercerai-berai dan dia masih terus disiksa hingga Allah membangkitkannya dari tempat itu.

Diriwayatkan aṭ-Ṭabrani dalam *al-Awsaṭ* dan Ibn Mardawayh, masih dari Abu Hurairah. Dia menuturkan bahawa dia pernah mengunjungi satu jenazah bersama Rasulullah s.a.w. Setelah pengebumian usai dilakukan dan orang-orang pun telah kembali pulang, baginda bersabda:

Sesungguhnya sekarang ini dia mendengar suara sengkaul kalian. Dia didatangi malaikat Munkar dan Nakir; mata mereka seperti kuali yang terbuat dari tembaga, taring-taringnya seperti tanduk lembu dan suaranya seperti petir. Mereka berdua mendudukkannya dan menanyakan apa yang telah disembahnya dan siapa nabinya. Jika dia termasuk orang yang menyembah Allah, dia akan menjawab, “Aku telah menyembah Allah dan Nabiku adalah Muhammad yang telah datang kepada kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata, sehingga kami mempercayai dan mengikutinya.”

Demikianlah makna firman Allah s.w.t.:

يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ

*Allah meneguhkan (iman) orang-orang yang beriman dengan ucapan yang teguh
itu dalam kehidupan dunia dan akhirat.*

(Surah Ibrahim: 27)

Kemudian dikatakan kepadanya, “Dengan keyakinan itu engkau datang, dengannya engkau meninggal dan dengan keyakinan itu pula engkau akan dibangkitkan.”

Setelah itu, dibukakan baginya pintu menuju syurga dan dilapangkan baginya lubang kuburnya.

Jika dia termasuk orang yang ragu, dia akan mengatakan, “Tidak tahu, aku memang pernah mendengar orang-orang mengatakan sesuatu. Aku pun ikut mengatakannya.”

Lalu dikatakan kepadanya, “Dengan keraguan engkau datang, dengannya engkau meninggal dan dengannya pula engkau akan dibangkitkan.”

Kemudian dibukakan baginya pintu menuju neraka dan dibelitkan pada dirinya kalajengking dan ular, yang jika salah satunya menyemburkan nafasnya di dunia, tidak akan ada tumbuh-tumbuhan di atasnya. Semuanya menggigit dirinya. Lalu bumi diperintahkan untuk menghimpitnya hingga tulang rusuknya bercerai-berai.

Masih dari Abu Hurairah, dituturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

Demi Allah yang jiwaku berada di tangan-Nya, sesungguhnya jika seorang mayat telah diletakkan di dalam kuburnya, dia mendengar suara sengkaul orang-orang yang menghantarnya ketika mereka kembali pulang. Jika dia seorang mukmin, solat akan berada di kepalanya; zakat di sebelah kanannya; puasa di sebelah kirinya; sedangkan perbuatan baik, kebaikan dan *ihsan* berada di kedua kakinya. Kemudian dia didatangi malaikat dari sisi kepalanya, maka amalan solat mengatakan, “Tidak ada jalan masuk di sini.”

Lalu dia didatangi dari sebelah kanannya, maka amalan zakat berkata, “Tidak ada jalan masuk di sini.”

Didatangi juga dia di sebelah kirinya, amalan puasa mengatakan hal yang sama, “Tidak ada jalan masuk di sini.”

Setelah itu, dia didatangi dari sisi kedua kakinya, maka perbuatan baik, kebaikan dan *ihسان* mengatakan, “Tidak ada jalan masuk di sini.”

Selanjutnya dikatakan kepadanya, “Duduklah.”

Dia lantas duduk dan dikatakan kepadanya, “Beritahukan kepada kami apa yang telah kami tanyakan kepadamu.”

Dia menjawab, “Perkenankan aku mengerjakan solat.”

“Silakan mengerjakannya dan setelah itu tolong berikan jawapan apa yang telah kami tanyakan kepadamu.”

Dia balik bertanya, “Apa yang telah kalian tanyakan kepadaku?”

Dijawab, “Bagaimana pengakuanmu mengenai orang yang pernah hidup di tengah-tengah kalian ini, iaitu Muhammad?”

“Aku bersaksi bahawa dia adalah Rasulullah, beliau telah datang kepada kami dengan membawa bukti-bukti nyata dari Tuhan kami, sehingga kami pun mempercayai dan mengikutinya”, jawabnya.

Kemudian dikatakan, “Engkau benar, dengan kepercayaan itu engkau datang, dengannya engkau meninggal dan dengannya pula engkau akan dibangkitkan, insya Allah.

Selanjutnya dilapangkan baginya kuburnya seluas jangkauan pandangan mata. Demikianlah makna firman Allah s.wt.:

يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ
Allah meneguhkan (iman) orang-orang yang beriman dengan ucapan yang teguh
itu dalam kehidupan dunia dan akhirat.
(Surah Ibrahim: 27)

Kemudian dikatakan kepada para malaikat, “Bukanlah untuknya pintu menuju neraka.”

Lalu dibukakan baginya pintu neraka dan dikatakan kepadanya, “Inilah tempat

tinggalmu jika engkau berbuat maksiat kepada Allah.”

Dia pun semakin berbahagia. Lebih lanjut dikatakan kepada para malaikat, “Bukakanlah untuknya pintu syurga.”

Lantas dibukakan baginya pintu syurga dan dikatakan kepadanya, “Inilah tempat tinggalmu dan apa yang telah dijanjikan Allah kepadamu.”

Mendengar itu, kebahagiaannya pun semakin bertambah.

Selanjutnya jasadnya dikembalikan menjadi tanah seperti awal diciptakannya, sedangkan rohnya diterbangkan di udara yang baik, berbentuk burung berwarna hijau yang hinggap di pohon di syurga.

Sementara orang kafir, di dalam kuburnya dia akan didatangi dari sisi kepalanya, namun tidak terdapat sesuatu pun padanya; didatangi dari sisi dua kakinya, tidak didapatkan sesuatu apa pun. Dia duduk dalam keadaan takut dan tidak aman, lalu dikatakan, “Bagaimana pengakuanmu mengenai orang yang pernah hidup di tengah-tengah kalian ini dan apa pula kesaksianmu mengenai dirinya?”

Dia tidak mengenal namanya. Lalu dikatakan, “Muhammad namanya.”

Selanjutnya dia mengatakan, “Aku memang pernah mendengar orang-orang mengatakan sesuatu, sehingga aku pun mengatakan apa yang mereka katakan tersebut.”

Diakatakan, “Demikian itu keyakinanmu, dengannya engkau datang dan mati dan dengannya pula engkau akan dibangkitkan, insya Allah.”

Setelah itu disempitkan kuburnya hingga tulang rusuknya bercerai-berai. Demikianlah makna firman Allah s.w.t.:

وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكًا

Barangsiapa berpaling dari peringatan-Ku, sesungguhnya baginya penghidupan yang sempit.

(Surah Taha: 124)

Selanjutnya dikatakan, “Bukakanlah baginya pintu syurga.”

Lalu dibukakan baginya pintu syurga dan dikatakan kepadanya, “Inilah tempat tinggalmu dan apa yang telah dijanjikan Allah kepadamu jika engkau menaati-

Nya.”

Mendengar itu, penyesalannya pun semakin bertambah. Setelah itu, dibukakan pintu neraka dan dikatakan kepadanya, “Inilah tempat tinggalmu dan apa yang telah dijanjikan Allah kepadamu.”

Mendengar itu, kesedihan dan kerugiannya semakin bertambah.

(Hadis riwayat Hannad dalam *al-Zuhd*, Ibn Abi Syaibah, Ibn Jarir, Ibn Mundzir, Ibn Hibban, at-Tabrani dalam *al-Awsat*, Ibn Mardawayh, al-Ha-kim dan al-Baihaqi)

Abu ‘Umar adh-Dharir mengatakan, “Aku pernah berkata kepada Hammad ibn Salmah, ‘Apakah orang ini termasuk orang yang mengerjakan ibadah menghadap ke kiblat (Muslim)?’ Jawabnya, ‘Ya.’”

Lebih lanjut Abu ‘Umar mengatakan, “Orang ini memberikan kesaksian tersebut tidak berdasarkan keyakinan hatinya, tetapi dia hanya mendengar orang mengucapkan sesuatu sehingga dia ikut-ikutan mengucapkannya.”

Rasulullah s.a.w. bersabda, sebagaimana juga diriwayatkan oleh Abu Hurairah, “Di dalam kuburnya seseorang akan didatangi malaikat. Jika didatangi dari sisi kepalanya, bacaan al-Quran akan menahan dan menolaknya. Jika didatangi dari sisi kedua tangannya, sedekahnya akan melarangnya. Jika didatangi dari sisi kedua kakinya, perjalanannya ke masjid akan melarangnya. Kesabarannya yang berada di sisi lain berucap, ‘Jika aku melihat ada tempat yang terbuka, akulah yang akan menjaganya.’”

(Hadis riwayat at-Tabrani dan Ibn Mundah)

Masih dari Abu Hurairah yang diriwayatkan oleh Ibn Abi ad-Dunya dituturkan bahawa jika seorang mayat telah diletakkan dalam kuburnya, amal-amal solehnya akan datang dan mengelilinginya. Jika didatangi malaikat pada sisi kepalanya, bacaan al-Quran sudah berada di sana. Jika didatangi pada sisi kedua kakinya, bangun malamnya juga sudah berada di sana. Jika akan didatangi pada kedua tangannya, keduanya akan berkata, “Demi Allah dia telah mengulurkan kami untuk bersedekah dan berdoa, sehingga tidak ada jalan di sini bagi kalian menuju dirinya.”

Jika didatangi pada mulutnya, zikir dan puasa sudah berada di sana. Demikian juga dengan solat. Sedangkan kesabaran berada di sisi lain yang berkata, “Jika aku melihat ada tempat yang terbuka, akulah yang akan menjaganya.”

Semua amal solehnya akan melindunginya sebagaimana seseorang melindungi saudara, keluarga dan anak-anaknya. Pada saat itu dikatakan, “Tidurlah, semoga Allah memberikan berkah dalam pembaringanmu ini. Betapa setianya teman-teman dekatmu; betapa baiknya sahabat-sahabatmu.”

Diriwayatkan oleh Ibn Abi Ad-Dunya dan Ibn Mundah, masih dari Abu Hurairah. Dia mengatakan bahawa jika seorang mukmin dalam keadaan sakaratul maut dan nyawanya telah keluar dari jasadnya, para malaikat akan berkata, “Nyawa yang baik dari jasad yang baik pula.”

Jika telah dibawa dari rumah menuju ke kuburnya dan dia sangat suka untuk disegerakan, serta telah dimasukkan ke dalam kuburnya, akan datang kepadanya malaikat melalui kepalanya, namun sujudnya akan menghadangnya; malaikat mendatanginya melalui perutnya, namun puasanya menghadangnya; malaikat mendatanginya melalui tangannya, sedekahnya menghadangnya; malaikat kemudian hendak mendatanginya dari sisi kedua kakinya, namun berdirinya kedua kaki dalam mengerjakan solat dan perjalanannya menuju tempat solat juga telah menghadangnya. Setelah itu, seorang mukmin tidak akan merasa takut lagi. Jika dia melihat tempat tinggalnya dan apa yang telah dijanjikan Allah, dia akan berucap, “Ya Allah, antarkanlah aku ke tempat tinggalku itu.”

Kemudian dikatakan kepadanya, “Sesungguhnya engkau mempunyai banyak saudara, lelaki mahupun perempuan, yang belum dipertemukan denganmu. Oleh kerananya, kembali dan tidurlah dengan nyenyak.”

Sedangkan jika seorang kafir menghadapi sakaratul maut dan rohnya telah keluar dari jasadnya, malaikat akan mengatakan, “Ini roh yang sangat buruk dari jasad yang buruk.”

Jika telah berangkat dari rumahnya menuju kuburnya, dia lebih suka diperlambat menuju ke sana, seraya berkata dengan suara keras, “Ke mana kalian akan membawaku?”

Jika telah dimasukkan ke dalam kuburnya dan mengetahui apa yang dijanjikan kepadanya, dia akan berkata, “Tuhanku, kembalikan aku ke dunia agar aku dapat bertaubat dan berbuat amal soleh.”

Lalu dikatakan, “Engkau telah membangun apa yang engkau bangun.” Setelah

itu, kuburnya menyempit hingga semua tulang rusuknya bercerai-berai. Dia seperti orang yang sedang digigit, terlentang dan benar-benar takut, diserang oleh binatang-binatang bumi yang menakutkan, ular dan kalajengking.

Diriwayatkan oleh al-Bazzar dan Ibn Jarir dalam *Tahdzib al-Athar*, bahwa Abu Hurairah juga menuturkan:

Seorang mukmin akan dijemput kematian dan didatangi malaikat. Dia berharap agar nyawanya cepat dicabut. Sesungguhnya Allah menyukai pertemuan dengannya. Roh orang mukmin akan dibawa ke langit mendatangi para arwah orang-orang yang beriman. Para arwah tersebut menanyakan khabar mengenai penduduk bumi. Jika dia mengatakan, “Aku meninggalkan si fulan”, mereka merasa senang.

Jika dia mengatakan, “Si fulan telah meninggal”, mereka mengatakan, “Rohnya tidak dibawa menemui kami. Artinya, roh si fulan itu telah dibawa ke tengah-tengah para arwah penghuni neraka.”

Sesungguhnya seorang mukmin akan didudukkan di dalam kuburnya dan ditanya, “Siapa Tuhanmu?”

“Allah Tuhanku”, jawabnya.

“Siapa nabimu?”

Dia menjawab, “Muhammad Nabiku.”

Ditanyakan lagi, “Apa agamamu?”

Dia menjawab, “Islam agamaku.”

Kemudian dibukakan baginya pintu di dalam kuburnya dan dikatakan kepadanya, “Lihatlah ke tempat dudukmu itu dan tidurlah dengan nyenyak.”

Lalu Allah membangkitkannya pada Hari Kiamat kelak seakan-akan dia bangun tidur malam.

Jika musuh Allah menghadapi kematian dan telah didatangi malaikat, dia sama sekali tidak menyukai nyawanya keluar dari jasadnya, sedangkan Allah membenci pertemuan dengannya. Jika dia telah didudukkan di kuburnya, akan dikatakan kepadanya, “Siapa Tuhanmu?”

“Tidak tahu”, jawabnya.

“Siapa nabimu?” ditanyakan.

Dia menjawab, “Tidak tahu.”

Ditanya lagi, “Apa agamamu?”

“Tidak tahu”, jawabnya.

Selanjutnya dibukakan baginya pintu Jahanam dan dipukulkan kepadanya pukulan yang suaranya terdengar oleh semua makhluk kecuali jin dan manusia. Setelah itu dikatakan kepadanya, “Tidurlah seperti tidurnya orang yang disengat.”

Kemudian disempitkan baginya kuburnya sehingga tulang rusuknya bercerai-berai.

Masih dari Abu Hurairah, dituturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda kepada ‘Umar ibn al-Khaṭṭab r.a., “Bagaimana pendapatmu jika melihat Munkar dan Nakir?”

“Siapa Munkar dan Nakir?” tanyanya.

Beliau menjawab, “Keduanya adalah penguji kubur, yang suara keduanya seperti petir yang sangat keras dan pandangan mereka seperti kilat yang sangat terang. Mereka berdua menginjak rambut mereka dan menggali kubur dengan taring-taring mereka. Mereka memiliki tongkat yang terbuat dari besi, yang jika penduduk bumi ini berkumpul untuk mengangkatnya, mereka tidak akan mampu mengangkatnya.”

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya)

Masih dari Abu Hurairah, Nabi s.a.w. bersabda:

Sesungguhnya seorang mayat akan dibawa ke kubur. Orang soleh didudukkan di dalam kuburnya tanpa merasa takut dan khawatir, lalu ditanya, “Agama apa yang telah engkau anut?”

“Aku menganut agama Islam”, jawabnya.

Lebih lanjut ditanyakan, “Siapakah orang ini?”

Dia menjawab, “Muhammad, Rasulullah, yang telah membawa kepada kami bukti-bukti nyata dari sisi Allah dan kami pun mempercayainya.”

Ditanyakan lagi, “Apakah engkau pernah melihat Allah?”

“Tidak, tidak seorang pun berhak melihat Allah”, jawabnya.

Kemudian dibukakan baginya bahagian dari neraka. Lalu dikatakan kepadanya, “Lihatlah pada apa yang Allah telah menyelamatkan engkau darinya.”

Selanjutnya dibukakan bahagian dari syurga sehingga dia melihat bunga dan apa yang ada di dalamnya dan dikatakan kepadanya, “Inilah tempatmu.”

Lebih lanjut dikatakan, “Di atas keyakinan engkau telah hidup, di atasnya engkau meninggal dan di atasnya pula engkau akan dibangkitkan, insya Allah.”

Akan didudukkan orang jahat di dalam kuburnya dalam keadaan takut dan was-was, lalu ditanya, “Apa yang telah engkau yakini?”

“Tidak tahu”, jawabnya.

Ditanyakan lagi, “Siapakah orang ini?”

Dia menjawab, “Aku pernah mendengar orang-orang mengatakan sesuatu, lalu aku pun ikut mengatakannya.”

Kemudian dibukakan baginya bahagian dari syurga, lalu dia melihat bunga dan semua isinya dan dikatakan kepadanya, “Lihatlah apa yang telah dijauhkan Allah darimu.”

Selanjutnya dibukakan baginya bahagian dari neraka, dia melihat isinya saling bertabrakan satu dengan yang lainnya dan dikatakan kepadanya, “Inilah tempatmu, atas dasar keraguan engkau hidup, di atasnya pula engkau meninggal dan di atasnya pula engkau akan dibangkitkan, insya Allah.”

(Hadis riwayat Ibn Majah)

Kedua puluh, hadis Asma' yang menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

Telah diwahyukan kepadaku bahawa kalian akan diuji di dalam kubur. Ditanyakan, “Apa yang engkau ketahui tentang orang ini?”

Orang mukmin atau yang yakin kepada Allah akan mengatakan, “Dia adalah Muhammad, Rasulullah. Beliau datang kepada kami dengan membawa bukti-bukti nyata dan petunjuk, lalu kami pun menyambut dan mengikutinya.”

Kemudian dikatakan kepadanya, “Kami sudah mengetahui bahawa engkau adalah seorang mukmin. Oleh kerana itu, tidurlah dengan nyenyak.”

Sedangkan orang munafik atau yang ragu, akan menjawab, “Aku tidak tahu. Aku pernah mendengar orang-orang mengatakan sesuatu, lalu aku pun ikut mengatakannya.”

(Hadis riwayat Ibn Abi Syaibah dan al-Bukhari)

Nabi s.a.w. bersabda:

Ketika seseorang dimasukkan ke kuburnya, jika dia seorang mukmin, dia akan dikelilingi oleh amalannya: solat dan puasa. Lalu malaikat mendatangnya dari sisi yang ditempati solat, lalu solat itu menahannya. Kemudian dari sisi yang ditempati puasa, puasa pun menolaknya. Setelah itu, malaikat itu berseru, “Duduklah.”

Dia lantas duduk. Selanjutnya dikatakan kepadanya, “Bagaimana pendapatmu mengenai orang ini?”

“Siapa?” tanyanya.

Malaikat menjawab, “Muhammad.”

Dia berucap, “Aku bersaksi bahawa dia adalah Rasulullah.”

Ditanyakan, “Apakah engkau mengetahuinya?”

Dia menjawab, “Aku bersaksi bahawa dia adalah Rasulullah.”

Malaikat berkata, “Atas dasar itu, engkau hidup dan mati dan atas dasar itu pula engkau akan dibangkitkan.”

Jika dia seorang yang derhaka atau kafir, akan datang kepadanya malaikat. Di antara dirinya dengan malaikat itu sama sekali tidak terdapat penghalang. Lalu malaikat mendudukkannya seraya bertanya, “Bagaimana pendapatmu mengenai orang ini?”

“Siapa itu?” tanyanya.

“Muhammad”, jawab malaikat.

Dia berucap, “Demi Allah, aku tidak tahu, aku pernah mendengar orang-orang mengatakan sesuatu, lalu aku ikut mengatakannya.”

Lebih lanjut malaikat berkata kepadanya, “Atas dasar itu engkau hidup dan mati dan atas dasar itu pula engkau dibangkitkan.”

Setelah itu, dililitkan pada dirinya binatang dalam kuburnya. Binatang itu membawa pemukul yang di hujungnya terdapat gumpalan bara api yang besarnya seperti punuk unta yang akan memukulkannya sesuai kehendak Allah, yang suaranya tidak didengar sehingga tidak dikasihani.

(Hadis riwayat Ahmad)

Kedua puluh satu, hadis Aisyah yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Imam al-Baihaqi dengan sanad *shahih*. Dia menuturkan:

Ada wanita Yahudi yang datang dan meminta makan kepadaku di hadapan pintu. Dia berucap, “Berilah aku makan, semoga Allah melindungimu dari fitnah Dajjal dan fitnah kubur.”

Aku tetap menahannya hingga Rasulullah s.a.w. datang. Aku bertanya, “Ya Rasulullah, apa yang diucapkan wanita Yahudi ini?”

“Apa yang diucapkannya?” Rasulullah balik bertanya.

Aisyah menjawab, “Dia mengucapkan, ‘Semoga Allah melindungimu dari fitnah Dajjal dan fitnah kubur.’”

Dengan mengangkat kedua tangannya, Rasulullah s.a.w. lantas memohon perlindungan dari fitnah Dajjal dan fitnah kubur.

Kemudian beliau berkata:

Mengenai fitnah Dajjal, tidak seorang nabi pun melainkan menjauhkan umatnya dari fitnah itu. Aku pun akan mengingatkan kalian akan fitnah tersebut melalui ungkapan yang belum pernah diperingatkan oleh seorang nabi pun kepada umatnya. Dajjal itu buta, sedangkan Allah sama sekali tidak buta. Di antara kedua matanya tertulis kata *kafir* yang dibaca oleh setiap orang mukmin. Sedangkan berkaitan dengan fitnah kubur, sesungguhnya kalian akan diuji mengenai diriku. Jika termasuk seorang yang soleh, dia akan didudukkan di dalam kuburnya dengan tidak merasa takut dan waswas, lalu dikatakan kepadanya, “Agama apa yang kamu anut?”

“Aku hidup dengan menganut Islam,” jawabnya.

Ditanyakan lagi, “Siapakah orang yang pernah hidup di tengah-tengah kalian ini?”

Dia menjawab, “Muhammad, Rasulullah. Dia telah datang kepada kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dari sisi Allah, lalu kami pun mempercayainya.”

Setelah itu, dibukakan baginya sedikit bahagian dari neraka, lalu dia melihat penghuninya saling berbenturan antara satu dengan yang lainnya. Kemudian dikatakan kepadanya, “Lihatlah pada apa yang Allah telah menyelamatkan engkau darinya.”

Selanjutnya dibukakan sedikit bahagian dari syurga, lalu dia melihat bunga dan segala isinya dan dikatakan kepadanya, “Di sinilah tempatmu. Di atas keyakinan itu engkau hidup dan mati, di atasnya pula engkau akan dibangkitkan, insya Allah.”

Jika dia seorang yang jahat, dia akan duduk di dalam kuburnya dalam keadaan takut dan waswas, lalu ditanyakan kepadanya, “Agama apa yang telah engkau anut?”

“Tidak tahu”, jawabnya.

“Lalu, siapakah orang yang pernah hidup di tengah-tengah kalian ini?” lanjut malaikat.

Dia menjawab, “Aku pernah mendengar orang-orang mengatakan sesuatu, lalu aku mengatakan hal yang sama.”

Setelah itu, dibukakan baginya sedikit bahagian dari syurga, lalu dia melihat bunga dan segala yang ada di dalamnya dan kemudian dikatakan kepadanya, “Lihatlah apa yang telah dijauhkan Allah darimu.”

Selanjutnya dibukakan baginya sedikit bahagian dari neraka dan dia melihat isinya saling berbenturan antara satu dengan yang lainnya. Lalu dikatakan kepadanya, “Inilah tempatmu, di atas dasar keraguan engkau hidup dan mati, di atasnya pula engkau akan dibangkitkan, insya Allah.”

Setelah itu, dia diazab.

Dari ‘Aisyah r.a. pula, sebagaimana diriwayatkan oleh Abu Hurairah, dituturkan, “Aku pernah bertanya, ‘Ya Rasulullah, apakah umat ini akan diuji di dalam kuburnya? Lalu bagaimana dengan diriku yang lemah ini?’ Beliau membacakan ayat:

يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ

Allah meneguhkan (iman) orang-orang yang beriman dengan ucapan yang teguh itu dalam kehidupan dunia dan akhirat.

(Surah Ibrahim: 27)

(Hadis riwayat al-Bazzar)

Sementara dari apa yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi, disebutkan bahawa 'Aisyah r.a., pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, "Dengan diriku ini, penghuni kubur akan diuji. Pada saat itu turunlah ayat:

يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ

Allah meneguhkan (iman) orang-orang yang beriman dengan ucapan yang teguh.

(Surah Ibrahim: 27)

Masih dari 'Aisyah r.a. diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

Jika kereta jenazah seorang mukmin telah diusung keluar rumah, malaikat akan berseru, "Semoga Allah memberkatimu atas cepatnya kalian menuju diriku."

Jika telah dimasukkan ke lubang kuburnya, amalnya akan mengelilinginya. Lalu datanglah solat dan mengambil posisi di sebelah kanannya, puasa di sebelah kirinya, sedangkan amal kebajikannya menempati posisi di kedua kakinya. Solat kemudian berkata, "Tidak ada jalan masuk bagi kalian dari tempatku ini. Dahulu dia mengerjakan solat."

Malaikat lalu datang dari arah sebelah kanan, pada saat itu amal puasanya berkata, "Dahulu dia berpuasa dan merasakan haus, kerananya kalian tidak akan mendapatkan jalan masuk."

Setelah itu, malaikat mendatangnya dari sisi kedua kakinya, namun amal-amal kebajikannya menahannya, sehingga para malaikat itu tidak mendapatkan jalan masuk.

Jika bukan seorang mukmin, malaikat itu akan berseru kepadanya dengan suara yang didengar oleh segala sesuatu kecuali manusia, kerana jika manusia itu mendengarnya, nescaya mereka akan pengsan atau takut.

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya)

Imam Ahmad dalam *al-Zuhd* dan Abu Nu'aim dalam *al-Hilyah*, menuturkan riwayat dari Ṭawus. Dia mengatakan, “Sesungguhnya orang-orang yang sudah meninggal itu diuji dalam kubur mereka selama tujuh hari; pada hari-hari tersebut mereka merasa senang jika didoakan.”

Diriwayatkan dari Anas ibn Malik, bahawa Rasulullah s.a.w. pernah berdiri di sebuah kubur salah seorang sahabatnya. Setelah beliau selesai menguburkannya, beliau berucap, “*Inna lillah wa inna ilayhi raji'un*. Ya Allah, dia telah datang kepada-Mu, sementara Engkau adalah sebaik-baik penerimanya. Jauhkanlah tanah dari kedua sisinya, bukannya pintu-pintu langit untuk rohnyanya, sambutlah dia dengan sambutan yang baik, serta teguhkanlah ucapannya pada saat diajukan pertanyaan kepadanya.”

Diriwayatkan al-Hakim dalam *Nawadir al-Uṣul* dari Sufyan ath-Thawri, bahawa jika seorang mayat ditanya, “Siapa Tuhamu?” syaitan menampakkan diri kepadanya seraya menunjuk pada dirinya, “Sesungguhnya aku ini adalah Tuhanmu.”

Al-Hakim mengatakan bahawa hal itu diperkuat dengan sabda Rasulullah s.a.w. yang disampaikan ketika beliau menguburkan seorang mayat, “Ya Allah, jauhkanlah dia dari syaitan.”

Seandainya di sana tidak ada jalan bagi syaitan, nescaya Rasulullah s.a.w. tidak akan berdoa seperti itu.

Ibn Syahin menuturkan hadis dari ‘Abdullah ibn Sulaiman yang diterimanya dari ‘Amr ibn ‘Uthman, ‘Uthman menerimanya dari Basyir ibn Ṣafwan dan Ṣafwan menerimanya dari Rasyid. Dituturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Pelajarilah *hujjah* kalian, kerana kalian kelak akan ditanya.”

Bahkan di kalangan kaum Anṣar ada seseorang yang melayat seorang mayat. Mereka lalu berwasiat kepadanya bahawa para malaikat akan bertanya, “Siapa Tuhanmu?”

Oleh kerana itu, jawablah, “Allah Tuhanku.”

Lalu ditanyakan, “Apa agamamu?”

Jawablah, “Islam agamaku.”

Ditanyakan pula, “Siapakah Nabimu?”

Jawablah, “Muhammad s.a.w.”

As-Salafi menuturkan riwayat dari Sahal ibn ‘Ammar, bahawa dirinya pernah bermimpi melihat Yazid ibn Harun setelah kematiannya. Aku bertanya kepadanya, “Apa tindakan Allah terhadapmu?”

Dia menjawab, “Di dalam kuburku aku di datangi dua malaikat yang besar lagi kasar. Mereka bertanya, ‘Apa agamamu? Siapa Tuhanmu? Siapa Nabimu?’ Aku memegang janggutku yang berwarna putih, lalu kukatakan, ‘Kepada orang sepertiku ini ditanyakan hal seperti itu, sementara aku telah mengajarkan jawapan untuk pertanyaan kalian berdua itu kepada orang-orang selama lapan puluh tahun.’ Kemudian kedua malaikat itu pergi seraya berkata, ‘Apakah engkau telah mencatat ihwal Jarir ibn ‘Uthman?’

“Ya”, jawabku.

Lalu mereka berdua mengatakan, “Dia itu membenci ‘Uthman sehingga Allah pun membencinya?”

Al-Lalika’i menuturkan riwayat dari Hawtharah ibn Muhammad al-Munqari, bahawa dia pernah melihat Yazid ibn Harun dalam mimpinya. Yazid mengatakan, “Telah datang kepadaku malaikat Munkar dan Nakir, lalu mereka berdua mendudukkanku dan menanyakan, ‘Siapa Tuhanmu? Apa agamamu? Siapa nabimu?’ Aku mengusap janggutku dari debu seraya kukatakan, ‘Orang sepertiku ini ditanya? Aku ini adalah Yazid ibn Harun. Di dunia aku sudah enam puluh tahun mengajar manusia.’ Selanjutnya salah satu dari keduanya menuturkan, ‘Benar. Oleh kerana itu, tidurlah seperti tidurnya pengantin; tidak akan ada lagi rasa ketakutan setelah hari ini.’”

Dalam *Tarikh* Ibn an-Najjar, disebutkan bahawa Abu al-Qasim ibn Hibatullah ibn Salam al-Mufassir menuturkan:

Kami mempunyai seorang syeikh yang merupakan guru kami. Ada sebahagian sahabatnya yang meninggal, lalu beliau bermimpi bertanya kepada sahabatnya itu, “Apa tindakan Allah kepada Engkau?”

Dia menjawab, “Dia memberi aku ampunan.”

Lebih lanjut beliau bertanya, “Lalu bagaimana keadaan Engkau pada saat bersama dengan malaikat Munkar dan Nakir?”

Dia pun menjawab, “Ustadz, keduanya mendudukkan aku dan bertanya kepada aku, ‘Siapa Tuhanmu? Siapa nabimu?’ Allah memberikan ilham kepada aku agar aku menjawab mereka. Aku berkata, ‘Demi hak Abu Bakar dan ‘Umar, tinggalkanlah aku.’

Lalu salah satu dari kedua malaikat itu berkata kepada yang lainnya, ‘Telah diucapkan sumpah dengan suatu yang sangat agung kepada kita, mari kita tinggalkan dia.’ Keduanya lantas meninggalkan aku.”

Al-Lalika’i dalam *as-Sunnah* menuturkan riwayat dari Muhammad ibn Naṣr aṣ-Ṣa’ig. Dia berkata bahawa ayahnya suka mengerjakan solat jenazah, baik jenazah yang dikenal mahupun yang tidak. Suatu ketika, dia berkata:

Anakku, suatu hari aku pernah menghadiri satu jenazah. Ketika orang-orang menguburkannya, masuk ke dalam kubur itu dua orang, lalu salah satunya keluar lagi, sedangkan yang satu lagi tetap berada di dalam. Kemudian orang-orang menutup lubang kuburnya dengan tanah, lalu kukatakan, “Kaumku, kalian menguburkan orang yang masih hidup dengan mayat?”

Mereka menjawab, “Tidak ada seorang pun di dalam.”

Kemudian aku berucap, “Mungkin hanya bayanganku sahaja.”

Setelah itu, aku kembali pulang dan kukatakan, “Aku melihat dua orang masuk, yang satu keluar lagi dan yang lainnya masih tetap berada di dalam. Aku akan terus menunggu hingga Allah mengungkapkan apa yang telah aku lihat itu kepadaku. Kemudian aku datang ke kubur dan membaca surah Yasin dan surah al-Mulk sepuluh kali, lalu aku menangis seraya kupanjatkan doa, “Ya Allah, singkapkanlah tabir dari apa yang telah aku lihat ini, kerana aku mengkhawatirkan akal dan agamaku.”

Setelah itu kubur tersebut terbelah, lalu keluar darinya seseorang yang membalikkan badannya, lalu kukatakan, “Aku bersumpah atas nama Tuhan Yang engkau sembah. Aku tidak berdiri di sini melainkan untuk bertanya kepadamu.”

Akan tetapi, orang itu tidak menoleh. Lalu kukatakan untuk yang kedua dan ketiga kalinya, namun dia tetap tidak menoleh. Baru setelah itu, dia menoleh dan bertanya, “Apakah engkau ini Naṣr aṣ-Ṣa’ig?”

“Ya”, jawabku.

Lebih lanjut dia bertanya, “Apakah engkau tidak mengenalku?”

“Tidak”, jawabku.

Dia berkata, “Kami berdua ini adalah malaikat pembawa rahmat. Kami selalu bersama ahlu sunnah. Oleh kerana itu, jika seorang ahlu sunnah dimasukkan ke dalam kuburnya, kami akan segera turun untuk menuntun mereka mengucapkan *hujjahnya*.”

Setelah itu, dia menghilang dariku.

Pelbagai Faedah:

1. Al-Qurtubi berkata, “Dalam sebuah riwayat disebutkan pertanyaan tersebut diajukan oleh kedua malaikat itu, sementara pada riwayat yang lain hanya diajukan oleh satu malaikat sahaja. Hal itu tidak bertentangan, tetapi bergantung pada personelnya. Mungkin ada satu individu yang didatangi oleh dua malaikat langsung. Keduanya bertanya kepadanya setelah orang-orang pulang ke rumah mereka, supaya suasananya lebih menyeramkan dan menakutkan, sesuai dengan dosa yang telah dilakukannya. Ada juga orang yang didatangi oleh satu malaikat sahaja dan ditanya sebelum orang-orang kembali pulang, sebagai keringanan untuknya. Ada juga orang yang didatangi oleh satu malaikat. Dia mengajukan pertanyaan yang lebih ringan dan lebih sedikit lagi, kerana amal soleh yang dikerjakannya.” Lebih lanjut al-Qurtubi mengatakan, “Mungkin juga seseorang didatangi oleh dua malaikat, tetapi yang mengajukan pertanyaan hanya satu malaikat sahaja, meskipun keduanya sama-sama hadir. Demikianlah makna yang mungkin dikandung dalam riwayat yang hanya menyebutkan satu malaikat. Yang terakhir inilah yang menurut aku lebih tepat.”
2. Masih menurut al-Qurtubi, “Hadis-hadis yang ada juga saling berbeza dalam menyebutkan cara pengajuan pertanyaan dan pemberian jawapan. Ini juga bergantung pada setiap individunya. Di antara mereka ada yang ditanya mengenai sebahagian dari akidahnya, sementara yang lain ditanya mengenai seluruh akidahnya. Memang, mungkin ada riwayat yang menyebutkan secara ringkas sahaja, tetapi ada juga riwayat yang menyebutkan secara lengkap.

Mengenai hal ini, aku berpendapat bahawa riwayat yang kedua itulah yang lebih tepat dan benar, kerana adanya kesamaan di antara majoriti hadis yang ada. Memang benar, ada yang diambil sebahagiannya sahaja, khususnya pada riwayat Abu Daud yang bersumber dari Anas ibn Malik yang menyatakan, 'Tidak ditanyakan suatu hal pun kepadanya setelah itu.' Juga lafaz dari Ibn Mardawayh yang menyebutkan, 'Dia tidak lagi ditanya tentang suatu hal pun selain itu,' atau 'Dia tidak ditanya mengenai pelbagai hal selain hanya akidah sahaja.' Bahkan secara lantang disebutkan dalam riwayat al-Baihaqi melalui 'Ikrimah ibn 'Abbas, mengenai firman Allah:

يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا

Allah meneguhkan (iman) orang-orang yang beriman.

(Surah Ibrahim: 27)

Menurutnya, 'Orang-orang itu ditanya tentang syahadah (kesaksian) di dalam kuburnya setelah kematian mereka. Ditanyakan kepada 'Ikrimah, 'Berupa apa pertanyaan itu?' Dia menjawab, 'Mereka ditanya mengenai keimanannya kepada Muhammad dan juga mengenai masalah tauhid.'"

3. Penulis (Jalaluddin as-Suyuti) katakan, "Telah disebutkan dalam sebuah riwayat, bahawa dalam satu waktu (di dalam kubur), seseorang ditanya sampai tiga kali, sedangkan dalam riwayat yang lain tidak disebutkan jumlahnya. Hal itu bergantung pada keadaan individu juga. Sebagaimana riwayat yang telah dikemukakan dari Ṭawus, bahawa mereka diuji selama tujuh hari."
4. Al-Qadhi mengatakan, "Orang yang belum dikuburkan dan masih berada di muka bumi ini, masih tetap ditanya dan diazab. Akan tetapi, Allah menutup pandangan manusia dari peristiwa tersebut, sebagaimana Dia menutup penglihatan mereka dari para malaikat dan syaitan."

Sebahagian mereka mengatakan, "Kehidupan dikembalikan kepada orang yang tidak dikuburkan, tetapi kita tidak mengetahuinya, sebagaimana kita mengira bahawa orang pengsan itu sudah meninggal. Disempitkan juga baginya udara ini sebagaimana disempitkannya kuburan. Hal itu sama sekali tidak diingkari oleh orang yang hatinya diliputi iman. Demikian juga dengan orang yang anggota

tubuhnya terpotong-potong dan bercerai-berai, sesungguhnya Allah menciptakan kehidupan bagi sebahagian atau seluruh anggota tubuhnya itu, lalu diajukan pertanyaan kepadanya.”

Hal yang sama juga dikatakan oleh Imam al-Haramayn.

Sebahagian lainnya mengatakan, “Hal ini tidak jauh berbeza dengan biji sebesar atom yang dikeluarkan Allah dari tulang rusuk anak cucu Adam, yang telah diminta kesaksiannya oleh Allah, ‘Bukankah Aku ini Tuhan kalian?’ Mereka menjawab, ‘Ya.’”

5. Ibn ‘Abd al-Birr mengatakan, “Pertanyaan itu hanya ditujukan kepada orang mukmin atau orang munafik yang mengaku menganut Islam melalui syahadat yang diucapkan secara lahiriah. Sedangkan orang kafir sama sekali tidak ditanya.”

Akan tetapi, hal itu ditentang oleh al-Qurtubi dan Ibn al-Qayyim. Keduanya mengatakan, “Hadis-hadis mengenai hal ini sudah jelas, bahawa orang kafir dan munafik itu tetap ditanya.”

Mengenai hal ini, penulis berpendapat bahawa keduanya (orang kafir dan munafik) tidak pernah disebutkan dalam satu hadis. Yang ada hanyalah penyebutan orang munafik dalam suatu hadis, sedangkan pada hadis yang lain digantikan dengan sebutan kafir. Sebenarnya yang dimaksudkan dengan orang kafir tersebut adalah orang munafik itu sendiri. Hal itu didasarkan pada hadis Asma’, yang menyebutkan, “Sedangkan orang munafik atau orang yang ragu”, dan tidak disebutkan orang kafir. Demikian juga dalam hadis Abu Hurairah yang diriwayatkan oleh at-Ṭabrani dari perkataan Hammad dan Abu ‘Umar adh-Dharir, yang secara lantang menyatakan hal itu.

6. At-Tirmidzi mengatakan, “Pertanyaan tersebut dikhususkan hanya pada umat ini, kerana umat-umat sebelumnya secara langsung telah dibawa untuk mereka risalah oleh para Rasul. Jika mereka menolak, Para Rasul itu menjauhi mereka dan kepada mereka diturunkan azab secara langsung. Ketika Allah mengutus Nabi Muhammad s.a.w. dengan membawa rahmat, azab tersebut ditunda. Kemudian, dengan pedang diserukan kepada mereka agar masuk Islam, sehingga ada yang masuk Islam kerana takut kepada pedang, lalu ditanamkan iman dalam hatinya. Dari sinilah

muncul adanya kemunafikan; ada sebahagian orang yang secara diam-diam masih kafir meskipun secara lantang mereka mendeklarasikan keimanan mereka. Di antara mereka ini dengan kaum Muslim terdapat dinding pemisah. Ketika mereka meninggal, Allah langsung mengutus para penguji kubur (Munkar dan Nakir) untuk mengorek kekaafirannya tersebut melalui beberapa pertanyaan. Dengan demikian, Allah bermaksud untuk memisahkan antara yang buruk dengan yang baik.”

Namun pendapatnya itu ditentang oleh beberapa ulama. Mereka mengatakan, “Pertanyaan itu ditujukan kepada umat ini dan juga umat-umat sebelumnya.”

Ibn ‘Abd al-Birr mengatakan bahawa pendapat yang mengkhususkan pertanyaan tersebut hanya bagi umat ini didasarkan pada sabda Rasulullah s.a.w, “Sesungguhnya umat ini akan diuji di dalam kuburnya.”

Sabdanya pula, “Diwahyukan kepadaku bahawa kalian akan diuji kelak di kubur kalian.”

Demikian juga sabdanya, “Mengenai diriku, engkau akan diuji; tentang diriku, engkau akan ditanya.”

7. At-Tirmidzi juga mengatakan, “Disebut sebagai fitnah kubur (Malaikat Munkar dan Nakir), kerana di dalam pertanyaan mereka berdua tersebut terdapat hardikan. Sedangkan disebut sebagai Munkar dan Nakir, kerana akhlak mereka tidak menyerupai penciptaan manusia, malaikat dan haiwan. Penciptaan keduanya tidak ada yang menyerupai. Allah menciptakan keduanya sebagai penghormatan, peneguhan dan pembuka mata bagi orang-orang yang beriman, tetapi keduanya sebagai penyingkap tabir penutup orang munafik di alam barzakh sebelum mereka dibangkitkan, sehingga mereka mendapatkan azab.”

Salah seorang sahabat kami, Ibn Yunus mengatakan bahawa dua malaikat yang mendatangi orang mukmin di dalam kuburnya itu adalah Mubassyir dan Basyir.

8. Al-Qurṭubi mengatakan, bahawa jika ditanyakan, bagaimana malaikat itu menguji dan mengajukan pertanyaan ke seluruh mayat yang berada di tempat yang saling berjauhan dalam satu waktu? Jawapannya adalah bahawa besar tubuh mereka berdua dapat menjangkau hal itu. Mereka

akan mengajukan pertanyaan kepada banyak orang, pada hari yang sama, waktu yang berbarengan dan satu pertanyaan. Allah s.w.t. tidak memperdengarkan jawapan sebahagian mayat kepada sebahagian lainnya.

Mengenai hal ini, penulis berpendapat bahawa adanya beberapa jumlah malaikat di dalam kubur itu sama seperti pada malaikat penjaga (Raqib dan 'Atid)

Salah seorang sahabat penulis, al-Halimi berpendapat sama. Di dalam *al-Minhaj* dia mengatakan, "Adanya beberapa kelompok malaikat penanya, ada Munkar dan ada juga Nakir dan yang setiap mayat didatangi oleh salah satu kelompok dari keduanya adalah sama seperti diutusnyanya malaikat penjaga kepada manusia untuk mencatat amal perbuatan mereka."

9. Hadis-hadis yang telah dikemukakan di atas berbeza dalam memberikan ukuran luas kubur orang mukmin. Namun hal itu bukan suatu pertentangan, kerana hal itu bergantung pada kondisi si mayat itu sendiri, tinggi atau pendek.
10. Berkenaan dengan beberapa pertanyaan mengenai pembahasan ini, Syaikh Abu Fadhl ibn Hajar pernah ditanya tentang kondisi si mayat, "Apakah seorang mayat itu ditanya dalam keadaan duduk atau terlentang?" Dia menjawab, "Duduk." Kemudian dia ditanya mengenai rohnya, "Apakah pada waktu itu roh tersebut juga mengenakan tubuh seperti sediakala?" "Ya, tetapi lahiriah hadis menyebutkan bahawa roh itu menempati setengah bahagian atas dari tubuh tersebut", jawabnya.

Ditanyakan pula, "Apakah dibukakan tabir baginya sehingga dia dapat melihat Nabi s.a.w.?" Dia menjawab, "Tidak ada hadis yang menyebutkan mengenai hal itu." Ditanyakan pula kepadanya, "Apakah anak-anak juga ditanya?" "Yang tampak dari lahiriah hadis adalah pengkhususan pertanyaan tersebut kepada orang-orang yang sudah dewasa sahaja."

Ibn al-Qayyim mengatakan, "Hadis-hadis yang ada secara lantang menyebutkan pengembalian roh ke badan ketika pertanyaan diajukan, tetapi pengembalian ini tidak seperti di dalam kehidupan di dunia. Sebab, tubuh dan seluruh anggotanya memerlukan pemeliharaan dan makan, tetapi roh memberikan kehidupan lain yang ditujukan untuk menghadapi ujian dan pertanyaan. Sebagaimana layaknya

kehidupan orang yang sedang tidur, dia hidup tetapi tidak sedar, kerana tidur itu sebenarnya menyerupai kematian. Orang yang tidur itu tidak mempunyai kehidupan yang sempurna. Demikian halnya ketika roh itu dikembalikan kepada seorang mayat, yang mana kehidupan itu juga tidak sempurna, kerana wujudnya tetap mati. Tidak ada dalil dalam hadis yang menunjukkan bahawa jasadnya itu berdiri sendiri tanpa roh, sementara roh itu tetap melekat pada badannya pada saat diuji di dalam kubur, meskipun badannya itu tercerai-berai dan terpotong-potong.”

Ibn Taymiah mengatakan, “Hadis-hadis yang membahas mengenai pengembalian roh ke jasad ini pada waktu diuji di dalam kubur merupakan hadis *mutawatir*. Sedangkan pendapat yang menyatakan bahawa pertanyaan itu diajukan kepada badan tanpa adanya roh itu hanya merupakan pendapat sekelompok orang sahaja, di antaranya terdapat Ibn Zaghwan dan sebuah ungkapan yang diperoleh dari Ibn Jarir. Akan tetapi, pendapat itu ditolak oleh jumhur ulama. Namun demikian, pendapat tersebut juga diterima oleh sebahagian orang. Mereka mengatakan bahawa pertanyaan itu ditujukan kepada roh dan bukan kepada jasad. Di antara mereka itu adalah Ibn Hazm, Ibn ‘Aqil dan Ibn al-Jawzi. Yang demikian itu merupakan pendapat yang salah.”

11. Dalam *Rawdh ar-Rayyihin*, karangan al-Yaf’i, Syaqiq al-Balakhli mengatakan, “Kami pernah memohon lima hal dan mendapatkannya dalam lima hal juga. Kami memohon dijauhkan dari perbuatan dosa, lalu kami mendapatkannya dalam solat dhuha. Kami memohon penerangan dalam kubur, lalu kami menemukannya dalam solat malam. Kami memohon jawapan bagi Munkar dan Nakir, lalu kami mendapatkannya dalam bacaan al-Quran. Kami memohon dapat menyeberangi *shirat*, lalu kami mendapatkannya dalam puasa dan sedekah. Kami memohon naungan ‘Araşy, lalu kami mendapatkannya dalam *khalwat*.”
12. Al-Aşbahani dalam *at-Targhib*, melalui jalur Abu Hadbah, menuturkan riwayat dari Asy’ath yang diterimanya dari Anas, sebagai hadis *marfu’* “Barangsiapa yang meninggal dunia dalam keadaan mabuk, dia akan masuk ke dalam kubur juga dalam keadaan mabuk.”

Diriwayatkan juga oleh Abu Fadhl at-Ṭusi dalam *‘Uyun al-Akhbar*, juga melalui

jalur Abu Haddabah, hadis dari Anas ibn Malik. Di dalamnya disebutkan, “Malaikat maut mencabutnya dalam keadaan mabuk dan malaikat Munkar dan Nakir mengujinya dalam keadaan mabuk pula.”

13. Dalam fatwa Syaikh ‘Ilmuddin al-Balqini disebutkan, “Seorang mayat akan menjawab pertanyaan dengan bahasa Syiria. Akan tetapi, aku tidak menemukan dalil yang menjadi sengkauran pendapat tersebut.”

Ibn Hajar sendiri pernah ditanya mengenai hal itu. Dia menjawab, “Lahiriah hadis itu adalah bahasa Arab.”

Lebih lanjut dia mengatakan, “Yang jelas, hal itu menampakkan bahwa pembicaraan itu berlangsung melalui lisan setiap orang.

14. Seorang ulama penganut mazhab Hanafi, al-Bazzazi, di dalam fatwanya mengatakan, “Seorang mayat akan tetap ditanya meskipun dia meninggal dimakan binatang buas. Pertanyaan malaikat itu diajukannya di dalam perut binatang itu. Sementara jika dia ditempatkan di dalam peti untuk dipindahkan dari satu tempat ke tempat yang lain, dia tidak akan ditanya selama dia belum dikuburkan.”



Orang-orang yang Tidak Ditanya di Dalam Kubur

Dalam *ar-Ruh*, Abu al-Qasim as-Sa'di mengatakan, "Dalam hadis-hadis sahih disebutkan bahawa sebahagian orang yang sudah meninggal tidak mendapat cobaan fitnah kubur, tidak juga didatangi oleh dua malaikat, Munkar dan Nakir. Yang demikian itu disebabkan oleh tiga hal: amal, musibah yang menyebabkan kematian dan zaman."

Dari seorang sahabat Rasulullah s.a.w, Rasyid ibn Sa'ad, menuturkan bahawa ada seseorang yang bertanya kepada beliau, "Ya Rasulullah, mengapa seluruh orang-orang yang beriman diuji di kubur kecuali orang yang mati syahid?"

Beliau menjawab, "Cukuplah tusukan pedang pada kepalanya sebagai ujian."

(Hadis riwayat an-Nasa'i)

Rasulullah s.a.w. juga bersabda, sebagaimana dituturkan oleh Abu Ayyub, "Barangsiapa yang bertemu dengan musuh, kemudian dia bersabar hingga terbunuh atau dikalahkan, dia tidak akan diuji di dalam kuburnya."

(Hadis riwayat an-Nasa'i dan at-Tabrani)

Sementara dari Salman, juga dituturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, "Jihad satu hari satu malam itu lebih baik daripada puasa dan bangun malam satu bulan penuh. Jika orang yang melakukannya meninggal, amal yang dikerjakannya akan terus berkembang, rezekinya terus mengalir dan dia akan dihindarkan dari dua malaikat, yakni Munkar dan Nakir."

(Hadis riwayat Muslim)

Dari Fadhalah ibn 'Ubayd, juga dituturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, "Setiap mayat itu dihentikan amalnya kecuali orang yang meninggal

kerana berjihad di jalan Allah, amalnya akan terus berkembang sampai Hari Kiamat dan diamankan dari fitnah kubur.”

(Hadis riwayat Imam at-Tirmidzi)

Dalam riwayat AbuDaud digunakan lafaz, “...diamankan dari para penguji kubur.”

Diriwayatkan dengan sanad *ṣahih* dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w, bersabda, “Barangsiapa yang meninggal kerana berjihad di jalan Allah, Allah akan mengalirkan amal soleh yang pernah dikerjakannya, dialirkan juga rezekinya, diamankan dirinya dari penguji kubur dan akan dibangkitkan oleh Allah dengan penuh rasa aman dari ketakutan.”

(Hadis riwayat Ibn Majah)

Al-Qurṭubi mengatakan, “Hadis di atas dan hadis sebelumnya khusus berkaitan dengan kematian kerana jihad.”

‘Uqbah ibn Amir juga meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Setiap mayat itu dihentikan amalnya, kecuali orang yang meninggal kerana berjihad di jalan Allah; amalnya akan terus dialirkan hingga Allah membangkitkannya dan dia diamankan dari dua penguji kubur (Munkar dan Nakir).”

(Hadis riwayat Ahmad dan at-Ṭabrani)

Sementara ‘Uthman ibn ‘Affan meriwayatkan hadis Nabi s.a.w. yang berbunyi, “Siapa sahaja yang meninggal kerana berjihad di jalan Allah, akan dialirkan pahala amal solehnya, dialirkan juga rezekinya, diamankan dirinya dari dua penguji kubur dan Allah akan membangkitkannya pada Hari Kiamat kelak dalam keadaan aman dari rasa takut yang dahsyat.”

(Hadis riwayat al-Bazzar)

Abu Umamah menuturkan bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda, “Bagi siapa sahaja yang berjihad di jalan Allah, Allah akan mengamankannya dari fitnah kubur.”

(Hadis riwayat at-Ṭabrani)

Dari Abu Sa’id al-Khudri, disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Siapa sahaja yang meninggal kerana berjihad, dia akan diselamatkan dari fitnah kubur dan dialirkan baginya rezekinya.”

(Hadis riwayat at-Ṭabrani dalam *al-Awsat*)

Dalam *al-Jami' al-Kabir*, sebagaimana dituturkan oleh Salman, juga disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Jihad satu hari di jalan Allah sama seperti puasa dan bangun malam satu bulan penuh. Siapa sahaja yang meninggal kerana berjihad, nescaya pahala amal yang pernah dikerjakannya dahulu akan terus mengalir; dia akan diamankan dari penguji kubur; dan dibangkitkan pada Hari Kiamat kelak sebagai syahid.”

Sedangkan dari Ibn Mas'ud dituturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Siapa sahaja yang suatu hari berjihad di jalan Allah, jihadnya itu seperti puasa dan bangun malam satu bulan. Dia akan diselamatkan dari penguji kubur dan dialirkan pahala amalnya hingga Hari Kiamat kelak.”

(Hadis riwayat Ibn 'Asakir)

Dari Abu Hurairah, disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Siapa sahaja yang meninggal dalam keadaan sakit, bererti dia meninggal dalam keadaan syahid. Dia akan diselamatkan dari fitnah kubur serta dibawakan rezekinya dari syurga pada pagi dan petang hari.”

(Hadis riwayat Ibn Majah dan al-Baihaqi)

Al-Qurtubi mengatakan, “Hadis tersebut bersifat umum, berlaku pada seluruh penyakit, tetapi dipersempit dengan hadis lain yang berbunyi, ‘Siapa sahaja yang dibunuh oleh (penyakit) perutnya, dia tidak akan diazab di dalam kuburnya.

(Hadis riwayat an-Nasa'i dan lain-lain).”

Yang dimaksud oleh hadis di atas adalah penyakit usus buntu. Akan tetapi, ada juga yang berpendapat bahawa yang dimaksud adalah sakit perut.

Hikmah dari hal itu adalah bahawa orang tersebut meninggal dalam keadaan berakal dan mengenal Allah s.w.t., sehingga tidak perlu lagi ditanya lagi di dalam kuburnya. Berbeza dengan orang yang meninggal disebabkan pelbagai macam penyakit, ketika meninggal dia tidak dalam keadaan berakal.

Mengenai hal ini penulis berpendapat bahawa hadis di atas tidak memerlukan adanya penyempitan dan pengkhususan seperti itu. Menurut kesepakatan para *huffuzh* (pengumpul/penghafal hadis), dalam *sanad* hadis tersebut terdapat perawi yang *ghalat*, keranalafaz yang sebenarnya berbunyi, “Siapa sahaja yang meninggal kerana berjihad”, bukan “Siapa sahaja yang meninggal kerana sakit.”

Diriwayatkan juga bahawa barangsiapa membaca surah al-Mulk setiap malam,

dia tidak akan dicelakakan oleh penguji kubur.

Juwaybir, di dalam tafsirnya, menuturkan riwayat dari 'Asim ibn Abu Najud yang diterimanya dari Zur ibn Hubaisy. Dia menuturkan bahawa Ibn Mas'ud pernah mengatakan, "Siapa sahaja yang membaca surah al-Mulk setiap malam, dia akan dipelihara dari fitnah kubur. Siapa sahaja yang membiasakan diri membaca firman Allah, *"Inni amantu bi Rabbikum fasma'un"*.²⁴ Allah akan memudahkan baginya pertanyaan Munkar dan Nakir."

Sementara Ka'ab mengatakan, "Kami menemukan dalam Taurat, bahwa siapa sahaja yang membaca surah al-Mulk setiap malam, dia akan dilindungi dari fitnah kubur."

Melalui Siwar ibn Muş'ab - dia seorang yang sangat lemah sekali - dituturkan riwayat dari Abu Ishaq yang diterimanya dari al-Barra, "Siapa sahaja yang membaca *Alif lam mim* (Surah as-Sajdah) dan Tabaraka (Surah al-Mulk) sebelum tidur, dia akan selamat dari azab kubur dan terlindung dari dua penguji kubur."

Ibn 'Umar menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Tidaklah seorang Muslim meninggal pada hari Jumaat atau malam Jum'at, melainkan Allah akan melindunginya dari fitnah kubur."

(Hadis riwayat Ahmad, at-Tirmidzi, Ibn Abi ad-Dunya dan al-Baihaqi)

Dalam riwayat Ibn Wahb dan al-Baihaqi, melalui jalan lain, tetapi masih dari Ibn 'Umar digunakan lafaz, "...melainkan dia dibebaskan dari fitnah kubur."

Masih dalam riwayat Imam al-Baihaqi, melalui jalan ketiga, tetapi masih dari Ibn 'Umar (sebagai hadis *mawquf*) digunakan lafaz, "...dilindungi dari dua penguji."

Al-Qurtubi mengatakan, "Hadis-hadis tersebut tidak bertentangan dengan hadis-hadis yang membahas mengenai pertanyaan yang diajukan oleh malaikat sebelumnya, bahkan hadis-hadis tersebut mengkhususkannya, menjelaskan siapa-siapa yang tidak akan ditanya dan diazab di dalam kuburnya. Dalam masalah ini, tidak diperlukan adanya analogi dan analisa; yang diperlukan adalah penyerahan dan penyengkauran pada ucapan yang jujur dari Rasulullah s.a.w."

Mengenai sabda Rasulullah s.a.w. tentang orang yang mati syahid, "Cukuplah

24 Dengarkanlah (pengakuan keimanan)ku. (Surah Yasin: 25)

tusukan pedang pada kepalanya sebagai ujian”, al-Qurṭubi mengatakan, “Artinya, jika di antara orang-orang yang terbunuh dalam perang itu terdapat orang munafik, ketika dua pasukan itu bertemu, nescaya orang munafik itu akan lari, kerana di antara karakternya adalah melarikan diri pada saat genting. Sedangkan karakter orang mukmin adalah berserah diri kepada Allah. Dengan demikian, hal itu telah memperlihatkan kejujuran dalam hati kecilnya, yakni bahawa dia siap berperang dan terbunuh. ‘Lalu mengapa masih harus ditanya lagi di dalam kuburnya?’” tanya at-Tirmidzi.

Lebih lanjut al-Qurṭubi mengatakan, “Jika orang yang mati syahid tidak ditanya di dalam kuburnya, bererti orang yang jujur lebih terhormat dan lebih berhak untuk tidak diuji di dalam kuburnya, kerana dia menempati urutan teratas dalam tingkatan para syuhada.”

Penulis berpendapat, al-Hakim telah secara tegas menyatakan bahawa para *Ṣiddiqun* tidak ditanya di dalam kuburnya. Ungkapan al-Hakim itu berbunyi, “Allah berfirman: *Allah melakukan apa yang dikehendaki-Nya.*”

Menurut hemat penulis, takwil ayat tersebut adalah bahawa di antara kehendak Allah adalah mengangkat darjat beberapa kaum sampai ke tingkat bebas dari pertanyaan malaikat Munkar dan Nakir. Mereka itu adalah para *Ṣiddiqun* dan syuhada. Sedangkan apa yang dinukil dari at-Tirmidzi mengenai hadis yang membahas orang yang mati syahid, mengarah pada pengkhususan orang yang mati syahid dalam pertempuran. Akan tetapi, hadis-hadis yang membahas mengenai jihad memerlukan generalisasi pada setiap orang yang mati syahid.

Dalam *Badzl al-Ma’ūn fi Fadhl at-Ta’ūn*, Ibn Hajar menyatakan bahawa orang yang meninggal kerana penyakit *ṭa’ūn* (taun) tidak ditanya di dalam kuburnya, kerana kedudukannya sama dengan orang yang terbunuh di dalam pertempuran; juga orang yang bersabar atas penyakit taun yang menimpanya dengan keyakinan bahawa penyakit itu tidak menimpanya kecuali telah menjadi ketetapan baginya. Jika dalam keadaan seperti itu dia meninggal, tetapi bukan kerana penyakit tauntersebut, dia tetap tidak diuji di dalam kubur, kerana dia sama seperti orang yang berjihad di jalan Allah s.w.t. Demikianlah yang disebutkan Ibn Hajar.

Dalam membahas hadis tentang orang yang berjihad di jalan Allah, al-Hakim mengatakan, “Dia telah mengikatkan dirinya dengan penjara serta

menghantarkannya berjuang di jalan Allah untuk memerangi musuh-musuh-Nya. Jika dia meninggal dunia dalam keadaan seperti itu, akan tampak kejujuran hati kecilnya, sehingga dia akan dilindungi dari fitnah kubur.”

Lebih lanjut al-Hakim mengatakan, siapa sahaja yang meninggal pada hari Jumaat, akan tersingkap tabir yang menutupi apa yang menjadi miliknya di sisi Allah. Sebab, pada hari Jumaat ini neraka Jahanam tidak dinyalakan, semua pintunya ditutup dan para penguasa di neraka tidak bekerja sebagaimana pada hari-hari lainnya. Jika Allah mencabut nyawa seorang hamba yang taat mengabdikan kepada-Nya pada hari Jumaat, yang demikian itu merupakan tanda kebahagiaan dan kebaikan tempat kembalinya. Dia tidak mencabut nyawa pada hari Jumaat melainkan telah ditetapkan bagi mereka yang dicabut nyawanya itu kebahagiaan di sisi-Nya. Oleh kerana itu, Dia akan selalu melindunginya dari fitnah kubur.

Mengenai hal ini penulis berpendapat, sebagai pelengkap, dapat dikatakan bahawa orang yang meninggal dunia pada hari Jumaat akan memperoleh pahala orang yang mati syahid; dia menempati posisi orang yang mati syahid sehingga tidak diuji di dalam kuburnya.

Sebagaimana yang diriwayatkan Abu Nu’aim dalam *al-Hilyah*, dari Jabir, dia menceritakan, Rasulullah s.a.w. bersabda, “Barangsiapa yang meninggal dunia pada hari Jumaat atau malam Jumaat, dia akan diselamatkan dari azab kubur dan akan datang pada Hari Kiamat kelak dengan predikat syahid menempel pada dirinya.”

Hamid dalam *at-Tarhib*, menuturkan riwayat dari Iyas ibn Bakir, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Siapa sahaja yang meninggal dunia pada hari Jumaat, akan ditetapkan baginya pahala orang yang mati syahid dan akan dilindungi dirinya dari fitnah kubur.”

Melalui Ibn Juraij, diriwayatkan hadis dari ‘Aṭa’ ibn Yasar bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Tidaklah seorang Muslim, lelaki mahupun perempuan, meninggal dunia pada malam Jumaat atau hari Jumaat, melainkan akan dilindungi dari azab dan fitnah kubur; akan bertemu dengan Allah; tidak menjalani hisab; dan pada Hari Kiamat kelak dia akan datang bersama orang-orang yang memberikan kesaksian bahawa syurga telah disiapkan untuknya.”

Pada perbincangan yang terdahulu, kami telah kemukakan beberapa golongan orang yang tidak ditanya di dalam kubur. Jumlah golongan ini lebih dari tiga

puluhsehingga memerlukan pembahasan dalam buku khusus. Di antara persoalan yang banyak ditanyakan adalah masalah anak-anak. Apakah mereka itu akan ditanya di dalam kubur mereka? Mengenai hal ini, Ibn al-Qayyim telah membahasnya dalam *ar-Ruh*. Di dalamnya, dia mengemukakan dua pendapat para ulama penganut mazhab Hanbali, yang salah satunya menyatakan bahawa anak-anak itu ditanya di dalam kubur mereka. Hal itu disandarkan pada hadis Rasulullah s.a.w. Baginda pernah mengerjakan solat jenazah atas seorang anak kecil lalu baginda berdoa, “Ya Allah, lindungilah dia dari azab kubur.”

Ini juga yang dinyatakan al-Qurtubi. Dia berpendapat, akal mereka telah cukup untuk mengetahui kedudukan dan kesejahteraan mereka, serta dapat memberikan jawapan atas apa yang ditanyakan kepada mereka.

Mengenai hal ini, penulis berpendapat bahawa hal yang sama juga menjadi pendapat adh-Dhahak. Diriwayatkan oleh Ibn Jarir dari Juwaibir bahawa seorang anak adh-Dhahak ibn Muzahim yang berusia enam hari meninggal dunia. Adh-Dhahak mengatakan, “Jika engkau meletakkan puteraku di lubang kuburnya, perhatikanlah wajahnya dan bukalah ikatannya kerana dia akan didudukkan dan ditanya.”

Lalu kutanyakan, “Mengenai apa dia ditanya?”

Dia menjawab, “Mengenai perjanjian yang telah disepakatinya ketika masih berada di tulang rusuk.”

Pendapat yang kedua menyatakan bahawa anak-anak tidak ditanya di dalam kubur mereka kerana pertanyaan itu hanya ditujukan kepada orang-orang yang mampu memahami bahawa Rasulullah adalah utusan Allah. Dia ditanya, “Apakah dia beriman kepada Rasulullah atau tidak?”

Sedangkan mengenai hadis di atas yang berbunyi, “Ya Allah, lindungilah dia dari azab kubur”, dapat dijawab bahawa azab yang dimaksudkan bukanlah azab kubur dan pertanyaan seperti yang dimaksudkan bagi orang dewasa. Azab itu sekadar rasa sakit, kesusahan, kesedihan, kerugian, ketakutan dan tekanan seperti yang dirasakan oleh anak-anak.” Pendapat inilah yang benar dan tepat.

Dalam *Bahr al-Kalam*, an-Nasafi mengatakan, “Para nabi dan anak-anak orang mukmin tidak mendapat hisab, azab kubur mahupun pertanyaan dari malaikat

Munkar dan Nakir. Para sahabat kami yang menganut mazhab Syafie berpendapat bahwa seorang anak tidak perlu *ditalqin* setelah dikuburkan.”

Demikianlah yang disebutkan oleh Imam an-Nawawi, baik dalam *ar-Rawdhah* mahupun buku-buku lainnya. Itulah dalil yang menunjukkan bahwa anak-anak tidak ditanya di dalam kuburnya sebagaimana yang telah difatwakan oleh al-Hafizh Ibn Hajar.



Kemudahan dan Keluasan Kubur bagi Orang mukmin

Al-Hakim, Ibn Majah, al-Baihaqi dan Hannad menuturkan riwayat dari Hani'. Dia berkata bahawa jika 'Uthman berdiri di sebuah kubur, dia menangis hingga janggutnya basah. Dia lantas ditanya, "Engkau diingatkan akan syurga dan neraka. Janganlah engkau menangis. Siapa yang engkau tangisi?"

Lalu dia menjawab bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesungguhnya kubur itu merupakan tempat tinggal pertama di akhirat. Jika seseorang selamat darinya, proses selanjutnya akan lebih mudah. Akan tetapi jika tidak selamat, proses sesudahnya akan lebih susah."

Rasulullah s.a.w. juga bersabda, "Aku tidak pernah melihat pemandangan melainkan kubur itu lebih buruk darinya."

Sementara dari al-Barra' dituturkan, "Kami pernah bersama Rasulullah s.a.w. menghantarkan satu jenazah, lalu baginada duduk di tepi kuburnya. Baginda menangis hingga basah janggutnya. Aku pun ikut menangis. Kemudian baginda bersabda, 'Saudara-saudaraku, hendaklah kalian mempersiapkan diri untuk ini.'"

(Hadis riwayat Ibn Majah)

Sedangkan dari Ibn 'Umar dituturkan bahawa ada seseorang yang meninggal di Madinah. Rasulullah s.a.w. mengerjakan solat untuknya, kemudian bersabda, "Seandainya sahaja dia meninggal bukan di tempat kelahirannya."

Lalu ada seseorang yang bertanya, "Mengapa demikian, ya Rasulullah?"

Beliau menjawab, “Sesungguhnya jika seseorang meninggal bukan di tempat kelahirannya, akan diukurkan baginya tempat di syurga dari tempat kelahirannya sampai tempat akhir hayatnya.”

(Hadis riwayat Ahmad, an-Nasa'i dan Ibn Majah)

Sebagaimana diriwayatkan oleh Ibn Mas'ud, Rasulullah juga bersabda, “Bagi orang asing (yang meninggal tidak di tempat kelahirannya) akan diluaskan kuburnya sejauh keberadaannya dari keluarganya.”

(Hadis riwayat Abu al-Qasim ibn Mundah)

Abu Sa'id al-Khudri menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Sesungguhnya kubur itu merupakan salah satu taman syurga, atau salah satu lubang neraka.”

(Hadis riwayat Ibn Mundah)

Sementara Ibn 'Umar r.a. menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Kubur itu boleh menjadi salah satu lubang neraka Jahanam atau salah satu taman syurga.”

(Hadis riwayat al-Baihaqi dan Ibn Abi ad-Dunya)

Ibn Abi Syaibah dalam *al-Muṣannaf*, aṣ-Ṣabuni dan Ibn Mundah menuturkan bahawa 'Ali ibn Abi Ṭalib KW pernah berkhotbah seraya menuturkan, “Kubur itu boleh menjadi salah satu lubang neraka atau salah satu taman syurga. Ketahuilah, kubur itu berbicara tiga kali setiap hari. Dia berkata, 'Aku adalah rumah cacing, rumah gelap dan rumah yang menyeramkan.'”

Abu Hurairah menuturkan hadis dari Rasulullah s.a.w. Baginda bersabda, “Di dalam kuburnya, seorang mukmin berada dalam sebuah taman berwarna hijau. Kuburnya meluas hingga tujuh puluh depa serta diberi penerangan seperti cahaya bulan purnama pada malam hari.”

(Hadis riwayat Ibn Mundah)

Mu'adz, sebagaimana diceritakan oleh 'Ali ibn Ma'bad pernah bertutur, “Aku pernah berkata kepada 'Aisyah r.a., 'Beritahulah kami tentang kubur, apa yang diberikan dan apa pula perlakuan terhadapnya?’ 'Aisyah menjawab, 'Jika dia seorang mukmin, akan dilapangkan kuburnya seluas empat puluh depa.’”

Al-Qurtubi mengatakan bahawa yang demikian itu berlaku setelah adanya penyempitan kubur dan pertanyaan yang diajukan malaikat Munkar dan Nakir.

Sedangkan kubur orang kafir akan sentiasa sempit baginya. Mengenai sabda Rasulullah s.a.w., “Sesungguhnya kubur itu boleh merupakan salah satu taman syurga atau salah satu lubang neraka.” Menurut kami, hal itu suatu hal yang hakiki dan bukan metafora. Dipenuhinya kubur seorang mukmin dengan warna hijau itu memang benar adanya, iaitu dengan tumbuhnya rumput. Ibn ‘Umar sendiri menyebutnya sebagai tumbuh-tumbuhan *rayhan*.

Sebahagian ulama berpendapat bahawa hal itu hanyalah metafora sahaja. Maksudnya, bagi orang mukmin hal itu adalah keringanan pertanyaan, kemudahan jawapan, kesejahteraan, kehidupan yang baik dan keselesaan di dalamnya hingga dia dapat melihat sejauh pandangan matanya.

Al-Qurtubi mengatakan, “Pendapat yang pertama adalah lebih tepat.”

Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam *al-Zuhd* dan Ibn Abi ad-Dunya’ dalam *al-Qubur* dari Wahb ibn Munabbih. Dia menceritakan bahawa ‘Isa a.s. pernah berdiri di hadapan sebuah kubur. Bersamanya para *Hawariyyun* (sahabat-sahabat setianya). Mereka menyebut-nyebut keseraman, kegelapan dan kesempitan kubur. Mendengar itu ‘Isa berkata, “Dahulu kalian berada di tempat yang lebih sempit daripada kubur, iaitu di rahim ibu kalian. Jika Allah berkehendak untuk melapangkannya, Dia akan melapangkannya.”

Dari Abu Ghalib, sahabat Abu Umamah, Ibn Abi ad-Dunya dalam *al-Muhtadharun* berkata, “Ada seorang pemuda di Syam yang sedang menghadapi sakaratulmaut lalu dia berkata kepada pakciknya, ‘Apakah Pakcik tahu seandainya Allah menyerahkan diriku kepada ibuku, lalu apa yang akan dilakukannya terhadapku?’ Pakciknya berkata, ‘Demi Allah, ibumu akan memasukkanmu ke syurga.’ Dia berkata, ‘Demi Allah, Dia lebih sayang kepadaku daripada ibuku.’ Setelah itu, pemuda itu pun meninggal. Selanjutnya aku masuk ke dalam kuburnya bersama pakciknya tersebut. Kami kemudian meletakkan batu bata dan menaburkan tanah di atasnya. Tiba-tiba batu itu terjatuh. Pakciknya melompat ke belakang. Lalu aku bertanya, ‘Apa yang terjadi dengan engkau?’ Dia menjawab, ‘Kuburnya telah dipenuhi dengan cahaya dan dilapangkan seluas pandangan mata.’”

Melalui Muhammad ibn Aban disebutkan bahawa Hamid berkata:

Aku mempunyai anak saudara yang baru memasuki usia baligh. Suatu ketika dia sakit, lalu ibunya mengutus seseorang kepadaku. Aku pun mendatangnya.

Sesampainya di sana, aku melihat ibunya itu menangis di atas kepala anaknya.

Kemudian anak saudaraku bertanya, “Pakcik, apa yang menyebabkannya menangis?”

“Dia menangis kerana apa yang kamu alami”, jawabku.

Lebih lanjut dia mengatakan, “Bukankah dia menyayangiku?”

“Ya”, jawabku.

Dia pun melanjutkan, “Sesungguhnya Allah lebih menyayangiku daripada dia.”

Selanjutnya ketika meninggal, aku memasukkannya ke lubang kubur bersama orang-orang lainnya. Aku lantas meratakan tanah pada kubur tersebut. Aku melihat ke arah lubang kuburnya, yang ternyata membuat mataku terbeliak. Kemudian kukatakan kepada sahabatku, “Apakah engkau melihat apa yang aku lihat?”

“Ya, hendaklah memberikan ucapan selamat”, ungkapnya.

Dalam *Dzikir al-Maut*, Ibn Abu ad-Dunya menuturkan riwayat dari Abu Bakar ibn Maryam yang diterimanya dari para syeikh. Ibn Maryam menceritakan bahawa ada seorang syeikh dari Bani al-Hadrami di Basrah. Dia adalah seorang yang soleh. Dia mempunyai anak saudara (yang masih muda) yang berkawan dengan para penyanyi. Syeikh itu sangat mengambil berat. Lalu pemuda itu meninggal. Ketika pakciknya membawanya masuk ke kubur dan kemudian menutupnya dengan tanah, tiba-tiba dia meragukan beberapa hal pada diri anak saudaranya tersebut. Dia pun membongkar sebahagian batu-bata yang menutupi dan melihat ke dalam kuburnya. Ternyata dia melihat kubur itu lebih luas dari pandangan mata, sedangkan dia berada di tengah-tengahnya. Setelah itu, dia mengembalikan tanah dan batu bata itu seperti semula, lalu bertanya kepada isterinya mengenai apa yang telah dikerjakan oleh anak saudaranya itu. Isterinya menjawab, “Apabila mendengar seruan muadzin, dia berucap, *Asyhadu an La Ilaha illa Allah wa asyhadu anna Muhammad ar-Rasulullah*.”

Kemudian dia berkata, “Aku juga mengucapkan apa yang dia ucapkan itu dan mengajarkan kepada orang yang menentanginya.”

Abu al-Hasan ibn al-Barra’ menuturkan riwayat dari ‘Abdur Rahman ibn Ahmad

al-Ja'fi yang diterimanya dari 'Ali ibn Muhammad. Ibn Muhammad menerimanya dari Yazid ibn Nuh an-Nakha'i. Dia mengatakan, "Aku pernah membacakan riwayat itu kepada Syarik ibn 'Abdillah. Dia menceritakan, 'Aku pernah mengerjakan solat jenazah atas seorang mayat di Kufah, kemudian aku masuk ke dalam kuburnya. Ketika aku meletakkan batu-bata di atasnya, tiba-tiba batu-bata itu jatuh lalu terlihat olehku seolah-olah ada Ka'bah dan tawaf di dalam kubur itu."

Dalam *ad-Dibaj*, karangan Abu Ishaq Ibrahim ibn Sufyan al-Jaili, 'Abdullah ibn Muhammad al-'Abbasi menerima khabar dari 'Amr ibn Muslim yang diterimanya dari seorang penggali kubur. Dia berkata sebagai berikut:

Aku telah menggali dua lubang kubur. Ketika berada pada kubur yang ketiga, aku merasakan panas yang menyengat. Lalu aku melepaskan bajuku di atas tanah yang kugali yang kemudian aku jadikan tempat berteduh. Pada saat itu, tiba-tiba aku melihat dua orang berada di atas dua kuda yang berwarna hitam-putih (tetapi putihnya lebih banyak). Keduanya berdiri di kubur pertama, kemudian salah satunya berkata kepada yang lainnya, "Catatlah!"

"Apa yang harus aku catat?" tanyanya.

Yang menyuruh menjawab, "Jarak satu farsakh."

Setelah itu keduanya pindah ke kubur yang satu lagi, lalu salah satunya berkata, "Catatlah!"

"Apa yang harus aku catat?" tanyanya.

Dia menjawab, "Catatlah sejauh pandangan mata."

Setelah itu, mereka berdua pindah ke kubur yang di dalamnya ada aku.

"Catatlah", ujar salah satunya.

"Apa yang harus aku catat?" tanya yang lain.

"Catatlah satu jengkal."

Kemudian aku melihat ke tiga-tiga jenazah tersebut. Lalu didatangkan satu jenazah yang dihantar oleh beberapa orang, kemudian mereka berhenti pada kubur pertama. Kutanyakan, "Siapa orang ini?"

Mereka menjawab, "Dia adalah orang yang suka memberi minum orang-

orang yang berkeluarga, tetapi dia tidak mempunyai apa-apa (miskin) lalu kami mengumpulkan beberapa dirham untuknya.”

Kemudian kukatakan kepada mereka, “Berikanlah dirham itu kepada keluarganya.”

Selanjutnya aku menguburkannya bersama mereka.

Setelah itu, didatangkan satu jenazah, tidak ada orang bersamanya kecuali yang mengusungnya sahaja. Kemudian mereka menanyakan kuburnya. Mereka membawanya ke kubur yang kedua. Lalu kutanyakan, “Siapakah orang ini?”

Mereka menjawab, “Dia adalah orang yang tidak kami kenal. Dia meninggal di tempat sampah dan tidak memiliki apa pun.”

Aku tidak memungut sedikit pun dari mereka. Lalu aku pun menguburkannya.

Selanjutnya, aku duduk menunggu jenazah yang ketiga. Aku masih menunggunya sampai waktu isyak. Tidak lama setelah itu, dibawa satu jenazah wanita, isteri panglima. Aku lantas meminta upah tetapi mereka malah memukul kepalaku dan kemudian mereka pun menguburkannya.

Dari Ja’far ibn Sulaiman, Ibn Abi ad-Dunya menuturkan bahawa ada seseorang yang menyaksikan seorang mayat telah diletakkan di dalam lubang kuburnya, lalu dia berkata, “Sesungguhnya Tuhan yang telah memberikan kemudahan bagi bayi di dalam rahim ibunya mampu untuk memberikan kemudahan bagimu.”

Melalui Abu Ghaţfan al-Mari, Ibn Abi ad-Dunya juga menuturkan bahawa ‘Umar pernah bertanya, “Ya Rasulullah, kalau engkau menakut-nakuti kami, kami sering merasa sangat takut. Lantas, bagaimana dengan kegelapan dan kesempitan kubur?”

Baginda bersabda, “Seorang hamba itu diwafatkan dalam keadaan seperti ketika nyawanya dicabut.”

Dalam *al-Ghuraba’*, al-Ajiri menuturkan riwayat dari Şalt ibn Hakim bahawa Abu Yazid, salah seorang penduduk Bahrain berkata, “Aku pernah memandikan seorang mayat di Bahrain, ternyata pada kulitnya tertulis: *Keuntungan bagimu, wahai orang asing.*”

Ternyata tulisan itu berada di antara kulit dan daging.

Sementara Ibn 'Asakir dalam *Tarikhnya* menuturkan riwayat dari 'Abdurrahman ibn Imarah ibn 'Uqbah ibn Abu Mu'it. Dia berkata, "Aku pernah menghadiri satu jenazah, iaitu al-Ahnaf ibn Qais dan aku adalah salah seorang yang ikut masuk ke kuburnya. Ketika aku menutupnya dengan tanah, aku melihatnya telah dilapangkan sejauh pandangan mataku. Kemudian hal itu aku beritahukan kepada para sahabatku, ternyata mereka tidak melihat apa yang aku lihat."

Ibn Abi Syaibah dalam *al-Muṣannaf* dan AbuDaud menuturkan hadis dari 'Aisyah r.a. Dia menceritakan, "Ketika an-Najasyi meninggal, kami berbicara bahawa di dalam kuburnya masih terus diperlihatkan cahaya."

Sementara Abu Nu'aim menuturkan riwayat dari al-Mughirah ibn Habib. Dia menuturkan bahawa 'Abdullah ibn Ghalib ad-Dani terbunuh sebagai syahid di dalam peperangan. Ketika dikuburkan, orang-orang mencium bau wangi minyak kasturi dari kuburnya. Kemudian salah seorang dari saudaranya bermimpi melihatnya. Saudaranya itu bertanya, "Apa yang telah engkau perbuat?"

"Perbuatan yang paling baik."

"Ke mana engkau kembali?" tanyanya.

Dia menjawab, "Ke syurga."

"Dengan apa engkau memasukinya?" tanyanya lebih lanjut.

Dia menjawab, "Dengan keyakinan yang kuat, solat tahajud yang panjang dan rasa haus di siang hari (puasa)."

"Lalu bau wangi apa yang muncul dari dalam kuburmu ini?" tanya lagi.

Dia menjawab, "Itu adalah bau wangi bacaan al-Quran dan puasa."

Malik ibn Dinar, sebagaimana disebutkan dalam *al-Zuhd* oleh Imam Ahmad berkata, "Aku masuk ke dalam kubur 'Abdullah ibn Ghalib lalu aku mengambil sedikit tanahnya. Ternyata tanah itu bau minyak kasturi. Orang-orang pun tertarik kepadanya."

Dalam *al-Firdaus*, karangan ad-Dailami dicantumkan hadis dari 'Ali sebagai hadis *marfu'* yang berbunyi, "Tempat pengadilan akhirat yang pertama adalah

kubur.”

Sementara dari Ibn ‘Abbas disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Kasih sayang Allah kepada hamba-Nya yang paling besar adalah ketika dia dimasukkan ke dalam kuburnya serta ditinggalkan oleh orang-orang dan keluarganya.”

Sedangkan dari Anas dituturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Sesungguhnya Allah sangat sayang kepada seorang hamba ketika dia diletakkan di dalam lubang kuburnya.”

Abu ‘Aşim al-Hanbali, sebagaimana diriwayatkan oleh Ibn Abi ad-Dunya mengatakan, “Sesungguhnya hal yang pertama kali disampaikan kepada seorang mukmin di dalam kuburnya adalah ucapan, ‘Bergembiralah kerana telah diberikan ampunan kepada orang-orang yang ikut menghantar jenazahmu.’”

Dari Jabir ibn ‘Abdillah dituturkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda, “Hadiah bagi orang mukmin yang pertama kali adalah diberikannya ampunan kepada orang-orang yang ikut pergi menghantarkan jenazahnya.”

Ibn ‘Abbas menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Sesungguhnya pahala yang diberikan kepada orang mukmin setelah kematiannya adalah diberikannya ampunan kepada seluruh orang yang menghantarnya.”

(Hadis riwayat al-Bazzar)

Dalam masalah ini, ada juga hadis dari Salman al-Farisi yang dituturkan oleh Abu Syaikh yang diterimanya dari Abu Hurairah. Hadis ini diriwayatkan oleh al-Hakim, al-Baihaqi dan al-Khatib.

Ummu Salmah mengatakan bahawa ketika Abu Salmah meninggal dunia, Rasulullah s.a.w. berdoa, “Ya Allah, lapangkanlah kuburnya serta terangilah dia di dalam kuburnya.”

(Hadis riwayat Muslim)

Sedangkan dari Abu Hurairah diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda, “Sesungguhnya kubur-kubur ini dipenuhi dengan kegelapan bagi penghuninya dan sesungguhnya Allah akan meneranginya dengan solatku atas mereka.”

(Hadis riwayat Muslim)

Ad-Dailami menuturkan hadis dari Anas ibn Malik. Dia mengatakan bahawa

Rasulullah s.a.w. bersabda, “Ketawa di masjid merupakan kegelapan di dalam kubur.”

Dalam *at-Tahajjud*, Ibn Abi ad-Dunya menuturkan hadis dari as-Sirri ibn al-Mukhalid bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda kepada Abu Dzar, “Jika engkau hendak pergi jauh, pasti engkau akan mempersiapkannya dengan baik. Lalu bagaimana halnya dengan pergi menuju Hari Kiamat? Wahai Abu Dzar, mahukah engkau aku beritahu mengenai sesuatu yang bermanfaat bagimu pada hari itu?”

“Tentu, demi ayah dan ibuku”, jawabnya.

Kemudian baginda bersabda, “Berpualah pada hari yang sangat panas sebagai bekal pada hari kebangkitan dan solatlah dua rakaat pada gelapnya malam sebagai bekal ketika menghadapi seramnya kubur.”

‘Ali ibn Abi Ṭalib KW menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Siapa sahaja yang mengucapkan kalimat *La ilaha illa Allah al-Malik al-Haqq al-Mubin* setiap hari sebanyak seratus kali, baginya keselamatan dari kefakiran, kebahagiaan dalam menghadapi seramnya kubur dan pintu-pintu syurga yang terbuka.”

(Hadis riwayat ad-Dailami dan al-Khaṭīb dari Imam Malik, Abu Nu‘aim dan Ibn ‘Abd al-Birr)

Hadis tersebut juga diriwayatkan oleh al-Khaṭīb dari Ibn ‘Umar.

Sedangkan dari Ibn ‘Abbas diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Jika seorang alim meninggal dunia, Allah akan menggambarkan ilmunya di dalam kuburnya, diberikan kesenangan hati sampai Hari Kiamat serta diselamatkan dirinya dari binatang bumi.”

(Hadis riwayat ad-Dailami)

Imam Ahmad dalam *al-Zuhd* dan Ibn ‘Abd al-Birr dalam *al-‘Ilm* menuturkan riwayat dari Ka‘ab. Dia mengatakan bahawa Allah ‘Azza wa Jalla telah mewahyukan kepada Musa a.s. “Pelajarilah kebaikan dan ajarkan kebaikan itu kepada manusia kerana sesungguhnya aku akan menerangi kubur para pengajar dan orang yang mencari ilmu sehingga mereka tidak merasa takut dengan tempat (kubur) mereka itu.”

Ja‘far ibn Muhammad menuturkan hadis dari ayahnya yang diterima dari datuknya. Dia berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

Tidaklah seseorang membahagiakan seorang mukmin melainkan dari kebahagiaan itu Allah akan menciptakan baginya malaikat yang mengabdikan dan mengesakan-Nya. Jika seorang hamba telah dikembalikan ke kuburnya, kebahagiaan itu akan mendatangnya seraya berkata kepadanya, “Apakah engkau mengenalku?”

“Siapakah engkau?” sahutnya.

“Aku adalah kebahagiaan yang telah engkau berikan kepada si fulan. Hari ini aku menghibur kedukaanmu, membimbing *hujjah*mu, meneguhkan ucapanmu, memberikan kesaksian bagimu pada Hari Kiamat, memberikan syafaat kepadamu dan memperlihatkan tempatmu di surga.”

(Hadis riwayat Muhammad ibn Lal, Abu Syaikh dan Ibn Abi ad-Dunya)

Abu Kahil menuturkan bahwa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Ketahuilah Abu Kahil, sesiapa sahaja yang menghindarkan rasa sakit dari diri manusia, Allah pasti akan menghindarkannya dari rasa sakit di dalam kuburnya.”

(Hadis riwayat Ibn Mundah)

Abu Fadhal at-Tusi menuturkan riwayat dalam *‘Uyun al-Akhbar* sebagai hadis *marfu’* dengan *sanad* dari ‘Umar, “Siapa sahaja yang menerangi masjid-masjid Allah dengan sesuatu, Allah akan menerangi kuburnya kelak. Sesiapa sahaja yang menyebarkan bau wangi di dalamnya, Allah akan menyebarkan di dalam kuburnya bau wangi dari surga.”

Abu Bakar as-Siddiq KW menuturkan bahwa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Musa pernah bertanya, ‘Tuhanku, apa yang diberikan bagi orang yang menjenguk orang sakit?’ Dia berfirman, ‘Ditugaskan kepadanya dua malaikat yang akan menjenguknya di alam kuburnya sehingga dia dibangkitkan.’”

(Hadis riwayat ad-Daylami)

Dari al-Hasan, Sa’id ibn Mansur menuturkan bahwa Musa berkata, “Tuhanku, apa yang diberikan kepada orang yang menjenguk orang sakit?”

Dia berfirman, “Ditugaskan para malaikat yang akan menjenguknya.”

At-Tirmidzi mengatakan, “Dihisabnya orang mukmin di kubur agar lebih ringan seksa baginya di akhirat kelak. Dia dibersihkan dari dosanya di alam barzakh sehingga dia keluar dari kubur dalam keadaan telah dihisab.”

'Aisyah menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Seseorang akan dihisab pada Hari Kiamat kelak lalu diberi keampunan; seorang Muslim melihat amalnya di kuburnya."

(Hadis riwayat Ahmad)

Dari Hudzaifah, Ibn 'Asakir mengatakan, "Demi Allah yang jiwaku berada di tangan-Nya, tidaklah seseorang meninggal sementara dalam hatinya masih terdapat kecintaan terhadap pembunuhan 'Uthman meski hanya sebesar biji sawi melainkan akan diikuti Dajjal, jika Dajjal itu mengetahuinya. Jika tidak mengetahuinya, dia selamat dari Dajjal dalam kuburnya."



Semoga Allah melindungi kita dari azab kubur.

Mengenai azab kubur ini, al-Quran telah menyebutnya di beberapa tempat, sebagaimana yang telah dijelaskan dalam *al-Iklil fi Istinbat at-Tanzil*.

Abu Hurairah menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah berdoa, "Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari azab kubur."

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Dari 'Aisyah r.a. diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, "Azab kubur adalah suatu kebenaran."

Zaid ibn Thabit berkata:

Ketika Nabi s.a.w. berada di kebun Bani an-Najjar untuk melihat keldai miliknya dan kami ada bersamanya. Tiba-tiba keledai itu menghampiri baginda dan hampir-hampir menyondolnya. Ternyata di situ ada enam, lima atau empat kubur. Baginda bertanya, "Siapa yang mengenal penghuni kubur-kubur ini?"

Seseorang menjawab, "Aku."

Baginda bertanya lagi, "Bila mereka ini meninggal?"

"Mereka ini mati dalam kemusyrikan", jawabnya.

Selanjutnya baginda berkata, "Sesungguhnya umat ini diuji di dalam kuburnya. Kalau bukan kerana kalian juga akan saling menguburkan, nescaya aku akan memohon kepada Allah agar memperdengarkan kepada kalian azab kubur seperti yang aku dengar."

'Aisyah r.a. menuturkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda, "Sesungguhnya para

penghuni kubur itu diazab di dalam kubur mereka dengan azab yang didengar oleh semua binatang.”

(Hadis riwayat Ibn Abi Syaibah dan asy-Syaikhhan)

Sementara Jabir menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah masuk ke dalam kebun kurma milik Bani an-Najjar. Lalu baginda mendengar beberapa orang dari Bani an-Najjar yang meninggal pada masa jahiliah, diazab di dalam kuburnya. Baginda keluar dalam keadaan takut, lalu memerintahkan para sahabat untuk memohon perlindungan dari azab kubur.”

(Hadis riwayat Ahmad dan al-Bazzar)

Dari Abu Sa'id al-Khudri dituturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Akan dilemparkan ke dalam kubur orang kafir berupa ular naga sebanyak sembilan puluh sembilan ekor yang akan menggigitnya hingga Hari Kiamat.”

(Hadis riwayat Imam Ahmad, Abu Ya'la dan al-Ajiri)

Sementara dari Abu Hurairah dituturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Di dalam kuburnya, seorang mukmin seperti berada di dalam taman; diberikan kelapangan kubur baginya seluas tujuh puluh depa; diberikan pula penerangan baginya seperti cahaya bulan purnama di malam hari. Apakah kalian tahu mengenai ayat: *Sesungguhnya baginya penghidupan yang sempit?*”

Mereka menjawab, “Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui.”

Baginda berkata, “Iaitu mengenai azab orang kafir di dalam kuburnya. Demi Allah yang jiwaku berada di tangan-Nya, akan dilemparkan kepadanya sembilan puluh sembilan ular naga yang melilit badannya, menyengat dan mengoyak-ngoyaknya sampai datang Hari Kiamat kelak.”

(Hadis riwayat Abu Ya'la, al-Ajiri dan Ibn Mundah)

Dari Aisyah r.a. disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Akan dikirimkan kepada orang kafir dua ikan besar: satu melalui bahagian kepalanya dan yang lainnya melalui bahagian kedua kakinya. Keduanya menggigitnya hingga putus. Setiap kali selesai melakukannya, keduanya pulang dan itu berterusan sampai Hari Kiamat.”

(Hadis riwayat Ahmad)

Abu Hurairah kembali menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Bersihkanlah dirimu dari air kencing kerana kebanyakan azab kubur itu kerana

air kencing.”

(Hadis riwayat Ibn Abi Syaibah, Ibn Abi ad-Dunya dan al-Ajiri)

Sementara dari Ibn ‘Abbas dituturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah berjalan melintasi dua kubur, lalu baginda bersabda, “Sesungguhnya kedua-dua orang yang ada di dalam kubur ini diazab. Keduanya diazab bukan kerana dosa besar. Salah satunya kerana dia tidak membersihkan diri dari air kencing, sedangkan yang lainnya kerana mengadu domba.”

Kemudian baginda mengambil pelepah kurma yang masih basah dan membelahnya menjadi dua, lalu meletakkan pada setiap kubur satu buah. Para sahabat bertanya, “Ya Rasulullah, mengapa engkau mengerjakan hal itu?”

Beliau menjawab, “Mungkin pelepah itu dapat meringankan keduanya selama belum mengering.”

(Hadis riwayat al-Bukhari, Muslim dan Ibn Abi Syaibah)

Maimunah menuturkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda, “Maimunah, berlindunglah engkau kepada Allah dari azab kubur. Sesungguhnya di antara azab kubur yang paling pedih adalah disebabkan oleh *ghibah* dan air kencing.”

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya dan al-Bailhaqi)

Dari Ya’la’ Ibn Siyabah disebutkan bahawa Nabi s.a.w. pernah mendatangi sebuah kubur yang penghuninya sedang diuji. Baginda berkata, “Sesungguhnya dia telah memakan daging manusia.”

Kemudian baginda meminta untuk diambikkan pelepah kurma yang masih basah, lalu meletakkan di atas kuburnya. Lebih lanjut beliau bersabda, “Mungkin pelepah itu dapat meringankannya, selama pelepah itu masih basah.”

Sementara Ya’la ibn Murrah berkata:

Aku pernah berjalan melintasi beberapa kubur bersama Rasulullah s.a.w, lalu aku mendengar himpitan dalam suatu kubur. Kutanyakan, “Ya Rasulullah, aku mendengar himpitan dalam suatu kubur.”

“Apakah engkau mendengarnya, wahai Abu Ya’la?” sahut beliau.

“Ya”, jawabnya.

Lebih lanjut beliau berkata, “Sesungguhnya dia diazab kerana dosa kecil.”

Kutanyakan, “Apakah dosa kecil itu?”

“Dia mengadu domba di kalangan umat manusia dan tidak membersihkan diri dari kencing.” Kemudian beliau meletakkan pelepah kurma.

Ya’la ibn Murrah adalah Ya’la ibn Siyabah dan Siyabah adalah ibunya.

(Hadis riwayat al-Baihaqi dalam *Dala’il an-Nubuwah*)

Dari Anas ibn Malik dituturkan bahwa Rasulullah s.a.w. berada di sebuah kebun kurma milik Abu Ṭalhah. Bilal berjalan di belakang baginda. Baginda melintasi sebuah kubur, lalu beliau berkata, “Bilal, apakah engkau mendengar apa yang aku dengar? Penghuni kubur ini sedang diazab.”

Kemudian Bilal menanyakan hal itu, sehingga dia mengetahui bahwa penghuni kubur itu adalah seorang Yahudi.”

(Hadis riwayat Ahmad)

Dari Abu Hurairah diriwayatkan bahwa Nabi s.a.w. pernah bersabda “Sesungguhnya azab kubur itu disebabkan oleh tiga hal, iaitu: *ghibah* (mengumpat), *namimah* (mengadu domba) dan air kencing. Oleh sebab itu hendaklah kalian menjauhinya.”

(Hadis riwayat al-Baihaqi)

Sementara Qatadah mengatakan, “Azab kubur itu sepertiganya dari *ghibah*, sepertiga dari *namimah* dan sepertiga lagi dari air kencing.”

Ummu Mubasyir menuturkan bahwa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Mohonlah kalian perlindungan dari azab kubur.”

Kutanyakan, “Ya Rasulullah, apakah mereka itu diazab di dalam kubur mereka?”

“Ya, iaitu suatu azab yang didengar oleh segala macam binatang.”

(Hadis riwayat Ibn Abi Syaibah, Ahmad, Ibn Hibban dan al-Ajiri)

Dari Ibn Ma’sud diriwayatkan bahwa Nabi s.a.w. bersabda, “Sesungguhnya mayat-mayat itu diazab di dalam kubur mereka hingga binatang-binatang itu mendengar suara mereka.”

(Hadis riwayat at-Ṭabrani)

Dalam *al-Awsaṭ*, disebutkan bahwa Abu Sa’id al-Khudri berkata, “Aku

pernah bersama Rasulullah s.a.w. dalam suatu perjalanan. Beliau berjalan di atas kenderaannya. Tiba-tiba haiwan kenderaannya itu seperti ketakutan dan menjauhkan diri. Kutanyakan, “Ya Rasulullah, mengapa haiwan tunggangan engkau itu menjauh?”

Beliau menjawab, “Kerana dia mendengar suara seseorang yang diazab di dalam kuburnya sehingga dia berlari menjauh darinya.”

(Hadis riwayat at-Tabrani)

Ibn Abi Syaibah menuturkan mengenai firman Allah s.w.t., “*Sebagaimana orang-orang kafir yang telah berada dalam kubur berputus asa*”, ‘Ikrimah mengatakan, “Jika orang-orang kafir masuk ke dalam kubur, diturunkan kepada mereka kehinaan yang telah dijanjikan Allah kepada mereka sehingga mereka berputus asa dari rahmat Allah.”

Abu ar-Rafi’ berkata:

Aku pernah berjalan bersama Rasulullah s.a.w. di Baqi’, lalu baginda berkata, “Ah, ah!”

Aku menyangka baginda murka terhadap diriku, lalu kukatakan, “Ya Rasulullah, ada sesuatu menimpaku.”

“Apa itu?” tanya beliau.

Kutanyakan, “Apakah engkau memarahiku?”

“Tidak, tetapi kerana si fulan, penghuni kubur ini. Aku pernah mengutusnyanya membahagikan harta rampasan kepada Bani fulan, lalu dia mengambil baju untuk dirinya sendiri. Sekarang kepadanya dipakaikan baju besi yang serupa dari api neraka”, jawab beliau.

(Hadis riwayat Ahmad, an-Nasa’i, Ibn Khuzaimah dan al-Baihaqi)

Dari Ibn Mas’ud disebutkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda, “Pernah diperintahkan kepada kubur untuk memukul salah seorang dari hamba Allah dengan seratus pukulan, tetapi masih terus diminta dan dimohon dikurangkan hingga akhirnya menjadi satu kali pukulan sahaja. Lantas kuburnya pun dipenuhi dengan api. Ketika api itu menghilang, dia sedar dan bertanya, “Atas dasar apa kalian memukulku?”

Mereka menjawab, “Engkau pernah mengerjakan solat tanpa bersuci dan

pernah berjalan melintasi orang yang dizalimi tetapi engkau tidak menolongnya.”

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Abu Syaikh)

Dari Samurah ibn Jundab dituturkan bahawa di antara yang sering disampaikan Rasulullah s.a.w. kepada para sahabat adalah, “Apakah salah seorang di antara kalian pernah bermimpi?”

Pada suatu pagi, beliau pernah berkata kepada kami:

Malam tadi aku didatangi oleh dua orang dalam mimpi. Keduanya berkata kepadaku, “Mari ikut pergi bersama kami.”

Lalu aku pun berangkat bersama mereka. Keduanya membawaku keluar ke tanah suci. Kami lantas mendatangi seseorang yang sedang berbaring, sementara yang lainnya berdiri sambil memegang batu karang. Dengan batu tersebut, dia menumbuk kepalanya (orang yang berbaring) hingga pecah dan batunya pun hancur. Kemudian dia (orang yang berdiri) itu mengejar batu itu dan mengambilnya. Setelah itu, dia kembali ke orang yang berbaring itu. Namun kepala orang tersebut telah kembali seperti sediakala. Selanjutnya dia (orang yang berdiri) kembali dan melakukan hal yang sama seperti yang dilakukannya pertama kali. Kemudian kukatakan kepada orang yang membawaku, “*Subhanallah*, mengapa kedua orang tersebut?”

Keduanya menjawab, “Mari ikut pergi bersama kami.”

Kami mendatangi seorang yang tidur terlentang, sementara yang lainnya berdiri sambil membawa besi penggantung anjing. Orang kedua lalu mendatangi salah satu sisi wajah orang pertama. Dia mengoyak tepi mulutnya hingga sampai ke tengkuknya, bahagian bawah hidung sampai ke tengkuknya, serta mata sampai ke tengkuknya. Setelah itu, dia berpindah ke sisi wajah lainnya lalu dia melakukan hal yang sama seperti pada sisi wajah yang pertama. Dia tidak berhenti sehingga sisi wajah tersebut kembali seperti sediakala. Setelah itu, dia kembali melakukan hal yang sama seperti pada kali pertama. Dia tidak berhenti sehingga sisi wajah tersebut kembali seperti sediakala. Setelah itu, dia kembali melakukan hal yang sama seperti pada kali pertama. Kemudian kutanyakan, “*Subhanallah*, mengapa kedua orang tersebut?”

Lalu kedua-dua orang yang membawaku berkata, “Mari ikut bersama kami.”

Lalu kami mendatangi suatu tempat seperti pembakar (tempat membuat roti), ternyata di dalamnya terdapat pelbagai suara gaduh dan teriakan-teriakan keras. Selanjutnya kami melihat ke dalamnya dan kami melihat beberapa orang lelaki dan perempuan dalam keadaan telanjang. Dari bawah mereka muncul lidah api. Jika lidah api itu mendekatinya, mereka menjerit meminta tolong. Kemudian kutanyakan, “Siapakah mereka ini?”

Kedua orang itu berkata, “Mari ikut pergi bersama kami.”

Lalu kami mendatangi sungai merah seperti darah. Di dalamnya terdapat seseorang yang sedang berenang, sementara di tepinya ada orang lain yang membawa banyak batu. Jika orang yang berenang itu mendekati orang yang berada di tepi sungai itu, orang itu melemparnya dengan batu. Dia (orang yang berenang) pun berenang menjauh darinya. Kemudian dia kembali lagi, orang itu pun melemparnya dengan batu. Kutanyakan kepada kedua orang yang membawaku, “Kenapa mereka berdua ini?”

Keduanya menjawab, “Mari ikut bersama kami.”

Lalu kami mendatangi seseorang yang sangat membenci cermin. Ternyata ada api yang membakar dan mengelilinginya. Kepada keduanya kutanyakan, “Apa yang terjadi padanya?”

Mereka tetap memberikan jawapan yang sama, “Mari ikut pergi bersama kami.”

Kemudian kami mendatangi sebuah taman yang sangat hijau, yang di dalamnya terdapat pelbagai macam bunga. Di dalam taman tersebut ternyata terdapat seseorang yang sangat tinggi hingga aku tidak dapat melihat kepalanya yang hampir mendekati langit. Di sekelilingnya terdapat beberapa anak kecil yang aku sendiri sama sekali tidak dapat melihatnya. Kemudian kedua orang itu berkata kepadaku, “Mari kita teruskan perjalanan.”

Lalu kami mendatangi sebuah taman besar yang mana aku belum pernah menyaksikan taman sebesar dan seindah taman itu sebelumnya. Keduanya berkata kepadaku, “Naiklah ke taman itu.”

Kami pun menaikinya hingga sampai di sebuah kota yang didirikan dengan batu bata emas dan perak. Kemudian kami mendatangi kota tersebut dan meminta

untuk dibukakan pintunya. Lantas dibukalah pintu untuk kami dan kami masuk. Kami menemukan beberapa orang di dalamnya. Sebahagian dari mereka sangat bagus dan sebahagian yang lainnya sangat buruk. Kedua orang tadi berkata kepada mereka, “Pergi dan terjunlah kalian ke sungai itu.”

Ternyata sungai tersebut mengalir deras dengan air yang sangat putih dan jernih. Mereka pun pergi dan terjun ke dalamnya. Setelah itu, mereka kembali kepada kami. Ternyata bahagian tubuhnya yang buruk tadi sudah hilang sehingga mereka benar-benar tampan dan indah.

Kemudian kedua orang itu berkata, “Inilah syurga ‘Adn dan inilah tempat tinggalmu.”

Kemudian pandanganku kuarahkan ke atas dan terlihat olehku istana seperti awan yang berwarna putih. Keduanya berkata kepadaku, “Inilah tempat tinggalmu.”

Kukatakan, “Semoga Allah memberkati kalian berdua, perkenankan aku untuk memasukinya.”

Keduanya menjawab, “Sekarang belum waktunya, kelak engkau akan memasukinya.”

Lebih lanjut kukatakan, “Sejak semalam aku telah menyaksikan beberapa pemandangan yang menghairankan. Apakah sebenarnya yang telah aku saksikan itu?”

Keduanya berkata, “Orang yang dipecahkan kepalanya dengan batu adalah orang yang mengambil al-Quran lalu melemparkannya dan tidak mengerjakan solat wajib. Hal itu akan terus dijalaninya sampai Hari Kiamat. Sedangkan orang yang dikoyak wajahnya dari tepi mulut sampai ke tengkuk, dari bawah hidung sampai ke tengkuk dan dari mata sampai ke tengkuk adalah orang yang keluar dari rumahnya dan menyebarkan kebohongan di mana-mana. Hal itu akan terus dialaminya sampai Hari Kiamat. Beberapa orang lelaki dan juga perempuan yang telanjang yang berada di dalam ketuhar pembakar adalah mereka yang berbuat zina. Sedangkan orang yang berenang di sungai dan dilempari batu adalah pemakan riba. Sementara yang sangat membenci cermin, yang kemudian dibakar api adalah raja penabung jahanam. Sedangkan orang tinggi yang berada di dalam

taman itu adalah Ibrahim a.s. dan anak-anak itu adalah mereka yang meninggal dalam keadaan fitrah (suci).” (Para sahabat bertanya, “Ya Rasulullah, termasuk juga anak-anak orang muyrik?” Beliau menjawab, “Ya, termasuk di dalamnya anak orang-orang musyrik)

“Sedangkan orang-orang yang sebahagian tubuhnya baik dan sebahagian lainnya buruk adalah kaum yang mencampur amal kebaikan dengan amal keburukan, lalu Allah mengampuni mereka. Aku adalah Jibril dan ini adalah Mika'il”, lanjut keduanya.

Para ulama mengatakan, “Ini adalah naş tentang azab di alam barzakh. Sesungguhnya mimpi para nabi adalah wahyu yang setara dengan perintah terus dari Allah.”

Penulis pernah berkata, “Beritahukan kepadaku mengenai taman tersebut.”

Ad-Daruqutni menjawab, “Mereka itu adalah anak-anak yang diserahkan kepada Nabi Ibrahim untuk dipelihara sampai Hari Kiamat kelak.”

Kutanyakan mengenai orang yang berenang di sungai, ad-Daruqutni menjawab, “Itu adalah pelaku ribadan itulah makanannya di dalam kubur sampai Hari Kiamat kelak.”

“Sedangkan orang yang dipecahkan kepalanya?” tanyaku.

Dia menjawab, “Itu adalah orang yang belajar al-Quran, kemudian tidur dan melupakannya; dia tidak membacanya sama sekali. Setiap kali bangun, kepalanya ditumbuk di dalam kuburnya. Sampai Hari Kiamat tiba, para malaikat tidak akan membiarkannya tertidur.”

Abu Musa al-Asy'ari menuturkan bahwa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Aku pernah menyaksikan beberapa orang dipotong kulitnya dengan alat potong dari api neraka.”

Kutanyakan, “Lalu mengapa mereka menerima akibat seperti itu?”

Beliau menjawab, “Mereka ini adalah orang-orang yang berhias dengan apa yang sesungguhnya tidak diperbolehkan bagi mereka.”

Lanjut beliau, “Aku juga melihat sumur yang baunya sangat busuk dan di dalamnya terdapat suara jeritan.”

“Siapa orang yang berada di dalamnya itu?” tanyaku.

Beliau menjawab, “Mereka itu adalah wanita-wanita yang berhias dengan hal-hal yang tidak diperbolehkan bagi mereka.”

“Selain itu, aku juga menyaksikan suatu kaum yang mandi dalam air kehidupan”, kata beliau.

“Lalu siapakan mereka itu ?” tanyaku.

Beliau menjawab, “Mereka itu adalah kaum yang mencampur amal soleh dengan amal yang buruk.”

(Hadis riwayat al-Khatib dan Ibn 'Asakir)

Dalam *at-Tarikh*, Ibn 'Asakir meriwayatkan hadis dari 'Ali ibn Abi Ṭalib K.W. Ali berkata bahawa Rasulullah s.a.w. pernah mengerjakan solat subuh bersama para sahabat. Ketika solat subuh selesai dilaksanakan, beliau menoleh pada para sahabat seraya berkata:

Tadi malam aku bermimpi melihat dua malaikat. Keduanya memegang lenganku dan membawaku ke langit. Lalu aku melintasi malaikat yang di hadapannya terdapat seorang anak Adam dan di tangannya (malaikat) memegang batu karang. Kemudian malaikat itu memukul kepala orang itu hingga otaknya jatuh ke salah satu sisi tubuhnya, sementara batu karang itu ke sisi yang lain. Aku bertanya, “Mengapa orang itu?”

“Tinggalkan, mari kita jalan!”

Kemudian aku berjalan, tiba-tiba aku melihat malaikat yang di hadapannya terdapat seorang anak Adam dan di tangan malaikat itu terdapat besi penggantung anjing. Lalu malaikat itu menancapkan besi itu pada tepi mulut anak Adam itu nya dan kemudian mengoyaknya sampai ke telinga. Kemudian malaikat itu hendak melakukan hal yang sama pada wajah sebelah kiri, sementara wajah sebelah kanan tadi sudah kembali seperti sediakala. Aku bertanya, “Mengapa orang ini?”

Mereka pun berkata, “Sudahlah, jalan terus!”

Aku pun berjalan hingga akhirnya bertemu dengan sungai yang berisi darah yang mendidih seperti mendidihnya air di kual. Di dalamnya terdapat orang-orang telanjang, sedangkan di tepi sungai itu berdiri para malaikat dengan membawa

batu. Setiap kali mereka muncul dari dalam sungai itu, para malaikat melemparinya hingga akhirnya tenggelam sampai ke dasar sungai. Lalu kutanyakan, “Siapakah orang-orang ini?”

Mereka malah berucap, “Sudah, jalan terus!”

Kemudian aku berjalan hingga akhirnya sampai di suatu rumah, yang bahagian bawahnya lebih sempit daripada bahagian atasnya. Di dalamnya terdapat orang-orang bertelanjang. Dari bawah mereka ada api yang menyala-nyala. Aku menutup hidungku dari bau busuk mereka. Selanjutnya kutanyakan, “Siapakah mereka itu?”

“Mari jalan terus”, sahutnya.

Aku berjalan hingga sampai pada sebuah bukit hitam yang di atasnya terdapat orang-orang yang tubuhnya sudah rosak. Dari dubur mereka ditiupkan api hingga keluar dari mulut, hidung, telinga dan mata mereka. Kutanyakan, “Siapakah mereka ini?”

Mereka berdua hanya berucap, “Ayuh, jalan terus!”

Aku berjalan hingga sampai pada suatu api yang tidak pernah padam. Padanya ditugasi seorang malaikat, sehingga tidak ada seorang pun yang keluar dari api itu melainkan malaikat mengikutinya dan kemudian mengembalikannya lagi. “Siapakah mereka itu?” tanyaku.

Mereka hanya berucap, “Sudah, kita jalan terus!”

Kemudian aku berjalan hingga akhirnya sampai di sebuah taman. Di dalamnya ada seorang tua yang sangat tampan dan tiada bandingan. Dia dikelilingi oleh anak-anak. Di sekitarnya terdapat pepohon yang daunnya seperti telinga gajah. Lalu aku menaiki pohon tersebut. MasyaAllah, di sana aku mendapati rumah-rumah yang sangat bagus yang tiada tandingannya. Rumah-rumah itu terbuat dari mutiara dan batu permata hijau serta batu mulia berwarna merah. Kutanyakan, “Tempat apa itu?”

Mereka pun menjawab, “Sudahlah, ayuh jalan!”

Setelah itu, aku berjalan hingga akhirnya berhenti pada sebuah sungai yang padanya terdapat dua jambatan dari emas dan perak. Di tepinya terdapat rumah-rumah yang sangat indah dan tiada bandingannya, yang terbuat dari mutiara, batu

permata hijau dan batu mulia berwarna merah. Di dalamnya terdapat gelas dan cerek.

Kutanyakan, "Tempat apa ini?"

Keduanya mengatakan kepadaku, "Singgahlah!"

Aku pun singgah. Aku lantas memasukkan tanganku ke salah satu bekas dan minum dari bekas itu. Ternyata rasanya lebih manis daripada madu, lebih putih daripada susu dan lebih halus daripada mentega.

Kemudian mereka berkata, "Mengenai malaikat yang ditangganya memegang batu karang, yang engkau lihat dia memukul kepala orang itu hingga otaknya jatuh ke tepi tubuhnya, sedangkan batu karang itu ke bahagian yang lain; mereka adalah orang-orang yang tidur hingga tidak mengerjakan solat isya dan mengerjakan solat tetapi tidak pada waktunya. Mereka ini dipukul hingga mereka masuk neraka. Malaikat yang memegang besi penggantung anjing adalah mereka yang suka mengata di tengah-tengah kaum Muslim, sehingga mereka ini hancur binasa di tengah-tengah mereka dan diazab kerananya hingga masuk neraka.

Orang-orang yang dilempari batu oleh para malaikat adalah pemakan riba. Mereka akan terus diazab hingga masuk neraka. Orang-orang telanjang tersebut adalah para penzina, kemaluan mereka berbau busuk dan mereka terus diazab hingga masuk neraka. Orang-orang yang tubuhnya rosak adalah mereka yang menjalankan kebiasaan homoseksual, baik pelaku mahupun objeknya. Mereka itu diazab hingga masuk neraka. Sedangkan api yang tiada pernah padam adalah api neraka Jahanam. Taman itu pula adalah Jannah al-Ma'wa'.

Sementara orang tua yang engkau lihat itu adalah Nabi Ibrahim yang dikelilingi oleh anak-anak kaum Muslim. Sedangkan pohon itu adalah Sidratul Muntaha. Rumah-rumah yang berada di dalamnya adalah rumah penghuni *'Iliyin* dari kalangan para nabi, para *shiddiqin*, syuhada dan orang-orang soleh. Adapun sungai tersebut adalah nikmat yang diberikan Allah kepada engkau. Itu adalah tempat tinggal engkau dan keluarga engkau."

Abu Sa'id al-Khudri menuturkan hadis dari Nabi s.a.w. mengenai hadis Isra Miraj. Baginda bersabda:

Aku berjalan beberapa langkah. Tiba-tiba di hadapanku ada meja yang di

atasnya terdapat daging yang dipotong-potong, tetapi tidak ada seorang pun yang mendekatinya. Ada juga meja yang di atasnya terdapat daging yang sudah busuk yang dikelilingi dan dimakan oleh ramai orang. Kutanyakan, “Wahai Jibril, siapa mereka itu?”

Jibril menjawab, “Mereka itu adalah suatu kaum dari umat engkau yang meninggalkan yang halal dan mengambil yang haram.”

Setelah itu, aku berjalan lagi. Tiba-tiba bersamaku ada beberapa kaum yang perutnya seperti bangunan rumah. Setiap kali salah seorang dari mereka berusaha bangun, dia pasti terjatuh seraya berucap, “Ya Allah, jangan Engkau datangkan Hari Kiamat sekarang.”

Mereka ini mengikut jalan keluarga Fir’aun, lalu datang jalan lain yang menindas mereka dan aku mendengar mereka berteriak menyebut nama Allah. Lalu kutanyakan, “Ya Jibril, siapakah mereka itu?”

“Mereka itu adalah sebahagian dari umat Engkau yang memakan riba.”

Selanjutnya aku berjalan, tiba-tiba aku melihat beberapa kaum yang bibirnya seperti bibir unta. Lalu mulut mereka terbuka dan dimasukkan ke dalamnya bara api hingga akhirnya keluar dari kaki mereka. Kutanyakan, “Siapakah mereka ini?”

Jibril menjawab, “Mereka ini adalah bahagian dari umat Engkau yang memakan harta anak yatim secara tidak benar.”

Kemudian aku berjalan lagi hingga akhirnya aku melihat beberapa wanita yang digantung pada kedua tetek mereka. Lalu kutanyakan, “Siapakah mereka itu?”

Jibril menjawab, “Mereka itu adalah para penzina.”

Lalu aku meneruskan perjalanan hingga aku melihat beberapa kaum. Dipotonglah daging dari tubuhnya untuk mereka, lalu mereka memakan daging itu. Lalu dikatakan kepada mereka, “Makanlah sebagaimana kalian memakan daging saudara kalian sendiri.”

Kutanyakan, “Siapakah mereka itu.”

Jibril menjawab, “Mereka adalah pengumpat dan pencela.”

(Hadis riwayat Imam al-Baihaqi dalam *Dala'il an-Nubuwwah*)

Abu Hurairah, masih mengenai hadis Isra Mi'raj, menuturkan sebagai berikut:

Nabi s.a.w. pernah mendatangi suatu kaum yang kepala mereka dipecahkan dengan batu karang. Setelah pecah, kepala mereka itu kembali seperti sedia kala dan tidak ada sedikit dari pecahan itu yang hilang. Beliau bertanya, “Wahai Jibril, siapakah orang-orang itu?”

Jibril menjawab, “Mereka itu adalah orang-orang yang kepalanya merasa keberatan mengerjakan solat.”

Setelah itu, beliau mendatangi suatu kaum yang bahagian kemaluan dan dubur mereka terdapat penutup. Mereka dilepas seperti dilepasnya unta dan kambing ke tempat gembalaan. Mereka makan duri, *zaqum*²⁵, kerikil dan batu Jahanam. Beliau bertanya, “Siapakah mereka itu, ya Jibril?”

“Mereka itu adalah orang-orang yang tidak mengeluarkan sedekah dari harta yang dimilikinya”, jawabnya.

Selanjutnya beliau mendatangi suatu kaum yang di tangan mereka terdapat kualiti yang berisi daging yang sudah dimasak serta kualiti yang berisi daging yang mentah dan busuk. Akan tetapi, mereka memakan daging yang masih mentah dan busuk tersebut serta meninggalkan daging yang sudah dimasak lagi baik. Beliau bertanya, “Siapakah mereka itu?”

Jibril menjawab, “Dia adalah orang yang meninggalkan hubungan dengan isterinya secara halal dan sebaliknya, mendatangi wanita haram serta menginap bersamanya hingga pagi hari; juga wanita yang meninggalkan hubungan dengan suaminya secara halal dan baik, lalu dia mendatangi lelaki lain yang haram dan tidur bersamanya sampai pagi.”

Kemudian beliau mendatangi seseorang yang mengumpulkan banyak kayu bakar yang dia tidak mampu membawanya, tetapi longgokan itu masih terus ditambah. Lalu beliau bertanya, “Siapakah dia itu?”

Jibril menjawab, “Dia adalah orang yang mendapat banyak amanah dari orang lain, tetapi dia tidak dapat menunaikannya.”

Setelah itu, beliau melanjutkan perjalanan hingga mendatangi suatu kaum yang lidah dan bibir mereka dipotong dengan pemotong yang terbuat dari besi. Setiap

25 Pohon yang tumbuh di neraka.

kali lidah mereka putus dipotong, lidah dan bibirnya itu kembali seperti sedia kala seperti tidak ada sedikit pun darinya yang hilang.

Beliau bertanya, “Siapakah mereka itu?”

“Mereka itu adalah para penyebar fitnah”, jawabnya.

(Ibn ‘Adi dan al-Baihaqi)

Sementara Anas r.a. menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Ketika aku diangkat ke langit, aku melintasi beberapa kaum yang berkuku tembaga. Mereka mencakar wajah dan dada mereka. Kutanyakan, ‘Siapakah mereka itu, ya Jibril?’ Jibril menjawab, ‘Mereka itu adalah orang-orang yang memakan daging manusia dan menjatuhkan kehormatan mereka.’”

(Hadis riwayat AbuDaud)

Dalam hadis *marfu’* dari al-Hasan, Ibn Abi ad-Dunya dalam *al-Qubur* berkata, “Siapa sahaja yang keluar dari dunia dengan mencela salah seorang dari sahabatku, Allah akan mengiriskan binatang yang akan menggigit dagingnya. Dia akan merasakan rasa sakit itu sampai Hari Kiamat kelak.”

Abu Umamah menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah mendatangi para sahabat setelah solat subuh dan berkata sebagai berikut:

Sesungguhnya semalam aku bermimpi dan mimpiku itu benar. Oleh kerana itu, hendaklah kalian selalu mengingatnya.

Ada seseorang yang datang kepadaku, lalu dia memegang tanganku dan membawaku mendatangi suatu gunung yang tinggi. Kemudian orang itu berkata kepadaku, “Naiklah.”

“Aku tidak boleh melakukannya”, jawabku.

Lalu dia berkata, “Aku akan membantumu.”

Kemudian aku menaikinya. Setiap kali aku mengangkat kaki, aku meletakkan kakiku di atas suatu tingkatan hingga akhirnya sampai ke puncak gunung. Setelah itu, kami berjalan hingga akhirnya melihat beberapa orang lelaki dan perempuan yang mulutnya dikoyak. Aku lalu bertanya, “Siapakah mereka?”

Orang itu menjawab, “Mereka adalah orang-orang yang mengatakan apa yang tidak mereka kerjakan.”

Selanjutnya kami meneruskan perjalanan hingga akhirnya bertemu dengan beberapa orang lelaki dan perempuan, sementara mata dan telinga mereka dipaku. Aku bertanya, “Siapakah mereka?”

Dia menjawab, “Mereka itu adalah orang-orang yang memperlihatkan mata mereka pada apa yang tidak boleh untuk dilihat dan mendengarkan apa yang tidak boleh didengar.”

Kemudian kami berjalan lagi hingga akhirnya bertemu dengan wanita-wanita yang digantung pada urat di atas tumitnya sementara kepala mereka berada di bawah dan buah dada mereka digigit oleh ular. Aku bertanya, “Siapakah mereka?”

Dia menjawab, “Mereka adalah wanita-wanita yang melarang anak-anaknya menyusu dari payudara.”

Setelah itu, kami meneruskan perjalanan hingga akhirnya bertemu dengan beberapa orang lelaki dan perempuan yang digantung pada urat di atas tumit mereka, sementara kepalanya diterbalikkan ke bawah. Mereka menjilai air yang sangat sedikit dan tanah berwarna hitam.”

Aku bertanya pula, “Siapakah mereka itu?”

Orang itu menjawab, “Mereka adalah orang-orang yang berpuasa tetapi berbuka sebelum waktunya.”

Lalu kami melanjutkan perjalanan hingga bertemu dengan beberapa orang lelaki dan perempuan yang sangat buruk mukanya, pakaiannya hina dan berbau busuk; seakan-akan tempat kotoran manusia. Kutanyakan, “Siapakah mereka?”

“Mereka itu adalah para penzina,” jawabnya.

Kemudian kami berjalan dan menemukan beberapa mayat yang berbau sangat busuk. Aku tanyakan pula, “Siapakah mereka?”

Dia menjawab, “Mereka adalah mayat orang-orang kafir.”

Selanjutnya kami berangkat dan akhirnya bertemu dengan beberapa orang yang bernaung di bawah suatu pohon. Aku bertanya kembali, “Siapakah mereka?”

Dia menjawab, “Mereka adalah mayat orang-orang yang beriman.”

Setelah itu, kami meneruskan perjalanan hingga bertemu dengan anak-anak

kecil yang bermain di antara dua sungai. Lalu aku bertanya, “Siapakah mereka?”

“Mereka adalah anakketurunan orang-orang yang beriman.”

Kami terus berjalan dan kemudian bertemu dengan beberapa orang yang sangat tampan, berpakaian paling bagus dan menyebarkan bau yang paling wangi seakan-akan wajah mereka kertas. Aku kembali bertanya, “Siapakah mereka?”

Orang itu menjawab, “Mereka adalah para *ṣiddiqin*, syuhada dan orang-orang soleh.”

(Hadis riwayat Ibn Khuzaymah, Ibn Hibban, al-Hakim, at-Ṭabrani, Ibn Mardawayh dan al-Baihaqi)

Dalam *al-Firdaus* karya ad-Dailami disebutkan hadis dari Anas sebagai hadis *marfu'*, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Siapa sahaja di antara umatku meninggal dalam keadaan berbuat seperti yang diperbuat oleh kaum Luṭ, Allah akan memindahkan mereka sehingga berkumpul bersama kaum tersebut.”

Menurut Ibn 'Asakir, berdasarkan riwayat dari 'Amr ibn Aslam ad-Dimasyqi, diceritakan bahawa “Adaseseorang di antara kami yang meninggal, lalu dikebumikan. Pada hari ketiga, kuburnya digali. Ternyata batu-batunya hilang dan tidak terdapat sesuatu pun di dalamnya. Kemudian hal itu ditanyakan kepada Waki' ibn al-Jarrah. Di menjawab, ‘Aku pernah mendengar sebuah hadis yang menyebutkan bahawa siapa sahaja yang meninggal dunia sementara dia mengerjakan apa yang dikerjakan oleh kaum Luṭ, dia akan diiringi ke kuburnya hingga berjalan bersama mereka dan berkumpul bersama mereka pada Hari Kiamat kelak.’”

Dari Masruq, Ibn Abi ad-Dunya menuturkan, “Apabila seseorang itu meninggal, sementara ketika hidupnya dia mencuri, berzina dan meminum minuman keras, atau melakukan salah satu dari semuanya itu, nescaya akan diciptakan baginya ular-ular yang akan menggigitnya di dalam kubur.”

Wathilah ibn Asqa' menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Seandainya seorang penganut Qadariyah atau Murji'ah meninggal, lalu dibongkar kuburnya setelah tiga hari maka akan ditemukannya menghadap ke kiblat yang lain.”

(Hadis riwayat Ibn 'Asakir)

Abu Ishaq bercerita, “Aku pernah dipanggil untuk memandikan seorang mayat. Ketika aku membuka kain dari wajahnya, tiba-tiba aku melihat seekor ular melilit

lehernya. Lalu orang-orang memberitahukan bahawa dia dahulu pernah mencela para sahabat.”

Dari Abu Ishaq al-Fazari juga diriwayatkan bahawa pernah datang kepadanya seseorang dan mengatakan, “Aku pernah membongkar beberapa kubur dan aku mendapatkan beberapa orang yang wajahnya tidak menghadap kiblat.”

Kemudian dia mengirimkan surat kepada al-Awza'i menanyakan hal itu. Al-Awza'i menjawab, “Mereka itu adalah orang-orang yang meninggal dunia dalam keadaan tidak menjalankan sunnah.”

Sementara dari Fadhal ibn Yunus diceritakan sebagai berikut:

Pernah sampai kepada kami berita bahawa ‘Umar ibn ‘Abdul ‘Aziz pernah bertanya kepada Musallamah ibn ‘Abdul Malik, “Musallamah, siapa yang menguburkan ayahmu?”

“Pembantuku, si fulan”, jawabnya.

“Lalu, siapa yang menguburkan al-Walid?” tanya beliau lagi.

Dia menjawab, “Pembantuku, si fulan.”

Lebih lanjut ‘Umar berkata, “Aku memberitahukan kepadamu apa yang pernah dia beritahukan kepadaku. Dia memberitahuku bahawa ketika dia menguburkan ayahmu dan juga al-Walid, kemudian meletakkan mereka ke dalam kuburnya dan membuka ikatannya, dia mendapati wajah mereka pindah pada tengkuknya.”

Sedangkan dari ‘Amr ibn Maimun diriwayatkan bahawa dia pernah mendengar ‘Umar ibn ‘Aziz berkata, “Aku termasuk orang yang menyaksikan pengebumian Walid ibn ‘Abdul Malik dalam kuburnya, lalu aku melihat kedua lututnya bercantum dengan lehernya.”

Setelah itu, ‘Umar mengambil pelajaran dari hal itu.

Ibn Abi ad-Dunya dan al-Baihaqi dalam *Syū'ab al-Iman* menuturkan hadis dari ‘Abdul Hamid ibn Mahmud al-Ma’uli. Dia menuturkan:

Aku pernah duduk di samping Ibn ‘Abbas, lalu datang suatu kaum kepadanya seraya berkata, “Kami pernah pergi menunaikan ibadah haji. Bersama kami ada seorang teman. Ketika sampai di Dzatussafah, dia meninggal. Kami segera

mengurusnya dan kemudian menggali lubang kubur untuknya. Setelah itu, kami menguburnya. Belum selesai menguburnya, tiba-tiba muncul lembaga hitam yang masuk ke lubang kuburnya hingga menutupinya. Kami terpaksa meninggalkannya dan menggali lubang kubur yang lainnya. Ketika selesai dari penggaliannya, tiba-tiba muncul lagi lembaga hitam yang menempatnya. Lalu kami pun meninggalkannya dan langsung menemui engkau.”

Ibn ‘Abbas berkata, “Yang demikian itu adalah kedenggian yang pernah mengelabuinya.” (Menurut lafaz al-Baihaqi, hadis itu berbunyi, “Yang demikian itu adalah amal yang pernah diperbuatnya.”)

Ibn ‘Abbas mengatakan lebih lanjut, “Kuburkanlah dia di dalam salah satu dari dua lubang tersebut. Demi Allah yang jiwaku berada di tangan-Nya, jika kalian menggali seluruh bumi ini, nescaya kalian akan menemukannya.”

Kemudian rombongan tersebut melanjutkan ceritanya, “Kemudian kami berangkat dan menguburnya di dalam salah satu di antara lubang-lubang tersebut. Sesampainya di rumah, kami bertanya kepada isterinya, ‘Apa yang pernah dilakukan oleh suamimu?’ Isterinya menjawab, ‘Dia pernah menjual makanan tetapi setiap hari dia akan mengambil makanan untuk keluarganya dari bahagian itu. Lalu dia menggantikannya dengan sisa-sisa gandum.’”

Al-Lalika’i menuturkan riwayat dari ‘Sidqah ibn Khalid yang diterimanya dari sebahagian orang tua di kalangan penduduk Damsyik. Mereka menuturkan:

Kami pernah menunaikan ibadah haji. Namun, salah seorang sahabat kami meninggal di tengah jalan. Kemudian kami meminjam cangkul, lalu kami menguburnya. Akan tetapi, kami lupa bahawa cangkul itu. Cangkul itu masih berada di dalam kubur. Kami segera membongkar kembali kubur itu untuk mengambil cangkul tersebut. Ternyata ada seseorang yang leher serta kedua tangan dan kakinya telah melekat pada leher cangkul tersebut. Lalu kami menutupnya kembali dengan tanah. Selanjutnya kami bersepakat dengan kaum tersebut untuk mengganti cangkul tersebut.

Setelah kami pulang, kami bertanya kepada isterinya mengenai keadaannya. Isterinya menjawab, “Dia pernah ditemani seseorang yang membawa wang, lalu dia membunuh temannya itu dan mengambil wang darinya. Dari wang itu dia menunaikan haji dan ikut berperang.”

Dituturkan suatu riwayat oleh Ibn 'Asakir dari al-A'masi. Dia menuturkan bahawa ada seseorang yang membuang hajat di atas kubur al-Hasan ibn 'Ali r.a. Setelah itu dia menjadi gila dan menggonggong seperti anjing. Kemudian dia meninggal, lalu dari kuburnya terdengar dia berteriak dan menjerit.

Yazid ibn Abi Ziyad dan Imarah ibn 'Umair berkata, "Ketika 'Ubaidillah ibn Ziyad terbunuh, kepalanya dan kepala para sahabatnya dibawa dan kemudian dibuang di tanah lapang. Lalu datanglah ular besar sehingga orang-orang berlari melarikan diri kerana takut. Selanjutnya ular itu mengeliat di antara kepala-kepala itu hingga akhirnya masuk ke kedua lubang hidungnya dan keluar dari mulutnya. Setelah itu, ular itu masuk ke mulutnya dan keluar dari hidungnya. Ular itu melakukannya berkali-kali dan setelah itu pergi. Kemudian, ular itu kembali lagi untuk mengerjakan hal yang sama berkali-kali. Tidak diketahui dari mana ular itu datang dan tidak diketahui ke mana ular itu pergi."

Diriwayatkan Ibn Abi ad-Dunya dalam *Man 'Asya ba'd al-Maut* melalui Abdullah ibn Dinar yang diterimanya dari Ayyub al-Yamani. Ayyub al-Yamani menerimanya dari seseorang yang dipanggil dengan sebutan 'Abdullah. 'Abdullah bersama beberapa orang dari kaumnya pernah menyeberangi lautan. Tiba-tiba lautan menjadi gelap untuk beberapa hari, lalu kegelapan itu hilang. Sedangkan mereka berada dekat dengan sebuah perkampungan.

'Abdullah kemudian berkata sebagai berikut:

Aku keluar untuk mencari air, tiba-tiba semua pintu tertutup dan angin bertiup kencang. Aku berteriak tetapi tidak seorang pun menjawabku. Pada saat itu, muncul dua ekor kuda yang pada bahagian bawah keduanya terdapat sutera. Keduanya berkata kepadaku, "Abdullah, berjalanlah melalui jalan sempit ini, nescaya engkau akan sampai pada suatu sumur yang di dalamnya terdapat air. Lalu ambillah air dari sumur itu dan janganlah engkau merasa takut terhadap apa yang akan engkau lihat di dalamnya."

Setelah itu, aku bertanya kepadanya mengenai rumah-rumah yang seluruh pintunya tertutup rapat dan di dalamnya angin bertiup kencang. Lantas keduanya menjawab, "Itu adalah rumah orang yang telah meninggal."

Selanjutnya aku keluar hingga akhirnya aku sampai di sumur tersebut. Ternyata di dalamnya ada orang yang tergantung dengan kaki di atas dan kepala di bawah.

Orang itu hendak mengambil air tetapi dia tidak dapat mencapainya. Ketika melihatku, orang itu berteriak kepadaku, “Abdullah, berilah aku minum.”

Kemudian aku memberikan bekas berisi air kepadanya. Tetapi tiba-tiba tanganku ditahan, sehingga aku berkata, “Wahai hamba Allah, engkau melihat sendiri apa yang telah aku perbuat untukmu, tetapi tanganku ditahan. Beritahukanlah kepadaku siapa engkau sebenarnya?”

Dia menjawab, “Aku adalah anak Adam, orang yang pertama kali menumpahkan darah ke muka bumi ini.”

Melalui Wahab, Abu Nu’aim menuturkan riwayat dari ‘Abdur Rahman ibn Zaid ibn Aslam. Dia menuturkan bahawa ketika seseorang berada di atas kapal di laut, tiba-tiba kapal mereka pecah. Orang itu bergantung pada sebuah batang kayu hingga akhirnya terdampar di suatu pulau. Lalu dia berjalan. Tiba-tiba dia melihat air. Dia berjalan menuju air tersebut, lalu dia masuk ke jalan yang dilalui air itu. Ternyata ada seseorang yang kedua kakinya tergantung pada rantai, jaraknya dengan air hanya sejengkal. Orang itu berucap, “Berilah aku minum, semoga Allah memberikan berkat kepadamu.”

“Mengapa engkau ini?” tanya Ibn Aslam.

Dia menjawab, “Aku adalah anak Adam yang membunuh saudaraku. Demi Allah, aku tidak pernah membunuh seorang pun secara zalim setelah membunuh saudaraku itu, melainkan Allah telah mengazabku kerananya. Sebab aku adalah orang yang memulakan pembunuhan.”

‘Abdullah ibn Muhammad al-Madini menuturkan riwayat dari seorang temannya bahawa dirinya pernah pergi ke kebun miliknya. Selanjutnya dia berkata:

Waktu solat maghrib tiba, aku berada di tepi kubur. Aku lantas mengerjakan solat maghrib berhampiran dengankubur tersebut. Ketika aku duduk, tiba-tiba aku mendengar dari arah kubur itu suara rintihan. Kemudian aku mendekati kubur untuk mencari asal suara rintihan itu. Ternyata di dalamnya ada suara yang berkata, “Aduh, aku telah mengerjakan solat dan puasa.”

Mendengar itu, tubuhku menggigil. Lalu aku mendekati orang-orang yang ikut bersamaku. Ternyata mereka juga mendengar apa yang aku dengar. Kemudian aku

meneruskan perjalananku ke kebunku dan kembali pada hari keduanya. Lalu aku mengerjakan solat di tempat awal kedatanganku tadi dan menunggu di sana hingga matahari terbenam. Setelah itu, aku mengerjakan solat maghrib. Aku mendengar di dalam kubur tersebut dia merintah seraya berucap, “Aduh, aku telah mengerjakan solat dan puasa.”

Setelah itu, aku pulang ke rumah dan seluruh badanku terasa panasdingin hingga akhirnya aku jatuh sakit selama dua bulan.

Al-Hafiz Abu Muhammad al-Qasim ibn al-Barzani menerima riwayat dari ‘Abdul ‘Aziz ibn ‘Abdul Mun‘im ibn aṣ-Ṣaqil al-Hurani yang bersumber dari ‘Abdul Kafi. Dia menuturkan bahawa suatu ketika dia pernah menjenguk satu jenazah, tiba-tiba ada orang hitam bersama kami. Ketika orang-orang mengerjakan solat jenazah, si hitam itu tidak ikut bersolat. Ketika kami menghadiri pengebumiannya, orang hitam itu melihatku seraya berkata, “Aku adalah amalnya.” Setelah itu, dia menjatuhkan dirinya ke dalam kuburnya. ‘Abdul Kafi mengatakan, “Lalu aku memandang ke arahnya, tetapi aku tidak mendapatkan sesuatu pun.”

Para ulama mengatakan, “Azab kubur adalah azab barzakh yang dinisbatkan pada kubur itu sendiri. Itulah yang dialami oleh keseluruhan manusia. Jika tidak, sekiranya Allah menghendaki pemberian azab, setiap mayat akan mendapatkannya; baik yang dikuburkan atau tidak; disalib mahupun tenggelam di laut; dimakan binatang mahupun terbakar hangus sehingga menjadi abu dan diterbangkan angin.”

Ibn al-Qayyim sendiri berpendapat, azab kubur itu ada dua bahagian. *Pertama*, azab yang abadi iaitu yang diberikan bagi orang-orang kafir dan sebahagian pelaku maksiat. *Kedua*, azab sementara yang diberikan bagi orang-orang yang berbuat maksiat ringan; dia diazab sesuai dengan kejahatan yang telah dilakukannya, lalu dibebaskan baik oleh doa mahupun sedekah atau yang lainnya.

Dalam *Rawdh ar-Rayyahin*, al-Yafi‘i mengatakan, “Pernah sampai kepada kami berita yang menyebutkan bahawa orang-orang yang sudah meninggal itu tidak diazab pada malam Jumaat sebagai penghormatan terhadapnya pada hari itu.”

Lebih lanjut al-Yafi‘i berpendapat, bahawa hal itu hanya berlaku bagi kaum Muslim sahaja dan tidak bagi orang-orang kafir. Akan tetapi, dalam *Bahr al-Kalam*, an-Nasafi mengatakan bahawa hal itu umum, baik bagi kaum Muslim mahupun

bagi orang-orang kafir. Dia mengatakan, “Orang kafir itu dibebaskan dari azab pada hari dan malam Jumaat serta pada bulan Ramadan penuh. Sementara orang Muslim yang berbuat maksiat diazab di dalam kuburnya dan dibebaskan dari azabnya pada hari atau malam Jumaat, tetapi setelah itu tidak lagi diazab sampai Hari Kiamat. Jika dia meninggal pada hari atau malam Jumaat, berlaku baginya azab dalam satu jam. Diberikan juga kepadanya himpitan kubur dan kemudian dia bebas dari azab sampai Hari Kiamat kelak.”

Hal ini menunjukkan bahawa kaum Muslim yang berbuat maksiat tidak diazab pada satu Jumaat. Jika hari Jumaat tiba, azab terhadapnya terputus dan tidak lagi berlaku baginya. Akan tetapi, pendapat ini masih memerlukan dalil penyokong yang kuat.

Dalam *al-Bada'i'*, Ibn al-Qayyim mengatakan, “Aku pernah menukil tulisan al-Qadhi Abu Ya'la' dalam beberapa komentarnya, ‘Terputusnya azab kubur itu merupakan suatu kepastian kerana azab itu merupakan bahagian dari azab dunia sebagaimana dunia seisinya ini pun terputus. Manusia nescaya mendapatkan kefanaan dan ujian itu, tetapi tidak diketahui berapa lama hal itu dilakukan.’”

Mengenai masalah ini, penulis berpendapat bahawa pendapat itu diperkuat dengan hadis yang diriwayatkan Hannad ibn as-Sirri dari Mujahid. Dia mengatakan bahawa orang-orang kafir akan mendapatkan masa tenang. Di dalamnya mereka merasa seperti tidur sampai Hari Kiamat. Jika diserukan kepada para penghuni kubur, “Bangun!” orang kafir akan berkata, “Aduh, celakalah kami. Siapakah yang membangkitkan kami dari tempat tidur kami ini?”

Sementara di sampingnya orang mukmin berkata, “Inilah yang dijanjikan Tuhan yang Maha Pemurah dan benarlah Rasul-Nya.”

Dalam *al-Bada'i'*, Ibn al-Qayyim mengatakan bahawa ada sekelompok orang yang berpendapat, “Jika seorang wanita Nasrani meninggal, sementara di dalam perutnya ada seorang janin Muslim, akan turun dalam kuburnya itu azab dan juga kenikmatan. Kenikmatan itu untuk sang janin itu sedangkan azabnya untuk sang ibu. Hal itu tidak berbeza. Jika ada seorang mukmin dikebumikandi dalam satu lubang kubur dengan orang jahat, akan berkumpul di dalamnya nikmat dan azab.”



Hal-hal yang Dapat Menghindarkan Azab Kubur

At-Ṭabrani dalam *al-Jami' al-Kabir*, at-Tirmidzi dalam *Nawadir al-Uṣul* dan al-Asbahani dalam *at-Tarḡhib* menuturkan riwayat dari 'Abdur Rahman ibn Samrah. Dia berkata bahawa pada suatu hari Rasulullah s.a.w. pernah bersabda sebagai berikut:

Tadi malam aku bermimpi melihat seseorang dari kalangan umatku didatangi malaikat maut yang akan mencabut nyawanya. Lalu datang amal kebaikan yang dilakukannya kepada kedua orang tuanya menghalang malaikat maut. Aku juga melihat salah seorang dari umatku yang telah dibentangkan baginya azab kubur, lalu datang wudhuknya untuk menyelamatkannya dari azab tersebut. Aku melihat salah seorang dari umatku dikelilingi oleh syaitan, lalu datang *zikrullah* yang pernah dilakukannya dan berhasil menyelamatkannya dari kepongan syaitan-syaitan itu. Aku melihat seseorang dari umatku yang dikelilingi oleh para malaikat pemberi seksaan, lalu solatnya datang dan menyelamatkannya dari tangan para malaikat tersebut. Aku melihat seseorang dari umatku yang mengeluarkan lidahnya kerana kehausan. Setiap kali ada kolam, dia dilarang mendekatinya. Lalu puasa yang pernah dikerjakannya mendatangnya dan memberikan minuman kepadanya. Aku melihat seseorang dari umatku, sedangkan para nabi duduk mengelilinginya. Setiap kali dia mendekati garis lingkaran itu, mereka mengusirnya, lalu mandi janabah yang pernah dilakukannya mendatangnya untuk menyelamatkan dan mendudukkannya di sampingnya.

Kemudian aku melihat seseorang dari umatku yang di hadapan dan di

belakangnya terdapat kegelapan, sedangkan dia sendiri bingung tidak tahu hendak berbuat apa. Lalu haji dan umrahnya mendatangnya untuk menyelamatkannya sehingga keduanya mengeluarkannya dari kegelapan itu dan memasukkannya ke dalam cahaya. Aku menyaksikan seseorang dari umatku yang mengajak orang-orang mukmin untuk berbicara, tetapi mereka sama sekali tidak mengajaknya berbicara. Lalu datang silaturrahimnya seraya berkata, “Wahai sekalian orang-orang yang beriman, ajaklah dia bicara,” hingga mereka pun mengajaknya berbicara.

Selain itu, aku juga menyaksikan salah seorang dari umatku yang berusaha menghalangi kemaraan dan panas api dari wajahnya dengan tangannya, lalu sedekah yang pernah dikeluarkannya mendatangnya dan menjadi penghalang wajahnya sekaligus sebagai tempat bernaung kepalanya. Aku melihat seseorang dari umatku yang diserang oleh malaikat Zabaniyah dari segala arah, lalu amar makruf nahi mungkar yang pernah dilakukannya mendatangi dan menyelamatkannya dari tangannya dan kemudian dia diserahkan kepada malaikat pemberi rahmat. Aku melihat seseorang dari umatku yang duduk di atas kedua lututnya yang di antara dirinya dan Allah terdapat hijab (pembatas), lalu kebaikan akhlak yang dimilikinya mendatangi dan membawanya menghadap Allah.

Selanjutnya aku juga menyaksikan seseorang dari umatku mendapat buku catatan amal perbuatannya di sebelah kiri, lalu datang ketakwaannya kepada Allah kepadanya dan mengambil catatan itu serta menyerahkannya dari sebelah kanannya. Kemudian aku menyaksikan seseorang dari umatku yang timbangannya sangat ringan, lalu anak-anaknya yang meninggal pada waktu masih kecil datang dan memberatkan timbangannya itu. Aku juga melihat seseorang dari umatku berdiri di tepi neraka Jahanam, lalu datang rasa takutnya kepada Allah dan kemudian menyelematkannya.

Setelah itu, aku melihat seseorang dari umatku yang berkemungkinan akan masuk ke neraka, lalu datang air matanya yang pernah keluar dari rasa takutnya kepada Allah semasa hidup di dunia dan menyelamatkannya dari neraka. Aku melihat seseorang dari umatku yang berdiri di atas *şiraṭ* yang bergoyang seperti goyangnya pelepah kurma, lalu datang prasangka baiknya kepada Allah yang kemudian menenangkan goyangan tersebut sehingga dia dapat menyeberangnya. Aku menyaksikan seseorang dari umatku yang berada di atas *şiraṭ* merangkak sedikit demi sedikit, lalu selawat yang ditujukan kepadaku mendatangnya dan

kemudian membantunya berdiri hingga akhirnya berhasil menyeberanginya. Aku melihat seseorang dari umatku yang sampai di hadapansyurga tetapi pintu-pintunya tertutup baginya, lalu datang kesaksiaannya bahwa tiada Tuhan selain Allah membukakan pintu-pintu itu baginya dan memasukkannya ke dalam syurga.

Selain itu, aku juga melihat beberapa orang yang lidahnya dipotong, lalu kutanyakan, “Ya Jibril, siapakah mereka itu?”

Jibril menjawab, “Mereka itu adalah orang-orang yang suka mengadudomba manusia.”

Selanjutnya aku melihat beberapa orang yang tergantung pada lidah mereka, lalu kutanyakan, “Ya Jibril, siapakah mereka itu?”

“Mereka itu adalah orang-orang yang menuduh orang-orang yang beriman melakukan apa yang tidak mereka lakukan.”

Al-Qurtubi mengatakan, “Ini merupakan hadis yang sangat agung, yang disebutkan di dalamnya pelbagai amalan khusus yang dapat menyelamatkan manusia dari hal-hal yang menakutkan.”

Sementara dari Miqdam ibn Ma’ad Yakrub disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Di sisi Allah, orang yang mati syahid itu memiliki enam kriteria: diberikan ampunan kepadanya pada percikan pertama dari darahnya; diperlihatkan kepadanya tempatnya di syurga; diselamatkan dari azab kubur; diberikan keamanan dari rasa takut pada Hari Kiamat; diletakkan mahkota kemuliaan di atas kepalanya, sementara batu mulia yang ada padanya lebih baik daripada dunia seisinya; dinikahkan dengan tujuh puluh dua bidadari dan boleh memberikan syafaat kepada tujuh puluh orang dari kaum kerabatnya.”

(Hadis riwayat at-Tirmidzi dan Ibn Majah)

Sedangkan Salman ibn Şard dan Khalid ibn ‘Arfaṭah menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Barangsiapa yang meninggal kerana penyakit perut, dia tidak diazab di dalam kuburnya.”

(Hadis riwayat at-Tirmidzi, Ibn Majah dan al-Baihaqi)

Abu Nu’aim menuturkan riwayat dari Salman al-Farisi. Menurut Salman, sebahagian Ahlul Kitab pernah menuturkan bahawa ‘Isa a.s. berkata, “Panjangnya

qunut menjadi jaminan keamanan di atas *shirat* dan panjangnya sujud merupakan jaminan keamanan dari azab kubur.”

Ibn ‘Abbas r.a., sebagaimana diriwayatkan ‘Abdu, pernah bertanya kepada seseorang, “Mahukah engkau aku beritahu sesuatu yang menggembirakan?”

Orang itu menjawab, “Tentu sahaja.”

Ibn ‘Abbas lantas berkata, “Bacalah *Tabarak alladzi bi yadih al-Mulk*. Ajarkan bacaan itu kepada keluarga engkau, anak-anak engkau, anak-anak yang ada dirumah engkau dan jiran-jiran engkau. Sebab, bacaan itu akan menjadi penyelamat dan *hujjah* pada Hari Kiamat di sisi Tuhan bagi pembacanya yang memintanya agar memberikan keselamatan baginya dari azab neraka dan dengannya pembacanya dapat selamat dari azab kubur.”

Dari Ibn Mas‘ud r.a. disebutkan bahawa surah al-Mulk adalah penghalang yang menghalangi azab kubur. Malaikat akan mendatangi orang yang meninggal dari sisi kepalanya, lalu kepalanya berucap, “Tidak ada jalan bagimu di sini kerana dia membacakan surah al-Mulk untukku.”

Lalu dia didatangi dari sisi kedua kakinya, lantas kedua kakinya berkata, “Tidak ada jalan bagimu di sini kerana dia telah berdiri di atasku dengan membaca surah al-Mulk.”

(Hadis riwayat Khalaf ibn Hisyam dalam *Fadlu’il al-Qur’an*, al-Hakim dan al-Baihaqi)

Masih dari Ibn Mas‘ud, dia menuturkan, “Barangsiapa yang membaca *Tabarak alladzi bi yadih al-Mulk* setiap malam, Allah akan menghalanginya dari azab kubur. Pada masa Rasulullah s.a.w., kami menyebut surah tersebut dengan sebutan *al-Maniah* (penghalang).”

(Hadis riwayat an-Nasa’i)

Sementara dari Anas r.a. disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda sebagai berikut:

Ada seseorang yang meninggal dunia sementara dia tidak hafal al-Quran kecuali hanya *Tabarak al-Mulk*. Ketika diletakkan di lubang kuburnya, datang kepadanya malaikat lalu menyebarlah surah al-Mulk itu di wajahnya. Kemudian sang malaikat berkata, “Sesungguhnya engkau (Surah al-Mulk) adalah bahagian dari Kitabullah

(al-Quran). Aku tidak ingin menyakitimu. Aku tidak kuasa memberikan mudharat dan manfaat kepadamu, kepadanya dan kepada diriku sendiri. Jika engkau menghendaki hal itu, pergilah menghadap Tuhan dan berikan syafaat kepadanya.”

Surah al-Mulk itupun berangkat menemui Tuhan seraya berkata, “Tuhanku, sesungguhnya si fulan itu dengan sengaja membukaku. Dia mempelajari dan membacaku. Lalu apakah Engkau akan membakarnya dengan api dan mengazabnya sementara aku berada di dalam perutnya? Jika Engkau melakukan itu terhadapnya, hapuskanlah aku dari Kitab-Mu.”

Tuhan pun berfirman, “Mengapa kamu marah?”

“Aku berhak marah”, jawabnya.

Lebih lanjut Tuhan berfirman, “Pergilah, Aku telah menyerahkannya kepadamu dan Aku berikan syafaatmu kepada dirinya.”

Setelah itu, surah al-Mulk datang lalu mencegah sang malaikat. Malaikat itu keluar dengan kecewa kerana tidak mendapat sesuatu darinya. Kemudian dia mendekatinya dan mendekatkan mulutnya (Surah al-Mulk) ke mulutnya (si pembacanya) seraya berucap, “Selamat datang kepada mulut ini. Dia dahulu telah membacaku. Selamat datang kepada dada ini. Dahulu dia telah menghafalku. Selamat datang kepada kedua kaki ini. Dahulu dia telah berdiri membacaku.”

Kemudian surah al-Mulk itu menghiburnya di dalam kuburnya kerana merasa khuatir jika kesedihan akan menyimpannya.

Anas mengatakan bahawa setelah Rasulullah s.a.w. membaca hadis ini, tidak seorang pun - baik anak-anak kecil mahupun orang dewasa, merdeka mahupun budak - melainkan langsung mempelajarinya. Rasulullah s.a.w. sendiri menyebutnya dengan sebutan *al-Munjiyah* (Penyelamat)

(Hadis riwayat Ibn ‘Asakir dengan sanad *dhu’if*)

Abu ‘Ubaidah dan al-Baihaqi menuturkan riwayat dari Ibn Mas‘ud bahawa jika seseorang meninggal dunia, akan menyala api di sekelilingnya lalu api itu menyerang bahagian di sekitarnya - jika orang itu tidak mempunyai amalan yang membatasi dirinya dengan api tersebut. Ada seseorang yang meninggal dunia dan tidak membaca al-Quran kecuali surah al-Mulk. Lantas surah itu mendatanginya dari sisi kepalanya seraya berucap, “Sesungguhnya dia dahulu pernah membacaku.”

Kemudian dia mendatangnya dari sisi kedua kakinya seraya berkata, “Dahulu dia berdiri dengan membacaku.”

Setelah itu dia mendatangi perutnya dan berkata, “Dia dahulu pernah menghafalku.”

Selanjutnya dia menyelamatkannya.

Ad-Darimi menuturkan riwayat dari Khalid ibn Mi’ dan. Dia berkata, “Pernah sampai kepadaku berita yang menyatakan bahawa *Alif lam mim, Tanzil* akan mempertahankan pembacanya dalam kubur seraya berkata, ‘Ya Allah, jika aku ini termasuk bahagian dari Kitab-Mu, jadikanlah aku syafaat baginya. Jika aku bukan bahagian dari Kitab-Mu, hapuskan sahaja aku darinya.’ Surah itu wujud seperti burung yang mengembangkan kedua sayapnya kepada diri orang itu. Dia memberikan syafaat kepadanya dan menghalangnya dari azab kubur. Demikian surah al-Mulk.” Khalid tidak tidur sehingga dia membaca kedua surah tersebut.

Al-Aṣḥabani dalam *at-Tarḡhib* menuturkan riwayat dari Ibn ‘Abbas r.a. Dia menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Barangsiapa yang mengerjakan solat dua rakaat setelah solat maghrib pada malam Jumaat, lalu pada setiap rakaatnya membaca al-Fatihah sekali dan *Idza zulzilāt* (al-Zalzalah) lima belas kali, nescaya Allah akan memudahkan sakaratulmaut baginya, melindunginya dari azab kubur dan memudahkan penyeberangan *ṣiraṭ* pada Hari Kiamat kelak.”

Dari Anas disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Barangsiapa yang meninggal dunia pada hari Jumaat, dia akan dilindungi dari azab kubur.”

(Hadis riwayat Abu Ya’la’)

Sementara dari ‘Ikrimah ibn Khalid al-Makhzumi disebutkan bahawa barangsiapa yang meninggal pada hari Jumaat atau malam Jumaat, dia akan ditandai dengan tanda iman dan dipelihara dari azab kubur.”

(Hadis riwayat al-Baihaqi)

Anas ibn Malik, sebagaimana diriwayatkan oleh Ibn Rajab dengan sanad *dha’if*, juga menuturkan bahawa azab kubur akan dibebaskan dari mayat-mayat pada bulan Ramadan.

(Hadis riwayat al-Baihaqi)

Al-Yafi’i dalam *Rawdh ar-Rayyahin* menuturkan riwayat dari sebahagian para

wali sebagai berikut:

Aku pernah memohon kepada Allah agar Dia memperlihatkan kepadaku beberapa keadaan para penghuni kubur. Lalu suatu malam aku bermimpi, suatu kubur telah terbelah sehingga terlihat olehku di antara mereka ada yang tidur di atas *sundus* (sutera halus). Ada juga yang tidur di atas *harir* (sutera) dan *dibaj* (sutera yang bergambar). Ada juga yang tidur di atas *rayhan*. Ada yang tidur di atas tempat tidur, ada yang menangis dan ada juga yang tertawa. Kemudian aku memanjatkan doa, “Ya Allah, jika berkenan pasti Engkau akan menempatkan penghormatan yang sama bagi mereka.”

Lalu salah seorang dari penghuni kubur berseru, “fulan, ini hanyalah tempat yang dihasilkan amal perbuatan. Orang-orang yang tidur di atas *sundus* itu adalah mereka yang berakhlak baik. Orang-orang yang tidur di atas *harir* dan *dibaj* adalah para syuhada. Orang-orang yang mendapatkan *rayhan* adalah mereka yang berpuasa. Orang-orang yang tidur di atas tempat tidur adalah mereka yang saling bercinta kerana Allah. Sedangkan orang-orang yang menangis adalah mereka yang berbuat dosa. Sementara orang-orang yang tertawa adalah mereka yang bertaubat.”



Keadaan Mayat dalam Kubur

Ibn 'Umar r.a. menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Tidaklah orang-orang yang mengucapkan *La ilaha illa Allah* merasa sedih pada saat kematian, tidak juga pada saat di dalam kubur serta tidak pada hari pengumpulan mereka (Hari Kiamat).”

(Hadis riwayat at-Tabrani, Abu Ya'la, al-Baihaqi dan al-Ashbahani)

Dalam *ad-Dibaj*, Abu al-Qasim al-Jili menuturkan riwayat dari Ibn 'Abbas r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bercerita, “Jibril pernah memberitahu aku bahawa kalimat *La ilaha illa Allah* merupakan kebahagiaan bagi seorang Muslim pada saat kematiannya, pada saat di dalam kuburnya dan pada saat dia keluar dari kuburnya.”

Dari Anas ibn Malik dituturkan bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda, “Para nabi itu hidup di dalam kubur mereka dan mereka tetap mengerjakan solat.”

(Hadis riwayat Abu Ya'la, al-Baihaqi dan Ibn Mundah)

Masih dari Anas ibn Malik disebutkan bahawa pada malam diangkatnya ke langit, Nabi s.a.w. melintasi Musa a.s. sementara dia sedang mengerjakan solat di alam kuburnya.”

Ibn Mundah mengatakan, “Hadis itu diriwayatkan oleh Hajjaj ibn Minhal, Yunus ibn Muhammad, Abu Naṣr at-Tammar, Hibban dan lain-lain; yang berturut-turut diterima dari Hammad, Sulaiman at-Taimi dan Thabit dari Anas ibn Malik. Hadis itu juga diriwayatkan oleh Sufyan, Yahya ibn Sa'id, 'Umar ibn Habib, Jarir ibn 'Abdul Hamid, Mu'tamar ibn Sulaiman, Yazid ibn Harun, 'Isa dan lain-lain; yang diterima dari Sulaiman at-Taimi. Diriwayatkan juga oleh Abu Hurairah, 'Abdullah

ibn Jarrad dan yang lainnya dari Nabi s.a.w.

Sementara dari Ibn 'Abbas disebutkan bahawa Nabi s.a.w. pernah berjalan melintasi kubur Musa a.s., sedangkan dia dalam keadaan berdiri mengerjakan solat.

(Hadis riwayat Abu Nu'aim dalam *al-Hilyah*)

Ibn Sa'ad dalam *aṭ-Ṭabaqat*, Ibn Abi Syaibah dalam *al-Muṣannaf* dan Imam Ahmad dalam *al-Zuhd* menuturkan riwayat dari 'Affan ibn Muslim yang diterimanya dari Hammad ibn Salmah. Dia menuturkan bahawa Ṭabit al-Banani berdoa, "Ya Allah, jika Engkau telah mengizinkan seseorang mengerjakan solat di kuburnya, datangkanlah solat kepadaku di dalam kuburku."

Sementara Abu Nu'aim menuturkan riwayat dari Yusuf yang diterimanya dari 'Atiyah. Dia berkata, "Aku pernah mendengar Ṭabit bertanya kepada Hamid aṭ-Ṭawil, 'Apakah engkau pernah mendengar bahawa ada seseorang selain para nabi yang mengerjakan solat di alam kuburnya?' Yang ditanya menjawab, 'Tidak.' Lalu Ṭabit berdoa, 'Ya Allah, jika Engkau telah mengizinkan seseorang mengerjakan solat di kuburnya, izinkanlah Ṭabit mengerjakan solat di alam kuburnya.'"

Ibn Jarir dalam *Tahdzib al-Athar* dan Abu Nu'aim menuturkan riwayat dari Ibrahim ibn aṣ-Ṣimah al-Muhallabi. Dia mengatakan bahawa orang-orang yang pernah melintasi benteng di Aṣar mengatakan, "Ketika berjalan melintasi sekitar kubur Ṭabit al-Banani, kami mendengar bacaan al-Quran."

Ibn Mundah mengatakan bahawa Ahmad ibn Muhammad as-Sulami menerima khabar dari Abu Ahmad Yusuf al-Khaffaf yang diterimanya dari al-Qadhi Abu Ahmad. Abu Ahmad menerimanya dari Muhammad ibn Jaa'far ibn Muhammad al-Asy'ari. Al-Asy'ari mendengarnya dari Salmah ibn Syabib. Syabib pernah mendengarnya dari Abu Hammad al-Haffar. Dia menuturkan, "Pada hari Jumaat tengah hari aku memasuki kubur. Aku tidak melintasi suatu kubur melainkan aku mendengar bacaan al-Quran."

Diriwayatkan dari Ibn 'Abbas r.a. bahawa sebahagian sahabat Nabi s.a.w. pernah mendirikan kemah di atas kubur. Mereka tidak mengira bahawa tanah itu adalah kubur. Ternyata di dalamnya terdengar orang yang membaca surah al-Mulk hingga selesai. Para sahabat mendatangi Nabi s.a.w. dan memberitahukan hal itu kepada beliau. Beliau lantas bersabda, "Dia (Surah al-Mulk) adalah munjiyah (penyelamat)

dan mani'ah (penghalang) yang menyelamatkannya dari azab kubur.”

(Hadis riwayat at-Tirmidzi, al-Hakim dan al-Baihaqi)

Dalam *ar-Ruh* Abu al-Qasim as-Sa'di mengatakan, “Ini merupakan penegasan Nabi s.a.w. bahawa seorang mayat juga membaca al-Quran di dalam kuburnya. Sementara 'Abdullah pernah diberitahu mengenai hal itu dan dibenarkan oleh Rasulullah s.a.w.”

Imam Kamaluddin ibn Zamlakani dalam *al-'Amal al-Maqbul fi Ziyarah ar-Rasul* mengatakan, “Hadis ini secara jelas menunjukkan bahawa seorang mayat membaca surah al-Mulk di dalam kuburnya. Dalam riwayat ini disebutkan penghormatan Allah terhadap sebahagian wali-Nya dan kemuliaan terhadap sebahagian lainnya dengan solat kerana ketika masih hidup dahulu dia (si mayat) pernah berdoa memohon hal itu. Jika Allah s.w.t. telah memuliakan para wali-Nya dengan membolehkan mereka berbuat taat dan beribadah di alam kubur, tentu para Nabi lebih berhak untuk mendapatkannya.”

Sedangkan dalam *Ahl al-Qubur*, al-Hafizh Zaynuddin ibn Rajab mengatakan, “Allah telah memuliakan sebahagian penghuni alam barzakh dengan berbuat amal soleh di dalamnya, meskipun dengan hal itu mereka tidak mendapatkan pahala kerana amalnya telah terputus oleh kematian. Namun, amalnya itu masih berterusan baginya. Dengan itu, dia dapat bersenang-senang dalam berzikir kepada Allah dan berbuat ketaatan kepada-Nya sebagaimana yang dirasakan oleh para malaikat dan penghuni syurga di syurga; meskipun dengan hal itu mereka tidak mendapatkan pahala, kerana zikir dan ketaatan itu sendiri merupakan kenikmatan yang lebih besar daripada seluruh kenikmatan yang ada di dunia.”

Abu al-Hajaj Yusuf ibn Muhammad as-Sariri, sebagaimana dituturkan oleh Ibn Rajab, mengatakan bahawa Syaikh Abu al-Hasan 'Ali ibn al-Husain as-Samiri, seorang Muslim yang soleh memperlihatkan suatu tempat dari beberapa kubur yang tidak pernah sepi. Lalu dia mengatakan, “Dari tempat ini kita masih akan terus mendengar bacaan surah al-Mulk.”

Diriwayatkan al-Hafiz Abu Bakar al-Khatib, dengan *sanadnya*, dari 'Isa ibn Muhammad azh-Zhawmari. Dia menceritakan, “Aku pernah bermimpi melihat Abu Bakar ibn Mujahid al-Muqri; seakan-akan dia sedang membaca dan seakan-akan aku berkata kepadanya, ‘Engkau sudah meninggal tetapi masih boleh

membaca al-Quran.”

Seakan-akan dia menjawab, ‘Dahulu, aku sentiasa berdoa kepada Allah setiap selepas solat dan pada saat khatam al-Quran, memohon agar Allah menjadikanku termasuk orang-orang yang boleh membaca al-Quran di alam kubur hingga akhirnya aku boleh membaca al-Quran di alam kuburku.”

Dalam *as-Sunnah*, al-Khalal menuturkan riwayat melalui Ibrahim ibn al-Hakam ibn Abban - di dalamnya terdapat kelemahan - dari ayahnya. Ayahnya merimanya dari ‘Ikrimah. Dia mengatakan bahawa Ibn ‘Abbas pernah mengatakan, “Orang mukmin itu diberi Mushaf (Kitab al-Quran) di alam kuburnya dan dia membacanya.”

Juga diriwayatkan Ibn al-Barra’ dalam *ar-Rawdhah*, melalui Hafz ibn ‘Umar al-Adani - di dalamnya juga terdapat kelemahan - dari al-Hakam ibn Abban.

Setelah kematiannya, al-Hafiz Abu al‘Ala al-Hamdani pernah hadir dalam mimpi seseorang. Dia diperlihatkan berada di suatu kota yang di sekelilingnya terdapat buku-buku. Dia ditanya mengenai hal itu. Dia menjawab, “Aku pernah memohon kepada Allah agar diriku disibukkan dengan ilmu sebagaimana yang pernah aku lakukan semasa hidupku. Akhirnya, aku pun menyibukkan diri dengan ilmu di alam kuburku.”

Ibn Mundah, Abu Ahmad dan al-Hakim dengan sanad *dha’if*, menuturkan riwayat dari Ṭalhah ibn ‘Ubaidillah. Dia bercerita sebagai berikut:

Aku hendak mengambil untaku di hutan, tetapi sudah larut malam. Aku bermaksud menuju kubur ‘Abdullah ibn ‘Amr ibn Hizam, lalu terdengar olehku bacaan al-Quran dari dalam kubur. Sebelumnya, aku tidak pernah mendengar bacaan yang lebih baik darinya. Aku segera menemui Rasulullah s.a.w. dan kuceritakan hal itu kepada beliau. Beliau lantas bersabda, “Itu adalah ‘Abdullah. Bukankah engkau tahu bahawa Allah telah mencabut nyawanya dan meletakkannya dalam pelita yang terbuat dari batu permata dan batu mulia, lalu Dia menggantungkannya di tengah-tengah syurga? Jika malam tiba, arwahnya itu dikembalikan kepadanya. Hal itu masih terus berlangsung hingga apabila terbit fajar, arwahnya dikembalikan lagi di tempatnya semula.”

Dari ‘Aisyah ra. diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Aku

tidur dan bermimpi melihat diriku berada di syurga.”

(Hadis riwayat an-Nasa’i, al-Hakim dan al-Baihaqi)

Menurut an-Nasa’i, lafaznya berbunyi, “Aku pernah masuk ke syurga, lalu aku mendengar suara orang yang membaca al-Quran. Aku bertanya, ‘Siapakah orang ini?’ Mereka menjawab, ‘Dia adalah Harithah ibn an-Nu’man.’”

Lebih lanjut Rasulullah s.a.w. bersabda, “Itulah bakti, itulah bakti, itulah bakti!”

Harithah ibn an-Nu’man adalah orang yang paling berbakti kepada ibunya.

Abu Hurairah r.a. menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Sungguh pernah diperlihatkan syurga kepadaku. Ketika berada di dalamnya, aku mendengar suara seseorang membaca al-Quran. Aku lantas bertanya, ‘Siapakah orang ini?’ Mereka menjawab, ‘Harithah ibn an-Nu’man.’ Beliau kemudian berkata, ‘Itulah bakti, itulah bakti, itulah bakti!’”

(Hadis riwayat al-Baihaqi)

Sementara Ibn Abi ad-Dunya menerima khabar dari Yazid ar-Ruqasyi. Dia bercerita, “Aku pernah mendengar bahawa jika orang mukmin meninggal lalu ada sedikit dari al-Quran yang belum dipelajarinya, Allah akan mengirimmkan kepadanya malaikat yang menuntunnya menghafal apa yang tersisa hingga Allah membangkitkannya dari kuburnya.”

Dari al-Hasan dituturkan, “Pernah sampai kepadaku berita yang menyatakan bahawa jika seorang mukmin meninggal sementara dia belum hafal al-Quran, akan diperintahkan kepada para malaikat penjaga untuk mengajarkan al-Quran kepadanya di dalam kuburnya hingga Allah membangkitkannya pada Hari Kiamat kelak bersama keluarganya.”

Ibn Abi ad-Dunya dan Ibn Mundah menuturkan riwayat dari ‘Atiyah al-Awfi. Dia berkata, “Pernah sampai berita kepadaku bahawa jika seorang hamba bertemu dengan Allah (meninggal) sementara dia belum mempelajari Kitab-Nya, Allah akan mengajarkannya di dalam kuburnya sehingga Dia memberikan pahala atasnya.”

Hal yang sama diriwayatkan dalam *al-Firdaus* karya ad-Dailami yang bersumber dari Abu Sa’id al-Khudri sebagai hadis *marfu’*.

‘Atiyah al-Awfi juga menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda,

“Barangsiapa yang membaca al-Quran, lalu meninggal sebelum dia menghafalnya, akan datang kepadanya malaikat yang mengajarnya di dalam kuburnya sehingga dia akan menemui Allah dalam keadaan sudah menghafalnya.”

Dari ‘Ikrimah, Ibn Mundah menuturkan, “Orang mukmin itu diberi Mushaf (Kitab al-Quran) di dalam kuburnya dan dia membacanya.”

Mengenai firman Allah, “*Untuk diri mereka sendirilah mereka menyiapkan (tempat yang menyenangkan)*”, Mujahid, sebagaimana diriwayatkan oleh Abu Nu’aim, mengatakan bahawa yang dimaksud adalah kubur.

Dalam *al-Qubur*, Ibn Abi ad-Dunya menuturkan riwayat dari Basyar ibn al-Harth. Dia mengatakan, “Sebaik-baik tempat tinggal bagi orang yang taat kepada Allah adalah kubur.”

Al-Harth ibn Abi Usamah, al-Aqili dan al-Wayili menuturkan hadis dari Jabir. Dikatakan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Kafanilah mayat saudara-saudara kalian dengan sebaik-baiknya kerana mereka akan saling berbangga diri dan saling mengunjungi di alam kubur mereka.”

Dalam *Ṣahih Muslim* disebutkan, “Jika salah seorang di antara kalian mengurus kematian saudaranya, hendaklah dia memberinya kafan yang baik.”

(Hadis riwayat Muslim)

Para ulama mengatakan, “Kafan yang baik di sini adalah kain berwarna putih bersih, tebal, tetapi tidak semestinya mahal; kerana bermewah-mewahan itu sama sekali tidak diperbolehkan sebagaimana yang disebutkan dalam hadis.”

Ibn Abi Syaibah menuturkan bahawa Ibn Sirin sangat menyukai kafan yang baik. Dikatakan bahawa orang-orang yang sudah meninggal itu akan saling melakukan kunjungan dengan mengenakan kafan-kafan mereka.

Sementara Abu Hurairah r.a. berkata bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Berikanlah kepada mayat-mayat kalian kafan yang baik kerana mereka akan saling mengadakan kunjungan di alam kubur mereka.”

(Hadis riwayat Ibn ‘Adi)

Dituturkan oleh Abu Qatadah bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda, “Jika salah seorang di antara kalian mengurus mayat saudaranya, hendaklah dia memakaikan kafan yang baik kerana mereka akan saling mengadakan kunjungan

di alam kubur mereka.”

(Hadis riwayat at-Tirmidzi, Ibn Majah, Muhammad ibn Yahya al-Hadzali dan Ibn Abi ad-Dunya)

Dalam hal ini, Allah s.w.t. telah berfirman mengenai para syuhada:

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَاءُ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ ﴿١٦٩﴾

Janganlah kalian mengira bahawa orang-orang yang gugur di jalan Allah itu mati, bahkan mereka itu hidup di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki.

(Surah Ali ‘Imran: 169)

Para syuhada ini, seperti yang kita ketahui berlumuran darah. Di alam ghaib mereka hidup seperti yang telah diberitahukan oleh Allah s.w.t. kepada kita semua. Seandainya kehidupan mereka itu dapat kita lihat, nescaya iman kita kepada hal yang ghaib akan semakin kuat.

Dalam *al-Manamat*, Ibn Abi ad-Dunya menerima riwayat dari al-Qasim ibn Hasyim, Yahya ibn Şalih al-Wahazhi, Muhammad ibn Sulaiman ibn Abi Dhamrah al-Qaş dan Rasyid ibn Sa’ad. Diturunkan bahawa ada seseorang yang isterinya meninggal, lalu dia bermimpi melihat beberapa wanita tetapi dia tidak menemukan isterinya berada bersama wanita-wanita itu. Kemudian dia bertanya kepada mereka mengenai keberadaan isterinya. Mereka menjawab, “Engkau tidak memberikan kafan yang baik kepadanya sehingga dia malu untuk keluar bersama kami.”

Dalam *al-Masyikhah al-Baghdadiyyah*, as-Salafi menuturkan riwayat dari Muhammad ibn Sirin. Dia mengatakan, “Mereka itu akan saling berkunjung di alam kubur mereka.”

Asy-Sya’abi, sebagaimana dituturkan oleh Ibn Abi ad-Dunya berkata, “Sesungguhnya jika seorang mayat telah diletakkan di lubang kuburnya, keluarga dan anaknya (yang telah meninggal terlebih dahulu) akan mendatanginya. Lalu dia bertanya kepada mereka mengenai orang-orang yang ditinggalkannya, bagaimana si fulan? Apa yang dilakukan si fulan?”

Mujahid mengatakan, “Di dalam kuburnya, seseorang akan diberitahu mengenai kesolehan anaknya.”

Allah s.w.t. berfirman:

فَرِحِينَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَيَسْتَبْشِرُونَ بِالَّذِينَ لَمْ يَلْحَقُوا بِهِمْ مِنْ خَلْفِهِمْ

Mereka bergembira hati terhadap orang-orang yang masih tinggal di belakang mereka (yang masih hidup) yang belum menyusul mereka.

(Surah Ali 'Imran: 170)

Mengenai firman Allah ini, as-Sadi mengatakan, “Orang yang mati syahid diberikan buku yang di dalamnya tertulis orang yang meninggal sebelum dirinya, lalu dia memberitahukan berita gembira kepadanya sehingga orang itu merasa gembira kerananya.”

Ibn Abi ad-Dunya dan al-Baihaqi menuturkan riwayat dari Abu Hurairah bahawa kepada orang mukmin akan dikatakan di alam kuburnya, “Tidurlah seperti tidurnya orang-orang yang bertakwa.”

Dari Sa'id ibn Jubair, Ibn 'Asakir meriwayatkan, “Ibn 'Abbas r.a. meninggal di Ṭāif. Aku lalu melawat jenazahnya, kemudian datang burung berwarna putih yang belum pernah terlihat sebelumnya. Burung itu masuk ke dalam kereta jenazahnya tetapi tidak diketahui bila dia keluar. Ketika dikuburkan, di tepi lubang kubur itu terdengar bacaan ayat al-Quran yang tidak diketahui siapa yang membacanya:

يَا أَيُّهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ ارْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَرْضِيَّةً ﴿٢٨﴾

Wahai jiwa yang tenang, kembalilah kepada Tuhanmu.

(Surah al-Fajr: 27-28)

Hal yang sama diriwayatkan dari 'Ikrimah dan Abu Zubair dengan lafaz, “Lalu datang seekor burung putih dari langit dan masuk ke dalam kafannya. Tidak diketahui keberadaannya setelah itu. Mereka menganggap bahawa itu adalah amalannya.”

Sedangkan dari Mujahid, 'Abdullah ibn Yamin dan Bajar ibn 'Ubaid menuturkan dengan lafaz, “Datang seekor burung putih yang besar dari arah lembah Wujj.”

Sementara dari Ghailan ibn 'Umar dan Maimun ibn Mahran dituturkan dengan lafaz, “Lalu diraba tetapi tidak ditemukan. Ketika diratakan kuburnya, kami mendengar suara tetapi tidak terlihat orang yang mengeluarkan suara tersebut. Suara itu melantunkan ayat:

يَأْتِيهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٢٧﴾ أَرْجِي إِلَىٰ رَبِّكَ رَاضِيَةً مَّرْضِيَةً ﴿٢٨﴾

Wahai jiwa yang tenang, kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang puas lagi direndhai-Nya.

(Surah al-Fajr: 27-28)

Maimun ibn Mahran menuturkan bahawa Ibn 'Abbas berkata, "Aku pernah berkata kepada Rasulullah s.a.w., 'Aku melihat Engkau berbicara dengan seseorang, sementara aku tidak ingin memotong pembicaraan Engkau berdua.' Beliau bertanya, 'Apakah engkau melihatnya?' Aku menjawab, 'Ya.' Lebih lanjut beliau berkata, 'Dia itu adalah Jibril. Sesungguhnya pandanganmu itu akan pergi dan akan dikembalikan Allah kepadamu pada saat kematianmu.'"

(Hadis riwayat Ibn 'Asakir)

Selanjutnya diceritakan, ketika Ibn 'Abbas meninggal dan sudah diletakkan di pembaringannya, datang seekor burung yang sangat putih dan masuk ke dalam kafannya. Kemudian orang-orang merabanya, lalu 'Ikrimah menanyakan, "Apa ini?"

Kemudian, ketika jasad Ibn 'Abbas diletakkan di dalam lubang kuburnya, terdengar kalimat oleh orang-orang yang berada di tepi kubur:

يَأْتِيهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٢٧﴾ أَرْجِي إِلَىٰ رَبِّكَ رَاضِيَةً مَّرْضِيَةً ﴿٢٨﴾ فَأَدْخُلِي فِي عَبْدِي ﴿٢٩﴾ وَأَدْخُلِي

جَنَّتِي ﴿٣٠﴾

Wahai jiwa yang tenang, kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang puas lagi direndhai-Nya. Masuklah ke dalam jamaah hamba-hamba-Ku; masuklah ke dalam syurga-Ku.

(Surah al-Fajr: 27-30)

Hal senada juga diriwayatkan melalui al-Mahdi Amirul mukminin yang juga bersumber dari Ibn 'Abbas r.a. Pada akhir hadis itu disebutkan, "Kami berbicara bahawa pandangan seorang hamba akan dikembalikan pada saat kematiannya."

Diriwayatkan oleh Sa'id ibn Mansur, Ibn Abi Syaibah, Ibn Abi ad-Dunya dan al-Hakim bahawa Hudzaifah ibn al-Yaman pernah berkata pada saat akan meninggal, "Belikanlah untukku dua baju dan janganlah kalian berlebih-lebihan. Jika sahabat kalian mendapat kebaikan, dia akan mengenakan kebaikan dari kedua baju itu. Jika

tidak, keduanya akan hancur dengan segera.”

Sementara Ibn Sa’id dan al-Baihaqi mengatakan bahawa pada saat kematiannya, Hudzaifah ibn al-Yaman mengatakan, “Belikanlah untukku dua baju putih. Keduanya tidak menempel pada diriku melainkan hanya sebentar, lalu digantikan dengan sesuatu yang lebih baik atau lebih buruk dari keduanya.”

‘Umar ibn al-Khaṭṭab r.a., sebagaimana diriwayatkan Ibn Abi ad-Dunya dari Yahya ibn Rasyid, pernah berkata dalam wasiatnya sebagai berikut:

Sederhanalah dalam membeli kafan untukku kerana jika aku mempunyai kebaikan di sisi Allah, Dia akan menggantikan untukku sesuatu yang lebih baik darinya; sedangkan jika aku tidak memilikinya, Dia akan menghancurkannya dariku dengan cepat. Sederhanalah pula dalam membuat kubur untukku kerana jika aku memiliki kebaikan di sisi Allah, Dia akan melapangkan kuburku seluas pandangan mata; sementara jika aku tidak memilikinya, Dia akan menyempitkan kuburku sehingga tulang rusukku hancur.

Dalam *Zawa’id al-Zuhd*, ‘Abdullah ibn Ahmad menuturkan riwayat dari ‘Ubadah ibn Nasi. Dia menceritakan bahawa ketika kematian akan menjemput Abu Bakar r.a., beliau berkata kepada ‘Aisyah r.a., “Cucilah kedua bajuku ini dan kafanilah aku dengan keduanya kerana ayahmu ini termasuk salah satu dari dua orang: orang yang dipakaikan pakaian yang paling baik atau orang yang bajunya dirampas dengan cara yang tidak menyenangkan.”

Dari Muslim al-Jundi, Abu Nu’aim menuturkan bahawa Ṭawus pernah berkata kepada anaknya, “Jika engkau menguburkanku, lihatlah ke lubang kuburku. Jika engkau tidak menemukanku, ucapkanlah pujian bagi Allah; sementara jika engkau menemukanku di dalamnya, sesungguhnya kami ini milik Allah dan kembali kepada-Nya.”

Kemudian anaknya itu memberitahu bahawa dia telah melihat ke lubang kuburnya dan tidak menemukan sesuatu di dalamnya. Ketika itu, terlihat tanda kebahagiaan pada wajahnya.

Anas ibn Malik r.a. berkata sebagai berikut:

‘Umar ibn al-Khaṭṭab r.a. pernah mempersiapkan bala tentera. Di antara mereka terdapat al-‘Ala ibn al-Hadrami, sementara aku termasuk yang ikut dalam

peperangan yang dipimpinnya. Ketika kami kembali pulang, dia meninggal di tengah perjalanan lalu kami menguburkannya. Selesai menguburkannya, datang seseorang dan bertanya, “Siapakah orang ini?”

Kami menjawab, “Dia termasuk orang yang paling baik, dia adalah Ibn al-Hadrami.”

Kemudian orang itu berkata, “Sesungguhnya bumi ini tidak mahu menerima mayat. Seandainya kalian tidak memindahkannya satu atau dua kilometer ke tanah yang mahu menerima mayatnya, nescaya kami akan membongkarnya.”

Ketika kami melihat ke lubang kuburnya, ternyata sahabat kami itu sudah tidak ada di dalamnya, sedangkan lubang kuburnya itu telah dilapangkan seluas pandangan mata yang dipenuhi dengan cahaya yang bersinar terang. Selanjutnya kami menutupnya dengan tanah dan kembali pulang.

(Hadis riwayat al-Baihaqi)

Abu Nu’aim menuturkan riwayat dari salah seorang penduduk Jurjan. Di menceritakan bahawa ketika Karaz ibn Wabrah al-Jurjani meninggal dunia, seseorang bermimpi melihat seakan-akan para penghuni kubur duduk di atas kubur mereka dengan mengenakan pakaian baru. Dikatakan kepada mereka, “Siapakah mereka itu?”

Dijawab, “Mereka itu adalah penghuni kubur yang diberi baju baru untuk menyambut kedatangan Karaz kepada mereka.”

Dalam *ar-Riqqah wa al-Buka’*, Ibn Abi ad-Dunya meriwayatkan dari Miskin ibn Bakir bahawa ketika Warad al-Ajli meninggal dunia dan dibawa ke lubang kuburnya, orang-orang turun ke dalamnya untuk meletakkannya. Tiba-tiba terbentang bunga *rayhan* di lubang kuburnya. Kemudian sebahagian orang mengambil bunga *rayhan* itu dan membiarkannya selama tujuh puluh hari, tetapi bunga itu masih tetap segar dan tidak berubah. Banyak orang-orang yang datang dan pergi untuk melihatnya; semakin hari semakin banyak. Setelah itu, pihak berkuasa mengambil dan menjauhkannya dari orang-orang kerana kluatir akan timbul fitnah. Kemudian barang itu menghilang dari rumah pihak penguasa itu tanpa diketahui bagaimana barang itu menghilang.

Dalam *at-Tarikh* disebutkan bahawa pada tahun 176H, suatu bukit di Basrah

memperlihatkan tujuh kubur di dalam suatu tempat seperti kolam, yang di dalamnya terdapat tujuh mayat yang badan-badan mereka masih tetap baik. Dari kafan mereka, semerbak bau wangi minyak kasturi. Di antara mereka terdapat seorang pemuda yang berambut tebal dan kedua bibirnya basah; seakan-akan dia habis minum dan seakan-akan kedua matanya bercelak, sementara di lambungnya terdapat tongkat. Lalu sebahagian orang yang hadir bermaksud untuk mengambil beberapa helai rambutnya, ternyata rambut itu melekat kuat sebagaimana rambutnya orang yang masih hidup.

Dalam *at-Ṭabaqat*, Ibn Sa'ad menuturkan riwayat dari Abu Sa'id al-Khudri. Dia menceritakan, "Aku termasuk salah seorang yang ikut menggali lubang kubur Sa'ad ibn Mu'adz di al-Baqi'. Setiap kali kami mencangkul tanah pada kubur itu, tercium oleh kami bau wangi minyak kasturi hingga kami selesai menggalnya."

Dari al-Mughirah ibn Habib dituturkan bahawa ada seseorang yang bermimpi. Dalam mimpinya itu dia ditanya, "Bau wangi minyak kasturi apa yang terdapat dalam kuburmu ini?"

Dia menjawab, "Itulah bau wangi bacaan al-Quran dan rasa haus (puasa)."

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya)

Dari Abu Hurairah r.a. diriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda, "Aku melihat Ja'far terbang di syurga bersama para malaikat."

(Hadis riwayat at-Tirmidzi dan al-Hakim)

Sedangkan dari Ibn 'Abbas r.a. disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Tadi malam aku masuk syurga. Aku melihat di dalamnya ternyata Ja'far terbang bersama para malaikat, sedangkan Hamzah duduk bersandar di atas tempat tidur."

(Hadis riwayat al-Hakim)

Sementara Ibn Abi ad-Dunya menuturkan riwayat dari Ibn 'Umar r.a. bahawa dia pernah singgah di samping beberapa kubur yang keadaannya sudah rosak. Tiba-tiba terlihat olehnya tengkorak sehingga dia memerintahkan seseorang untuk menguburkannya kembali. Kemudian dia menuturkan, "Sesungguhnya jasad-jasad itu sama sekali tidak rosak akibat tanah ini, melainkan arwah-arwahnya yang diazab dan diberi pahala sampai Hari Kiamat."

Diriwayatkan oleh Ibn Sa'ad bahawa Khalid ibn Mi' dan pernah berkata sebagai berikut:

Ketika tentera Romawi kalah perang pada peristiwa Ajnadin, mereka melarikan diri sampai di suatu tempat yang tidak dapat diseberangi kecuali seorang demi seorang. Lantas tentera Romawi pun diserang di sana. Hisyam ibn 'Aş maju untuk menyerang mereka hingga terbunuh dan terjatuh di lubang yang dibuatnya. Ketika kaum Muslim sampai di tempat itu, mereka khawatir tubuh Hisyam akan dipijak oleh kuda. 'Amr ibn 'Aş kemudian berkata, "Sesungguhnya Allah telah memberikan kesaksian kepadanya dan mengangkat rohnya. Itu hanyalah jasad, biarkanlah dia dipijak kuda."

Kemudian dia menginjakkan kudanya pada jasadnya itu dan diikuti oleh orang-orang hingga jasad itu terpotong.

Ibn Rajab mengatakan, "Beberapa *athar* (hadis) di atas tidak menunjukkan bahawa roh-roh itu tidak berhubungan lagi dengan jasad setelah kematian, tetapi menunjukkan bahawa jasad-jasad manusia itu tidak merasakan sakit dari azab yang ditimpakan manusia kepadanya. Hanya sahaja azab kubur itu berbeza dari azab dunia. Azab kubur adalah bentuk lain yang sampai ke mayat dengan kehendak dan kekuasaan Allah s.w.t."

Dari Abu Hurairah r.a. dituturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, "Tidaklah tanah ini kering dari darah orang yang mati syahid sehingga dia segera dijemput oleh dua isterinya (dua bidadari); seakan-akan keduanya ibu yang menyusui (anak orang lain kerana kasihan). Mereka berdua melindungi asuhannya di tanah kosong yang di tangan keduanya terdapat *hullah* (semacam baju yang berlapis) yang nilainya lebih baik daripada dunia dan seisinya."

(Hadis riwayat Ibn Majah)

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan dari Yazid ibn Syajah r.a. disebutkan bahawa percikan pertama dari darah orang yang mati syahid akan menghapuskan seluruh perbuatan dosa yang pernah dilakukannya; akan menyebabkan turunnya dua bidadari yang mengusap tanah dari wajahnya; dan akan dipakaikan kepadanya seribu kain selendang yang tidak sama dengan hasil tenunan anak cucu Adam melainkan dari tumbuh-tumbuhan syurga yang jika diletakkan di antara dua jari; nescaya dia akan mengembang lebar."

(Hadis riwayat at-Tabrani, al-Bazzar dan al-Baihaqi)

Al-Hakim menuturkan riwayat dari Anas ibn Malik bahawa ada seseorang

yang berkulit hitam yang datang kepada Nabi s.a.w. dan mengatakan, “Seandainya aku berperang sehingga aku terbunuh, lantas di manakah tempatku?”

“Di syurga”, jawab beliau.

Setelah itu, dia ikut berperang sehingga terbunuh, lalu Nabi s.a.w. mendatanginya seraya berkata, “Allah telah memutihkan wajahmu dan mengharumkan baumu.”

Lebih lanjut baginda bersabda mengenai orang ini dan orang yang mati syahid lainnya, “Aku telah melihat isterinya dari kalangan bidadari yang memakaikan kepadanya jubah yang terbuat dari bulu; dia itu masuk di antara orang yang mati syahid.”

Dari Ibn ‘Umar r.a., al-Baihaqi menuturkan hadis dengan sanad *hasan*. Dia menyebutkan bahawa ada seorang Badwi yang mati syahid ketika dia ikut berperang bersama Rasulullah s.a.w. Saat itu, beliau duduk di samping kepalanya dengan penuh kebahagiaan disertai tawa, lalu beliau menjauh darinya. Ketika ditanya mengenai tindakan beliau menjauhkan diri itu beliau menjawab, “Kebahagiaanku itu muncul ketika aku melihat karamah Allah turun pada rohnyanya, sedangkan tindakanku menjauhinya kerana aku melihat isterinya sekarang (bidadari) berada di samping kepalanya.”

Masih menurut riwayat al-Baihaqi dalam *Syū'ab al-Iman*, disebutkan bahawa Abu Bakar Muhammad ibn Ahmad ibn Hamdawaih at-Tamimi pernah menuturkan kisah dari Qasim ibn ‘Uthman ibn al-Jad'i. Dia berkata sebagai berikut:

Pada saat tawaf mengelilingi Ka'bah, aku melihat seseorang. Aku segera mendekatinya. Ternyata dia tidak lebih hanya mengucapkan, “Ya Allah, Engkau telah memenuhi semua hajat orang-orang yang berhajat, tetapi hajatku belum Engkau penuhi.”

Aku lantas berkata kepadanya, “Mengapa engkau tidak menambah ucapan itu?”

Dia menjawab, “Kami bertujuh sebagai teman yang berasal dari beberapa negeri. Kami telah menyerang daerah musuh. Kami bertujuh ditawan dan diasingkan untuk dipenggal kepala kami. Kemudian aku melihat ke langit, tiba-tiba ada tujuh pintu terbuka. Pada setiap pintu berdiri tujuh bidadari. Setelah itu, salah seorang dari kami maju untuk dipenggal kepalanya. Aku melihat satu bidadari dengan satu

tangan melekat di tangannya turun ke bumi sehingga keenam-enam temanku itu dipenggal seluruhnya dan yang tersisa hanya aku dan satu bidadari yang berdiri di pintu langit. Ketika aku diminta maju untuk dipenggal leherku, sebahagian dari algojo itu meminta diriku sehingga aku pun diberikan kepadanya. Tiba-tiba aku mendengar sang bidadari itu berkata, 'Apa yang hilang darimu?' Lalu bidadari itu menutup pintu di langit tersebut. Sedangkan aku ini wahai saudaraku, sangat rugi atas apa yang telah hilang dariku itu.

Qasim ibn 'Uthman mengatakan, "Aku berpendapat bahawa dia adalah orang yang paling utama di antara mereka (keenam temannya) kerana dia telah melihat apa yang tidak mereka lihat dan dia dibiarkan hidup untuk mengerjakan apa yang dirindukannya."



Ibn Abi ad-Dunya dalam *al-Qubur* menuturkan riwayat dari 'Aisyah r.a. bahwa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Tidaklah seseorang ziarah ke kubur saudaranya dan duduk di sisinya melainkan saudara yang telah meninggal itu akan menyambut dan menjawab salamnya hingga dia berdiri.”

Dari Abu Hurairah r.a. disebutkan bahawa jika seseorang melintasi kubur orang yang dikenalnya lalu dia mengucapkan salam kepadanya, nescaya penghuninya akan menjawab salamnya dan mengetahui kehadirannya. Jika seseorang melintasi kubur orang yang tidak dikenalnya lalu dia mengucapkan salam, nescaya penghuninya itu pun akan menjawab salamnya itu.”

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya dan al-Baihaqi)

Ibn 'Abd al-Birr dalam *al-Istidzkar wa at-Tamhid* menuturkan hadis dari Ibn 'Abbas r.a. Disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Tidaklah seseorang melintasi kubur saudaranya yang beriman yang dikenalnya di dunia, lalu dia mengucapkan salam kepadanya melainkan dia mengetahuinya dan menjawab salamnya.”

Ibn Abi ad-Dunya dalam *al-Qubur* dan Aş-Şabuni dalam *al-Mi'atain* menuturkan hadis dari Abu Hurairah. Disebutkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda, “Tidaklah seorang hamba melintasi kubur seseorang yang dikenalnya di dunia lalu dia mengucapkan salam kepadanya, melainkan dia mengetahuinya dan menjawab salamnya.”

Sementara al-'Aqili, masih dari Abu Hurairah r.a. menuturkan bahawa Abu Razin bertanya, “Ya Rasulullah, sesungguhnya dalam perjalananku ini, aku akan melintasi kubur orang-orang yang meninggal. Apakah ada ucapan yang harus aku ucapkan ketika aku berjalan melintasinya?”

Beliau menjawab, ucapkanlah, “*As-Salam alaikum ya Ahl al-Qubur min al-muslimin wa al-mu’minin* (Semoga salam sejahtera sentiasa tercurahkan kepada kalian wahai Ahlul Kubur, yang Muslim dan mukmin). Kalian telah mendahului kami, kami akan mengikuti kalian. InsyaAllah, kami akan menyusul kalian.”

Kemudian Abu Razin bertanya, “Ya Rasulullah, apakah mereka itu mendengar?”

Beliau menjawab, “Mereka itu mendengar, tetapi mereka tidak dapat menjawab.”

Lebih lanjut baginda bersabda, “Abu Razin, tidakkah engkau meredhai jika malaikat sebanyak jumlah merekalah yang menjawab salam kepadamu?”

Sementara itu, Aisyah r.a. berkata, “Aku pernah memasuki rumah (di dalamnya ada kubur Abu Bakar dan Rasulullah s.a.w.) dan meletakkan baju luarku seraya berucap, ‘Mereka itu ayah dan suamiku.’ Akan tetapi, setelah ‘Umar dikuburkan bersama mereka berdua, aku tidak memasukinya melainkan aku merapatkan bajuku kerana malu kepada ‘Umar.’

(Hadis riwayat Ahmad dan al-Hakim)

Dalam *al-Awsaf* diriwayatkan sebuah hadis dari Ibn ‘Amr. Disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. melintasi kubur Muş‘ab ibn ‘Umai ketika pulang dari perang Uhud. Lalu beliau berhenti pada kuburnya dan kubur para sahabatnya seraya berucap, “Aku bersaksi bahawa kalian hidup di sisi Allah. Oleh kerana itu, hendaklah kalian ziarahi mereka dan ucapkan salam kepada mereka. Demi Allah yang jiwaku berada di tangan-Nya, tidaklah seseorang mengucapkan salam kepada mereka melainkan mereka akan menjawabnya sampai Hari Kiamat.”

(Hadis riwayat at-Tabrani)

Dalam *al-‘Arba’in at-Ṭaiyah* disebutkan sebuah hadis yang diriwayatkan dari Nabi s.a.w. Baginda berkata, “Seorang mayat akan merasa bahagia di dalam kuburnya jika dikunjungi oleh orang yang dicintainya di dunia.”

Diriwayatkan oleh Ibn Abi ad-Dunya dan al-Baihaqi dari Muhammad ibn Wasi. Dia mengatakan, “Pernah sampai kepadaku berita bahawa orang-orang yang meninggal itu mengetahui orang-orang yang menziarahinya pada hari Jumaat, sehari sebelum dan sehari sesudahnya.”

Diriwayatkan juga dari adh-Dhahak, dia mengatakan, “Barangsiapa yang menziarahi suatu kubur pada hari Sabtu sebelum matahari terbit, nescaya si mayat mengetahui ziarahnya tersebut.”

As-Subki mengatakan, “Kembalinya roh ke jasad di dalam kubur telah ditetapkan dalam hadis sahih. Hal itu berlaku bagi seluruh mayat, apalagi mayat para syuhada. Sedangkan yang menjadi perbincangan adalah kelangsungan roh itu di dalam badan. Juga pendapat yang menyatakan bahawa jasad itu tetap hidup seperti kehidupannya di dunia atau hidup tanpa keberadaan roh, bergantung pada kehendak Allah s.w.t. Kelaziman hidup bagi roh merupakan suatu hal yang konvensional dan bukan rasional. Dengan demikian, jasad itu masih tetap hidup dengan roh itu seperti keadaannya di dunia sebagaimana yang diterima akal sehat. Hal itu telah diakui oleh sekelompok ulama dan diperkuat dengan solatnya Nabi Musa di dalam kuburnya, kerana solat itu memerlukan keberadaan tubuh yang hidup; sebagaimana halnya dengan sifat-sifat yang telah disaksikan oleh Nabi pada malam Isra. Kehidupan itu tidak seperti kehidupan di dunia, suatu kehidupan yang memerlukan makan, minum dan lain-lainnya; melainkan kehidupan yang lain. Sedangkan pengetahuan dan pendengaran mereka yang sudah meninggal merupakan sesuatu yang tidak diragukan lagi.”

Ada juga yang mengatakan, “Ada perbezaan pendapat mengenai kehidupan para syuhada, apakah kehidupan mereka itu hanya pada rohnya sahaja atau juga jasadnya, tanpa adanya ujian bagi mereka. Mengenai hal ini ada dua pendapat.”

Sementara dalam *al-Itiqad*, al-Baihaqi mengatakan, “Para Nabi itu, setelah meninggal dunia, arwah mereka dikembalikan lagi kepada mereka, sehingga mereka hidup di sisi Tuhan mereka seperti para syuhada.”

Mengenai masalah kunjungan dan pertemuan orang-orang yang sudah meninggal dunia, Ibn al-Qayyim mengatakan sebagai berikut:

Arwah itu terdapat dua macam; yang mendapat nikmat dan yang mendapat seksa. Arwah yang mendapat seksa tidak dapat melakukan kunjungan dan pertemuan, sementara arwah yang mendapat nikmat sama sekali tidak terikat; mereka sentiasa mengadakan kunjungan dan pertemuan antara sesamanya dan saling mengingat apa yang mereka lakukan di dunia. Di sana, setiap roh memiliki teman yang sesuai dengan amal perbuatan yang dilakukannya di dunia. Roh para

nabi berada pada tempat tertinggi. Allah s.w.t. berfirman:

وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَأُولَٰئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّينَ وَالصِّدِّيقِينَ

وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ وَحَسُنَ أُولَٰئِكَ رَفِيقًا ﴿٦٩﴾

Siapa sahaja yang mentaati Allah dan Rasulullah-Nya, mereka itu akan bersama-sama dengan orang-orang yang dianugerahi nikmat Allah, iaitu: para nabi, para siddiqin, orang-orang yang mati syahid dan orang-orang soleh. Mereka itulah teman yang sebaik-baiknya.

(Surah an-Nisaa': 69)

Persahabatan tersebut berlaku selamanya; baik di dunia, di alam barzakh dan di akhirat kelak.

Dalam *al-Burhun fi 'Ulum al-Qur'an* disebutkan firman Allah s.w.t.:

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَاءُ

Janganlah kalian mengira bahawa orang-orang yang gugur di jalan Allah itu mati, bahkan mereka hidup.

(Surah Ali 'Imran: 169)

Mengenai firman Allah di atas, Syaialah mengatakan bahawa jika dikatakan, "Bagaimana boleh orang-orang yang mati itu hidup?"

Kami akan menjawab, "Mungkin Allah menghidupkan mereka di dalam kubur mereka dengan roh-roh mereka berada di bahagian tertentu dari badannya. Dengan sedikit bahagian dari badannya itu, mereka sudah merasakan kenikmatan dan kelazatan, sebagaimana seluruh badan manusia merasa kedinginan atau kepanasan dengan tersentuhnya sedikit badannya dengan sesuatu yang dingin atau panas."

Ada yang berpendapat, yang dimaksudkan dengan "jasad-jasad mereka itu tidak diuji di dalam kubur mereka dan tidak terputus hubungan mereka" adalah mereka itu tetap hidup di dalam kubur, mereka seperti layaknya orang-orang yang hidup di dunia.

Di dalam tafsirnya, Abu Hayyan mengatakan mengenai ayat ini bahawa para ulama berbeza pendapat mengenai erti kehidupan itu sendiri. Ada yang berpendapat bahawa arwah mereka tetap hidup tanpa jasad kerana seperti kita

ketahui, jasad mereka hancur dan binasa. Sedangkan yang lainnya berpendapat bahawa orang yang mati syahid itu tetap hidup, baik roh mahupun jasadnya. Yang demikian itu kerana kita tidak dapat menjangkau dan merasakannya. Kita hanya melihat secara fizikal mereka meninggal, padahal sesungguhnya mereka hidup, sebagaimana yang difirmankan Allah s.w.t.:

وَتَرَى الْجِبَالَ تَحْسَبُهَا جَامِدَةً وَهِيَ تَمُرُّ مَرَّ السَّحَابِ

Kamu melihat gunung-gunung itu, kamu menyangka dia tetap di tempatnya, padahal dia berjalan seperti jalannya awan.

(Surah an-Naml: 88)

Hal itu sebagaimana orang yang sedang tidur tetapi di dalam tidurnya dia menikmati sesuatu atau merasakan sakit. Oleh kerana itu, Allah s.w.t. berfirman:

وَلَا نَقُولُوا لِمَنْ يُقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْواتٌ بَلْ أَحْيَاءٌ وَلَكِنْ لَا تَشْعُرُونَ

Janganlah kalian mengatakan bahawa orang-orang yang gugur di jalan Allah itu mati, bahkan (sebenarnya) mereka itu hidup, tetapi kalian tidak menyedarinya.

(Surah al-Baqarah: 154)

Dengan firman-Nya itu, Dia bermaksud mengingatkan orang-orang yang beriman bahawa mereka tidak mengetahui kehidupan tersebut secara kasar. Oleh kerana itu, orang yang mati syahid itu berbeza dari orang-orang lain. Seandainya yang dimaksudkan hanyalah kehidupan pada rohnya sahaja, bererti tidak ada perbezaan di antara dia (orang yang mati syahid) dengan orang-orang yang tidak mati syahid kerana seluruh arwah manusia memang tetap hidup dan seluruh orang yang beriman mengetahui adanya kehidupan pada arwah-arwah tersebut. Jika demikian halnya, bererti firman Allah, "...tetapi kalian tidak menyedarinya", tidak ada maknanya.

Ibn Rajab mengatakan, "Kami pernah menuturkan riwayat melalui Farad ibn Jamal. Dia menceritakan bahawa Abu al-Mughirah berkata, 'Aku belum pernah melihat orang seperti al-Mu'afi ibn 'Imran.' Lalu dia menyebutkan keutamaan dan kelebihanannya dan kemudian menuturkan, 'Sebahagian dari saudara-saudaraku memberitahuku bahawa sanya Ghanim mendatangi Mu'afi ibn 'Imran setelah dia dikebumikan. Lalu dia mentalqinkan Mu'afi yang sudah berada di dalam kuburnya seraya mengucapkan kalimat *La ilaha illa Allah*, kemudian Mu'afi pun mengikuti

ucapannya.”

Diceritakan, Faqir pernah menuturkan cerita dari seseorang. Dia hendak melakukan suatu perbuatan keji bersama seorang pemuda di sebuah lokasi di Kurafah. Menjawab ajakan itu, pemuda itu berkata kepadanya, “Demi Allah, aku tidak akan berbuat maksiat di sini selamanya kerana dahulu aku pernah melakukan kemaksiatan itu sekali, tiba-tiba ada kubur yang terbelah dan penghuninya berkata kepadaku, ‘Tidakkah kalian malu kepada Allah?’”

Ibn Abi ad-Dunya dalam *al-Qubur*, dengan *sanad* yang di dalamnya terdapat perawi *mubham* (meragukan) menuturkan riwayat dari ‘Umar ibn al-Khaṭṭab r.a. bahawa beliau pernah berjalan melintasi daerah al-Baqi, lantas beliau mengucapkan, “Salam sejahtera untuk kalian semua, wahai Ahlul Kubur. Berita dari kami untuk kalian adalah bahawa isteri-isteri yang kalian tinggalkan telah menikah, rumah kalian telah ditempati dan harta kekayaan kalian telah pergi entah ke mana.”

Al-Hakim dan al-Baihaqi, melalui ‘Aṭaf ibn Khalid al-Makhzumi, menuturkan riwayat dari ‘Abdul A’la ibn ‘Abdillah ibn Abi Bakar. Dia mengatakan bahawa menurut ‘Abdullah, Nabi s.a.w. pernah mengunjungi kubur para syuhada di Gunung Uhud, lalu beliau berucap, “Ya Allah, sesungguhnya hambadan sekaligus Nabi-Mu bersaksi bahawa mereka yang mati ini adalah para syuhada dan bahawa orang yang berziarah atau mengucapkan salam kepada mereka, nescaya sampai Hari Kiamat kelak mereka akan menjawab salamnya.”

Dari al-Waqidi disebutkan bahawa Nabi s.a.w. sentiasa mengunjungi kubur para syuhada di Gunung Uhud setiap tahun. Ketika sampai pada sebuah jalan di gunung, beliau mengangkat suaranya seraya berucap:

سَلِّمُوا عَلَيَّكُمْ بِمَا صَبَرْتُمْ فَنِعْمَ عُقْبَى الدَّارِ

Keselamatan atas kalian berkat kesabaran kalian. Alangkah baiknya tempat kesudahan itu

(Surah ar-Ra’d: 24)

Selanjutnya hal itu dilanjutkan oleh Abu Bakar, ‘Umar ibn al-Khaṭṭab dan ‘Uthman ibn ‘Affan. Selain itu, Fatimah ibn Rasulullah s.a.w. juga mengunjunginya dan berdoa. Sa’ad ibn Abi Waqaṣ juga mengucapkan salam kepada mereka. Setelah itu, dia mengarahkan pandangannya kepada para sahabatnya seraya berucap,

“Mengapa kalian tidak mengucapkan salam kepada orang-orang yang akan menjawab salam kalian?”

Al-Baihaqi menuturkan riwayat dari Abu ‘Abdillah al-Hafizh yang diterimanya dari Abu ‘Ali Hamzah ibn Muhammad al-‘Alawi. Dia menerimanya dari Hasyim ibn Muhammad al-‘Amri. Dia bercerita:

Ayahku pernah mengajakku pergi ke Madinah untuk mengunjungi kubur para syuhada pada hari Jumaat, pada waktu antara terbit fajar dengan terbitnya matahari. Aku berjalan di belakangnya. Ketika sampai di kubur mereka, ayahku berucap dengan suara lantang:

سَلَامٌ عَلَيْكُمْ بِمَا صَبَرْتُمْ فَنِعْمَ عُقْبَى الدَّارِ ﴿٢٤﴾

Keselamatan atas kalian berkat kesabaran kalian. Alangkah baiknya tempat kesudahan itu

(Surah ar-Ra’d: 24)

Kemudian dijawab, “Keselamatan juga bagimu, wahai ‘Abdullah.”

Kemudian ayahku menoleh kepadaku seraya bertanya, “Apakah engkau yang menjawab tadi?”

“Tidak”, jawabku.

Kemudian beliau menarik tanganku dan menempatkanku di sebelah kanannya, lalu kembali mengucapkan salam kepada mereka. Setiap salam yang diucapkan oleh beliau itu dibalas, sampai beliau mengulanginya tiga kali. Oleh kerana itu, ayahku terus sujud bersyukur kepada Allah s.w.t.

Dalam *Akhbar al-Madinah*, Zubair ibn Bakar mengatakan, Muhammad ibn ‘AbdulAziz ibn Muhammad menerima khabar dari Bakar ibn Muhammad bahawa pada hari-hari peristiwa al-Hurrah, di masjid Nabawi tidak dikumandangkan azan selama tiga hari kerana orang-orang berangkat menuju al-Hurrah, sementara Sa’id ibn al-Musayyab duduk di masjid. Sa’id ibn al-Musayyab kemudian berkata, “Aku lantas mendekati kubur Rasulullah s.a.w. Ketika waktu solat zuhur tiba, aku mendengar azan di dalam kubur Rasulullah s.a.w. Kemudian aku mengerjakan solat dua rakaat. Setelah itu, aku mendengar iqamat, lalu aku pun mengerjakan solat zuhur. Selanjutnya aku duduk. Setelah mengerjakan solat aṣar, aku mendengar

kembali azan di dalam kubur Rasulullah s.a.w. dan dilanjutkan dengan iqamat. Hal itu terus aku dengar selama tiga hari berturut-turut sehingga orang-orang pulang dari al-Hurrah dan pergi ke masjid. Para muazin kembali mengumandangkan azan. Lalu aku kembali berusaha mendengarkan azan di dalam kubur baginda, tetapi aku tidak mendengarnya.”

Dari Yahya ibn Mu’in, al-Lalika’i menuturkan bahawa seorang penggali kubur berkata kepadaku, “Suatu kejadian yang paling aneh yang pernah aku temukan dari kubur-kubur ini adalah bahawa aku pernah mendengar suara rintihan dari suatu kubur seperti rintihan orang sakit. Kudengar juga dari kubur yang lain yang penghuninya menjawab azan yang dikumandangkan muazin.”

Harth ibn Asad al-Muhasabi berkata, “Aku pernah berada di kawasan perkuburan, lalu dua kali aku mendengar dari dalam suatu kubur suara orang merintah kerana azab Allah.”

Ibn’Asakir dengan *sanadnya* melalui al-A’masi menuturkan riwayat dari Manhal Ibn ‘Amr. Dia mengatakan, “Demi Allah, aku melihat kepala al-Husain r.a. ketika dibawa sementara aku berada di Damsyik. Di hadapan kepala itu ada seseorang yang membaca surah al-Kahfi sampai pada ayat: *...atau kamu mengira bahawa orang-orang yang mendiami gua dan (yang mempunyai) raqim²⁶ itu, mereka termasuk tanda-tanda kekuasaan Kami yang menghairankan?*”

Lebih lanjut al-Manhal menceritakan, “Kemudian Allah menjadikan kepala itu dapat berbicara dengan lidah yang sangat tajam. Kepala itu berkata, ‘Dibandingkan dengan Ashab al-Kahfi (orang-orang yang mendiami gua), pembunuhan terhadap diriku dan pengusungan kepalaku adalah lebih menghairankan.’”

Adz-Dzahabi menyebut bahawa Ahmad ibn Naşr al-Khuza’i, salah seorang pemuka Ahlul Hadis pernah dipaksa oleh al-Wa’iq untuk mengakui bahawa al-Quran itu adalah makhluk, namun dia menolaknya, sehingga al-Wa’iq memenggal kepalanya dan menggantung kepalanya di Baghdad. Lalu ditugaskan seseorang untuk menjaga dan memalingkan kepalanya dari kiblat dengan tombaknya. Lalu orang yang diserahkan tugas tersebut bercerita bahawa pada malam hari dia melihat kepala itu memusingkan wajahnya ke arah kiblat seraya membaca surah

26 Sebagian yang lain mengertikan batu bersurat.

Yasin dengan suara lantang.

Ad-Dzahabi mengatakan, “Aku meriwayatkan kisah ini dari beberapa orang. Di antaranya adalah yang diriwayatkan al-Khaṭīb dari Ibrahim ibn Isma’īl ibn Khalaf. Dia bercerita, ‘Ahmad ibn Naṣr dalam kesendirian. Ketika dibunuh dan digantung kepalanya, diberitahukan kepadaku bahawa kepalanya dapat membaca al-Quran. Aku pun segera ke sana dan mendekatinya. Ketika keadaan sangat sunyi, aku mendengar kepalanya membaca ayat:

الْمِ ۝ أَحْسِبَ النَّاسَ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ۝

Alif lam mim. Apakah manusia itu mengira bahawa mereka dibiarkan (sahaja) mengatakan, ‘Kami telah beriman’, sementara mereka tidak diuji lagi?

(Surah al-‘Ankabut: 1-2)

“Saat itu, meremanglah bulu romaku”, lanjut Ibrahim ibn Isma’īl.

Ibn ‘Asakir, melalui Abu aṣ-Ṣalih, pembantu al-Laith, menuturkan riwayat dari Yahya ibn Abu Ayyub al-Khuza’i. Dia berkata sebagai berikut:

Aku pernah mendengar orang yang menyebutkan bahawa pada masa ‘Umar ibn al-Khaṭṭab r.a. ada seorang pemuda yang taat beribadah dan rajin pergi ke masjid. ‘Umar sangat bangga terhadap pemuda itu. Pemuda itu mempunyai ayah yang sudah sangat tua. Jika mengerjakan solat pada malam hari, dia kembali menemui ayahnya. Jalan yang dilaluinya melintasi pintu seorang wanita. Wanita itu sering menggodanya, bahkan dia suka menghadangnya di jalan.

Suatu malam, dia berjalan melintasinya sementara wanita itu masih terus menggodanya hingga dia mahu mengikutinya. Ketika sampai di pintu tersebut, wanita itu masuk dan dia pun ikut masuk. Lalu dia segera ingat kepada Allah dan menjauhinya. Kemudian dia membaca ayat berikut ini:

إِنَّ الَّذِينَ اتَّقَوْا إِذَا مَسَّهُمْ طَائِفٌ مِّنَ الشَّيْطَانِ تَذَكَّرُوا فَإِذَا هُمْ مُبْصِرُونَ

۝

Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa itu jika ditimpa perasaan was-was dari syaitan, mereka ingat kepada Allah. Ketika itu juga mereka melihat kesalahan-kesalahannya.

(Surah al-A’raaf: 201)

Selanjutnya pemuda itu jatuh pingsan. Wanita itu segera memanggil pembantunya untuk membantu mengurusnya. Lalu keduanya membawanya ke pintu rumahnya. Sementara ayahnya keluar mencari hingga akhirnya dia mendapatkannya sudah tidak sedarkan diri di hadapan pintu. Sang ayah lantas memanggil keluarganya untuk membawanya masuk ke dalam rumah. Pemuda itu tidak sedarkan diri sepanjang malam. Lalu sang ayah berkata kepadanya, “Anakku, apa yang menimpamu?”

“Aku baik-baik sahaja,” jawabnya.

Lebih lanjut ayahnya berkata, “Aku bertanya mengenai apa yang menimpamu.”

Pemuda itu lalu memberitahu apa yang telah dialaminya.

“Anakku, ayat apa yang engkau baca?” tanya ayahnya lagi.

Yang ditanya kemudian membacakan kembali ayat yang dibacanya itu. Setelah itu, dia jatuh pingsan lagi. Orang-orang kemudian berusaha menggoncang-goncang tubuhnya, ternyata dia sudah meninggal dunia.

Setelah itu orang-orang memandikannya, menghantarkannya dan menguburkannya pada malam hari. Pada pagi harinya, hal itu diberitahukan kepada ‘Umar ibn al-Khaṭṭab. ‘Umar lalu segera berangkat mendatangi ayahnya seraya berkata, “Bukankah engkau telah memberitahuku akan kematian anakmu?”

Dia menjawab, “Amirul mukminin, kami menguburkannya pada malam hari.”

Selanjutnya ‘Umar berkata, “Mari pergi ke kuburnya bersama kami.”

‘Umar, disertai beberapa orang, kemudian berangkat menuju kuburnya. Beliau kemudian berkata, “fulan, *bagi orang yang takut akan saat menghadap Tuhannya ada dua syurga.*”²⁷

Ibn Abi ad-Dunya dalam *al-Qubur* dan Ibn ‘Asakir menuturkan riwayat dari asy-Sya’bi. Dia mengatakan bahwa Syafwan ibn Umiyah aṣ-Ṣahabi pernah berada di kubur. Ketika satu jenazah didatangkan, dia mendengar suara dari dalam kubur membacakan syair dengan penuh kesedihan. Kemudian Syafwan memberitahukan apa yang didengarnya itu kepada beberapa orang. Mereka yang mendengarnya menangis hingga air matanya membasahi janggut mereka. Lalu

27 Surah ar-Rahman: 46

mereka bertanya, “Apakah engkau tahu siapa Aminah itu?”

“Tidak”, jawabnya.

Mereka berkata, “Dia adalah wanita yang berada di dalam keranda ini (yang sedang di usung) dan penghuni kubur itu adalah saudara perempuannya yang sudah meninggal sebelumnya.”

Syafwan lalu berkata, “Setahuku seorang mayat itu tidak berbicara, lalu dari mana suara tersebut?”

Dari Sa’id ibn Hasyim as-Silmi, Ibn Abi ad-Dunya meriwayatkan bahawa ada seseorang menyelenggarakan majlis pernikahan bagi puterinya. Untuk itu, dia mengadakan beberapa permainan. Tempat tinggalnya ini berada berhampiran dengan kubur. Demi Allah, pada malam itu mereka benar-benar tenggelam dalam permainan mereka. Tiba-tiba mereka mendengar suara seram yang menakutkan mereka, lalu mereka mendengar ada suara yang berseru dari dalam kubur:

*Wahai para penikmat kelazatan, tidak akan kekal kenikmatan
Kematian akan membinasakan permainan
Banyak orang kelihatan bahagia dengan kelazatan yang
didapatkan
Berjalan sendirian meninggalkan keluarga menuju kematian*

Sa’id ibn Hasyim menuturkan lebih lanjut bahawa tidak lama kemudian, pemuda yang menikah itu meninggal dunia.

Masih diriwayatkan oleh Ibn Abi ad-Dunya, kali ini dari Şalih al-Mari. Dia bercerita, “Suatu hari, aku pernah memasuki beberapa kubur di bawah terik matahari yang sangat panas. Aku lalu melihat ke kubur-kubur itu dan berkata, “*Subhanallah*, siapakah yang mengumpulkan roh-roh dan jasad-jasad kalian setelah tercerai-berai lalu menghidupkan kalian dan kemudian menyebarkan kalian setelah diuji?”

Tiba-tiba ada seseorang berseru, “*Şalih, di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya adalah berdirinya langit dan bumi dengan iradah-Nya. Kemudian jika Dia memanggil kalian dengan sekali panggilan dari bumi, seketika itu juga kalian keluar dari kubur?*²⁸”

28 Surah ar-Rum: 25

Seketika, aku menjatuhkan wajahku ke tanah kerana takut terhadap suara tersebut.

Sementara dari Ṭābit al-Banani diriwayatkan bahawa dia pernah berada di dalam kubur seraya berbicara pada dirinya sendiri. Tiba-tiba ada suara berseru, “Wahai Ṭābit, jika kalian melihatnya dalam keadaan berdiam diri, ketahuilah banyak di antara mereka yang berduka cita.”

Ṭābit berkata, “Lalu aku menoleh, tetapi aku tidak melihat seorang pun.”

Dari Basyar ibn Mansur dituturkan bahawa ‘Aṭa al-Azraq pernah berkata kepadanya, “Jika engkau mendatangi kubur, hendaklah hatimu benar-benar berada di antara para penghuninya kerana ketika aku berada di kubur dan memikirkan diriku, tiba-tiba ada suara berseru, ‘Menjauhlah dariku, wahai orang yang leka. Sesungguhnya engkau berada di antara orang-orang yang merasakan kenikmatan yang menyenangkan atau orang-orang yang diazab.”

Siwar ibn Muṣāb al-Hamdani menuturkan riwayat dari ayahnya. Dikatakan bahawa ada dua orang bersaudara yang menjadi jirannya. Suatu ketika, masing-masing dari keduanya saling merasakan kesedihan yang belum terlihat sebelumnya. Kemudian yang tertua pergi ke Asfahan, sementara yang terkecil meninggal. Setelah itu, kakaknya itu pulang ke kuburnya selama tujuh bulan. Suatu hari terdengar suara dari dalam kuburnya yang mengungkapkan suatu syair:

Wahai yang menangisi orang lain

Dirimu sendiri perbaiki, jangan orang lain ditangisi

Boleh jadi yang menangisi

Akan menempuh jalan yang ditangisi

Dia menceritakan lebih lanjut, lalu dia menoleh ke belakangnya tetapi tidak menemukan seorang pun selain dirinya. Seketika itu juga bulu romanya berdiri dan merasakan panas dingin. Setelah itu, dia kembali pulang ke rumah. Tidak lama kemudian, dia meninggal dunia dan dikuburkan di samping saudaranya.

Imam Ahmad dan Ibn Abi ad-Dunya, melalui ‘Abdur Rahman ibn Jubair ibn Nafir menuturkan riwayat dari Yazid ibn Syuraih al-Haithami. Dikatakan bahawa dia pernah mendengar suara dari suatu kubur yang berseru, “Jika kalian mengunjungi kami pada hari ini, maka kami masih sama seperti kalian; kami juga masih hidup seperti kalian. Yang demikian itu hanyalah seperti padang pasir yang

debunya diterbangkan oleh angin. Hanya sahaja kami tidak dapat mendapatkan kalian. Orang yang sudah meninggal seperti kami, dia tidak akan pernah kembali. Di situlah tempat tinggal kami dan tempat kalian dikembalikan.”

Ibn Abi ad-Dunya kembali menuturkan riwayat dari Sulaiman ibn Yasar al-Hadrami. Dia berkata bahawa ada suatu kaum yang berjalan melintasi kubur. Tiba-tiba mereka mendengar suara yang berseru:

*Wahai manusia sekalian
Berjalanlah sebelum kalian tidak boleh berjalan
Akhirat ini adalah kebenaran
Ke sana kami dikembalikan
Betapa banyak para penikmat kesenangan
Dibinasakan oleh zaman
Akhirnya adalah seksaan yang menyedihkan
Tempat kembali ini, buruk yang teramat*

“Dahulu kami seperti kalian, lalu kami dipindahkan oleh kematian dan kalian akan menjadi seperti kami juga”, lanjut suara tersebut.

Dalam *‘Uyun al-Hikayat*, al-Jawzi menuturkan riwayat dari Muhammad ibn al-Iyas al-Waraq. Dia bercerita bahawa suatu hari ada seseorang yang pergi bersama puteranya. Ketika masih di tengah perjalanan, dia meninggal dunia. Sang putera kemudian menguburkannya di bawah pohon Daum, lalu dia melanjutkan perjalanannya. Sekembalinya dari perjalanan, dia melintasi tempat ayahnya dikuburkan pada malam hari. Tetapi dia tidak singgah ke kubur ayahnya. Tiba-tiba ada suara yang mengumandangkan syair:

*Kulihat engkau melintasi pohon Daum malam-malam
Tetapi membiarkan penghuninya dalam diam
Di bawah pohon itu dia diam.
Andai suatu saat, di sana engkau pun diam
Orang yang melintasinya nescaya memberi salam*

Abu ‘Abdillah al-Jala’ sebagaimana dituturkan oleh Ibn ‘Asakir, berkisah sebagai berikut:

Ayahku meninggal, lalu kami membawanya ke suatu tempat untuk dimandikan. Kami membuka kain penutup wajahnya, tiba-tiba dia tertawa. Orang-orang tentu

sahaja meragukan kematiannya. Mereka berkata, “Dia masih hidup.”

Selanjutnya mereka memanggil doktor dan kami menutup kembali kain pada wajahnya. Kami berkata kepada doktor itu, “Periksalah dia.”

Doktor itu segera memeriksanya dan berakhir dengan ucapan, “Dia sudah meninggal.”

Kemudian kami membuka penutup wajahnya lagi. Doktor melihatnya dalam keadaan tertawa. Seketika doktor itu berkata, “Demi Allah, aku tidak mengerti apakah dia sudah meninggal atau masih hidup.”

Setiap kali ada yang datang untuk memandikannya, yang hadir merasa takut dan tidak mampu memandikannya. Lalu Fadhal ibn al-Husain - salah seorang ulama terkenal - datang memandikan, menyalatkan dan menguburkannya.

Dalam *Dala'il an-Nubuwwah*, Imam al-Baihaqi menuturkan riwayat dari Sa'id ibn Musayyab. Disebutkan bahawa Zaid ibn Kharijah al-Ansari, salah seorang dari Bani Hariṭah ibn al-Khazraj, meninggal dunia pada masa 'Uthman. Setelah dibungkus dengan kain kafan, mereka mendengar suara kasar dari dalam dadanya yang menuturkan, “Ahmad, Ahmad berada di dalam Kitab pertama. Abu Bakar aṣ-Ṣiddiq benar, seorang yang lemah fizikalnya tetapi kuat dalam mentaati perintah Allah, juga berada di dalam kitab pertama. 'Umar ibn al-Khaṭṭab benar-benar seorang yang kuat dan jujur, juga berada dalam kitab pertama. 'Uthman ibn 'Affan benar. Di jalan mereka telah berlalu empat tahun dan yang tinggal hanya dua tahun hingga datang fitnah; orang kuat memakan orang lemah. Tibalah Hari Kiamat. Bala tentera kalian akan datang membawa khabar mengenai Sumur Aris kepada kalian. Apakah sumur Aris itu?”

Sa'id berkata, “Setelah itu, ada seseorang yang meninggal dunia lalu dibungkus dengan kafan dan terdengar dari dalam dadanya suara yang menyuarakan, “Sesungguhnya saudara Bani Hariṭ ibn al-Khazraj itu benar.”

Imam al-Baihaqi mengatakan, “*Isnad* hadis ini sah dan memiliki beberapa saksi.”

Dalam *al-Jami' al-Kabir*, Imam aṭ-Ṭabrani menuturkan riwayat yang diterimanya dari Ahmad ibn Ma'ali ad-Dimasyqi, Hisyam ibn 'Ammar, al-Walid ibn Muslim dan 'Abdur Rahman ibn Yazid ibn Jabir ibn 'Umair ibn Hani'. Disebutkan bahawa

Nu'man ibn Basyir pernah berkata sebagai berikut:

Ada seseorang di antara kami iaitu Kharijah ibn Zaid, meninggal dunia. Kami lalu membungkusnya dengan kafan. Setelah itu aku mengerjakan solat jenazah, tiba-tiba aku mendengar suara. Aku lantas kembali melihatnya ternyata dia seperti bergerak-gerak seraya berkata, “Kaum yang paling bersabar adalah yang berkedudukan paling tengah. ‘Umar ibn al-Khaṭṭab, Amirul mukminin adalah hamba Allah yang kuat fizikalnya dan teguh dalam menjalankan perintah-Nya. ‘Uthman ibn ‘Affan, Amirul mukminin adalah seorang yang suci yang memaafkan banyak kesalahan. Telah berlalu darinya dua tahun dan yang tersisa tinggal empat tahun. Lalu orang-orang berbeza pendapat hingga di tengah-tengah mereka tidak ada lagi aturan. Wahai sekalian manusia, terimalah pemimpin kalian. Dengar dan taatilah dia. Inilah Rasulullah s.a.w. dan Ibn Rawahah. Apa yang dikerjakan oleh Zaid ibn Kharijah?”

Lebih lanjut dia mengatakan, “Aku meletakkan sumur Aris di belakangku.”

Setelah itu, suaranya semakin mengecil dan menghilang.

Sementara dari ‘Abdur Rahman ibn Zaid ibn Aslam, Ibn Abi ad-Dunya menuturkan bahawa dahulu ada beberapa pemuda yang berangkat menuju daerah Romawi. Sebahagian dari mereka tertangkap dan dijadikan tawanan. Para pemuda itu dibawa menghadap raja. Raja itu menawarkan kepada mereka agama yang dianutnya, tetapi mereka menolaknya. Kemudian raja itu duduk di sebuah bukit kecil di samping sungai lalu memanggil mereka dan memenggal kepala salah seorang di antara mereka hingga jatuh tersungkur ke dalam sungai. Tiba-tiba kepalanya itu bangun menghadap ke arah mereka dan meminta agar mereka mengarahkan wajah kepadanya seraya mengucapkan:

يَا أَيُّهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٢٧﴾ ارْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَةً ﴿٢٨﴾ فَأَدْخُلِي فِي عِبَادِي ﴿٢٩﴾ وَأَدْخُلِي

جَنَّتِي ﴿٣٠﴾

Wahai jiwa yang tenang, kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang puas lagi direndhai-Nya. Masuklah ke dalam jamaah hamba-hamba-Ku; masuklah ke dalam syurga-Ku.

(Surah al-Fajr: 27-30)

Sedangkan dari Sa'id al-'Ummi, Ibn Abi ad-Dunya meriwayatkan bahawa ada suatu kaum yang berangkat perang melalui jalan laut. Lalu muncul seorang pemuda yang terlihat kurang baik yang menawarkan diri bergabung dengan mereka, tetapi mereka menolaknya. Namun kemudian, mereka membawanya pergi bersama mereka hingga akhirnya mereka bertemu dengan musuh. Pemuda itulah yang mendapat ujian paling baik, dia terbunuh. Tiba-tiba kepala pemuda itu tegak dan menghadap ke arah orang-orang yang berada di perahu seraya membacakan ayat:

تِلْكَ الدَّارُ الْآخِرَةُ نَجْعَلُهَا لِلَّذِينَ لَا يُرِيدُونَ عُلُوًّا فِي الْأَرْضِ وَلَا فَسَادًا وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ



Negeri akhirat itu Kami jadikan untuk orang-orang yang tidak menyombongkan diri dan berbuat kerusakan di muka bumi. Kesudahan yang baik itu adalah bagi orang-orang yang bertakwa.

(Surah al-Qasas: 83)

Al-Yafi'i mengatakan, "Diperlihatkan oleh Allah s.w.t. orang yang sudah meninggal dunia baik dalam suatu kebaikan atau kejahatan termasuk bahagian dari *kasyf* (penyingkapan alam ghaib) sebagai peringatan sekaligus nasihat; juga untuk kepentingan si mayat tersebut untuk mendapatkan kebaikan, membayar hutang dan lain-lain. *Kasyf* ini lebih kerap dialami pada saat sedang tidur, kadang-kadang dalam keadaan terjaga. Semua itu termasuk bahagian dari karamah para wali."

Selain itu, al-Yafi'i juga mengatakan, "Mazhab Ahlus Sunnah berpendapat bahawa arwah orang-orang yang sudah meninggal dunia baik yang berasal dari *'Illyin* mahupun *Sijjin*, pada suatu waktu akan dikembalikan ke jasadnya di dalam kubur; bergantung pada iradah Allah s.w.t. khususnya pada malam Jumaat. Mereka duduk-duduk dan saling berbincang, serta bersenang-senang dengan pelbagai kenikmatan. Ada juga yang menderita dengan azab yang diterimanya."

Lebih lanjut al-Yafi'i menuturkan, "Kenikmatan atau azab itu dikhususkan bagi arwah sahaja selama masih berada di *'Illyin* atau *Sijjin*. Sedangkan dalam kubur, masing-masing dari keduanya (arwah dan jasad) ikut merasakan kenikmatan atau seksaan tersebut."

Ibn al-Qayyim mengatakan, "Hadis-hadis di atas menunjukkan bahawa ketika orang berziarah ke kubur, penghuninya dapat mengetahui peziarahnya, mendengar

ucapannya, merasa senang dengannya, serta menjawab salam yang diucapkannya. Ini berlaku umum, baik para syuhada mahupun yang lainnya dengan tidak ada batasan waktu. Rasulullah s.a.w. sendiri telah mensyariatkan kepada umatnya untuk mengucapkan salam kepada ahli kubur, sebagaimana yang diucapkan kepada orang yang hidup.”

Dari Abu Hurairah r.a. dituturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah mendatangi suatu kubur seraya mengucapkan, “Salam sejahtera kepada kalian yang menempati tempat orang-orang yang beriman ini. Jika Allah menghendaki, kami akan menyusul kalian.”

(Hadis riwayat Muslim)

Sedangkan dari Buraidah diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah mengajarkan kepada mereka -jika mereka berziarah ke kubur - untuk mengucapkan, “Mudah-mudahan salam sejahtera sentiasa tercurah kepada kalian, wahai penghuni kubur ini dari kalangan kaum Muslim. Jika Allah menghendaki, kami akan menyusul kalian. Kalian telah mendahului kami dan kami akan menyusul kalian. Kami memohon kepada Allah semoga kesejahteraan sentiasa diberikan kepada kami dan kalian.”

(Hadis riwayat an-Nasa'i dan Ibn Majah)

Sementara dari Aisyah r.a. dituturkan bahawa dia berkata kepada Rasulullah s.a.w., “Ya Rasulullah, apa yang harus kuucapkan kepada mereka?”

Beliau menjawab, ucapkanlah, “Mudah-mudahan salam sejahtera sentiasa tercurah kepada kalian, wahai penghuni kubur ini dari kalangan kaum Muslim. Semoga Allah memberikan rahmat kepada orang-orang di antara kami yang telah mendahului kami atau yang akan meninggalkan kami. Jika Allah menghendaki, kami akan menyusul kalian.”

(Hadis riwayat Muslim)

Ibn 'Abbas r.a. menceritakan, Rasulullah s.a.w. pernah berjalan melintasi beberapa kubur di Madinah, lalu beliau menghadapkan wajahnya ke kubur tersebut seraya mengucapkan, “Salam sejahtera kepada kalian, wahai ahli kubur. Allah akan memberikan ampunan kepada kalian. Kalian telah mendahului kami dan kami akan menyusul kalian.”

(Hadis riwayat at-Tirmidzi)

Sedangkan dari 'Ali ibn Abi Ṭalib k.w. diriwayatkan bahawa dia pernah mendekati suatu kubur dan mengucapkan, "Mudah-mudahan salam sejahtera sentiasa tercurah kepada kalian, wahai penghuni kubur ini yang terdiri dari orang-orang mukmin dan Muslim. Kalian telah mendahului kami dan kami akan menyusul kalian. Sebentar lagi kami akan menyusul kalian. Ya Allah, berikanlah ampunan kepada kami dan mereka; hapuskanlah pula dosa kami dan mereka."

(Hadis riwayat at-Tabrani)

Sa'ad ibn Abi Waqaṣ, sebagaimana diriwayatkan oleh Ibn Abi Syaibah pernah kembali dari kebunnya dan berjalan melalui kubur para syuhada. Lalu dia mengucapkan, "Salam sejahtera kepada kalian semua. Jika Allah menghendaki, kami akan segera menyusul kalian."

Setelah itu, dia berkata kepada para sahabatnya, "Tidaklah kalian mengucapkan salam kepada para syuhada melainkan mereka akan menjawab salam kalian."

Sementara Ibn 'Umar r.a. mengaku bahawa dia tidak melintasi suatu kubur, baik malam mahupun siang hari, melainkan mengucapkan salam.

Sedangkan Abu Hurairah, sebagaimana diriwayatkan oleh Ibn Abi Syaibah, pernah mengatakan bahawa jika engkau melintasi suatu kubur yang engkau kenal penghuninya, ucapkanlah, "Salam sejahtera bagi kalian semua, wahai ahli kubur."

Sementara jika melintas ikubur yang tidak engkau kenal, ucapkanlah, "Salam sejahtera kepada kaum Muslim."

Al-Hasan berkata bahawa siapa sahaja yang memasuki kubur, lalu dia mengucapkan, "Ya Allah, Tuhan Pemelihara jasad-jasad yang binasa dan tulang-belulang yang hancur lumat, yang pergi meninggalkan dunia dengan keimanan kepada-Mu, berikanlah kepadanya rahmat dari sisi-Mu dan sampaikanlah salam dariku untuknya", nescaya akan dimohonkan ampunan baginya oleh kaum Muslim dan mukmin yang meninggal sejak diciptakan Adam oleh Allah.

Sedangkan menurut riwayat Ibn Abi ad-Dunya, hadis itu berlafaz, "...nescaya Allah akan menetapkan baginya kebaikan sebanyak jumlah orang-orang yang sudah meninggal dunia dari anak cucu Adam sampai Hari Kiamat tiba."

Dari Abu Hurairah, Ibn Abi ad-Dunya juga menuturkan bahawa siapa sahaja yang memasuki kawasan perkuburan, lalu dia memohonkan ampunan bagi para

penghuni kubur tersebut, seakan-akan dia menyaksikan jenazah mereka serta mengerjakan solat atas mereka.

Azhar ibn Marwan menceritakan bahawa Basyar ibn Mansur mempunyai suatu bilik. Jika dia hendak mengerjakan solat asar, dia memasuki bilik itu dan membiarkan pintunya terbuka ke arah kubur. Dia solat sambil melihat ke arah kubur.

Dari Ibn ‘Umar r.a., sebagaimana diriwayatkan oleh Ibn Abi ad-Dunya dan al-Baihaqi, dituturkan bahawa jika dia menghantarkan satu jenazah dan dia berjalan melintasi para penghuni kubur, dia berdoa dan memohonkan ampunan bagi mereka.

Ibn Abi ad-Dunya dan al-Baihaqi menuturkan riwayat dari seseorang yang berasal dari keluarga ‘Aşim al-Jahdari. Dia berkisah sebagai berikut:

Aku pernah bermimpi bertemu dengan ‘Aşim al-Jahdari beberapa tahun setelah kematiannya. Kutanyakan kepadanya, “Bukankah engkau telah meninggal dunia?”

“Benar”, jawabnya.

“Lalu di manakah engkau berada?” tanyaku.

Dia pun menjawab, “Demi Allah, aku berada di salah satu taman syurga. Aku dan beberapa orang dari sahabatku berkumpul pada setiap malam Jumaat dan pagi harinya untuk menemui Bakar ibn ‘Abdillah al-Muzni bagi mendapatkan khabar berita mengenai kalian.”

Lebih lanjut kutanyakan, “Apakah yang berkumpul itu jasad atau arwah kalian?”

Dia menjawab, “Tidak mungkin itu dilakukan jasad kami kerana jasad kami telah binasa tetapi yang melakukan pertemuan itu adalah arwah.”

“Lalu apakah kalian mengetahui ziarah yang kami lakukan terhadap kalian?” tanyaku.

Dia menjawab, “Ya, kami mengetahuinya pada malam Jumaat dan hari Jumaat secara keseluruhan serta hari Sabtu sampai terbitnya matahari.”

Kutanyakan lagi, “Mengapa hanya hari itu sahaja dan tidak semua hari?”

Dia menjawab, “Kerana keistimewaan dan keagungan hari Jumaat.”

Keduanya juga menuturkan riwayat dari Basyar ibn Mansur. Dia menceritakan bahawa ada seseorang pulang dan pergi ke pengebumian. Dia juga sentiasa ikut mengerjakan solat jenazah. Jika petang hari tiba, dia berdiri di pintu kubur seraya mengucapkan, “Semoga Allah menghibur kalian, menyayangi kesendirian kalian, mengampuni dosa-dosa kalian dan menerima semua kebaikan kalian.”

Tidak ada kalimat lain yang diucapkan selain kalimat di atas.

Lebih lanjut, orang itu berkata, “Pada suatu malam, aku pulang ke rumah menemui keluargaku dan tidak mendatangi kubur. Ketika aku tidur, tiba-tiba aku bermimpi ramai orang mendatangkiku. Kutanyakan, ‘Siapakah kalian ini? Apa keperluan kalian?’ Mereka menjawab, ‘Kami adalah penghuni kubur.’ Aku bertanya lagi, ‘Apa yang menyebabkan kalian datang kepadaku?’ Mereka menjawab, ‘Engkau sudah membiasakan memberi sesuatu kepada kami pada saat kepulanganmu menemui keluargamu.’ Aku bertanya, ‘Pemberian apa itu?’ Mereka berucap, ‘Doa-doa yang engkau panjatkan.’”

Orang itu berkata lebih lanjut, “Setelah itu, aku pun membiasakannya.”

Basyar ibn Mansur mengatakan, “Setelah itu, orang tersebut tidak pernah meninggalkan doa-doa tersebut.”

Abu at-Tayyah menuturkan bahawa Muṭarrif pernah pergi ke padang belantara. Pada hari Jumaat dia berangkat pada awal malam dengan diterangi oleh cahaya yang terdapat pada pemukulnya. Ketika tengah malam tiba, dia dihindangi rasa mengantuk, sedangkan dia masih berada di atas kudanya. Tiba-tiba dia melihat seakan-akan setiap penghuni kubur duduk di atas kuburnya masing-masing. Mereka mengatakan, “Ini adalah Muṭarrif, yang datang pada hari Jumaat.”

Kutanyakan, “Apakah kalian mengenal hari Jumaat di tengah-tengah kalian?”

Mereka menjawab, “Ya, bahkan pada hari itu kami mengetahui apa yang diucapkan oleh burung.”

“Lalu apa yang diucapkannya?” tanyaku.

“Burung-burung itu berkata, ‘Salam sejahtera, salam sejahtera. Ini adalah hari

yang baik?”

Masih menurut Ibn Abi ad-Dunya dan al-Baihaqi, disebutkan bahawa al-Fadhal ibn Mawqif ibn Khalid menuturkan cerita dari Sufyan ibn ‘Uyainah. Dia berkata, “Ketika ayahku meninggal, aku sangat bersedih sehingga aku sentiasa mendatangi kuburnya setiap hari. Suatu hari, aku lupa mendatanginya. Malamnya aku pun bermimpi, ayahku berkata kepadaku, ‘Anakku, apa yang menyebabkan engkau tidak mendatangi?’ Aku bertanya, ‘Apakah Ayah mengetahui kedatanganmu?’ Ayahku menjawab, ‘Engkau tidak mendatangi aku sekali melainkan aku mengetahuinya. Aku merasa sangat suka dengan kedatanganmu dan orang-orang di sekelilingku pun merasa berbahagia dengan doa yang engkau panjatkan.’”

Selanjutnya dia mengatakan, “Setelah itu aku sentiasa mendatanginya.”

Ibn Abi ad-Dunya dan al-Baihaqi juga menuturkan riwayat dari ‘Uthman ibn Sawrah. Ibunya adalah seorang yang taat beribadah. Dia dikenal dengan nama Rahibah. ‘Uthman ibn Sawrah berkata:

Setelah ibuku meninggal dunia, aku sentiasa mendatangi kuburnya setiap malam Jumaat. Aku berdoa dan memohonkan ampunan untuknya dan untuk semua ahli kubur. Pada suatu malam, aku bermimpi bertemu ibuku. Aku bertanya, “Ibu, bagaimana keadaan Ibu?”

“Anakku, sesungguhnya kesedihan akibat kematian itu amat mendalam. Alhamdulillah, aku berada di tempat yang terpuji, tidur beralaskan *rayhan* serta berbantalkan sutera kasar dan sutera halus.”

Aku bertanya lagi, “Apakah Ibu mempunyai keperluan tertentu?” tanyaku.

“Ya”, jawab ibuku.

“Apakah keperluan Ibu?” sahutku lebih lanjut.

Beliau menjawab, “Janganlah engkau meninggalkan ziarah dan doa yang pernah engkau lakukan kepada kami. Sesungguhnya aku merasa terhibur dengan kedatanganmu pada hari Jumaat. Jika engkau datang, akan dikatakan kepadaku, ‘Ya Rahibah, telah datang kepadamu seseorang dari keluargamu.’ Aku pun merasa gembira kerananya dan demikian juga dengan mayat-mayat yang berada di sekelilingku.”

Al-Hafiz ibn Rajab menerimakhbar dari 'Ali ibn 'Abdul Şamad yang diterimanya dari Ahmad al-Bagdadi. Ayah Ahmad al-Bagdadi menuturkan bahawa Qastantin ibn 'Abdillah ar-Rumi menerima khabar dari al-Asad ibn Musa. Dia berkata:

Aku memiliki seorang teman yang sudah meninggal, lalu aku bermimpi bertemu dengannya. Dia berkata kepadaku, "*Subhanallah*, engkau telah datang kepada temanmu, si fulan dan berdoa untuknya serta memohonkan rahmat baginya. Sedangkan aku engkau biarkan, tidak engkau datangi dan dekati."

Kutanyakan, "Tahukah apa yang aku kerjakan?"

Dia menjawab, "Engkau mendatangi kubur temanmu, si fulan dan aku melihatmu."

"Bagaimana mungkin engkau melihatku sedangkan kuburmu tertutup oleh tanah?" tanyaku.

Dia menyahut, "Bukankah engkau tidak dapat melihat air yang berada di dalam gelas?"

"Ya", jawabku.

Lalu dia mengatakan, "Demikianlah kami melihat orang-orang berziarah kepada kami."

Abu Jara al-Hujaimi menuturkan, "Aku pernah mendatangi Nabi s.a.w. dan kuucapkan, "*'Alaik as-Salam*, ya Rasulullah.' Beliau berkata, 'Janganlah engkau mengucapkan '*'Alaik as-Salam*, kerana dia merupakan salam yang diucapkan bagi orang yang sudah meninggal.'"

Dengan demikian dapat dikatakan bahawa yang disunnahkan dalam ucapan salam bagi orang-orang yang sudah meninggal itu berupa, "*'Alaikum as-Salam*", iaitu dengan mendahulukan kata *alaikum*.

Hal itu juga telah dibenarkan oleh hadis sebelumnya, tatkala Rasulullah s.a.w. mengucapkan salam, "*'As-Salam 'alaikum Dar Qaum Mu'minin*."

Mengenai hal itu, Ibn al-Qayyim mengatakan dalam *al-Bada'i'*, "Pendapat itu dilontarkan kerana ketidakfahaman mereka terhadap maksud hadis tersebut kerana ucapan Rasulullah s.a.w. yang menyatakan bahawa '*'Alaik as-Salam* merupakan ucapan selamat bagi orang-orang yang sudah meninggal dan bukan suatu hal yang

disyariatkan. Dengan hal itu, beliau hanya ingin menyampaikan bahwa ucapan itulah yang sering diucapkan oleh banyak orang pada masa jahiliah. Mereka sentiasa mendahulukan nama orang yang sudah meninggal itu atas doa, sebagaimana yang dilantunkan oleh seorang penyair, 'Semoga terlimpah kepadamu, wahai Qais ibn 'Asim keselamatan dari Allah.' Masih banyak lagi ungkapan seperti itu dalam syair-syair mereka."

Pemberitahuan mengenai suatu kebiasaan yang berlangsung dalam suatu komuniti umat, tidak menunjukkan bahawa hal itu disunnahkan. Sebab, sebagaimana kita ketahui bahawa Rasulullah s.a.w. sendiri pernah mendahulukan kata *as-Salam* ketika beliau mengucapkan salam kepada ahli kubur.

Tepat sekali jika dikatakan bahawa yang lebih baik dalam mendoakan untuk kebaikan adalah dengan mendahulukan doa atas orang yang didoakan. Misalnya, "Salam sejahtera bagi Ibrahim, salam sejahtera bagi Nuh dan juga salam sejahtera bagi kalian atas kesabaran kalian." Sedangkan doa untuk suatu kejahatan akan lebih baik jika nama orang yang didoakan itu didahulukan, misalnya adalah firman Allah:

وَلِإِنَّ عَلَيْكَ لَعْنَتِي

Sesungguhnya untukmu laknatku

(Surah Şaad: 78)

عَلَيْهِمْ دَائِرَةُ السَّوْءِ

Mereka akan memperoleh bala bencana.

(Surah at-Taubah: 98)

وَعَلَيْهِمْ غَضَبٌ

Mereka mendapat kemurkaan Allah.

(Surah asy-Syuraa: 16)



Persemayaman Para Arwah

Allah s.w.t. berfirman:

وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ فَمُسْتَقَرٌّ وَمُسْتَوْدَعٌ

Dialah Yang menciptakan kalian dari satu jiwa, lalu bagi kalian disediakan tempat menetap dan tempat penyimpanan.

(Surah al-An'aam: 98)

Tempat menetap itu maksudnya adalah tulang sulbi sedangkan tempat penyimpanan adalah kehidupan akhirat setelah kematian.

Dari Ibn Mas'ud diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Arwah para syuhada itu berada di sisi Allah dalam perut burung berwarna hijau yang menyeberangi sungai-sungai di syurga ke mana sahaja yang dia kehendaki dan kemudian kembali ke pelita yang bergantung di bawah 'Arasy."

(Hadis riwayat Muslim)

Sementara dari Ibn 'Abbas disebutkan bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda, "Ketika sahabat-sahabat kalian terbunuh pada perang Uhud, Allah menempatkan arwah mereka di dalam perut burung berwarna hijau, yang menyeberangi sungai-sungai di syurga, memakan buah-buahan syurga dan akan kembali ke pelita yang terbuat dari emas yang bergantung di bawah naungan 'Arasy."

(Hadis riwayat Ahmad, Abu Daud, al-Hakim dan al-Baihaqi)

Sedangkan Sa'id ibn Mansur menuturkan riwayat dari Ibn 'Abbas. Dia mengatakan, "Arwah para syuhada itu berjalan-jalan di dalam perut burung yang berwarna hijau yang hinggap di buah pohon syurga."

Sementara dari Abu Sa'id al-Khudri r.a. dituturkan bahwa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Para syuhada itu pergi pada pagi hari dan pulang petang hari, kemudian kembali ke tempat persemayaman mereka di pelita yang bergantung di 'Arasy. Allah s.w.t. berfirman kepada mereka, 'Apakah kalian mengetahui suatu karamah yang paling utama yang dengan itu Aku memuliakan kalian?' Mereka menjawab, 'Tidak, tetapi kami menginginkan agar engkau mengembalikan arwah kami ke jasad kami sehingga kami dapat berperang sekali lagi di jalan-Mu.'"

(Hadis riwayat Baqi ibn Mukhallid)

Masih dari Abu Sa'id al-Khudri, disebutkan bahwa Nabi s.a.w. bersabda, "Sesungguhnya arwah para syuhada itu berada di dalam perut burung berwarna hijau yang terbang dan hinggap di taman syurga, yang tempat kembalinya adalah di pelita yang bergantung di 'Arasy. Lalu Allah s.w.t. berfirman kepada mereka, 'Apakah kalian mengetahui suatu karamah yang paling utama yang dengan itu Aku memuliakan kalian?' Mereka menjawab, 'Tidak, tetapi kami menginginkan agar Engkau mengembalikan arwah kami ke jasad kami sehingga kami dapat berperang sekali lagi di jalan-Mu.'"

(Hadis riwayat Hanad ibn as-Siri dan Ibn Mundah)

Sementara dari Anas ibn Malik disebutkan bahwa Nabi s.a.w. juga pernah bersabda, "Allah akan membangkitkan para syuhada dari dalam perut burung berwarna putih, mereka berada di pelita yang bergantung di 'Arasy."

(Hadis riwayat Abu Syaikh)

Diriwayatkan oleh Ibn Mundah dari Sa'id ibn Suwaid, bahwa Ibn Syihab pernah menanyakan arwah orang-orang yang beriman. Dia menjawab, "Pernah sampai berita kepadaku bahwa arwah para syuhada seperti burung yang berwarna hijau yang hinggap di 'Arasy. Pergi pagi dan pulang petang hari ke taman-taman syurga. Mereka mendatangi Allah s.w.t. setiap hari sambil mengucapkan salam kepada-Nya."

Diriwayatkan pula oleh Ibn Abi Hatim dari Ibn Mas'ud bahwa dia mengatakan, "Sesungguhnya arwah para syuhada itu berada di dalam perut burung berwarna hijau dalam pelita yang berada di bawah 'Arasy. Arwah-arwah itu berjalan-jalan di syurga sekehendak hatinya, lalu kembali ke pelita lagi. Sementara arwah anak-anak orang yang beriman juga berada di dalam perut burung-burung yang terbang dan hinggap di syurga sekehendak hatinya."

Abu ad-Darda' pernah ditanya mengenai arwah para syuhada. Dia menjawab, "Arwah mereka itu berupa burung berwarna hijau yang berada di pelita yang bergantung di bawah 'Arasy, yang terbang dan hinggap di syurga sekehendak hatinya."

Dari Ibn 'Abbas dituturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Arwah para syuhada berada di sungai yang bersinar di pintu syurga dalam kubah hijau. Rezeki mereka datang dari syurga pada pagi dan malam hari."

(Hadis riwayat Imam Ahmad, 'Abdu, Ibn Abi Syaibah, at-Tabrani dan al-Baihaqi dengan sanad *hasan*)

Anas ibn Malik menuturkan bahawa ketika Hariṭah terbunuh, ibunya mengatakan, "Ya Rasulullah, engkau lebih mengetahui kedudukan Hariṭah daripada aku. Jika dia berada di syurga, aku akan bersabar. Sementara dia berada selain di syurga, engkau mengetahui apa yang akan aku lakukan."

Lalu beliau berkata, "Ada banyak syurga dan Hariṭah berada di syurga Firdaus yang tertinggi."

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Ka'ab ibn Malik menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, "Arwah orang mukmin itu wujud dalam bentuk burung yang hinggap di pohon syurga, sehingga Allah mengembalikannya pada jasadnya pada Hari Kiamat kelak."

(Hadis riwayat Imam Malik dalam *al-Muwatta'*, Imam Ahmad dan an-Nasa'i dengan sanad *shahih*)

Sedangkan menurut riwayat Imam at-Tirmidzi, hadis tersebut berbunyi, "Arwah para syuhada itu berada dalam seekor burung yang berwarna hijau yang hinggap pada buah atau pohon syurga."

Ummu Hani' pernah bertanya kepada Rasulullah s.a.w., "Ya Rasulullah, jika sudah meninggal apakah kami akan saling mengunjungi dan sebahagian kami saling mengetahui sebahagian lainnya?"

Beliau menjawab, "Arwah itu akan wujud menjadi burung yang hinggap di sebuah pohon hingga apabila Hari Kiamat tiba, setiap roh masuk ke dalam jasad masing-masing."

(Hadis riwayat Ahmad dan at-Tabrani dengan sanad *hasan*)

Melalui Mahmud ibn Labid yang bersumber dari Ummu Basyar ibn al-Barra'

disebutkan bahawa dia pernah bertanya kepada Rasulullah s.a.w., “Ya Rasulullah, apakah orang-orang yang sudah meninggal akan saling mengenal?”

Beliau menjawab, “Kebahagiaan untukmu. Jiwa yang tenang itu wujud menjadi burung berwarna hijau yang berada di dalam syurga. Jika burung-burung di dunia ini saling mengenal di atas dahan pohon, demikian juga dengan mereka.”

(Hadis riwayat Ibn Sa'ad)

Melalui Ibn Luhay'ah, secara berturut-turut diterima hadis dari Abu Aswad, Ummu Qurwah binti Mu'adz as-Silmiyah dan Ummu Basyar, isteri Abu Ma'ruf. Dia menceritakan, “Aku pernah bertanya kepada Rasulullah s.a.w., ‘Ya Rasulullah s.a.w., jika sudah meninggal apakah kami akan saling mengunjungi dan mengenali antara satu sama lain?’ Beliau menjawab, ‘Arwah itu wujud seperti burung yang hinggap di sebuah pohon, hingga apabila Hari Kiamat tiba mereka semua masuk ke dalam jasadnya masing-masing.’”

(Hadis riwayat Ibn 'Asakir)

Dengan sanad *hasan*, dituturkan hadis dari 'Abdur Rahman ibn Ka'ab ibn Malik. Dia bercerita bahawa ketika Ka'ab sedang menghadapi kematian, Ummu Basyar binti al-Barra' mendatanginya seraya menuturkan, “Abu 'Abdir Rahman jika bertemu dengan si fulan, tolong sampaikan salamku untuknya.”

Dia menjawab, “Semoga Allah memberikan ampunan kepadamu, Ummu Basyar. Kami tidak sempat melakukan hal seperti itu.”

Ummu Basyar kembali berkata, “Tidakkah engkau mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, ‘Sesungguhnya arwah orang mukmin itu berjalan-jalan di syurga sekehendak hatinya sedangkan arwah orang kafir berada di *Sijjin*?’”

“Benar, aku pernah mendengarnya.”

(Ibn Majah, at-Tabrani dan al-Baihaqi)

Dari Dhamrah ibn Habib, dituturkan sebuah hadis *mursal*. Dia berkata bahawa Nabi s.a.w. pernah ditanya mengenai arwah orang-orang yang beriman. Beliau menjawab, “Arwah mereka berada di dalam burung yang berwarna hijau, yang bersenang-senang sekehendak hatinya.”

Para sahabat bertanya, “Ya Rasulullah, lantas arwah orang-orang kafir di mana?”

“Arwah mereka dibekam di dalam *Sijjin*”, jawab beliau.

(Hadis riwayat Ibn Mundah, at-Tabrani dan Abu Syaikh)

Al-Baihaqi dalam *Syū'ab al-Iman* dan Ibn Abi ad-Dunya dalam *al-Manamat* menuturkan riwayat dari Sa'īd ibn al-Musayyab. Disebutkan bahawa Salman al-Farisi dan 'Abdullah ibn Salam pernah saling bertemu. Salah seorang di antara keduanya berkata kepada yang lainnya, “Jika engkau bertemu Tuhanmu sebelumku, tolong beritahukan kepadaku apa yang engkau jumpai.”

Lalu temannya itu berkata, “Apakah orang yang sudah meninggal itu dapat saling bertemu dengan orang yang masih hidup?”

Temannya yang satu lagi menjawab, “Ya. Arwah orang-orang yang beriman itu berada di dalam syurga. Arwah mereka itu dapat pergi ke mana sahaja yang mereka kehendaki.”

'Abdullah ibn 'Amr mengatakan, “Syurga itu digulung di puncak matahari, yang setiap tahunnya diperlihatkan dua kali. Sementara arwah orang-orang yang beriman itu berada di dalam burung yang menyerupai burung pipit yang memakan buah syurga.”

(Hadis riwayat At-Tabrani dan al-Baihaqi)

'Abdullah ibn 'Amr berkata, “Arwah orang-orang yang beriman itu berada di dalam perut seekor burung yang berwarna hijau yang menyerupai burung pipit. Di dalamnya mereka saling mengenal satu dengan yang lainnya serta diberi rezeki dari buah syurga.”

(Hadis riwayat Ibn Mundah sebagai hadis *marfu'* dan al-Khalal sebagai hadis *muwqaf*)

Melalui beberapa jalan, diriwayatkan hadis dari Abu Hurairah. Dia menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Anak-anak orang-orang yang beriman itu berada di sebuah gunung di syurga. Mereka semua ditanggung oleh Ibrahim dan Sarah sehingga mereka dikembalikan kepada orang tua mereka pada Hari Kiamat kelak.”

(Hadis riwayat Ahmad, al-Hakim, al-Baihaqi, AbuDaud dan Ibn Abi ad-Dunya)

Ibn 'Umar r.a. menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Setiap anak itu dilahirkan dalam keadaan Islam. Di dalam syurga mereka selalu kenyang dan tidak pernah kehausan. Mereka berkata, ‘Tuhanku, datangkanlah kedua orang tuaku

kepadaku.”

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya)

Masih diriwayatkan oleh Ibn Abi ad-Dunya, kali ini dari Khalid ibn Mi' dan. Dia mengatakan, “Di syurga terdapat sebuah pohon yang disebut pohon Ṭuba, yang semuanya dapat menyusui. Anak yang meninggal dunia dan masih menyusui akan diberi susu dari pohon Ṭuba tersebut. Pengasuh mereka adalah Ibrahim *Khalilullah*.”

Ibn Abi ad-Dunya juga menuturkan riwayat dari 'Ubaid ibn 'Umair. Dia mengatakan, “Di dalam syurga terdapat sebuah pohon yang dinamakan pohon Dhuru, seperti lembu perah yang memberikan makan kepada anak-anak penghuni syurga.”

Makhul menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Sesungguhnya arwah anak-anak keturunan kaum Muslim berada di dalam burung-burung yang berwarna hijau yang berada di sebuah pohon di syurga, yang diasuh oleh datuk mereka, Ibrahim a.s.”

(Hadis riwayat Sa'id ibn Mansur)

Dari Khalid ibn Mi' dan, Ibn Abi Hatim menuturkan, “Sesungguhnya di syurga itu terdapat sebuah pohon yang dinamakan pohon Ṭuba, pohon penghasil susu yang menyusui anak-anak penghuni syurga. Anak yang lahir dalam keadaan keguguran dari rahim ibunya berada di salah satu sungai di syurga. Dia berenang-renang di dalamnya sampai Hari Kiamat kelak.”

Melalui Ibn 'Abbas yang bersumber dari Ka'ab, Ibn Abi Syaibah dan al-Baihaqi menuturkan, “Di dalam syurga Ma'wa terdapat burung yang berwarna hijau. Di dalamnya bersemayam arwah para syuhada. Mereka bersenang-senang di dalam syurga. Arwah keluarga Fir'aun berada di dalam burung yang berwarna hitam, berulang alik di atas api neraka. Sedangkan arwah anak-anak kaum Muslim berada di dalam burung-burung pipit di syurga.”

Hanad as-Siri dalam *al-Zuhd* menuturkan riwayat dari Hudzail. Dia mengatakan, “Sesungguhnya arwah keluarga Fir'aun itu berada di dalam perut burung berwarna hitam, pulang dan pergi di atas api neraka. Arwah para syuhada berada di dalam perut burung yang berwarna hijau. Sementara anak-anak kaum Muslim yang belum baligh wujud menjadi burung-burung kecil seperti burung pipit di dalam

syurga.”

Allah s.w.t. berfirman:

وَلَا تَقُولُوا لِمَن يُقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتٌ بَلْ أَحْيَاءٌ وَلَكِن لَّا تَشْعُرُونَ ﴿١٥٤﴾

Janganlah kalian berkata tentang orang-orang yang gugur di jalan Allah itu meninggal, bahkan sebenarnya mereka itu hidup, tetapi kalian tidak menyedarinya.

(Surah al-Baqarah: 154)

Mengenai firman Allah di atas, ‘Ikrimah sebagaimana dituturkan oleh Ibn Abi Syaibah, mengatakan, “Arwah para syuhada itu berwujud burung putih yang terbang naik turun di dalam syurga.”

Diriwayatkan oleh ‘Abdur Razak bahawa Qatadah berkata, “Pernah sampai berita kepada kami bahawa arwah para syuhada itu berwujud burung putih yang kembali ke pelita yang bergantung di bawah ‘Arasy.”

Sementara Ibn al-Mubarak menuturkan riwayat dari Ibn ‘Amr. Dia mengatakan, “Arwah kaum Muslim itu berbentuk burung putih yang berada di bawah naungan ‘Arasy, sedangkan arwah orang-orang kafir itu berada di bumi lapisan ketujuh.”

Ummu Kabsyah ibn Ma’rur menuturkan:

Nabi s.a.w. pernah masuk menemui kami, lalu kami bertanya mengenai arwah-arwah ini. Beliau menyebutkan kriterianya, tetapi beliau menangisi Ahlul Bait seraya mengatakan, “Sesungguhnya arwah orang-orang yang beriman itu berada di dalam perut burung berwarna hijau yang dipelihara di dalam syurga, memakan buah-buahan syurga, meminum air syurga serta kembali ke pelita yang terbuat dari emas yang berada di bawah ‘Arasy. Mereka berucap, ‘Ya Tuhan kami, pertemukanlah kami dengan saudara-saudara kami dan berikanlah apa yang telah Engkau janjikan kepada kami.’ Sedangkan arwah orang-orang kafir berada di dalam perut burung berwarna hitam, makan dan minum api serta kembali ke batu yang ada di dalam neraka. Mereka berucap, ‘Ya Tuhan kami, janganlah Engkau pertemukan kami dengan saudara-saudara kami dan jangan pula Engkau datangkan apa yang telah Engkau janjikan kepada kami.’”

(Hadis riwayat Ibn Mundah)

Abu Sa'ïd al-Khudri menuturkan bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda sebagai berikut:

Aku pernah di bawa ke Mi'raj, tempat arwah anak cucu Adam di bawa naik. Makhluk-makhluk di sana belum pernah melihat sesuatu yang lebih baik dari Mi'raj. Aku tidak melihat seorang mayat yang membuka matanya memandang ke langit melainkan dia merasa hairan terhadap Mi'raj. Setelah itu, aku dan Jibril naik dan meminta dibukakan pintu langit. Tiba-tiba aku bertemu dengan Adam yang sedang diperlihatkan kepadanya arwah anak cucunya yang beriman. Adam berkata, "Roh yang baik dan jiwa yang baik pula, tempatkanlah mereka di *'Illiyin*."

Setelah itu, diperlihatkan kepadanya arwah anak cucunya yang jahat. Dia berkata, "Roh yang jahat dan jiwa yang sangat jahat pula, tempatkanlah mereka di *Sijjin*."

(Hadis riwayat al-Baihaqi dalam *Dala'il an-Nubuwwah*, Ibn Abi Hatim dan Ibn Mardawayh)

Dengan sanad *dha'if*, dari Abu Hurairah disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesungguhnya arwah orang-orang yang beriman itu berada di langit lapisan ketujuh. Mereka melihat ke tempat tinggal mereka di syurga."

(Hadis riwayat Abu Nu'aim)

Abu Nu'aim juga menuturkan riwayat dari Wahb ibn Munabbih. Dia berkata, "Sesungguhnya Allah mempunyai suatu rumah di langit lapis ketujuh yang dinamakan *al-Baidha'*. Di dalamnya berkumpul arwah orang-orang yang beriman. Jika ada penghuni dunia yang meninggal, arwah-arwah itu menemuinya untuk menanyakan kepadanya khabar berita mengenai dunia, sebagaimana orang yang hilang bertanya kepada anggota keluarganya jika telah kembali ke rumahnya."

Dari Ibn 'Umar r.a., Sa'ïd ibn Mansur menuturkan riwayat bahawa dia pernah melayan Asma' bersama puteranya, 'Abdullah ibn Zubair yang jasadnya dalam keadaan tergantung. Dia lantas berkata, "Janganlah engkau bersedih, kerana arwah itu berada di sisi Allah di langit sementara yang ini hanyalah jasad belaka."

Sedangkan dalam *al-Jana'iz*, al-Marwazi menuturkan riwayat dari Ibn 'Abbas ibn Muṭallib. Dia mengatakan, "Arwah orang-orang yang beriman itu diangkat ke hadapan Jibril. Lalu dikatakan kepada Jibril, 'Engkau yang mengurus arwah ini sampai Hari Kiamat kelak.'"

Sa'id ibn Mansur dan Ibn Jarir at-Ṭabari menuturkan riwayat dari Mughirah ibn 'Abdir Rahman. Dia menceritakan bahawa Salman al-Farisi pernah bertemu dengan 'Abdullah ibn Salam, lalu Salman berkata kepadanya, "Jika engkau mati lebih awal dariku, tolong beritahu kepadaku apa yang engkau alami. Sebaliknya, jika aku meninggal lebih awal darimu, akan aku beritahu kepadamu apa yang kualami."

"Bagaimana itu boleh terjadi sedangkan engkau sudah meninggal?" sahut 'Abdullah.

Salman berkata, "Sesungguhnya roh itu, jika sudah keluar dari jasad, dia bertempat di antara langit dan bumi sehingga kembali lagi ke jasadnya."

Tidak lama kemudian Salman pun meninggal dunia. 'Abdullah ibn Salam melihatnya dalam mimpi dan bertanya, "Beritahukan kepadaku apa hal yang paling baik yang telah engkau dapatkan?"

Salman menjawab, "Aku mendapatkan tawakal merupakan suatu yang sangat menakjubkan."

Sementara Ibn al-Mubarak dalam *al-Zuhd* dan at-Tirmidzi dalam *Nawadir al-Uṣul*, Ibn Abi ad-Dunya dan Ibn Mundah menuturkan riwayat dari Sa'id ibn al-Musayyab yang bersumber dari Salman. Dia berkata, "Sesungguhnya arwah orang-orang yang beriman itu berada di alam barzakh. Arwah itu dapat pergi ke mana sahaja yang mereka kehendaki sedangkan arwah orang-orang kafir itu berada di *Sijjin*."

Dari Salman pula, at-Tirmidzi berkata, "Sesungguhnya arwah orang-orang yang beriman itu berjalan-jalan sekehendak hatinya di alam barzakh antara langit dan bumi, sehingga Allah mengembalikannya ke jasad mereka masing-masing."

Ibn Abi ad-Dunya menuturkan riwayat dari Malik ibn Anas. Dia mengatakan, "Pernah sampai berita kepadaku bahawa arwah orang-orang yang beriman itu diperintahkan untuk pergi ke mana dia suka."

'Abdullah ibn 'Amr ibn 'Aṣ mengaku pernah ditanya mengenai arwah orang-orang yang beriman yang meninggal dunia, tentang di manakah arwah mereka. Dia menjawab, "Arwah mereka wujud seperti berupa burung putih yang berada di bawah naungan 'Arasy. Sedangkan arwah orang-orang kafir berada di bumi lapis

ketujuh. Jika seorang mukmin meninggal dunia, dia akan dibawa melintasi orang-orang yang beriman yang mempunyai tempat berbincang-bincang, lalu mereka bertanya kepadanya mengenai khabar sebahagian sahabat yang ditinggalkannya. Jika dijawab sudah meninggal, mereka akan mengatakan, 'Arwahnya telah dibawa ke bumi paling bawah.' Jika seorang kafir meninggal dunia, arwahnya di bawa turun ke bumi paling bawah, lalu mereka (orang-orang kafir) menanyakan berita tentang seseorang. Jika dijawab bahawa mereka sudah meninggal, mereka berkata, 'Arwahnya telah dibawa naik ke atas.'"

Al-Marwazi, Ibn Mundah dan Ibn 'Asakir menuturkan riwayat dari 'Abdullah ibn 'Umar r.a. Dia mengatakan, "Sesungguhnya arwah orang-orang kafir itu berkumpul di Barhaut di Hadramaut. Sedangkan arwah orang-orang yang beriman berada di Jabiyah.²⁹" (Barhaut terletak di negeri Yaman, Jabiyah terdapat di Syam)

Ibn 'Asakir menuturkan bahawa Urwah ibn Ruwaim berkata, "Jabiyah adalah tempat tujuan setiap roh yang baik."

'Ali ibn Abi Ṭalib k.w., sebagaimana dituturkan oleh Abu Bakar an-Najjad mengatakan, "Sebaik-baik lembah manusia adalah lembah Makkah. Seburuk-buruk lembah manusia adalah lembah al-Ahqaf, suatu lemah yang terdapat di Hadramaut yang dinamakan Barhaut. Di dalamnya berkumpul arwah orang-orang kafir."

Ibn Abi ad-Dunya juga menuturkan riwayat dari 'Ali ibn Abi Ṭalib. Beliau mengatakan, "Arwah orang-orang yang beriman itu berada di sumur Zamzam."

Al-Hakim dan Ibn Mundah menuturkan riwayat dari al-Akhnas ibn Khalifah adh-Dhabi. Disebutkan bahawa Ka'ab al-Ahbar pernah mengutus seseorang kepada 'Abdullah ibn 'Amr r.a. untuk menanyakan arwah orang-orang yang beriman, di mana mereka berkumpul; juga arwah orang-orang musyrik, di mana mereka berkumpul. 'Abdullah ibn 'Amr menjawab, "Arwah orang-orang yang beriman itu berkumpul di Ariha³⁰, sedangkan arwah orang-orang musyrik berkumpul di Ṣan'a'"

Setelah itu, utusan Ka'ab pulang dan memberitahukan apa yang telah dikatakan 'Abdullah ibn 'Amr kepadanya, sehingga dia pun berucap, "Benar apa yang

29 Nama sebuah desa di Damsyik.

30 Sebuah kota di Palestin.

dikatakannya.”

Dalam tafsirnya, Ibn Jarir menuturkan riwayat dari Muhammad ibn ‘Awf at-Ṭa’i yang diterimanya dari Abu Mughirah. Abu Mughirah mendengarnya dari Ṣafwan. Ṣafwan pernah bertanya kepada Amir ibn ‘Abdillah di Yaman, “Apakah arwah orang-orang yang beriman itu berkumpul?”

Ibn Abdillah menunjuk ke bumi seraya membacakan firman Allah s.wt.:

وَلَقَدْ كَتَبْنَا فِي الزَّبُورِ مِنْ بَعْدِ الذِّكْرِ أَنَّ الْأَرْضَ يَرِثُهَا عِبَادِيَ الصَّالِحُونَ



Sungguh telah Kami tulis di dalam Zabur sesudah (Kami tulis di dalam) Lauh al-Mahfuzh, bahawa bumi ini diwarisi oleh hamba-hamba-Ku yang soleh.

(Surah al-Anbiyaa’: 105)

Setelah itu dia berkata, “Itulah bumi tempat berkumpul arwah orang-orang yang beriman hingga Hari Kebangkitan.”

Dari Wahb ibn Munabbih, Ibn Abi ad-Dunya meriwayatkan bahawa arwah orang-orang yang beriman yang baru dicabut terus dibawa naik kepada malaikat yang dinamakan Ramya’il. Dialah penjaga arwah orang-orang yang beriman.”

Masih diriwayatkan Ibn Abi ad-Dunya, kali ini dari ‘Abbad ibn Tha’lab yang bersumber dari seseorang dari kalangan Ahlul Kitab. Dia berkata, “Malaikat yang menjaga arwah orang-orang kafir bernama Dawmah.”

Al-‘Uqayli dengan sanad *dha’if*, melalui Khalid ibn Mi’ dan menuturkan riwayat dari Ka’ab. Dia mengatakan, “Hidhr berada di atas mimbar yang terbuat dari nur yang terletak di antara laut paling atas dan laut paling bawah. Telah diperintahkan kepada semua binatang laut untuk mendengar dan menaatinya. Diperlihatkan kepadanya arwah pada waktu pagi dan malam hari.”

Ibn al-Qayyim berpendapat bahawa masalah tempat bersemayamnya arwah setelah kematian ini merupakan suatu hal yang sangat istimewa, yang tidak dapat diketahui kecuali melalui pendengaran sahaja. Dikatakan, “Seluruh arwah orang-orang yang beriman itu berada di dalam syurga, baik yang mati syahid mahupun yang tidak. Jika mereka tidak dihisab kerana suatu dosa besar. Hal itu disandarkan pada hadis dari Ka’ab, Ummu Hani’, Ummu Basyar, Abu Sa’id, Dhamrah dan yang

lainnya.” Juga disandarkan pada firman Allah s.w.t.:

فَأَمَّا إِنْ كَانَ مِنَ الْمُقَرَّبِينَ ﴿٨٨﴾ فَرَوْحٌ وَرَيْحَانٌ وَجَنَّتُ نَعِيمٍ ﴿٨٩﴾

Sementara jika dia (orang yang meninggal) termasuk orang yang didekatkan (kepada Allah), dia memperoleh ketenteraman, rezeki dan syurga kenikmatan.

(Surah al-Waqi'ah: 88-89)

Sekeluanya dari jasad, arwah itu dibahagi menjadi tiga bahagian:

1. *Muqarrabun* (yang didekatkan kepada Allah); berada di dalam syurga kenikmatan.
2. *Aṣab al-Yamin* (yang termasuk golongan kanan); ditetapkan baginya keselamatan.
3. *Mukadzibah Dhallah* (golongan yang mendustakan lagi sesat); mendapatkan hidangan air mendidih dan dibakar di dalam neraka Jahim.

Allah s.w.t. berfirman:

يَا أَيُّهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٢٧﴾ ارْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ﴿٢٨﴾ فَأَدْخُلِي فِي عِبَادِي ﴿٢٩﴾ وَأَدْخُلِي

جَنَّتِي ﴿٣٠﴾

Wahai jiwa yang tenang, kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang puas lagi direndhai-Nya. Masuklah ke dalam jamaah hamba-hamba-Ku. Masuklah ke dalam syurga-Ku.

(Surah al-Fajr: 27-30)

Sekelompok sahabat dan juga *tabi'in* mengatakan bahawa hal itu dikatakan melalui lidah malaikat ketika dia meninggalkan dunia. Hal itu diperkuat dengan firman Allah s.w.t. mengenai orang mukmin dari keluarga Yasin:

قِيلَ ادْخُلِ الْجَنَّةَ ۗ قَالَ يَا لَيْتَ قَوْمِي يَعْلَمُونَ ﴿٢٦﴾

Dikatakan kepadanya, “Masuklah ke syurga.” Dia berkata, “Alangkah baiknya seandainya kaumku mengetahui.”

(Surah Yaasiin: 26)

Ada yang mengatakan bahawa hadis-hadis di atas hanya dikhususkan bagi

arwah para syuhada sebagaimana yang secara jelas disebutkan di dalam hadis lain. Dalam hal ini, Rasulullah s.a.w. bersabda mengenai arwah orang-orang mukmin yang bukan mati syahid, “Sesungguhnya jika salah seorang di antara kalian meninggal, pasti akan diperlihatkan kepadanya tempat tinggalnya pada waktu pagi dan malam hari.”

Rasulullah s.a.w. juga bersabda sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, “Mereka itu berada di langit ketujuh sambil mereka melihat ke tempat tinggal mereka di surga.”

Menurut Ibn Hazm, tempat bersemayamnya arwah itu adalah di tempat seperti sebelum jasadnya diciptakan iaitu di samping kanan dan kiri Adam. Ibn Hazm mengatakan, inilah yang ditunjukkan dalam al-Quran dan hadis. Allah s.w.t. berfirman:

وإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ

Ingatlah ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka.

(Surah al-A'raaf: 172)

وَلَقَدْ خَلَقْنَاكُمْ ثُمَّ صَوَّرْنَاكُمْ

Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu (Adam), lalu Kami membentuk tubuhmu.

(Surah al-A'raaf: 11)

Lebih lanjut Ibn Hazm mengatakan bahawa benar Allah menciptakan arwah manusia ini dalam satu waktu secara bersamaan. Oleh kerana itu, Rasulullah s.a.w. memberitahukan bahawa arwah itu pasukan yang sudah dipersiapkan. Arwah yang saling mengenal akan semakin erat dan yang berseberangan semakin menjauh. Setelah itu, Allah mengambil kesaksian mereka bahawa Allah adalah Tuhan mereka; bahawa mereka dijadikan sebagai makhluk yang berbentuk dan berakal sebelum malaikat diperintahkan bersujud kepada Adam dan sebelum arwah-arwah itu dimasukkan ke dalam jasadnya masing-masing. Pada saat itu, jasadnya masih berupa air dan tanah. Allah menempatkannya di suatu tempat yang dikehendaki-Nya. Itulah barzakh, tempat arwah-arwah itu akan kembali setelah kematian. Allah s.w.t. masih terus membangkitkannya, golongan demi golongan

untuk selanjutnya meniupnya ke dalam jasad-jasad yang dilahirkan dari air mani.

Ibn Hazm melanjutkan bahawa benar juga pendapat yang menyatakan bahawa arwah itu berbentuk jelas rupa fizikalnya. Lalu Allah mengujinya di dunia sesuai dengan kehendak-Nya. Setelah itu, Dia mewafatkannya hingga kembali ke alam barzakh yang pernah dilihat Rasulullah s.a.w. pada waktu malam ketika beliau diangkat ke langit. Arwah orang-orang yang mendapat ketenteraman berada di sebelah kanan Adam, sedangkan orang-orang yang sengsara berada di sebelah kirinya, tepat di sempa dan yang memutuskan antara unsur-unsur air, udara, tanah dan api di bawah langit. Hal itu tidak menunjukkan bahawa mereka berada pada kedudukan yang sama, tetapi arwah yang tenteram itu berada di sebelah kanan; Adam di tempat yang tinggi nan luas sedangkan orang-orang yang sengsara berada di sebelah kirinya; di tempat yang paling bawah. Arwah para nabi dan syuhada berada di syurga.

Kemudian Ibn Hazm mengatakan bahawa Muhammad ibn Naşr al-Marwazi juga menyebutkan hal yang sama yang bersumber dari Ibn Ishaq. Hal yang sama juga disepakati oleh para ulama.

Ibn Hazm juga menambahkan bahawa yang demikian itu merupakan pendapat para imam Islam. Dalam hal ini Allah berfirman:

فَأَصْحَابُ الْمَيْمَنَةِ مَا أَصْحَابُ الْمَيْمَنَةِ ۖ وَأَصْحَابُ الْمَشْأَمَةِ مَا أَصْحَابُ الْمَشْأَمَةِ ۖ

وَالسَّابِقُونَ السَّابِقُونَ ۖ أُولَٰئِكَ الْمُقَرَّبُونَ ۗ فِي جَنَّاتِ النَّعِيمِ ۗ

Golongan kanan. Alangkah mulianya golongan kanan itu. Golongan kiri. Alangkah sengsaranya golongan kiri itu. Orang-orang yang paling dahulu beriman, mereka yang paling dahulu (masuk syurga). Mereka itulah orang yang didekatkan (kepada Allah). Mereka berada dalam syurga kenikmatan.

(Surah al-Waqi'ah: 8-12)

فَأَمَّا إِنْ كَانَ مِنَ الْمُقَرَّبِينَ ۗ فَرَوْحٌ وَرَيْحَانٌ وَجَنَّتُ نَعِيمٍ ۗ

Sementara jika dia (orang yang meninggal) termasuk orang yang didekatkan (kepada Allah), dia akan memperoleh ketenteraman, rezeki dan syurga kenikmatan.

(Surah al-Waqi'ah: 88-89)

Arwah-arwah itu masih tetap berada di sana sehingga lengkap jumlahnya dengan ditiupkan ke dalam jasad-jasad yang telah ditetapkan, lalu dikembalikan ke barzakh. Setelah itu, baru Hari Kiamat tiba. Pada saat itu, Allah mengembalikan arwah-arwah itu ke jasad masing-masing dan itulah kehidupan yang kedua. Demikian pendapat yang telah dikemukakan oleh Ibn Hazm.

Ada yang mengatakan bahawa arwah-arwah itu berada di halaman kuburnya. Mengenai hal ini, Ibn 'Abdul Birr mengatakan, "Inilah ungkapan yang paling tepat."

Menurutnya, hadis-hadis yang menerangkan mengenai soal jawab di dalam kubur, penampakan tempat di syurga atau neraka kepada manusia, azab dan kenikmatan kubur serta ziarah kubur dan ucapan salam kepada ahlul kubur merupakan bukti yang menunjukkan hal itu.

Sedangkan menurut Ibn al-Qayyim, jika pendapat terakhir itu dimaksudkan bahawa arwah itu harus berada di dalam kubur dan tidak boleh lepas darinya, pendapat itu jelas salah dan tidak diterima al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. Penampakan tempat tinggal di syurga atau neraka juga tidak menunjukkan bahawa arwah itu berada di dalam kubur, tidak juga di pelatarannya. Akan tetapi, arwah-arwah itu mempunyai hubungan dengannya yang memungkinkan tempat tinggalnya di syurga atau neraka terlihat. Arwah mempunyai keadaan lain. Dia berada di tempat tertinggi dan dapat berhubung langsung dengan badan sehingga apabila seorang Muslim mengucapkan salam kepadanya, arwah itu akan menjawabnya. Sedangkan tempatnya pada waktu itu berada di tempatnya sendiri. Jibril pernah dilihat Rasulullah s.a.w. mempunyai enam ratus sayap, dua sayap di antaranya menutupi ufuk. Jibril pernah mendekati Rasulullah s.a.w. hingga menyentuh kedua lututnya dengan kedua lutut Rasulullah s.a.w. dan kedua tangannya dengan kedua paha beliau. Hati orang-orang *mukhlis* akan terbuka luas untuk mempercayai bahawa bagi Jibril adalah mungkin untuk melakukan hal itu meskipun tempat persemayamannya berada di langit.

Mengenai penampakan diri Jibril ini, ada sebuah hadis yang menyebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Kemudian aku mengangkat kepalaku. Tiba-tiba terlihat olehku Jibril yang berdiri tegak di atas kedua kakinya di antara langit dan bumi seraya mengatakan, 'Muhammad, engkau adalah Rasul Allah dan aku

adalah Jibril.' Aku tidak menoleh pandanganku ke arah lain sehingga aku tetap melihatnya dalam keadaan seperti itu."

Itulah yang dimaksudkan turunnya Allah s.w.t. ke langit dan langkah-Nya mendekati langit pada malam Arafah kerana Dia Maha Suci dari pergerakan dan perpindahan.

Akan tetapi, yang salah adalah peng^giyasan (analogi) antara yang ghaib dengan sesuatu yang kasar di mata. Demikian juga keyakinan bahawa roh itu sejenis dengan jasad - jika berada di suatu tempat tidak mungkin ada di tempat lain - adalah suatu kesalahan mutlak. Sebab, Rasulullah s.a.w. sendiri pada malam Isra pernah menyaksikan Musa mengerjakan solat di dalam kuburnya, padahal beliau melihatnya di langit lapis keenam.

Dengan demikian di langit, roh itu seperti badan dan berhubungan dengan badan; dia mengerjakan solat di kubur dan menjawab salam orang yang mengucapkan salam kepadanya padahal dia berada di Rafiq al-'Ala. Di antara keduanya tidak ada pertentangan kerana keadaan arwah itu berbeza dengan keadaan badan. Bahkan keduanya diumpamakan dengan matahari yang ada di langit sedangkan sinarnya berada di bumi. Meskipun tidak sama sepenuhnya untuk dibandingkan; kerana sinar matahari itu sebenarnya merupakan bahagian lain dari matahari, sedangkan roh itu dirinya sendiri yang turun ke bumi.

Demikian juga penglihatan Rasulullah s.a.w. terhadap para nabi di langit pada malam Isra. Yang benar adalah bahawa beliau itu melihat arwah mereka yang menyerupai jasad kerana pada saat itu para nabi hidup di alam kuburnya dengan tetap mengerjakan solat.

Rasulullah s.a.w. sendiri telah bersabda, "Sesiapa sahaja yang membaca selawat untukku di sisi kuburku, aku pasti mendengarnya. Sesiapa sahaja yang berselawat kepadaku dari kejauhan juga akan sampai kepadaku."

(Hadis riwayat al-Baihaqi)

Beliau juga bersabda, "Sesungguhnya Allah telah mengugaskan di dalam kuburku satu malaikat yang diberi nama-nama makhluk ini, sehingga tidak seorang pun berselawat kepadaku sampai Hari Kiamat kelak melainkan dia (malaikat) akan menyampaikannya kepadaku disertai dengan nama orang itu dan nama ayahnya."

(Hadis riwayat al-Bazzar dan at-Tabrani)

Yang demikian itu didasarkan pada kepastian bahawa roh beliau berada di *'Illyin* yang paling atas dan berkumpul bersama arwah para nabi lainnya, padahal beliau berada di Rafiq al-'A'la.

Dengan demikian, dapat ditetapkan bahawa tidak ada pertentangan antara keberadaan roh di *'Illyin*, di syurga, atau di langit. Di lain pihak, roh itu sendiri mempunyai hubungan dengan jasad; dia mengetahui, mendengar, mengerjakan solat dan juga membaca. Yang demikian itu terlihat aneh kerana apa yang terlihat di dunia ini tidak ada yang serupa dengannya. Segala urusan yang ada di alam barzakh sama sekali berbeza dengan apa yang ada di dunia ini. Demikian menurut pendapat Ibn al-Qayyim.

Dalam kesempatan yang berbeza, Ibn al-Qayyim juga menjelaskan bahawa terdapat lima macam hubungan roh dengan badan yang berbeza-beza:

1. Hubungan di dalam perut seorang ibu;
2. Hubungan setelah kematian;
3. Hubungan ketika tidur, satu bahagian roh itu mempunyai hubungan dan sisi yang lain sebenarnya berpisah;
4. Hubungan di alam barzakh, meskipun roh itu telah dipisahkan dari badan oleh kematian tetapi sebenarnya tidak dipisahkan secara menyeluruh;
5. Hubungan pada hari kebangkitan yang merupakan bentuk hubungan yang paling sempurna.

Dalam pembahasan yang lain, Ibn al-Qayyim juga mengatakan bahawa roh itu mempunyai kecepatan gerak dan perpindahan secepat kerlipan mata ketika naik dari kubur ke langit. Hal itu dibuktikan oleh roh yang sedang tidur. Telah ditetapkan bahawa roh orang yang sedang tidur itu menaiki tangga sampai ke tingkat tujuh, lalu bersujud kepada Allah di lantai 'Arasy dan kemudian dikembalikan lagi ke jasadnya dalam waktu yang sangat singkat.

Selanjutnya Ibn al-Qayyim menceritakan beberapa pendapat lainnya. Para arwah orang-orang mukmin itu berada di Jabiyah atau sumur Zamzam. Sedangkan arwah orang-orang kafir itu berada di Barhaut. Hal ini telah diriwayatkan Ibn Mundah dengan *sanadnya* melalui Sufyan, dari Abban ibn Tha'lab. Dia menceritakan bahawa ada seseorang yang bercerita, "Aku pernah menginap di

lembah Barhaut, seakan-akan di dalamnya berkumpul suara manusia yang berseru, 'Wahai Daumah, wahai Daumah!'

Sufyan menceritakan bahawa ada seseorang dari Ahlul Kitab pernah memberitahukan kami bahawa Daumah itu adalah malaikat yang bertugas menjaga arwah orang-orang kafir.

Sufyan juga mengatakan, "Kami pernah bertanya kepada beberapa orang Hadramaut. Mereka menjawab, 'Tidak seorang pun yang mampu menginap di sana pada malam hari.'"

Dalam *al-Qubur*, Ibn Abi ad-Dunya menuturkan riwayat dari 'Amr ibn Sulaiman bahawa ada seorang Yahudi yang meninggal dunia, sementara dia mempunyai kiriman untuk orang Muslim. Padahal dia sendiri mempunyai anak yang Muslim. Anaknya itu tidak mengetahui di mana kirimannya itu berada. Dia segera mendatangi Syu'aib al-Jiba'i, lalu Syu'aib mengatakan, "Datanglah ke lembah Barhaut. Di sana ada mata air yang kekal. Jika engkau datang pada hari Sabtu, berjalanlah di atasnya sehingga engkau sampai di mata air yang ada di sana lalu panggil ayahmu. Nescaya dia akan menjawabmu, kemudian tanyakan apa yang engkau kehendaki."

Kemudian dia pun mengerjakan apa yang dikatakan Syu'aib tersebut dan terus berjalan hingga sampai di mata air, lalu memanggil ayahnya dua atau tiga kali sehingga ayahnya pun menjawab. Dia bertanya, "Di mana titipan si fulan itu diletakkan?"

Ayahnya menjawab, "Di bawah pintu, ambil dan serahkanlah kepadanya."

Selanjutnya Ibn al-Qayyim mengatakan bahawa salah satu pendapat dari pendapat-pendapat yang ada tidak dapat diputus benar atau salahnya. Akan tetapi, yang benar adalah bahawa arwah-arwah itu saling berbeza antara satu dengan lainnya di tempat persemayamannya di alam barzakh.

Tidak ada tentangan antara dalil-dalil yang ada kerana masing-masing arwah itu ditempatkan sesuai dengan tingkat kesejahteraan dan kesengsaraannya. Ada arwah yang ditempatkan di *'Illiyin* yang tertinggi dan di *Mal' al-A'la*, iaitu arwah para nabi. Ada juga arwah yang berada di dalam perut burung berwarna hijau yang bersenang-senang sekehendak hatinya di syurga, iaitu arwah sebahagian para

syuhada. Sementara sebahagian arwah para syuhada lainnya ada yang ditahan masuk syurga kerana hutang atau sebab lainnya, sebagaimana yang diriwayatkan dari Muhammad ibn 'Abdillah ibn Jahsi. Disebutkan bahawa ada seseorang yang mendatangi Rasulullah s.a.w. dan bertanya, "Ya Rasulullah, apa yang aku dapatkan jika aku terbunuh dalam perang di jalan Allah?"

"Syurga", jawabnya.

Sebelum bertolak beliau berucap, "Kecuali yang masih mempunyai hutang, kerana aku tadi telah dibisiki oleh Jibril."

Ada juga arwah yang berada di pintu syurga sebagaimana yang disebutkan di dalam hadis dari Ibn 'Abbas di atas. Ada juga yang ditahan di dalam kuburnya, sebagaimana yang diterangkan di dalam hadis di atas mengenai arwah golongan kiri yang dikobarkan api di atas dirinya di dalam kuburnya. Selain itu, ada juga arwah yang ditahan di bumi yang tidak pernah dapat naik ke langit. Itulah arwah yang tempatnya di bumi paling bawah. Sesungguhnya arwah-arwah yang ada di bumi paling bawah tidak akan pernah berkumpul dalam satu tempat sebagaimana mereka tidak dapat menyatu di dunia. Ada juga arwah yang berkumpul di gudang yang menjadi tempat para penzina, juga arwah yang berada di sungai yang mengalirkan darah dan sebagainya.

Tempat persemayaman para arwah itu berbeza-beza. Berbeza antara arwah yang sejahtera dengan yang sengsara kerana mereka tidak akan pernah ditempatkan dalam satu tempat. Masing-masing bergantung pada keadaannya. Masing-masing juga mempunyai hubungan dengan jasadnya di dalam kubur untuk merasakan kenikmatan atau azab yang telah ditetapkan baginya. Demikian penjelasan Imam Ibn al-Qayyim.

Al-Qurṭubi mengatakan, "Hadis-hadis di atas menunjukkan bahawa arwah para syuhada itu secara khusus berada di dalam syurga. Selain para syuhada, ada yang berada di langit dan ada juga yang berada di dasar kubur. Bahkan dikatakan di dalam sebuah hadis bahawa arwah-arwah itu berziarah ke kuburnya pada setiap malam Jumaat."

Selanjutnya al-Qurṭubi mengatakan, "Ada juga sebahagian arwah para syuhada yang berada di luar syurga, sebagaimana yang disebutkan di dalam hadis Ibn 'Abbas r.a. iaitu berada di sungai yang bersinar di hadapan pintu syurga. Ditahannya

arwah mereka itu disebabkan oleh hutang atau tidak dipenuhinya hak-hak orang lain. Mengenai hal ini, ada sebuah hadis yang diriwayatkan Abu Musa bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Sesungguhnya sebesar-besar dosa di sisi Allah yang menghalangi seorang hamba bertemu dengan-Nya setelah dosa-dosa besar yang dilarang oleh-Nya adalah jika ada seseorang yang meninggal dunia sedangkan dia masih mempunyai hutang dan dia tidak meninggalkan gantinya.”

Hadis di atas juga diriwayatkan oleh Abu Daud. Dia berkata, “Sebahagian ulama ada yang berpendapat bahawa seluruh arwah orang-orang mukmin itu berada di syurga Ma’wa (tempat tinggal), kerana di sana seluruh arwah mereka menetap, iaitu berada di bawah ‘Arasy. Tempat mereka bersenang-senang dengan kenikmatan yang diperolehi dan menikmati bau harum yang ada di sana. Namun demikian, yang lebih tepat adalah pendapat pertama.”

Dalam fatwanya, Ibn al-Hajar mengatakan, “Arwah orang-orang mukmin itu berada di *‘Illyin*, sedangkan arwah orang-orang kafir berada di *Sijjin*. Setiap roh mempunyai hubungan maknawi dengan jasadnya masing-masing; suatu hubungan yang tidak menyerupai hubungan yang ada dalam kehidupan dunia, tetapi lebih dekat dengan keadaan orang yang sedang tidur meski hubungan itu lebih dari sekadar keadaan orang yang sedang tidur.”

Lebih lanjut dia mengatakan, “Dengan demikian, dapat dipadukan antara riwayat yang menyatakan bahawa arwah manusia itu berada di *‘Illyin* atau *Sijjin* dengan apa yang dinukil oleh Ibn ‘Abdil Birr dari jumbuh ulama bahawa arwah mereka berada di dalam kubur mereka. Dengan demikian, arwah-arwah tersebut diizinkan untuk kembali ke tempatnya, baik di *‘Illyin* mahupun di *Sijjin*.”

Selanjutnya dia mengatakan, “Jika seorang mayat dipindahkan dari satu kubur ke kubur yang lain, hubungan tersebut masih terus berlaku. Demikian juga jika anggota tubuhnya terpisah-pisah.”

Mengenai hal ini, penulis berpendapat bahawa pendapat yang menyatakan tempat persemayaman para arwah itu di *‘Illyin* di atas diperkuat dengan apa yang diriwayatkan Ibn ‘Asakir melalui Ibn Ishaq. Dia menerima hadis dari al-Husain ibn ‘Ubaidillah yang bersumber dari Ibn ‘Abbas. Disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda setelah terbunuhnya Ja’far, “Aku pernah dibawa berjalan pada malam kematian Ja’far dengan diikuti oleh sejumlah malaikat. Dia mempunyai

dua sayap dan seluruh permukaan tubuhnya berlumuran darah. Mereka hendak menuju ke Bisyah, suatu negeri di Yaman.”

‘Ali ibn Abi Ṭalib k.w., sebagaimana dikemukakan oleh Ibn ‘Adi menuturkan bahwa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Aku melihat Ja’far ditemani oleh beberapa malaikat menyampaikan berita gembira akan turunnya hujan kepada penduduk Bisyah.”

Sementara Ibn ‘Abbas r.a., sebagaimana diriwayatkan oleh al-Hakim, berkata sebagai berikut:

Ketika Nabi s.a.w. duduk dan Asma’ binti ‘Umais berada di dekat beliau, tiba-tiba beliau menjawab salam seraya berkata, “Asma’, inilah Ja’far bersama Jibril dan Mika’il. Mereka berjalan dan mengucapkan salam kepada kita. Ja’far memberitahuku bahwa dia bertemu dengan orang-orang musyrik pada hari ini dan itu. Dia menuturkan, ‘Tubuhku ditikam sebanyak tujuh puluh tiga kali tikaman dan pukulan. Lalu aku mengambil bendera dengan tangan kananku hingga tanganku tertebas pedang. Kemudian aku mengambil bendera itu dengan tangan kiri hingga tanganku itu pun diputuskan. Selanjutnya Allah memberikan ganti bagi kedua tanganku itu dengan dua sayap yang dengannya aku terbang bersama Jibril dan Mika’il. Aku dapat singgah di syurga dan memakan buah-buahannya sekehendak hatiku.”

Asma’ berucap, “Selamat bagi Ja’far atas kebaikan yang telah dianugerahkan Allah kepadanya. Akan tetapi, aku khawatir orang-orang tidak akan mempercayainya. Kerananya ya Rasulullah, naiklah ke mimbar dan beritahukan kepada banyak orang.”

Beliau segera naik ke mimbar, lalu memanjatkan pujian kepada Allah dan selanjutnya berkata, “Sesungguhnya Ja’far ibn Abi Ṭalib pernah berjalan bersama Jibril dan Mika’il. Dia mempunyai dua sayap yang diberikan Allah kepadanya sebagai ganti dari tangannya dan dia mengucapkan salam kepadaku.”

Mengenai hadis Ka’ab yang menyebutkan bahwa roh orang mukmin itu wujud dalam keadaan burung; al-Qurṭubi mengatakan, “Hal itu menunjukkan bahwa rohnya itu menjadi burung atau berbentuk seperti burung dan bukan berada di dalam burung. Demikian juga dalam hadis yang diriwayatkan Ibn Majah dari Ibn Ma’sud, bahwa arwah para syuhada itu di sisi Allah seperti burung berwarna

hijau.”

Dalam lafaz hadis yang bersumber dari Ibn ‘Abbas, disebutkan juga bahawa arwah itu berjalan-jalan dalam bentuk burung berwarna hijau. Dalam lafaz Ibn Amr berbunyi, “Arwah itu berbentuk seperti burung berwarna putih.”

Sedangkan dalam lafaz dari Ka’ab berbunyi, “Arwah para syuhada itu wujud sebagai burung berwarna hijau.”

Lebih lanjut al-Qurtubi mengatakan, “Apa yang disebutkan di atas lebih tepat daripada riwayat yang menyebutkan bahawa arwah itu berada dalam perut burung berwarna hijau.”

Al-Qabisi mengatakan, para ulama menentang riwayat yang menyebutkan bahawa arwah itu berada di dalam perut burung berwarna hijau kerana perut burung itu sangat sempit untuk ditempatinya. Namun hal itu pun masih ditentang dan disebutkan bahawa riwayat tersebut telah pasti, meski masih mengandungi pelbagai penafsiran, misalnya kata *fi* diertikan *‘ala*. Dalam kalimat, “Arwah mereka berada di dalam perut burung berwarna hijau”, kata *fi* adalah sama seperti kata *fi* dalam firman Allah s.w.t. yang diertikan *‘ala*: *Sesungguhnya aku akan menyalib kalian pada pangkal pohon kurma.*

Akan tetapi, ada juga yang mengatakan, “Bukan suatu hal yang mustahil jika keberadaan arwah itu benar-benar dalam perut burung, sebab Allah dapat sahaja melapangkannya sehingga menjadi lebih luas daripada dunia ini.”

Dalam *at-Tanwir*, Ibn Dahiyah menyebutkan, sejumlah orang mengatakan bahawa riwayat di atas sama sekali tidak benar. Mereka berkata, “Tidak mungkin dua roh ditempatkan dalam satu jasad.”

Mengenai hal ini, penulis berpendapat bahawa pendapat mereka itu didasarkan pada ketidaktahuan mereka terhadap hakikat yang sebenarnya. Jelas hal itu bertentangan dengan sunnah yang sudah tetap, kerana makna hadis tersebut sudah jelas. Roh seorang yang mati syahid yang pernah bersemayam dalam jasadnya di dunia ditempatkan di dalam jasad yang lain, seakan-akan seperti bentuk burung. Dalam jasad tersebut dia seperti pada saat berada dalam jasad sebelumnya. Keadaan demikian berlangsung selama di alam barzakh sampai dikembalikan lagi oleh Allah s.w.t. pada Hari Kiamat seperti awal penciptaannya. Yang tidak mungkin

diterima akal adalah keberadaan dua roh dalam satu jasad, ertinya jasad tersebut hidup dengan kedua roh itu. Hal itu dapat dilihat pada roh seorang janin dalam perut ibunya. Roh janin itu berbeza dengan roh ibunya, meskipun keduanya berada dalam satu jasad. Akan lebih tepat jika dikatakan bahawa di dalam burung itu terdapat rohnya sendiri selain roh orang yang mati syahid tersebut. Keduanya berada dalam satu jasad.

Hadis yang menyebutkan, “Arwah itu berada di dalam perut burung”, dapat juga diertikan, “Arwah itu dalam bentuk burung”, sebagaimana jika kita mengatakan, “Aku melihat malaikat dalam bentuk manusia.” Yang demikian itu merupakan penjelasan yang sangat jelas.

Allah s.w.t. berfirman:

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَاءُ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ ﴿١٦٩﴾

Janganlah kalian mengira bahawa orang-orang yang gugur di jalan Allah itu mati, bahkan mereka itu hidup di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki.

(Surah Ali 'Imran: 169)

Mengenai firman Allah di atas, Syaikh 'Izzudin ibn 'Abdissalam mengatakan, jika ditanyakan, “Bukankah semua orang yang sudah meninggal juga tetap hidup? Lalu bagaimana mungkin hal itu dikhususkan bagi mereka (para syuhada) sahaja?”

Jawabannya, “Tidak semua orang yang meninggal dunia itu mengalami hal itu kerana kematian itu bererti lepasnya roh dari jasad.” Hal itu sebagaimana difirmankan Allah s.w.t.:

اللَّهُ يَتَوَفَّى الْأَنفُسَ حِينَ مَوْتِهَا وَالَّتِي لَمْ تَمُتْ فِي مَنَامِهَا فِيمِمْسِكَ أَلَّتِي قَضَىٰ

عَلَيْهَا الْمَوْتَ وَيُرْسِلُ الْأَخْرَىٰ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى ۗ

Allah memegang jiwa manusia ketika kematiannya dan (memegang) jiwa (orang) yang belum mati pada waktu tidurnya, hingga Dia menaham jiwa (orang) yang telah Dia tetapkan kematiannya dan Dia melepaskan jiwa yang lain sampai waktu yang ditentukan.

(Surah az-Zumar: 42)

Ertinya, Allah mengambil roh manusia dari jasadnya. Dalam hal ini, orang yang

mati syahid berpindah ke burung berwarna hijau dan dapat pindah dari satu jasad ke jasad yang lain. Berbeza halnya dengan orang yang tidak mati syahid, rohnya tidak dapat kembali ke jasad.

Lebih lanjut dia mengatakan, bahawa mengenai hadis dari Ka'ab yang menyebutkan bahawa roh orang mukmin itu berwujud burung, hal itu berlaku umum; termasuk di dalamnya roh para mujahidin kerana telah disebutkan bahawa kepada roh yang berada di dalam kubur diperlihatkan tempat tinggalnya di syurga atau di neraka dan kerana kita telah diperintahkan untuk mengucapkan salam kepada penghuni kubur. Seandainya para arwah itu tidak mengetahui hal itu, nescaya ucapan salam itu tidak ada manfaatnya.

Dengan demikian, Syeikh Izzuddin berpendapat bahawa arwah para syuhada itu hidup dalam jasad burung dan bukan berwujud burung. Hal ini diperkuat dengan riwayat dari Ibn 'Umar r.a. bahawa arwah mereka bersemayam di jasad lain. Meskipun hadis tersebut *mawquf*, tetapi mengandungi hukum *marfu'*.

Dalam *al-Zuhd*, Hannad ibn as-Siri menuturkan riwayat melalui Ibn Ishaq yang bersumber dari Ishaq ibn 'Abdillah ibn Abi Farwah. Dia menuturkan sebagaimana riwayat yang diterima dari sebahagian ulama, bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda sebagai berikut:

Para syuhada itu ada tiga macam. Yang paling rendah tingkatannya adalah orang yang keluar rumah dengan menyerahkan jiwa dan hartanya tetapi dia tidak ingin membunuh dan dibunuh. Lalu dia terkena sasaran tombak secara tepat. Percikan darah pertama yang keluar dari tubuhnya akan menghapuskan dosa-dosa yang pernah dilakukannya. Lalu Allah menurunkan jasad dari langit dan menempatkan rohnya ke dalam jasad tersebut.

Setelah itu, dia dibawa kembali menghadap Allah. Roh itu tidak melintasi satu langit pun melainkan para malaikat menghantarkannya sampai bertemu dengan Allah. Jika sudah berada di hadapan Allah, dia terus bersujud. Setelah itu, malaikat diperintahkan untuk memakaikan tujuh puluh kain selendang dari sutera lembut. Kemudian dikatakan kepada mereka, "Berangkatlah kalian menuju saudara-saudaranya yang mati syahid dan satukan dia bersama mereka."

Para malaikat itu kemudian membawanya menemui saudara-saudaranya. Dibawakan kepada mereka makanan dari syurga. Jika dia sudah menemui saudara-

saudaranya, mereka bertanya kepadanya seperti kalian bertanya kepada keluarga kalian yang baru datang dari perjalanan yang jauh.

Lalu mereka bertanya, “Apa yang dikerjakan si fulan?”

Dia menjawab, “Si fulan itu *muflis*.”

“Apa yang dilakukannya terhadap harta miliknya?” tanya mereka.

Dia menjawab, “Dia itu orang yang cerdas, yang suka mengumpulkan kekayaan dan pedagang yang sukses. Yang kumaksudkan dengan *muflis* itu bukan tidak mempunyai kekayaan, tetapi tidak mempunyai amal kebaikan.”

Kemudian dia bertanya, “Apa yang dilakukan si fulan terhadap isterinya?”

“Dia telah menceraikannya”, jawabku.

“Apa yang terjadi di antara keduanya hingga dia menceraikan isterinya itu?” tanya mereka.

Dia menjawab, “Demi Allah, dia itu sangat sombong lagi tinggi hati terhadapnya.”

Selanjutnya dia bertanya, “Kemudian apa yang dilakukan si fulan?”

“Dia telah meninggal beberapa hari sebelumku.” jawabku.

Mereka berkata, “Celaka, demi Allah. Kami tidak pernah mendengar namanya. Sungguh Allah mempunyai dua jalan, salah satunya menuju ke tempat kami ini dan yang lainnya jauh dari kami. Jika Allah menghendaki kebaikan bagi seorang hamba, dia akan memberitahu kami bila dia itu meninggal. Jika Allah menghendaki keburukan bagi seorang hamba, dia akan dijauhkan dari kami sehingga kami tidak mendengar namanya disebutkan.”

Diriwayatkan Ibn Mundah melalui ‘Abdur Rahman ibn Ziyad ibn An’am, dari Hayyan ibn Jablah. Dia pernah menerima sebuah hadis Rasulullah s.a.w. Baginda pernah bersabda bahawa sesungguhnya jika orang yang mati syahid itu diminta kesaksiannya, Allah akan menurunkan jasad yang paling bagus kepadanya, lalu dikatakan kepada rohnyanya, “Masuklah kamu ke dalam jasadnya.”

Setelah itu, dia melihat ke jasadnya yang pertama, apa yang pernah dikerjakan pada jasadnya yang pertama itu; disertai dengan pembicaraan. Dia mengira bahawa

mereka itu mendengar ucapannya itu. Kemudian dia melihat ke arah mereka. Dia mengira bahawa mereka melihatnya, sehingga datang kepadanya isteri-isterinya dari kalangan bidadari lalu bidadari itu pergi bersamanya.

Penulis *al-Ifṣah* mengatakan, “Arwah orang yang mendapatkan kenikmatan bermacam-macam-macam rupanya. Ada yang berwujud burung yang hinggap di sebuah pohon di syurga; yang berada di dalam perut burung berwarna hijau; yang bersemayam di dalam pelita di bawah ‘Arasy; yang berada di dalam perut burung berwarna putih; yang berada di dalam perut burung seperti burung pipit; yang berada dalam bentuk yang diciptakan dari pahala amal mereka; yang bersenang-senang dan pulang pergi ke jasadnya; yang berada di dalam pemeliharaan Mika’il; yang berada di bawah asuhan Adam; dan yang berada di bawah asuhan Ibrahim.”

Al-Qurṭubi mengatakan, “Yang demikian itu merupakan pendapat al-Hasan.”

Berkenaan dengan hal itu, penulis berpendapat bahawa pendapat itu diperkuat oleh hadis mengenai naiknya Rasulullah s.a.w. ke langit yang diriwayatkan Imam al-Baihaqi dan Ibn Mardawaih yang berasal dari Abu Sa’id al-Khudri. Di dalamnya antara lain berbunyi, “Kemudian aku menaiki langit kedua, ternyata aku bersama dengan Yahya dan ‘Isa yang disertai oleh beberapa orang dari kaumnya. Kemudian aku menaiki langit ketiga, ternyata aku bersama Yusuf disertai beberapa orang dari kaumnya. Lalu kunaiki langit keempat, ternyata aku bersama Idris disertai oleh beberapa orang dari kaumnya. Setelah itu aku naik ke langit kelima, ternyata aku bersama Harun disertai oleh beberapa orang dari kaumnya. Selanjutnya aku menaiki langit keenam, ternyata aku bersama Musa yang disertai pula oleh beberapa orang dari kaumnya. Lalu aku menaiki langit ketujuh, ternyata aku bersama Ibrahim yang disertai oleh beberapa orang dari kaumnya. Dikatakan kepadaku, ‘Inilah tempatmu dan tempat kaummu.’ Lalu dibacakan ayat:

إِنَّ أَوْلَى النَّاسِ بِإِبْرَاهِيمَ لَلَّذِينَ اتَّبَعُوهُ وَهَذَا النَّبِيُّ وَالَّذِينَ آمَنُوا

Seungguhnya orang yang paling dekat dengan Ibrahim adalah orang-orang yang mengikutinya dan Nabi ini (Muhammad) serta orang-orang yang beriman (kepada Muhammad)

(Surah Ali ‘Imran: 68)

Tiba-tiba umatku terbahagi kepada dua bahagian. Sebahagian darinya memakai

pakaian putih, seakan-akan mereka itu kertas putih. Sedangkan sebahagian lainnya memakai pakaian yang terbuat dari tanah liat.”

(Hadis riwayat al-Baihaqi dan Ibn Mardawaih)

Yang demikian itu menunjukkan bahawa arwah itu berperingkat sesuai dengan darjatnya masing-masing dan di setiap tingkatan langit itu terdapat pelbagai kaum.

Sedangkan at-Tirmidzi mengatakan, “Arwah-arwah itu berjalan-jalan di alam barzakh sambil menyaksikan keadaan dunia dan keadaan malaikat. Juga berbincang-bincang di langit mengenai keadaan anak cucu Adam. Ada juga arwah yang berada di bawah Arasy dan ada arwah yang terbang di syurga sekehendak hatinya.”

Dalam *‘Adzab al-Qubr* disebutkan mengenai hadis dari Ibn Mas‘ud tentang arwah para syuhada, hadis dari Ibn Abbas dan hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dari al-Barra’. Dalam hal ini, Imam al-Baihaqi mengatakan bahawa ketika Ibrahim ibn Nabi s.a.w. meninggal dunia, Rasulullah s.a.w. bersabda, “Dia mendapatkan orang yang akan menyusuinya di syurga.”

Lebih lanjut Imam al-Baihaqi mengatakan, “Dengan demikian, Rasulullah s.a.w. menetapkan bahawa puteranya, Ibrahim akan disusui di syurga, sedangkan dia dikuburkan di Baqi.”

Ibn al-Qayyim mengatakan, “Tidak ada pertentangan antara hadis yang menyebutkan bahawa arwah itu berwujud burung yang hinggap di pohon syurga dengan hadis mengenai penampakan tempat tinggal di syurga atau neraka. Hanya sahaja yang sebenarnya masuk dan menyelami sungai-sungai di syurga serta memakan buah-buahannya hanyalah rohnya sahaja kerana dia tidak mungkin memasukinya kecuali pada hari pembalasan kelak. Dalilnya, tempat tinggal para syuhada pada hari itu bukan lagi tempat tinggal yang ditempatinya pada waktu masih di alam barzakh. Masuk syurga secara penuh itu hanya dilakukan oleh orang yang wujud secara sempurna, baik roh mahupun jasadnya. Hal itu jelas berbeza dengan masuknya roh sahaja ke dalam syurga.”

Dalam *Bahr al-Kalam* karangan an-Nasafi disebutkan bahawa arwah itu ada empat macam:

1. Arwah para nabi yang keluar dari jasadnya. Perumpamaan jasadnya

tersebut seperti minyak kasturi. Dia berada di dalam syurga; makan, minum dan bersenang-senang. Pada malam harinya mereka kembali ke pelita-pelita yang bergantung di bawah 'Arasy.

2. Arwah para syuhada yang keluar dari jasadnya dan tinggal di dalam perut burung berwarna hijau. Dia berada di dalam syurga; makan, minum dan bersenang-senang. Pada malam harinya mereka kembali ke pelita-pelita yang bergantung di bawah 'Arasy.
3. Arwah orang-orang yang taat dari kalangan orang-orang beriman. Dia berada di luar syurga; tidak makan dan tidak bersenang-senang, tetapi mereka dapat melihat ke syurga.
4. Arwah orang-orang yang berbuat maksiat dari kalangan orang-orang beriman, yang berada di antara langit dan bumi, iaitu di udara. Sementara arwah orang-orang kafir berada di *Sijjin*, di dalam perut burung berwarna hitam, di bawah lapisan bumi ketujuh yang masih berhubungan dengan jasadnya. Jika arwah mereka diazab, jasad mereka pun ikut merasakan; sebagaimana matahari di langit yang mengirimkan sinarnya ke bumi.

Sementara dalam *Ahwal al-Qubur*, mengenai tempat arwah orang-orang yang sudah meninggal dunia, al-Hafiz ibn Rajab mengatakan, tidak diragukan lagi bahawa arwah para nabi itu berada di sisi Allah di *'Illyin* yang paling atas. Hal itu telah ditetapkan dalam hadis sahih yang menyebutkan bahawa kalimat terakhir yang diucapkan Rasulullah s.a.w. berbunyi, "Ya Allah tempatkanlah aku di *Rafiq al-'Ala*." Ada seseorang yang bertanya kepada Ibn Mas'ud, "Rasulullah s.a.w. telah diwafatkan, lalu di mana beliau sekarang berada?"

"Di dalam syurga," jawabnya.

Sedangkan mengenai arwah para syuhada, majoriti ulama berpendapat bahawa mereka juga berada di syurga. Banyak hadis yang menyebutkan hal itu, misalnya hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dari Ibn Mas'ud, juga hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Daud dari Ibn 'Abbas yang telah kami kemukakan di atas.

Selain hadis-hadis tersebut, ada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Ibn Abi ad-Dunya dan Abu Ya'la yang bersumber dari Anas ibn Malik.

Disebutkan bahwa Rasulullah s.a.w. pernah dikejutkan oleh suatu mimpi yang baik. Di antara yang disabdakannya, “Apakah salah seorang di antara kalian ada yang bermimpi? Jika ada seseorang yang bermimpi mengenai suatu hal yang dia tidak mengetahui maknanya, tanyakanlah. Jika diberitahukan dari mimpinya itu suatu hal yang baik, yang demikian itu merupakan mimpinya yang paling menakjubkan.”

Kemudian datang seorang wanita seraya berkata, “Ya Rasulullah, aku pernah bermimpi seakan-akan diriku telah meninggal dunia dan dimasukkan ke syurga, lalu aku mendengar suara sesuatu yang dijatuhkan syurga. Tiba-tiba, aku bersama fulan dan fulan, yang setelah kuhitung ada dua belas orang.”

Sebelum itu, Rasulullah s.a.w. telah mengutus beberapa orang mulia yang dipakaikan kepada mereka pakaian kotor sementara keringat mereka mengalirkan darah. Dikatakan kepada mereka, “Berangkatlah bersama mereka ke sungai Baydakh dan tenggelamkan mereka di dalamnya.”

Setelah mereka dikeluarkan dari sungai tersebut, wajah mereka bersinar seperti bulan purnama. Kemudian diambikkan kepada mereka kerusi dari emas dan didudukkan di atasnya. Selanjutnya dibawakan kepada mereka piring besar yang terbuat dari emas yang di dalamnya terdapat *busrah* (salah satu macam ruṭāb). Mereka lalu memakannya sekehendak hatinya. Wanita itu berkata, “Aku ikut makan bersama mereka.”

Kemudian di antara orang-orang mulia tersebut ada seorang pembawa berita gembira yang datang dan berkata, “Ya Rasulullah, aku bermimpi begini dan begitu dan ditimpakan kepada fulan dan fulan suatu cubaan, yang jumlahnya sampai dua belas orang.”

Kemudian beliau berkata, “Bersamaku ada seorang wanita. Cuba ceritakan mimpimu itu kepada orang ini.”

Setelah diceritakan oleh wanita itu, orang itu berkata, “Mimpiku itu sama seperti apa yang dikatakannya.”

Mujahid berkata, “Para syuhada itu tidak berada di dalam syurga, tetapi mereka diberi rezeki dari syurga tersebut.”

Allah berfirman:

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَاءُ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ ﴿١٦٩﴾

Janganlah kalian mengira bahawa orang-orang yang gugur di jalan Allah itu mati, bahkan mereka itu hidup di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki.

(Surah Ali 'Imran: 169)

Mengenai firman Allah di atas, Adam ibn Ayyas menuturkan bahawa Mujahid berkata, "Mereka itu hidup di sisi Tuhan mereka. Mereka diberi rezeki berupa buah-buahan dari bunga syurga dan mencium baunya, tetapi mereka tidak ada di dalamnya."

Hal itu didasarkan pada hadis dari Ibn 'Abbas yang menyebutkan, "Para syuhada itu berada di sungai yang bersinar terang di pintu syurga."

Hal itu menunjukkan bahawa sungai itu berada di luar syurga. Mungkin ini berlaku bagi para syuhada secara keseluruhan. Sedangkan arwah-arwah yang ada di pelita-pelita di bawah 'Arasy adalah para syuhada yang dikhususkan. Mungkin yang dimaksudkan dengan syuhada di sini adalah orang yang mati syahid bukan kerana terbunuh dalam jihad fi sabilillah, seperti *ma'fun* (orang yang meninggal dunia kerana penyakit sampar), *mabtun* (orang yang meninggal dunia kerana penyakit yang ada di dalam perutnya), *ghariq* (orang yang meninggal dunia kerana tenggelam) dan lain-lainnya, yang disebut di dalam nas sebagai orang yang mati syahid.

Syahid ini juga diertikan sebagai orang yang benar-benar beriman dan bersaksi atas kebenaran imannya tersebut, sebagaimana yang diriwayatkan dari Abu Hurairah, "Setiap orang mukmin itu *siddiq* dan syahid."

Kemudian ditanyakan, "Apa yang engkau maksudkan dengan ucapan itu, wahai Abu Hurairah?"

Dia menjawab, "Bacalah ayat":

وَالَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ أُولَٰئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ وَالشَّاهِدَةُ عِنْدَ رَبِّهِمْ

Orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, mereka itu adalah para *siddiqin* dan para syuhada di sisi Tuhannya.

(Surah al-Hadid: 19)

Menurut al-Barra' ibn 'Azib, Nabi s.a.w. pernah bersabda, "Orang yang beriman

dari umatku ini adalah para syuhada.”

Kemudian Rasulullah membaca ayat:

وَالَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ أُولَٰئِكَ هُمُ الصَّٰدِقُونَ وَالشُّهَدَاءُ عِنْدَ رَبِّهِمْ

Orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, mereka itu adalah para
siddiqin dan para syuhada di sisi Tuhannya.

(Surah al-Hadid: 19)

Selebihnya orang-orang beriman yang bukan termasuk para syuhada adalah *ahl at-taklif*, seperti anak-anak orang mukmin yang meninggal dunia. Jumbuh ulama berpendapat bahwa mereka berada di dalam syurga. Imam Ahmad menyebutkan adanya *ijma'* (kesepakatan) para ulama mengenai hal ini.

Mengenai riwayat Ja'far ibn Muhammad, Imam Ahmad mengatakan, “Berkaitan dengan keberadaan anak-anak, tidak ada lagi perbezaan pendapat, bahwa mereka berada di dalam syurga.”

Sedangkan mengenai riwayat al-Maimuni, dia mengatakan, “Tidak ada seorang pun yang meragukan bahwa mereka berada di dalam syurga.”

Demikian juga dengan nas dari Imam asy-Syafie yang menyatakan bahwa anak-anak itu berada di dalam syurga.

Sedangkan mengenai *mukallaf* dari kalangan orang-orang yang beriman, selain para syuhada masih terdapat perbezaan pendapat di kalangan para ulama, baik ulama tradisional mahupun moden. Imam Ahmad menetapkan bahwa arwah orang-orang mukmin berada di syurga dan arwah orang-orang kafir berada di neraka.

Hal itu didasarkan pada hadis yang diriwayatkan Ka'ab ibn Malik, Ummu Hani', Abu Hurairah, Ummu Basyar dan 'Abdullah ibn 'Amr.

Hilal ibn Yasaf bahwa Ibn 'Abbas pernah bertanya kepada Ka'ab mengenai *'Iliyin* dan *Sijjin*. Ka'ab menjawab, “*Iliyin* itu berada di langit ketujuh, di dalamnya terdapat arwah orang-orang yang beriman. Sedangkan *Sijjin* berada di bumi ketujuh yang paling bawah, di dalamnya terdapat arwah orang-orang kafir yang berada di bawah pipi iblis.”

Telah ditetapkan dengan pelbagai dalil bahawa syurga itu berada di atas langit ketujuh sedangkan neraka itu berada di bawah bumi lapis ketujuh. Antara lain hadis yang diriwayatkan oleh al-Bazzar dan at-Ṭabrani yang bersumber dari Jabir. Disebutkan bahawa Nabi s.a.w. pernah ditanya mengenai Khadijah. Beliau menjawab, “Aku pernah melihatnya berada di salah satu sungai syurga, di sebuah rumah yang terbuat dari buluh. Di dalamnya tidak ada kata-kata yang tidak berfaedah dan tidak ada juga keletihan.”

Demikian juga hadis yang diriwayatkan oleh at-Ṭabrani dengan sanad *munqaṭi'* (terputus) yang bersumber dari Fatimah. Diturunkan bahawa dia pernah bertanya kepada Nabi s.a.w., “Di mana ibu kami, Khadijah?”

Beliau menjawab, “Di dalam sebuah rumah yang terbuat dari buluh. Di dalamnya tidak ada kata-kata yang tidak berfaedah dan tidak juga ada keletihan. Berada di antara Maryam dan 'Asiyah, isteri Fir'aun.”

Ditanyakan, “Apakah buluh seperti yang ada di sini (dunia)?”

Beliau menjawab, “Tidak, melainkan buluh yang dirangkai dari mutiara dan batu mulia.”

Diriwayatkan pula oleh Imam Ahmad, at-Tirmidzi, Ibn Majah dan Abu Daud yang bersumber dari Abu Hurairah. Dijelaskan bahawa ketika merejam al-Aslami pada saat dia mengaku telah berbuat zina, Nabi s.a.w. bersabda, “Demi Allah yang jiwaku berada di tangan-Nya. Sesungguhnya dia sekarang berada di sungai-sungai syurga; di dalamnya dia menyelam.”

Demikian juga hadis yang diriwayatkan dari Ṭauban yang bersumber dari Nabi s.a.w. Baginda pernah bersabda, “Barangsiapa yang jasadnya dipisahkan dari rohnya, sementara dia telah bebas dari tiga hal, pasti dia akan masuk syurga. Ketiga-tiga hal itu adalah: sifat sombong, khianat dan hutang.”

(Hadis riwayat Ahmad, at-Tirmidzi dan Ibn Majah)

Ada sekelompok orang yang berpendapat bahawa arwah itu berada di bumi. Setelah itu, mereka berbeza pendapat hingga kelompok lainnya berpendapat bahawa arwah itu bersemayam di dasar kubur. Hal itu diungkapkan oleh Ibn Wadhah dan diceritakan oleh Ibn Hazm dari para ahli hadis secara keseluruhan.

Pendapat terakhir itu *ditarjih* oleh Ibn 'Abdil Birr. Dia berpendapat bahawa

arwah para syuhada itu berada di syurga, sedangkan arwah selain mereka berada di dasar kubur. Mereka dapat bersenang-senang sesuka hati. Dalam hal ini, mereka mendasarkannya pada hadis-hadis mengenai ucapan salam kepada para arwah dan penampakan tempat tinggal di syurga atau neraka kepada mereka. Hal itu tidak menunjukkan bahawa arwah itu tidak berada di dalam syurga kerana penampakan tempat tinggal tersebut kepada jasad sahaja yang masih mempunyai hubungan dengan rohnya, sementara roh itu sendiri berada di syurga. Demikian juga dengan ucapan salam kepada penghuni kubur, hal itu tidak menunjukkan bahawa persemayaman arwah mereka berada di dasar kubur mereka. Pernah diucapkan salam kepada kubur para nabi dan syuhada, padahal arwah mereka berada di *'Illiyyin* yang paling atas kerana arwah mereka itu masih mempunyai hubungan yang sangat erat dengan jasad. Hakikat dan cara itu sendiri tidak diketahui kecuali oleh Allah *'Azza wa Jalla*. Hal itu didukung oleh hadis-hadis yang membahas mengenai orang tidur yang rohnya naik ke *'Arasy* - padahal dia masih tetap melekat pada badannya - dan kecepatannya kembali ke badannya pada saat bangun. Dengan demikian, arwah orang-orang yang meninggal yang sudah terlepas dari jasad mereka boleh naik ke langit dan sekaligus dapat kembali ke jasadnya di dalam kubur dengan kecepatan yang sama.

Kelompok lainnya berpendapat bahawa arwah-arwah itu dikumpulkan di suatu tempat di bumi. Arwah orang-orang yang beriman itu dikumpulkan di Jabiyah, yang disebut juga sebagai sumur Zamzam. Sedangkan arwah orang-orang kafir dikumpulkan di sumur Barhaut.

Hal itu *ditarjih* oleh Abu Ya'la, penganut mazhab Hanbali dalam *al-Mu'tamad* yang bertolak belakang dengan naş Ahmad bahawa arwah orang-orang kafir itu berada di neraka. Mungkin sumur Barhaut mempunyai hubungan langsung dengan neraka Jahanam kerana sebagaimana diriwayatkan, di bawah sumur itu terdapat neraka Jahanam.

Dalam *al-Hikayat*, karangan Abu 'Umar Ahmad ibn Muhammad an-Naysaburi, Abu Bakar ibn Muhammad ibn aṭ-Ṭarṭusi menuturkan bahawa Hamid ibn Yahya ibn Salim pernah bercerita. Dia berkata sebagai berikut:

Bersama kami di Makkah ada seseorang dari Khurasan yang dikirim pesanan dan dia selalu menyampaikannya. Dia pernah dikirim sepuluh ribu dinar oleh

seseorang. Setelah menyerahkan wang tersebut, orang itu menghilang. Kemudian orang Khurasan itu meninggal dunia dan dia tidak mengamanatkan kiriman wang itu kepada seorang pun dari anak-anaknya. Selanjutnya dia dikuburkan di sekitar rumahnya.

Tidak lama kemudian orang yang mengirimi wangnya itu datang dan menanyakan kiriman tersebut kepada anak-anaknya. Anak-anaknya menjawab, “Kami sama sekali tidak mengetahuinya.”

Lalu mereka pun berangkat menemui beberapa ulama yang tinggal di Makkah untuk menanyakan masalah tersebut. Para ulama tersebut berkata, “Kami tidak melihat melainkan dia termasuk penghuni syurga. Kami pernah mendengar bahawa arwah penghuni syurga itu berada di sumur Zamzam. Jika sepertiga atau pertengahan malam tiba, datanglah kalian ke sana dan berhenti di tepi sumur tersebut. Kemudian panggil ayah kalian. Semoga dia akan memberikan jawapan. Jika memberikan jawapan, tanyakan wangmu itu.”

Kemudian dia segera berangkat menuruti apa yang dikemukakan oleh para ulama tersebut dan kemudian dia memanggilnya dua sampai tiga kali, tetapi tidak ada jawapan. Dia segera kembali lagi kepada para ulama tersebut seraya berkata, “Aku telah memanggilnya tiga kali tetapi tidak ada jawapan.”

Mereka kemudian berucap, “*Inna lillahi wa inna ilaihi raji’un*. Kami mengira dia berada di neraka. Berangkatlah ke Yaman, di sana ada sebuah lembah yang bernama Barhaut. Di dalam lembah itu terdapat sumur yang dikenal dengan sebutan Barhaut, yang menjadi tempat arwah penghuni neraka. Berdirilah di tepinya dan panggil seperti engkau memanggilnya di sumur Zamzam.”

Kemudian dia berangkat kembali. Setelah malam tiba, dia berseru, “Ya fulan ibn fulan, aku si fulan.”

Tidak lama, orang Khurasan itu memberikan jawapan pada panggilan pertama.

Şafwan ibn ‘Umar bercerita, “Aku pernah bertanya kepada Amir ibn ‘Abdillah, ‘Apakah arwah orang-orang mukmin itu mempunyai tempat berkumpul?’ dia menjawab, ‘Sesungguhnya bumi ini sebagaimana yang Allah s.w.t. firmankan:

أَنَّ الْأَرْضَ يَرِثُهَا عِبَادِيَ الصَّالِحُونَ ﴿١٠٥﴾

Bumi ini diwarisi oleh hamba-hamba-Ku yang soleh

(Surah al-Anbiyaa': 105)

merupakan tempat berkumpulnya para arwah orang-orang mukmin sampai datangnya Hari Kebangkitan.”

(Hadis riwayat Ibn Mundah)

Hadis ini aneh sekali dan penafsiran ayat di atas adalah lebih aneh lagi.

Ibn Mundah juga menuturkan riwayat dari Syahr ibn Hawsyib. Dia mengatakan bahawa 'Abdullah ibn 'Amr r.a. pernah mengirim surat kepada Ubai ibn Ka'ab menanyakan, “Di mana arwah para penghuni syurga itu berada dan di mana pula arwah para penghuni neraka?”

Dia menjawab, “Arwah para penghuni syurga berada di Jabiyah, sedangkan arwah orang-orang kafir berada di Hadramaut.”

Segolongan sahabat mengatakan bahawa arwah itu berada di sisi Allah s.w.t. Hal itu dibenarkan oleh riwayat dari Ibn 'Umar.

Masih diriwayatkan oleh Ibn Mundah melalui asy-Sya'bi, kali ini dari Hudzaifah. Dia mengatakan, “Arwah-arwah itu berhenti di sisi Tuhan, menunggu tempat tinggalnya sampai trompet dibunyikan.”

Hal itu tidak bertentangan dengan tempat-tempat arwah yang telah disebutkan dalam hadis-hadis sebelumnya.

Segolongan lainnya berpendapat bahawa arwah anak cucu Adam itu berada bersama nenek moyang mereka (Adam), di sebelah kanan dan sebelah kirinya. Dalam hadis yang terdapat dalam *Ṣahih al-Bukhari* dan *Ṣahih Muslim* disebutkan mengenai kisah Isra sebagai berikut:

Ketika langit dibuka, kami melihat ke atas. Ternyata ada seseorang yang sedang duduk, di sebelah kanannya hitam dan sebelah kirinya pun hitam. Jika orang itu melihat ke sebelah kanan, dia tertawa. Jika melihat ke sebelah kiri, dia menangis. Setelah itu, aku bertanya kepada Jibril, “Siapakah orang itu?”

Jibril menjawab, “Adam. Hitam yang berada di sebelah kanan dan kirinya itu adalah arwah anak cucunya. Yang berada di sebelah kanannya adalah penghuni syurga, sedangkan yang di sebelah kirinya adalah penghuni neraka. Jika dia melihat

ke sebelah kanan, dia tertawa; jika dia melihat ke sebelah kiri, dia menangis.”

Secara lahiriah, lafaz hadis di atas menunjukkan bahawa arwah orang-orang kafir itu berada di langit. Ini jelas bertentangan dengan apa yang disebutkan di dalam al-Quran dan hadis bahawa langit itu tertutup bagi arwah orang-orang kafir.”

Telah disebutkan dalam beberapa hadis yang menghilangkan kemusykilan di atas. Di antara bunyi hadis tersebut adalah:

Diperlihatkan kepada Adam, arwah anak cucunya. Jika roh orang mukmin, dia akan berkata, “Roh yang baik, tempatkanlah dia di *‘Ilyin*.” Jika roh orang kafir, dia berkata, “Roh yang buruk, tempatkanlah dia di *Sijin*.”

Dengan demikian dapat disimpulkan, bahawa arwah anak cucu Adam itu diperlihatkan kepadanya di langit, sementara perintah untuk menempatkan arwah-arwah itu di tempat persemayamannya menunjukkan bahawa arwah-arwah itu tempat persemayamannya bukan di langit.

Ibn Hazm berpendapat bahawa Allah s.w.t. telah menciptakan arwah-arwah itu dengan serentak sebelum penciptaan jasad. Lalu arwah-arwah itu ditempatkan di barzakh dan barzakh itu berada di tempat yang tiada semua unsur; tidak terdapat air, udara, tanah dan juga api. Jika Allah telah menciptakan jasad, Dia langsung meniupkan roh itu ke dalam jasad tersebut dan Dia akan mengembalikan arwah itu setelah dicabut dari jasadnya ke tempat semula, iaitu barzakh. Arwah para nabi dan para syuhada itu didahulukan untuk masuk syurga.

Pendapat ini tidak dikemukakan oleh seorang pun dari kaum Muslim. Hal itu bukan dari jenis ungkapan mereka, tetapi dari jenis ungkapan yang diwarnai oleh filsafat.

Sejumlah ilmuwan berpendapat bahawa arwah itu mati bersamaan dengan matinya jasad. Kaum Muktazilah adalah bahagian dari pendapat ini; juga sekelompok fukaha (ahli fikih) Andalus terdahulu, di antaranya adalah ‘Abdul A’la ibn Wahb ibn Muhammad ibn ‘Umar ibn Libabah; termasuk generasi terakhir mereka seperti Suhaili dan Abu Bakar ibn ‘Arabi.

Paraulamatelah mengecamkeras pendapat ini dan mengkategorikannya sebagai pendapat dari golongan ahlul bid’ah. Banyak nas-nas yang menunjukkan kehidupan arwah setelah berpisah dari jasad menentang sekaligus menggugurkannya.

Ada perbedaan antara kehidupan para syuhada dengan orang-orang mukmin lainnya yang arwahnya juga berada di syurga. *Pertama*, iaini arwah para syuhada itu diberikan jasad baru berupa burung. Yang dengan demikian itu dimaksudkan agar mereka dapat menyempurnakan kenikmatan yang dirasakannya kerana para syuhada itu telah menyerahkan jasad-jasad mereka untuk berperang di jalan Allah. Maka mereka pun diberikan ganti dengan jasad yang lain di alam barzakh. *Kedua*, bahawa arwah para syuhada itu diberi rezeki dari syurga, sedangkan selain mereka sama sekali tidak mendapatkannya. Yang jelas antara keduanya tidak dapat disamakan dalam merasakan kenikmatan.

Dari Ibn Mas'ud, Ibn Sina meriwayatkan bahawa jika Nabi s.a.w. memasuki kubur, beliau mengucapkan, "Ya Allah, Tuhan yang memelihara jasad-jasad yang binasa dan tulang-belulang yang hancur lumat, yang pergi meninggalkan dunia dengan keimanan kepada-Mu, berikanlah kepadanya rahmat dari sisi-Mu dan sampaikanlah salam dari kami untuknya."

Hadis di atas, dengan *kedha'ifan* sanadnya, ditakwilkan bahawa yang dimaksud dengan kebinasaan adalah keterlepasannya dari jasad.

Ibn al-Qayyim mengatakan, "Jiwa itu mempunyai empat tempat tinggal. Setiap tempat tinggal lebih besar daripada tempat tinggal sebelumnya. *Pertama*, rahim ibu; itulah tempat tinggal yang sempit dan gelap. *Kedua*, dunia iaitu tempat tinggal seseorang dibesarkan; tempat dia memperoleh kebaikan dan kejahatan. *Ketiga*, tempat tinggal di barzakh, yang lebih luas dan lebih besar daripada sebelumnya (dunia). *Keempat*, akhirat iaitu tempat tinggal yang tidak ada lagi tempat tinggal setelahnya; dia merupakan tempat penentuan, di syurga atau neraka. Masing-masing tempat tinggal itu mempunyai ketentuan dan hukum yang berbeza antara satu tempat tinggal dengan tempat tinggal lainnya.

Dalam hal ini, penulis berpendapat bahawa pendapat mengenai bentuk tempat tinggal ketiga yang disebutkan Ibn al-Qayyim di atas telah diperkuat oleh hadis yang diriwayatkan Ibn Abi ad-Dunya dari Mursal Salim ibn Amir al-Jiba'i sebagai hadis *marfu'*. Di dalamnya dituturkan, "Sesungguhnya perumpamaan orang mukmin di dunia seperti janin di dalam perut ibunya. Jika dia keluar dari perutnya, janin itu menangis hingga apabila melihat sinar dan mendapatkan susuan, dia tidak lagi ingin kembali ke tempatnya semula (rahim ibunya). Demikian juga orang

mukmin yang dijemput kematian, jika dia telah sampai pada Tuhannya, dia tidak ingin lagi kembali ke dunia sebagaimana janin itu tidak ingin lagi kembali ke perut ibunya.”

Diriwayatkan pula oleh Ibn Abi ad-Dunya dari Mursal ibn ‘Amr ibn Dinar, bahawa ada seseorang yang meninggal dunia, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda, “Orang ini telah pergi dari dunia. Jika dia redha, dia tidak ingin kembali ke dunia lagi sebagaimana salah seorang di antara kalian tidak ingin lagi kembali ke perut ibunya.”

Anas ibn Malik menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Aku tidak menyamakan perumpamaan keluarnya orang mukmin dari dunia ini kecuali seperti keluarnya seorang bayi dari perut ibunya, iaitu dari tempat kesedihan dan kegelapan menuju dunia.”

(Hadis riwayat at-Tirmidzi dalam *Nuwadir al-Uşul*)

Dalam buku *Kifayah al-Mu'taqad*, al-Yaf'i menuturkan riwayat dari Syaikh ‘Umar ibn al-Faridh. Dia mengatakan, “Aku pernah mendatangi jenazah seorang wali. Seusai kami mengerjakan solat jenazah, tiba-tiba ruangan kami telah dipenuhi oleh burung-burung berwarna hijau. Lalu burung yang paling besar mendatangi dan melennya dan kemudian terbang. Aku sangat terkejut menyaksikan peristiwa itu. Seseorang yang turun dari langit dan yang juga mengerjakan solat jenazah berkata kepadaku, “Engkau jangan merasa hairan kerana sesungguhnya arwah para syuhada itu berada di perut burung-burung berwarna hijau yang berterbangan di syurga. Mereka itulah para syuhada *suyuf*, sedangkan para syuhada *mihnah*, jasad mereka menjadi arwah.”

Penulis berpendapat bahawa hal yang serupa juga riwayatkan oleh Ibn Abi ad-Dunya dalam *Dzikir al-Mawt* yang berasal dari Zaid ibn Aslam. Dia menceritakan, “Di kalangan Bani Isra'il terdapat seorang yang mengasingkan diri di gua sebuah gunung. Jika orang-orang yang hidup pada zamannya tidak mendapatkan hujan, mereka akan meminta pertolongan darinya. Dia lalu berdoa kepada Allah memohon hujan. Allah segera menurunkan hujan. Selanjutnya orang itu meninggal dunia, lalu orang-orang berangkat untuk mengurus jenazahnya. Ketika sedang melakukan itu, mereka melihat ada tempat tidur yang bergoyang-goyang di awan hingga akhirnya sampai ke orang tersebut. Setelah itu, ada seseorang melangkah dan mengambil serta meletakkan orang tersebut di atas tempat tidur

itu, lalu tempat tidur itu naik ke atas dan orang-orang melihatnya berada di udara sampai akhirnya hilang dan mengarah ke surga.”

Hal itu diperkuat lagi oleh apa yang diriwayatkan Imam al-Baihaqi dan Abu Nu’aim yang bersumber dari Urwah. Disebutkan bahawa Amir ibn Fuhairah terbunuh pada peristiwa *Bi’r Ma’unah*, tetapi tidak diketahui siapa yang membunuhnya. Sementara ‘Amr ibn Umayyah tertawan, lalu Amir ibn Tufail bertanya kepada ‘Amr ibn Umayyah adh-Dhamiri, “Apakah engkau mengenal sahabat-sahabatmu?”

“Ya”, jawabnya.

Lalu dia mengelilingi mayat-mayat yang terbunuh dan kemudian dia menanyakan nasab mereka masing-masing. Lebih lanjut, Amir ibn Tufail bertanya, “Apakah engkau kehilangan salah satu di antara mereka?”

“Ya, kami kehilangan pembantu Abu Bakar yang bernama Amir ibn Fuhairah”, jawabnya.

Dia bertanya, “Bagaimana kehidupannya dahulu di tengah-tengah kalian?”

Dia menjawab, “Dia adalah orang yang paling baik di antara kami.”

Amir ibn Tufail pun berkata, “Mahukah engkau aku beritahu mengenai dirinya? Dia telah terhunus tombak dan meninggal, kemudian dia dibawa naik oleh seseorang ke langit hingga akhirnya kami tidak lagi melihatnya. Yang membunuhnya adalah seseorang dari Bani Kilab. Dia bernama Jabbar ibn Salma.”

Setelah itu, adh-Dhahak ibn Sufyan al-Kilabi datang dan menyatakan masuk Islam seraya berucap, “Aku telah terpanggil untuk memeluk Islam. Sungguh aku tidak mengetahui siapa pembunuh Amir ibn Fuhairah dan siapa yang membawanya naik ke langit.”

Kemudian adh-Dhahak mengirimkan surat kepada Rasulullah s.a.w. untuk memberitahukan keislamannya dan ketidaktahuannya mengenai siapa pembunuh Amir ibn Fuhairah tersebut. Rasulullah s.a.w. pun bersabda, “Sesungguhnya malaikatlah yang menutupi dan menguburkan jasadnya dan menemukannya di *‘Iliyin*.”

Dari sisi yang lain, Imam al-Baihaqi menuturkannya dengan lafaz, “Lalu Amir

ibn Ṭufail menceritakan, ‘Setelah terbunuh, aku menyaksikannya dibawa naik ke langit hingga aku melihatnya tepat berada di tengah-tengah antara langit dan bumi.’”

Kemudian Imam al-Baihaqi mengatakan, bahawa hadis di atas diriwayatkan juga oleh Imam al-Bukhari yang di bahagian akhirnya disebutkan, “...kemudian diletakkan.”

Selanjutnya al-Baihaqi mengatakan, hadis tersebut menjelaskan bahawa mayatnya dibawa naik, diletakkan dan kemudian menghilang.

Ibn Sa’ad dan al-Hakim, melalui Urwah, menuturkan riwayat dari ‘Aisyah r.a., “Amir ibn Fuhairah diangkat ke langit dan jasadnya tidak ditemukan. Sementara mereka melihat bahawa malaikat menutupi dan menguburkannya.

Dalam hal ini, penulis ingin mengatakan, “Secara lahiriah, yang dimaksudkan dengan penutupan dan penguburan oleh malaikat itu adalah bahawa malaikat membawanya menghilang di langit.”

Hal itu juga didukung oleh apa yang diriwayatkan Ahmad, Abu Nu’aim dan al-Baihaqi, dari ‘Amr ibn Umayyah adh-Dhamiri, bahawa Rasulullah s.a.w. pernah mengutusnyanya seorang diri sebagai mata-mata. ‘Amr ibn Umayyah adh-Dhamiri bercerita, “Aku mendatangi kayu tempat Khubaib ibn ‘Adi disalib. Kemudian, aku menaikinya dengan penuh kekhawatiran kalau-kalau hal itu diketahui orang. Setelah itu, aku melepaskan ikatannya dan jasadnya pun jatuh ke tanah, lalu aku membawa dan meletakkannya tidak jauh dari tempat tersebut. Setelah itu, aku menoleh. Ternyata aku sudah tidak melihat lagi mayat Khubaib, seakan-akan dia ditelan bumi kerana tidak terdapat sedikit pun bekas dari mayatnya.”

Khubaib ibn ‘Adi ini termasuk salah seorang yang juga dibawa menghilang oleh malaikat, baik diangkat di langit mahupun dikebumikan di bumi. Namun, Abu Nu’aim secara tegas menyatakan bahawa mayatnya dibawa naik ke langit. Dia mengatakan, jika dikatakan bahawa ‘Isa dibawa naik ke langit, maka kami mengatakan, “Ada juga beberapa orang dari umat Muhammad yang juga dibawa naik sebagaimana ‘Isa.”

Di antara yang memperkuat kisah pengangkatan mayat ke langit ini adalah riwayat yang dituturkan oleh Imam an-Nasa’i, al-Baihaqi, aṭ-Ṭabrani dan lain-

lainnya; yang berasal dari Jabir. Disebutkan bahawa pada saat hujung jari Jabir terkena tusukan pedang pada Perang Uhud, Ṭalhah berkata, “Aduh!”

Rasulullah s.a.w. bersabda, “Seandainya engkau mengucapkan *Bismillah*, nescaya malaikat akan mengangkatmu dan orang-orang melihat ke arahmu hingga engkau dibawa masuk ke awan di langit.”

Yang seiring dengan kisah di atas adalah riwayat yang dituturkan oleh Ibn ‘Asakir melalui beberapa jalan yang bersumber dari ‘Aṭa’ al-Khurasani. Disebutkan bahawa Uwais al-Qarni pernah terserang penyakit perut dalam suatu perjalanan, hingga akhirnya meninggal dunia. Lalu para sahabat menemukan dalam dua saku bajunya yang bukan merupakan baju dunia. (Dalam sebuah riwayat disebutkan bahawa keduanya bukan dari hasil tenunan anak cucu Adam)

Setelah itu, dua orang berangkat untuk menggali lubang kubur untuknya. Sekembalinya dari penggalian, mereka berucap, “Kami telah menemukan sebuah lubang di padang pasir, seakan-akan pada saat itu semua tangan terangkat darinya.”

Selanjutnya mereka mengkafani dan menguburkannya. Tetapi setelah menoleh, mereka tidak mendapatkan sesuatu pun di tempat itu.

Dituturkan juga oleh Imam Ahmad, melalui riwayat lain yang bersumber dari ‘Abdullah ibn Salmah, yang pada hujungnya disebutkan, “Sebahagian kami mengatakan kepada sebahagian lainnya, ‘Seandainya sahaja kita kembali melihat kuburnya.’ Setelah itu, kami pun berangkat kembali ke kuburnya, tetapi kami tidak mendapatkan kubur dan bekas kuburnya.”

Di antara yang sejalan dengan kisah burung berwarna hijau adalah apa yang diriwayatkan Ibn ‘Asakir yang berasal dari Abu Bakar ibn Rayyan. Dia bercerita, “Aku pernah berhenti di Hamam al-Ghullah di Mesir, sementara ada beberapa orang yang datang membawa kereta jenazah Dzunnun. Aku menyaksikan burung-burung hijau berterbangan di atasnya hingga akhirnya sampai di kuburnya. Setelah dikuburkan, burung-burung itu pun menghilang.”

Diriwayatkan dari Abu Khalid bahawa ketika ‘Amr ibn Qais meninggal dunia, orang-orang menyaksikan padang pasir dipenuhi oleh orang-orang yang berpakaian berwarna putih. Setelah jenazahnya disolatkan dan dikebumikan,

mereka tidak lagi melihat seorang pun ada di padang pasir.

Dalam *'Uyun al-Hikayat*, Ibn al-Jawzi menuturkan riwayat dari 'Abdullah ibn al-Mubarak. Dia menceritakan, "Ketika suatu malam aku berada di sebuah kubur, tiba-tiba aku mendengar orang yang sedang sedih bermunajat kepada Tuhannya, 'Tuhanku, ada seorang hamba yang menuju diri-Mu, rohnya berada di bawah kekuasaan-Mu, kendalinya juga ada di tangan-Mu, kerinduannya yang sangat mendalam tertuju kepada-Mu dan jerih payahnya hanya kerana-Mu. Pada malam hari dia terjaga dan siang harinya berusaha. Air matanya mengalir kerana rindu melihat-Mu, sangat berharap dapat bertemu dengan-Mu, tidak ada kepuasan baginya selain kepada-Mu dan tiada harapan melainkan tertuju kepada-Mu juga.' Setelah itu dia menangis, mengangkat kepalanya dan berteriak kuat. Aku menggerak-gerakannya dan ternyata dia telah menjadi mayat. Ketika aku mengurus jenazahnya itu, aku melihat sekumpulan orang datang menuju dirinya; memandikan dan melumurinya dengan minyak; lalu mengkafaninya, menyembahyangkannya, menguburkannya serta membawanya naik ke langit."

Ibn al-Jawzi juga menuturkan riwayat dari al-Hasan al-Baṣri, dia bercerita:

Aku pernah pergi ke padang pasir. Tiba-tiba aku melihat sebuah gua yang di dalamnya terdapat seorang pemuda yang sedang mengerjakan solat. Di sisi lain, ada seekor binatang yang menjaga pintu gua tersebut. Kutanyakan, "Wahai pemuda, apa yang engkau ketahui mengenai binatang buas ini?"

Dia menjawab, "Jika engkau takut kepada Tuhan yang menciptakan binatang buas ini, maka yang demikian itu adalah lebih baik bagimu."

Kemudian pemuda tersebut menghadap ke singa itu seraya berkata, "Engkau adalah satu makhluk Allah, jika engkau telah diizinkan-Nya melakukan sesuatu, maka aku tidak dapat mencegahmu mendapatkan rezekimu; tetapi jika tidak, maka pergilah."

Lantas singa itu pun lari menghindar. Setelah itu, pemuda itu berseru, "Tuhanku, aku memohon kepada-Mu, jika aku mempunyai kebaikan di sisi-Mu, pertemukanlah aku dengan-Mu."

Belum sampai menyelesaikan ucapannya itu, dia meninggal dunia. Setelah itu, aku bertolak pulang dan kemudian mengumpulkan semua sahabat-sahabatku

dari kalangan ahli zuhud dan orang-orang soleh untuk mengambil dan mengurus jenazahnya. Ketika kembali dan sampai di gua itu, kami tidak menemukan seorang pun di sana. Tiba-tiba ada suara berseru kepadaku. Aku mendengar suaranya tetapi tidak melihat siapa orangnya, “Wahai Abu Sa’id, bawa kembali orang-orang itu kerana pemuda tadi telah dibawa.”



Penampakan Syurga dan Neraka kepada Mayat Setiap Hari

Allah s.w.t. berfirman:

النَّارُ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا غُدُوًّا وَعَشِيًّا

Kepada mereka diperlihatkan neraka pada pagi dan petang hari.

(Surah Ghafir: 46)

Dari Hudzail, Ibn Abi Syaibah mengatakan, “Arwah Fir’aun beserta kaumnya itu berada di dalam perut burung berwarna hitam, berulang alik ke neraka. Demikian itulah diperlihatkannya.”

Sementara dari Ibn Mas’ud, al-Lalika’i dan al-Isma’ili mengatakan, “Arwah Fir’aun beserta kaumnya itu berada di dalam perut burung berwarna hitam. Diperlihatkan kepada mereka neraka setiap hari sebanyak dua kali. Dikatakan kepada mereka, ‘Inilah tempat tinggal kalian!’ Demikian itulah firman Allah:

النَّارُ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا غُدُوًّا وَعَشِيًّا

Kepada mereka diperlihatkan neraka pada pagi dan petang hari.”

(Surah Ghafir: 46)

Sedangkan Ibn Abi Hatim menuturkan riwayat dari ‘Abdur Rahman ibn Zaid ibn Aslam mengenai firman Allah: *Kepada mereka diperlihatkan neraka pada pagi dan petang hari.* Dia mengatakan, “Pada hari itu mereka dibawa pulang dan pergi ke sana sampai Hari Kiamat.”

Ibn 'Umar r.a. menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Jika salah seorang di antara kalian meninggal dunia, akan diperlihatkan kepadanya tempat tinggalnya pada pagi dan petang hari. Jika termasuk penghuni syurga, dia akan menghuni syurga. Jika termasuk penghuni neraka, dia akan menempati neraka. Dikatakan kepadanya, 'Inilah tempat tinggalmu sehingga engkau dibangkitkan Allah kepada-Nya pada Hari Kiamat.'"

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Al-Qurṭubi mengatakan, "Dikatakan bahawa yang demikian itu dikhususkan bagi orang mukmin yang tidak diazab. Dikatakan pula bahawa tidak demikian, tetapi orang mukmin yang diazab juga melihat tempat tinggalnya secara keseluruhan, di neraka atau di syurga, pada waktu yang berlainan mahupun dalam satu waktu."

Lebih lanjut al-Qurṭubi mengatakan, "Lalu dikatakan pula bahawa penampakan tersebut hanya kepada roh sahaja dan mungkin juga bersamaan dengan sedikit bahagian dari jasadnya. Akan tetapi, mungkin juga penampakan tersebut kepada roh dengan seluruh jasadnya, manakala roh itu dikembalikan ke jasadnya semula, sebagaimana waktu roh itu dikembalikan kepadanya pada saat ditanya oleh malaikat Munkar dan Nakir."

Berkenaan dengan hal tersebut di atas, penulis berpendapat bahawa al-Lalika'i pernah menuturkan riwayat sebuah hadis yang lafaznya berbunyi, "Tidaklah seorang hamba itu meninggal dunia, melainkan diperlihatkan kepada rohnya tempat tinggalnya."

Ibn 'Umar r.a. menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, "Sesungguhnya kepada seseorang itu akan diperlihatkan tempat tinggalnya di syurga dan neraka pada pagi dan petang hari di alam kuburnya."

(Hadis riwayat Hannad dalam *al-Zuhd*)

Sementara Imam al-Baihaqi dalam *Syū'ab al-Iman*, menuturkan riwayat dari Abu Hurairah. Dia mengatakan bahawa setiap hari ada dua suara lantang, pada pagi dan petang hari. Pada awal siang hari dia berkata, "Malam telah berlalu dan kini siang pun datang, diperlihatkan neraka kepada Fir'aun beserta kaumnya. Tidak seorang pun mendengar suaranya melainkan akan memohon perlindungan kepada Allah dari api neraka."

Sementara pada petang hari dia berkata, "Siang telah berlalu dan malam pun

kini telah datang, diperlihatkan kepada Fir'aun beserta kaumnya neraka. Tidak seorang pun mendengar suaranya melainkan dia akan memohon perlindungan kepada Allah dari api neraka.”

Sedangkan Ibn Abi ad-Dunya dalam *Man 'Asya ba'd al-Maut*, menuturkan riwayat dari al-Awza'i, bahawa dia pernah ditanya oleh seseorang di Asqalan. Dia berkata, “Abu 'Amr, sesungguhnya kami telah melihat burung berwarna hitam yang keluar dari laut. Jika petang hari tiba, burung itu kembali menjadi putih.”

“Apakah kalian mengerti hal itu?” tanyanya.

“Ya,” jawab mereka.

Lalu dia berkata, “Di dalam perutnya terdapat arwah Fir'aun beserta kaumnya, diperlihatkan kepada mereka neraka, lalu burung itu terbakar olehnya sehingga bulu-bulunya menjadi hitam. Setelah itu, burung tersebut kembali ke sarangnya. Di situ dia juga terbakar. Yang demikian itulah amal perbuatannya yang tiada pernah berhenti sampai Hari Kiamat tiba. Kemudian dikatakan, ‘Masuklah Fir'aun bersama kaumnya dan rasakanlah azab yang sangat pedih!’”

Penampakan Amal Orang Hidup kepada Orang Mati

Anas ibn Malik menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Sesungguhnya amal-amal kalian itu diperlihatkan kepada kaum kerabat dan keluarga kalian yang sudah meninggal. Jika amal-amal itu baik, mereka pun merasa senang hati. Jika sebaliknya, mereka akan mengatakan, ‘Ya Allah, janganlah Engkau mematikan mereka sehingga Engkau memberikan petunjuk kepada mereka, sebagaimana Engkau telah memberikan petunjuk kepada kami.’”

(Hadis riwayat Ahmad, at-Tirmidzi dan Ibn Mundah)

Sementara Jabir ibn ‘Abdillah menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. juga pernah bersabda, “Sesungguhnya amal-amal kalian diperlihatkan kepada keluarga dan kaum kerabat kalian di dalam kubur mereka. Jika baik, mereka akan senang hati. Jika sebaliknya, mereka akan berdoa, ‘Ya Allah, berikanlah ilham kepada mereka agar berbuat taat kepada-Mu.’”

(Hadis riwayat at-Tayalisi)

Ibn al-Mubarak dan Ibn Abi ad-Dunya menuturkan bahawa Abu Ayyub pernah berkata, “Amal-amal kalian diperlihatkan kepada orang yang sudah meninggal. Jika mereka melihatnya baik, mereka bergembira dan senang hati. Jika melihatnya buruk, mereka berdoa, ‘Ya Allah ingatkanlah dia.’”

Ibn Abi Syaibah dalam *al-Muṣannaḥ*, at-Tirmidzi dan Ibn Abi ad-Dunya menuturkan riwayat dari Ibrahim ibn Maysarah. Dia bercerita bahawa Abu Ayyub al-Qaṣṭanṭīniyyah pernah pergi berperang, lalu dia bertemu dengan seorang ahli kisah. Ahli kisah itu berkata, “Jika seorang hamba berbuat suatu amalan pada

tengah hari, akan diperlihatkan kepada orang-orang yang mengenalnya yang sudah meninggal pada petang harinya. Jika dia berbuat amalan pada akhir siang hari, akan diperlihatkan pagi harinya kepada orang-orang yang dikenalnya yang sudah meninggal.”

Lalu Abu Ayyub berkata, “Ulangi lagi apa yang telah engkau katakan itu.”

Dia berkata, “Demi Allah, aku mengatakannya untukmu.”

Abu Ayyub pun berdoa, “Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari diperlihatkannya keburukan yang telah aku perbuat kepada ‘Ubadah ibn aṣ-Ṣamit dan Sa’ad ibn ‘Ubadah setelah kematian mereka.”

Ahli kisah itu pun berkata, “Demi Allah, Allah tidak akan menetapkan perlindungan-Nya bagi seorang hamba melainkan Dia akan menutupi aibnya dan memberikan pujian yang baik sebaik amal perbuatannya.”

Sementara itu, ‘Abdul Ghafur ibn ‘Abdul Aziz menuturkan bahawa ayahnya menerima riwayat dari datuknya. Dia bercerita bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Amal-amal perbuatan itu diperlihatkan pada hari Isnin dan Kamis kepada Allah; kepada para nabi; serta kepada ibu dan bapa mereka pada hari Jumaat. Mereka senang dengan kebaikan-kebaikan mereka dan wajah mereka pun semakin cerah. Oleh kerana itu, bertakwalah kepada Allah dan janganlah kalian menyakiti orang-orang yang sudah meninggal di antara kalian.”

(Hadis riwayat at-Tirmidzi dalam *Nuwadir al-Uṣul*)

Sementara Nu’man ibn Basyir mengaku pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, “Takutlah kepada Allah dalam kaitannya dengan saudara-saudara kalian yang sudah menghuni kubur, kerana amal-amal kalian diperlihatkan kepada mereka.”

(Hadis riwayat at-Tirmidzi, Ibn Abi ad-Dunya dalam *al-Manamut* dan al-Baihaqi dalam *Syu’ab al-Iman*)

Sedangkan Abu Hurairah menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Janganlah kalian memperlihatkan amal-amal keburukan kalian kepada orang-orang yang sudah meninggal di antara kalian, kerana amal-amal tersebut akan diperlihatkan kepada keluarga kalian yang berada di dalam kubur.”

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya dan al-Aṣbahani)

Ibn Abi ad-Dunya, Ibn Mundah dan Ibn 'Asakir menuturkan riwayat dari Ahmad ibn 'Abdillah ibn Abi al-Hiwari. Dia bercerita, "Saudaraku, Muhammad ibn 'Abdillah berkata kepadaku bahawa 'Ubad al-Khawwas pernah menemui Ibrahim ibn Ṣalih al-Hasyimi, seorang pemimpin Palestin. Ibrahim berkata kepadanya, 'Berikanlah nasihat kepadaku.' Lantas dia berkata, 'Telah sampai kepadaku berita bahawa amal perbuatan orang-orang yang masih hidup itu diperlihatkan kepada kaum kerabatnya yang sudah meninggal dunia. Oleh kerana itu, perhatikanlah amalan apa yang telah engkau perlihatkan kepada Rasulullah s.a.w.?"

Abu ad-Darda', sebagaimana dituturkan oleh Ibn Abi ad-Dunya pernah berdoa, "Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu agar tidak dibenci oleh pakcikku, 'Abdullah ibn Rawahah, jika aku bertemu dengannya kelak."

Dari Abu ad-Darda', Ibn al-Mubarak dan al-Asbahani menuturkan bahawa dia pernah berkata, "Sesungguhnya amal-amal kalian diperlihatkan kepada orang-orang yang sudah meninggal di antara kalian sehingga mereka dapat merasa senang ataupun bersedih."

Setelah itu, dia berdoa, "Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari amalan yang menjadikan aku dihinakan oleh 'Abdullah ibn Rawahah."

Ibn al-Mubarak kembali menuturkan riwayat dari Uthman ibn 'Abdillah ibn Aws, bahawa Sa'id ibn Jubair pernah berkata kepadanya, "Mintalah izin kepada puteri saudaraku, dia adalah isteri Uthman, puteri 'Amr ibn Aus."

Kemudian dia pun berangkat meminta izin untuknya agar dapat menemuinya. Setelah itu, dia masuk dan bertanya, "Bagaimana suamimu memperlakukan kamu?"

Dia menjawab, "Dia sentiasa berbuat baik kepadaku."

Selanjutnya dia berkata, "Wahai Uthman, berbuat baiklah kepadanya kerana engkau tidak berbuat sesuatu kepadanya melainkan akan diketahui oleh 'Amr ibn Aus."

Ditanyakan, "Apakah orang-orang yang sudah meninggal itu dapat mendengar tentang orang-orang yang masih hidup?"

Dia menjawab, "Ya, tidaklah seseorang yang sudah meninggal dan memiliki keluarga terdekat melainkan akan datang kepadanya amal perbuatan keluarganya

yang masih hidup. Jika baik, dia akan merasa senang dan bahagia. Jika buruk, dia akan berduka dan bersedih. Bahkan jika mereka menanyakan seseorang yang sudah meninggal, lalu ditanya balik, 'Apakah dia tidak mendatangi kalian?' Lalu mereka menjawab, 'Tidak', bererti dia dibawa ke neraka Hawiyah."

Sementara Abu Nu'aim menuturkan riwayat dari Ibn Mas'ud. Dia berkata, "Sambunglah hubungan dengan orang yang pernah menjalin hubungan dengan ayahmu kerana hubungan seorang mayat itu masih terus bersambung di alam kuburnya, jika engkau terus menjalin hubungan dengan orang yang pernah menjalin hubungan dengannya."

Ibn 'Umar menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, "Barangsiapa ingin menjalin hubungan dengan ayahnya yang berada di alam kuburnya, hendaklah dia menjalin hubungan saudara-saudara ayahnya setelah kematiannya."

(Hadis riwayat Ibn Hibban)

Abu Usaid as-Sa'idi menuturkan bahawa ada seseorang yang datang kepada Nabi s.a.w. seraya bertanya, "Ya Rasulullah, apakah masih mungkin berbakti kepada orang tua yang dapat aku lakukan setelah kematian mereka?"

Beliau menjawab, "Ya. Ada empat kriteria yang tersisa untukmu, iaitu: doa, memenuhi janji keduanya, memuliakan teman-teman mereka, serta menyambung silaturrahim yang menjadikan engkau tidak akan mendapatkan kasih sayang melainkan dari keduanya."

(Hadis riwayat Abu Daud dan Ibn Hibban)



Pelbagai Hal yang Menghalangi Roh Menempati Tempatnya yang Mulia

Abu Hurairah menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Jiwa seorang mukmin itu tergantung kerana hutangnya, hinggalah hutangnya dilangsaikan.”

(Hadis riwayat at-Tirmidzi, Ibn Majah dan al-Baihaqi)

Anas ibn Malik berkata, “Kami pernah bersama Rasulullah s.a.w, lalu beliau mendatangi seseorang yang sedang disolatkan. Beliau pun bertanya, ‘Apakah sahabat kalian ada yang memiliki hutang.’ Mereka menjawab, ‘Ya.’ Beliau lalu bersabda, ‘Lalu apa manfaatnya bagi kalian jika aku menyolatkan orang yang rohnya masih tergadai di dalam kuburnya dan rohnya pun tidak naik ke langit? Jika ada orang yang menjamin hutangnya, aku akan mengerjakan solat untuknya kerana sesungguhnya solatku akan bermanfaat baginya.”

(Hadis riwayat at-Tabrani)

Samrah ibn Jundab menuturkan bahawa Nabi s.a.w. pernah mengerjakan solat subuh. Setelah itu, beliau bertanya, “Apakah di sini ada seseorang dari Bani fulan? Sesungguhnya sahabat kalian ini ditahan di pintu syurga kerana hutangnya. Jika kalian berkehendak, tebuslah. Jika kalian berkehendak, kalian dapat menyerahkannya kepada azab Allah.”

(Hadis riwayat at-Tabrani, al-Baihaqi dan al-Asbahani)

Sementara Jabir r.a. menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w. tidak mahu menyembahyangkan seseorang yang meninggal dunia yang mempunyai hutang.

Lalu beliau mendatangi satu jenazah dan bertanya, “Apakah dia mempunyai hutang?”

Mereka menjawab, “Ya, dua dinar.”

“Kalau begitu solatkanlah teman kalian itu”, lanjut Rasulullah.

Selanjutnya Abu Qatadah al-Anşari menuturkan, “Jumlah tersebut (dua dinar) merupakan tanggunganku, ya Rasulullah.”

Setelah itu, beliau mengerjakan solat atasnya.

Sedangkan Ibn ‘Abbas menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah mengerjakan solat subuh. Setelah itu, beliau bertanya, “Apakah di sini ada seseorang dari kabilah Hudzail? Sesungguhnya sahabat kalian ditahan di pintu syurga kerana hutangnya.”

(Hadis riwayat al-Bazzar dan at-Tabrani)

Sa’id ibn al-Aṭṭa berkisah, “Ayah kami meninggal dunia dengan meninggalkan tiga ratus dirham, juga keluarga dan hutang. Aku bermaksud memberikan nafkah kepada keluarganya, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda, ‘Sesungguhnya ayahmu tertahan oleh hutangnya. Oleh kerana itu, bayarlah hutangnya itu.’”

(Hadis riwayat Ahmad)

Dari al-Barra’ ibn ‘Azib disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Orang yang berhutang itu diperangkap oleh hutangnya. Dia mengadukan dirinya kepada Allah sendirian.”

(Hadis riwayat Imam at-Tabrani).



Qais ibn Qabişah menuturkan sebuah hadis *marfu'* bahwa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Barangsiapa yang tidak berwasiat, tidak dizinkan baginya berbicara dengan orang yang sudah meninggal dunia."

Ditanyakan, "Ya Rasulullah, apakah orang yang sudah meninggal itu dapat berbicara?"

Beliau menjawab, "Ya dan mereka juga saling mengunjungi."

(Hadis riwayat Abu Syaikh dan Ibn Hibban dalam *al-Waşaya*)

Jabir juga meriwayatkan sebuah hadis *marfu'*, bahwa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Barangsiapa yang meninggal dunia dengan tidak meninggalkan wasiat, dia tidak akan diberi izin untuk berbicara sampai Hari Kiamat."

Ditanyakan, "Ya Rasulullah, apakah mereka juga berbicara sebelum Hari Kiamat?"

Beliau menjawab, "Ya dan sebahagian mereka saling mengunjungi sebahagian yang lain."

(Hadis riwayat Ahmad dan Hakim)

Melalui Sa'id ibn Khalid ibn Zaid al-Anşari, Ibn Abi ad-Dunya menuturkan riwayat seorang penduduk Başrah yang biasa menggali kubur. Dia bercerita sebagai berikut:

Pada suatu hari, aku pernah menggali lubang kubur, lalu aku menyandarkan kepalaku di dekatnya. Tiba-tiba ada dua wanita mendatangkiku dalam tidurku. Salah seorang di antaranya berkata, "Wahai hamba Allah, aku bersumpah kepadamu, demi Allah. Jika tidak, wanita ini dipalingkan dan dijauhkan dari kami."

Lalu aku terbangun dalam keadaan ketakutan, tiba-tiba telah didatangkan jenazah seorang wanita dan kukatakan, “Kubur berada di belakang kalian.”

Aku lalu membawa mereka ke kubur yang lain. Ketika malam menjelma, tiba-tiba bersamaku ada dua orang wanita, salah satunya berkata kepadaku, “Semoga Allah memberi balasan atas kebaikanmu. Engkau telah memalingkan kami dari kesusahan yang panjang.”

Lebih lanjut kutanyakan, “Mengapa sahabatmu itu tidak berbicara denganku seperti engkau berbicara kepadaku?”

Dia menjawab, “Wanita ini meninggal dunia tanpa meninggalkan wasiat. Bagi orang yang meninggal dunia dengan tidak memberikan wasiat, dia tidak diberi hak untuk berbicara sampai Hari Kiamat kelak.”

Abu Hadbah menuturkan hadis dari Anas ibn Malik. Disebutkan bahwa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Aku pernah bermimpi melihat dua orang wanita. Salah satunya berbicara, sementara yang satunya lagi tidak berbicara. Keduanya adalah penghuni syurga. Lalu kutanyakan kepadanya, ‘Engkau berbicara sedangkan temanmu ini tidak.’ Wanita itu menjawab, ‘Aku meninggal dan telah berwasiat. Sementara dia meninggal dunia tetapi tidak meninggalkan wasiat, sehingga dia tidak dapat berbicara sampai Hari Kiamat.’”

(Hadis riwayat ad-Dailami)



Pertemuan Arwah Orang Mati dan Arwah Orang Hidup dalam Tidur

Mengenai hal ini, telah dikemukakan *athar* dari Salman dan Abdullah ibn Salam. Ibn al-Qayyim mengatakan bahawa bukti dan dalil mengenai hal ini sangat banyak dan tidak terhitung. Realiti adalah bukti yang paling konkrit bahawa para arwah orang-orang yang masih hidup saling bertemu dengan arwah orang-orang yang sudah meninggal. Allah s.w.t. sendiri berfirman:

اللَّهُ يَتَوَفَّى الْأَنْفُسَ حِينَ مَوْتِهَا وَالَّتِي لَمْ تَمُتْ فِي مَنَامِهَا فَيُمْسِكُ الَّتِي قَضَىٰ
عَلَيْهَا الْمَوْتَ وَيُرْسِلُ الْأُخْرَىٰ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى

Allah memegang jiwa-jiwa manusia ketika kematiannya dan (memegang) jiwa orang-orang yang belum mati pada waktu tidurnya. Kemudian Dia menahan jiwa (orang) yang telah Dia tetapkan kematiannya dan melepaskan jiwa yang lain sampai waktu yang ditentukan.

(Surah az-Zumar: 42)

Mengenai firman Allah di atas, Baqi ibn Mukhallid, Ibn Mundah dalam *ar-Ruh* dan at-Ṭabrani dalam *al-Awsat*, melalui Sa'id ibn Jubair menuturkan riwayat dari Ibn 'Abbas. Dia mengatakan, "Telah sampai kepadaku berita yang menyatakan bahawa arwah orang-orang yang masih hidup dan arwah orang-orang yang sudah mati itu saling bertemu di dalam tidur. Mereka saling bertanya antara satu dengan yang lainnya, lalu Allah menahan arwah orang-orang yang sudah meninggal dunia dan

mengirimkan arwah orang-orang yang masih hidup ke jasadnya masing-masing.”

Sementara as-Sadi, sebagaimana dituturkan Ibn Abi Hatim (masih mengenai firman Allah s.w.t. di atas) mengatakan, “Allah mematakannya dalam tidurnya, sehingga roh orang yang masih hidup bertemu dengan roh orang yang sudah meninggal; mereka saling mengenang dan berkenalan. Setelah itu, roh orang yang masih hidup kembali ke jasadnya di dunia sampai waktu yang ditentukan, sedangkan roh yang sudah meninggal dunia ingin juga kembali ke jasadnya tetapi ditahan.”

Masih mengenai firman Allah di atas, Juwaibir menuturkan riwayat dari Ibn ‘Abbas. Dia mengatakan, “Ada tali yang menghubungkan timur dan barat, langit dan bumi. Arwah orang-orang yang sudah meninggal dan arwah orang-orang yang masih hidup juga terhubung oleh hal tersebut; jiwa orang meninggal bergantung kepada jiwa orang yang masih hidup. Jika arwah orang yang masih hidup itu diizinkan kembali ke jasadnya untuk mendapatkan rezekinya, maka arwah orang yang sudah meninggal itu ditahan.”

Sedangkan dalam *al-Firdaus* disebutkan bahawa Abu ad-Darda’ bertutur, “Jika seseorang meninggal dunia, dia akan dibawa mengelilingi rumahnya selama satu bulan dan mengelilingi kuburnya selama satu tahun; selanjutnya dia akan dibawa naik ke suatu sebab yang mempertemukan arwah orang-orang yang masih hidup dengan arwah orang-orang yang sudah meninggal.”

Ibn al-Qayyim mengatakan, “Di antara dalil yang menunjukkan bertemunya arwah orang hidup dan orang mati adalah bahawa orang hidup masih dapat melihat orang mati dalam tidurnya, lalu orang mati itu memberitahunya mengenai berita ghaib, sehingga dia (orang hidup) mendapatkan apa yang diberitahukan kepadanya.”

Berkenaan hal tersebut, Abu Muhammad ibn Khalaf ibn ‘Amr al-‘Ikbari menerima khabar dari Abu Ja’far Muhammad ibn ‘Salih ibn Rafi’ ibn Duraih al-‘Ikbari, Isma’il ibn Bahram dan al-Asyja’i. Al-Asyja’i menerimanya dari seorang syekh. Disebutkan bahawa Ibn Sirin mengatakan, “Apa yang diberitahukan oleh seseorang yang telah meninggal kepada engkau adalah suatu kebenaran, kerana dia berada di rumah kebenaran (akhirat).”

Ibn Abi ad-Dunya dan Ibn al-Jawzi menuturkan riwayat dari Syahr ibn

Hawsyib. Disebutkan bahawa Şa'ab ibn Juthamah dan 'Auf ibn Malik telah lama menjalin persaudaraan. Şa'ab berkata kepada 'Auf, "Saudaraku, siapa sahaja yang meninggal lebih dahulu di antara kita, hendaklah dia memperlihatkan diri kepada yang lainnya."

'Auf bertanya, "Apakah hal itu boleh terjadi?"

"Ya", jawabnya.

Dikisahkan bahawa Şa'ab meninggal dunia lebih dahulu. 'Auf pun melihatnya di dalam tidurnya. Dia bertanya, "Bagaimana perlakuan Allah terhadapmu?"

Şa'ab menjawab, "Aku diberikan ampunan setelah menghadapi kesusahan."

Selanjutnya 'Auf berkata sebagai berikut:

Aku melihat kilauan berwarna hitam yang melingkar di leher Şa'ab. Aku bertanya, "Apa yang melingkar di lehermu itu?"

Dia menjawab, "Ini adalah sepuluh dinar yang kupinjam dari si fulan, seorang Yahudi. Wang itu berada di dalam sarung anak panah milikku. Oleh kerana itu, ambil dan berikanlah kepadanya. Ketahuilah, tidak akan terjadi sesuatu pada keluargaku setelah kematianku ini melainkan telah sampai beritanya kepadaku, sampai kucing keluargaku yang mati beberapa hari yang lalu sekalipun. Ketahuilah, puteriku akan meninggal enam hari lagi. Oleh kerana itu, berikanlah nasihat kebaikan kepadanya."

Setelah bangun pagi, aku langsung berangkat menemui keluarganya. Selanjutnya aku melihat sarung anak panah tersebut dan kulihat memang ada sepuluh dinar. Kemudian aku diutus untuk berangkat menemui orang Yahudi tersebut dan kutanyakan, "Apakah engkau mempunyai sesuatu pada Şa'ab?"

Dia menjawab, "Semoga Allah memberi rahmat kepada Şa'ab. Dia adalah salah satu sahabat pilihan Nabi s.a.w. Aku pernah meminjamnya sepuluh dinar dan telah kuserahkan kepadanya."

'Auf berkata, "Demi Allah, ini dia wang itu masih utuh."

Melanjutkan ceritanya, 'Auf bertanya kepada keluarga Şa'ab, "Apakah pada kalian pernah terjadi sesuatu setelah kematian Şa'ab?"

Mereka menjawab, “Ya.”

Mereka menyebutkan begini dan begitu hingga akhirnya menyebutkan kematian kucing mereka. Kutanyakan, “Di mana anak saudaraku?”

“Dia sedang bermain”, jawabnya.

Setelah itu, aku langsung mendatangnya dan kupegang. Ternyata dia sedang sakit, lalu kukatakan, “Berikanlah nasihat kebaikan kepadanya.”

Setelah enam hari kemudian, anak saudaranya itu pun meninggal dunia.

Ibn al-Mubarak menuturkan riwayat dari ‘Aṭīyyah ibn Qais yang diterimanya dari ‘Auf ibn Malik al-Asyja’i. Dia menjalin persaudaraan dengan seseorang yang bernama Muhlim. Suatu hari, ‘Auf mendatangnya seraya berkata, “Muhlim, jika ada kesempatan datanglah kepada kami dan beritahulah apa perlakuan terhadapmu.”

Muhlim pun berkata, “Jika hal itu terjadi kepadaku, aku akan melakukannya.”

Diceritakan bahwa Muhlim kemudian meninggal. Setahun kemudian, ‘Auf melihatnya dalam mimpinya. Dia bertanya, “Muhlim, apa yang engkau lakukan dan apa yang dilakukan kepadamu?”

Dia menjawab, “Semua pahala kami telah diberikan.”

‘Auf bertanya, “Apakah semua orang dari kalian?”

Dia menjawab, “Ya, kami semuanya kecuali orang-orang yang berbuat kejahatan. Mereka adalah orang-orang yang terakhir binasa dalam keburukan. Demi Allah, semua pahalaku telah diberikan kepadaku, bahkan sampai pahala dari kucing yang tersesat yang kuserahkan kepada keluargaku satu malam sebelum kematianku.”

Pagi harinya ‘Auf terbangun, lalu berangkat menemui isteri Muhlim. Ketika memasuki rumahnya, isteri Muhlim berkata, “Selamat datang, ziarah kepada Şa’ab setelah kepada Muhlim.”

Lalu ‘Auf bertanya, “Apakah engkau pernah melihat Muhlim setelah kematiannya?”

Isterinya menjawab, “Ya, semalam. Dia memintaku mengizinkannya pergi bersama puteriku.”

Selanjutnya ‘Auf memberitahukan kepada isterinya apa yang dilihatnya dalam

mimpi, sampai akhirnya dia juga menceritakan kucing yang tersesat itu. Isterinya lantas berucap, “Mengenai kucing itu, aku sama sekali tidak mengetahuinya. Pembantu-pembantuku lebih tahu soal itu.”

Setelah itu, dia memanggil para pembantunya dan bertanya kepada mereka, hingga akhirnya mereka memberitahunya, bahwa mereka memang disertai kucing yang tersesat satu malam sebelum kematian Muhlim. Muhlim adalah putera Ibn Juthamah, saudaranya Şa’ab.

Abu Syaikh Ibn Hibban dalam *al-Waṣāya*, al-Hakim dalam *al-Mustadrak*, al-Baihaqi dalam *Dala’il an-Nubuwwah* dan Abu Nu’aim menuturkan riwayat dari ‘Aṭa al-Khurasani. Dia menuturkan berita dari puteri Ṭabit ibn Qais ibn Syamas bahwa Ṭabit telah terbunuh pada peristiwa al-Yamamah dalam keadaan masih memakai baju besinya yang bagus. Lalu ada seseorang dari kalangan kaum Muslim yang melintasinya dan mengambil baju besi tersebut. Ketika seseorang yang juga dari kalangan kaum Muslim tidur, tiba-tiba di dalam mimpinya dia didatangi oleh Ṭabit seraya mengatakan, “Aku berwasiat kepadamu, janganlah engkau mengatakan, ‘Ini adalah santunan.’ Setelah itu, engkau menghilangkannya. Ketika aku terbunuh kelmarin, ada seseorang dari kaum Muslim yang melintasiku dan mengambil baju besiku. Rumah orang itu sangat jauh. Di khemahnya ada seekor kuda yang ditutupi dengan kain dalam keadaan terikat. Dia meletakkan kualinya di atas baju besi itu, sedang di atas kualinya terdapat pelana. Kerananya, datanglah kepada Khalid ibn Walid dan perintahkan kepadanya untuk mengirim utusan untuk mengambil baju besiku itu. Jika engkau telah sampai di Madinah dan bertemu dengan Khalifah Abu Bakar aṣ-Ṣiddiq, katakan kepadanya, ‘Sesungguhnya aku mempunyai hutang sekian dan si fulan, budakku telah bebas.’”

Kemudian orang itu mendatangi Khalid dan memberitahukan apa yang diperintahkan kepadanya. Khalid lalu mengirimkan utusan untuk mengambil baju besi itu, hingga akhirnya utusan itu kembali dengan membawa baju besi tersebut.

Selanjutnya orang itu memberitahukan mimpinya itu kepada Abu Bakar. Abu Bakar menyetujui wasiat tersebut. Dia mengatakan, “Kami tidak mengetahui seorang pun yang wasiatnya disetujui setelah kematiannya selain Ṭabit ibn Qais.”

Al-Hakim dalam *al-Mustadrak* dan al-Baihaqi dalam *Dala’il an-Nubuwwah* menuturkan riwayat dari Kathir ibn aṣ-Ṣilat. Dia menceritakan bahwa ‘Uthman

pernah pengsan pada hari ketika dia terbunuh, lalu dia tersedar dan berkata, “Sesungguhnya aku telah melihat Rasulullah s.a.w. dalam tidurku tadi. Beliau berkata, ‘Sesungguhnya engkau hadir bersama kami pada hari Jumaat.’”

Sementara dari Ibn ‘Umar dituturkan bahawa ‘Uthman ibn ‘Affan r.a. bangun pada pagi hari dan berkata, “Sesungguhnya aku telah melihat Nabi s.a.w. dalam tidurku tadi malam dan beliau berucap, ‘Sesungguhnya engkau hadir bersama kami pada hari Jumaat.’”

Masih dari Ibn ‘Umar disebutkan bahawa ‘Uthman ibn ‘Affan bangun pagi dan mengatakan, “Sesungguhnya aku telah melihat Nabi s.a.w. dalam tidurku tadi malam. Baginda berkata, “‘Uthman, berbukalah bersama kami.’ Lalu ‘Uthman bangun pagi dalam keadaan berpuasa, sehingga dia terbunuh pada hari itu juga.”

Al-Hakim menuturkan riwayat dari Husain ibn Kharijah. Dia bercerita sebagai berikut:

Ketika fitnah pertama, aku menghadapi kesulitan. Lalu aku berdoa, “Ya Allah, perlihatkanlah kepadaku sesuatu dari kebenaran agar aku dapat berpegang padanya.”

Kemudian diperlihatkan kepadaku dunia dan akhirat seperti halnya diperlihatkan kepada orang yang sedang tidur. Antara dunia dan akhirat itu, terdapat dinding pembatas yang tidak terlalu tinggi dan ternyata aku berada di bawahnya. Lalu kukatakan, “Jika sahaja aku dapat menaiki dinding ini sehingga aku dapat menyaksikan mayat-mayat kabilah Asyja’ dan mereka mengkhobariku.”

Setelah itu, aku menuruni tanah yang di dalamnya terdapat pepohonan. Ternyata ada beberapa orang sedang duduk-duduk di sana. Kutanyakan, “Apakah kalian ini para syuhada?”

Mereka menjawab, “Kami adalah para malaikat.”

“Lalu, di mana para syuhada?” tanyaku.

Mereka menjawab, “Naiklah ke beberapa tingkat.”

Lantas aku pun segera menaiki satu tingkat. Ternyata aku sudah bersama Nabi Muhammad s.a.w. dan juga Ibrahim yang sudah sangat tua. Beliau berkata kepada Ibrahim, “Mohonkanlah ampunan untuk umatku.”

Ibrahim lantas berkata, “Sesungguhnya engkau tidak mengetahui apa yang mereka lakukan setelah kematianmu. Mereka menumpahkan darah mereka dan membunuh imam-imam mereka. Mereka berbuat seperti apa yang dilakukan oleh Sa’ad, temanku.”

Kukatakan, “Demi Allah, aku telah menyaksikan suatu pemandangan. Semoga Allah akan memberikan manfaat kepadaku dengan pemandangan tersebut.”

Lalu aku berangkat dan melihat bagaimana keadaan tempat Sa’ad itu sehingga aku dapat bersamanya. Setelah itu, aku mendatangi Sa’ad dan kuceritakan kisah itu kepadanya, lalu terlihat dia sangat bahagia. Sa’ad mengatakan, “Rugilah orang yang tidak menjadikan Ibrahim sebagai temannya.”

Kutanyakan, “Bersama kelompok mana engkau berada?”

Dia menjawab, “Aku tidak berada pada kelompok mana pun dari keduanya.”

“Lalu, apa yang harus aku lakukan?” tanyaku.

“Apakah engkau mempunyai kambing?” sahutnya.

“Tidak”, jawabku.

Dia lantas berkata, “Belilah beberapa kambing dan sembelihlah sehingga tersingkap olehmu.”

Al-Hakim dan al-Baihaqi menuturkan bahwa Salma pernah bercerita sebagai berikut:

Aku pernah masuk menemui Ummu Salamah. Waktu itu dia sedang dalam keadaan menangis. Aku bertanya, “Mengapa engkau menangis?”

Dia menjawab, “Aku telah melihat Rasulullah s.a.w. menangis dalam tidurku. Di atas rambut dan janggutnya terdapat debu. Aku bertanya kepada baginda, ‘Apa yang terjadi padamu, ya Rasulullah?’ Baginda menjawab, ‘Aku menyaksikan pembunuhan al-Husain tadi.’”

Al-Hakim juga menuturkan bahwa Mu’ammarr pernah bercerita sebagai berikut:

Seorang syeikh memberitahu kami, bahwa ada seorang wanita datang kepada beberapa isteri Rasulullah s.a.w. Lalu wanita itu bertanya kepadanya, “Berdoalah

kepada Allah agar Dia menyembuhkan tanganku ini.”

“Tanganmu kenapa?” tanya isteri Nabi s.a.w.

Wanita itu menjawab, “Kedua orang tuaku adalah orang kaya, baik harta mahupun kebaikan. Akan tetapi, pada ibuku kebaikan itu tidak kutemukan sedikit pun. Aku tidak pernah melihatnya bersedekah sedikit pun, kecuali ketika kami pernah menyembelih lembu. Lalu ibuku memberikan lemaknya kepada seorang miskin dan memakaikan kepadanya secarik kain. Tidak lama kemudian ibuku meninggal dunia dan disusuli oleh ayahku.

Setelah itu, aku bermimpi melihat ayahku berada di sungai sedang memberi minum kepada orang ramai lalu kutanyakan, “Ayah, apakah ayah melihat ibu?”

“Tidak”, jawabnya. Kemudian aku berusaha mencari ibuku hingga akhirnya aku menemukannya sedang berdiri dalam keadaan telanjang, tidak mengenakan sesuatu apa pun kecuali hanya secarik kain yang diberikannya kepada si miskin, sedangkan di tangannya memegang lemak tersebut dan dia memukul-mukul lemak itu dari satu tangan ke tangannya yang lain, seraya mengisap bekas-bekas lemak itu seraya berkata, “Haus, haus!”

Kemudian aku bertanya kepadanya, “Ibu, mahukah ibu aku beri minum?”

Dia menjawab, “Mahu.”

Lalu aku pergi menemui ayahku dan mengambil darinya bekas dan memberi ibuku air darinya. Akan tetapi, aku diperingatkan oleh sebahagian orang yang ada di sisinya dan kemudian mendatangi seraya berkata, “Barangsiapa yang memberikan minum kepadanya (ibuku), Allah akan melumpuhkan tangannya.”

Setelah itu, aku terbangun dan tanganku sudah dalam keadaan lumpuh.

Dalam rangka mempertegas hakikat bahawa roh orang hidup itu keluar dari jasadnya ketika sedang tidur, lalu dia pergi ke mana sahaja sesuai dengan kehendak Allah s.w.t. dan bertemu dengan arwah yang lain, di bawah ini ada beberapa dalil berkaitan dengan hal tersebut.

Al-Hakim dalam *al-Mustadrak*, at-Ṭabrani dalam *al-Awsaṭ* serta al-‘Uqaili menuturkan riwayat dari Ibn ‘Umar r.a. Dia bercerita bahawa suatu saat ‘Umar ibn al-Khaṭṭab pernah bertemu dengan ‘Ali ibn Abi Ṭalib dan berkata, “Abu al-Hasan,

ada seseorang yang bermimpi; sebahagiannya benar dan sebahagiannya lagi ada yang tidak benar.”

Ali pun berkata, “Benar, aku pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, “Tidaklah seorang hamba, baik lelaki mahupun perempuan tidur dengan nyenyak melainkan rohnya dibawa naik ke ‘Arasy. Yang tidak bangun kecuali setelah rohnya berada di ‘Arasy, itulah mimpi yang benar. Sedangkan yang bangun sebelum rohnya sampai ke ‘Arasy, itu adalah mimpi yang bohong.”

‘Abdullah ibn ‘Amr ibn al-‘Aṣ berkata, “Sesungguhnya arwah orang hidup itu dibawa naik ke langit ketika sedang tidur. Dia diperintahkan bersujud ketika di ‘Arasy. Barangsiapa yang berada dalam keadaan suci, dia akan bersujud di ‘Arasy. Barangsiapa yang tidak suci, dia akan bersujud di tempat yang jauh dari ‘Arasy.”

(Hadis riwayat al-Baihaqi)

Sedangkan Ibn al-Mubarak menuturkan riwayat dari Abu ad-Darda’. Dia mengatakan, “Jika manusia ini tidur, rohnya dibawa naik sehingga sampai di ‘Arasy. Jika dia dalam keadaan suci, diizinkan baginya bersujud; jika dia dalam keadaan junub, tidak diizinkan baginya bersujud.”

Dalam *Nawadir al-Uṣul* dengan *sanad dha’if*, al-Hakim menuturkan riwayat dari ‘Ubadah ibn aṣ-Ṣamit, bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Mimpi seorang mukmin merupakan kalam yang diucapkan seorang hamba kepada Tuhannya di dalam tidurnya.”

Sementara dari Khuzaimah diceritakan, “Aku pernah bermimpi dalam tidurku seakan-akan aku bersujud di atas dahi Nabi s.a.w., lalu aku memberitahukannya kepada beliau dan beliau berkata, ‘Sesungguhnya roh itu dapat bertemu dengan roh yang lain.’”

(Hadis riwayat an-Nasa’i)

Dalam *Ruh al-Yaqazah*, Syaikh ‘Izzuddin ibn ‘Abdissalam mengatakan, “Allah telah melakukan kebiasaan. Tatkala roh berada di dalam jasad seseorang, dia dalam keadaan terjaga; jika roh itu keluar dari jasad, dia dalam keadaan tidur. Jika telah terpisah dari jasad, roh itu akan mengalami pelbagai mimpi. Jika roh itu bermimpi di langit, mimpinya itu benar kerana tidak ada jalan bagi syaitan untuk sampai ke langit. Jika dia bermimpi di bawah langit, yang demikian itu adalah helah syaitan. Jika roh itu telah kembali ke jasadnya, orang itu akan bangun seperti sediakala.”

‘Ikrimah dan Mujahid mengatakan, “Jika seseorang itu tidur, ada jalan padanya yang menjadi tempat bagi roh keluar dari jasadnya, sehingga roh itu sampai ke mana sahaja sesuai dengan kehendak Allah. Selama roh itu masih belum kembali, dia masih akan terus tidur. Jika telah kembali ke jasadnya, dia pun akan terjaga. Kedudukannya sama seperti sinar matahari. Sinar itu sampai ke bumi padahal sebenarnya masih tetap ada pada matahari.”

Ibn Mundah menuturkan riwayat dari sebahagian ulama, bahawa roh itu memancar keluar dari dalam mulutnya dan sumber asalnya ada di badannya. Jika roh itu keluar dari badannya secara keseluruhan, dia akan mati; sebagaimana lampu minyak tanah, jika sumbunya dicabut secara keseluruhan lampu itu pasti akan mati. Bukankah sumber api itu ada pada sumbu tersebut sedangkan sinarnya menyinari seluruh ruangan rumah? Seperti itu juga roh itu memancar dari mulut seseorang dalam tidurnya, berjalan-jalan menelusuri seluruh alam ini dan diperlihatkan kepadanya malaikat yang bertugas menjaga arwah manusia dan setelah itu kembali ke badannya.

Abu Syaikh menuturkan bahawa ‘Ikrimah pernah ditanya mengenai seseorang yang bermimpi di dalam tidurnya seakan-akan dia berada di Khurasan, di Syam suatu tempat yang belum pernah didatanginya. Lalu dia menjawab, “Roh itu mengetahuinya. Roh itu tetap melekat pada jiwanya. Jika dia terjaga, jiwanya itu menarik roh tersebut.

Mengenai firman Allah, “*Dialah yang mewafatkan (menidurkan) kalian di malam hari*”, ‘Ikrimah mengatakan, “Tidak ada malam melainkan Allah mencabut arwah manusia secara keseluruhan. Lalu setiap roh itu ditanya mengenai apa yang telah dilakukan jasad yang ditempatinya pada siang hari, kemudian Dia memanggil malaikat maut seraya berfirman, “Cabutlah nyawa ini dan itu.”



Berita dari Orang yang Bermimpi Bertemu dengan Orang yang Sudah Mati

Ibn Abi ad-Dunya dalam *al-Manamat* dan Ibn Sa'ad dalam *al-Ṭabaqat* menuturkan riwayat dari Muhammad ibn Ziyad al-Alhani, bahwa 'Asif ibn Harth pernah berkata kepada 'Abdullah ibn 'Aidz ath-Thimali aṣ-Ṣahabi r.a. menjelang kematiannya, "Jika mungkin, temuilah kami dan beritahukan apa yang engkau temui setelah kematian nanti."

Beberapa hari setelah meninggal, 'Abdullah pun menemuinya dalam mimpi 'Asif. Dalam mimpinya itu, 'Asif berkata, "Mahukah engkau memberitahu kami?"

Dia menjawab, "Kami terselamat setelah hampir sahaja tergelincir. Kami berhasil selamat setelah menjalani pelbagai kesulitan. Ternyata Tuhan kami adalah sebaik-baik Tuhan. Dia mengampuni dosa, serta menghapuskan pelbagai kesalahan, kecuali kepada *al-Ahradh*?"

"Siapakah *al-Ahradh* itu?" tanyanya.

Dia menjawab, "Iaitu yang ditunjukkan kepada mereka jari-jari ke arah kejahatan."

Masih diriwayatkan oleh Ibn Abi ad-Dunya dari Abu Zahiriyah. Dia menceritakan bahawa 'Abdul A'la ibn 'Adi pernah mengunjungi Ibn Abi Bilal al-Khuzai, lalu 'Abdul A'la berkata kepadanya, "Sampaikan salamku kepada Rasulullah. Jika mungkin, hendaklah engkau menemui kami dan kami akan mengetahui hal

itu.”

Sedangkan Ummu ‘Abdillah adalah saudara perempuan Ibn Zahiriyah di bawah Ibn Abi Bilal. Tiga hari setelah kematiannya itu, Ummu ‘Abdillah bermimpi melihatnya berkata, “Baru tiga hari kematian, puteriku (Ummu ‘Abdillah) sudah menemuiku. Apakah engkau mengenal ‘Abdul A’la?”

“Tidak”, jawabnya.

Lalu dia berkata, “Carilah orang ini dan beritahukan kepadanya bahawa aku telah menyampaikan salamnya kepada Rasulullah s.a.w. dan beliau pun membalasnya.”

Setelah itu, Ummu ‘Abdillah memberitahukan hal itu kepada saudaranya (Abu Zahiriyah) hingga Abu ‘Abdillah menyampaikannya kepada ‘Abdul A’la.

Ibn Ayyub bercerita bahawa ada dua orang yang saling berjanji siapa yang lebih dahulu meninggal dunia, dia akan memberitahu temannya tentang apa yang diketahuinya. Lalu salah seorang dari keduanya pun meninggal dunia, kemudian temannya yang masih hidup bertemu dengannya dalam mimpi. Dia bertanya, “Saudaraku, apa yang dikerjakan al-Hasan?”

Dia menjawab, “Dia menjadi raja yang selalu ditaati di syurga.”

“Lalu apa pula yang dikerjakan Ibn Sirin?” tanyanya.

Dia menjawab, “Dia berbuat sekehendak hatinya dan mengikuti nafsunya. Di antara keduanya ada jarak sangat jauh.”

“Saudaraku, dengan apa al-Hasan mengetahui hal itu?” tanyanya.

Dia menjawab, “Dengan rasa takut yang sangat mendalam.”

Dari Muhammad ibn Yahya al-Jahdari, Ibn ‘Adi dan Ibn ‘Asakir menuturkan bahawa Ibn al-Ajlah pernah bercerita sebagai berikut:

Ayahku pernah berkata kepada Salmah ibn Kuhail, “Jika engkau meninggal dunia sebelumku, lalu mampu menemuiku dalam tidurku dan memberitahu apa yang engkau alami, maka lakukanlah.”

Salmah juga berkata, “Demikian juga jika engkau meninggal dunia sebelumku, lalu mampu menemuiku dalam tidurku dan memberitahu apa yang engkau alami, maka lakukanlah.”

Akhirnya, Salmah meninggal dunia sebelum al-Ajlah. Lalu ayahku berkata kepadaku, “Puteraku, ketahuilah bahawa Salmah telah menemuiku dalam tidurku. Lalu kukatakan kepadanya, ‘Bukankah engkau telah meninggal dunia?’ Dia menjawab, ‘Sesungguhnya Allah telah menghidupkan diriku.’ Kutanyakan, ‘Bagaimana engkau melihat Tuhanmu?’ dia menjawab, ‘Dia itu sangat Penyayang.’ Aku bertanya lagi, ‘Amal perbuatan apa yang menurutmu paling afdhal yang dapat digunakan umat manusia ini untuk bertaqarrub kepada-Nya?’ Jawabnya, ‘Menurutku, tidak ada amal yang lebih mulia bagi mereka daripada solat malam.’ Kutanyakan pula, ‘Bagaimana engkau melihat urusan di sana?’ Dia menjawab, ‘Semuanya serba mudah, tetapi janganlah kamu menganggap remeh.”

Imam Ahmad dalam *al-Zuhd* dan Ibn Sa’ad dalam *aṭ-Ṭabaqat* menuturkan riwayat dari ‘Abbas ibn ‘Abdul Muṭallib r.a. Dia berkata, “Umar ibn al-Khaṭṭab r.a. adalah teman dekatku. Sepeninggalannya, selama setahun penuh aku terus berdoa agar dia diperlihatkan padaku dalam tidurku. Akhirnya, aku berhasil melihatnya melalui mimpi setelah setahun penuh, tatkala dia terlihat membersihkan peluh dari dahinya. Kutanyakan kepadanya, ‘Amirul mukminin, apa yang diperbuat Tuhanmu kepadamu?’ Dia menjawab, ‘Ini adalah waktu luangku, hampir sahaja keteguhanku goyang. Tuhanku sangat Pengasih lagi Penyayang.”

Sementara Ibn Sa’ad menuturkan riwayat dari Salim ibn ‘Abdillah. Dia bercerita bahawa pernah ada seseorang dari kaum Anṣar berkata, “Aku berdoa kepada Allah memohon agar Dia memperlihatkan ‘Umar ibn al-Khaṭṭab kepadaku dalam tidurku. Aku berhasil melihatnya setelah dua puluh tahun, tatkala dia sedang mengelap peluh dari dahinya. Lalu kutanyakan, ‘Amirul mukminin, apa yang engkau kerjakan di sana?’ Dia menjawab, ‘Sekarang aku dalam keadaan berehat (tidak lagi dihisab). Kalau bukan kerana rahmat Tuhanku, nescaya aku sudah binasa.”

Sedangkan dari ‘Abdullah ibn ‘Amr ibn al-‘Aṣ, Ibn Sa’ad menuturkan bahawa dia berkata:

Tidak ada yang lebih ingin aku ketahui melebihi keinginanku mengetahui keadaan ‘Umar. Lalu aku bermimpi melihat istana dan kutanyakan, “Untuk siapa istana ini?”

Mereka menjawab, “Untuk ‘Umar.”

Setelah itu, ‘Umar pun keluar dari istana tersebut dengan membawa tuala,

sepertinya dia baru selesai mandi. Aku bertanya, “Apa yang engkau alami?”

Dia menjawab, “Keadaanku baik-baik sahaja, hampir sahaja kekuatanku membinasakanku, untung aku mendapatkan Tuhanku Maha Pengampun.”

“Apa yang engkau lakukan?” tanyaku.

Dia menjawab, “Berapa lama aku sudah meninggalkan kalian?”

“Dua puluh tahun”, jawabku.

Dia berkata, “Sekarang aku sudah lepas dari hisab.”

Ibn ‘Asakir menuturkan riwayat dari Muṭarrif bahawa dia pernah melihat ‘Uthman ibn ‘Affan r.a. di dalam tidurnya. Dia bercerita, “Aku melihatnya memakai pakaian hijau. Kutanyakan kepadanya, ‘Amirul mukminin, apa yang telah diperbuat Allah kepada engkau?’ Beliau menjawab, ‘Allah berlaku baik kepadaku.’ Aku bertanya lagi, ‘Agama apa yang paling baik?’ Beliau menjawab, ‘Iaitu agama yang lurus dan tidak menumpahkan darah.”

Sedangkan Ibn Abi ad-Dunya menuturkan riwayat dari Muhammad ibn Nadhar al-Harithi. Disebutkan bahawa Musallamah ibn ‘Abdul Malik pernah melihat ‘Umar ibn ‘Abdul ‘Aziz setelah wafatnya. Dia bertanya, “Amirul mukminin, seandainya aku boleh tahu; ke mana engkau dikembalikan setelah kematian engkau?”

Dia menjawab, “Musallamah, sekarang ini adalah waktu lepas dari semua urusan. Demi Allah, aku belum beristirahat sampai sekarang.”

“Lalu di manakah engkau berada?”

Dia menjawab, “Aku bersama orang-orang yang mendapat petunjuk, di syurga ‘Adn.”

Ibn Abi Syaibah dan Ibn Abi ad-Dunya menuturkan riwayat dari Muhammad ibn Sirin. Dia bercerita, “Aku pernah melihat Aflah dalam mimpi, padahal dia telah terbunuh pada peristiwa Hurrah. Aku bertanya, ‘Bukankah engkau sudah meninggal dunia?’ Dia menjawab, ‘Ya’, jawabnya. ‘Lalu apa yang telah engkau lakukan?’ tanyaku. ‘Kebaikan’, jawabnya. Aku bertanya lagi, ‘Apakah engkau termasuk para syuhada?’ Dia menjawab, ‘Tidak, sesungguhnya jika kaum Muslim saling berperang, lalu sebahagian mereka membunuh sebahagian lainnya, maka

mereka itu bukan termasuk para syuhada, melainkan *nudama'* (orang-orang yang menyesal).”

Dari Abu Maysarah 'Amr ibn Syarhabil, Ibn Sa'ad menuturkan bahawa dia bercerita, “Aku bermimpi seakan-akan aku dimasukkan ke syurga lalu ditebarkan kubah-kubah. Aku bertanya, ‘Untuk siapakah kubah-kubah ini?’ Mereka menjawab, ‘Untuk Dzul Kila’ dan Hawsyib kerana keduanya termasuk orang yang dibunuh bersama Mu’awiyah. Kutanyakan, ‘Di manakah ‘Ammar dan sahabat-sahabatnya?’ Jawab mereka, ‘Di hadapanmu.’ Aku bertanya lagi, ‘Bukankah mereka saling membunuh di antara mereka?’ Dikatakan, ‘Sesungguhnya mereka telah menemui Allah dan mereka mendapatkan Allah itu Maha Pengampun.’ Kutanyakan pula, ‘Lalu apa yang dikerjakan oleh kaum Khawarij?’ Mereka menjawab, ‘Mereka bertemu dalam keadaan bersedih.’”

Dalam *al-Manamat*, Ibn Abi ad-Dunya menuturkan riwayat dari Abu Bakar al-Khayat. Dia bercerita, “Aku pernah bermimpi seakan-akan aku memasuki kubur. Tiba-tiba terlihat olehku para penghuni kubur itu duduk di atas kubur mereka masing-masing. Di hadapan mereka terdapat *rayhan*. Tiba-tiba aku melihat Mahfuzh berdiri di tengah-tengah mereka, pulang dan pergi. Lalu kutanyakan, ‘Mahfuzh, apa yang diperbuat Tuhanmu kepadamu? Bukankah engkau sudah meninggal?’ Dia menjawab, ‘Ya.’ Setelah itu, dia menyenandungkan syair:

Kematian orang yang bertakwa adalah kehidupan yang tiada hujungnya. Ada suatu kaum yang meninggal tetapi mereka masih tetap hidup di antara umat manusia.”

Salmah al-Bašri berkata, “Aku pernah melihat Bazi’ ibn Musawwar al-‘Abid dalam tidurku. Dia adalah orang yang sentiasa banyak berzikir, banyak mengingat kematian dan bersemangat tinggi. Aku bertanya, ‘Bagaimana engkau melihat tempat tinggalmu?’ Dia menjawab dengan menyenandungkan syair:

Tidak diketahui apa yang ada di dalam kubur kecuali Allah sahaja dan penghuninya.”

Basyar ibn Mifdhal berkisah, “Aku pernah melihat Basyar ibn Mansur dalam mimpiku. Aku bertanya kepadanya, ‘Abu Muhammad, apa yang telah diperbuat Tuhanmu kepadamu?’ Dia menjawab, ‘Aku mendapatkan urusanku lebih ringan daripada aku membawa diriku sendiri.’”

Sementara Hafş al-Mawhibi berkata, “Dalam tidurku aku pernah melihat Daud aṭ-Ṭai. Lalu aku bertanya, ‘Abu Sulaiman, bagaimanakah engkau menyaksikan kebaikan akhirat itu?’ Dia menjawab, ‘Aku menyaksikan kebaikan akhirat itu sangat banyak.’ Aku bertanya, ‘Ke mana engkau dikembalikan?’ Dia menjawab, ‘Alhamdulillah, aku dikembalikan pada kebaikan.’ Aku bertanya lagi, ‘Apakah engkau pernah mengetahui khabar mengenai Sufyan ibn Sa’ad, yang mana dia sangat mencintai kebaikan dan pelakunya?’ Dia pun tersenyum seraya berucap, ‘Dia dihantar oleh kebaikan, naik menuju tingkatan pelaku kebaikan.’”

‘Utbah ibn Dhamrah menuturkan bahawa ayahnya pernah bercerita, “Aku pernah bertemu pembantuku dalam tidurku. Aku bertanya kepadanya, ‘Bagaimana keadaanmu?’ Dia menjawab, ‘Telah dibalas semua amal perbuatanku. Bahkan aku juga diberi balasan pahala dari susu campuran yang pernah kuberikan kepada seseorang.’”

Sementara ‘Abdul Malik al-Laithi menuturkan, “Aku pernah bertemu Amir ibn ‘Abdul Qais dalam tidurku. Aku bertanya, ‘Bagaimana keadaanmu?’ Dia menjawab, ‘Keadaanku baik-baik sahaja’ Aku bertanya lagi, ‘Amal perbuatan apakah yang engkau lihat lebih utama?’ Dia menjawab, ‘Segala sesuatu yang darinya diharapkan keredhaan Allah.’”

Abu ‘Abdillah al-Hijri berkata, “Pakcikku telah meninggal dunia, lalu aku bertemu dengannya dalam tidurku. Dia berkata kepadaku, ‘Dunia itu hanyalah tipu daya, sedangkan akhirat itu bagi orang-orang berbuat kebaikan adalah kebahagiaan. Oleh kerana itu, janganlah engkau menghina kebaikan meski sekecil apa pun.’”

Al-Aşma’i berkisah, “Aku pernah bermimpi melihat seorang syekh dari penduduk Başrah. Salah seorang sahabat Yunus ibn ‘Ubaid, padahal dia sudah meninggal. Aku bertanya kepadanya, ‘Dari manakah engkau datang?’ Dia menjawab, ‘Dari Yunus aṭ-Ṭabib.’ Aku bertanya, ‘Siapakah Yunus aṭ-Ṭabib itu?’ Dia menjawab, ‘Dia adalah seorang ahli fikih yang sangat pintar.’ Dia menjawab, ‘Apakah dia itu anaknya ‘Ubaid?’ Dia menjawab, ‘Ya.’ Aku bertanya lagi, ‘Lalu di mana dia?’ Dia menjawab, ‘Dia berada di Majlis Urjuwan bersama orang-orang pintar. Dia merasa senang dengan kesungguhan takwanya.’”

Maimun al-Kurdi bercerita, “Aku pernah melihat ‘Urwah ibn al-Bazzar dalam mimpi setelah kematiannya. Dia berkata, ‘Aku mempunyai hutang satu dirham

kepada as-Saqa.' Wang sejumlah itu masih berada di uncang yang bergantung di dinding rumahku. Ambil dan bayarkanlah wang itu kepadanya.' Ketika bangun pagi, aku bertemu as-Saqa' dan kutanyakan, 'Apakah engkau memiliki sesuatu milik 'Urwah?' Dia menjawab, 'Ya, satu dirham.' Setelah itu, aku masuk ke rumah 'Urwah dan ternyata memang aku menemukan satu dirham di dalam uncang. Lalu aku membayarkannya kepada as-Saqa.'

Seseorang dari penduduk Kufah bercerita, "Aku pernah melihat Suwaid ibn 'Amr al-Kilabi di dalam tidurku setelah wafatnya dalam keadaan yang sangat baik. Aku bertanya, 'Suwaid, mengapa keadaanmu boleh sebaik ini?' Dia menjawab, 'Aku banyak mengucapkan *La ilaha illa Allah*. Oleh kerananya, perbanyaklah mengucapkannya.' Selanjutnya dia bertutur, 'Sesungguhnya Daud aṭ-Ṭā'i dan Muhammad ibn an-Nadhar al-Harithi ingin mengetahui sesuatu, dia pun mendapatkannya."

Ibrahim ibn Mundzir al-Harrani berkisah, "Aku pernah melihat adh-Dhahak ibn 'Uthman dalam tidur. Aku bertanya, "Apa yang dilakukan oleh Allah terhadapmu?" Dia menjawab, 'Di langit terdapat rumah-rumah kecil yang sangat banyak. Barangsiapa yang mengucapkan *La Ilaha illa Allah*, dia akan dapat menempatnya dan yang tidak mengucapkannya, dia akan terjatuh."

Sedangkan Muhammad ibn 'Abdur Rahman al-Makhzumi menuturkan bahawa ada seseorang yang melihat putera 'Aisyah at-Tamimi dalam tidurnya. Lalu dia bertanya kepadanya, "Apa yang telah dilakukan Allah terhadapmu?"

"Dia memberikan ampunan kepadaku kerana cintaku kepada-Nya," jawabnya.

An-Nadhar ibn Yahya menuturkan riwayat dari Walan ibn 'Isa ibn Abu Maryam. Dia adalah seseorang dari Qazwain dan termasuk orang yang soleh. Dia bercerita sebagai berikut:

Pada suatu malam, aku diterangi oleh sinar bulan. Lalu aku berangkat ke masjid untuk mengerjakan solat, bertasbih dan berdoa. Setelah mengerjakan semua itu, aku mengantuk hingga akhirnya tertidur. Kemudian aku bermimpi melihat satu jemaah yang aku tahu bahawa mereka bukan dari kalangan manusia. Di tangan mereka terdapat beberapa piring yang di atasnya ada empat roti putih seperti ais dan di atas setiap roti ada mutiara seperti buah delima. Mereka mengatakan, "Makanlah."

Aku berkata, “Sesungguhnya aku bermaksud untuk berpuasa.”

Lebih lanjut mereka berkata, “Pemilik rumah ini (Allah) memerintahkanmu makan.”

Aku pun memakannya, lalu aku mengambil mutiara itu untuk aku bawa. Kemudian dikatakan kepadaku, “Jangan engkau mengambilnya, kami akan menanamnya untukmu sebuah pohon yang tumbuh untukmu yang lebih baik dari itu.”

Aku bertanya, “Di mana?”

Mereka menjawab, “Di tempat tinggal yang tidak pernah rosak, yang buahnya tidak pernah berubah, yang milikannya tiada pernah putus dan yang pakaiannya tidak pernah lusuh, yang di dalamnya terdapat *Radhwa*³¹ dan *Ayna*³² juga pandangan mata yang menyenangkan terhadap isteri-isteri yang redha dan diredhai. Engkau harus meninggalkan apa yang telah engkau lihat itu kerana itu hanyalah rasa mengantuk sehingga engkau keluar dan meninggalkan rumah ini.”

Setelah dua Jumaat berlalu, dia meninggal dunia.

Seorang sahabat Malik ibn Dinar menuturkan bahawa dia pernah melihat Malik ibn Dinar dalam tidurnya. Ketika itu dia menanyakan, “Apa perlakuan Allah terhadapmu?”

Dia menjawab, “Dia memperlakukanku dengan baik. Kami tidak melihat sesuatu yang menyerupai amal soleh, tidak juga yang menyerupai para sahabat yang soleh serta tidak juga yang menyerupai majlis orang-orang soleh.”

Abdul Wahab ibn Zaid al-Kindi menceritakan, “Aku pernah melihat Abu ‘Umar adh-Dharir dalam tidur. Aku bertanya kepadanya, ‘Apakah yang dilakukan Allah terhadapmu?’ Dia menjawab, ‘Dia memberikan ampunan dan menyayangiku.’ Aku bertanya, ‘Amal perbuatan apa yang engkau ketahui paling afdhal?’ Dia menjawab, ‘Iaitu apa yang disunnahkan kepada kalian dan juga ilmu.’ Aku bertanya, ‘Lalu perbuatan apa yang engkau ketahui paling buruk?’ Dia menjawab, ‘Hindariilah beberapa nama.’ Aku bertanya lagi, ‘Nama-nama apa?’ Dia menjawab, ‘Iaitu Qadariah, Muktazilah dan Murji’ah.’”

31 Sebuah gunung di Madinah.

32 Puncak Gunung Thubair di Makkah.

Dari Abu Bakar aṣ-Ṣairafi dituturkan bahawa ada seseorang yang pernah mencela Abu Bakar dan ‘Umar ibn al-Khaṭṭab r.a. Dia berpendapat sama seperti pendapat Jahm ibn Ṣafwan (penganut aliran Jabariah). Lalu diperlihatkan Jahm ibn Ṣafwan kepada orang itu dalam tidurnya, sepertinya dia dalam keadaan telanjang. Di atas kepalanya terdapat sepotong kain berwarna hitam dan sepotong kain yang lain di atas auratnya. Kemudian dia bertanya, ‘Bagaimana perlakuan Allah terhadapmu?’ Dia (Jahm ibn Ṣafwan) menjawab, ‘Aku dikumpulkan bersama Bakar al-Qais dan Fir‘aun ibn A’sar. Keduanya adalah Nasrani.’”

Syaikh mengatakan, “Jiranku meninggal, sementara dia termasuk orang yang mendalami hal-hal seperti di atas (aliran Qadariah, Murji‘ah, Muktaẓilah dan lain-lainnya). Lalu aku bertemu dengannya dalam tidur. Sepertinya dia buta. Aku bertanya kepadanya, ‘fulan, apa yang menyebabkan engkau menjadi seperti sekarang ini?’ Dia menjawab, ‘Aku telah melakukan pengurangan terhadap para sahabat Muhammad, sehingga dia melakukan pengurangan kepadaku.’ Sementara dia meletakkan tangannya pada kedua matanya yang telah buta.”

Abu Ja‘far al-Madini bercerita, “Aku pernah melihat Mahmud ibn Hamid di dalam tidurku. Dia adalah salah seorang yang tekun beramal soleh. Di atas tubuhnya melekat dua pakaian hijau. Aku bertanya kepadanya, ‘Ke mana engkau dikembalikan setelah meninggal?’ Dia melihat ke arahku seraya berkata: *Hak yang paling layak bagi orang-orang yang bertakwa dalam kehidupan abadi adalah bersanding dengan para wanita montok yang masih perawan.*”

Kemudian Abu Ja‘far berkata, “Demi Allah, aku belum pernah mendengarnya dari seorang pun sebelumnya.”

Ayyas ibn Dughfal, sebagaimana dituturkan oleh Ibn Abi ad-Dunya berkisah, “Aku pernah melihat Abu al-Ala’ Yazid ibn ‘Abdillah dalam tidurku. Aku bertanya kepadanya, ‘Bagaimana engkau merasakan kematian?’ Dia menjawab, ‘Aku merasakannya sangat pahit.’ Aku bertanya, ‘Ke mana engkau dikembalikan setelah kematianmu?’ Dia menjawab, ‘Aku dikembalikan kepada rahmat, rezeki dan Tuhan tanpa kemurkaan-Nya.’ Aku bertanya lagi, ‘Lalu di mana saudaramu Muṭarrif?’ Dia menjawab kembali, ‘Dia meninggalkanku dengan keyakinannya,’ jawabnya.”

Al-Munkadir ibn Muhammad ibn al-Munkadir berkata sebagai berikut:

Dalam tidurku, aku pernah bermimpi seakan-akan aku memasuki masjid

Nabawi. Ternyata orang-orang sedang berkumpul mengelilingi seseorang yang berada di sebuah taman. Lalu aku bertanya, “Siapa orang ini?”

Dijawab, “Seseorang yang datang dari akhirat, yang memberitahu manusia mengenai orang-orang yang sudah meninggal.”

Aku pun mendekat untuk melihatnya dan ternyata orang itu adalah Şafwan ibn Salim. Orang-orang bertanya kepadanya dan dia pun memberitahu mereka hingga akhirnya dia bertanya, “Apakah di sini ada yang bertanya kepadaku mengenai Muhammad ibn al-Munkadir?”

Setelah itu orang-orang pun berkata, “Ini pasti puteranya.”

Aku langung mencelah kumpulan orang-orang itu dan kukatakan, “Beritahukan kepada kami mengenai dirinya.”

Dia menjawab, “Allah telah memberinya bahagian dari syurga, menganugerahi ini dan itu, meredhainya, menempatkannya di dalam rumah-rumah di syurga dan membangunkan baginya tempat tinggal sehingga tidak ada baginya perantauan dan kematian.”

Ibn Abi ad-Dunya menuturkan bahawa Abu Karimah pernah bercerita. Disebutkan bahawa ada seseorang yang mendatanginya seraya berkata, “Aku bermimpi seakan-akan aku dimasukkan ke syurga hingga sampai di sebuah taman yang di dalamnya terdapat Ayyub, Yunus, Ibn ‘Awn dan at-Taymi. Aku bertanya, ‘Di mana Sufyan ath-Thawri?’ Dia menjawab, ‘Kami tidak melihatnya melainkan seperti melihat bintang.’”

Sementara Malik ibn Dinar berkata, “Aku pernah melihat Muhammad ibn Wasī dan Muhammad ibn Sirin di syurga. Lalu aku bertanya, ‘Di mana al-Hasan?’ Dia menjawab, ‘Dia berada di Sidratul Muntaha.’”

Sedangkan Yazid ibn Harun mengatakan, “Aku pernah melihat Muhammad ibn Yazid al-Wasiṭi dalam tidur. Aku bertanya kepadanya, ‘Apa yang dilakukan Allah kepadamu?’ Dia menjawab, ‘Dia memberiku ampunan.’ Aku bertanya lagi, ‘Dengan apa?’ Dia menjawab, ‘Dengan majlis yang diikuti oleh Abu ‘Amr al-Biṣri pada hari Jumaat setelah asar, lalu dia mengajak kami sehingga kami diberikan ampunan sejak kami meninggalkan kalian.’”

Dalam *Tarikh Baghdad* al-Khaṭīb menuturkan riwayat dari Muhammad ibn

Salim al-Khawaş aş-Şalih. Dia bercerita, aku pernah melihat Yahya ibn Akţam al-Qadhi dalam tidurku. Aku lantas bertanya kepadanya, “Bagaimana Allah memperlakukanmu?”

Yang ditanya kemudian menjawab sebagai berikut:

Allah menghentikanku di hadapan-Nya seraya berkata kepadaku, “Wahai orang tua yang jahat, kalau bukan kerana rambutmu yang putih, nescaya Aku akan membakar dirimu dengan api.”

Aku sampai jatuh pingsan kerana rasa takut. Ketika sedar, Dia berkata kepadaku, “Wahai orang tua yang jahat, kalau bukan kerana rambutmu yang putih itu, nescaya Aku akan membakarmu.”

Aku jatuh pingsan lagi. Setelah sedar, Dia mengatakan hal yang sama seperti pada kali pertama. Untuk ketiga kalinya, aku pun jatuh pingsan. Ketika sedar, aku berkata, “Tuhanku, tidak demikian aku diberitahu mengenai diri-Mu.”

Allah s.w.t. bertanya, “Lalu apa yang diberitahukan kepadamu mengenai diri-Ku?”

Aku menjawab, “Abdur Razak ibn Hamam menuturkan riwayat berturut-turut dari Mu’ammār ibn Rasyid, Ibn Syihab al-Zuhri dan Anas ibn Malik; dari Nabi-Mu, dari Jibril dan dari-Mu, Tuhan yang Maha Agung. Disebutkan bahawa Engkau telah berfirman, “Tidaklah rambut seorang hamba memutih di dalam Islam melainkan Aku merasa malu untuk mengazabnya dengan api neraka.”

Allah berkata, “Benar apa yang dikatakan mereka. Aku memang mengatakan demikian. Oleh kerana itu, berangkatlah dengan itu menuju ke syurga.”

Dalam *Tarikh Dimasyq*, Ibn ‘Asakir menuturkan riwayat dari Abu Bakar al-Fazari. Dia mengatakan, “Pernah sampai berita kepadaku bahawa sebahagian saudara Ahmad ibn Hanbal pernah bermimpi melihat Ahmad ibn Hanbal di dalam tidurnya. Dia bertanya, ‘Apakah yang diperbuat Allah terhadapmu?’

Imam Ahmad menjawab, “Dia menghentikanku di hadapan-Nya dan berkata kepadaku, Ahmad, engkau tetap bersabar atas pukulan yang menderamu dan engkau tetap teguh mengatakan bahawa firman-firman-Ku itu diwahyukan dan bukan makhluk. Dengan kemampuan-Ku, akan aku perdengarkan firman-firman-Ku itu kepadamu sampai Hari Kiamat.”

Muhammad ibn 'Auf mengatakan, "Aku pernah melihat Muhammad aṣ-Ṣafī al-Hamṣī dalam tidurku. 'Ke mana engkau dikembalikan?' tanyaku. Dia menjawab, 'Kepada kebaikan dan dengan demikian itu, kami menyaksikan Tuhan kami setiap hari dua kali.' Lebih lanjut aku bertanya, 'Abu 'Abdillah, engkau sentiasa menjalankan sunnah di dunia dan sekaligus pemegang sunnah di akhirat.' Mendengar itu, dia tersenyum."

Sementara Muhammad ibn Mifdhal bercerita, "Aku pernah bermimpi melihat Mansur ibn 'Ammar dalam tidurku setelah kematiannya. Dalam mimpiku itu aku bertanya kepadanya, 'Bagaimana Allah memperlakukanmu?' Dia menjawab, 'Dia menghentikanku di hadapan-Nya dan mengatakan kepadaku: engkau dahulu telah menyimpang, tetapi Aku telah memberimu ampunan kepadamu kerana mencintai-Ku. Sekarang, muliakanlah Aku di antara malaikat-malaikat-Ku, sebagaimana engkau dahulu memuliakan-Ku di dunia.' Lalu diberikan kepadaku kerusi dan kumuliakan Allah di tengah malaikat-malaikat-Nya."

Sementara Abu al-Hasan asy-Sy'rani mengatakan sebagai berikut:

Aku pernah melihat Mansur ibn 'Ammar di dalam tidur setelah kematiannya. Aku bertanya kepadanya, "Bagaimana Allah memperlakukanmu?"

Dia menjawab, "Allah bertanya kepadaku, 'Apakah engkau Mansur ibn 'Ammar?' Aku menjawab, 'Benar, Tuhanku.' Tuhan bertanya lagi, 'Bukankah engkau yang dahulu menyuruh orang-orang berzuhud di dunia dan menanamkan kecintaan kepada akhirat dalam diri mereka?' Aku mengatakan, 'Itu dahulu, tetapi sekarang aku tidak duduk di suatu majlis melainkan aku mulai memuji-Mu, memanjatkan selawat kepada Nabi-Mu, serta memberikan nasihat kepada hamba-hamba-Mu.' Dia berfirman, 'Engkau benar. Bawakanlah untuknya satu kerusi agar dia dapat memuliakan-Ku di langit sebagaimana dia telah memuliakanku di bumi-Ku di antara hamba-hamba-Ku.'"

Salim ibn Mansur ibn 'Ammar menuturkan:

Aku pernah bermimpi melihat ayahku di dalam tidurku setelah beliau wafat. Aku bertanya, "Bagaimana perlakuan Allah terhadapmu?"

Dia menjawab, "Allah mendekatiku dan berkata, 'Wahai orang tua yang jahat, tahukah mengapa Aku memberikan ampunan kepadamu?' Aku menjawab, 'Tidak,

Tuhanku.' Dia berfirman, 'Kerana kamu pada suatu hari pernah duduk di suatu majlis bersama orang-orang dan kamu menangi mereka, hingga ada seorang hamba-Ku yang menangi bukan kerana takut kepada-Ku, lalu Aku memberikan ampunan kepadanya dan Aku memberikan pula anugerah kepada orang-orang yang ada di dalam majlis itu.'"

Salmah ibn 'Affan juga menuturkan, "Aku pernah bermimpi melihat Waki' dalam tidurku setelah dia wafat. Aku bertanya kepadanya, 'Bagaimana perlakuan Allah terhadapmu?' Dia menjawab, 'Allah memasukkan aku ke syurga.' Aku bertanya lagi, 'Dengan apa Dia memasukkanmu?' Dia menjawab, 'Dengan ilmu.'"

Sementara Abu Yahya ibn Hamam juga menceritakan, "Aku pernah bermimpi melihat Abu Hamam di dalam tidurku setelah wafatnya. Di atas kepalanya terdapat pelita-pelita yang bergantung. Aku bertanya kepadanya, 'Abu Hamam, dengan apa engkau mendapatkan pelita-pelita ini?' Dia menjawab, 'Yang ini dengan hadis *hawdh*, yang ini dengan hadis syafaat, yang ini dengan hadis ini dan yang ini dengan hadis itu.'"

Sedangkan Sufyan ibn 'Uyainah pernah bercerita, "Aku pernah melihat ath-Thawri dalam tidurku setelah kematiannya. Lalu aku berkata kepadanya, 'Wasiatilah aku.' Dia berkata, 'Kurangilah berkumpul-kumpul dengan banyak orang.' Aku berkata lagi, 'Nasihatilah aku.' Dia berkata, 'Belajarlah.'"

Abu ar-Rabi' az-Zahrani berkata:

Jiranku pernah memberitahuku. Dia bercerita, "Aku pernah bermimpi melihat Ibn 'Awn setelah kematiannya. Lalu aku bertanya, 'Apa yang dilakukan Allah terhadapmu?' Dia menjawab, 'Tidaklah matahari terbenam pada hari Isnin melainkan diperlihatkan kepadaku catatan amalku, lalu Dia mengasihi dan mengampuniku.' Ternyata memang dia (Ibn 'Awn) meninggal pada hari Isnin."

Sedangkan Abu 'Amr al-Khafaf bercerita, "Aku pernah bermimpi melihat Muhammad ibn Yahya adz-Dzahli dalam tidurku setelah wafatnya. Lalu aku bertanya, 'Bagaimana Tuhanmu memperlakukanmu?' Dia menjawab, 'Dia memberiku ampunan.' Aku bertanya lagi, 'Kemudian bagaimana dengan amalmu?' Dia menjawab, 'Amalku ditulis dengan air dari emas dan diangkat ke *Illiyyin*.'"

Ustaz Ibn Abi Walid bercerita, "Aku pernah melihat Abu 'Abbas al-Aşam di

dalam tidurku. Lalu aku bertanya kepadanya, 'Syeikh, di mana tempat terakhirmu?' Dia menjawab, 'Aku bersama Abu Ya'qub al-Buwaiti dan Rabi' ibn Sulaiman, berjiran dengan Abu 'Abdillah asy-Syafie dan kami setiap hari mendatanginya.'

Sementara Suhail bercerita, "Aku pernah bermimpi melihat Malik ibn Dinar setelah kematiannya. Lalu aku bertanya kepadanya, 'Dengan apa engkau menghadap Allah s.w.t.?' Dia menjawab, 'Aku menghadap-Nya dengan dosa yang sangat banyak tetapi Dia menghapusnya dariku kerana *husnuzhan* (prasangka baik)ku kepada Allah s.w.t.'

Dari al-Aṣma'i dituturkan bahawa ayahnya pernah bercerita. Disebutkan bahawa ada seseorang yang pernah bermimpi melihat Jarir al-Haṣafi setelah wafatnya. Dia bertanya, "Bagaimana perlakuan Allah terhadapmu?"

"Dia telah memberikan ampunan kepadaku."

"Kerana apa ampunan itu diberikan?"

Dia menjawab, "Kerana takbir yang pernah kuucapkan di permukaan air di padang pasir."

"Lalu apa yang dilakukan oleh saudaramu, al-Farazdaq?" tanyaku.

"Dia telah dihancurkan oleh tuduhan zina terhadap wanita-wanita suci", jawabnya.

Thawr ibn Yazid asy-Syami bercerita, "Aku pernah bermimpi melihat al-Kumait ibn Zaid setelah kematiannya. Aku bertanya kepadanya, "Bagaimana perlakuan Allah terhadapmu?"

Dia menjawab, "Dia telah memberikan ampunan kepadaku, menyiapkan kerusi untukku, lalu mendudukkanku di atasnya. Kemudian diperintahkan kepadaku untuk membaca syair:

Aku berlingung kepada-Mu, Tuhan pemelihara manusia agar aku tidak tertipu sebagaimana mereka telah terpedaya oleh air kehidupan yang jernih."

Ketika sampai ungkapan itu, Dia berfirman, "Engkau benar, Kumait. Sesungguhnya apa yang menipumu itulah yang juga menipunya. Aku telah memberikan ampunan kepadamu dengan kejujuranmu itu di antara hamba-

hambapilihanku. Aku telah menjadikan untukmu - untuk setiap bait syair pujianmu kepada keluarga Muhammad - darjat di akhirat sampai Hari Kiamat kelak.”

Abu asy-Sya’sya’ al-Miṣri bercerita, “Aku pernah bermimpi melihat Abu Bakar an-Nabulisi - salah seorang yang dibunuh oleh Bani ‘Ubaid- setelah dia terbunuh. Aku bertanya kepadanya, ‘Apa perlakuan Tuhan-mu terhadapmu?’ Dia mengucapkan: *Rajaku (Allah) memberi kemuliaan abadi kepadaku. Dia juga menjanjikan kemenangan untukku. Kepada-Nya Dia mendekatkan dan membawaku. Kata-Nya, nikmatilah hidup berjiran dengan-Ku.*”

Sementara ‘Abdur Rahman ibn Mahdi mengaku pernah melihat Sufyan ath-Thawri di dalam tidur setelah wafatnya. Dia bertanya kepadanya, “Apa yang dilakukan Allah terhadapmu?”

Yang ditanya menjawab, “Ketika aku diletakkan di lubang kubur dan aku berdiri di hadapan Allah, Dia lalu menghisabku sebentar. Kemudian Dia menyuruhku masuk syurga. Ketika aku berada di antara rerumput dan pepohonan syurga, sementara aku tidak mendengar suatu gerakan apa pun, tiba-tiba aku mendengar suara yang berseru, ‘Sufyan ibn Sa’id, tahukah kamu bahawa dirimu telah dimuliakan oleh Allah?’ Aku menjawab, ‘Ya, aku tahu.’”

Ahmad ibn Hanbal mengaku pernah bermimpi melihat asy-Syafie dalam tidurnya setelah wafatnya. Lalu dia bertanya kepadanya, “Bagaimana perlakuan Allah terhadapmu?”

Dia menjawab, “Dia telah mengampuniku, juga isteriku. Dia juga berfirman kepadaku, ‘Mengapa engkau tidak merasa bangga atas apa yang telah Aku redhai untukmu dan tidak merasa senang atas apa yang telah Aku berikan kepadamu.’”

Ar-Rabi’ ibn Sulaiman juga mengaku pernah bermimpi melihat asy-Syafie di dalam tidurnya. Dia bertanya kepadanya, “Bagaimana perlakuan Allah kepadamu?”

Dia menjawab, “Dia mendudukanku di atas kerusi emas dan disajikan untukku mutiara yang masih basah.”

Sementara itu, Isma’il ibn Ibrahim al-Faqih mengaku pernah bermimpi melihat al-Hafiz Abu Ahmad al-Hakim setelah kematiannya. Aku bertanya, “Kelompok mana yang paling selamat menurutmu?”

Dia menjawab, “Ahlu Sunnah.”

Khaiṭamah ibn Sulaiman juga mengaku pernah bermimpi melihat ‘Aṣim aṭ-Ṭarablusi setelah dia wafat. Dia bertanya kepadanya, “Abu ‘Ali, bagaimana keadaanmu dan ke mana engkau dikembalikan?”

Dia menjawab, “Aku dikembalikan kepada rahmat yang sangat luas dan syurga yang sangat tinggi.”

Ditanyakan kembali, “Dengan apa?”

Dia menjawab, “Dengan banyaknya jihad yang aku lakukan di laut.”

Malik ibn Dinar berkata, “Aku pernah bermimpi melihat Muslim ibn Yasar di dalam tidurku. Aku bertanya kepadanya, ‘Apa yang engkau temui setelah kematianmu?’ Dia menjawab, ‘Aku menemui hal yang menakutkan dan kekacauan yang sangat dahsyat!’ Aku bertanya lagi, ‘Setelah itu, apa yang terjadi?’ Dia menjawab, ‘Semua kebaikan kami diterima, kami pun diberikan ampunan atas segala dosa dan diberikan jaminan kecukupan.’”

Al-Hasan ibn ‘Abdul ‘Aziz al-Hasyimi al-‘Abbasi berkata, “Aku pernah bermimpi melihat Abu Ja’far ibn Jarir. Aku bertanya kepadanya, ‘Bagaimana engkau melihat kematian?’ Dia menjawab, ‘Aku tidak melihatnya melainkan kebaikan.’ Aku bertanya lagi, ‘Bagaimana engkau melihat hal menakutkan yang akan datang pada Hari Kiamat?’ Dia menjawab, ‘Aku tidak melihatnya melainkan kebaikan.’ Aku bertanya lagi, ‘Bagaimana pula engkau melihat Munkar dan Nakir?’ Dia menjawab, ‘Aku tidak melihatnya kecuali kebaikan.’”

Hubaisi ibn Mubasyir bercerita, “Aku pernah melihat Yahya ibn Mu’in dalam tidurku. Aku bertanya, ‘Bagaimana perlakuan Allah terhadapmu?’ Dia menjawab, ‘Dia mendekatiku, memberiku, serta menikahkan aku dengan tiga ratus bidadari dan memintaku menemui-Nya dua kali.’ Aku bertanya lagi, ‘Dengan apa?’ Lalu dia mengeluarkan sesuatu dari mulutnya seraya berucap, ‘Dengan ini (iaini hadis).’”

Sulaiman al-‘Amri bercerita, “Aku pernah bermimpi melihat Abu Ja’far al-Qari’ di dalam tidurku. Dia berkata, ‘Sampaikan salamku pada saudara-saudaraku. Beritahukan kepada mereka bahawa Allah telah menjadikan aku termasuk orang yang mati syahid yang sentiasa hidup dan mendapat rezeki. Sampaikan juga salamku untuk Abu Hazim, katakan kepadanya, bahawa Abu Ja’far memerintahkan untuk berfikir dan memahami. Sesungguhnya Allah s.w.t. dan para malaikat-Nya

memantau majlismu pada petang hari.”

Zakariya' ibn 'Adi berkata, “Aku pernah bermimpi melihat Ibn al-Mubarak di dalam tidurku setelah wafatnya. Aku bertanya kepadanya, ‘Bagaimana perlakuan Allah terhadapmu?’ Dia menjawab, ‘Dia telah memberikan ampunan kepadaku dengan kepergianku.”

Muhammad ibn Fudhail ibn 'Iyadh berkata, “Aku pernah bermimpi melihat Ibn al-Mubarak dalam tidur. Lalu aku bertanya kepadanya, ‘Amal apa yang engkau lihat paling afdhal?’ Dia menjawab, ‘Amal yang pernah aku lakukan.’ Aku bertanya lagi, ‘Apakah jihad?’ Dia menjawab, ‘Ya.”

Yazid ibn al-Madz'ur berkisah, “Aku pernah bermimpi melihat al-Awza'i dalam tidurku setelah dia meninggal dunia. Aku bertanya kepadanya, ‘Abu 'Amr, tolong tunjukkan sesuatu kepadaku yang dapat aku jadikan bahan untuk *bertaqarrub* (mendekatkan diri) kepada Allah.’ Dia menjawab, ‘Aku tidak melihat di sana darjat yang lebih tinggi daripada darjat para ulama. Setelah mereka adalah darjat orang-orang yang bersedih.”

'Abdul 'Aziz ibn 'Amr ibn 'Abdul 'Aziz juga bercerita, “Aku pernah bermimpi melihat ayahku di dalam tidurku setelah beliau meninggal. Aku bertanya kepadanya, ‘Amal apa yang Ayah lihat paling afdhal?’ Dia menjawab, ‘Istighfar, puteraku.”

'Abdullah ibn 'Abdur Rahman juga menceritakan hal yang sama. Dia bercerita, “Aku pernah bermimpi melihat Khalifah al-Mutawakkil di dalam tidurku setelah kematiannya. Aku bertanya kepadanya, ‘Bagaimana perlakuan Allah terhadapmu?’ Dia menjawab, ‘Allah memberiku ampunan.’ Aku bertanya lagi, ‘Dengan apa Dia mengampunimu, padahal engkau hanya beramal seperti itu?’ Dia menjawab, ‘Dengan sedikit amalan sunnah yang pernah aku lakukan.”

'Abdullah ibn 'Salih aš-Šufi bercerita, “Sebahagian perawi hadis pernah diperlihatkan dalam sebuah mimpi. Ditanyakan kepadanya, ‘Bagaimana perlakuan Allah terhadapmu?’ Dia menjawab, ‘Dia telah memberiku ampunan.’ Ditanyakan kepadanya, ‘Dengan apa?’ Dia menjawab, ‘Dengan selawat yang aku panjatkan kepada Rasulullah s.a.w. di dalam buku-bukuku.’

'Abdur Rahman ibn Zaid ibn Aslam bercerita, “Aku pernah bermimpi melihat ayahku dalam tidurku sepeninggalnya. Di atas kepalanya terdapat kopiah yang

tinggi. Aku bertanya kepadanya, 'Bagaimana perlakuan Allah terhadapmu?' Dia menjawab, 'Dia menghiaskan dengan hiasan ilmu.' Lalu kutanyakan juga, 'Di mana Malik ibn Anas?' Dia pun menjawab, 'Malik berada di atas dan terus ke atas.' Dia terus menyebutkannya sambil mengangkat kepalanya hingga kopiahnya terjatuh dari kepalanya.

Sedangkan al-Hasan ibn Isma'il al-Mahamili bercerita, "Aku pernah bermimpi melihat al-Qasyani di dalam tidurku. Aku bertanya kepadanya, 'Bagaimana perlakuan Allah terhadapmu?' Lalu dia mengisyaratkan bahawa dirinya telah selamat setelah mengalami kesulitan. Kemudian aku bertanya lagi, 'Bagaimana menurutmu tentang Ahmad ibn Hanbal?' Dia menjawab, 'Allah telah memberikan ampunan kepadanya.' 'Bagaimana dengan Bisyr al-Hafi?' Dia menjawab, 'Datang kepadanya karamah dari Allah setiap hari dua kali.'

Ašim al-Jahani juga bercerita, "Aku pernah bermimpi, seakan-akan aku menelusuri jalannya Hisyam hingga aku bertemu dengan Bisyr al-Hafi. Aku bertanya, 'Dari mana kamu?' Dia menjawab, 'Dari *Illiyin*.' Aku bertanya lagi, 'Lalu bagaimana perlakuan Allah terhadap Ahmad ibn Hanbal?' Dia menjawab, 'Pada saat ini, Ahmad ibn Hanbal dan 'Abdul Wahab al-Waraq berada di hadapan Allah, makan, minum dan bersenang-senang.' Aku bertanya lagi, 'Lalu engkau sendiri di mana?' Dia menjawab, 'Allah mengetahui bahawa aku kurang suka makan sehingga Dia membolehkanku untuk melihat-Nya.'"

Sementara Ja'far as-Saq ber cerita, "Aku pernah bermimpi melihat Bisyr al-Hafi dan Ma'ruf al-Kurkhi di dalam tidurku, seakan-akan keduanya baru sahaja datang. Aku bertanya kepadanya, 'Dari mana kalian?' Dia menjawab, 'Dari syurga Firdaus, kami telah mengunjungi Musa.'"

Sedangkan al-Qasim ibn Munabbih juga mengaku pernah bermimpi melihat Bisyr al-Hafi di dalam tidurnya. Dia bertanya kepadanya, "Bagaimana perlakuan Allah terhadapmu?"

Yang ditanya menjawab, "Dia telah memberiku ampunan dan berfirman kepadaku, 'Bisyr, aku telah mengampunimu dan juga orang-orang yang menghantar jenazahmu.' Lalu aku bertanya, 'Tuhanku, apakah juga orang-orang yang mencintaiku?' Dia berkata, 'Ya, termasuk orang-orang yang mencintaimu sampai Hari Kiamat.'"

Muhammad ibn Khuzaimah bercerita bahawa ketika Ahmad ibn Hanbal meninggal dunia, dia jatuh pingsan. Ketika malam hari tiba, dia bermimpi melihatnya berjalan melenggang. Lalu dia bertanya kepadanya, “Abdullah, itu jalan apa?”

Dia menjawab, “Ini jalan seorang hamba di kampung yang damai (akhirat).”

Lebih lanjut ditanyakan, “Bagaimana perlakuan Allah terhadapmu?”

Dia menjawab, “Dia telah memberiku ampunan dan memakaikan satu pasang sandal emas kepadaku seraya berfirman, ‘Ahmad, inilah pahala dari pendapatmu bahawa al-Quran itu adalah firman-Ku (dan bukan makhluk). Ahmad, berdoalah dengan doa-doa yang pernah engkau panjatkan di dunia.’ Aku bertanya, ‘Tuhanku, apakah tentang segala sesuatu?’ Dia menjawab, ‘Ya.’ Aku pun menyahut, ‘Dengan segala kekuasaan-Mu atas segala sesuatu?’ Kemudian Dia berkata, ‘Engkau benar.’ Lalu kupanjatkan, ‘Janganlah engkau bertanya kepadaku tentang sesuatu dan berikanlah ampunan kepadaku dari semua dosa.’ Dia menjawab, ‘Hal itu telah kulakukan.’ Selanjutnya Dia berkata, ‘Ahmad, inilah syurga. Masuklah!’ Lalu aku pun memasukinya. Ternyata Sufyan ath-Thawri sudah berada di dalam. Dia memiliki dua sayap. Dengan keduanya dia terbang dari satu pohon kurma ke pohon yang lain seraya melantunkan firman-Nya:

وَقَالُوا الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي صَدَقْنَا وَعَدَّهُ. وَأَوْزَنَّا الْأَرْضَ نَبْوًا مِنْ الْجَنَّةِ حَيْثُ

نَشَاءُ فَنِعْمَ أَجْرُ الْعَمَلِينَ ﴿٧٤﴾

Segala puji bagi Allah yang telah memenuhi janji-Nya kepada kami, telah memberi kami tempat ini dan kami diperkenankan menempati tempat dalam syurga di mana sahaja yang kami kehendaki. Jadi, syurga itulah sebaik-baik balasan bagi orang-orang yang beramal.

(Surah az-Zumar: 74)

Kemudian aku (Ahmad ibn Hanbal) bertanya, ‘Apa yang dilakukan oleh ‘Abdul Wahab al-Waraq?’ Dia menjawab, ‘Aku meninggalkannya di laut yang terbuat dari nur yang ada di dalam nur yang sangat jernih dan terang. Di dalamnya dia sentiasa dikunjungi oleh Allah.’ Aku bertanya lagi, ‘Lalu apa pula yang dilakukan oleh Bisyr al-Hafi?’ Dia menjawab, ‘Dia benar-benar beruntung. Adakah orang seperti Bisyr? Aku meninggalkan dia di hadapan Allah, sang Raja. Di hadapannya terdapat meja

yang dipenuhi dengan makanan sedangkan sang Raja (Allah) menerimanya sseraya berkata: Makanlah, wahai orang yang belum pernah makan dan minumlah wahai orang yang belum pernah minum, serta bersenang-senanglah wahai orang yang tidak bersenang-senang di dunia, sahut-Nya.”

Dulf ibn Abi Dulf al-‘Ajli bercerita, “Aku pernah bermimpi melihat ayahku di dalam tidurku. Aku melihatnya berada di dalam rumah yang menyeramkan dan bangunan dengan dinding hitam. Di tanahnya tersebut terdapat bekas abu dapur dan ternyata ayahku dalam keadaan telanjang, dengan meletakkan kepalanya di antara kedua lututnya lalu dia berkata kepadaku, ‘Benarkah engkau ini Dulf?’ Aku menjawab, ‘Ya.’ Setelah itu, dia berkata: *Sampaikan kepada keluarga kami dan jangan engkau sembunyikan dari mereka jeratan yang kami rasakan di alam barzakh. Kami ditanya mengenai segala sesuatu yang pernah kami lakukan. Bantulah aku menangani rasa takutku ini. Apakah engkau memahaminya?*’ Aku menjawab, ‘Ya.’ Lalu dia berkata lagi, ‘*Kalau sahaja saat meninggal kita dibiarkan begitu sahaja, kematian itu hanyalah pelepas. Tetapi, saat meninggal kita akan dibangkitkan lalu ditanya mengenai segala yang dilakukan.*’ Setelah itu dia bertolak meninggalkanku dan aku pun terjaga.”

‘Umar ibn ‘Abdul ‘Aziz berkisah, “Aku pernah bermimpi melihat sosok seperti bangkai yang terbuang. Lalu aku bertanya, ‘Apa ini?’ Orang-orang menjawab, ‘Sesungguhnya jika engkau membicarakannya, dia juga berbicara kepadamu.’ Kemudian aku memusingkannya dengan kakiku, maka dia pun langsung mengangkat kepalanya ke arahku seraya membukakan kedua matanya. Aku lalu bertanya kepadanya, ‘Siapakah kamu ini?’ Dia menjawab, ‘al-Hajjaj. Aku menghadap Allah, ternyata Dia mempunyai azab yang sangat pedih. Dia membunuhku sesuai dengan pembunuhan yang telah kulakukan. Di sini aku tertahan tidak dapat menghadap Allah, sambil menunggu apa yang ditunggu oleh orang-orang mengharapakan kemurahan dari Tuhan mereka, baik ke syurga mahupun ke neraka.”

Al-Asy‘ath bercerita, “Aku pernah bermimpi melihat al-Hajjaj dalam keadaan yang sangat buruk. Aku bertanya, ‘Bagaimana perlakuan Allah terhadapmu?’ Dia menjawab, ‘Tidaklah aku membunuh seseorang, melainkan Dia membunuhku kerananya.’ Lebih lanjut kutanyakan, ‘Lalu apa lagi?’ Dia menjawab, ‘Lalu aku mengharap apa yang juga diharapkan orang-orang yang menegakkan kalimat *La ilaha illa Allah.*”

Abu al-Husain menuturkan, “Aku pernah bermimpi seakan-akan aku dimasukkan ke suatu tempat yang sangat luas. Tiba-tiba terlihat olehku seseorang dalam keadaan duduk di atas tempat tidur, lalu dilemparkan ke hadapannya seseorang. Aku bertanya, ‘Siapakah orang yang duduk ini?’ Dijawab, ‘Ini adalah Yazid an-Nahwi. Sedangkan yang ini adalah Abu Muslim al-Khurasani, orang yang dilemparkan ke hadapannya.’ Aku bertanya lagi, ‘Lalu bagaimana keadaan Ibrahim aṣ-Ṣa’igh?’ Dia menjawab, ‘Dia berada dia *‘Illiyin* teratas. Siapa yang mampu sampai ke sana?’”

Selanjutnya Abu al-Husain berkata, “Dikatakan kepadaku dalam mimpiku, ‘Sesungguhnya apa yang engkau lihat ini juga telah dilihat orang soleh di perkampungan di Khurasan. Setelah itu, keduanya datang dan menyebutkan bahawa di Balakh ada seseorang yang mengalami mimpi yang sama. Demikian juga di Samarkand, Jurjan, beberapa perkampungan di Khurasan.’”

Ahmad ibn ‘Abdur Rahman al-Mu’abbir bercerita, “Aku pernah bermimpi melihat Ṣalih ibn ‘Abdul Qudus dalam keadaan tertawa bahagia. Aku lantas bertanya, ‘Bagaimana perlakuan Allah terhadapmu? Bagaimana engkau boleh selamat dari tuduhan?’ Dia menjawab, ‘Aku telah menghadap Tuhanku, yang tertutup dari-Nya segala yang tersembunyi. Dia menyambutku dengan penuh rahmat-Nya seraya menuturkan: Aku telah mengetahui kebebasanmu dari apa yang engkau tuduhkan’”

Abu Yazid Ṭaifur al-Buṣṭami juga bercerita, “Aku pernah melihat ‘Ali ibn ‘Abi Ṭalib k.w. di dalam tidurku. Aku bertanya, ‘Amirul mukminin, ajarkanlah kepadaku satu kalimat yang akan bermanfaat bagiku.’ Beliau menjawab, ‘Betapa indahnyanya tawadhu (rendah hati) orang-orang kaya atas orang-orang miskin kerana mengharap pahala Allah.’ Aku berkata lagi, ‘Tambahkanlah yang lain untukku.’ Beliau menjawab, ‘Yang lebih baik darinya adalah kesombongan orang-orang miskin atas orang-orang kaya kerana keyakinannya atas apa yang berada di sisi Allah.’ Aku berkata lagi, ‘Tambahkan lagi.’ Dia menjawab, ‘Yang lebih baik lagi darinya adalah...’ lalu beliau membuka telapak tangannya. Ternyata tertulis dengan tinta emas tulisan: *Semula engkau mati, kemudian hidup tidak lama kemudian mati. Kerananya bangunlah sebuah rumah di alam abadi, hancurkan rumah di alam yang tidak abadi.*”

Seorang penduduk Makkah bercerita, “Di dalam tidur aku pernah bermimpi

melihat Sa'id ibn Salim al-Qadah. Aku bertanya, 'Siapakah orang yang paling afdhal di dalam kubur ini?' Jawabnya, 'Penghuni kubur ini.' Aku bertanya lagi, 'Dengan apa dia menjadi lebih afdhal dari kalian?' Dia menjawab, 'Dia telah diuji (di dunia) dan tetap tegar bersabar.'

Abu al-Faraj Ghaith ibn 'Ali juga bercerita, "Di dalam tidur aku pernah bermimpi melihat Abu al-Hasan al-Aqili al-Muqri dalam keadaan baik. Lalu aku bertanya kepadanya mengenai keadaannya. Dia menjawab, 'Baik.' Setelah itu aku bertanya, 'Bukankah engkau sudah meninggal?' Dia menjawab, 'Ya.' Aku bertanya lagi, 'Lalu bagaimana engkau melihat kematian itu?' Dengan penuh kebahagiaan dia menjawab, 'Baik.' Lebih lanjut aku bertanya, 'Apakah sudah diampuni dan masuk syurga?' Dia menjawab, 'Ya.' Aku bertanya lagi, 'Amalan apa yang paling bermanfaat?' Dia menjawab, 'Di sana tidak amalan yang lebih bermanfaat daripada istighfar.'

Al-Hasan ibn Yunus al-Harani bercerita, "Aku pernah bermimpi melihat al-Hajur al-Amir di dalam tidurku. Aku bertanya kepadanya, 'Apa yang dilakukan Allah terhadapmu?' Dia menjawab, 'Dia telah memberikan ampunan kepadaku.' Aku bertanya lagi, 'Dengan apa dia memberi itu?' Dia menjawab, 'Dengan kepastianku mengikuti jalan kaum Muslim dan menelusuri jalan haji.'

Sedangkan dari Abu Naṣr ibn Makula disebutkan bahawa dia bercerita, "Di dalam tidur, aku pernah bermimpi seakan-akan aku menanyakan keadaan Abu al-Hasan ad-Daruqṭni yang ada di akhirat. Lalu dijawab, 'Di syurga dia dipanggil dengan sebutan *imam*.'

Abu Naṣr Khalaf al-Wizan berkata, "Yusuf ibn al-Husain ar-Razi aṣ-Ṣufi pernah diperlihatkan di dalam mimpi. Dikatakan kepadanya, 'Bagaimana perlakuan Allah terhadapmu?' Dia menjawab, 'Dia mengampuni dan mengasihiku.' Kemudian aku bertanya, 'Dengan apa?' Dia menjawab, 'Dengan satu kalimat yang aku ucapkan ketika meninggal.' Setelah itu, aku memanjatkan doa, 'Ya Allah, aku telah menasihati orang-orang yang mengucapkan sesuatu, tetapi aku mengkhianati diriku sendiri dengan tidak melakukannya.'

'Abdullah ibn Ṣalih bercerita, "Abu Nuwas pernah diperlihatkan di dalam tidur. Dia berlimpah kenikmatan yang sangat banyak. Dikatakan kepadanya, 'Bagaimana perlakuan Allah terhadapmu?' Dia menjawab, 'Dia telah mengampuniku dan

memberiku semua nikmat ini.' Aku bertanya lagi, 'Dengan apa, padahal engkau telah mencampurkan antara amal soleh dan perbuatan jahat?' Dia menjawab, 'Sebahagian orang soleh pernah datang ke beberapa kubur pada suatu malam, lalu mereka membentangkan tikarnya, kemudian mengerjakan solat dua rakaat. Di dalam solat, mereka membaca dua ribu kali surah al-Ikhlāṣ dan mereka berniat memberikan pahalanya untuk para penghuni kubur, sehingga Allah pun memberikannya kepada para penghuni kubur, sementara aku termasuk bahagian dari penghuni kubur tersebut.'"

Muhammad ibn Nafi' bercerita, "Aku pernah melihat Abu Nuwas pada saat aku ada dalam keadaan antara tidur dan terjaga. Aku bertanya, 'Bukankah engkau ini Abu Nuwas?' Dia menjawab, 'Bukan saatnya sekarang ini memberi gelar.' Lebih lanjut aku berkata, 'Maksudku, al-Hasan ibn Hani?' Dia menjawab, 'Ya.' Aku bertanya lagi, 'Bagaimana perlakuan Allah terhadapmu?' Dia menjawab, 'Dia telah mengampuniku dengan bait-bait yang pernah kuucapkan dan bait-bait itu berada di bawah bantal.' Lantas aku langsung berangkat menemui keluarganya dan kuangkat bantal itu, ternyata di bawahnya terdapat lembaran yang bertuliskan:

Tuhanku, dosa-dosa-ku semakin banyak. Tetapi aku tahu bahawa ampunan-Mu itu lebih banyak. Jika tidak ada yang berharap kepada-Mu kecuali orang-orang baik sahaja lalu kepada siapa orang yang berbuat dosa ini memohon perlindungan dan keselamatan. Aku memohon kepada-Mu, Tuhanku sebagaimana aku diperintahkan untuk berendah diri. Jika ditolak kedua tanganku ini, siapa pula yang akan memberikan kasih sayang. Aku tidak memiliki wasilah kepada-Mu kecuali hanya harapan ini dan ampunan-Mu yang Maha Luas dan aku kini berserah diri."

Abu Bakar al-Asbahani bercerita, "Abu Nuwas pernah diperlihatkan di dalam tidurku. Ditanyakan kepadanya, 'Bagaimana Allah memperlakukanmu?' Dia menjawab, 'Dia telah mengampuniku kerana bait-bait syairku pada selemba daun:

Renungkanlah tumbuhan-tumbuhan yang ada di muka bumi ini dan perhatikanlah bukti-bukti yang telah diperbuat oleh sang Raja (Allah). Mata-mata dari perak pun bermunculan dengan hitam mata seperti emas yang dicetak. Di atas bongkahan permata hijau

terdapat bukti-bukti bahawa Allah itu tidak memiliki sekutu dan Muhammad adalah hamba sekaligus Rasulullah yang diutus kepada jin dan manusia diutus oleh sang Raja (Allah).'

Abu 'Ubaid ibn Harbawaih menuturkan bahawa ada seseorang yang menghadiri jenazah Sirri as-Suqti. Ketika malam tiba, dia bermimpi melihatnya. Dia bertanya, "Apa yang diperbuat Allah terhadapmu?"

Yang ditanya menjawab, "Dia telah mengampuniku serta mengampuni orang-orang yang menghadiri jenazahku dan mengerjakan solat jenazah untukku."

Lebih lanjut dia berkata, "Aku adalah salah seorang yang ikut menghadiri jenazahmu dan mengerjakan solat jenazah untukmu."

Kemudian dia mengeluarkan buku catatan dan melihatnya, ternyata dia tidak menemukan namanya. "Benar aku ikut menghadiri jenazahmu", ujarnya.

Lalu dia melihat kembali catatan itu dan ternyata dia menemukannya berada di bahagian pinggir.

Abu al-Qasim Ṭabit ibn Ahmad al-Husain al-Baghdadi bercerita, "Aku pernah bermimpi melihat Abu al-Qasim Sa'ad ibn Muhammad al-Zanjani. Dia berkata kepadaku berkali-kali, 'Abu al-Qasim, sesungguhnya Allah akan membangunkan satu rumah di syurga bagi ahlul hadis iaitu setiap majlis yang didudukinya untuk satu rumah.'"

Sementara Muhammad ibn Muslim ibn Darah bercerita sebagai berikut:

Di dalam tidur aku pernah melihat Abu Zar'ah. Aku bertanya kepadanya, "Bagaimana keadaanmu?"

Dia menjawab, "Alhamdulillah atas semua keadaan yang kualami. Aku dipanggil dan diberhentikan di hadapan-Nya, lalu Dia berfirman, "Ubaidillah, mengapa engkau banyak membicarakan hamba-hamba-Ku?' Aku menjawab, 'Tuhanku, sesungguhnya mereka berusaha akan mengubah agama-Mu.' Dia menyahut, 'Engkau benar.' Kemudian didatangkan Ṭahir al-Khalqani. Aku segera berlindung kepada Tuhan darinya. Lalu dia didera seratus kali deraan dan kemudian diperintahkan untuk memenjarakannya. Selanjutnya mereka berkata, 'Pertemuanlah 'Ubaidillah dengan sahabat-sahabatnya, iaitu Abu 'Abdillah, Sufyan ath-Thawri, Malik ibn Anas dan Ahmad ibn Hanbal.'"

Hafş ibn ‘Abdillah bercerita:

Di dalam tidur aku pernah bermimpi melihat Abu Zar‘ah setelah kematiannya. Dia mengerjakan solat di langit bersama para malaikat. Kutanyakan, “Dengan apa engkau mendapatkan ini?”

Dia menjawab, “Dengan tanganku ini aku telah menulis beribu-ribu hadis yang di dalamnya aku sebutkan, ‘Dari Nabi s.a.w.’ Sedangkan Nabi s.a.w. sendiri telah bersabda, ‘Barangsiapa berselawat kepadaku satu kali, maka dengannya Allah akan berselawat kepadanya sepuluh kali.’”

Zaid ibn Mukhallid at-Ṭarsusi bercerita, “Aku pernah bermimpi melihat Abu Zar‘ah setelah kematiannya. Dia mengerjakan solat di langit dengan suatu kaum yang memakai pakaian putih, sedangkan dia sendiri juga berpakaian warna putih. Mereka mengangkat tangan mereka dalam solat. Lalu kutanyakan, ‘Abu Zar‘ah, siapakah mereka itu?’ Dia menjawab, ‘Para malaikat.’ Aku bertanya lagi, ‘Dengan apa engkau mengetahui hal itu?’ Dia menjawab, ‘Dengan mengangkat kedua tangan di dalam solat.’ Lebih lanjut kukatakan, ‘Sesungguhnya golongan Jahmiyah³³ telah menyakiti sahabat-sahabat kami di Rayyi.’ Dia berkata, ‘Diam, kerana Ahmad ibn Hanbal telah menyiramkan air kepada mereka dari atas.’”

Abu ‘Abbas al-Muradi juga bercerita bahawa dirinya pernah bermimpi melihat Abu Zar‘ah. Lalu ditanyakan kepadanya, “Apa yang telah diperbuat Allah terhadapmu?”

Dia menjawab, “Aku telah bertemu dengan Tuhanku, lalu Dia berkata kepadaku, ‘Abu Zar‘ah, sesungguhnya telah dibawa kepada-Ku seorang anak kecil, lalu Aku memerintahkan untuk membawanya ke syurga. Lantas bagaimana dengan orang yang telah memelihara semua sunnah bagi semua hamba-hamba-Ku. Oleh kerana itu, masuk dan tempatilah syurga sekehendak hatimu.’”

Ibn ‘Asakir menuturkan riwayat dari Şidqah ibn Yazid. Dia bercerita sebagai berikut:

Aku pernah melihat tiga kubur di suatu tempat di Ṭarabulus atau Anṭabulus. Di atas salah satunya tertulis:

Bagaimana dapat menikmati hidup orang yang benar-benar

33 Jabariah.

*yakin
Bahawa kematian itu suatu saat pasti akan menjemputnya
Kemudian dia dibawa menghadap Raja yang Maha Agung lagi
Maha Mulia
Untuk selanjutnya ditempatkan di rumah yang dia memang layak
menempatnya*

Sedangkan pada kubur kedua tertulis:

*Bagaimana dapat menikmati hidup orang yang benar-benar
mengetahui
Bahawa Tuhan yang menciptakannya pasti akan bertanya
Lalu Dia akan melenyapkan kegelapan dari dirinya
Serta memberinya pahala kebaikan yang pernah dikerjakannya*

Sementara pada kubur ketiga tertulis:

*Bagaimana dapat menikmati hidup orang yang akan
dikembalikan ke kubur,
Yang di dalamnya dia akan diuji
Setelah bersinar, wajah tumpahnya akan pergi dengan cepat
Sedangkan jasad dan tulang-belulanganya akan tetap diuji.*

Kemudian aku singgah di sebuah desa di dekatnya, lalu kuceritakan kepada seorang syekh yang ada di sana mengenai hal itu, “Aku telah melihat sesuatu yang sangat menakjubkan.”

“Apa itu?” tanyanya.

“Aku melihat tiga kubur di sana”, jawabku.

Lalu dia mengatakan, “Sebenarnya peristiwanya lebih menakjubkan dari apa yang engkau lihat.”

“Ceritakanlah peristiwanya kepadaku”, pintaku.

Lebih lanjut, disebutkan sang syekh itu bercerita sebagai berikut:

Mereka itu adalah tiga bersaudara. Seorang di antaranya adalah penguasa, yang seorang lagi pedagang yang sangat dermawan dan yang lainnya adalah seorang zuhud yang telah mengasingkan diri untuk beribadah kepada Tuhannya. Selanjutnya orang yang zuhud itu menghadapi sakaratulmaut, lalu saudaranya

yang mempunyai kekuasaan mendatangnya. 'Abdul Malik ibn Marwan telah mengangkatnya sebagai gabenor di daerahnya. Saudaranya yang berjawatan sebagai pedagang juga mendatangnya. Kemudian keduanya bertanya kepadanya, "Tidakkah engkau mewasiatkan sesuatu?"

Dia menjawab, "Demi Allah, aku tidak mempunyai harta kekayaan dan tidak juga hutang, tetapi aku mengamanatkan kepada kalian berdua suatu amanat yang tidak boleh kalian langgar; iaitu jika aku meninggal dunia, kuburkanlah aku di dataran yang tinggi dan tuliskan di atas kuburku itu tulisan (seperti tersebut di atas). Semoga kalian berdua dapat mengambil pelajaran darinya."

Lalu keduanya melaksanakan amanat tersebut. Pada hari ketiga, saudaranya yang memegang jawatan sebagai penguasa itu mendatangi kuburnya. Ketika hendak kembali pulang, dia mendengar dari dalam kubur itu suara dahsyat (seperti robohnya bangunan) yang menjadikannya takut dan bulu romanya pun berdiri, sehingga dia pun kembali pulang dengan takut. Pada saat malam tiba, dia bermimpi melihat saudaranya yang sudah meninggal itu. Kemudian dia pun bertanya, "Saudaraku, suara apa yang aku dengar dari dalam kuburmu itu?"

"Suara pukulan pemukul besi. Kepadaku dikatakan, 'Engkau melihat orang yang dizalimi tetapi tidak membantunya?'"

Pada pagi harinya, dia memanggil saudaranya yang lain dan menceritakan mimpinya tersebut. Dia berkata, "Aku berjanji kepada kalian untuk tidak akan tinggal di tengah-tengah kalian selamanya."

Selanjutnya dia pun meninggalkan pemerintahan dan khusyuk beribadah; dia menyendiri di pergunungan dan lembah-lembah.

Tidak lama kemudian dia pun mengalami sakaratulmaut. Lalu saudaranya yang bekerja sebagai pedagang mendatangnya dan bertanya, "Apakah engkau tidak berwasiat sesuatu kepadaku?"

Dia menjawab, "Aku tidak mempunyai harta kekayaan dan tidak juga hutang. Akan tetapi, aku akan mengamanatkan kepadamu iaitu jika aku meninggal dunia, kuburkanlah aku di samping kubur saudaraku itu dan tuliskan di atasnya tulisan (seperti yang tertulis di atas)."

Ketika meninggal dunia, dia pun melaksanakan apa yang telah diamanatkan

kepadanya. Pada hari ketiga setelah kematiannya, saudaranya itu mendatangi kuburnya. Pada saat hendak kembali pulang, dia mendengar suara dahsyat dari dalam kuburnya yang hampir sahaja menghilangkan akalunya. Setelah itu, dia pun kembali pulang dengan dihinggapi rasa takut. Pada malam harinya, dia bermimpi melihat saudaranya di dalam tidurnya. Dia bertanya, “Bagaimana keadaanmu?” “Baik”, jawabnya.

“Lalu bagaimana keadaan saudaraku?” tanya saudaranya yang masih hidup.

Dia menjawab, “Dia bersama para imam yang baik.”

Dia bertanya lebih lanjut, “Bagaimana engkau melihat urusan kami di tempat kalian?”

Dia menjawab, “Barangsiapa yang mempersembahkan sesuatu, dia akan mendapatkannya. Oleh kerana itu, manfaatkanlah kekayaanmu itu sebelum sebelum engkau miskin.”

Pada pagi harinya, saudaranya itu langsung mengasingkan diri dan meninggalkan kekayaannya menuju ketaatan kepada Allah s.w.t. Sementara puteranya meneruskan usaha dagangnya hingga ayahnya itu meninggal dunia dan sebelum meninggal dia bertanya kepada ayahnya itu, “Ayah, tidakkah engkau mewasiatkan sesuatu kepadaku?”

Dia menjawab, “Anakku, aku tidak mempunyai harta kekayaan yang dapat aku wasiatkan. Akan tetapi, aku akan menitipkan amanah kepadamu iaitu jika aku meninggal dunia, kuburkanlah aku bersama kedua pakcikmu itu serta tuliskan di atas kuburku sebuah tulisan (seperti yang tersebut di atas), lalu datangilah kuburku tiga kali.”

Selanjutnya puteranya itu pun melaksanakan apa yang telah diamanatkan kepadanya. Pada hari ketiga dari kematiannya, dia mendengar dari dalam kubur ayahnya suara yang menakutkan sehingga dia segera kembali pulang dalam keadaan takut. Pada malam harinya, dia bermimpi melihat ayahnya berkata kepadanya, “Anakku, sebentar lagi engkau akan berkumpul bersama kami sementara urusannya tidaklah mudah. Oleh kerananya, persiapkanlah segala sesuatu untuk perjalanan panjangmu itu dan bersiaplah untuk pindah dari rumah yang akan engkau tinggalkan menuju rumah yang akan engkau tempati selamanya.

Janganlah engkau terpedaya oleh angan-angan panjang yang telah memperdaya para penganggur hingga mereka melupakan tempat tinggal mereka di akhirat sehingga mereka menyesal ketika kematian menjemput mereka. Sesungguhnya tidak ada lagi manfaat penyesalan pada saat kematian itu datang, tidak juga kelalaian mereka itu dapat menyelamatkan mereka. Oleh kerana itu anakku, segera, segera dan segeralah bersiap diri!”

Setelah itu, sang syeikh itu berkata, “Kemudian aku mendatangi pemuda itu pada pagi hari setelah mimpinya itu. Dia pun menceritakan mimpi yang dialaminya seraya berucap, ‘Aku tidak melihat apa yang dikatakan ayahku itu melainkan hal itu telah mengelilingi diriku; tidak juga menghitung sisa hidupku melainkan tiga bulan atau tiga hari sahaja kerana beliau telah mengingatkan aku untuk bersegera sampai tiga kali.’”

Selanjutnya pada hari ketiga dari mimpinya itu, dia memanggil anak-anaknya dan memesan sesuatu kepada mereka, lalu dia menghadap kiblat seraya mengucapkan syahadat. Setelah itu, dia meninggal pada malam harinya.



Penderitaan Orang Mati kerana Celaan Orang Hidup

'Aisyah r.a. menuturkan bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda, “Sesungguhnya seorang mayat itu merasa sakit di dalam kuburnya dengan sesuatu yang dapat menjadikannya merasa sakit di dalam rumahnya.”

(Hadis riwayat ad-Dailami)

Al-Qurtubi mengatakan, “Mungkin sahaja orang yang sudah meninggal dunia dapat merasa sakit atas ucapan atau perbuatan yang dilakukan oleh orang-orang yang masih hidup. Yang demikian itu merupakan balasan atas ucapan yang tidak baik yang pernah dilontarkan oleh orang yang sudah meninggal tersebut.”

Lebih lanjut dia berpendapat, “Mungkin juga yang dimaksudkan dengan hal itu adalah rasa sakit akibat kekasaran dan seksaan yang dilakukan oleh malaikat sebagai balasan perbuatan maksiat yang pernah dilakukannya.”

'Aisyah r.a. juga menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Janganlah kalian mencela orang-orang yang sudah meninggal kerana mereka telah sampai pada apa yang telah dikerjakannya.”

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Sedangkan dari Şafiyah binti Syaibah diriwayatkan bahawa kepada Nabi s.a.w. pernah disampaikan mengenai sesuatu hal yang buruk kepada seorang mayat. Beliau kemudian bersabda, “Janganlah kalian menyebutkan sesuatu mengenai orang-orang yang sudah meninggal di antara kalian kecuali kebaikan.”

(Hadis riwayat an-Nasa'i)

Ibn 'Umar r.a. menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sebutkanlah kebaikan-kebaikan orang-orang yang sudah meninggal di antara kalian dan tutupilah keburukan-keburukan mereka."

(Hadis riwayat AbuDaud, at-Tirmidzi dan Ibn Abi ad-Dunya)

'Aisyah mengatakan, "Aku pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, 'Janganlah kalian menyebutkan mengenai orang-orang yang sudah meninggal di antara kalian kecuali kebaikan. Sebab jika dia termasuk penghuni syurga, engkau telah berdosa. Jika termasuk penghuni neraka, cukuplah baginya merasakan apa yang ada di dalamnya.'"

(Hadis riwayat Ibn Abi ad-Dunya)



Penderitaan Mayat Akibat Ratapan Orang atas Dirinya

'Aisyah r.a. menuturkan, pernah dikatakan kepadanya bahawa Ibn 'Umar pernah melapor kepada Nabi s.a.w., "Sesungguhnya seorang mayat itu akan diazab kerana tangisan orang yang masih hidup."

Lalu 'Aisyah berkata, "Abu Abdur Rahman lupa, tetapi dia mengatakan, 'Keluarga orang yang meninggal itu menangisinya dan sesungguhnya dia akan diazab akibat kejahatannya."

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Yusuf ibn Mahik, sebagaimana dituturkan oleh Ibn Sa'ad bercerita, "Aku pernah melihat Ibn 'Umar mendatangi jenazah Rafi' ibn Khudaij lalu dia berkata, 'Sesungguhnya seorang mayat itu akan diazab kerana tangisan orang yang masih hidup."

Sedangkan Ibn 'Abbas mengatakan, "Sesungguhnya seorang mayat itu diazab kerana tangisan orang yang masih hidup."

Hadis mengenai seorang mayat akan diazab akibat tangisan orang yang masih hidup juga diriwayatkan oleh Abu Ya'la dari Abu Bakar aṣ-Ṣiddiq r.a. dengan lafaz, "Disiramkan kepadanya air mendidih akibat tangisan orang yang masih hidup."

Sementara dari 'Umar ibn al-Khaṭṭab r.a. dengan lafaz, "Sesungguhnya seorang mayat itu akan diazab di dalam kuburnya akibat ratapan ke atas dirinya."

Hadis di atas diriwayatkan oleh al-Bukhari, Anas dan Ibn Majah dari 'Imran ibn

Huṣain; at-Ṭabrani dari Samrah ibn Jundab; Abu Ya'la dari Abu Hurairah dan Ibn Mundah dari Mughirah ibn Syu'bah.

Namun mengenai hal ini, para ulama masih berbeza pendapat sebagai berikut:

Pertama, mutlak secara lahiriah. Ini merupakan pendapat 'Umar ibn al-Khaṭṭab dan puteranya, Ibn 'Umar.

Kedua, bukan sesuatu yang mutlak.

Ketiga, menyebutkan bahawa si mayat itu diazab pada saat tangisan mereka ke atasnya berlangsung. Seksaan itu akibat dosa yang diperbuatnya.

Keempat, menyatakan bahawa hal itu hanya khusus bagi orang kafir sahaja.

Dua pendapat lainnya adalah bersumber dari 'Aisyah, iaitu:

Kelima, menerangkan bahawa hal itu khusus bagi ratapan yang memang sudah menjadi kebiasaannya.

Keenam, menyebutkan bahawa hal itu ditujukan bagi orang yang berwasiat agar dia diratapi atau ditangani kerana kematiannya.

Ketujuh, hal itu ditujukan bagi orang yang tidak berwasiat sebelum meninggal agar tidak diratapi atau ditangani. Wasiat mengenai hal itu wajib jika dia mengetahui bahawa keluarganya akan melakukan hal itu jika dia meninggal dunia.

Kelapan, menyatakan bahawa seksaan itu diberikan kerana ungkapan yang diucapkan pada saat meratap sebagaimana orang-orang jahiliah melakukannya. Misalnya ungkapan, "Wahai orang yang menjadikan wanita janda", atau "Wahai orang yang menjadikan anak-anak yatim", atau "Wahai orang yang menghancurkan rumah tangga."

Kesembilan, menyebutkan bahawa yang dimaksud dengan seksaan itu adalah celaan yang diberikan para malaikat kepadanya atas ratapan keluarganya. Hal itu didasarkan pada hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi, al-Hakim dan Ibn Majah sebagai hadis *marfu'*. Hadis itu berbunyi, "Tidaklah seseorang meninggal dunia, lalu keluarga yang meratapinya mengucapkan, 'Wahai orang yang dijadikan sandaran', atau kata-kata yang semisalnya, melainkan akan diutus kepadanya dua malaikat yang memukulnya. Apakah demikian itu engkau berbuat?"

Dari Ibn 'Umar dituturkan bahawa 'Abdullah ibn Rawahah pernah pengan, lalu isterinya meratap. Kemudian Nabi s.a.w. datang menemuinya sementara dia sudah sedar seraya berucap, "Ya Rasulullah, aku jatuh pengan lalu para wanita itu berteriak seraya berkata, 'Kasihku, sayangku...!' Lalu datang kepadaku malaikat dengan membawa palu besar dan meletakkannya di antara kedua kakiku seraya berucap, 'Apakah engkau seperti yang dikatakannya?' Aku menyahut, 'Tidak', kerana jika aku jawab 'Ya', maka dia akan memukulku."

(Hadis riwayat at-Ṭabrani)

Al-Hakim menuturkan riwayat dari Nu'man bahawa 'Abdullah ibn Rawahah jatuh pengan, lalu saudara perempuannya, Umrah menangis sambil berucap, "Ya saudaraku, ya begini, ya begitu", sampai berkali-kali. Ketika sedar, dia berkata, "Engkau tadi tidak mengucap sesuatu melainkan ditanyakan kepadaku, 'Apakah engkau seperti itu?'"

Dari al-Miqdam ibn Ma'di Karab, Ibn Sa'ad menuturkan bahawa ketika 'Umar ibn al-Khaṭṭab r.a. jatuh sakit, Hafsa masuk menemuinya seraya berkata, "Wahai sahabat Rasulullah, pendukung Rasulullah, wahai Amirul mukminin."

Lalu 'Umar berkata, "Sesungguhnya aku mengharamkan bagimu meratapiku setelah ini kerana tidak ada seorang mayat pun yang diratap dengan sesuatu yang tidak terdapat pada dirinya melainkan malaikat akan memukulnya."

Kesepuluh, menyebutkan bahawa maksudnya adalah seorang mayat itu akan merasa menderita atas apa yang dilakukan oleh keluarganya. Hal itu didasarkan pada hadis yang diriwayatkan oleh at-Ṭabrani dan Ibn Abi Syaibah dari Ṣafiyah ibn Mukhrimah. Disebutkan, dia pernah mengadu kepada Rasulullah s.a.w. bahawa anaknya meninggal dunia. Lalu dia menangis. Rasulullah s.a.w. bersabda, "Apakah salah seorang di antara kalian akan memperlakukan sahabat kecilnya di dunia dengan baik lalu apabila sahabatnya itu meninggal, dia memohon agar dikembalikan? Demi Allah, yang jiwa Muhammad berada di tangan-Nya. Sesungguhnya salah seorang di antara kalian akan menangis, lalu sahabat kecilnya itu menangisnya. Wahai hamba-hamba Allah, janganlah kalian menyiksa orang-orang yang sudah meninggal di antara kalian."

Pendapat ini juga dikemukakan oleh Ibn Jarir dan menjadi pilihan sekelompok imam, yang terakhir dari mereka adalah Ibn Taimiyah.

Ahmad menuturkan bahawa Abu ar-Rabi' bercerita, "Aku pernah bersama Ibn 'Umar menghantarkan satu jenazah. Tiba-tiba Ibn 'Umar mendengar suara yang berteriak sehingga dia menyuruh orang untuk mendiamkannya. Lalu aku bertanya kepadanya, "Mengapa engkau menyuruhnya diam, wahai Abu Abdur Rahman?"

Dia menjawab, "Sesungguhnya yang demikian itu dapat menyakiti si mayat hingga dimasukkan ke dalam kuburnya."

Sementara Sa'id ibn Mansur menuturkan riwayat dari Ibn Mas'ud. Disebutkan bahawa dia pernah menyaksikan beberapa wanita ikut menghantarkan jenazah, lalu dia berkata, "Pulanglah kalian semua, kalian hanya akan mendapat dosa dan tidak mendapatkan pahala. Kalian ini hanya akan menimbulkan fitnah bagi orang-orang yang masih hidup dan menyakiti orang-orang yang sudah meninggal dunia."

Sedangkan pada juz pertama hadis Yahya ibn Mu'in yang bersumber dari al-Hasan, disebutkan bahawa sejahat-jahat manusia bagi seorang mayat adalah keluarganya; mereka itu menangisinya dan tidak membayar hutangnya.



Penderitaan Orang Mati oleh Segala Hal yang Menyakitkan

Ibn Abi Syaibah dan al-Hakim menuturkan bahwa 'Uqbah ibn Amir aṣ-Ṣahabi r.a. berkata, "Berjalan di atas bara api atau di atas mata pedang yang tajam yang dapat memotong kedua kakiku lebih aku sukai daripada harus berjalan di atas kubur orang Muslim."

Hadis di atas diriwayatkan juga oleh Ibn Majah dari Hudzaifah sebagai hadis *marfu'*.

Dalam *al-Qubur*, Ibn Abi ad-Dunya menuturkan riwayat dari Salim ibn 'Itr. Disebutkan bahawa dia pernah berjalan melintasi suatu kubur sedangkan pada saat itu dia menahan kencing hingga kencing di bajunya. Lalu dikatakan kepadanya, "Andai sahaja engkau singgah di kubur itu dan kencing di sana."

Mendengar itu, dia menjawab, "*Subhanallah!* Demi Allah, aku sungguh malu kepada para penghuni kubur itu sebagaimana aku malu kepada orang-orang yang masih hidup."

'Ammarah ibn Hazm berkata, "Rasulullah s.a.w. pernah melihatku duduk di atas suatu kubur lalu baginda bersabda, 'Hai orang yang duduk di atas kubur, turunlah. Janganlah engkau menyakiti penghuninya, nescaya dia pun tidak akan menyakitimu.'"

Dari Ibn Mas'ud, Sa'id ibn Mansur menuturkan bahawa dia pernah ditanya mengenai berhubungan badan di atas kubur. Dia menjawab, "Sebagaimana aku tidak mahu menyakiti orang mukmin semasa hidupnya, aku juga tidak mahu

menyakitinya setelah dia meninggal.”

Masih dari Ibn Mas’ud, kali ini dituturkan oleh Ibn Abi Syaibah, disebutkan bahwa dia pernah mengatakan, “Menyakiti orang mukmin sesudah dia meninggal sama seperti menyakitinya pada saat dia masih hidup.”

Sementara al-Qasim ibn Mukhaimir berkata, “Memijak mata tombak sehingga menembus kakiku lebih aku sukai daripada aku harus memijakkan kakiku di atas suatu kubur. Sesungguhnya pernah ada seseorang yang memijakkan kakinya di atas suatu kubur sedangkan hatinya dalam keadaan sadar, hingga tiba-tiba dia mendengar suara dari dalam kubur, ‘Menjauhlah dariku, hai manusia! Janganlah engkau menyakitiku.’”



Dua Malaikat Penjaga Kubur Orang mukmin

Abu Sa'id berkata bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda sebagai berikut:

Jika Allah mencabut nyawa seorang hamba mukmin, kedua malaikat yang menjaganya (Raqib dan 'Atid) akan terus naik ke langit seraya berucap, "Tuhanku, Engkau telah menugaskan kami menjaga hamba-Mu yang mukmin untuk mencatat amalnya dan kami telah menyerahkannya kepada-Mu. Oleh kerana itu, izinkanlah kami untuk tinggal di langit."

Tuhan lantas berfirman, "Langit-Ku telah dipenuhi oleh malaikat-malaikat-Ku yang sentiasa menyucikan-Ku."

Lebih lanjut keduanya berkata, "Kalau begitu, izinkanlah kami tinggal di bumi."

Tuhan kembali berfirman, "Bumi-Ku telah dipenuhi oleh makhluk-makhluk-Ku yang sentiasa menyucikan-Ku tetapi jagalah kuburan hamba-Ku ini. Bertasbih, bertahlil dan bertakbirlah kalian berdua sampai Hari Kiamat tiba. Catatlah pahala semua itu untuk hamba-Ku itu."

(Hadis riwayat Abu Nu'aim)

Hadis ini juga diriwayatkan oleh al-Baihaqi dalam *Syua'ab al-Iman*, Ibn Abi ad-Dunya dari Anas ibn Malik serta Ibn al-Jawzi dalam *al-Mawdu'at* dari Abu Bakar aš-Šiddiq r.a. Di dalamnya ditambahkan, "Sedangkan jika seorang hamba kafir meninggal dunia, kedua malaikat itu akan terus naik ke langit, lalu dikatakan kepadanya keduanya, 'Kembalilah ke kuburnya dan susahkanlah dia!'"



Hal-hal yang Bermanfaat bagi Mayat di Dalam Kuburnya

Dari Ṭabit al-Banani, Ibn Abi ad-Dunya dan Abu Nu'aim menuturkan, "Jika jenazah seorang mukmin telah diletakkan di lubang kuburnya, dia akan langsung dikelilingi oleh amal-amal solehnya. Lalu datang kepadanya malaikat pemberi azab sehingga sebahagian amal solehnya berkata kepada malaikat itu, 'Jangan engkau mendekatinya. Seandainya dia tidak memiliki apa pun kecuali aku, nescaya engkau tidak akan pernah sampai kepadanya.'"

Masih dari Ṭabit al-Banani, Ibn Abi ad-Dunya mengatakan, "Jika seorang hamba yang soleh meninggal dunia, lalu diletakkan di dalam kuburnya, akan dibawakan kepadanya tempat tidur dari syurga dan dikatakan kepadanya, 'Tidurlah dengan nyaman dan bahagia. Engkau telah berbuat baik sehingga Allah meredhaimu.' Selain itu, akan dilapangkan kuburnya seluas pandangan mata dan dibukakan baginya pintu syurga sehingga dia dapat melihat keindahan syurga dan mencium baunya. Dia juga akan dikelilingi oleh amal solehnya; puasa, solat dan kebaikan. Semua amal solehnya itu berkata kepadanya, 'Kami telah menyusahkanmu, menyebabkan kamu haus dan menjadikanmu tidak tidur malam. Sekarang kami akan memenuhi apa yang engkau sukai sehingga engkau sampai di tempat tinggalmu di syurga.'"

Anas ibn Malik r.a. menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda sebagai berikut:

Setiap orang mempunyai tiga teman. Salah satu temannya berkata kepadanya,

“Apa yang engkau infakkan adalah untukmu dan yang engkau tahan bukan milikmu.” Demikian itulah hartanya.

Sedangkan temannya yang satu lagi berkata, “Aku akan ikut bersamamu, jika engkau telah sampai di pintu syurga aku akan meninggalkanmu dan kembali.” Demikian itulah keluarganya.

Sementara temannya yang ketiga mengatakan, “Aku akan selalu bersamamu ke mana pun engkau pergi.” Demikian itulah amalnya.

(Hadis riwayat al-Bazzar, at-Ṭabrani dan al-Hakim)

Masih dari Anas ibn Malik disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Jika seorang hamba meninggal, dia akan diikuti oleh tiga hal. Yang dua kembali pulang dan yang satu tetap ikut bersamanya. Dia diikuti oleh keluarga, harta dan amalnya. Keluarga dan hartanya kembali sedangkan amalnya tetap bersamanya.”

(Hadis riwayat asy-Syaikh)

Sementara dari Nu'man ibn Basyir dituturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda sebagai berikut:

Perumpamaan seseorang dan perumpamaan kematian itu seperti seseorang yang memiliki tiga teman. Salah satu dari teman itu mengatakan, “Inilah harta kekayaanku, ambil dan tinggalkanlah sesuka hatimu.”

Sedangkan temannya yang lain mengatakan, “Aku akan ikut bersamamu dan mengabdikan kepadamu. Jika aku meninggal, aku akan meninggalkanmu.”

Temannya yang ketiga mengatakan, “Aku akan sentiasa bersamamu, masuk dan keluar bersamamu, meskipun engkau meninggal mahupun hidup.”

Teman yang pertama adalah harta kekayaannya. Teman kedua adalah keluarganya. Teman yang ketiga adalah amalnya yang masuk dan keluar menyertainya, bila dan di mana sahaja.

(Hadis riwayat al-Bazzar, at-Ṭabrani dan al-Hakim)

Ka'ab, sebagaimana dituturkan oleh Ibn Abi ad-Dunya, pernah berkata sebagai berikut:

Jika seorang hamba yang soleh diletakkan di dalam kuburnya, amal solehnya akan mengelilinginya: solat, puasa, haji, jihad dan sedekah. Lalu datang kepadanya

malaikat pemberi azab dari sisi kakinya, sehingga solatnya berkata, “Menjauhlah kamu darinya kerana tidak ada jalan bagimu menuju dirinya. Dia telah berdiri lama di atasku untuk beribadah kepada Allah.”

Kemudian datang malaikat dari sisi kepalanya, sehingga ibadah puasanya berkata, “Tidak ada jalan menuju dirinya kerana dia telah menahan rasa haus untuk beribadah kepada Allah di dunia.”

Setelah itu, malaikat datang dari bahagian tengah tubuhnya sehingga ibadah haji dan jihadnya berkata, “Menjauhlah darinya, dia telah menyerahkan jiwanya dan mengerahkan tenaganya untuk mengerjakan haji dan jihad di jalan Allah, sehingga tidak ada jalan bagimu menuju dirinya.”

Selanjutnya para malaikat mendatanginya dari sisi kedua tangannya, sehingga sedekah yang pernah dilakukannya mengatakan, “Jangan kalian mendekati sahabatku. Betapa banyak sedekah yang telah keluar dari kedua tangan ini sehingga sampai di tangan Allah, dengan mengharap keredhaan-Nya. Dengan demikian, tidak ada jalan bagi kalian menuju dirinya.”

Lalu dikatakan kepada hamba soleh itu, “Selamat untukmu, engkau telah hidup dengan baik, sehingga mati pun dengan cara yang baik.”

Setelah itu, malaikat pemberi rahmat datang kepadanya lalu membentangkan tempat tidur dan selimut dari syurga, serta dilapangkan kuburnya seluas pandangan mata. Selain itu, didatangkan pula kepadanya pelita dari syurga sehingga dia dapat memanfaatkan cahayanya sampai pada hari tatkala Allah membangkitkannya dari kuburnya.

Dalam *at-Targhib*, al-Asbahani menuturkan riwayat dari Abu Minhal. Dia mengatakan, “Tidak ada yang menemani seorang hamba di dalam kuburnya yang lebih disukainya daripada istighfar yang banyak.”

Sementara itu, Abu Hurairah menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Jika seseorang meninggal dunia, akan terputuslah semua amalnya kecuali tiga hal: sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat atau anak soleh yang mendoakannya.”

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Selain itu, diriwayatkan pula dari Abu Umamah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Ada empat golongan orang yang sentiasa mengalir pahala kepada

mereka setelah meninggal dunia, iaitu: orang yang berjaga untuk berjihad di jalan Allah; orang yang mengajarkan ilmu; orang yang bersedekah amal jariah; dan orang yang meninggalkan anak soleh yang berdoa untuknya.”

(Hadis riwayat Ahmad)

Sedangkan dari Jarir ibn ‘Abdillah diriwayatkan sebuah hadis *marfu’*. Disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Barangsiapa yang menciptakan suatu amalan yang baik, baginya pahala amalan itu dan pahala dari orang yang mengerjakannya setelah kematiannya tanpa mengurangi sedikit pun pahala mereka (orang yang mengerjakannya) itu. Barangsiapa yang menciptakan suatu amalan yang buruk, baginya dosa dari amalan itu dan dosa dari orang yang mengerjakan amalan itu setelah kematiannya, tanpa mengurangi sedikit pun dosa mereka (orang yang mengerjakannya).”

(Hadis riwayat Muslim)

Dari Raja’ ibn Haywah, Ibn Sa’id menuturkan bahawa dia pernah berkata kepada Sulaiman ibn ‘Abdul Malik, “Di antara yang menjaga seorang khalifah di dalam kuburnya adalah tindakannya menyerahkan kekhalifahan kepada orang soleh.”

Sedangkan dari Abu Sa’id al-Khudri, Ibn ‘Asakir menuturkan sebuah hadis *marfu’*. Disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Barangsiapa yang mengajarkan satu ayat dari Kitabullah ‘*Azza wa Jalla*’ atau satu pembahasan dari suatu ilmu, Allah akan mengembangkan pahalanya sampai Hari Kiamat kelak.”

Abu Hurairah menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Sesungguhnya di antara amal kebaikan seorang mukmin yang akan tetap mengalir kepadanya adalah ilmu yang disebarluaskannya, anak soleh yang ditinggalkannya, kitab al-Quran yang diwariskannya, masjid yang dibangunnya, rumah untuk ibnu sabil yang dibangunnya, sungai yang dialirkan atau sedekah yang dikeluarkan semasa sihatnya. Semua itu akan menemuinya setelah dia meninggal dunia.”

(Hadis riwayat Ibn Majah dan Ibn Khuzaimah)

Sementara Anas ibn Malik menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Ada tujuh hal yang pahalanya akan sentiasa mengalir bagi seorang hamba setelah kematiannya sedangkan dia berada di dalam kuburnya iaitu: orang yang mengajarkan ilmu; orang yang mengalirkan sungai; orang yang membuatkan

sumur; orang yang menanam pohon kurma; orang yang membangun masjid; orang yang mewariskan kitab al-Quran; atau orang yang meninggalkan anak yang memohonkan ampunan baginya setelah kematiannya.”

(Hadis riwayat Abu Nu’aim dan al-Bazzar)

Ṭawban menuturkan bahwa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Aku pernah melarang kalian berziarah ke kubur, sekarang berziarahlah. Jadikanlah ziarah kubur kalian sebagai doa sekaligus permohonan ampunan bagi mereka.”

(Hadis riwayat at-Ṭabrani)

Dari Ibn Ṭawus, Abu Nu’aim menuturkan bahwa dia pernah bercerita, “Aku pernah bertanya kepada ayahku, ‘Apakah yang paling afdhal diucapkan di sisi seorang mayat?’ Dia menjawab, ‘Istighfar.’”

Sementara dari Abu Hurairah dituturkan, Rasulullah s.a.w. bersabda bahwa sesungguhnya Allah akan mengangkat derajat seorang hamba yang soleh di surga. Lalu dia bertanya, “Tuhanku, dari manakah semua ini aku dapatkan?”

Tuhan menjawab, “Dari istighfar yang diucapkan anakmu untukmu.”

(Hadis riwayat at-Ṭabrani)

Sedangkan menurut riwayat Imam al-Baihaqi, lafaz hadis itu berbunyi, “Dari doa anak yang dipanjatkan untukmu.”

Hadis ini juga diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dari Abu Hurairah sebagai hadis *mawquf*.

Abu Sa’id al-Khudri bercerita, Rasulullah s.a.w. bersabda, “Pada Hari Kiamat kelak pelbagai kebaikan yang besarnya seperti gunung akan mengikuti seseorang. Lalu orang itu bertanya, ‘Dari manakah semua ini?’ kepadanya dikatakan, ‘Dari istighfar yang diucapkan anakmu untukmu.’”

Ibn ‘Abbas menuturkan Rasulullah s.a.w. bersabda, “Tidaklah seorang mayat di dalam kuburnya melainkan seperti orang tenggelam yang memohon bantuan; yang menunggu doa dari ayah, ibu, anak, atau temannya. Jika doa itu telah dipanjatkan, yang demikian itu lebih dicintainya daripada dunia dan seisinya. Sesungguhnya Allah s.w.t. akan memasukkan kepada ahli kubur doa dari orang yang masih hidup yang menyerupai gunung. Sesungguhnya hadiah yang dapat diberikan orang yang masih hidup kepada orang yang sudah meninggal adalah istighfar.”

(Hadis riwayat Imam al-Baihaqi dalam *Syua'ib al-Iman* dan ad-Dailami)

Menurut Imam al-Baihaqi, Abu 'Ali al-Husain ibn 'Ali al-Hafiz mengatakan, "Ini termasuk hadis *gharib* yang bersumber dari 'Abdullah ibn al-Mubarak."

Ibn Abi ad-Dunya menuturkan riwayat dari Sufyan. Dia mengatakan bahawa dahulu pernah dikatakan, "Orang-orang yang sudah meninggal itu lebih mengharap doa dari orang-orang yang masih hidup daripada makanan dan minuman."

Telah dinukil dari beberapa ijma' bahawa doa itu sangat bermanfaat bagi orang yang sudah meninggal. Dalil al-Quran yang menjadi landasan hal itu adalah firman Allah s.wt.:

وَالَّذِينَ جَاءُوا مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا

يَا أَيُّهَا

Orang-orang yang datang sesudah mereka (Muhajirin dan Anshar) berdoa, "Tuhan kami, berilah ampunan kepada kami dan saudara-saudara kami yang telah beriman lebih dahulu daripada kami."

(Surah al-Hasyr: 10)

Sementara Ibn Abi ad-Dunya menuturkan riwayat dari seorang ulama salaf. Ulama itu mengatakan, "Aku pernah bermimpi melihat saudaraku di dalam tidur setelah kematiannya. Aku bertanya, 'Apakah doa yang dipanjatkan orang-orang yang masih hidup itu sampai kepadamu?' Dia menjawab, 'Ya, demi Allah, doa itu terbang dengan menggerak-gerakkan sayapnya seperti cahaya, lalu kami mengambilnya.'"

'Amr ibn Jarir berkata, "Jika seorang hamba berdoa untuk saudaranya yang sudah meninggal dunia, dengan doa itu akan datang malaikat ke kuburnya seraya mengatakan, 'Wahai penghuni kubur ini, inilah hadiah dari saudaramu yang menaruh kasihan terhadapmu.'"

Ibn Rajab menuturkan riwayat dari Ja'far al-Khuldi yang bersumber dari 'Abbas ibn Ya'qub ibn 'Salih al-Anbari. Dia mengatakan, "Aku pernah mendengar ayahku bercerita bahawa sebahagian orang soleh pernah bermimpi melihat ayahnya di dalam tidur. Dia mengatakan, 'Puteraku, mengapa engkau memutuskan hadiah dari kami?' Dia balik bertanya, 'Ayah, apakah orang-orang yang sudah meninggal

dunia mengetahui hadiah yang diberikan oleh orang-orang yang masih hidup? ayahnya menjawab, 'Puteraku, kalau bukan kerana orang-orang yang masih hidup nescaya orang-orang yang sudah meninggal itu binasa', sahutnya."

Ibn an-Najjar dari Malik ibn Dinar bercerita, "Aku pernah memasuki pekubur pada malam Jumaat. Tiba-tiba bersamaku ada cahaya yang bersinar di dalamnya. Aku berucap, *'La Ilaha illa Allah*, kami melihat bahawa Allah telah memberikan ampunan kepada para penghuni kubur.' Selanjutnya ada suara seorang hamba yang berseru, 'Wahai Malik ibn Dinar, inilah hadiah seorang mukmin yang diberikan kepada saudaranya yang berada di dalam kubur.' Kemudian aku bertanya, 'Demi Allah yang telah menjadikanmu dapat bicara, beritahukanlah kepadaku, mengapa demikian?' Dia menjawab, 'Ada seorang mukmin yang bangun pada malam hari ini, lalu dia menyempurnakan wudhuknya serta mengerjakan solat dua rakaat. Di dalamnya dia membaca surah al-Fatihah, al-Kafirun dan al-Ikhlash. Kemudian orang ini berkata, 'Ya Allah, sesungguhnya aku telah memberikan pahala dari ibadahku ini kepada orang-orang mukmin penghuni kubur.' Lalu Allah memasukkan ke dalamnya cahaya, nur, keluasan kubur serta kebahagiaan di belahan timur dan barat."

Malik ibn Dinar berkata, "Aku masih terus membaca kedua surah di atas pada setiap malam Jumaat, hingga akhirnya aku bermimpi melihat Nabi s.a.w. Baginda berkata kepadaku, 'Wahai Malik ibn Dinar, Allah telah memberikan ampunan kepadamu dengan sejumlah nur yang engkau hadiahkan kepada umatku dan engkau sendiri mendapatkan pahala dari amal tersebut. Selain itu, Allah juga akan membangun rumah untukmu di syurga, di dalam istana yang disebut al-Munif. Lalu aku bertanya, 'Apakah al-Munifitu?' Baginda menjawab, 'Orang yang menjaga penghuni syurga.'"

Ibn Abi ad-Dunya menuturkan bahawa Basyar ibn Ghalib pernah bercerita sebagai berikut:

Aku pernah bermimpi melihat Rabi'ah, sementara aku telah banyak berdoa untuknya. Rabi'ah berkata kepadaku, "Basyar, hadiah-hadiah yang engkau berikan telah sampai kepada kami dalam bentuk tompokan cahaya yang ditutupi dengan kain sutera."

"Bagaimana hal itu terjadi?" tanyaku.

Dia menjawab, “Demikianlah doa dari orang-orang mukmin yang masih hidup. Jika mereka itu berdoa untuk orang-orang yang sudah meninggal dan doa itu sendiri dikabulkan bagi mereka, doa itu akan diletakkan di atas tumpukan cahaya dan ditutup dengan kain sutera dan kemudian hadiah itu dibawa kepada orang yang didoakan seraya dikatakan, ‘Inilah hadiah dari si fulan yang diberikan kepadamu.’”

Dalam *al-Awsaf*, Imam at-Ṭabrani meriwayatkan hadis dari Anas ibn Malik sebagai hadis *marfu'*. Diturunkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Umatku adalah umat yang disayang. Mereka masuk ke kubur mereka dengan penuh dosa dan keluar darinya dalam keadaan bersih dari dosa. Yang demikian itu kerana istighfar orang-orang mukmin.”

Dari Ibn Mas‘ud, ad-Darimi mengatakan, “Ada empat hal yang diberikan kepada seseorang setelah kematiannya, iaitu: sepertiga hartanya, jika sebelum meninggal dunia dia benar-benar taat kepada Allah; anak soleh yang mendoakannya setelah meninggal; amal kebaikan yang diciptakan oleh seseorang; dan amalnya yang kemudian dikerjakan juga oleh orang lain setelah kematiannya.”

Sementara Aisyah r.a. menuturkan bahawa ada seseorang yang berkata, “Ya Rasulullah, sesungguhnya ibuku meninggal dunia secara mendadak tetapi tidak meninggalkan wasiat. Aku mengira jika dia dapat berbicara, nescaya dia akan bersedekah. Lalu apakah dia akan mendapatkan pahala jika aku bersedekah untuknya?”

“Ya”, jawab beliau.

(Hadis riwayat asy-Syaikh)

Sedangkan dari Ibn ‘Abbas diriwayatkan bahawa ketika ibu Sa‘ad ibn ‘Ubadah meninggal, ‘Ubadah tidak berada di sisinya. Dia kemudian mendatangi Rasulullah s.a.w. seraya bertanya, “Ya Rasulullah, ibuku meninggal sementara aku tidak berada di sisinya, apakah akan ada manfaatnya baginya jika aku bersedekah untuknya?”

Beliau menjawab, “Ya.”

Lebih lanjut dia berkata, “Aku bersaksi kepada Engkau bahawa kebun kurmaku aku jadikan sebagai sedekah untuknya.”

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Sa'ad ibn 'Ubadah juga mengaku pernah bertanya, "Ya Rasulullah, ibuku meninggal dunia. Apakah sedekah yang paling afdhal itu?"

Beliau menjawab, "Air."

Kemudian dia segera membuat sumur seraya berkata, "Sumur ini milik ibunya Sa'ad."

(Hadis riwayat Ahmad, Abu Daud, at-Tirmidzi, an-Nasa'i dan Ibn Majah)

Sementara itu, 'Uqbah ibn Amir menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesungguhnya sedekah itu akan mendinginkan panasnya kubur bagi pelakunya."

(Hadis riwayat at-Tabrani)

Dengan *sanad sahih*, Anas ibn Malik r.a. juga menuturkan bahawa Sa'ad pernah datang menghadap Rasulullah seraya bertanya, "Ya Rasulullah, sesungguhnya ibuku telah meninggal dunia, tetapi dia tidak meninggalkan wasiat. Apakah ada manfaat baginya jika aku bersedekah untuknya?"

Beliau menjawab, "Ya dan hendaklah engkau bersedekah dengan air."

(Hadis riwayat at-Tabrani)

Masih dari Sa'ad ibn 'Ubadah, kali ini diriwayatkan oleh Imam at-Tabrani. Disebutkan bahawa dia bercerita, "Aku pernah bertanya, 'Ya Rasulullah, ibuku telah meninggal dunia, tetapi dia tidak berwasiat dan tidak juga bersedekah. Apakah akan memberikan manfaat kepadanya jika aku bersedekah untuknya?' Beliau menjawab, 'Ya, meskipun hanya dengan betis kambing yang dipanggang.'"

Sementara itu, dari Ibn 'Umar juga pernah diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda, "Jika salah seorang di antara kalian bersedekah secara sukarela dengan meniatkannya untuk kedua orang tuanya, bagi keduanya ada pahala dari sedekah tersebut tanpa mengurangi sedikit pun pahala orang yang mengeluarkannya."

(Hadis riwayat at-Tabrani)

Hal yang sama juga diriwayatkan oleh ad-Dailami dari Mu'awiyah ibn Hidad. Selain itu, Imam at-Tabrani juga menuturkan hadis dalam *al-Awsat* dari Anas ibn Malik. Dia mengaku pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, "Tidaklah sebuah keluarga yang ditinggal mati oleh salah seorang anggotanya, lalu mereka bersedekah untuknya setelah wafatnya melainkan Jibril akan menjadikannya

sebagai hadiah yang diberikan kepadanya di atas tompokan cahaya, lalu berhenti di tepi kubur seraya berkata, ‘Wahai penghuni kubur yang sangat dalam, inilah hadiah yang diberikan keluargamu untukmu.’ Kemudian Jibril menyerahkannya kepadanya di dalam kubur. Dia tentu sahaja merasa senang dan bahagia, sementara jirannya yang tidak mendapatkan hadiah merasa bersedih.”

Ibn ‘Umar r.a. menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Barangsiapa yang menunaikan ibadah haji untuk kedua orang tuanya setelah keduanya meninggal dunia, Allah akan menjauhkannya dari api neraka. Sedangkan bagi orang yang dihajikan itu memperoleh haji yang sempurna tanpa mengurangi sedikit pun pahala keduanya.”

(Hadis riwayat Imam al-Baihaqi dalam *Syua’b al-Iman* dan al-Ashbahani dalam *at-Tarhīb* dengan *sanad* yang di dalamnya terdapat dua perawi yang tidak diketahui [majhul])

Sedangkan dalam *al-Fawa’id al-Ma’rufah bi ath-Thaqfiyyat*, Abu Abdillah ath-Thaqafi menuturkan riwayat dari Zaid ibn Arqa. Dia berkata, “Barangsiapa yang menunaikan ibadah haji untuk kedua orang tuanya, sementara keduanya belum pernah menunaikannya, nescaya keduanya akan mendapatkan pahala haji tersebut; arwah keduanya akan merasa bahagia di langit; dan akan ditetapkan hal itu baginya di sisi Allah sebagai kebaikan.”

Dengan *sanad hasan* diriwayatkan pula hadis dari Anas ibn Malik r.a. Disebutkan, dia bercerita bahawa ada seseorang yang datang kepada Nabi s.a.w. seraya berkata, “Ayahku meninggal dunia tetapi dia belum pernah mengerjakan ibadah haji.”

Beliau kemudian berkata, “Bagaimana menurutmu jika ayahmu itu mempunyai hutang, bukankah engkau akan membayarnya?”

“Ya,” jawabnya.

Lebih lanjut baginda bersabda, “Yang demikian itu juga merupakan hutang baginya. Oleh kerana itu, tunaikanlah.”

(Hadis riwayat al-Bazzar dan at-Tabrani)

Sedangkan dari ‘Uqbah ibn Amir diriwayatkan bahawa ada seorang wanita yang datang kepada Rasulullah s.a.w. seraya bertanya, “Apakah aku boleh mengerjakan haji untuk ibuku yang sudah meninggal dunia?”

Beliau menjawab, “Bagaimana menurutmu jika ibumu mempunyai hutang,

lalu engkau membayarnya. Bukankah yang demikian itu akan diterima?”

“Ya”, jawabnya.

Lalu beliau memerintahkannya untuk mengerjakan haji.

(Hadis riwayat at-Ṭabrani)

Masih diriwayatkan oleh Imam at-Ṭabrani dalam *al-Awsaṭ* dari Abu Hurairah r.a. Dia menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Orang yang menunaikan haji untuk seorang yang sudah meninggal, baginya akan mendapat pahala seperti yang diterima oleh orang yang dihajikan.”

Buraidah menuturkan bahawa ada seorang wanita yang bertanya, “Ya Rasulullah, ibuku mempunyai hutang puasa sebanyak dua bulan, apakah boleh bagiku berpuasa untuknya?”

Beliau menjawab, “Ya.”

Lebih lanjut dibertanya, “Sesungguhnya ibuku jugabelum pernah mengerjakan ibadah haji sama sekali, apakah boleh aku mengerjakannya untuknya?”

“Ya”, jawab beliau.

(Hadis riwayat Muslim)

Sedangkan dari ‘Aisyah r.a. diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Barangsiapa yang meninggal dunia sedangkan dia masih mempunyai hutang puasa, walinyalah yang harus membayar hutang puasa itu.”



Membaca al-Quran untuk Orang Mati

Para ulama telah berbeza pendapat mengenai sampainya pahala bacaan al-Quran kepada orang yang sudah meninggal dunia. Jumhur ulama dan juga ketiga imam mazhab berpendapat bahawa pahala itu sampai kepada orang yang sudah meninggal. Namun, hal itu ditentang keras oleh Imam asy-Syafie dengan menggunakan dalil berupa firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

وَأَنْ لَيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَى

Seorang manusia itu tidak memperoleh selain apa yang diusahakannya.

(Surah an-Najm: 39)

Para ulama yang menyatakan bahawa pahala tersebut sampai kepada orang yang sudah meninggal dunia menanggapi ayat tersebut di atas dengan beberapa pandangan sebagai berikut:

Pertama, ayat tersebut telah dihapus oleh ayat yang berbunyi:

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَاتَّبَعَتْهُمْ ذُرِّيَّتُهُمْ

Orang-orang yang beriman dan yang anak cucunya mengikuti mereka.

(Surah at-Tur: 21)

Kedua, ayat tersebut dikhususkan bagi kaum Ibrahim dan Musa. Sedangkan bagi umat Muhammad ini akan memperoleh apa yang diusahakannya dan yang diusahakan orang lain untuknya. Yang demikian ini adalah pendapat 'Ikrimah.

Ketiga, yang dimaksud dengan "seorang manusia" di sini adalah orang kafir. Sedangkan bagi orang mukmin adalah apa yang diusahakan oleh dirinya dan yang

dusahakan orang lain untuknya. Yang demikian ini merupakan pendapat Rabi' ibn Anas.

Keempat, seseorang tidak akan memperoleh apa pun selain yang diusahakannya melalui jalan yang telah ditetapkan kecuali yang diperoleh dari jalan keutamaan. Oleh kerana itu, boleh jadi Allah akan menambahkan baginya pahala sesuai dengan kehendak-Nya. Yang demikian ini merupakan pendapat Husain ibn Fadhal.

Kelima, lam pada kata *li al-insan* dalam ayat tersebut bererti 'ala. Pendapat ini didasarkan pada *qiyas* (analogi) pada doa, sedekah, puasa, haji dan pembebasan budak yang dikemukakan sebelumnya. Menurut pendapat ini, tidak ada perbezaan antara pemindahan pahala haji, sedekah, wakaf dan doa, dengan bacaan al-Quran. Pendapat ini juga didasarkan pada hadis-hadis yang disebutkan sebelumnya. Meskipun hadis-hadis tersebut *dha'if*, tetapi secara keseluruhan hadis-hadis tersebut memiliki sumber. Selain itu, pendapat ini juga disandarkan pada alasan bahawa kaum Muslim dari masa ke masa masih terus berkumpul untuk membacakan al-Quran bagi orang-orang yang sudah meninggal dunia di antara mereka. Yang demikian itu merupakan *ijma'*. Semua itu disampaikan oleh al-Hafiz Syamsuddin ibn 'Abdul Wahid al-Maqdisi al-Hanbali.

Al-Qurtubi mengatakan, Syeikh 'Izzuddin ibn 'Abdissalam telah mengeluarkan fatwa bahawa pahala bacaan itu tidak sampai kepada orang yang sudah meninggal dunia. Ketika dia sudah meninggal dunia, sebahagian sahabatnya bermimpi bertemu dengannya. Mereka bertanya kepadanya, "Engkau telah mengatakan bahawa pahala bacaan al-Quran itu tidak sampai kepada orang yang sudah meninggal, lalu bagaimana engkau melihat hal itu?"

Dia menjawab, "Aku mengatakan hal itu ketika masih di dunia, tetapi sekarang aku telah meninggalkannya. Aku telah melihat adanya kemurahan Allah dalam hal itu, iaini bahawa pahala tersebut sampai kepada orang yang sudah meninggal."

Al-Za'farani mengatakan, "Aku pernah bertanya kepada Imam asy-Syafie mengenai bacaan al-Quran di kubur, ternyata dia membolehkannya."

Di dalam *Syarh al-Muhadzab*, an-Nawawi mengatakan, "Disunnahkan bagi orang yang berziarah kubur untuk membaca ayat al-Quran yang mudah baginya dan mendoakan mereka seusai membacanya. Hal itu telah disahkan oleh Imam asy-Syafie."

Lebih lanjut dia menambahkan, “Jika mereka mengkhatamkan al-Quran di kubur, yang demikian itu adalah lebih afdhal.”

Sedangkan Imam Ahmad pertama kali menolak pendapat tersebut kerana tidak ada nas yang mendasarinya, tetapi setelah mendapatkan dasarnya dia pun kembali menerimanya.

Asy-Sya’bi al-Khalal berkata, “Jika salah seorang di antara kaum Ansar meninggal dunia, mereka pulang dan pergi ke kuburnya untuk membacakan al-Quran untuknya.”

Mengenai keutamaan surah al-Ikhlâs, Abu Muhammad as-Samarqandi menuturkan riwayat dari ‘Ali sebagai hadis *marfu’*. Disebutkan, “Tidaklah seseorang berjalan melintasi kubur lalu dia membaca surah al-Ikhlâs sebanyak sebelas kali, kemudian berniat memberikan pahalanya untuk orang-orang yang sudah meninggal dunia, melainkan pahalanya akan diberikan kepada beberapa orang yang sudah meninggal dunia.”

Sedangkan Abu al-Qasim Sa’ad ibn ‘Ali al-Zunjani menuturkan hadis dari Abu Hurairah. Disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Barangsiapa yang masuk ke kubur, lalu membaca surah al-Fatihah, surah al-Ikhlâs dan surah at-Takathur, kemudian berdoa, ‘Ya Allah, sesungguhnya aku berniat memberikan pahala atas apa yang aku baca ini kepada penghuni kubur yang beriman, baik lelaki mahupun perempuan’, maka mereka akan menjadi pemohon syafaat kepada Allah s.w.t. baginya.”

Al-Qadhi Abu Bakar ibn ‘Abdul Baqi al-Anşari menuturkan riwayat dari Salmah ibn ‘Ubaid. Disebutkan bahawa Hammad al-Makki pernah berkata, “Pada suatu malam, aku pernah pergi ke beberapa kubur di Makkah. Lalu aku meletakkan kepala di atas suatu kubur hingga aku tertidur. Setelah itu, aku bermimpi melihat para penghuni kubur duduk-duduk melingkar. Kemudian aku bertanya, ‘Apakah Hari Kiamat tiba?’ Mereka menjawab, ‘Tidak, hanya sahaja ada seseorang dari saudara kami yang membaca surah al-Ikhlâs dan memberikan pahalanya kepada kami.’”

‘Abdul ‘Aziz menuturkan hadis dari Anas ibn Malik r.a. Disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda, “Barangsiapa yang memasuki kubur lalu dia membaca surah Yasin, Allah akan memberikan keringanan kepada mereka

sedangkan dia akan memperoleh kebaikan sejumlah penghuni kubur yang ada di sana.”

Mengenai hadis, “Bacakanlah surah Yasin untuk orang yang meninggal dunia”, al-Qurtubi mengatakan bahawa hal ini merangkumi bacaan ketika orang akan mati atau bacaan di kuburnya.

Mengenai pendapat tersebut, penulis ingin mengatakan bahawa pendapat yang pertama (bacaan ketika orang akan mati) itu merupakan pendapat jumhur ulama, sedangkan pendapat kedua merupakan pendapat Ibn ‘Abdul Wahid al-Maqdisi.

Lebih lanjut al-Qurtubi mengatakan bahawa pernah juga dikatakan, bagi pembacanya akan mendapatkan pahala bacaan al-Quran itu sedangkan orang yang sudah meninggal akan mendapatkan pahala kerana mendengarnya. Allah s.w.t. berfirman:

وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ، وَأَنْصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٢٠٤﴾

Apabila dibacakan al-Quran, dengarkanlah baik-baik dan perhatikanlah dengan tenang agar kalian mendapat rahmat.

(Surah al-A’raaf: 204)

Selanjutnya al-Qurtubi mengatakan, “Di antara kemurahan Allah s.w.t. adalah ketidakmustahilan bagi-Nya untuk memberikan pahala bacaan al-Quran dan pahala mendengarnya sekaligus serta menyampaikan pahala yang diniatkan untuk diberikan kepada orang yang sudah meninggal, meskipun orang itu tidak mendengar; seperti sedekah dan doa.”

Al-Qurtubi mengatakan pula bahawa sebahagian ulama kita mempunyai pendapat bahawa “bacaan al-Quran di kubur itu mempunyai manfaat” berdasarkan hadis Rasulullah mengenai pelepah kurma yang dibelah oleh baginda dan ditanapkan pada dua kubur seraya bersabda, “Semoga pelepah ini akan meringankan penghuni kedua kubur tersebut selama dia belum mengering.”

Berkenaan dengan hadis tersebut, al-Khuṭabi mengatakan, “Yang demikian itu, menurut para ulama, kerana segala sesuatu - selama masih tetap hijau (belum mengering) dan masih utuh - bertasbih hingga dia mengering, berubah warnanya, atau pecah.”

Sedangkan yang lainnya berkata, “Jika tasbih yang dilakukan kedua pelepah kurma itu sahaja dapat meringankan penghuni kubur yang disebutkan dalam hadis tersebut, lantas bagaimana dengan bacaan al-Quran yang dilakukan oleh orang mukmin?”

Sementara Ibn ‘Asakir menuturkan riwayat melalui Hammad ibn Salmah dari Qatadah. Disebutkan, Abu Barzah al-Aslami menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah berjalan melintasi suatu kubur yang penghuninya sedang diazab. Beliau lalu mengambil pelepah kurma dan menanamkannya pada kubur tersebut seraya berucap, “Semoga pelepah ini dapat meringankannya selama masih basah.”

Sedangkan Abu Barzah sendiri berpesan, “Jika aku meninggal dunia, letakkanlah di atas kuburku dua pelepah kurma.”

Ketika Abu Barzah meninggal di padang pasir yang terletak di antara Karman dan Qawmis, orang-orang berkata, “Dia telah berpesan agar kami meletakkan dua pelepah kurma di atas kuburnya, padahal di tempat ini sama sekali tidak terdapat pelepah kurma. Ketika mereka sedang dalam keadaan seperti itu, tiba-tiba datang serombongan orang yang menunggang kenderaannya dengan membawa pelepah kurma. Kemudian mereka segera mengambil dua pelepah kurma darinya dan meletakkannya di atas kuburnya.”

Ibn Sa’ad menuturkan riwayat Mawriq bahawa Buraidah berwasiat agar diletakkan di atas kuburnya dua pelepah kurma.

Dalam *Tarikh Ibn an-Najjar*, terjemahan Kathir ibn Salim al-Hayti disebutkan bahawa dia berpesan agar kuburnya tidak diperbaiki jika rosak. Dia sangat menekankan amanatnya itu tersebut seraya berucap, “Sesungguhnya Allah ‘Azza wa Jalla melihat para penghuni kubur-kubur yang telah rosak, lalu Dia mengasihani mereka sehingga aku pun berharap termasuk salah satu dari mereka.”



Saat Meninggal yang Paling Baik

Ibn Mas'ud menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Barangsiapa yang waktu kematiannya bertepatan dengan berakhirnya bulan Ramadan, dia akan masuk syurga. Barangsiapa yang kematiannya bertepatan dengan berakhirnya ibadah di Arafah, dia akan masuk syurga. Barangsiapa yang waktu kematiannya bertepatan dengan berakhirnya sedekah, dia pun akan masuk syurga."

(Hadis riwayat Abu Nu'aim)

Sedangkan dari Hudzaifah diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, "Barangsiapa yang mengucapkan *La Ilaha illa Allah* kerana mengharap keredhaan Allah, yang dengannya dia mengakhiri masa hidupnya, dia akan masuk syurga. Barangsiapa yang berpuasa suatu hari kerana mencari keredhaan Allah, yang dengannya dia mengakhiri kehidupannya, dia juga akan masuk syurga. Barangsiapa yang mengeluarkan sedekah kerana mencari keredhaan Allah, yang dengannya dia mengakhiri hidupnya, dia akan masuk syurga."

(Hadis riwayat Ahmad)

Abu Nu'aim menuturkan riwayat dari Khaitamah. Disebutkan bahawa para sahabat merasa bangga jika seseorang meninggal dunia ketika dia sedang mengerjakan suatu kebaikan, baik sedang menjalankan ibadah haji, umrah, sedang berperang ataupun ketika sedang menjalani ibadah puasa Ramadan.

Aisyah r.a. berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Barangsiapa yang meninggal dunia dalam keadaan puasa, Allah akan menetapkan baginya telah berpuasa sampai Hari Kiamat kelak."

(Hadis riwayat ad-Dailami)

Sedangkan dari Jabir diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Barangsiapa yang meninggal dunia pada malam hari Jumaat atau hari Jumaat, dia akan dipelihara dari azab kubur. Pada Hari Kiamat kelak, dia akan datang sedangkan pada dirinya melekat tanda syuhada.”

(Hadis riwayat Abu Nu’aim)

Hamid, melalui Sa’ad ibn Ṭarīf al-Iskaf, menuturkan riwayat dari Abu Ja’far. Dia mengatakan, “Malam Jumaat itu mulia dan hari Jum’at juga sangat terang. Barangsiapa yang meninggal dunia pada malam Jumaat, Allah akan menetapkan baginya kebebasan dari azab kubur. Barangsiapa yang meninggal dunia pada hari Jumaat, dia akan dilindungi dari api neraka.”



Amal-amal yang Mempercepat Pelakunya Masuk Syurga

Abu Umamah menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Barangsiapa yang membaca ayat Kursi pada setiap akhir solat wajib, tidak akan ada yang mencegahnya masuk syurga hingga dia meninggal.”

(Hadis riwayat an-Nasa’i, Ibn Majah, Ibn Mardawaih dan ad-Daruqutni)

Sementara Şalşal ibn Dalhamisy menuturkannya dengan lafaz, “Barangsiapa yang membaca ayat Kursi pada setiap selesai solat, tidak akan ada pemisah antara dirinya dengan masuk syurga kecuali kematiannya. Jika sudah meninggal, dia akan masuk syurga.”



Kehancuran Jasad Manusia Selain Jasad Para Nabi

Jundab al-Bajali menuturkan, “Yang pertama kali busuk dari diri manusia adalah perutnya.”

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Sedangkan Abu Nu’aim menuturkan riwayat dari Wahab ibn Munabbih. Dia berkata, “Aku pernah membaca sebahagian buku, ‘Seandainya aku tidak menetapkan kebusukan pada tubuh mayat, nescaya manusia akan menahannya di dalam rumah mereka.’”

Zaid ibn Arqam menuturkan sebuah hadis *marfu’*. Disebutkan bahawa Allah s.w.t. berfirman, “Aku memberikan kebebasan kepada hamba-hamba-Ku dalam tiga hal:

1. Penciptaan kutu pada biji-bijian. Seandainya tidak demikian, nescaya raja-raja mereka akan menyimpannya, sebagaimana mereka menyimpan emas dan perak.
2. Berubahnya jasad setelah kematian. Kalau sahaja tidak demikian, nescaya seorang kekasih tidak akan menguburkan kekasihnya.
3. Dihilangkannya kesedihan orang. Kalau tidak demikian, nescaya dia tidak akan pernah terhibur.”

(Hadis riwayat Ibn ‘Asakir)

Ibn ‘Asakir juga menuturkan riwayat dari Abu Qilabah. Dia berkata, “Allah tidak

menciptakan sesuatu yang lebih baik daripada roh. Tidaklah roh itu dilepaskan dari sesuatu melainkan sesuatu itu akan membusuk.”

Abu Hurairah menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Tidak ada sesuatu pun dari tubuh manusia melainkan akan hancur kecuali satu tulang, iaitu tulang yang berada di bawah rusuk. Darinya makhluk akan disusun lagi pada Hari Kiamat kelak.”

(Hadis riwayat Muslim)

Masih dari Abu Hurairah, dia mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Setiap anak cucu Adam akan dimakan oleh tanah, kecuali tulang rusuk; darinya dia diciptakan dan darinya pula dia disusun kembali.”

(Hadis riwayat Muslim, Abu Daud dan an-Nasa’i)

Pensyarah Buku *al-Mawaqif* mengatakan, “Apakah Allah akan membinasakan seluruh bahagian dari anggota badan manusia dan kemudian mengembalikannya lagi, ataukah hanya sekadar memisahkannya dan mengembalikan penyusunannya setelah itu? Yang jelas, hal itu tidak ditetapkan baik di dalam al-Quran mahupun hadis sehingga tidak ada hukum mengenai hal itu kerana tidak adanya dalil yang pasti. Firman Allah, ‘*Segala sesuatu pasti binasa kecuali Allah*’, bukan dalil yang menunjukkan kebinasaan manusia sama sekali, kerana pemisahan anggota tubuh juga bererti kebinasaan. Kebinasaan itu juga bererti hilangnya sifat-sifat segala sesuatu dan susunannya. Sementara firman Allah, ‘*Semua yang ada di bumi itu akan binasa*’, juga tidak dapat dijadikan sebagai dalil kebinasaan.”

Aus ibn Aus menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, “Perbanyaklah berselawat kepadaku pada hari Jumaat kerana selawat kalian akan diperlihatkan kepadaku.” Para sahabat bertanya, “Ya Rasulullah, bagaimana selawat kami akan diperlihatkan kepadamu sedangkan engkau telah hancur binasa?” Beliau menjawab, “Sesungguhnya Allah mengharamkan bumi dari jasad-jasad para nabi.”

(Hadis riwayat Abu Daud dan al-Hakim)

Sementara Abu ad-Darda’ menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda, “Sesungguhnya tidaklah seseorang berselawat kepadaku melainkan akan diperlihatkan kepadaku selawatnya setelah selesai mengucapkannya.”

Aku bertanya, “Apakah juga setelah meninggal dunia?” Beliau menjawab, “Juga setelah meninggal dunia kerana Allah telah mengharamkan bumi untuk memakan

jasad para nabi.”

(Hadis riwayat Ibn Majah)

Malik menuturkan riwayat dari ‘Abdur Rahman ibn Abi Şaşa’ah. Dia pernah mendengar bahawa untuk ‘Amr ibn al-Jamuh dan ‘Abdullah ibn ‘Amr, keduanya dari kaum Anşar pernah dibuatkan lubang kubur di tempat mengalirnya air. Mereka ditempatkan di satu kubur. Mereka berdua termasuk orang yang mati syahid pada Perang Uhud. Kemudian kuburnya digali semula untuk dipindahkan, ternyata jasad keduanya belum berubah. Seakan-akan mereka baru meninggal dunia kelmarin. Salah seorang dari keduanya ada yang terluka, lalu tangannya diletakkan di atas lukanya tersebut dan dikebumikan dalam keadaan seperti itu. Padahal jarak antara peristiwa Perang Uhud dan penggalian semula kubur mereka itu adalah empat puluh enam tahun.

Dalam *Dala’il an-Nubuwwah*, Imam al-Baihaqi menuturkan riwayat dari Jabir sebagai hadis *mauşul*, “Lalu cangkul itu mengenai kaki Hamzah hingga keluar darah darinya.”

Ibn ‘Umar menuturkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Muazin yang mengharap pahala dari Allah adalah seperti orang yang mati syahid yang berserakkan darahnya. Jika muazin itu meninggal dunia, di dalam kuburnya dia tidak akan didatangi ulat.”

(Hadis riwayat at-Tabrani)

Sedangkan dari Mujahid, ‘Abdur Razak menuturkan bahawa para muazin itu mempunyai leher paling panjang pada Hari Kiamat kelak dan di dalam kubur, mereka tidak akan didatangi ulat.”

Jabir ibn ‘Abdillah mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Jika pembawa al-Quran itu meninggal dunia, Allah akan mewahyukan kepada bumi agar tidak memakan dagingnya. Bumi kemudian berkata, ‘Tuhanku, bagaimana aku akan memakan dagingnya sedangkan di perutnya terdapat firman-Mu?’”

(Hadis riwayat Ibn Mundah)

Al-Marwazi menuturkan bahawa Qatadah berkata, “Aku pernah mendengar bahawa bumi itu tidak akan menghimpit jasad orang yang tidak suka berbuat kesalahan.”



Beberapa Hal yang Berkaitan dengan Arwah

Mengenai pembahasan terakhir ini, penulis banyak mengambil pelbagai keterangan dari Buku *ar-Ruh*, karangan Ibn al-Qayyim.

Pertama, hadis dari Ibn Mas'ud. Ibn Mas'ud berkata:

Aku pernah bersama Nabi s.a.w. di beberapa tempat yang dalam keadaan hancur di Madinah. Beliau dalam keadaan berpaut pada pelepah kurma. Selanjutnya beliau berjalan melintasi beberapa orang Yahudi. Sebahagian orang Yahudi itu berkata kepada sebahagian yang lainnya, "Bertanyalah kepadanya tentang roh."

Sebahagian lainnya berkata, "Jangan menanyakan hal itu."

Akan tetapi, akhirnya mereka pun bertanya, "Muhammad, apakah roh itu?"

Masih dalam keadaan berpaut pada pelepah kurma sehingga aku mengira bahawa beliau sedang menerima wahyu. Beliau kemudian bersabda dengan membaca firman Allah s.w.t.:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا

Mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakanlah, "Roh itu termasuk urusan Tuhan-ku. Tidaklah kalian diberi pengetahuan melainkan hanya sedikit.

(Surah al-Israa': 85)

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Mengenai roh ini, terdapat dua kelompok iaitu:

1. Kelompok yang sama sekali tidak mahu berbicara mengenai roh ini kerana roh merupakan salah satu rahasia Allah. Pengetahuan mengenai hal tersebut sama

sekali tidak diberikan kepada manusia. Inilah kelompok yang mungkin lebih tepat dipilih.

Al-Junaid berkata, “Roh merupakan suatu hal yang pengetahuannya hanya dimiliki oleh Allah, sehingga tidak seorang pun mengetahuinya. Tidak diperbolehkan bagi seorang pun dari hamba-Nya untuk mengkajinya lebih dari sekadar bahwa roh itu memang ada.”

Yang demikian ini merupakan pendapat Ibn ‘Abbas dan kebanyakan ulama salaf. Ibn ‘Abbas sendiri telah memastikan diri untuk tidak menafsirkan roh.

Dari ‘Ikrimah, Ibn Abi Hatim menuturkan bahwa Ibn ‘Abbas pernah ditanya mengenai roh. Dia menjawab, “Roh itu merupakan urusan Tuhan. Janganlah kalian menakwilkan masalah ini, jangan menambah atau menguranginya. Katakanlah seperti yang difirmankan oleh Allah dan diajarkan kepada Nabi-Nya:

﴿٨٥﴾ وَمَا أُوتِئْتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا

Tidaklah kalian diberi pengetahuan melainkan hanya sedikit.”

(Surah al-Israa’: 85)

Ibn Jarir dengan *sanad mursal*, menuturkan bahwa ketika ayat tersebut turun, orang-orang Yahudi mengatakan, “Demikianlah kami memandangnya.”

Lalu aku bertanya, “Jika masalah roh ini tidak diterangkan oleh Allah s.wt. di dalam al-Quran dan Taurat serta tidak diberitahukan kepada makhluk-Nya, lantas dari mana orang-orang yang mendalami masalah ini akan melihat hakikat roh itu?”

Sementara Abu al-Qasim al-Qusyairi as-Sa’adi di dalam *al-Idhah* mengemukakan bahwa para ahli falsafah menahan diri untuk tidak membicarakannya seraya berkata, “Roh merupakan masalah yang tidak dapat dijangkau oleh indera kita, tidak juga dapat dijangkau oleh akal kita.”

Dikatakan bahwa terbatasnya ilmu manusia terhadap masalah roh ini sama seperti terbatasnya ilmu mereka terhadap rahsia takdir. Ibn Baṭṭal mengatakan, “Hikmah dari semua itu adalah penyedaran manusia akan kelemahan mereka mengetahui apa yang ada di luar kemampuan mereka, sehingga mereka terpaksa mengembalikan pengetahuan masalah roh ini kepada Allah s.wt.”

Sedangkan al-Qurtubi mengatakan, “Hikmah dari semua itu adalah penampakan kelemahan diri seseorang kerana dia tidak mampu mengetahui hakikat rohnya sendiri padahal keberadaannya sudah pasti. Dengan demikian, terlihat jelas ketidakmampuan mereka untuk mengetahui hakikat Allah s.w.t.”

2. Kelompok yang membicarakan masalah roh ini sekaligus mengkaji hakikatnya.

Imam an-Nawawi mengatakan, bahawa di antara pendapat yang lebih tepat mengenai masalah roh ini adalah apa yang dikatakan oleh Imam al-Haramain. Disebutkan, “Roh itu berwujud jasad yang sangat lembut yang bercampur dengan badan yang kasar, dengan analogi percampuran antara air dengan tongkat berwarna hijau.”

Kedua, di kalangan kelompok pertama sendiri masih terdapat perbezaan pendapat, apakah roh itu diberitahukan kepada Nabi s.a.w. ?

Di dalam tafsirnya, Ibn Abi Hatim menerima berita dari Abu Syaikh yang bersumber dari Abu Usamah. Usamah menerimanya dari Şalih ibn Hibban yang berasal dari Abdullah ibn Buraidah. Dia mengatakan, “Nabi s.a.w. sendiri telah dicabut rohnya, tetapi baginda sama sekali tidak mengetahui rohnya sendiri.”

Sedangkan satu kelompok dari mereka berpendapat bahawa Nabi s.a.w. mengetahui dan melihatnya, tetapi tidak diperintahkan untuk memperlihatkan kepada umatnya.

Ketiga, majoriti kaum Muslim berpendapat bahawa roh itu berwujud jasad. Itulah yang ditunjukkan oleh al-Quran dan hadis serta ijma' para sahabat. Beberapa ayat al-Quran dan hadis menyebutkan adanya pencabutan, penahanan, pengiriman, penerimaan, pemasukan, pengeluaran, pemberian nikmat dan azab, serta pemindahan; juga makan dan minum, pulang dan pergi, hinggap, berbicara dan lain-lain yang menunjukkan sifat jasad. Sedangkan hal yang tidak berjasad sama sekali tidak mempunyai sifat seperti itu.

Al-Ustaz al-Qusyairi mengatakan, “Keberadaan roh yang berjasad lembut itu sama seperti keberadaan para malaikat dan syaitan yang juga berjasad lembut.”

Keempat, yang benar adalah bahawa roh dan jiwa itu merupakan suatu hal yang sama. Allah s.w.t. telah berfirman:

يَا أَيُّهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٢٧﴾ ارْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَةً ﴿٢٨﴾

Wahai jiwa yang tenang, kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang puas lagi diredhai-Nya.

(Surah al-Fajr: 27-28)

Demikian juga firman-Nya:

وَنَهَى النَّفْسَ عَنِ الْهَوَىٰ ﴿٤٠﴾

Menahan diri dari keinginan hawa nafsunya.

(Surah an-Nazi'at: 40)

Sebahagian Ahlus Sunah mengatakan, bahawa roh yang dicabut itu bukanlah jiwa. Hal itu diperkuat dengan apa yang diriwayatkan Ibn Abi Hatim dari Ibn Abbas mengenai firman Allah:

اللَّهُ يَتَوَفَّى الْأَنْفُسَ حِينَ مَوْتِهَا وَالَّتِي لَمْ تَمُتْ فِي مَنَامِهَا

Allah memegang jiwa-jiwa (orang) ketika kematiannya dan (memegang) jiwa (orang) yang belum mati pada waktu tidurnya.

(Surah az-Zumar: 42)

Mengenai ayat di atas Ibn Abbas mengatakan, “Di dalam diri manusia itu terdapat jiwa dan juga roh, yang antara keduanya seperti sinar matahari. Allah memegang jiwa tersebut ketika manusia sedang tidur dan membiarkan roh tetap bergerak dan hidup di dalam dirinya. Jika Allah hendak mematikannya, Dia akan mencabut rohnya hingga manusia itu mati. Jika Dia hendak mengakhirkan ajalnya, Dia akan mengembalikan jiwanya itu pada tempatnya di dalam dirinya.”

Muqatil mengatakan, “Manusia itu mempunyai kehidupan, roh dan jiwa. Jika manusia itu tidur, jiwanya keluar tetapi tidak berpisah dari jasad; sekadar keluar memancar seperti pancaran sinar matahari. Sedangkan kehidupan dan rohnya masih tetap berada di dalam jasadnya. Jika dia dibangunkan, jiwa itu akan kembali ke jasadnya secepat kelip mata. Jika Allah s.w.t. bermaksud mematikannya di dalam tidurnya, Dia akan memegang jiwa-jiwa yang keluar tersebut.”

Lebih lanjut Muqatil mengatakan, “Jika jiwa itu keluar dan naik ke langit, lalu dia melihat sesuatu, dia akan segera kembali ke jasad dan bertemu dengan

roh serta memberitahukan apa yang dilihatnya itu. Setelah itu, roh tersebut akan memberitahukan kepada hatinya, sehingga ketika bangun tidur dia merasa telah bermimpi melihat ini dan itu.”

Abu Syaikh dalam *al-Uzhamah* dan Ibn ‘Abdul Birr dalam *at-Tamhid*, menuturkan riwayat dari Wahab ibn Munabbih. Dia mengatakan, “Jiwa manusia itu diciptakan sama seperti jiwa binatang yang berkeinginan dan mengajak kepada kejahatan. Jiwanya itu bertempat di perut. Sedangkan manusia diistimewakan dengan roh yang tempatnya ada di dalam otak. Dengannya seseorang itu merasa malu, mengajak kepada kebaikan dan menyuruh berbuat kebaikan.”

Lalu Wahab meniup tangannya seraya berucap, “Kalian tahu, bukankah nafas ini dingin? Yang demikian itu kerana dia bahagian dari roh.”

Kemudian Wahab menghembuskan nafas panjang pada tangannya seraya berkata, “Ini panas, kerana dia bahagian dari jiwa. Perumpamaan antara keduanya sama seperti seorang suami dengan isterinya. Jika roh itu keluar menemui jiwa, jasad yang ditempatinya itu akan tidur; jika dia bangun, roh itu akan kembali pada tempatnya. Penafsiran hal itu adalah bahawa jika engkau tidur dan kemudian bangun, akan terasa seakan-akan ada sesuatu yang menolak menuju ke kepala engkau. Sedangkan perumpamaan hati itu seperti raja dan anggota badan lainnya adalah pembantunya. Jika jiwa itu menyeru kepada kejahatan, semua anggota badan akan segera bergerak, tetapi roh melarang dan mengajaknya kepada kebaikan. Jika hati yang ada di dalam diri itu beriman, dia akan menaati roh; jika kafir dia akan mengikuti jiwanya.”

Masih dari Wahab ibn Munabbih, kali ini diriwayatkan oleh Ibn Sa‘ad. Disebutkan bahawa dia mengatakan, “Allah menciptakan anak cucu Adam dari tanah dan air, lalu diberikan padanya jiwa. Dengannya mereka bangun dan duduk, mendengar dan melihat, serta takut sebagaimana binatang. Selanjutnya diberikan padanya roh. Dengannya mereka mengetahui yang benar dan yang batil, yang lurus dan yang sesat; dengannya pula mereka menghindar dan berhati-hati.”

Sedangkan Ibn ‘Abdul Birr mengatakan bahawa Abu Ishaq Muhammad ibn ‘Aşim ibn Sya‘ban berkata, “Abdur Rahman ibn al-Qasim ibn Khalid pernah mengatakan, ‘Sesungguhnya jiwa itu merupakan jasad yang diciptakan sebagaimana penciptaan manusia, sedangkan roh itu seperti air yang mengalir.’”

Pendapatnya tersebut didasarkan pada firman Allah:

اللَّهُ يَتَوَفَّى الْأَنْفُسَ حِينَ مَوْتِهَا وَالَّتِي لَمْ تَمُتْ فِي مَنَامِهَا

Allah memegang jiwa-jiwa (orang) ketika kematiannya dan (memegang) jiwa (orang) yang belum mati pada waktu tidurnya.

(Surah az-Zumar: 42)

Lebih lanjut dia mengatakan, “Tidakkah engkau mengetahui bahawa orang yang sedang tidur itu jiwanya dipegang oleh Allah, rohnya naik dan turun dari langit, nafasnya tetap berfungsi sedangkan jiwanya berjalan ke setiap lembah? Jiwa itu melihat seperti yang ada dalam mimpi. Jika Allah mengizinkannya kembali ke jasad, dia akan kembali hingga jasad itu berfungsi secara menyeluruh.”

Selanjutnya dia menyimpulkan, “Dengan demikian, jiwa itu berbeza dengan roh. Roh itu seperti air yang mengalir di kebun-kebun. Jika Allah hendak mematikan kebun-kebun tersebut, Dia akan menahan air tersebut agar tidak mengalirinya. Demikian juga dengan diri manusia.”

Ibn Ishaq menceritakan bahawa ‘Ubaidillah ibn Abi Ja’far mengatakan, “Jika seseorang itu telah diletakkan di pembaringan terakhirnya, bererti rohnya sudah berada di tangan malaikat yang berjalan mengiringinya. Jika diletakkan untuk disolatkan, malaikat akan berhenti. Jika dibawa ke kubur, malaikat akan mengikutinya. Jika sudah dikubur dengan tanah, Allah akan mengembalikan jiwa (nyawa)nya ke dalam jasadnya sehingga dua malaikat menyainya. Jika kedua malaikat tersebut selesai menyainya, malaikat akan mencabut jiwanya itu dari jasadnya dan melemparkannya ke tempat dia diperintahkan. Itulah tugas salah satu malaikat pembantu malaikat maut.”

Syaikh ‘Izuddin ibn ‘Abdissalam mengatakan, “Di dalam setiap jasad itu terdapat dua roh. Salah satunya adalah roh *yaqzah* (lawan dari tidur). Jika roh itu berada di dalam jasad, manusia ini dalam keadaan terjaga (tidak tidur). Jika keluar dari jasadnya, dia dalam keadaan tidur. Yang kedua adalah roh kehidupan. Jika roh itu berada di dalam jasad, seseorang akan hidup. Jika terlepas darinya, dia akan mati. Jika kembali lagi, dia akan hidup kembali. Kedua roh tersebut berada di dalam diri manusia; tidak diketahui tempatnya kecuali yang diperlihatkan oleh Allah s.w.t. Keduanya seperti dua janin yang berada di dalam perut seorang ibu.”

Sebahagian mengatakan, yang jelas adalah bahawa roh itu berada dekat dengan hati.

Sedangkan Ibn Abdissalam mengatakan, “Menurut aku, roh itu berada di dalam hati.”

Lebih lanjut dia mengatakan, “Dimungkinkan arwah-arwah itu berupa cahaya yang sangat lembut, khususnya arwah orang-orang yang beriman dan para malaikat. Berbeza dengan arwah orang-orang kafir dan syaitan.”

Mengenai roh kehidupan ini, Allah s.w.t. berfirman:

قُلْ يَتَوَفَّكُم مَّلَكُ الْمَوْتِ

Katakanlah, “Malaikat maut akan mematikan kalian.”

(Surah as-Sajdah: 11)

Sedangkan dalil yang menunjukkan adanya roh *yaqzah* dan roh kehidupan adalah firman Allah s.w.t.:

اللَّهُ يَتَوَفَّى الْأَنْفُسَ حِينَ مَوْتِهَا وَالَّتِي لَمْ تَمُتْ فِي مَنَامِهَا

Allah memegang jiwa-jiwa (orang) ketika kematiannya dan (memegang) jiwa (orang) yang belum mati pada waktu tidurnya.

(Surah az-Zumar: 42)

Pengertiannya, bahawa Allah menahan jiwa-jiwa manusia ketika sedang tidur, sementara jasadnya masih tetap hidup. Kemudian Dia menahan arwah yang kerananya menyebabkan kematiannya dan mengembalikan arwah yang lainnya yang disebut sebagai roh *yaqzah* ke jasadnya sampai pada batas ajalnya yang telah ditentukan iaitu ajal kematian. Pada saat itu, kedua arwah tersebut dicabut dari jasad dan arwah kehidupan tidak mati tetapi diangkat ke langit dalam keadaan tetap hidup. Namun arwah orang-orang kafir ditolak naik ke langit dan tidak dibukakan pintu langit untuknya. Pintu langit hanyalah terbuka bagi arwah orang-orang yang beriman sahaja sehingga arwah-arwah itu sampai kepada Tuhan alam semesta.

Pendapat yang menyatakan bahawa roh itu berada di dalam jantung merupakan pendapat yang ditekankan oleh Imam al-Ghazali dalam *al-Intiṣar*. Hal itu didasarkan pada hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Asakir dari az-Zuhri. Disebutkan bahawa Khuzaimah ibn Hakim as-Salma pernah menghadap Nabi s.a.w. pada hari

pembebasan kota Makkah. Saat itu dia menuturkan, “Ya Rasulullah, beritahukan kepadaku mengenai gelapnya malam dan terangnya siang, panasnya musim panas dan dinginnya musim dingin, keluarnya awan, juga tentang tempatnya mani orang lelaki dan mani orang perempuan, serta tempat nyawa di dalam jasad.”

Rasulullah s.a.w. kemudian bersabda, “Mengenai tempatnya jiwa (nyawa) itu adalah di dalam jantung. Jantung itu bergantung pada aliran darah. Aliran darah itu mengalir semua urat. Jika jantung itu rusak, akan terputuslah semua aliran darah.”

Hadis ini cukup panjang dan termasuk hadis *mursal*. Ibn Hajar mengatakan dalam *al-Iṣābah*, bahwa di dalam hadis tersebut terdapat keanehan (*gharib*) yang sangat banyak, sedangkan *isnad*-nya sangat *dha'if*.

Kelima, para ulama Ahlus Sunnah bersepakat bahwa roh itu makhluk (diciptakan). Tidak ada yang menentang hal itu kecuali penganut paham zindiq. Di antara ulama yang menukil kesepakatan akan kemakhlukannya adalah Muhammad ibn Naṣr al-Marwazi dan Ibn Qutaibah. Di antara dalil yang dijadikan landasan adalah hadis yang berbunyi, “Arwah itu adalah pasukan yang dipersiapkan.” Suatu yang dipersiapkan itu sudah pasti diciptakan.

Keenam, para ulama berbeza pendapat mengenai mana yang lebih dahulu diciptakan, arwah atau jasad. Mengenai hal ini terdapat dua pendapat yang masyhur:

1. Pendapat yang menyatakan bahwa arwah itu diciptakan lebih awal daripada jasad. Demikian pendapat yang dilontarkan oleh Imam Muhammad ibn Naṣr dan Ibn Hazm. Dalam hal itu mereka mendasarkannya pada hadis yang diriwayatkan Ibn Mundah dari ‘Amr ibn Anbasah sebagai hadis *marfu’* yang berbunyi, “Sesungguhnya Allah menciptakan arwah manusia ini sebelum penciptaan jasad mereka dengan jarak dua ribu tahun. Yang saling berkenalan akan semakin erat, yang bertentangan akan saling menjauh.”

(*Sanad* hadis ini sangat lemah)

Selain itu, mereka juga mendasarkannya pada hadis-hadis mengenai penciptaan anak cucu Adam dari tulang rusuknya. Di antaranya adalah, “Ketika Allah menciptakan Adam, Dia mengusap punggungnya, lalu darinya berjatuhan setiap roh anak cucunya sampai Hari Kiamat.”

(Hadis riwayat al-Hakim dari Abu Hurairah)

Juga hadis yang diriwayatkan al-Hakim dari 'Ubai ibn Ka'ab mengenai firman Allah: *Ingatlah ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka.* 'Ubai ibn Ka'ab mengatakan, "Allah mengumpulkan mereka semua pada hari itu. Semuanya akan tetap hidup sampai Hari Kiamat. Kemudian Dia menjadikan mereka sebagai arwah, membentuk dan menjadikan mereka dapat berbicara, yang selanjutnya mengambil kesaksian mereka bahawa Allah adalah Tuhan mereka."

2. Arwah itu diciptakan setelah jasad. Pendapat ini didasarkan pada firman Allah:

هَلْ أَتَى عَلَى الْإِنْسَانِ حِينٌ مِّنَ الدَّهْرِ لَمْ يَكُن شَيْئًا مَّذْكُورًا ﴿١﴾

Bukankan telah datang kepada manusia suatu masa, sedangkan dia ketika itu belum merupakan sesuatu yang dapat disebut?

(Surah al-Insaan: 1)

Disebutkan bahawa jasad itu sudah ada empat puluh tahun sebelum ditiupkan roh ke dalamnya.

Hal di atas juga didasarkan pada hadis yang diriwayatkan dari Ibn Mas'ud, "Sesungguhnya salah seorang di antara kalian berkumpul di dalam rahim ibunya selama empat puluh hari, lalu menjadi segumpal darah seperti itu, kemudian menjadi segumpal daging. Kemudian diutus kepadanya malaikat yang diperintahkan empat hal dan selanjutnya ditetapkan baginya rezeki, ajal, amalnya dan nasibnya - apakah akan sengsara atau bahagia."

Berkenaan dengan hal itu, penulis dapat memberikan jawapan bahawa ada perbezaan waktu antara peniupan roh ke dalam jasad dan penciptaan jasad itu sendiri. Roh telah diciptakan jauh sebelum jasad dan dimasukkan ke jasad setelah jasad itu dibentuk oleh malaikat.

Ketujuh, para penganut agama, baik kaum Muslim mahupun yang lainnya berpendapat bahawa roh itu masih tetap ada setelah kematian. Akan tetapi, pendapat itu ditentang oleh para ahli falsafah. Dalil yang menjadi landasannya adalah firman Allah:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ

Setiap yang berjiwa itu akan merasakan mati.

(Surah Ali 'Imran: 185)

Orang yang merasakan sesuatu itu pasti akan tetap ada setelah itu.

Sementara dalil-dalil dari al-Quran dan hadis yang telah dikemukakan sebelumnya dalam buku ini adalah mengenai kekalnya roh dan sebagainya.

Berdasarkan hal di atas timbul pertanyaan, apakah pada Hari Kiamat kelak roh itu akan mengalami kebinasaan dan kemudian dikembalikan seperti semula sebagaimana yang terlihat pada lahiriah firman Allah: *Semua yang ada di bumi ini akan binasa?* Selanjutnya ada pengkhususan seperti yang terdapat pada firman-Nya: *Kecuali mereka yang dikehendaki oleh Allah.*

Kedua pendapat tersebut dikemukakan oleh as-Subki dalam tafsirnya yang diberi nama *ad-Durr an-Nazhim*. Berkenaan dengan hal di atas, as-Subki mengatakan, "Yang lebih mendekati kebenaran adalah bahwa roh itu tidak hancur binasa dan termasuk yang dikhususkan."

Dalam *ar-Ruh* karangan Ibn al-Qayyim disebutkan, bahwa ada perbezaan pendapat mengenai apakah roh itu mati bersamaan dengan badan ataukah kematian itu hanya bagi jasad sahaja?

Mengenai hal ini terdapat dua pendapat. Akan tetapi yang lebih tepat, jika yang dimaksudkan adalah merasakan kematian, bererti perpisahan roh dari jasad; sementara jika yang dimaksudkan adalah pembinasaan roh itu bersama dengan jasad, yang demikian itu sama sekali tidak benar.

Ibn 'Asakir dalam *Tarikh Dimasyq*, yang disandarkan pada Muhammad ibn Wadhah, salah satu imam penganut mazhab Maliki mengatakan, "Aku pernah mendengar Sahnun ibn Sa'id yang ketika diceritakan kepadanya mengenai seseorang yang berpendapat bahwa arwah itu akan mati dengan kematian jasad, dia mengatakan, 'Semoga kita dilindungi Allah, yang demikian itu adalah pendapat ahli bid'ah.'"

Kelapan, terdapat perbezaan pendapat mengenai sabda Rasulullah s.a.w. yang berbunyi, "Arwah itu adalah pasukan yang dipersiapkan. Yang saling berkenalan akan semakin erat, yang bermusuhan akan saling menjauh."

Dikatakan, hadis tersebut sebagai isyarat yang menunjukkan makna perbezaan antara kebaikan dan keburukan, pembangunan dan keroakan. Dengan demikian, perkenalan arwah itu berdasarkan pada perangai yang dimilikinya, baik atau buruk. Jika seiring maka arwah itu akan saling berkenalan, jika bertentangan maka arwah akan saling berjauhan.

Ada juga yang mengatakan bahawa maksud hadis di atas adalah pemberitahuan mengenai permulaan penciptaan, iaitu bahawa arwah-arwah itu diciptakan jauh sebelum jasad dengan jarak dua ribu tahun; arwah dan jasad itu saling bertemu dan saling melihat.

Ibn'Asakir menuturkan riwayat dari Haram ibn Hayyan, "Aku pernah mendatangi Uwais al-Qarni, lalu aku mengucapkan salam kepadanya. Sebelumnya aku belum melihatnya dan dia belum pernah melihatku, kemudian dia berkata kepadaku, 'Wa'alaik as-salam, ya Haram ibn Hayyan.' Aku bertanya, 'Dari mana engkau mengetahui namaku dan nama ayahku, padahal aku belum pernah melihatmu dan engkau pun belum pernah mengenalku sebelum ini?' Dia menjawab, 'Rohku telah mengetahui rohmu. Jiwaku pernah berbicara dengan jiwamu, sesungguhnya arwah itu mempunyai nafas sebagaimana nafasnya jasad. Sesungguhnya orang-orang yang beriman saling berkenalan antara yang satu dengan yang lainnya.'"

Sementara aṭ-Ṭusi dalam *'Uyun al-Akhyar* menuturkan riwayat dari 'Aisyah r.a. Disebutkan sebagai berikut:

Ada seorang perempuan di Makkah yang menemui wanita-wanita Quraisy dan membuat mereka tertawa. Ketika wanita itu berhijrah ke Madinah, dia menghadapku lalu aku bertanya, "Di mana engkau singgah?"

Dia menjawab, "Singgah di rumah si fulan, seorang wanita yang tertawa di Madinah."

Kemudian Rasulullah s.a.w. masuk seraya bertanya, "Apakah si fulan tertawa untuk kalian?"

"Ya", jawabku.

"Di rumah siapa engkau singgah?" tanya beliau.

"Di rumah si fulan yang tertawa kepadaku."

Beliau pun berkata, “Alhamdulillah, sesungguhnya arwah-arwah itu merupakan pasukan yang dipersiapkan, yang saling berkenalan akan semakin erat dan yang saling bertentangan akan semakin berjauhan.”

Kesembilan, Ibn al-Qayyim mengatakan, “Jika ditanyakan, dengan apa arwah-arwah itu saling berbeza setelah berpisah dari jasad sehingga mereka saling berkenalan atau berjauhan? Apakah arwah-arwah itu wujud dalam satu bentuk tertentu?”

Jawapan atas pertanyaan tersebut didasarkan pada kaedah Ahlus Sunnah bahawa arwah itu merupakan zat yang berdiri sendiri, naik dan turun, berhubungan dan berpisah, pulang dan pergi, bergerak dan diam. Mengenai hal itu terdapat dalil yang jumlahnya lebih dari seratus dalil. Di antaranya adalah firman Allah s.w.t.:

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا ﴿٧﴾

Jiwa serta penyempurnaan (ciptaannya)

(Surah asy-Syams: 7)

Dalam ayat di atas, Allah s.w.t. memberitahukan bahawa jiwa itu disempurnakan. Sebagaimana Dia juga berfirman mengenai jasad dalam surah yang lain:

الَّذِي خَلَقَكَ فَسَوَّاكَ فَعَدَلَكَ ﴿٧﴾

Yang telah menciptakan kamu, lalu menyempurnakan kejadianmu serta menjadikan (susunan tubuh)mu seimbang

(Surah al-Infitar: 7)

Allah menyempurnakan badan manusia sebagai tempat bagi jiwanya, kemudian penyempurnaan badan itu mengikuti penyempurnaan jiwa. Dari sini diketahui bahawa jiwa itu mengambil bentuk sesuai dengan badan yang ditempatinya. Antara satu jiwa dengan yang lainnya saling berbeza, kerana jiwa itu terpengaruh dan termotivasi oleh badan, sebagaimana badan terpengaruh oleh jiwa itu sendiri. Ba dan itu akan memperoleh kebaikan dan juga keburukan dari jiwa tersebut, sebagaimana jiwa juga memperoleh keduanya dari badan.

Lebih lanjut dia mengatakan, perbezaan antara jiwa itu semakin nampak setelah keterpisahannya dari badan daripada perbezaan badan itu sendiri. Sedangkan persamaan antara jiwa jauh lebih sedikit dibandingkan dengan persamaan antara

badan kerana seperti yang diketahui bersama bahawa badan manusia ini banyak sama dan serupa.

Oleh kerana itu, engkau dapat menemukan dua orang bersaudara kandung yang kembar dalam penciptaan badannya tetapi antara jiwa keduanya terdapat perbezaan yang jelas dan nyata. Di sisi lain, engkau tidak melihat wujud badan yang buruk dan bentuk yang kurang bagus melainkan badan itu terdiri dari jiwa yang sama dengan keadaan badannya. Sebaliknya, engkau juga tidak menemukan badan yang bagus dan bentuknya yang indah melainkan roh yang ada pada badan itu sesuai dengannya.

Imam al-Ghazali menyebutkan bahawa roh orang mukmin itu berbentuk seperti lebah, sedangkan roh orang kafir berbentuk seperti belalang. Pendapat seperti itu sama sekali tidak diketahui sumbernya. Mengenai bentuk roh ini, ada sebuah hadis yang menyebutkan bahawa Israfil akan memanggil para arwah, lalu seluruh arwah mendatanginya; arwah kaum Muslim memancarkan cahaya, sedangkan arwah selain mereka (bukan Islam) dalam keadaan gelap. Setelah itu, malaikat Israfil mengumpulkan semua arwah dan kemudian ditiupkan ke dalam sangkakala, kemudian Tuhan berfirman, “Demi kemuliaan-Ku, agar setiap roh kembali ke jasadnya masing-masing.”

Setelah itu, arwah-arwah itu keluar dari sangkakala dalam keadaan seperti lebah yang memenuhi langit dan bumi. Selanjutnya setiap arwah mendatangi jasadnya masing-masing, lalu masuk ke dalamnya dan berjalan seperti jalannya racun yang ada dalam sengatan.

Perumpamaan roh seperti lebah yang dikemukakan oleh al-Ghazali itu tidak serupa dengannya dalam wujud dan bentuknya, tetapi dalam hal keluarnya arwah dari sangkakala sahaja. Hal yang sama seperti itu terdapat dalam firman Allah s.w.t.:

يَخْرُجُونَ مِنَ الْأَجْدَاثِ كَأَنَّهُمْ جَرَادٌ مُّنتَشِرٌ ﴿٧﴾

Mereka keluar dari kubur seakan-akan mereka belalang yang berterbangan.

(Surah al-Qamar: 7)

Menurut penafsiran Juwaibir disebutkan, “Arwah orang-orang yang beriman itu datang dari Jabiyah, sedangkan arwah orang-orang kafir datang dari sumur

Barhaut.”

Arwah pada hari itu ada dua warna: hitam dan putih. Arwah orang-orang yang beriman itu berwarna putih sedangkan arwah orang-orang kafir berwarna hitam.

Kesepuluh, diriwayatkan Ibn Mundah dari Ibn ‘Abbas. Dia mengatakan sebagai berikut:

Permusuhan itu masih terus ada di kalangan umat manusia sehingga roh berbantah-bantahan dengan jasad. Roh berkata kepada jasad, “Engkau yang mengerjakan.”

Jasad berkata kepada roh, “Engkau yang memerintahkan dan engkau juga yang memujuk.”

Kemudian Allah mengutus satu malaikat untuk menjadi penghalang di antara keduanya. Malaikat itu berkata kepada keduanya, “Sesungguhnya perumpamaan kalian berdua adalah seperti orang yang tidak dapat berjalan, tetapi dapat melihat; seperti orang buta yang memasuki taman, lalu orang yang tidak dapat berjalan itu berkata kepada orang yang buta, ‘Di sini aku melihat buah-buahan tetapi aku tidak dapat menjangkaunya.’ Lantas si buta mengatakan, ‘Naik ke tubuhku.’ Dia pun menaiki tubuh si buta itu dan mengambil buah-buahan tersebut. Lalu siapakah di antara mereka berdua itu yang berdosa?’ Keduanya menjawab, ‘Keduanya.’”

Kemudian malaikat itu berkata kepadanya, “Sesungguhnya kalian telah memberi keputusan atas diri kalian berdua.”

Dengan pengertian bahwa jasad itu bagi roh adalah seperti binatang tunggangan dan rohlah yang menungganginya.

Hal yang sama juga diriwayatkan oleh ad-Daruqutni dalam *al-Afrad* dari Anas ibn Malik sebagai hadis *marfu’*. Disebutkan bahwa roh dan jasad akan berbantah-bantahan pada Hari Kiamat kelak. Jasad berkata, “Kedudukanku adalah seperti batang pohon, yang berdiri dengan tidak menggerakkan tangan dan juga kaki seandainya tanpa roh.”

Roh berkata, “Sebenarnya aku hanyalah seperti angin yang kalau bukan kerana jasad, aku tidak akan dapat berbuat apa pun.”

Kemudian mereka diperumpamakan seperti orang buta dan orang yang tidak

dapat berjalan. Si buta membawa orang yang tidak dapat berjalan. Dengan matanya yang normal, orang yang tidak dapat berjalan itu menunjukkan si buta dan dengan kakinya, si buta itu membawanya.

Dalam *Zawa'id az-Zuhd*, Abdullah ibn Ahmad menuturkan riwayat tersebut dengan lafaz, “Perumpamaan jantung dan jasad itu seperti orang buta dan orang yang tidak boleh berjalan. Orang yang tidak boleh berjalan itu berkata kepada si buta, ‘Aku melihat buah tetapi aku tidak dapat menjangkaunya, kerana itu hantarkanlah aku.’ Lalu si buta membawanya ke arah buah tersebut, lalu dia memakan dan memberikannya juga kepada si buta.”

Yang demikian itu mempertegas bahawa jantung itu merupakan tempat tinggalnya roh. *Wallahu a'lam*.